FIQH SYAFII

JILID 1

HAJI IDRIS AHMAD S.H.

FIQH SYAFII

JILID 1

Sebuah kitab yang lengkap mengandungi empat bahagian terpenting dalam fikah Islam, iaitu rubu' IBADAT, rubu' MUAMALAT, rubu' MUNAKAHAT dan rubu' JINAYAT. Kitab yang disusun khusus untuk memberikan huraian yang jelas kepada setiap umat Islam terhadap fikah Islam. Suatu panduan yang tentunya amat berguna demi untuk mengatur cara hidup seharian sesuai dengan kehendak syariat Islam.

Sebuah kitab yang dihurai dan dibahaskan menurut pandangan mazhab Syafii, yang meletakkan hadith-hadith sahih sebagai teras untuk memantapkan keyakinan terhadap sesuatu amal yang dilakukan. Imam Syafii pernah berkata: "Jika hadith itu sahih maka itulah mazhabku."

ISBN 967-937-402-5 (Kulit Keras)
ISBN 967-937-200-6 (Kulit Nipis)

ISBN 967-937-200-6

9 789679 372007

PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.
KUALA LUMPUR
E-mail: pantara@tm.net.my

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

FIQH SYAFII

JILID 1

HAJI IDRIS AHMAD S.H.

PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.
KUALA LUMPUR

diterbitkan oleh
PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.
Lot UG 10-13, Upper Ground Floor, Kompleks Wilayah,
2, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 0044 Fax: 03-2691 7997
E-mail: pantara@tm.net.my

© PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.
– Hak Pengarang Terpelihara –

ISBN 967-937-420-5 (Kulit Tebal)
ISBN 967-937-200-6 (Kulit Nipis)

Cetakan Februari ... 2002
9 11 13 15 17 19 18 16 14 12 10

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PUSTAKA ANTARA SDN. BHD. terlebih dahulu.

Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia
No Ahli: 7001

Dicetak oleh:
Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.
Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16,
40000 Shah Alam, Selangor D.E.
Tel: 03-55196373 Fax: 03-55127985

ISTILAH SYAFI'IAH

Sejak dulu lagi banyak pertanyaan yang timbul mengenai istilah "Syafi'iah" terutama sekali kepada pengarang, berkenaan dengan judul buku **FIQH SYAFI'I** ini. Maka di bawah ini kita jelaskan, mudah-mudahan dapat dijadikan sebagai jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Dalam sebuah kitab yang berjudul ***Sab'ah Kutub Mufidah*** oleh Said Al-Alawy bin Ahmad As-Sagaf, halaman 59 dan 93, cetakan Mesir, dinyatakan sebagai berikut:

Al-Imam Al-Allamah Asy-Syekh Abdullah Baswadan di dalam sebuah risalahnya beliau telah berkata:

وَاعْلَمْ اَنَّ اَئِمَّتَنَا الشَّافِعِيَّةَ رِضْوَانُ اللهِ عَلَيْهِمْ لَهُمْ اِخْتِيَارَاتٌ مُخَالِفَةٌ لِمَذْهَبِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِعْتَمَدُوا الْعَمَلَ بِهَا لِتَعَسُّرٍ اَوْ تَعَذُّرِ الْعَمَلِ بِالْمَذْهَبِ وَهِيَ كَثِيْرَةٌ مَشْهُوْرَةٌ وَعِنْدَ التَّحْقِيْقِ فَهِيَ غَيْرُ خَارِجَةٍ عَنْ مَذْهَبِهِ وَذٰلِكَ اِمَّا بِالْإِسْتِنْبَاطِ اَوِ الْقِيَاسِ اَوْ لِاخْتِيَارٍ مِنْ قَاعِدَةٍ لَهُ اَوْ عَلَى قَوْلٍ لَهُ قَدِيْمٍ اَوْ لِدَلِيْلٍ صَحِيْحٍ لِقَوْلِهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: اِذَا صَحَّ الْحَدِيْثُ فَهُوَ مَذْهَبِيْ.

Ketahuilah, bahawa para imam (ulama-ulama) kita, Syafi'iah – semoga Allah memberi keredaan-Nya kepada mereka – mempunyai beberapa pilihan (fahaman) yang berlainan dengan mazhab Imam

Syafi'i. Di dalam beramal mereka berpegang dengan fahamannya sendiri kerana sukar hendak beramal dengan mengikut mahzab. Hal ini banyak sekali lagi masyhur. Tetapi pada hakikatnya, fahaman itu tidak menyimpang daripada mazhabnya. Perkara ini boleh berlaku adalah adakalanya sebab berdasarkan istimbat atau qias, atau kerana memilih sesuatu kaedahnya (kaedah Usul Fiqh) atau berpegang dengan Qaul Qadimnya, ataupun kerana ada dalil (hadis) yang sahih sesuai dengan ucapannya: ***Apabila hadis itu sahih maka itulah mazhabmu.***

Dapatlah difahami, bahawa pengertian **Syafi'iah** ialah; *Ulama-ulama pengikut Imam Syafi'i,* yang mereka kadang-kadang menyimpang daripada mazhab Syafi'i apabila dalam keadaan darurat, misalnya dalam masalah yang tidak dapat dijumpai dalil nasnya sama ada dalam Al-Quran atau hadis, sedangkan Imam Syafi'i telah menetapkan hukum haram atau wajib atau makruh berdasarkan dengan ijtihadnya sendiri. Bagi ulama Syafi'iah sendiri kadang-kadang merasa berat bagi mereka untuk menerima dan susah untuk mengamalkan dengan ketetapan Imam Syafi'i tersebut. Dalam hal ini, kadang-kadang ulama Syafi'iah berpindah kepada pendapat lain yang boleh diterima oleh fikiran mereka dan mudah untuk diamalkan.

Pun begitu, dalam istimbat hukum, kadang-kadang Imam Syafi'i mengambil fahaman dari umum hadis untuk menetapkan hukum sunat, makruh dan hukum-hukum lainnya, sedangkan para ulama Syafi'iah mengambil fahaman hadis yang mentakhsiskan umum faham hadis itu sesuai dengan kaedah Usul Fiqh: *Menerapkan Mathum Yang Am kepada Mathum Yang Khas.*

Demikianlah antara lain istilah Syafi'iah dan pengertiannya yang dijadikan judul buku ini, mudah-mudahan para pembaca dapat memahami istilah ini. Sebenarnya di dalam kitab yang berjudul Sab'ah Kutub Mufidah banyak sekali contoh-contoh penyimpangan tersebut apabila dalam keadaan darurat, tetapi di sini kita hanya dapat memberikan satu pengertian saja, diharap para pembaca tidak terkeliru dalam kefahaman.

Pengarang.

PENGANTAR CETAKAN KEDUA

Alhamdulillah, dengan segala rahmat dan taufik Allah s.w.t. dapatlah kami menghidangkan edisi buku "FIQH SYAFII" dengan wajah baru dan perbaikan-perbaikan seperlunya.

Buku "FIQH SYAFII" ini disusun oleh Al-Ustaz H. Idris Ahmad SH. (Almarhum). Beliau adalah seorang yang sudah banyak mendalami dalam bidang Agama mahupun ketatanegaraan, bahkan beliau juga banyak mengkaji tentang keempat-empat mazhab, iaitu; Mazhab Hanafi, Maliki, Hambali dan Syafii. Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau, kerana sudi menyumbangkan karya dan fikiran kepada kami demi kepentingan masyarakat Islam di seluruh tanahair.

Sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa majoriti daripada penduduk negara kita menganut Mazhab Syafii, maka kami sebagai penerbit, memandang betapa perlunya buku-buku yang berkaitan dengan mazhab Syafii. Lebih-lebih lagi pada zaman akhir-akhir ini aliran-aliran dan ajaran-ajaran sesat semakin mencabar.

Walaupun kami telahpun berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki ejaan mahupun bahasanya, agar dapat memudahkan bagi para pembaca memahaminya, tetapi kami sebagai manusia biasa tidak tertutup dari kesilapan dan kesalahan yang tidak disengajakan, maka kami mohon kepada para pembaca budiman terutama kepada para alim ulama, kiranya mendapati sebarang kesilapan atau kesalahan dalam buku ini, sudilah kiranya menyumbangkan keikhlasan hati membetulkannya. Terhadap teguran yang membangun dan saranan yang menjadikan buku ini lebih sempurna, tentulah kami menerimanya dengan senang hati, dan kami berdoa semoga amal mereka dibalas oleh Allah s.w.t.

Akhirnya, kami sebagai penerbit hanya bermohon kepada Allah Yang Maha Kuasa, mudah-mudahan buku ini dapat bermanfaat kepada seluruh umat Islam, dan usaha kami semoga diberkati oleh Allah s.w.t. Amin.

Wassalam.
Penerbit.

KANDUNGAN

Halaman

Pendahuluan Kata xix

AQIDAH DAN SYARIAT ISLAMIAH 1

1. Aqidah Islamiah (Iman) 1
2. Syariat Islamiah (Islam) 1
3. Cara Melaksanakan Dengan Ikhlas (Ihsan) 2

BAHAGIAN IBADAT 3

1. Erti Ibadat Dan Hukum Syariat 3
2. Hikmat Manusia Disuruh Beribadat 4
3. Jalan Yang Harus Dilakukan Supaya Ibadat Dapat Diterima Oleh Allah 5
4. Cara Berwuduk 6
5. Cara Sembahyang 7

BAB AGAMA ISLAM 11

1. Erti Agama Islam 11
2. Islam Merupakan Rumahtangga Yang Mudah 12

KITAB BERSUCI 14

1. Erti Bersuci Dan Hikmatnya 14
2. Air Yang Boleh Digunakan Untuk Bersuci 15
3. Yang Dimaksud Dengan Air Mutlak Dan Air Yang Dipanasi Oleh Matahari 16
4. Yang Dimaksud Dengan Air Mustakmal Dan Air Yang Berubah 18
5. Air Yang Banyak Dan Air Yang Sedikit 19

BAB NAJIS 20

1. Najis Mughallazah 20
2. Najis Mukhaffafah 21
3. Najis Mutawassitah 22

BAB BERISTINJAK 29

1. Erti Beristinjak 29
2. Beristinjak Dengan Barang Selain Air Mutlak 30
3. Keadaan Najis Yang Keluar Dan Cara Beristinjak Dengan Batu Dan Lain-lainnya 31
4. Tuntutan Beristinjak 31
5. Yang Wajib Dalam Beristinjak 32

BAB MASUK TANDAS **33**
1. Adab Masuk Ke Dalam Tandas 33
2. Adab Ketika Buang Air Dan Ketika Keluar Dari Tandas 34

BAB BERWUDUK **36**
1. Erti Berwuduk Dan Keutamaannya 36
2. Fardu Atau Rukun Wuduk 37
3. Sunat-Sunat Berwuduk 39

BAB YANG MEMBATALKAN WUDUK **45**
1. Hadas Kecil 45
2. Yang Diharamkan Ketika Berhadas Kecil 51
3. Hadas Besar 55
4. Tanda Baligh 57
5. Jumlah Hari Haid Dan Warna Darahnya 58
6. Darah Istihadhah Dan Cara Mengerjakan Sembahyang .....
7. Darah Haid Yang Putus-Putus Datangnya .....
8. Hal-Hal Yang Diharamkan Ketika Junub 63
9. Hal-Hal Yang Diharamkan Ketika Haid dan Nifas 64
10. Qada Sembahyang Dan Puasa Bagi Wanita Haid dan Nifas 67

BAB MANDI **67**
1. Erti Mandi 67
2. Fardu Mandi Haid Dan Mandi Junub 68
3. Cara Mandi Dan Mandi Junub 69
4. Sunat-Sunat Mandi 70
5. Jenis-jenis Mandi Yang Disunatkan 72

BAB MENYAPU KASUT **74**
1. Erti Menyapu Kasut 74
2. Syarat-Syarat Sah Menyapu Kasut 75

BAB TAYAMUM **76**
1. Erti Bertayamum 76
2. Syarat Sah Bertayamum 76
3. Cara-Cara Bertayamum 78

BAB MASJID **79**
1. Erti Masjid 79
2. Masjid Taqwa Dan Masjid Dirar 79

3. Keutamaan Membangun Masjid 81
4. Hukum Mendirikan Masjid Di Atas Kuburan 81
5. Hukum Haram Jual Beli Dalam Masjid 83
6. Hukum Makruh Mengukir Masjid 83
7. Hukum Wajib Membersihkan Masjid 84
8. Adab Masuk Ke Dalam Masjid 84
9. Keutamaan Masjidilharam Mekah Dan Masjid Nabawi Di Madinah 86

KITAB SEMBAHYANG 86
1. Sembahyang Itu Dapat Menghapuskan Dosa 86
2. Hikmat Sembahyang 87

BAB AZAN DAN IQAMAT 89
1. Erti Azan Dan Iqamat 89
2. Lafaz Azan Dan Iqamat 90
3. Yang Disunatkan Ketika Azan 92
4. Mengikuti Bacaan Orang Yang Azan 95
5. Doa Sesudah Azan 97
6. Siapa Yang Azan, Dialah Yang Iqamat 98
7. Mengazankan Bayi Yang Lahir 99

BAB MENGAMBIL SITRAH 100
1. Erti Sitrah 100
2. Gunanya Sitrah Diadakan 101
3. Menolak Orang Lalu Lalang Di Depan Sitrah 102

BAB WAKTU UNTUK SEMBAHYANG 103
1. Sembahyang Ibadat Yang Ditentukan Waktunya ... 103
2. Tuntutan Wajib Sembahyang Mulai Dari Awal Waktu 106
3. Waktu Yang Makruh Mengerjakan Sembahyang 107
4. Sembahyang Adak dan Qada 108

BAB SYARAT WAJIB SEMBAHYANG 109
1. Syarat-Syarat Wajib Sembahyang 109
2. Syarat-Syarat Sah Mengerjakan Sembahyang 111
3. Hikmat Menutup Aurat 117
4. Hikmat Mengadap Ke Kiblat 118
5. Meninggalkan Kiblat 119

BAB YANG DISUNATKAN DALAM SEMBAHYANG 142
1. Doa Iftitah 145
2. Membaca Surah Sesudah Membaca Fatihah 152

3. Yang Wajib Bagi Makmum Hanya Fatihah Sahaja .. 156
4. Surah-Surah Yang Dibaca Dalam Sembahyang Jumaat 157
5. Bacaan Apabila Bertemu Dengan Ayat Rahmat, Azab, Tasbih Atau Contoh 158
6. Membaca Surah Dalam Kedua Rakaat Sembahyang Fajar 160
7. Bacaan Ketika Bangkit Dari Rukuk 161
8. Jangan Menderum Ketika Hendak Sujud 164
9. Menggerakkan Telunjuk Ketika Membaca Tasyahud 170
10. Sunat-Sunat Ketika Membaca Salam 173

BAB QUNUT 175

1. Erti Qunut 175
2. Qunut Nazilah 175
3. Qunut Witir 177
4. Qunut Subuh 178
5. Doa Untuk Qunut Dan Mengangkat Tangan 182

BAB YANG MAKRUH DALAM SEMBAHYANG 184

BAB YANG MEMBATALKAN SEMBAHYANG 188

BAB MEMBERITAHUKAN IMAM DALAM SEMBAHYANG 191

BAB MACAM SUJUD 191

1. Sujud Sahwi 191
2. Sujud Tilawat 195
3. Sujud Syukur 198

BAB SEMBAHYANG BERJAMAAH 199

1. Hukum Sembahyang Berjamaah 199
2. Hikmat Sembahyang Berjamaah 200
3. Keutamaan Sembahyang Berjamaah 201
4. Berjamaah Di Masjid Lebih Utama Dari Di Rumah 202
5. Sekurang-Kurang Berjamaah 203
6. Sembahyang Berjamaah Bagi Kaum Perempuan 204
7. Keutamaan Berjamaah Dalam Sembahyang Isyak dan Subuh 205

8. Uzur-Uzur Yang Menghilangkan Tuntutan Sembahyang Berjamaah 207
9. Berjalan Tenang Pergi Berjamaah 210

BAB HUBUNGAN ANTARA IMAM DAN MAKMUM 211

1. Syarat-Syarat Sah Mengikut Imam 211
2. Tempat Imam Tidak Boleh Lebih Tinggi Dari Makmum .....
3. Yang Disunatkan Dalam Melakukan Sembahyang Berjamaah 216
4. Mengatur Saf 219
5. Orang Yang Lebih Berhak Menjadi Imam 220
6. Orang Yang Makruh Menjadi Imam 223
7. Hukum Makmum Yang Jadi Muwafiq Atau Masbuq 224
8. Imam Hendaklah Membaca Surah Yang Agak Pendek 226
9. Menggantikan Imam Bila Imam Ada Halangan 227
10. Mengulang Sembahyang Untuk Orang Yang Baru Datang 229

BAB SEMBAHYANG QASAR DAN JAMAK 230

1. Sembahyang Qasar 230
2. Jarak Jauh Perjalanan Yang Boleh Sembahyang Qasar 231
3. Batas Masa Jadi Musafir 234
4. Sembahyang Jamak 236
5. Uzur-Uzur Yang Membolehkan Jamak Sembahyang 236
6. Mengerjakan Jamak Taqdim Bagi Orang Yang Hendak Berjalan Jauh 239
7. Syarat Jamak Taqdim dan Jamak Takkhir 239
8. Boleh Jamak Dan Qasar Dalam Perjalanan Jauh 241

BAB SEMBAHYANG JUMAAT 242

1. Hukum Sembahyang Jumaat 242
2. Sembahyang Jumaat Hanya Dua Rakaat 243
3. Syata-Syarat Sah Mendirikan Jumaat 244
4. Sembahyang Jumaat Bagi Orang Yang Jauh Tinggal Di Desa 246
5. Hanya Satu Rakaat Sembahyang Jumaat Yang Wajib Bersama Imam 246

BAB KHUTBAH JUMAAT 247
1. Syarat Khutbah Jumaat 247
2. Rukun Khutbah 248
3. Wasiat Bertakwa Kepada Allah 251
4. Sunat-Sunat Khutbah 252

BAB AZAN JUMAAT 255

BAB SUNAT-SUNAT SEBELUM JUMAAT DAN KEUTAMAAN HARI JUMAAT 258
1. Pekerjaan Sunat Sebelum Pergi Jumaat 258
2. Keutamaan Hari Jumaat 263
3. Bertepatan Dua Hari Raya Dengan Hari Jumaat ... 266
4. Hukum Meninggalkan Sembahyang Jumaat 269

BAB ZIKIR SESUDAH SEMBAHYANG 271

BAB SEMBAHYANG WAKTU TAKUT 273
1. Macam-Macam Sembahyang Takut 274
2. Musuh Di Arah Kiblat 275
3. Musuh Di Arah Selain Kiblat 277
4. Melepaskan Senjata Dari Tangan Ketika Ada Uzur . 281

BAB SEMBAHYANG TATAWWUK 281
1. Erti Sembahyang Tatawwuk 281
2. Pembahagian Sembahyang Sunat 282
3. Sembahyang Sunat Selain Sunat Rawatib 283

BAB SEMBAHYANG DUA HARI RAYA 283
1. Tempat Menunaikan Dua Sembahyang Hari Raya .. 284
2. Tidak Disunatkan Azan Dan Iqamat Pada Dua Sembahyang Hari Raya 285
3. Sunat-Sunat Pada Dua Sembahyang Hari Raya 287
4. Kalimat-Kalimat Takbir Pada Dua Sembahyang Hari Raya 292

BAB SEMBAHYANG MINTA HUJAN 293
1. Cara-cara Yang Dilakukan Untuk Minta Hujan 293
2. Keluar Bersama Anak-Anak, Orang Tua Dan Binatang Ternak Ke Tanah Lapang 295
3. Khutbah Sembahyang Istiqak (Minta Hujan) 297
4. Membalikkan Serban Atau Songkok 298
5. Doa Istisqak (Minta Hujan) 299
6. Membalikkan Dua Telapak Tangan 300

BAB SEMBAHYANG GERHANA 300
1. Erti Gerhana 300
2. Cara Mengerjakan Sembahyang Gerhana 301
3. Macam-macam Cara Mengerjakan Sembahyang Gerhana 303
4. Menjaharkan Dalam Sembahyang Gerhana Bulan . 304
5. Khutbah Sesudah Sembahyang Gerhana 305

BAB SEMBAHYANG TARAWIH 306
1. Erti Sembahyang Tarawih Dan Keutamaannya 306
2. Bilangan Rakaat Sembahyang Tarawih 308
3. Dalil-Dalil Untuk Menetapkan Jumlah Rakaat Sembahyang Tarawih 309

BAB SEMBAHYANG SUNAT RAWATIB 310
1. Sunat Zuhur 311
2. Sunat Asar 311
3. Sunat Maghrib 312
4. Sunat Isyak 313
5. Sunat Subuh 314

BAB SEMBAHYANG SUNAT SELAIN RAWATIB 315
1. Sunat Witir 315
2. Sekurang-kurang Dan Sebanyak-banyaknya Witir .. 317
3. Sembahyang Witir Tidak Boleh Diserupakan Dengan Sembahyang Maghrib 318
4. Surah Yang Dibaca Dalam Sembahyang Witir 319
5. Sembahyang Malam 320
6. Sunat Qabliyah dan Bakdiyah Jumaat 322
7. Sunat Tahiyat Masjid 324
8. Sunat Sesudah Berwuduk 325
9. Sunat Duha 326
10. Sunat Istikharah 327
11. Sunat Hajat 329
12. Sunat Taubat 329

KITAB JENAZAH 330
1. Erti Jenazah 331
2. Memandikan Mayat 332
3. Cara Memandikan Mayat 333
4. Mayat Orang Yang Haram Disembahyangkan Dan Dimandikan 335

5. Pembahagian Syahid Dan Soal Mati Membunuh Diri 337
6. Mengafani Mayat 338

BAB SEMBAHYANG JENAZAH 339

1. Keutamaan Banyak Menyembahyangkan Jenazah ... 339
2. Cara-Cara Menyembahyangkan Jenazah 340
3. Mengangkat Dua Tangan Dalam Takbir Sembahyang Jenazah 344
4. Sembahyang Ghaib 345
5. Menyembahyangkan Jenazah Bayi Yang Mati Lahir . 346
6. Menyegerakan Urusan Jenazah 347
7. Jiwa Mayat Berteriak Waktu Dibawa Ke Kubur 348
8. Erti Menyegerakan Mengurus Jenazah 349
9. Mengiringkan Mayat Ke Kuburan 349
10. Berdiri Melihat Mayat Yang Sedang Diusungkan Ke Kuburan 350

BAB TENTANG KUBURAN 351

1. Menggali Kuburan 351
2. Membuat Lubang Lahat Dan Menguburkan Mayat 351
3. Berdiri Untuk Memohonkan Keampunan Bagi Mayat Setelah Dikuburkan 354
4. Menyirami Kuburan Dengan Air 355
5. Pertanyaan Di Dalam Kubur 355
6. Hukum Haram Meratapi Mayat 359
7. Menghibur Keluarga Si Mayat 362
8. Hukum Makruh Makan-Makan Di Rumah Mayat ... 362
9. Membongkar Kuburan Dan Memindahkan Mayat .. 363
10. Larangan Memecah Tulang Mayat 364
11. Anak Dagang Yang Mati Di Rantau Dan Soal Memuji Mayat 365
12. Bacaan Ketika Mendengar Musibah 366

BAB ORANG YANG SEDANG DALAM SAKRATUL MAUT 367

1. Mengajarkan Kalimat Tauhid Kepada Orang Akan Meninggal 367
2. Berdoa Ketika Sakratul Maut 368

3. Terlihat Syurga atau Neraka Ketika Sakratul Maut . 369
4. Memperbanyak Mengingat Mati 370
5. Menziarahi Kuburan 371
6. Menghadiahkan Pahala Amal Untuk Mayat 372

BAB ZAKAT 373

1. Erti Zakat 373
2. Zakat Unta 376
3. Zakat Sapi 378
4. Zakat Biri-Biri Atau Kambing 378
5. Syarat Wajib Zakat Binatang Ternak 380
6. Zakat Pada Barang Milik Bersama 381
7. Zakat Tanam-Tanaman Dan Buah-Buahan 383
8. Zakat Emas Dan Perak 386
9. Zakat Rikaz 388
10. Zakat Perhiasan Emas dan Perak 389
11. Zakat Tijarah (Perdagangan) 391

BAB ZAKAT FITRAH 392

1. Erti Zakat Fitrah 392
2. Gunanya Zakat Fitrah 392
3. Orang Yang Wajib Mengeluarkan Zakat Fitrah 393
4. Anak Yang Lahir Sesudah Matahari Terbenam Di Akhir Bulan Ramadan 395
5. Waktu Mulainya Membayar Zakat Fitrah 396
6. Mengeluarkan Nilai Harga Zakat Fitrah 398
7. Wajib Difitrahkan Lebih Dahulu Diri Sendiri Lalu Orang Yang Jadi Tanggungjawab 399
8. Orang-Orang Yang Tidak Wajib Dibayarkan Zakat Fitrahnya 399

BAB ORANG YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT FITRAH 400

1. Orang Yang Termasuk Golongan Fakir 401
2. Orang Yang Termasuk Miskin 402
3. Orang Yang Termasuk Amil 404
4. Orang Yang Termasuk Mualaf 404
5. Orang Yang Termasuk Hamba 405
6. Orang Yang Berhutang Banyak 406
7. Yang Dimaksud Dengan Sabilillah 407
8. Yang Dimaksud Dengan Anak Sabil 408
9. Orang Yang Tidak Boleh Menerima Zakat 408

10. Hukuman Orang Yang Tidak Mahu Mengeluarkan Zakat 410
11. Rahsia Berzakat 411

KITAB BERPUASA 412
1. Erti Puasa 413
2. Yang Mewajibkan Puasa Dan Fardunya 414
3. Untuk Menetapkan Rukyatul-Hilal 415
4. Yang Membatalkan Puasa 417
5. Hukum Orang Yang Bersetubuh Di Siang Hari Bulan Ramadan 419
6. Terlupa Makan/Minum Di Siang Hari Ramadan Bagi Orang Yang Berpuasa 420
7. Macam-Macam Sunat Puasa 420
8. Macam-Macam Yang Makruh Bagi Orang Puasa 425

BAB BERBUKA PUASA 427
1. Erti Berbuka Puasa 427
2. Macam-Macam Uzur Yang Membolehkan Meninggalkan Puasa 428
3. Orang Yang Wajib Qada Puasa 430
4. Orang Yang Diwajibkan Membayar Fidyah Sahaja 430
5. Puasa Bagi Wanita Hamil Atau Yang Sedang Menyusukan Anak 432
6. Meninggalkan Puasa Tanpa Sebab Syar'i 433
7. Jumlah Hari Bulan Ramadan 434
8. Puasa Tatawwuk 435
9. Hari-Hari Yang Diharamkan Berpuasa 438
10. Hari-Hari Yang Dimakruhkan Berpuasa 439

BAB IKTIKAF 440
BAB MALAM QADAR 442
BAB KEUTAMAAN BULAN RAMADAN 444
BAB RAHSIA DAN HIKMAT BERPUASA 446
KITAB HAJI 450
1. Erti Haji 451
2. Seruan Haji Dan Keutamaannya 452
3. Haji Hanya Wajib Sekali Seumur Hidup 453
4. Mengerjakan Haji Untuk Orang Lain 453
5. Membawa Anak-Anak Pergi Haji 454
6. Naik Haji Sambil Berniaga 455

BAB IHRAM 456
1. Ihram Dengan Umrah 456
2. Mandi Sebelum Memakai Kain Ihram 457
3. Kain Yang Di Pakai Untuk Ihram 457
4. Orang Yang Tidak Mempunyai Cadar Boleh Memakai Seluar 458
5. Haram Menutup Kepala Bagi Kaum Laki-Laki Dan Wajib Bagi Kaum Wanita 459
6. Melafazkan Niat Untuk Umrah 460
7. Membaca Kalimat Talbiyah 460

BAB TAWAF 461
1. Tawaf Qudum Dan Ertinya 461
2. Cara Mengerjakan Tawaf 462
3. Sembahyang Dua Rakaat Tawaf 464
4. Perempuan Yang Haid Tidak Boleh Tawaf 464
5. Sai Antara Bukit Safa Dan Marwa 465
6. Sai Dimulai Dari Bukit Safa 466
7. Bercukur Sesudah Sai 467

BAB WUKUF 468
1. Ihram Dengan Haji Dan Erti Wukuf 468
2. Membaca Takbir, Zikir, Talbiyah Dan Doa 469
3. Waktu Mulai Wukuf 469
4. Bertolak Dari Arafah Ke Muzdalifah 470

BAB MELEMPAR JUMRAH 471
1. Erti Melempar Jumrah 471
2. Berkorban Sesudah Melempar 472
3. Boleh Memakai Kain Biasa Sesudah Melempar Jumrah 473
4. Bermalam Di Mina Selama Hari Tasyrik 473
5. Permulaan Waktu Melempar 475
6. Tawaf Ifadah 476
7. Minum Air Zamzam Dan Keberkatannya 476

BAB PEMBAHAGIAN IHRAM 477
1. Waktu Memulai Mengerjakan Haji Dan Umrah 478
2. Cara Mengerjakan Fardu Haji 478
3. Keutamaan Haji Dan Umrah 480
4. Mengerjakan Umrah Sesudah Haji 480
5. Denda Yang Wajib Waktu Haji 481

BAB RUKUN HAJI DAN UMRAH 484
1. Yang Diharamkan Bagi Orang Yang Sedang Ihram . 484
2. Binatang-Binatang Yang Halal Dibunuh Waktu Ihram 485
3. Luput Ibadat Haji Kerana Luput Wukuf Di Arafah . 485

BAB MENZIARAHI KUBURAN NABI KE MADINAH 486
1. Keutamaan Mekah Dan Madinah 486
2. Keutamaan Sembahyang Di Masjid Madinah 487
3. Tawaf Wadak 488

BAB RAHSIA DAN HIKMAT IBADAT HAJI DAN UMRAH 489
1. Rahsia Memakai Kain Ihram 489
2. Rahsia Tawaf Di Kaabah 489
3. Rahsia Mengerjakan Sai 490
4. Rahsia Wukuf Di Padang Arafah 491
5. Rahsia Melontar Jumrah Di Mina 491

BAB BERKORBAN 491
1. Erti Berkorban 491
2. Tarikh Berkorban 492
3. Tidak Sah Berkorban Dengan Binatang Yang Bercacat 494
4. Menyembelih Korban Sesudah Selesai Sembahyang Aidiladha 495
5. Umur Binatang Yang Akan Dijadikan Korban 496
6. Seekor Sapi Atau Unta Boleh Untuk Tujuh Orang Berkorban 497
7. Alat Untuk Menyembelih Haruslah Alat Yang Tajam 497
8. Sekurang-Kurang Berkorban Seekor Kambing 499
9. Keutamaan Berkorban 500
10. Tukang Sembelih Korban Tidak Boleh Mengambil Upah Dari Binatang Korban 502

BAB AKIKAH 503
1. Erti Akikah 503
2. Dua Ekor Kambing Untuk Bayi Laki-Laki Dan Seekor Kambing Untuk Bayi Perempuan 504
3. Memberi Nama Anak Dengan Nama Yang Sebaik-baiknya 505

PENDAHULUAN KATA

Buku ini tersusun selama pengalaman penulis memberikan pelajaran agama iaitu kira-kira sejak bulan Februari tahun 1949, penulis diminta mengajar di salah satu Madrasah Muhammadiyah di Jakarta. Sejak itulah timbul keinginan penulis untuk menyusun kitab ini.

Kira-kira pada pertengahan tahun 1950 penulis dipanggil kembali bekerja di pejabat kerajaan di Jakarta. Penulis terpaksa meninggalkan Madrasah memenuhi tugas Negara di bidang yang lain. Pada tahun 1951 P.J.M. Presiden Soekarno membentuk Negara Kesatuan. Maka perkembangan-perkembangan dalam segala bidang dalam negara itu kian lama kian meningkat. Terutama sekali di bidang Pendidikan Agama Islam. Pelajaran-pelajaran Agama di sekolah-sekolah kerajaan dan madrasah harus dipergiat. Maka ketika itulah bertambah kuat minat penulis menyusun buku ini, supaya dapat dipergunakan sebagai buku pelajaran Agama Islam, khsnya mengenai pelajaran Fikah Islam.

Rangka pelajaran dan bahan-bahan yang penulis ajarkan di Madrasah Muhammadiyah yang masih tersimpan dan terbengkalai, penulis lanjutkan semula. Yang menjadi kesulitan penulis, adalah kitab-kitab pegangan untuk murajaah (pedoman) tidak cukup, malah boleh dikatakan tidak ada sama sekali.

Akhirnya dapat juga diatasi dengan jalan meminjam atau datang ke rumah sahabat handai yang mempunyai kitab-kitab yang diperlukan itu. Suatu hal lagi yang menjadi kesulitan ialah tentang mazhab atau aliran yang akan diikut. Dalam masalah fikah ini ramai ulama yang bertikai, terutama sekali dalam soal-soal khilafiah yang termasyhur. Iaitu menurut Mazhab Hanafi, Maliki, Hambali, dan ada pula yang memakai Mazhab Syafii. Setelah penulis pertimbangkan berulang-ulang kali, dan setelah memohon ilham kepada Allah, penulis mendapat ketetapan fikiran untuk menyusun sebuah buku yang berpedomankan kepada Mazhab Imam Syafii. Kebetulan pula penulis seorang yang menganut Mazhab Syafii, dan di Indonesia/Malaysia pun yang banyak diikuti orang adalah Mazhab Imam Syafii.

Tak usahlah penulis menceritakan betapa pengalaman dan kesulitan yang penulis alami selama menyusu buku ini.

Akhirnya pada bulan Februari tahun 1956, dengan pertolongan Allah s.w.t. selesailah naskhah ini. Isinya lengkap dengan empat *rubu'* (bahagian), iaitu rubu' IBADAT, rubu' MUAMALAT (jual beli), rubu' MUNAKAHAT (perkahwinan) dan rubu' JINAYAT. Dan diakhiri dengan bab "ITQ" (soal memerdekakan hamba sahaya), dengan harapan mudah-mudahan Allah memerdekakan penulis pula dari siksaan api neraka yang ngeri itu.

Berhubung naskhah ini sangat tebal, maka terpaksalah dijadikan dua jilid. Jilid pertama khusus bahagian IBADAT. Sedang jilid yang kedua berisi soal MUAMALAT, MUNAKAHAT dan JINAYAT. Kerana aliran yang diikuti ialah aliran Mazhab Syafii maka buku ini dinamai beri nama Fikah Syafii. Tentu pendapat ulama-ulama lain kadang-kadang disebutkan juga, tetapi semata-mata hanya untuk meluaskan pandangan saja dalam suatu soal yang penting. Andaikata ada sesuatu soal yang keluar dari ijtihad Imam Syafii, maka hal itu semata-mata kerana kesilapan penulis sendiri. Imam Syafii pernah berkata: *"JIKA HADIS ITU SAHIH MAKA ITULAH MAZHABKU"*. Dari itu, bila ada terdapat penyimpangan di dalamnya, maka penyimpangan itu hanyalah disertai dengan hadis Sahih. Firman Allah dalam surat Al Israk, ayat 26:

> *"Janganlah engkau ikuti apa-apa yang tidak menurut pengetahuanmu (tidak dapat diterima fikiran), sebab pendengaran, penglihatan dan hati, adalah semuanya akan ditanya oleh Allah kelak"*.

Inilah alasannya, andaikata dalam buku ini terdapat sesuatu penyimpangan dari Mazhab Imam Syafii.

Akhirnya kepada Penerbit, penulis mengucapkan banyak-banyak terima kasih atas kesudiannya menerbitkan buku ini. Mudah-mudahan penerbit dihujani limpah kurnia dari Allah s.w.t. kerana tersiarnya ajaran Allah dan Rasul-Nya terutama mengenai hukum-hukum dalam Islam.

Kepada yang terhormat Drs. Zuber Usman dosen (pensyarah) di F.K.I.P. Universiti Indonesia dan di beberapa Perguruan Tinggi – Swasta di Jakarta, yang telah sudi memperbaiki bahasanya, penulis banyak mengucapkan terima kasih.

patut juga kami jelaskan di sini, ramai orang yang tidak menduga bahawa Drs. Zuber Usman selain mendapat pendidikan umum, beliau sebenarnya juga mendapat pendidikan ilmu agama yang cukup, tamat THAWALIB Padang Panjang (1934) dan kemudian tamat dari ISLAMIC COLLEGE (1937), dan beberapa lama beliau mengajar di Sekolah Muhammadiyah di Jakarta, di Sumatera dan di Sulawesi. Atas keikhlasan beliau semoga Allah memberi pahala yang setimpal, dan kerana bantuan beliau juga isi buku ini dapat difahami isinya oleh para pembaca. Tidak ketinggalan juga kepada yang terhormat:

1. K.H. Nazaruddin Latif, Ketua Urusan Agama Kotapradja Jakarta Raya.
2. K.H. Abdur Razak, Ketua Kantor Pendidikan Agama Kotapradja Jakarta Raya.
3. K.H. Muchtar Shiddik, Ketua Penghuluan di Kantor Urusan Agama di Jakarta.
4. K.H. Mahmud Aziz salah seorang Guru Persatuan Islam di Jakarta.

Tidak lupa penulis mengucapkan terima kasih banyak, atas kesudian beliau-beliau menilik dan memperhatikan isinya. Serta terima kasih atas nasihat-nasihat beliau-beliau yang sangat berfaedah dalam menyelesaikan buku ini. Bantuan beliau-beliau atas terselenggaranya terbit buku ini, kiranya dibalasi pula oleh Allah dengan balasan yang setimpal hendaknya.

Demikianlah mudah-mudahan buku ini dapat bermanfaat bagi kaum Muslimin dan Muslimat semuanya, amin!

Wassalam.
Pengarang.

Jakarta, 24 April 1961

اِذَا صَحَّ الْحَدِيْثُ فَهُوَ مَذْهَبِى (الشافعى)

"Apabila sesuatu hadis itu benar, maka itulah mazhabku."
(Oleh Imam Syafii)

AQIDAH DAN SYARIAT ISLAMIAH

1. AQIDAH ISLAMIAH (IMAN).

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلْاِيْمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. رواه مسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Iman ialah, bahawa engkau percaya dengan Allah, dengan para Malaikat-Nya, dengan Kitab-kitab-Nya, dengan para Rasul-Nya, dengan Hari Kiamat dan engkau percaya dengan nasib, baik dan buruknya (hakikatnya datang daripada Allah)."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. SYARIAT ISLMIAH (ISLAM).

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلْاِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ وَتُقِيْمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِىَ الزَّكَاةَ وَتَصُوْمَ رَمَضَانَ وَتَحُجَّ الْبَيْتَ اِنِ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيْلًا. رواه مسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Islam ialah, bahawa engkau mengaku, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad itu Rasulullah, engkau tegakkan sembahyang, engkau keluarkan zakat, engkau puasa di bulan Ramadan dan engkau tunaikan haji ke Baitullah, jika engkau telah sanggup pergi ke sana."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

3. CARA MELAKSANAKAN DENGAN IKHLAS (IHSAN).

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
اَلْإِحْسَانُ أَنْ تَعْبُدَ اللهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

رواه مسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Ihsan ialah, bahawa engkau sembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Maka jika engkau tidak dapat melihat-Nya, maka sesungguhnya Ia melihat engkau."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Maka Aqidah Islamiyah mempunyai sendi sebanyak enam perkara, di mana enam sendi di atas itulah kepercayaan dan aqidah yang sah diletakkan.

Aqidah dan kepercayaan itu letaknya di dalam hati, yang mengetahui hanya Allah s.a.w.

Sedang Syariah Islamiyah mempunyai sendi sebanyak lima buah sendi, di mana lima sendi di atas itu ialah **"rumahtangga"** Islam ditegakkan, yang cukup berisi segala keperluan hidup dan penghidupan buat kebahagian hidup dunia dan akhirat.

Syariat Islam terletak dan terlihat dalam gerak-geri dan perbuatan manusia sehari-hari.

Syariat Islam disebut juga: Segala peraturan Allah yang berisi undang-undang yang kudus untuk mengatur cara hidup dan penghidupan umat manusia, yang wajib ditaati, dengan mendapat pahala barang siapa yang mematuhinya, dan diberi hukuman bagi sesiapa yang melanggarnya.

Semua peraturan atau hukum di dalam Islam dinamakan Hukum Syariat, yang berisi LIMA atau LAPAN garis-garis hukum.

Secara umum, Hukum Syariat bersumber kepada empat macam sumber, iaitu:

1. Kitabullah, Al-Quran.
2. Sunah, Hadis Rasulullah.
3. Qias, perbandingan.
4. Ijmak, kesepakatan ulama mujtahid dalam sesuatu masalah.

Secara khusus, Hukum Syariat bersumber kepada Kitab-kitab Mazhab, seperti Mazhab Imam Syafii, Hanafi, Maliki dan Imam Hambali.

BAHAGIAN IBADAT

1. ERTI IBADAT DAN HUKUM SYARIAT.

1. **Erti Ibadat:** Iaitu penyembahan, yang dilakukan dengan jalan tunduk dan merendahkan diri serendah-rendahnya, yang dilakukan dengan hati yang ikhlas, dari seorang hamba terhadap Tuhannya menurut cara-cara yang ditentukan oleh Agama.

Ibadat itu ada empat macamnya, iaitu: Sembahyang, zakat, puasa dan haji ke Mekah.

2. **Hukum Syariat:** Iaitu hukum-hukum atau peraturan yang tertentu dalam agama Islam, yang mana dengan peraturan itulah orang dapat mengetahui, bagaimana duduknya sesuatu perintah atau larangan dalam Islam, yang wajib dipatuhi oleh setiap orang Islam yang telah baligh lagi berakal **(mukallaf).**

Adapun hukum-hukum syariat itu terbagi kepada lapan macam:

Pertama: Wajib (واجب) iaitu diberi pahala apabila memperbuatnya dan dan diseksa (di'iqab) meninggalkannya, umpamanya; sembahyang lima waktu dan sebagainya.

Kedua: Sunat (سنة) iaitu diberi pahala memperbuatnya dan tidak diseksa meninggalkannya, umpamanya; bersedekah dan sebagainya.

Ketiga: Makruh (مكروه) ertinya diberi pahala apabila meninggalkannya dan tidak diseksa apabila memperbuatnya, umpamanya; makan terlalu kenyang dan sebagainya.

Keempat: Haram (حرام) iaitu diberi pahala apabila meninggalkannya dan diseksa apabila memperbuatnya, umpamanya; mencuri dan sebagainya.

Kelima: Harus (مباح) iaitu barang yang tidak diberi pahala apabila memperbuatnya dan tidak pula diseksa apabila meninggalkannya, umpamanya; makan dan sebagainya.

Keenam: Sahih (صحيح) ertinya sesuatu yang mencukupi syarat dan rukunnya menurut syarak, sama ada pada ibadat mahupun pada akad (muamalat). Sah pada ibadat seperti mengerjakan sembahyang dengan *"wuduk"* serta dengan aturan-aturannya yang tertentu dalam waktunya. Dengan demikian gugurlah tuntutan *qada* dan *mengulang*. Sah pada akad seperti akad nikah yang dilakukan oleh si *"Wali"* di depan saksi-saksi ketika hendak mengahwinkan anaknya dengan lafaz-lafaz yang tertentu untuk kahwin, dan lain-lainnya. Dengan demikian, maka antara yang kahwin dan yang mengahwini sudah berfungsi sebagai suami isteri.

Ketujuh: Batil (باطل) iaitu sesuatu yang tidak mencukupi syarat dan rukunnya menurut syarak, sama ada pada ibadat mahupun pada akad (muamalat). Contohnya, kembali dari apa yang dinamakan sah di atas. Dengan demikian, maka tidaklah gugur tuntutan *qada* dan *mengulang*.

Kelapan: Halal (حلال) iaitu barang yang tidak diseksa apabila memakainya, memakan atau mengerjakannya setelah ada pengesahan (sah) menurut syarak. Maka halal ini adalah hasil (bekas) dari apa yang sudah dianggap sah menurut syarak. Seperti memakai atau memakan sesuatu yang dibeli secara lurus-berkelurusan dari wang (harta) yang sudah sah kepunyaan diri sendiri dan lain-lainnya.

Dengan adanya hukum-hukum syariat itu, dapatlah seseorang memahamkan berat ringannya tuntutan perintah dan larangan dalam agama Islam.

Dan di atas hukum-hukum ini pulalah berdirinya tuntutan-tuntutan yang mengenai urusan dunia dan akhirat.

2. HIKMAT MANUSIA DISURUH BERIBADAT.

Sudah menjadi ketentuan dalam kehendak Tuhan bahawa tiap-tiap makhluk yang bernyawa di muka bumi, umpamanya manusia, binatang, burung, ular dan sebagainya lebih banyak yang suka kepada kejahatan daripada kebaikan.

Sebab umumnya mereka sangat mudah dipengaruhi oleh nafsu peribadi, ramai di antara mereka kerana sebab yang sedikit saja, kawannya itu dapat menjadi lawannya. Sehingga mudah sekali terjadi di kalangan mereka perkelahian dan perselisihan.

Oleh sebab itu Tuhan memberi alat senjata kepada masing-masing mereka untuk membela diri mereka dari serangan musuh. Umpamanya burung, yang jadi alat senjata ialah paruhnya, kerbau, sapi, kambing, dan tiap-tiap binatang yang berbelah dua kuku kakinya, yang jadi senjatanya ialah tanduknya.

Harimau, kucing, serigala, yang menjadi alat senjatanya ialah taringnya, ular, kala, semut dan binatang-binatang serangga yang serupa dengan itu, yang jadi alat senjatanya ialah sengatnya. Tetapi manusia yang menjadi senjata baginya ialah akal dan fikirannya.

Dengan adanya akal dan fikiran itu, berbezalah manusia dari makhluk-makhluk yang lain, walaupun dasar kejahatan masih tetap ada pada manusia itu, sebab dia mempunyai hawa nafsu. Dengan akal dan fikiran, manusia dapat mengalahkan singa, mengalahkan harimau, mengalahkan beruang dan sekalian binatang buas dalam rimba raya dan di dalam lautan. Oleh sebab itu, maka akal dan fikiran itulah yang meninggikan manusia dari darjat makhluk-makhluk yang lain. Ia dapat berfikir dan mengadakan apa yang dikehendaki oleh akalnya dan perasaannya. Dibuatnya barang sesuatu yang belum ada, dibuatnya segala alat-alat moden, bangunan-bangunan perkakas yang baru dan sebagainya.

Menurut dasarnya, tujuan akal dan fikiran itu adalah baik dan benar. Tetapi sebelum jalan akal dan fikiran itu dipimpin, maka kebenaran dan kehendaknya itu belum baik dan benar menurut pandangan Tuhan.

Maka oleh sebab itulah manusia itu diberi beban atau taklif, iaitu perintah-perintah dan larangan-larangan menurut agama Tuhan, ialah agama Islam. Gunanya ialah untuk memperbaiki jalan akal dan fikirannya. Adapun agama yang diredai Tuhan di dunia ini, ialah agama Islam semata-mata tidak ada yang lain.

Adapun jenis atau macam beban atau taklif itu banyak sekali, di antaranya, sembahyang, zakat, puasa, haji, melarang berbuat jahat menyuruh berbuat baik dan sebagainya. Bila beban atau taklif itu dibawanya dengan senang hati, nescaya akan teraturlah jalan fikirannya. Dan nafsu peribadi yang senantiasa menuju kepada kejahatan itu nescaya akan menjadi nafsu mutmainnah, iaitu nafsu yang tenang tenteram, suci murni bersih dari kekotoran dan kekejian. Adapun taklif itu dinamakan juga amanat Tuhan.

3. JALAN YANG HARUS DILAKUKAN SUPAYA IBADAT DAPAT DITERIMA OLEH ALLAH.

Beribadat, ertinya perasaan berendah diri yang timbul dari dalam hati terhadap Allah s.w.t. di samping takut dan tunduk dalam erti kata yang sebenarnya dengan syarat-syarat yang ditentukan

oleh agama. Maka seseorang yang berendah diri terhadap sesama manusia, kerana pemberiannya atau pertolongannya, tetapi rasa hina itu tidak datang dari hati, tidaklah dinamakan ibadat. Kerana soal ibadat itu adalah bergantung kepada hati di samping perbuatan yang dilakukan. Oleh sebab itu belumlah sempurna ibadat, kalau hanya dengan sekadar perbuatan saja, sedang perasaan tunduk dan berhina diri itu belum bangkit dari hati. Dan belumlah akan diterima Tuhan ibadat itu, sebelum hati dibulatkan untuk menyembah-Nya. Bila ibadat yang dikerjakan itu tidak kerana Tuhan, hanya kerana maksud yang lain, umpamanya kerana hendak dilihat orang, supaya mendapat pujian dari teman sejawat, atau dari orang lain, maka bererti ia telah mempersekutu Tuhan, dan ibadat yang dikerjakannya itu sudah pasti ditolak oleh Tuhan. Kerana manusia tak boleh menyembah kecuali hanya kepada Allah semata. Sangatlah sulitnya jalan yang harus dilakukan supaya ibadat itu dapat diterima Tuhan. Maka oleh sebab itu, orang tasauf menunjukkan jalan dengan secara pendek, supaya ibadat itu mudah-mudahan diterima Allah s.w.t di antaranya ialah:

1. Ikhlas, ertinya hendaklah ibadat yang kita kerjakan itu jangan kerana mengharap pemberian dari Tuhan, tetapi kerjakanlah ibadat itu semata-mata kerana perintah-Nya. Jangan kerana mengharapkan syurga dan jangan pula kerana takut kepada neraka, kerana syurga dan neraka itu tidak akan dapat menyenangkan atau menyeksa kalau tidak dengan seizin Tuhan.
2. Meninggalkan riya, ertinya janganlah ibadat kita itu ter-sebab kerana malu kepada manusia atau supaya dilihat orang.
3. Bermuraqabah, ertinya supaya kita yakin bahawa Tuhan itu melihat dan selalu ada di samping kita melakukan ibadat itu, sehingga datang malu dan sopan kita kepadanya dalam melakukan peribadatan itu.
4. Jangan keluar dari waktunya, ertinya hendaklah ibadat itu dikerjakan di dalam waktu yang tertentu, sedapat mungkin dikerjakan di awal waktu hendaknya.

Mudah-mudahan dengan mengerjakan keempat syarat ini, ibadat kita dapat diterima Tuhan. Amin ya Rabbal Alamin.

4. CARA BERWUDUK.

Bila seseorang hendak sembahyang, maka hendaklah ia bersuci lebih dahulu dengan air yang bersih. Sesudah itu, dibasuhnya kedua telapak tangannya sampai bersih, kemudian:

Pertama: Ia berkumur-kumur sambil menggosok gigi sampai bersih, hingga hilang bekas-bekas makanan dan bau yang tak enak dari mulut.

Kedua: Memasukkan air ke dalam hidungnya untuk membersihkan kekotoran-kekotoran yang ada di dalamnya sampai bersih.

Ketiga: Sambil berniat di dalam hati, dengan membaca: *"Bismillah,"* lalu membasuh mukanya dengan sempurna, mulai dari tempat tumbuh rambut di kepala sampai ke hujung dagunya atau seluruh kulit muka antara dua telinga, sebanyak tiga kali.

Keempat: Membasuh tangan kanannya sampai basah hingga dua mata sikunya, tiga kali.

Kelima: Membasuh tangan kirinya sampai basah pula kedua mata sikunya, tiga kali pula.

Keenam: Menyapu kepala tiga kali.

Ketujuh: Membasuh dua telinganya, dengan mendahulukan yang kanan dari yang kiri tiga kali.

Kelapan: Membasuh kaki kanannya hingga basah kedua mata kakinya, tiga kali.

Kesembilan: Membasuh kaki kirinya sampai basah kedua mata kakinya, tiga kali.

Kesepuluh: Sesudah selesai ia berwuduk, lalu dia menghadap ke kiblat, sambil membaca doa wuduk, iaitu:

أَشْهَدُ أَنْ لَآ إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِى مِنَ التَّوَّابِيْنَ وَاجْعَلْنِى مِنَ الْمُتَطَهِّرِيْنَ وَاجْعَلْنِى مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِيْنَ.

"Aku bersaksi, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah. Dan aku bersaksi, bahawa Muhammad itu hamba dan Rasul-Nya. Ya Allah!! Jadikanlah aku ini termasuk orang yang taubat dan jadikanlah aku termasuk orang yang bersuci, dan jadikanlah aku termasuk hamba Engkau yang salih."

5. CARA SEMBAHYANG.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِى أُصَلِّيْ.

"Sembahyanglah kamu sebagaimana aku sembahyang."

1. Dia berdiri di tempat sembahyang menghadap kiblat, sedang pemandangannya tertumpu ke tempat sujudnya.

2. Sambil membaca niat di dalam hati, dibacanya takbir (الله أكبر) sambil mengangkat kedua tangannya sampai bertentangan dengan kedua bidang bahunya, kemudian diletakkan tangannya di atas dadanya, punggung tangan kirinya dihimpit dengan tapak tangan kanannya.
3. Lalu membacanya doa iftitah sesudah membaca takbir, iaitu:

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِيْ فَطَرَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيْفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ* إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ* لَا شَرِيْكَ لَهُ وَبِذٰلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ*

"Aku hadapkan mukaku kepada Tuhan yang menjadikan langit dan bumi, kerana aku suka menjadi orang Islam, dan bukan aku termasuk orang yang musyrik (menyekutukan Allah). Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Tiada sekutu bagi-Nya, dan kerana itu aku disuruh (mengerjakan perintah) dan aku termasuk orang Islam."

Sesudah membaca doa iftitah kemudian dibacanya Al-Fatihah iaitu:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ* اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ* اَلرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ* مَالِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ* إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِيْنُ* إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ* صِرَاطَ الَّذِيْنَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّيْنَ* أٰمِيْنَ.

"Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang – Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam – Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang – Yang menguasai hari kiamat – Kepada-Mu kami menyembah dan kepada-Mu kami minta tolong – Tunjukkanlah kami jalan yang benar – iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka, bukan jalan orang-orang yang dimarahi, dan bukan jalan orang-orang yang sesat – Perkenankanlah permintaan kami!"

Kemudian disambungnya Al-Fatihah itu dengan membaca salah satu surah yang pendek, seperti:

قُلْ يٰٓاَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ* لَا اَعْبُدُ مَا تَعْبُدُوْنَ* وَلَآ اَنْتُمْ عَابِدُوْنَ مَا اَعْبُدُ* وَلَآ اَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُّمْ* وَلَآ اَنْتُمْ عَابِدُوْنَ مَا اَعْبُدُ* لَكُمْ دِيْنُكُمْ وَلِيَ دِيْنِ*

"Hai sekalian orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan tidak pula kamu menyembah apa yang aku sembah. Sesungguhnya tidak aku menyembah akan apa-apa yang telah kamu sembah. Dan tidak pula kamu menyembah apa yang aku sembah. Bagi kamu agamamu, dan bagiku agamaku."

4. Sesudah itu, sambil membaca: Allahu Akbar, dia rukuk membongkokkan badannya lalu memegang kedua lututnya dengan kedua tapak tangan dan punggungnya diluruskannya sampai rata seperti papan. Lalu dibacanya tiga kali.

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ.

"Maha Suci Tuhanku yang Maha Besar."

Atau dibaca:

سُبْحَانَكَ اللّٰهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اَللّٰهُمَّ اغْفِرْلِى.

"Amat suci Engkau Ya Allah, Ya Tuhan kami! Dan dengan memuji Engkau, Ya Allah, ampunilah dosaku."

5. Kemudian dia bangkit dari rukuknya, sambil mengangkat kedua tangannya, dan membaca:

سَمِعَ اللّٰهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءُ السَّمٰوَاتِ وَمِلْءُ الْاَرْضِ وَمِلْءُ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ.

"Mendengar Allah akan orang yang memuji-Nya. Hai Tuhan kami! Bagi-Mu segala puji sepenuh langit dan bumi, dan sepenuh barang yang Engkau kehendaki sesudah itu."

Kemudian tangannya dilepaskan ke bawah.

6. Sesudah itu turun ke tempat sujud, dengan mendahulukan kedua lututnya, kemudian baru kedua tangannya lalu kening dan hidungnya, sambil membaca Allahu Akbar. Dalam sujud itu dibacanya tiga kali.

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى.

"Amat suci Tuhanku yang Maha Tinggi."

Atau dibacanya:

سُبْحَانَكَ اللّٰهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِي.

"Amat suci Engkau Ya Allah, Ya Tuhan kami! Dan dengan memuji Engkau, Ya Allah, ampunilah dosaku."

7. Kemudian dia bangun dari sujudnya, sambil membaca (الله اكبر) lalu dibacanya pula doa antara dua sujud, iaitu:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْبُرْنِي وَعَافِنِي وَاهْدِنِي وَارْزُقْنِي.

"Ya Allah! ampunilah dosaku, beri rahmatlah aku, tambahi (sempurnakanlah) ibadatku, sihatkanlah aku, tunjukilah aku dan beri rezekilah aku."

8. kemudian dia sujud sekali lagi, sambil membaca (الله اكبر) pula. Jika sembahyangnya lebih dari satu rakaat, maka sesudah dia sujud yang kedua kali itu lalu dia tegak kembali sambil membaca takbir (الله اكبر) sebagaimana dia tegak semula dengan tidak lagi membaca doa iftitah. Lalu diperbuatnya pula seperti pada rakaat yang pertama, hingga sampai pula ia kepada sujud yang kedua kali.
9. Lalu dia duduk membaca tasyahud, sedang kedua tapak tangannya di atas kedua lututnya, iaitu:

اَلتَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ. اَلسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ. أَشْهَدُ أَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ.

"Segala kebesaran (kehormatan), segala keberkatan, segala pujian, segala yang baik-baik itu bagi Allah. Keselamatan atas Engkau, Hai Nabi serta rahmat Allah dan berkat-Nya. Keselamatan semoga tetap atas kami dan atas hamba Allah yang salih-salih. Saya mengaku, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan saya mengaku, bahawa sesungguhnya Muhammad itu utusan Allah. Ya Allah, berilah selawat atas Muhammad."

Apabila sembahyangnya lebih dari dua rakaat, maka ia bangkit kembali seperti semula. Demikianlah dilakukannya berturut-turut sampai kepada rakaat penghabisan. Lalu dibacanya pula tasyahud yang kedua, iaitu pada rakaat yang penghabisan yang bunyinya seperti pertama juga, kemudian sesudah membaca "اللهم صلى على محمد" disambung dengan:

وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ إِبْرَاهِيْمَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

"Dan selawat atas keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberi selawat atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim. Serta berilah berkat atas Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberi berkat atas Ibrahim dan keluarga Ibrahim. Bahawa sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia."

10. Kemudian memberi salam ke kanan dan ke kiri, bunyinya:

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ.

"Keselamatan dan rahmat Allah semoga tetap atasmu."

BAB AGAMA ISLAM

1. ERTI AGAMA ISLAM.

Agama Islam ialah agama yang diturunkan oleh Tuhan dengan perantaraan seorang utusan-Nya (Rasul-Nya) Muhammad s.a.w. untuk keselamatan umat manusia seluruhnya. Agama itu diturunkan Tuhan dengan jalan wahyu, iaitu dengan perantaraan malaikat Jibril. Untuk menjadi kekuatannya kepada beliau diberi bermacam-macam mukjizat oleh Tuhan, iaitu hal-hal yang luarbiasa yang terjadi atas diri beliau untuk mengalahkan musuh. Adapun yang sebesar-besarnya mukjizat itu, ialah turunnya Al-Quran itu dinyatakan urusan duniawi dan urusan ukhrawi *(akhirat)*.

Al-Quran itu gunanya akan jadi petunjuk bagi orang-orang yang takut dan menjadi peringatan bagi orang yang lalai.

Ketika agama Islam datang, dunia sedang dalam keadaan gelap-gelita, sedang dipenuhi oleh kabut kejahilan, keaniayaan dan kezaliman. Dan manusia sedang asyik memperhambakan diri ke-

pada berhala-berhala, kepada bintang-bintang, kepada binatang-binatang, kepada matahari dan sebagainya.

Setelah datang agama Islam, dengan jalan beransur-ansur maka terbukalah hijab di hati manusia, yang selama ini telah tertutup oleh kepercayaan-kepercayaan dan iktikad-iktikad yang salah. Penyembahan kepada berhala, kepada matahari, kepada bulan dan sebagainya, akhirnya bertukar dengan penyembahan kepada Allah, Tuhan seru sekalian alam. Demikianlah agama itu disiarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kepada seluruh umat manusia, guna memperbaiki budi pekerti mereka serta membawa mereka ke jalan Tuhan, jalan yang benar. Nabi tidak bosan-bosan menjalankan ajaran Islam itu, walaupun banyak rintangan-rintangan yang beliau hadapi.

Beliau belum puas dengan perjuangan beliau, sebelum manusia di dunia ini mengakui, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad **(dirinya sendiri)** utusan Allah. Pengakuan yang seperti inilah tiang pertama dalam Islam.

Adapun rukun **(tiang)** Islam itu ada lima perkara sebagaimana yang telah diterangkan di atas tadi.

Supaya lebih terang ditambah sebuah hadis lagi:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: بُنِيَ الْاِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَآ إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيْتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ.

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Dibina **(ditegakkan)** *Islam itu di atas lima perkara: Pengakuan, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad itu Rasulullah. Menegakkan sembahyang, mengeluarkan zakat, haji ke baitullah dan berpuasa di bulan Ramadan."* (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Yang lima macam ini adalah merupakan tiang, atau fundamen yang tegak berdiri, dan wajib ditegakkan oleh setiap orang Muslim, sebagai tanda orang Islam.

2. ISLAM MERUPAKAN RUMAHTANGGA YANG MUDAH.

Selaku rumahtangga atau gedung, sudah barang tentu, yang lima perkara ini belum cukup, sebab yang disebut **"rumahtangga"**

atau **"bangunan"** harus ada dinding, ada atap dan ada yang lain-lainnya, supaya nampak sebagai rumah.

Begitu pulalah Islam.

Rumahtangga Islam barulah dapat dinamakan rumahtangga, bila IBADAT dilakukan, MUAMALAT menurut Islam dilaksanakan, MUNAKAHAT menurut Islam dan JINAYAT–HUDUD *(hukum balasannya)* dilaksanakan dalam Negara.

Menurut akidah Islam, semuanya itu wajib dilaksanakan dalam Negara menurut peraturan yang diturunkan Allah. Hanya tergantung kepada penguasa dalam Negara tersebut.

Sebab Allah berfirman:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللهُ فَأُولٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُوْنَ.

سورة المائدة اية ٤٤

"Dan sesiapa yang tidak menghukum **(memberikan peraturan)** *menurut yang diturunkan Allah, maka mereka ini adalah orang yang kafir."*

(Surah Al-Maidah, ayat 44).

Dalam Ayat lain ditambahkan pula:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا اَنْزَلَ اللهُ فَأُولٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُوْنَ*

سورة المائدة اية ٤٥

"Dan sesiapa yang tidak menghukum (memberikan peraturan) menurut yang diturunkan oleh Allah, maka merekalah orang-orang yang zalim." (Surah Al-Maidah, ayat 45).

Dan ditambahkan pula:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا اَنْزَلَ اللهُ فَأُوْلٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُوْنَ*

سورة المائدة اية ٤٧

"Dan sesiapa yang tidak menghukum (memberikan peraturan) menurut yang diturunkan oleh Allah, maka merekalah orang-orang yang fasik." (Surah Al-Maidah, ayat 47).

Oleh sebab itu semua Syariat Islam menurut akidah Islam, wajib dilaksanakan semuanya.

Maka sebelum semua Syariat Islam ini diterangkan, baiklah lebih dahulu kita masuki soal bersuci, sebagai pokok utama dalam pengabdian kepada Allah.

KITAB BERSUCI

1. ERTI BERSUCI DAN HIKMATNYA.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ التَّوَّابِيْنَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِيْنَ*

سورة البقرة أية ٢٢٢

"Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang bersuci."

(Surah Al-Baqarah, ayat 222).

Bila seseorang hendak mengerjakan sembahyang wajiblah ia bersuci lebih dahulu dengan air yang bersih. Sebab Allah tidak akan menerima sesuatu sembahyang kalau yang mengerjakannya tidak bersuci lebih dahulu.

Bersuci ertinya: membersihkan badan, pakaian dan tempat sembahyang dari segala kotoran dan najis.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: لَا يَقْبَلُ اللهُ صَلَاةً بِغَيْرِ طُهُوْرٍ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. katanya: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Tidak diterima Allah sesuatu sembahyang dengan tidak bersuci."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Hikmat Bersuci.

Bila seorang murid hendak datang ke sekolah, hendaklah ia terlebih dahulu membersihkan kain dan badannya, membersih gigi, mulut, kaki, tangan dan juga menyikat rambutnya, supaya jangan dimarahi oleh guru.

Bila ia telah berhadapan dengan gurunya di sekolah, ia memberi hormat dengan sebaik-baiknya menurut aturan-aturan yang semestinya, gurunya itu tentu akan bertambah sayang kepadanya, dan dia tentu akan mendapat pujian, bahawa ia adalah seorang anak yang bersih dari najis.

Begitu pula bila seseorang hendak menemui seorang pembesar, tentu lebih dahulu dibersihkannya kain dan badannya, dihilangkannya bau-bau busuk dari anggota dan pakaiannya, supaya jangan terbau oleh pembesar itu, dan bila terbau olehnya tentu

pembesar itu akan benci kepadanya dan akan mengatakannya seorang yang kotor.

Apabila hendak menghadap Allah s.w.t. yang mengetahui lahir dan batin manusia. Mulai dari gerak langkah yang dilakukannya sampai kepada niat di dalam hatinya. Tidak ada kejahatan atau kebaikan yang tersembunyi baginya, walau sebesar mana sekalipun. Sudah tentu, bahawa pakaian dan badan kita hendaknya lebih dibersihkan kalau hendak menghadap kepada-Nya. Disuruhnya kita mensucikan badan kita, mencuci mulut, mencuci kaki dan tangan, mencuci hidung dan mata kita, itu hanya sekadar perbuatan lahir saja, tetapi maksud yang sebenarnya bukanlah hanya sekadar suci yang lahir itu, melainkan supaya anggota batin kita disucikan seluruhnya.

Pada lahirnya tangan yang kita basuh, muka yang kita sucikan, tetapi dalam batinnya hatilah yang kita basuh itu, bukan dengan air yang kelihatan ini, tetapi dibasuh dengan air taubat, iaitu kembali kepada Allah, dengan menyesali perbuatan-perbuatan yang telah lalu, serta berjanji kepada diri sendiri, bahawa tidak akan mengerjakan perbuatan yang salah lagi. Itulah sebenarnya yang dimaksud dengan bersuci itu. Kalau bukanlah mensucikan hati yang dimaksudkan dengan membasuh anggota yang tujuh ini, maka apalah gunanya oleh Tuhan, sekadar suci badan dan pakaian saja, kalau hati berkarat dipenuhi oleh kotoran dan khurafat yang mem bawa syirik dan kafir terhadap-Nya. Sebagai dinyatakan dalam hadis:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّ اللهَ لاَ يَنْظُرُ إِلَى أَجْسَامِكُمْ وَلاَ إِلَى صُوَرِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوْبِكُمْ. رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada tubuh dan rupa kamu, tetapi Allah memandang kepada hati kamu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. AIR YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK BERSUCI.

Adapun air yang boleh digunakan untuk bersuci ialah air yang turun dari langit, atau yang keluar dari bumi menurut sifat yang

bagaimana juga dari asalnya, seperti hitam, merah, putih, panas sejuk dan lain-lain. Air yang turun dari langit disebut air hujan, dan yang keluar dari bumi disebut air mata air. Maka tidaklah termasuk air susu atau air kelapa.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَيُنَزِّلُ عَلَيْكُمْ مِّنَ السَّمَآءِ مَآءً لِيُطَهِّرَكُمْ بِهِ. سورة الأنفال اية ١١

"Dan Allah menurunkan air ke atasmu dari langit, untuk mensucikan kamu dengannya.

(Surah Al-Anfal, ayat 11).

Keterangan yang lain mengatakan pula:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: فِي الْبَحْرِ هُوَ الطَّهُوْرُ مَاءُهُ الْحِلُّ مَيْتَتُهُ. رواه الترمذى بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda tentang laut: Laut itu suci airnya, lagi halal bangkainya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Kemudian air itu orang menyebutnya menurut keadaan, tempat dan adanya. Iaiatu air sungai, air perigi, air embun, air batu dan sebagainya . Adapun yang dimaksudkan dengan air laut, ialah air yang sangat banyak dan dalam yang tidak dilingkungi oleh daratan ke empat penjurunya.

Kemudian air itu terbagi kepada empat bahagian:

1. Air yang suci lagi menyucikan, yang tidak makruh memakainya. Air seperti itu dinamakan **air mutlak.**
2. Air yang suci lagi menyucikan, yang makruh memakainya, ialah air yang dipanasi oleh cahaya matahari.
3. Air yang sudah mustakmal (air yang sudah terpakai).
4. Air yang sudah berubah.

3. YANG DIMAKSUD DENGAN AIR MUTLAK DAN AIR YANG DIPANASI OLEH MATAHARI.

Adapun yang dimaksud dengan air yang mutlak, ialah air yang masih asli. Dengan erti, bahawa "air" itu tidak dihubungi namanya oleh kaid lazim **(kaid yang mesti).** Seperti air susu, air kelapa dan lain-lainnya. Adapun kedua macam air itu, walaupun diletakkan di sesuatu tempat (dipindah-pindahkan), ia tetap bernama air

susu, atau kelapa. Berlainan dengan kaid munfak (kaid yang tanggal), seperti air sumur, air mata air dan lain-lainnya. Kedua macam air itu, bila dipindahkan ke dalam tempayan umpamanya, maka air itu bukan air sumur lagi, melainkan sudah dinamakan air tempayan (kuran). Demikianlah ertinya kaid yang lazim dan kaid yang tanggal. Maka dalam hal ini, yang menghilangkan nama AIR MUTLAK ialah kaid yang lazim, dan bukan kaid yang tanggal Dan tidaklah menghilangkan akan erti "mutlak" bila air itu dihubungi hanya oleh nama tempatnya, seperti air, air sungai, air paip dan lain-lainnya.

Adapun yang dimaksud dengan air yang dipanasi oleh matahari, ialah air yang ditaruh di tempat yang panas, atau terkena sinar matahari, sehingga air itu menjadi panas kerananya.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا سَخَنَتْ مَاءً فِي الشَّمْسِ. فَقَالَ لَهَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لَا تَفْعَلِي يَا حُمَيْرَاءُ فَإِنَّهُ يُوْرِثُ الْبَرَصَ.

رواه البيهقي. حديث ضعيف

"Dari Aisyah r.a.: Bahawasanya ia pernah memanaskan air di cahaya matahari, lalu Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya: "Janganlah engkau berbuat (yang seperti itu) wahai, Humairah (panggilan kesayangan), kerana hal itu dapat mendatangkan pepenyakit balar!"

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Penyakit balar ertinya penyakit belang pada kulit kerana darah bertahan, hingga kulit itu putih tak berdarah.

Adapun air itu makruh dipakai ialah:

1. Bila ada di negeri yang panas[2].
2. Bila ada di dalam bejana yang bukan terbuat daripada emas dan perak, seperti bejana tembaga dan lain-lain.
3. Bila air itu dipakai ketika sedang dipanasi cahaya matahari. Sebab cahaya matahari itu dapat memisahkan kuman-kuman dari air itu, hingga kuman-kuman itu naik ke muka air. Bila badan bersentuh dengan air itu, dikhuatirkan kulit badan menjadi ketang, maka tertahanlah darah. Bila darah telah tertahan datanglah panyakit balar.

---

1. Balar ialah belang-belang putih pada badan atau muka.
2. Negeri yang membekas panas cahaya matahari kepada air.

4. Bila masih ada waktu yang lapang untuk mencari air yang lain. Bila waktu telah sempit maka hilanglah hukum makruh.

4. YANG DIMAKSUD DENGAN AIR YANG MUSTAKMAL DAN AIR YANG BERUBAH.

Adapun yang dimaksud dengan air yang mustakmal, ialah air yang sudah terpakai untuk bersuci fardu (wajib). Iaitu untuk mengangkat hadas kecil atau besar pada basuhan yang pertama. Sebab basuhan yang pertama itulah basuh yang fardu, sedang basuh yang kedua adalah basuh sunat. Dengan syarat, kalau basuh yang pertama itu telah meratai anggota yang wajib dibasuh. Kalau anggota yang wajib dibasuh itu hanya baru lengkap dengan basuh yang kedua kali, maka basuh yang kedua kali ini sebenarnya dinamakan basuh yang pertama juga, sebab basuh yang kedua itulah yang menyempurnakan basuh yang pertama. Umpamanya membasuh muka atau dua belah tangan hingga basah kedua siku dan lain-lainnya bagi orang yang berwuduk. Atau membasuh sekalian badan bagi orang yang hendak mandi wajib, seperti mandi junub, haid dan nifas.

Atau air yang terpakai untuk membasuh najis ketika keadaan air itu sedikit, walaupun najis yang dibasuh itu najis yang dimaafkan dalam agama. Seperti setitik darah selain dari darah anjing atau darah babi, atau tidak banyak seperti darah kutu dan lain-lainnya. Maka dapatlah diketahui, bahawa air yang dihukum mustakmal itu ialah air yang sedikit, bila air itu telah terlerai dari tempat yang dibasuh. Kerana sesungguhnya air selama masih ulang alik di atas anggota, maka belum dihukumi mustakmal.

Adapun yang dimaksud dengan air yang sudah berubah ialah air yang sudah berubah salah satu sifat-sifatnya, iaitu bau, warna atau rasanya dengan perubahan yang banyak, sebab dicampuri oleh barang yang suci atas najis.

Dan yang dimaksud dengan "percampuran" di sini, ialah apabila sesuatu yang mencampurinya dan yang dicampurinya itu tidak dapat lagi disisihkan dengan pandang mata. Kalau zat-zat, atau barang-barang yang suci masuk ke dalam air mutlak, baik air itu banyak mahupun sedikit, seperti sirup, kopi, teh dan lain-lainnya, maka ketika ini harus melihat keadaannya. Bila yang masuk itu tidak merubah sifat-sifat air itu (tidak berubah bau, rasa, atau warnanya), maka air itu tetap dihukum air mutlak. Akan tetapi kalau salah satu sifat air itu telah dirubah oleh zat-zat yang masuk itu, maka air itu sudah terkeluar dari nama "AIR MUTLAK." Ketika ini berubahlah nama air itu dengan nama "air sirup, air kopi, air

teh dan lain-lainnya. Pun begitu juga tidak menghilangkan akan nama air muthlak, bila zat-zat yang mencampurinya tidak dapat dipisahkan dari mula asalnya, seperti belerang di dalam tanah, tanah merah, kapur dan lain-lainnya yang ada dalam mata air, atau pada tempat lalu air itu. Pun begitu juga air yang sudah terlalu lama ditempatnya, sekalipun baunya sudah berubah atau daun-daunan yang jatuh sendirinya ke dalam air itu (bukan dengan sengaja dijatuhkan), sedang pohon-pohon jauh terletak dari air itu, bila jatuh ke dalamnya lalu air itu busuk, maka ketika itu hilanglah nama air mutlak, sebab pohon itu dapat dihindarkan dari air itu, seperti menebangnya dan lain-lain. Demikianlah hukumnya zat-zat atau barang yang suci mencampuri air mutlak.

Dan adapun najis atau zat-zat kotoran bila masuk atau mencampuri air mutlak, bila air itu sedikit (kurang dua kulah), baik berubah atau tidak, maka air itu tetap dihukum air najis dan tak sah lagi untuk dipakai, walaupun najis yang jatuh itu sedikit. Akan tetapi kalau air itu banyak, (sekurang-kurangnya dua kulah) atau lebih, maka ketika itu hendaklah melihat keadaan. Bila najis yang jatuh itu tidak mengubah salah satu sifat air itu, maka air itu tetap dihukumi air mutlak. Akan tetapi, kalau najis yang jatuh itu telah mengubah salah satu sifat air, maka ketika itu sudah dianggap air najis dan hilanglah daripadanya nama "air mutlak."

Demikianlah duduk perkaranya air mutlak yang dicampuri oleh zat-zat, sama ada suci atau najis.

5. AIR YANG BANYAK DAN AIR YANG SEDIKIT.

Air yang banyak ertinya ialah air yang sampai dua kulah. Ukurannya 1¼ (satu seperempat) hasta panjang, lebar dan dalam, iaitu menurut hasta orang sederhana besarnya. Adapun air yang sedikit ialah air yang kurang dua kulah. Air yang banyak bila dihingapi oleh najis sedikit maka tidaklah air itu dihukum bernajis. Sedang air yang sedikit, bila telah dihinggapi oleh najis sekalipun sedikit, maka air itu telah dihukumkan bernajis.

Keterangannya:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ. رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Ibnu Umar r.a. katanya: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bila air telah sampai dua kulah, maka tidaklah ia mengandung najis."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Kecuali kalau najis itu telah mengubah salah satu sifatnya, maka barulah dihukumkan air itu air najis.

Keterangannya:

عَنْ أَبِى أُمَامَةَ البَاهِلِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ إِنَّ الْمَاءَ لاَ يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ إِلاَّ مَا غَلَبَ عَلَى رِيْحِهِ وَطَعْمِهِ وَلَوْنِهِ. رواه ابن ماجة والبيهقى

"Dari Abu Amamah r.a. katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bahawasanya air tidak sesuatupun menajisinya, kecuali bila telah berubah bau, rasa dan warna airnya."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Baihaqi).

Adapun hadis ini menurut keterangannya lemah, akan tetapi menurut alim ulama, bahawa air yang sudah berubah salah satu sifatnya oleh najis, maka dihukum air najis. Adapun air **mustakmal**, atau air yang sedikit yang dihinggapi oleh sedikit najis, bila air itu telah sampai dua kulah, maka air itu dihukum suci kembali untuk menghilangkan hadas, atau untuk berwuduk.

BAB NAJIS

Najis ertinya semacam kotoran yang menghalangi sah sembah-yang bila ia melekat pada badan, kain atau pada tempat sembah-yang.

Adapun najis itu terbagi atas tiga bahagian:

1. *Najis mughallazhah*, ertinya najis yang tebal.
2. *Najis mukhaffafah*, ertinya najis yang ringan.
3. *Najis mutawassitah, ertinya najis yang pertengahan.*

1. NAJIS MUGHALLAZAH.

Najis mughallazah ialah najisnya anjing dan babi yang dianak-kan oleh kedua jenis haiwan itu beserta jenis yang lain. Cara men-cucinya ialah dengan membasuh tujuh kali salah satu di antaranya dengan tanah. Cara yang begini ialah ta'bud (ibadat) namanya, yang tak boleh ditukar-tukar dan diubah.

Keterangannya:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ طَهُوْرُ إِنَاءِ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ الْكَلْبُ فِيْهِ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ أُوْلاَهُنَّ بِالتُّرَابِ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a., ia berkata: Bersabda Rasullulah s.a.w.: Basuhlah bejana seseorang itu bila anjing telah menjilat ke dalamnya, ialah bahawa bejana itu dibasuh tujuh kali, salah satunya dicampur dengan tanah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Perintah "membasuh" dalam agama hanyalah kerana dua perkara. Kerana NAJIS, dan kerana HADAS. Dalam hal ini, jilat anjing jelas tidak termasuk hadas, oleh kerana itu jelaslah ia NAJIS.

Adapun babi disamakan dengan anjing, kerana babi itu termasuk (keji), ke dalam pengertian keji itu termasuklah najis.

Allah berfirman:

أَوْ لَحْمَ خِنْزِيْرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ. سورة الانعام اية ١٤٥

"Atau yang diharamkan juga, daging babi itu adalah keji (najis)."

(Surah Al-An'am, ayat 145).

2. NAJIS MUKHAFFAFAH.

Adapun najis mukhaffafah, ialah baul (kencing) bayi yang belum memakan makanan, atau yang masih menetek. Cara mencucikannya ialah cukup memercikkan ke atasnya, kalau bayi itu laki-laki, dan dibasuh kalau bayi itu perempuan.

Keterangannya:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ فِى بَوْلِ الرَّضِيْعِ يُغْسَلُ مِنْ بَوْلِ الْجَارِيَةِ وَيُنْضَحُ مِنْ بَوْلِ الْغُلاَمِ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Ali r.a.: Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda tentang anak-anak bayi yang sedang menyusu: "Baul (kencing) anak perempuan dibasuh, dan baul anak laki-laki dipercik dengan air."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Keterangan lain:

عَنْ أُمِّ قَيْسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا جَائَتْ بِابْنٍ لَهَا لَمْ يَأْكُلِ الطَّعَامَ فَأَجْلَسَهُ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى حَجْرِهِ فَبَالَ عَلَيْهِ فَدَعَا بِمَاءٍ فَنَضَحَهُ وَلَمْ يَغْسِلْهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ummi Qais r.a.: Sesungguhnya ia pernah membawa seorang anaknya laki-laki yang belum memakan makanan. Lalu didudukkan Rasulullah s.a.w. anak itu di pangkuannya, dan anak itu kencing di atas pangkuannya. Maka Rasullah s.a.w. meminta air, lalu dipercikkan air itu ke kencinga itu dan tidak dibasuhnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. NAJIS MUTAWASSITAH.

Adapun najis mutawassitah, ialah najis selain dari kedua macam najis di atas. Dan najis mutawassitah terbagi dua bahagian. Iaitu *ainiyah* dan *hukmiyah,* ertinya najis yang kelihatan oleh mata dan yang tidak kelihatan.

Dan yang tidak kelihatan dinamakan najis menurut hukumnya. Umpamanya baul orang yang dewasa yang sudah kering, yang salah satu sifatnya tidak didapati lagi. Maka cara mencucikannya cukuplah dengan melakukan (menumpahkan) air sekali saja di atasnya.

Sedang cara mencucikann najis ainiyah itu ialah dengan jalan membasuh yang menghilangkan sifat-sifat najis itu. Dan tidak mengapa apabila tinggal warna atau bau yang sukar menghilangkannya. Tetapi apabila keduanya bau dan warna itu masih tinggal belumlah dinamakan suci. Adapun macamnya najis mutawasittah itu ialah:

1. *Baul orang dewasa.*

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ جَاءَ اَعْرَابِيٌّ فَبَالَ فِى طَائِفَةِ الْمَسْجِدِ فَزَجَرَهُ النَّاسُ فَنَهَاهُمْ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَلَمَّا قَضَى بَوْلَهُ أَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ بِذَنُوْبٍ مِنْ مَاءٍ فَأُهْرِيْقَ عَلَيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. telah berkata: Pernah datang seorang Arab dusun, lalu ia kencing di sudut masjid, lalu ia dibentak oleh orang ramai. Maka mereka dilarang oleh Rasulullah s.a.w. Setelah orang itu selesai kencingnya (baulnya), diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. mengambil setimba air, lalu disiramkan di atas kencingnya itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. *Gaith* (tahi), juga tahi burung, ikan, belalang, atau tahi binatang yang tak berdarah mengalir. Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى عُبَيْدَةَ عَنْ عَبْدِ اللهِ قَالَ: خَرَجَ النَّبِيُّ ﷺ لِحَاجَتِهِ فَقَالَ: اِلْتَمِسْ لِى ثَلَاثَةَ أَحْجَارٍ قَالَ: فَأَتَيْتُهُ بِحَجَرَيْنِ وَرَوْثَةٍ فَأَخَذَ الْحَجَرَيْنِ وَأَلْقَى الرَّوْثَةَ وَقَالَ: إِنَّهَا رِكْسٌ.

رواه الترمذى

"Dari Abu Ubaidah, dari Abdullah ia berkata: Nabi s.a.w. pernah keluar untuk buang air besar, lalu beliau bersabda: Carikan untukku tiga buah batu. Abdullah berkata: Lalu aku bawakan kepada beliau dua buah batu dan tahi kering. Maka beliau mengambil kedua batu itu dan membuang yang tahi kering, sambil bersabda: Sesungguhnya tahi itu najis."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

3. *Darah* keterangan menyatakan:

عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِى بَكْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ فِى دَمِ الْحَيْضِ يُصِيْبُ الثَّوْبَ، قَالَ تَحُتُّهُ ثُمَّ تَرُشُّهُ بِالْمَاءِ ثُمَّ تَنْضَحُهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Asma' binti Abu Bakar r.a.: Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda tentang darah haid yang mengenai kain: "Engkau buangkanlah darah itu, kemudian siram dengan air, kemudian gosoklah, (kemudian boleh engkau pakai sembahyang)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun yang dimaksud dengan darah di sini, ialah darah yang sifatnya mengalir walaupun ia telah membeku kemudian. Adapun darah yang tidak mengalir tidaklah najis hukumnya. Seperti tersebut dalam ayat di bawah ini:

قُلْ لَآ اَجِدُ فِى مَا أُوْحِيَ اِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ اِلَّا اَنْ يَكُوْنَ مَيْتَةً اَوْ دَمًا مَسْفُوْحًا اَوْ لَحْمَ خِنْزِيْرٍ فَاِنَّهُ رِجْسٌ اَوْ فِسْقًا*

سورة الأنعام اية ١٤٥

"Katakanlah Ya Muhammad! Tidak aku peroleh pada wahyu yang diturunkan kepadaku sesuatu makanan yang diharamkan atas orang yang memakannya, kecuali bangkai, darah mengalir atau daging babi, kerana sesungguhnya sekaliannya itu barang yang keji (najis) atau terlarang."

(Surah Al-An'am ayat 145).

4. *Nanah,* adalah darah yang sudah busuk yang membawa kepada kerosakan, iaitu menimbulkan bau busuk dan ulat.
5. *Muntah,* makanan yang keluar dari perut besar (maidah). Maidah itu adalah tempat segala najis di dalam badan manusia. Kecuali apabila yang dimuntahkan itu belum lagi sampai ke dalam maidah. Maka belumlah najis hukumnya.
6. *Mazi,* ertinya, air putih atau kuning yang encer, yang galibnya keluar dari qubul (kemaluan, atau faraj) tatkala syahwat telah bangkit. Ertinya tatkala datang keinginan berahi yang belum begitu kuat. Keterangan menyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: كُنْتُ رَجُلاً مَذَّاءً فَاسْتَحْيَيْتُ اَنْ اَسْأَلَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ لِمَكَانِ ابْنَتِهِ فَأَمَرْتُ الْمِقْدَادَ بْنِ الْأَسْوَدِ فَسَأَلَهُ فَقَالَ: يَغْسِلُ ذَكَرَهُ وَيَتَوَضَّأُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ali r.a. bahawasanya ia pernah berkata:
"Aku adalah seorang laki-laki yang sering keluar mazi. Maka malu aku menanyakan hukumnya kepada Rasulullah s.a.w. kerana ia mertuaku; lalu aku suruh Miqdad bin Aswad menanyakan. Lantas Miqdad menanyakan masalah itu. Maka berkata Rasulullah s.a.w.. "Boleh dibasuhnya saja kemaluannya lalu berwuduk."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

7. *Madi,* ertinya air yang putih agak keruh dan agak kental sedikit, yang keluar pada selalunya dari qubul (kemaluan) sesudah buang air kecil, atau tatkala membawa sesuatu yang

berat. Adapun mani tidaklah najis hukumnya dalam agama. Iaitu air yang keluar dari zakar atau faraj yang menimbulkan kelazatan tatkala syahwat (nafsu berahi) sedang kuat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا كَانَتْ تَحُكُّ الْمَنِىَّ مِنْ ثَوْبِ النَّبِيِّ ﷺ ثُمَّ يُصَلِّى فِيْهِ. رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a.: Sesungguhnya ia pernah membuangkan mani dari kain Nabi s.a.w. kemudian beliau sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Andai kata mani itu najis tentu Nabi menyuruh kainnya itu dibasuh dahulu.

8. *Mayat,* seperti keterangan di atas, iaitu lain dari mayat manusia, ikan dan belalang. Adapun mayat manusia, ikan dan belalang, tidak najis hukumnya. Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لاَ تُنَجِّسُوْا مَوْتَاكُمْ فَاِنَّ الْمُؤْمِنَ لاَ يَنْجُسُ حَيًّا وَلاَ مَيْتًا.

رواه الحاكم والبيهقى

"Dari Ibnu Abbas r.a.: Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: "Janganlah kamu anggap najis mayat kamu itu, kerana sesungguhnya orang mukmin itu tidak najis, biar pada waktu hidupnya mahupun di waktu matinya."

(Diriwayatkan oleh Hakim dan Baihaqi).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ أُحِلَّتْ لَنَا مَيْتَتَانِ وَدَمَانِ، فَأَمَّا الْمَيْتَتَانِ فَالْحُوْتُ وَالْجَرَادُ فَأَمَّا الدَّمَانِ فَالْكَبِدُ وَالطِّحَالُ.

رواه ابن ماجة والحاكم

"Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. katanya: "Dihalalkan bagi kita dua macam bangkai dan dua macam darah. Adapun dua macam bangkai, ialah ikan dan belalang, dan yang dua macam darah ialah hati dan limpa."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Hakim).

9. *Arak atau minuman yang memabukkan,* adapun yang memengenai arak, maka menurut pendapat ulama Syafiiyah dianggap najis juga, kerana beralasan kepada ayat di bawah ini:

إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوْهُ*

سورة المائدة اية ٢٠

"Sesungguhnya arak, judi, berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah pekerjaan yang keji (najis), ia termasuk pekerjaan syaitan, oleh sebab itu hendaklah kamu jauhinya."

(Surah Al-Maidah, ayat 90).

Berkata Zujaj: "Rijis pada loghat, ialah nama bagi tiap apa yang kotor (keji) dari sesuatu perbuatan atau pekerjaan. Dan sesungguhnya di dalam Al-Quran ada disebutkan sebanyak ayat yang mengenai "najis" yang tidak ada sesuatu tempat yang nyata padanya makna *kotoran menurut hissi (perasaan),* hanya tersebut dalam firman Allah. Maksudnya: *"Katakanlah hai Muhammad: Tidak aku peroleh pada yang diturunkan kepadaku sesuatu makanan yang diharamkan atas orang yang memakannya, kecuali bangkai, darah mengalir atau daging babi, kerana sesungguhnya itu barang yang keji (najis) atau binatang yang disembelih atas nama selain Allah."* (Dalam surah Al-An'am ayat 145).

(Demikian Tafsir Muhammad Abduh, juz 7 Hal. 57).

Menurut Ahli Usul: MEMAKAIKAN SATU KALIMAT UNTUK SELURUH MAKNANYA DIBOLEHKAN SAJA.

Oleh sebab itu, baik babi mahupun arak tersebut di atas dapat diertikan "keji" dan dalam kata-kata keji itu termasuk NAJIS, baik menurut maknanya mahupun menurut hissi.

Dengan demikian larangan memakan atau meminumnya, bukan sahaja kerana arak memabukkan, atau kerana daging babi mengandung cacing pita yang tidak dapat mati kerana api, juga yang terutama sekali kerana kedua-duanya dipandang NAJIS.

Berkata Ar-Raghib: "Najis itu ertinya sesuatu yang kotor, yang dapat ditinjau dari empat segi. Adakalanya dari segi tabiat (sifatnya), adakalanya dari segi akal, adakalanya dari segi syarat dan adakalanya dari segi semuanya yang tersebut di atas. Seperti mayat. Maka sesungguhnya mayat itu dipandang jijik menurut tabiat, menurut nafsu, menurut akal dan menurut syarat. Sedang rijis dari segi syarat ialah arak dan judi.

(Demikian Tafsiran Syekh Muhammad Abduh juzuk 7 158).

Adapun air ludah, ingus (selsema) yang keluar dari kepala atau dada maka tidaklah najis hukumnya, akan tetapi adalah merupakan kotoran sahaja yang tak menghalangi sah sembahyang.

Begitu juga air ludah yang keluar dari mulut orang tidur, walau berbau busuk sekalipun, dengan syarat kalau air itu tidak keluar dari maidah. (perut).

10. *Air luka,* dinamakan juga darah putih.
11. *Susu,* binatang yang tidak dimakan dagingnya, kecuali susu manusia.
12. *Daging,* binatang yang dipotong selagi hidup.

Daging semacam itu dianggap bangkai, dan tak halal dimakan.
Keterangan:

عَنْ أَبِى وَاقِدِ اللَّيْثِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مَا قُطِعَ مِنَ الْبَهِيْمَةِ وَهِىَ حَيَّةٌ فَهِىَ مَيْتَةٌ.

رواه ابو داود والبيهقى

"Dari Abu Waqid Al-Laisi r.a. katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesuatu yang dipotong dari daging binatang yang masih hidup, maka daging itu sama dengan bangkai hukumnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi).

Adapun bangkai binatang-binatang yang tidak ada baginya darah mengalir, seperti lalat, kutu, kala dan lain-lainnya,maka tidaklah menajisi akan air jika ia jatuh sendiri ke dalamnya, asal jangan dijatuhkan. Kecuali kalau air telah berubah salah satu sifatnya, walaupun sedikit. Pun begitu juga tak dihukum menajisi air, bangkai binatang yang asalnya dari air, seperti lintah dan lain-lainnya, sekalipun ia dilemparkan ke dalam air.

Lalat Yang Jatuh Ke Dalam Air Minum.

Bila ada lalat hinggap atau terjatuh ke dalam air minum, maka hendaklah rendamkan semua badan lalat itu, sebab di dalam salah satu sayapnya itu ada penyakit dan pada sayapnya yang lain ada ubat. Hadis Nabi:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا وَقَعَ الذُّبَابُ فِى شَرَابِ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْمِسْهُ ثُمَّ لِيَنْزِعْهُ، فَإِنَّهُ فِى أَحَدِ

جَنَاحَيْهِ دَاءٌ وَفِى الْآخَرِ شِفَاءٌ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w: "Bila lalat jatuh ke dalam minuman salah seorang di antara kamu, maka hendaklah rendamkan lalat itu, kerana pada salah satu sayapnya itu ada penyakit dan pada sayap yang lain ada ubat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

13. *Kulit Bangkai,* kulit bangkai itu sesungguhnya adalah najis dapat suci dengan disamak kecuali kulit anjing dan kulit babi, sebab anjing dan babi itu adalah keji yang tidak dapat disucikan.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا دُبِغَ الْاِهَابُ فَقَدْ طَهُرَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bila kulit telah disamak, maka sesungguhnya telah sucilah ia."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

14. *Tikus,* adapun tikus yang terjatuh ke dalam minyak, jika minyak itu beku, maka yang najis hanyalah yang sekelilingnya sahaja. Akan tetapi jika minyak itu cair, maka najislah semua minyak itu, kerana tak dapat dibezakan lagi mana yang najis dan mana yang tidak.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا وَقَعَتِ الْفَأْرَةُ فِى السَّمْنِ، فَاِنْ كَانَ جَامِدًا فَأَلْقُوْهَا وَمَا حَوْلَهَا وَاِنْ كَانَ مَائِعًا فَلَا تَقْرَبُوْهُ.

رواه أحمد وابو داود ـ حديث صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. katanya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bila seekor tikus jatuh ke dalam minyak, maka apabila minyak itu beku, maka buanglah ia dan apa yang ada di sekelilingnya saja, dan jika minyak itu cair, maka janganlah minyak itu dipakai."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud (Hadis Sahih).

BAB BERISTINJAK

1. ERTI BERISTINJAK.

Beristinjak ertinya membersihkan baul dan ghait. Bila seseorang telah selesai dari buang air kecil atau buang air besar, maka wajiblah ia membersihkan badannya dari bekasnya. Yang lebih utama supaya dibersihkan lebih dahulu dengan batu, kemudian diikuti dengan air. Dan boleh juga dengan tiga buah batu sahaja yang dapat mensucikan tempat keluar kotoran itu, iaitu dengan batu kesat dan bersanding. Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: إِذَا ذَهَبَ اَحَدُكُمْ إِلَى الْغَائِطِ فَلْيَذْهَبْ مَعَهُ بِثَلَاثَةِ اَحْجَارٍ.

رواه أحمد وابو داود ـ حسن صحيح

"Dari Aisyah r.a. Bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda: "Bila seseorang pergi ke tempat buang air (hendak ghait), maka hendaklah ia membawa tiga buah batu."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: وَلْيَسْتَنْجِ بِثَلَاثَةِ اَحْجَارٍ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: "Maka hendaklah seseorang beristinjak dengan tiga buah batu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Jika tempat keluar kotoran itu belum juga bersih dan suci dengan tiga buah batu itu, maka boleh ditambah lebih dari itu. Sebaiknya, supaya istinjak itu menurut bilangan yang ganjil, umpama tiga, lima atau tujuh kali.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنِ اسْتَجْمَرَ فَلْيُوْتِرْ مَنْ فَعَلَ فَقَدْ اَحْسَنَ وَمَنْ لاَ فَلاَ حَرَجَ.

رواه أحمد وابو داود ـ حديث حسن

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sesiapa beristinjak dengan batu, maka hendaklah ia ganjilkan bilangannya, sesiapa yang memperbuat begitu, maka sungguh itulah yang lebih baik, tetapi sesiapa yang tidak berbuat begitu, maka tidaklah ia berdosa."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

2. BERISTINJAK DENGAN BARANG SELAIN AIR MUTLAK.

Seseorang yang hendak beristinjak dengan barang yang selain dari air mutlak, maka disyaratkan:

1. Dengan sesuatu yang beku, maka tidaklah sah beristinjak dengan sesuatu yang cair. Seperti air sabun, air kopi dan lain-lainnya.
2. Dengan sesuatu yang suci, maka tidaklah boleh beristinjak dengan sesuatu yang dihukum najis. Seperti tahi kuda yang kering dan lain-lainnya.
3. Dengan sesuatu yang dapat menghilangkan najis, maka tidaklah sah beristinjak dengan batang bambu yang belum dibelah atau dengan tanah yang berderai dan lain-lainnya.
4. Jangan dengan sesuatu yang dihormati oleh manusia atau jin, maka tidaklah sah beristinjak dengan sesuatu yang dimakan oleh manusia, walaupun merupakan daun-daunan, buah-buahan atau lain-lainnya. Seperti daun ubi, buah mangga atau yang lain-lainnya. Dan seperti dengan tulang, kerana tulang itu adalah makanan jin. Sebagai keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لاَ تَسْتَنْجُوْا بِالرَّوْثِ وَلاَ بِالعِظَامِ فَاِنَّهُ زَادُ اِخْوَانِكُمْ مِنَ الْجِنِّ.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. Bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda: "Janganlah kamu beristinjak dengan tahi kering, dan jangan pula

dengan tulang-tulang, kerana sesungguhnya tulang-tulang itu jadi makanan saudaramu bangsa jin."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

3. KEADAAN NAJIS YANG KELUAR DAN CARA BERISTINJAK DENGAN BATU DAN LAIN-LAINNYA.

Untuk membolehkan beristinjak dengan apa yang telah disebutkan di atas, maka najis yang keluar dari dubur mahupun dari qubul diisyaratkan pula:

1. Bahawa yang keluar itu berlemak-lemak.
2. Bahawa yang keluar itu basah.
3. Bahawa jangan melampaui bingku-bingku (punggung) ketika telah berdiri dari jongkok.
4. Bahawa jangan putus-putus keluarnya.
5. Bahawa jangan pindah-pindah dari tempat yang dikenalnya tatkala keluar.
6. Bahawa jangan didatangi pula oleh najis yang lain. Seperti kotoran (kencing) itu jatuh ke tempat yang bernajis, kemudian najis itu membalik ke atas sampai mencampuri kotoran yang keluar itu.

Kalau syarat-syarat yang tersebut di atas itu tidak cukup, maka wajiblah memakai air.

Dalam cara melakukan beristinjak dengan apa-apa yang sudah disebutkan di atas itu, maka diisyaratkan:

1. Bahawa disapu sekurang-kurangnya tiga kali dengan bucu-bucu batu, kalau beristinjak dengan batu.
2. Bahawa sesuatu yang dijadikan istinjak itu melengkapi tempat yang disapu itu tiap-tiap kali menyapu.
3. Bahawa dapat membersihkan tempat.

Maka jika tidak juga bersih dengan tiga kali itu, wajib ditambahi menyapunya hingga tidak tinggal, melainkan bekas yang tidak dapat dihilangkan melainkan dengan air, atau carik-carik kertas, atau kain dan lain-lainnya.

(Demikian keterangan dalam I'anah At-Thalibin).

4. TUNTUTAN BERISTINJAK.

Adapun tuntutan beristinjak itu sangat keras.

Menurut keterangan Rasulullah s.a.w. bahawa kebanyakan seksaan kubur didatangkan Tuhan kerana tidak mahu beristinjak membersihkan baul mahupun ghait.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: تَنَزَّهُوْا مِنَ الْبَوْلِ فَاِنَّ عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنْهُ.

رواه الدار قطنى بسند صحيح

*"Dari Anas r.a. katanya: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "**Bersucilah** kamu dari baul, kerana sesungguhnya kebanyakan seksaan kubur disebabkan baul itu."*

(Diriwayatkan oleh Daruqutni dengan Sanad Sahih).

Keterangan lain pula:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ مَرَّ بِقَبْرَيْنِ فَقَالَ: إِنَّهُمَا يُعَذَّبَانِ وَمَا يُعَذَّبَانِ فِى كَبِيْرٍ أَمَّا اَحَدُهُمَا فَكَانَ يَمْشِى بِالنَّمِيْمَةِ وَأَمَّا الْآخَرُ فَكَانَ لَا يَسْتَنْزِهُ مِنْ بَوْلِهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah melalui dua buah kubur, lalu beliau bersabda: "Sesungguhnya kedua mayat yang ada di dalam kubur ini sedang diseksa." Dan apakah soal yang lebih berat yang menyeksa keduanya? Tanya para sahabat. "Adapun salah seorang di antara keduanya, adalah ia berjalan dengan mengadu-ngadu memfitnahkan orang dan adapun yang lain, kerana ia tidak mahu membersihkan baulnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

5. YANG WAJIB DALAM BERISTINJAK.

Yang wajib dalam beristinjak ialah menguatkan perasaan, bahawa sifat-sifat najis itu telah hilang, iaitu warna, bau dan rasanya. Dan tidaklah menjadi halangan jika tinggal bau najis yang susah menghilangkannya kerana itu masuk darurat.

BAB MASUK TANDAS

1. ADAB MASUK KE DALAM TANDAS.

Jika seseorang hendak buang air kecil atau buang air besar, hendaklah ia menjaga tertib, menurut aturan-aturan yang telah ditentukan oleh Nabi s.a.w. iaitu:

Pertama: Ketika akan masuk ke tempat buang air itu, hendaklah ia berlindung kepada Tuhan, sambil mendahulukan kaki yang kiri dari kaki yang kanan.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ اِذَا دَخَلَ الْخَلَاءَ قَالَ: اَللّٰهُمَّ إِنِّى أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْخُبُثِ وَالْخَبَائِثِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. katanya: Adalah Nabi s.a.w. bila masuk ke dalam tandas, beliau membaca: "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari syaitan laki-laki dan syaitan perempuan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kedua: Hendaklah membuka barang-barang yang ada tertulis dengan nama Allah, sebab tempat itu adalah tempat yang najis.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اِذَا دَخَلَ الْخَلَاءَ وَضَعَ خَاتَمَهُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Anas r.a. Bahawa Nabi s.a.w. apabila beliau masuk tandas, diletakkannya (dibukanya) cincinnya.

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Menurut keterangan hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi dalam Sunahnya, bahawa cincin Rasulullah s.a.w. diukir dengan tiga tulisan, iaitu *Muhammad, Rasulullah* dan *Allah.*

Ketiga: Hendaklah memakai kasut atau selipar supaya najis jangan terpijak.

عَنْ اَبِى عَبَّاسٍ بْنِ سَرِيْجِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ كَانَ النَّبِيُّ ﷺ اِذَا دَخَلَ الْخَلَاءَ لَبِسَ حِذَاءَهُ.

رواه البيهقى

"Dari Abu Abbas bin Sariji r.a. berkata ia: Adalah Rasulullah s.a.w. bila beliau masuk tandas, beliau memakai kasutnya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Keempat: Hendaklah menutup kepala, walaupun dengan saputangan atau lain-lain.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا دَخَلَ الْخَلَاءَ غَطَّى رَأْسَهُ.

رواه البيهقى

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. bila beliau hendak masuk tandas, beliau menutup kepalanya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

2. ADAB KETIKA BUANG AIR DAN KETIKA KELUAR DARI TANDAS.

Ketika sedang buang air itu hendaklah diperhatikan pula adab sebagaimana yang dinyatakan di bawah ini:

1. Waktu buang air jangan menghadap kiblat dan jangan pula membelakanginya, kecuali di dalam tempat yang sudah tersedia untuk itu. Jadi haram hukumnya di tempat terbuka dan boleh di tempat yang sudah disediakan orang.

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: إِذَا جَلَسَ اَحَدُكُمْ عَلَى حَاجَةٍ فَلَا يَسْتَقْبِلَنَّ الْقِبْلَةَ وَلَا يَسْتَدْبِرُهَا.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Bila seseorang duduk akan buang air, maka janganlah ia menghadap ke kiblat dan jangan pula membelakanginya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. Jangan buang air di lubang-lubang yang bukan disediakan untuk buang air, kerana yang demikian itu menjangkiti makhluk yang ada di dalamnya, seperti semut dan lain-lainnya. Menurut keterangan yang lain, lubang-lubang itu ada yang didiami oleh bangsa jin.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ سَرْجَسَ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهٰى أَنْ يُبَالَ فِى الْحُجْرِ قَالُوْا لِقَتَادَةَ مَا يُكْرِهُ مِنَ الْبَوْلِ فِى الْحُجْرِ قَالَ كَانَ يُقَالُ اِنَّهَا مَسَاكِنُ الْجِنِّ. رواه النسائى وابو داود

"Dari Abdullah bin Sarjasa. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah melarang buang air kecil di lubang-lubang, mereka bertanya kepada Qatadah (sahabat Nabi), apakah yang menyebabkan Rasulullah melarang buang air di lubang-lubang. Ia menjawab: Pernah diceritakan orang, bahawa lubang-lubang itu tempat tinggal jin."

(Diriwayatkan oleh Nasai dan Abu Daud).

3. Jangan buang air di bandar-bandar (tempat aliran air), di pinggir-pinggir jalan dan di tempat manusia lalu lintas dan di tempat manusia berlindung (tempat perhentian), kerana hal itu menyakitkan hati orang.

عَنْ مُعَاذٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ إِتَّقُوْا الْمَلَاعِنَ الثَّلَاثَ الْبَرَازُ فِى الْمَوَارِدِ وَقَاعَةِ الطَّرِيْقِ وَالظِّلِّ.

رواه ابو داود وابن ماجة

"Dari Muaz r.a. Bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: "Hati-hatilah tentang kedatangan kutuk dari tiga macam iaitu, buang air di bandar-bandar (tempat mandi dll), di pinggir jalan dan di tempat manusia berlindung."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

4. Jangan berkata-kata waktu buang air. Hadis larangan berkata-kata ketika buang air besar atau kecil ini telah diriwayatkan oleh Abu Daud, Ibnu Majah dari Abu Said, dan Ibnu Khuzaimah di dalam kitab Sahihnya. Dan oleh Jamaatul Muhaddisin selain Bukhari, dari Ibnu Umar, diriwayatkan sebagai berikut: *"Bahawa ada seorang laki-laki pernah lalu di dekat Rasulullah s.a.w. ketika beliau sedng buang air kecil (baul), laki-laki itu memberi salam kepada beliau, maka tidaklah dijawab oleh beliau s.a.w."*

Ada yang mengatakan bahawa hadis di atas tadi adalah lemah (daif), tetapi dapat dikuatkan oleh hadis di bawah ini:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا تَغَوَّطَ الرَّجُلاَنِ فَلْيَتَوَارَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَنْ صَاحِبِهِ وَلاَ يَتَحَدَّثَا فَإِنَّ اللهَ يَمْقُتُ عَلَى ذٰلِكَ. رواه الامام أحمد

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Jika dua orang hendak ghait (buang air besar), maka hendaklah tiap-tiap seorang dari keduanya bertutup dan janganlah berkata-kata, kerana sesungguhnya Allah sangat marah atas yang demikian itu."

(Diriwayatkan oleh Ahmad)

Atau boleh juga dibaca: (keampunan Engkau aku harapkan, Ya Allah). Sesuai dengan hadis dari Aisyah yang diriwayatkan oleh Ahmad, Hakim dan Ibnu Hibban.

Ketika hendak keluar dari tandas, hendaklah dahulukan kaki kanan dari kaki yang kiri, sambil memuji kepada Allah, sebab penyakit telah dikeluarkan dari badan.

عَنْ أَبِى ذَرٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ إِذَا خَرَجَ مِنَ الْخَلاَءِ قَالَ: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِى اَذْهَبَ عَنِّى الْأَذَى وَعَافَانِى.

رواه النسائى ـ حسن صحيح

"Dari Abu Zar r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. apabila sudah keluar dari tandas, beliau membaca: Segala puji bagi Allah yang telah membuangkan penyakit dari diriku dan telah mengembalikan kesihatanku."

(Diriwayatkan oleh Nasai).

Atau boleh juga dibaca: غُفْرَانَكَ (keampunan Engkau aku harapkan, Ya Allah). Sesuai dengan hadis dari Aisyah, riwayat Ahmad, Hakim dan Ibnu Hibban.

BAB BERWUDUK

1. ERTI BERWUDUK DAN KEUTAMAANNYA.

Wuduk ertinya: Membasuh anggota yang tertentu dengan air, dengan cara dan maksud yang tertentu pula.

Adapun keutamaan berwuduk adalah sebagaimana yang dinyatakan Nabi sebagai berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: إِذَا تَوَضَّأَ الْعَبْدُ الْمُسْلِمُ اَوِ الْمُؤْمِنُ فَغَسَلَ وَجْهَهُ خَرَجَ مِنْ وَجْهِهِ كُلُّ خَطِيْئَةٍ نَظَرَ إِلَيْهَا بِعَيْنِهِ مَعَ الْمَاءِ اَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا غَسَلَ يَدَيْهِ خَرَجَ كُلُّ خَطِيْئَةٍ بَطَشَتْهَا يَدَاهُ مَعَ الْمَاءِ اَوْ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ فَإِذَا غَسَلَ رِجْلَيْهِ خَرَجَتْ كُلُّ خَطِيْئَةٍ مَشَتْهَا رِجْلَاهُ مَعَ الْمَاءِ اَوْ مَعَ آخِرِ قَطْرِ الْمَاءِ حَتَّى يَخْرُجَ نَقِيًّا مِنَ الذُّنُوْبِ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Bila seseorang Muslim atau Mukmin berwuduk, lalau ia basuh mukanya, maka keluarlah dari mukanya semua kesalahan yang dilihat dengan dua matanya bersama air atau akhir titisan air wuduknya. Maka bila ia basuh tangannya, keluarlah semua kesalahan yang dibuat oleh dua tangannya bersama air atau akhir titisan air wuduknya. Maka bila ia basuh dua kakinya keluarlah semua kesalahan, yang dijalankan oleh dua kakinya bersama air atau akhir titisan air wuduknya, sehingga ia keluar bersih dari segala dosa."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. FARDU ATAU RUKUN WUDUK.

Adapun fardu atau rukun wuduk itu adalah sebagai berikut:

1. Berniat di dalam hati akan berwuduk untuk mengerjakan ibadat sembahyang dan lain-lainnya, sambil mengambil air dengan tangan, dengan cebuk dan lain-lainnya.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِءٍ مَا نَوَى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. katanya: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: "Amal ibadat itu hanya sah dengan berniat dan bagi tiap-tiap manusia itu diberi ganjaran menurut apa yang diniatkan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. Membasuh muka dengan sempurna. Adapun batas muka itu ialah antara tempat tumbuh rambut kepala dan antara hujung dagu (tempat tumbuh janggut) dan antara dua telinga.
3. Membasuh dua tangan, hingga basah kedua mata siku.
4. Menyapu sebahagian kepala.
5. Membasuh dua kaki hingga basah kedua buku lali.

Allah berfirman di dalam Al-Quran.

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اِذَا قُمْتُمْ اِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوْهَكُمْ وَاَيْدِيْكُمْ اِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوْا بِرُؤُوْسِكُمْ وَاَرْجُلَكُمْ اِلَى الْكَعْبَيْنِ*

سورة المائدة اية ٦

"Hai orang-orang yang beriman! Bila kamu hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan dua tanganmu hingga kedua mata siku dan sapulah kepalamu dan kedua kakimu hingga dua buku lali."

(Surah Al-Maidah, ayat 6).

6. Tertib, ertinya mendahulukan mana yang patut didahulukan dan mengemudiankan mana yang patut kemudian menurut aturan-aturan yang telah diberikan Tuhan dengan firman-Nya di atas itu.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فِى صِفَةِ حَجِّ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِبْدَأُوْا بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ.

رواه مسلم والنسائى

"Dari Jabir r.a. mengenai sifat haji Rasulullah s.a.w., beliau bersabda: "Mulailah olehmu dengan apa yang telah dimulai oleh Allah."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Nasai).

Adapun syarat-syaratnya supaya wuduk itu sah hukumnya haruslah:

1. Dikerjakan dengan air mutlak seperti air untuk bersuci pula.
2. Mengalirkan air di atas anggota yang dibasuh.
3. Bahawa tidak ada pada anggota sesuatu yang dapat merubah air, iaitu perubahan yang merosakkan nama air mutlak itu.
4. Bahawa pada anggota tidak ada sesuatu yang menghalangi antara air dan anggota yang dibasuh.
5. Bahawa dilakukan wuduk itu sesudah masuk waktu bagi orang yang selalu berhadas (selalu kentut atau kencing umpamanya).

3. SUNAT-SUNAT BERWUDUK.

Adapun sunat-sunat wuduk itu ialah:

1. Membaca Bismillah dengan mengambil air untuk membasuh muka, sambil berniat berwuduk. Sekurang-kurangnya dibaca " بسم الله " dan lebih sempurna dibaca بسم الله الرحمن الرحيم
2. Membasuh dua telapak tangan.

عَنْ أَبِى حَبَّةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ عَلِيًّا كَرَّمَ اللهُ وَجْهَهُ أَنَّهُ تَوَضَّأَ فَغَسَلَ كَفَّيْهِ حَتَّى اَنْقَاهُمَا وَسَاقَ الْحَدِيْثُ ثُمَّ قَالَ اَحْبَبْتُ اَنْ اُرِيْكُمْ كَيْفَ كَانَ طُهُوْرُ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ.

رواه الترمذى

"Dari Abu Habbah r.a. katanya: Pernah aku melihat Ali r.a. berwuduk, maka dibasuhnya kedua tapak tangannya, hingga bersih. Dan hadis seterusnya... kemudian Ali berkata: "Aku suka memperlihatkan kepadamu, bagaimana cara Rasulullah s.a.w. bersuci."
(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

3. Mencelah-celah anak jari.
4. Beristinjak ertinya memasukkan air ke dalam lubang hidung selain waktu berpuasa.

Keterangannya:

عَنْ لَقِيْطِ بْنِ صَبْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ:قُلْتُ يَا رَسُوْلَ اللهِ اَخْبِرْنِى عَنِ الْوُضُوْءِ. قَالَ اَسْبِغِ الْوُضُوْءَ وَخَلِّلْ بَيْنَ الْأَصَابِعِ

وَبَالِغْ فِى الْاِسْتِنْسَاقِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ صَائِمًا.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Laqit bin Shabrah r.a. katanya: Aku bertanya: Ya Rasulullah, ceritakanlah kepadaku tentang cara berwuduk. Jawab beliau: "Sempurnakanlah berwuduk dan sela-selalah anak-anak jari dan bersungguh-sungguhlah beristinjak, kecuali bila engkau dalam berpuasa."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

5. Berkumur-kumur sambil bersuci atau menggosok gigi.
Keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ وَصَفَ وُضُوْءَ النَّبِيِّ ﷺ فَكَفَأَ الْمَاءَ عَلَى يَدَيْهِ فَغَسَلَهَا ثُمَّ أَدْخَلَ يَدَهُ فِى الْاِنَاءِ فَغَسَلَ فَمَضْمَضَ وَاسْتَنْسَقَ وَاسْتَنْثَرَ ثَلَاثًا بِثَلَاثِ غُرُفَاتٍ مِنْ مَاءٍ.

رواه البخارى

"Dari Abdullah bin Zaid r.a. Bahawasanya ia pernah mensifatkan wuduk Rasulullah s.a.w. Maka dituangkannya air ke atas dua (telapak) tangannya, maka dibasuk keduanya. Kemudian dimasukkan tangannya ke dalam bejana, lalu ia membasuhnya, terus berkumur-kumur, beristinsaq dan menghirup air sebanyak tiga kali sauk dari air itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keterangan yang lain ditambahkan pula tentang bersuci:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: لَوْلَا اَنْ اَشُقَّ عَلَى أُمَّتِى لَأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ مَعَ كُلِّ وُضُوْءٍ.

رواه مالك واحمد بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. Bahawasanya beliau pernah bersabda: Kalaulah tidak memberatkan kepada umatku, nes-

caya aku perintahkan (wajibkan) mereka bersugi pada tiap-tiap kali berwuduk."

(Diriwayatkan oleh Malik dan Ahmad).

6. Mendahulukan membasuh yang kanan dari yang kiri.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا تَوَضَّأْتُمْ فَابْدَأُو بِمَيَامِنِكُمْ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. katanya: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bila kamu hendak berwuduk, maka mulailah dengan kananmu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

7. Menggerakkan cincin yang dipakai di jari, sebagaimana diperbuat Nabi s.a.w. kalau orang yang akan berwuduk itu memakai cincin.

عَنْ أَبِى رَافِعٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا تَوَضَّأَ حَرَّكَ خَاتَمَهُ.

رواه ابن ماجة والدار قطنى

"Dari Abu Rafi' r.a. Adalah Rasulullah s.a.w. apabila berwuduk, di gerak-gerakkan cincinnya."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Daruqutni).

8. Membasuh anggota wuduk tiga kali. Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan di bawah:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ تَوَضَّأَ ثَلَاثًا ثَلَاثًا.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. berwuduk dengan tiga kali-tiga kali."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

9. Menyapu kepala dan kedua telinga luar dan dalamnya.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ مَسَحَ بِرَأْسِهِ وَأُذُنَيْهِ ظَاهِرِهِمَا وَبَاطِنِهِمَا.

رواه الترمذى بسند صحيح

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah menyapu kepalanya dan kedua telinganya luar dan dalam."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Yang lebih utama dalam menyapu kepala itu ialah seperti dinyatakan dalam perbuatan Nabi s.a.w.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدِ بْنِ عَاصِمٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا فِى صِفَةِ الْوُضُوْءِ قَالَ وَمَسَحَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِرَأْسِهِ فَأَقْبَلَ بِيَدَيْهِ وَأَدْبَرَ بَدَأَ بِمُقَدَّمِ رَأْسِهِ حَتَّى ذَهَبَ بِهِمَا إِلَى قَفَاهُ ثُمَّ رَدَّهُمَا إِلَى الْمَكَانِ الَّذِى بَدَأَ مِنْهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abdullah bin Zaid bin Ashim r.a. mengenai sifat-sifat wuduk ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah menyapukan kepalanya lalu diarahkan kedua tangannya ke depan, lalu digerak-gerakkan ke belakang dimualinya menyapu kepalanya bahagian depan, hingga disapukan kedua tangannya itu sampai ke kuduknya (kepala bahagian depan), kemudian dikembalikan kedua tangannya itu ke tempat beliau mulai."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

10. Menggosok-gosok janggut kalau ada.

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يُخَلِّلُ لِحْيَتَهُ فِى الْوُضُوْءِ.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Usman bin Affan r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. beliau selalu menggosok-gosok janggutnya waktu berwuduk."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

11. Menggosok-gosok sudut hujung mata.
Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى اَمَامَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَتَعَاهَدُ الْمَأْقَيْنِ.

رواه احمد وابن ماجة

"Dari Abu Amamah r.a. katanya: Adalah Rasulullah s.a.w. menggosok/membersihkan kedua sudut matanya."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah).

12. Melebihi membasuh anggota wuduk dari batas yang wajib, sebab basuhan yang lebih dari batas yang wajib itu akan jadi cahaya di hari kiamat. Yang dinamakan dengan "Ghurrah dan Tahjil."
Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَنْتُمْ غُرُّ الْمُحَجَّلُوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ اِسْبَاغِ الْوُضُوْءِ فَمَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ فَلْيُطِلْ غُرَّتَهُ وَتَحْجِيْلَهُ.

رواه البخارى ومسلم

*"Dari Abu Hurairah r.a. katanya: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Wajahmu akan bercahaya nanti di hari kiamat disebabkan kesempurnaan wudukmu, maka sesiapa di antara kamu yang kuasa, hendaklah memanjangkan **ghurrah** dan **tahjilnya**."*

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

13. Menggosok-gosok anggota wuduk.
Keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ تَوَضَّأَ فَجَعَلَ يَقُوْلُ هٰكَذَا يَدْلُكُ.

رواه احمد

"Dari Abdullah bin Zaid r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. berwuduk, maka beliau bersabda: "Beginilah" lalu beliau menggosok-gosok anggota wuduknya."

(Diriwayatkan oleh Ahmad).

14. Jangan berkata-kata kalau tidak perlu, kerana mengikuti perbuatan Nabi s.a.w.
15. Membasuh anggota wuduk berturut-turut. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلاً تَوَضَّأَ فَتَرَكَ مَوْضِعَ ظُفْرٍ عَلَى قَدَمِهِ فَأَبْصَرَهُ النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ: اِرْجِعْ فَأَحْسِنْ وُضُوْئَكَ فَرَجَعَ ثُمَّ صَلَّى.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Umar r.a. Bahawasanya seorang laki-laki pernah berwuduk, maka tertinggal olehnya kira-kira sebesar kuku di atas tumitnya, maka nampak oleh Nabi s.a.w. lalu beliau bersabda: "Kembali dan sempurnakanlah wudukmu," maka ia kembali menyempurnakan wuduk, kemudian ia sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

16. Berdoa setelah selesai berwuduk, ialah membaca doa yang dibaca oleh Nabi s.a.w. iaitu sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَا مِنْكُمْ مِنْ اَحَدٍ يَتَوَضَّأُ فَيَبْلُغُ ثُمَّ قَالَ: أَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلاَّ اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ ـ فُتِحَتْ اَبْوَابُ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ.

رواه مسلم

"Dari Umar r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: Apabila ada salah seorang di antara kamu yang berwuduk, lantas disempurnakan wuduknya, kemudian membaca: "Aku bersaksi, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan aku bersaksi, bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan Rasul-Nya." Maka dibukakan baginya beberapa pintu syurga yang lapan yang akan dimasukinya dari mana saja dia kehendaki."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Oleh hadis Tirmizi ditambahkan pula dengan doa ini:

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِى مِنَ التَّوَّابِيْنَ وَاجْعَلْنِى مِنَ الْمُتَطَهِّرِيْنَ.

"Ya Allah, jadikanlah aku ini dari orang-orang yang taubat dan jadi kanlah aku ini dari orang-orang yang suci."

Dalam waktu berwuduk, tumit hendaklah dibasahi dengan air wuduk.

Kalau tumit tidak terbasuh, maka tentulah wuduk tidak sah. Oleh sebab itu disunatkan menggosok dua tumit itu, agar jangan tertinggal. Sebab kebiasaannya orang cepat-cepat saja berwuduk acap kali tertinggal membasuh tumit itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَأَى رَجُلاً لَمْ يَغْسِلْ عَقِبَهُ، فَقَالَ: وَيْلٌ لِلْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah melihat seorang laki-laki yang tidak membasuh tumitnya, beliau bersabda: Seksaan nerakalah bagi orang-orang yang tidak membasuh tumitnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

BAB YANG MEMBATALKAN WUDUK

1. HADAS KECIL.

Adapun yang membatalkan wuduk ialah apabila telah datang hadas. Hadas terbagi atas dua bahagian, pertama hadas kecil dan yang kedua hadas besar.

Adapun hadas kecil, ialah hadas yang hanya menyebabkan wajib wuduk, sedang hadas besar ialah yang menyebabkan wajib mandi.

Adapun macam-macam hadas kecil itu ialah:

1. Keluar baul atau ghait (kencing atau berak). Allah berfirman

أَوْ جَآءَ اَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ اَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَاءَ*

سورة المائدة اية ٦

"Atau (yang menyebabkan wajib wuduk juga, ialah) bila datang salah seorang daripada kamu dari ghait, atau kamu menyentuh perempuan."

(Surah Al-Maidah, ayat 6).

2. Hilang akal, sebab mabuk, gila dan tidur. Yang dimaksudkan ialah tidur yang tidak tetap di tempat kedudukannya.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: إِذَا نَعَسَ اَحَدُكُمْ وَهُوَ يُصَلِّى فَلْيَرْقُدْ حَتَّى يَذْهَبَ عَنْهُ النَّوْمُ فَاِنَّ اَحَدَكُمْ إِذَا صَلَّى وَهُوَ نَاعِسٌ لَا يَدْرِى لَعَلَّهُ يَسْتَغْفِرُ فَيَسُبُّ نَفْسَهُ.

رواه البخارى

"Dari Aisyah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Bila seseorang di antara kamu mengantuk sedang ia dalam sembahyang, maka hendaklah ia tidur lebih dahulu, hingga hilang mengantuknya itu. Maka sesungguhnya seseorang bila ia telah sembahyang, sedang ia mengantuk, ia tidak sedar barangkali dalam ia meminta ampun, tetapi ia mencaci dirinya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Hadis ini menunjukkan, bahawa seseorang yang sudah dikerasi oleh rasa mengantuk, sedang ia dalam sembahyang, hendaklah ia putuskan sembahyangnya lalu pergi tidur. Sebab andai kata sembahyangnya itu diteruskan juga, maka besar kemungkinan bahawa apa yang dibacanya itu tidak betul lagi, kerana akalnya hilang, sehingga ia mengatakan apa yang tidak boleh dikatakan. Selain dari itu, akibat dari hilang akal itu, maka seseorang yang tengah sembahyang itu tidak tahu lagi, bahawa kentutnya sudah keluar (ia berhadas), yang mengakibatkan sembahyang batal, kerana wuduknya telah batal pula. Sebab dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Tabarani, dari Muawiyah dan hadis Abu Daud dari Ali, menyatakan, bahawa mata itu adalah kunci dubur. Bila mata telah tertidur (hilang akal), maka terbukalah kunci dubur itu. Demikian dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. Dari itu, yang membatalkan wuduk, bukanlah "tidur" ini, tetapi hanyalah semata-mata bahawa tidur itu sesuatu yang dapat mendatangkan hadas, bila tidur itu telah sampai menghilangkan akal. Bila wuduk telah batal, maka batal pulalah sembahyang. Dalam hal ini, bila kantuk tidak begitu keras, maka haram hukumnya memutuskan sembahyang.

Bila wuduk telah batal sebab hilang akal, tentu sembahyang tidak sah. Allah berfirman di dalam Al-Quran tentang orang yang mabuk:

يَآ اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا لَا تَقْرَبُوْا الصَّلٰوةَ وَاَنْتُمْ سُكَارٰى حَتّٰى تَعْلَمُوْا مَا تَقُوْلُوْنَ*

سورة النساء أية ٤٣

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu kerjakan sembah-yang apabila kamu sedang mabuk, sehingga kamu menyedari apa yang kamu baca."

(Surah An-Nisa', ayat 43).

3. Keluar kentut (angin).
   Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ. لَا وُضُوْءَ اِلَّا مِنْ صَوْتٍ اَوْ رِيْحٍ.

رواه الترمذى حسن صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. berkata ia: Bersabda Nabi s.a.w.: "Tidak wajib berwuduk, kecuali kerana kedengaran bunyi (kentut) atau ber-bau busuk."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Dalam awal hadis ini dinyatakan, bahawa Nabi s.a.w. pernah mengatakan: Bila seseorangmu di dalam sembahyang merasa se-suatu di duburnya, lalu ia ragu-ragu, apakah wuduknya telah batal atau belum. Maka Nabi mengatakan: Hal yang semacam itu tidak mewajibkan wuduk, melainkan kalau jelas bahawa yang keluar itu suara atau berbau. Oleh sebab itu, kalau tidak jelas bahawa yang keluar itu angin atau lainnya, maka tidaklah wajib wuduk.

4. Bersentuh laki-laki dengan perempuan yang boleh nikah yang sudah baligh dan berakal, dengan tidak ada dinding antara ke-duanya. Hal ini dinyatakan dalam ayat 6 surah Al-Maidah di atas iaitu:

اَوْ لَا مَسْتُمُ النِّسَاءَ*

"Atau (yang membatalkan wuduk juga) ialah kamu menyentuh kaum wanita ."

Sebahagian ulama berpendapat, bahawa bersentuh kulit laki-laki dan perempuan tidak membatalkan wuduk, sebab yang dimaksudkan "bersentuh" dalam ayat ini menurut pendapat mereka ialah sebagai sindiran mengenai "bersetubuh", sebagaimana yang diterangkan oleh Ibnu Abbas.

Mereka mengambil dalil dengan hadis di bawah ini:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ أَنَامُ بَيْنَ يَدَيْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ وَرِجْلَايَ فِي قِبْلَتِهِ فَإِذَا سَجَدَ غَمَزَنِيْ فَقَبَضْتُ رِجْلَيَّ فَإِذَا قَامَ بَسَطْتُهُمَا وَالْبُيُوْتُ يَوْمَئِذٍ لَيْسَ فِيْهَا مَصَابِيْحُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Pernah aku tidur di sisi Rasulullah s.a.w., sedangkan dua kakiku berada di kiblatnya. Maka bila beliau sujud, beliau pegang aku (ghamazani), lalu aku ketubkan kakiku. Maka bila beliau berdiri, aku bujurkan kembali kakiku, sedang rumah ketika itu tidak ada lampu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hanya di dalam hadis ini tidak jelas, apakah tangan Rasulullah s.a.w. langsung menyentuh kulit Siti Aisyah atau tidak, sebab ia mengatakan "ghamazani" (memegang dengan tangan), kemungkinan sekali ada selimut yang mendinding antara tangan Rasulullah dan kaki Aisyah. Sebab akal tidak mungkin menerima, bahawa Aisyah tidur bertelanjang, di mana kakinya terbuka di depan Rasulullah s.a.w. sembahyang.

Oleh kerana keraguan yang timbul ini, maka menurut Ahli Usul Fiqhi: *Keterangan yang ada mengandung keraguan, tidak dapat dijadikan dalil.*

Dengan demikian, hadis di atas tidak dapat dijadikan dalil untuk *tidak batal wuduk*, sebab hadis itu mengandung keraguan.

Antara yang menyentuh dan yang disentuh:

Berdasarkan ayat ke 6 pada surah Al-Maidah di atas tadi, iaitu: *Atau kamu menyentuh perempuan,* timbul dua macam faham:

Pertama: Semata-mata menyentuh, batal wuduk.

Kedua: Batal wuduk, kalau sentuhan itu mendatangkan atau menggerakkan syahwat.

Kalau memandang kepada umum ayat, maka menyentuh mahrampun dapat membatalkan wuduk, sebab ayat ini tidak membezakan antara wanita yang jadi MAHRAM atau TIDAK MAHRAMnya.

Dan kalau memandang kepada makna kedua (sentuhan yang menggerakkan syahwat), maka menyentuh wanita yang jadi mahram tidak membatalkan wuduk, sebab wanita-wanita mahram tidak menggerakkan syahwat.

Dalam perkara yang disentuh, baik laki-laki mahupun perempuan, kalau tidak disengaja menyentuh, maka di sini ada dua pula pendapat ulama.

Pertama: Batal wuduk yang tersentuh dan yang menyentuh.

Kedua: Batal wuduk yang menyentuh sahaja, dan tidak batal wuduk yang tersentuh.

Pendapat kedua ini beralasan kepada hadis di bawah ini:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: فَقَدْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ لَيْلَةً مِنَ الْفِرَاشِ فَالْتَمَسْتُهُ فَوَقَعَتْ يَدِيْ عَلَى بَطْنِ قَدَمَيْهِ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ وَهُمَا مَنْصُوْبَتَانِ وَهُوَ يَقُوْلُ: اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ وَبِمُعَافَتِكَ مِنْ عُقُوْبَتِكَ وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِيْ ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. berkata: Pernah aku kehilangan Rasulullah s.a.w. pada sesuatu malam dari tempat tidurku. Lalu tiba-tiba tersentuh aku kepadanya, maka hinggaplah tanganku di perut dua telapak kakinya, sedang berada dalam masjid. Kedua-dua kakinya itu ditegakkan sambil berdoa: Ya Allah, Sesungguhnya aku berlindung dengan keredaan Engkau dan aku berlindung dengan Engkau Engkau dari seksaan Engkau dan aku berlindung dengan Engkau dari segala yang datang dari Engkau. Tidak dapat aku menghitung sanjungan di atas Engkau. Engkaulah, sebagaimana Engkau menyanjungi di atas diri Engkau Sendiri."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Di dalam hadis ini dinyatakan kalimat "iltamasa" (tersentuh) dan bukan "laamasa" (menyentuh).

Maka yang membatalkan wuduk hanyalah LAAMASA dengan orang yang dapat menggerakkan syahwat (ajnabiyah) dan bukan mahram dan bukan ILTAMASA. Itulah sebabnya Rasulullah tidak berwuduk lagi kerana tersentuh Aisyah.

5. Menyentuh kemaluan dengan telapak tangan, dengan tidak ada pembatasnya.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ بُسْرَةَ بِنْتِ صَفْوَانَ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَالْيَتَوَضَّأْ.

رواه أصحاب السنن

"Dari Busrah binti Shafwan: Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Barang siapa yang telah menyentuh kemaluannya, maka hendaklah ia berwuduk kembali."

(Diriwayatkan oleh As-habus Sunan).

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban, dari Nabi s.a.w. bersabda:

"Bila seseorang di antara kamu menyampaikan tangannya kefarajnya, yang tidak ada antaranya dinding (pembatas), maka wajib di atasnya berwuduk."

Adapun tidur yang tetap pada kedudukan, yang tidak bergerak ke kiri dan ke kanan walaupun cara bersandar, tidaklah membinasakan wuduk, kerana duduk yang erat itu dapat menahan kentut yang keluar dari dubur. Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ أَصْحَابُ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ يَنْتَظِرُوْنَ الْعِشَاءَ الْأَخِيْرَةَ حَتَّى تَخْفِقَ رُؤُوْسُهُمْ ثُمَّ يُصَلُّوْنَ وَلَا يَتَوَضَّئُوْنَ.

رواه ابو داود

"Dari Anas r.a. ia berkata: Adalah sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. pernah menunggu-nunggu waktu Isyak yang terakhir, hingga kepala mereka terlentok-lentok kian ke mari (kerana tertidur sambil) duduk), kemudian mereka sembahyang dan tidak mereka ulang kembali wuduk mereka."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ اَصْحَابُ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ يَنَامُوْنَ ثُمَّ يُصَلُّوْنَ وَلاَ يَتَوَضَّئُوْنَ. رواه مسلم

"Dari Anas r.a. ia pernah berkata: Pernah sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. tertidur, kemudian mereka sembahyang dan tidak mereka berwuduk kembali."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Hadis riwayat Muslim ini ditanggungkan maknanya kepada hadis Abu Daud di atas, iaitu tidur sambil duduk dan Rasulullah s.a.w. tidak menyuruh supaya wuduk mereka diulang kembali. Maka faham hadis ini ialah, bahawa wuduk orang yang tidur yang bukan duduk (tidur menelentang dan lain-lain), maka wajiblah diulang kembali. Sebahagian ulama menanggungkan hadis di atas kepada tidur yang tidak lama. Akan tetapi kalau tidur secara duduk itu lama sekali, seperti berjam-jam, maka wuduknya itu tetap dihukum batal, sebab tidur lama, walaupun secara duduk, besar sekali kemungkinan bahawa ada sesuatu yang keluar dari salah satu dua jalan lubang kemaluan qubul atau dubur, terutama sekali angin (kentut).

2. YANG DIHARAMKAN KETIKA BERHADAS KECIL.

Adapun pekerjaan-pekerjaan yang dilarang ketika berhadas kecil ialah:

1. Sembahyang.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ لاَ يَقْبَلُ اللهُ صَلاَةَ اَحَدِكُمْ اِذَا اَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah tidak menerima sembahyang seseorang dari kamu bila ia telah berhadas sehingga ia berwuduk kembali."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. Tawaf di Kaabah. Kerana tawaf itu menurut hukum agama adalah sembahyang juga.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ: اَلطَّوَافُ بِالْبَيْتِ صَلَاةٌ اِلَّا أَنَّ اللهَ أَبَاحَ فِيْهِ الْكَلَامَ.

رواه البيهقى

"Dari Ibnu Abbas r.a. katanya: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Tawaf di rumah Allah (Kaabah) itu ialah sembahyang, bezanya, sesungguhnya Allah membolehkan berkata-kata dalam kedaaan tawaf."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

3. Menyentuh Al-Quran.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ حِزَامٍ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: لَا تَمُسَّ الْقُرْآنَ اِلَّا وَاَنْتَ طَاهِرٌ.

رواه مالك والبيهقى ـ حديث مرسل

"Dari Umar bin Hizam, dari Nabi s.a.w. katanya: "Janganlah engkau menyentuh Quran itu, melainkan apabila engkau dalam keadaan suci."

(Diriwayatkan oleh Malik dan Baihaqi).

Ditambah pula dengan firman Allah dalam Al-Quran:

لَا يَمَسُّهُ اِلَّا الْمُطَهَّرُوْنَ*

سورة الواقعة، أية ٧٩

"Tidak boleh menyentuh Al-Quran itu, melainkan orang yang suci."

(Surah Al-Waqiah, ayat 79).

Berkata sebahagian ulama, bahawa menyentuh Al-Quran ketika berhadas kecil tidak mengapa (tidak dilarang), kerana yang dimaksudkan suci dalam firman Tuhan itu menurut pendapat mereka ialah Malaikat yang suci dari dosa, sebagaimana keterangan Ibnu Abbas.

Berkata pengarang Bidayatul Mujtahid: "Apakah bersuci yang begini menjadi syarat dalam perkara menyentuh Al-Mashaf. Menurut mazhab Imam Malik, Abu Hanifah, dan Imam Syafie, bahawa bersuci yang begini menjadi syarat dalam perkara menyentuh mashaf. Akan tetapi Ahluz-Zahir (kaum Zahiriah yang melihat kepada lahir ayat Al-Quran sahaja), bahawa bersuci yang begini tidak menjadi syarat dalam perkara menyentuh Al-Mashaf,

sebab pertikaian dalam soal ini ialah kerana keraguan dalam memahami firman Allah yang berbunyi: لا يمسه إلا المطهرون

Keraguan itu ialah antara:

1. Bahawa yang dimaksud dengan "المطهرون" itu ialah manusia (anak Adam) atau,
2. Bahawa yang dimaksud ialah malaikat,
3. Bahawa khabariah (berita) dalam ayat ini ialah bererti nahi (larangan) atau,
4. Bahawa ayat itu hanyalah khabariah semata-mata, dan bukan larangan apa-apa. Maka orang yang memahamkan, bahawa "المطهرون" yang dimaksudkan di sini ialah anak Adam (manusia), sedang khabariah itu yang dimaksudkannya ialah nahi (larangan), ia berpendapat, bahawa menyentuh Mashaf itu tidak boleh, melainkan orang yang suci dari hadas. Dan orang yang memahamkan, bahawa ayat itu adalah merupakan khabariah semata-mata, sedang yang dimaksud dengan kalimat "المطهرون" di sini ialah malaikat, maka ia berpendapat, bahawa dalam ayat itu tidak ada dalil untuk mensyaratkan bersuci dalam perkara menyentuh Mashaf. Selanjutnya: Pengarang Al-Bidayah berkata: "Bila persoalan itu pendirian masing-masing tidak beralasan kitab dan sunah memberi ketetapan, tinggallah urusan itu sebagaimana aslinya, iaitu BOLEH menyentuh dengan tidak perlu bersuci lebih dahulu. Dalam hal ini, bahawa Jumhurul Ulama mengambil alasan bagi fatwa mereka akan hadis Umar bin Hazim yang telah disebutkan di atas.

Berkata pengarang kitab "Nailul Autar": "Kata-kata "tahir" mempunyai beberapa makna, iaitu:

1. Bererti mukmin, dengan alasan firman Allah: SESUNGGUHNYA ORANG MUSYRIK ITU NAJIS (Surah At-Taubah, ayat 20). Bila orang musyrik dihukum najis, maka yang dihukum suci (tahir) ialah orang yang mukmin.
2. Bererti suci dari hadas kecil dan hadas besar, dengan alasan firman Allah: "JIKA KAMU DALAM JUNUB MAKA HENDAKLAH KAMU BERSUCI" (Surah Al-Maidah, ayat 6). Ini sudah jelas dan terang.
3. Bererti orang yang tidak ada di badannya sesuatu najis juga, dengan alasan sabda Rasulullah s.a.w.: Biarkanlah kedua kasutku itu (jangan ditanggalkan), sebab sesungguhnya aku telah memasukkan kakiku ke dalamnya setelah aku suci lebih dahulu) riwayat Muslim dari Urwah bin Mughirah berasal dari bapanya.

4. Bererti sesuatu yang tidak ada padanya najis yang hissiah, atau hukmiah, ertinya najis yang masih ada warna, bau atau rupanya mahupun tidak, menurut sepakat ulama.

Oleh sebab itu kata-kata "tahir" ini adalah kata-kata mujmal (mempunyai banyak erti), yang belum boleh dijadikan dalil sebelum ada yang mentakhsiskan (sesuatu yang menentukan supaya tahir itu dipakai untuk salah satu makna yang tertentu). Dan sungguh banyak sekali pendapat yang menyatakan, bahawa kata-kata mujmal itu boleh diijmalkan kepada semua maknanya. Maka barang siapa yang berpendapat, bahawa kata-kata musytarak itu (kata-kata yang mempunyai banyak makna) boleh dipakaikan untuk semua maknannya itu. Maka ditangguhkannyalah makna "tahir" itu kepada semua maknanya dalam soal ini. (Demikian keterangan dalam Kitab Nailul Autar, juz 1 mukasurat 226).

Berkata pengarang kitab Usul Fiqh Al-Bayan: "Memakaikan kalimat yang musytarak untuk dua atau beberapa maknanya dibolehkan. Ini menurut mazhab Jumhur Ulama, Syafii, Al-Qadhi Abu Bakar dan Abu Ali Al-Jabbari." Dengan melihat kepada pendapat ini, maka orang yang boleh menyentuh Al-Quran (mashaf) itu ialah orang-orang yang suci dari segala apa yang telah disebutkan di atas itu.

Berkata *Ibnu Kasir* dalam *Tafsirnya. Dan berlain-lain faham* orang dalam perkara makna, firman Allah yang berbunyi: بمواقع النجوم (Surah Al-Waqiah, ayat 75). Berkata Al-Hakim bin Zubair, dari Said bin Zubair, dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Yang dimaksudkan dengan firman Allah itu ialah NUJUMUL QURAN (tempat perincian menurunkan Al-Quran). Kerana sesungguhnya Al-Quran itu diturunkan sekali gus pada malam Lailatul qadar dari langit yang tinggi (dari Allah) ke langit dunia, kemudian diturunkan beransur-ansur dalam beberapa tahun sesudah itu (kepada Nabi Muhammad). Dan Dhahak berkata dari Ibnu Abbas: "Diturunkan Al-Quran ini sekali gus dari Allah s.w.t. dari Lauhul Mahfuz (satu tempat di atas sekali) kepada malaikat Kiraman Katibin di langit dunia. Lalu malaikat-malaikat itu memperinci memberikannya kepada malaikat Jibril selama dua puluh malam. Dan oleh malaikat Jibril diperinci pula menurunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. selama dua puluh tahun. Maka itulah yang dimaksudkan dengan firman Allah فلا أقسم بمواقع النجوم

Ertinya: *Aku bersumpah dengan tempat perincian turun Al-Quran* .
(Demikian Tafsir Ibnu Kasir).

Apabila apa yang diucapkan oleh Ibnu Abbas ini sahih, maka yang dimaksudkan dengan "المطهرون" dalam ayat di atas, ialah

malaikat, dan bererti pula bahawa ayat itu adalah merupakan khabar berita sahaja, bukannya merupakan larangan. Dan ayat Tuhan yang berikutnya تنزيل من رب العالمين maksudnya: *Al-Quran yang ada di langit dunia. Ia diturunkan dari Tuhan semesta alam.* Kemudian barulah diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.

3. HADAS BESAR.

Sebagaimana diketahui, bahawa hadas besar itu ialah hadas yang mewajibkan mandi. Adapun pembahagiannya ialah:

1. Jimak ertinya persetubuhan antara laki-laki dan perempuan, baik keluar mani atau tidak. Disebut juga junub.

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوْا* سورة المائدة أية ٦

"Dan apabila kamu dalam junub, maka mandilah kamu."
(Surah Al-Maidah, ayat 6).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الْأَرْبَعِ وَمَسَّ الْخِتَانُ الْخِتَانَ فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ وَفِى رِوَايَةٍ وَإِنْ لَمْ يَنْزِلْ. رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bila seseorang telah duduk (menelengkup)[1] antara cabang-cabang yang empat (dari badan perempuan), dan khitan telah menyentuh khitan, maka sungguh telah wajib mandi. Dalam satu riwayat, sekalipun tidak keluar mani."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. Kerana keluar mani, kerana bersetubuh ataupun tidak. Seperti bermimpi atau sengaja mengeluarkan mani dan lain-lain sebagainya.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: جَاءَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ إِلَى رَسُوْلِ

1. Hal ini menggambarkan keadaan orang yang akan bersetubuh, yang ia menekan dua tangan dan dua kaki isterinya.

اللهِ ﷺ فَقَالَتْ: اِنَّ اللهَ لَا يَسْتَحْيِ مِنَ الْحَقِّ هَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ مِنْ غُسْلٍ اِذَا هِيَ اِحْتَلَمَتْ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ نَعَمْ اِذَا رَأَتِ الْمَاءَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: Pernah datang Ummu Sulaim kepada Rasulullah s.a.w. lalu ia bertanya: Sesungguhnya Allah tidak malu tentang pertanyaan yang sebenar; adakah wajib mandi atas perempuan, bila ia bermimpi? (maksudnya keluar air mani). Menjawab Rasulullah s.a.w.: "Ya, bila ia melihat air mani."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. Haid, ertinya darah yang keluar dari faraj perempuan tiap-tiap bulan dikala badannya sihat.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لِفَاطِمَةَ بِنْتِ حُبَيْشٍ اِذَا اَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَدَعِي الصَّلَاةَ وَاِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْتَسِلِي.

رواه البخارى

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda kepada Fatimah binti Hubaisy: "Bila datang haid, maka tinggalkanlah sembahyang, dan bila telah habis, maka mandilah engkau dan sembahyanglah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

4. Darah nifas, adapun darah nifas itu pada hakikatnya semacam darah haid juga. Darah nifas terkumpul di dalam rahim ketika anak sedang dikandung, dan kemudian darah itu keluar ketika anak telah lahir.
5. Wiladah, ertinya kelahiran yang belum sampai waktunya, biar yang gugur/lahir itu masih merupakan segumpal daging atau segumpal darah, kerana kedua macam itu pada hakikatnya mani yang sudah berkumpul. Oleh kerana ada sesuatu, ia pun keluar sebelum sampai waktunya.

Selain dari hadas besar yang mewajibkan mandi pula, ialah mayat orang Islam. Diwajibkan atas orang yang hidup memandikan mayat itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ فِى رَجُلٍ مَاتَ وَهُوَ مُحْرِمٌ اِغْسِلُوْهُ بِمَاءٍ وَسَدْرٍ كَفِّنُوْهُ فِى ثَوْبَيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda, tentang seorang laki-laki yang mati dalam keadaan mengerjakan ihram (haji): "Mandikanlah dia dengan air dan sidir (bidara), kemudian kafanilah dia dengan dua helai kainnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun sekurang-kurang umur perempuan yang keluar haid, sembilan tahun dan sekurang-kurangnya umur perempuan yang putus dari haid 62 (enam puluh dua) tahun. Sependek-pendek masa hamil enam bulan dan sepanjang-panjangnya empat tahun dan yang lazim sembilan bulan.

4. TANDA BALIGH.

Baligh ertinya sampai umur, hingga ia disebut orang yang sudah mukallaf. Tandanya seseorang sudah baligh ialah:

1. Sampai umur 15 tahun bagi laki-laki dan perempuan,
2. Bila telah datang haid bagi perempuan saja.
3. Bila telah bermimpi keluar mani, baik laki-laki atau perempuan. Atau laki-laki dan perempuan yang sudah ada syahwat.

Bila seseorang laki-laki ataupun perempuan sudah baligh, maka ia sudah diberati dengan segala furuk-furuk syariat, umpama sembahyang, puasa dan lain-lainnya. Dan ketika itu, mulailah dia dikenakan hukum dosa apabila salah satu dari furuk-furuk syariat itu ditinggalkan. Hal ini dijelaskan dalam sebuah hadis Nabi s.a.w. yang berbunyi:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ عُرِضْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عَامَ أُحُدٍ وَاَنَا اِبْنُ اَرْبَعَ عَشْرَةَ سَنَةً فَرَدَّنِىْ ثُمَّ عُرِضْتُ عَلَيْهِ عَامَ الْخَنْدَقِ وَاَنَا اِبْنُ خَمْسَ عَشَرَةَ سَنَةً فَاَجَازَنِى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah aku dibawa kepada Rasulullah s.a.w. ketika perang Uhud, sedang aku baru berumur 14 tahun, maka aku ditolak beliau, kemudian aku dihadapkan pula kepada beliau pada perang khandak sedang aku ketika itu telah berumur 15 tahun, maka dibolehkan beliau aku ikut."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Bila anak-anak telah sampai umur (baligh), maka tidak boleh lagi ia berleluasa keluar masuk bilik orang tuanya, atau melakukan pergaulan bebas antara laki-laki dan perempuan, kerana mungkin mengakibatkan hal yang tidak baik. Kerana nafsu berahinya baru mulai tumbuh.

Allah berfirman:

وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ فَلْيَسْتَأْذِنُوْا كَمَا اسْتَأْذَنَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِهِمْ.

سورة النور أية ٥٩

"Dan bila anak-anak kamu telah baligh, maka hendaklah mereka minta izin (keluar masuk bilik) sebagaimana minta izin orang-orang sebelum mereka."

(Surah An-Nur, ayat 59).

5. JUMLAH HARI HAID DAN WARNA DARAHNYA.

Adapun lama masa haid 10 hari, dan sekurang-kurangnya tiga hari.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ اَمَامَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يَكُوْنُ الْحَيْضُ اَكْثَرُ مِنْ عَشَرَةَ أَيَّامٍ وَلَا اَقَلَّ مِنْ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ.

رواه الدار قطنى

"Dari Abu Amamah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tidak ada haid yang lebih bilangannya dari sepuluh hari, dan tidak pula ada yang kurang dari 3 hari."

(Diriwayatkan oleh Daruquthi).

Berkata Syafii: Sebanyak-banyak haid 15 hari, sekurang-kurangnya sehari semalam dan kebiasaannya enam atau tujuh hari.

Sekurang-kurang suci antara dua kali haid 15 hari, dan tak ada batas sebanyak-banyaknya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ حَمْنَةَ بِنْتِ جَحْشٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لَهَا: تَحَيَّضِي فِي عِلْمِ اللهِ بِسِتَّةِ أَيَّامٍ اَوْ سَبْعَةِ أَيَّامٍ كَمَا تَحِيضُ النِّسَاءُ وَيَطْهُرْنَ مِيْقَاتَ حَيْضِهِنَّ وَطُهْرِهِنَّ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Hamnah binti Jahsy: Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah berkata kepadanya: "Engkau haid dalam ilmu Allah enam atau tujuh hari, sebagaimana haid perempuan-perempuan lain, dan sebagaimana mereka suci menurut waktu haid dan waktu suci mereka pula."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Darah haid itu hitam warnanya, sebagaimana dinyatakan oleh keterangan:

عَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ أَبِيْ حُبَيْشٍ أَنَّهَا قَالَتْ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنِّي اَسْتَحِيْضُ، فَقَالَ لَهَا: اِذَا كَانَ دَمُ الْحَيْضِ فَاِنَّهُ دَمٌ اَسْوَدُ يُعْرَفُ فَاِذَا كَانَ ذٰلِكَ فَاَمْسِكِي عَنِ الصَّلَاةِ فَاِذَا كَانَ الْآخَرُ فَتَوَضَّئِيْ وَصَلِّيْ فَاِنَّمَا هُوَ عِرْقٌ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صحيح

"Dari Fatimah binti Hubaisy: Bahawasanya ia pernah bertanya: Ya Rasulullah, sesungguhnya aku ini sedang haid. Maka menjawab Rasulullah s.a.w. kepadanya: "Jika darah itu betul darah haid, maka sesungguhnya darah haid itu hitam warnanya yang dikenal (di kalangan kaum perempuan) maka bila benar demikian itu, maka berhentilah engkau sembahyang, tetapi bila lain warnanya (bukan seperti darah haid), maka berwuduklah dan sembahyanglah engkau, kerana darah yang semacam itu keluar dari urat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Dengan hadis ini nyatalah, bahawa darah haid itu keluar dari rahim, bukan dari bahagian tubuh yang lain.

6. DARAH ISTIHADHAH DAN CARA MENGERJAKAN SEMBAHYANG.

Adapun darah yang keluar lebih dari ukuran darah haid, maka darah itu dinamakan darah istihadhah. Iaitu semacam darah penyakit yang datang kepada perempuan. Darah yang semacam itu adakalanya datang sebelum datang masa haid yang sebenarnya, dan adakalanya sesudah selesai masa haid yang sebenarnya. Perempuan-perempuan yang telah dihinggapi darah istihadhah itu tidak boleh meninggalkan sembahyang, puasa dan furuk-furuk syariat yang lain.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتِ حُبَيْشٍ سَأَلَتِ النَّبِىَّ ﷺ فَقَالَتْ: اِنِّىْ أَسْتَحِيْضُ فَلَا اَطْهُرُ أَفَاَدَعُ الصَّلَاةَ؟ فَقَالَ: لَا إِنَّ ذٰلِكَ عِرْقٌ وَلَيْسَ بِالْحَيْضَةِ وَلٰكِنْ دَعِى الصَّلَاةَ قَدْرَ الْأَيَّامِ الَّتِى كُنْتِ تَحِيْضِيْنَ فِيْهَا ثُمَّ اغْتَسِلِى وَصَلِّى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a.: Bahawasanya Fatimah binti Hubaisy pernah bertanya kepada Nabi s.a.w. katanya: Sesungguhnya aku sedang haid, belum juga aku suci, akan kutinggalkankah sembahyang? Lalu Rasulullah menjawab: "Jangan, sesungguhnya itu darah urat (yang keluar dari urat) bukan haid, tetapi tinggalkanlah sembahyang selama hari haid engkau yang biasa kemudian mandilah dan sembahyanglah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Yang wajib bagi perempuan yang beristihadhah, ialah mandi dan berwuduk pada tiap-tiap akan sembahyang. Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan:

عَنْ عَدِىِّ بْنِ ثَابِتٍ عَنْ اَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ فِى الْمُسْتَحَاضَةِ تَدَعُ الصَّلَاةَ اَيَّامَ اَقْرَائِهَا الَّتِى كَانَتْ تَحِيْضُ

فِيْهَا ثُمَّ تَغْتَسِلُ وَتَتَوَضَّأُ عِنْدَ كُلِّ صَلاَةٍ وَتَصُوْمُ وَتُصَلِّ.

رواه الترمذى وابو داود بسند ضعيف

"Dari Adi bin Sabit, dari bapanya dari datuknya, dari Nabi s.a.w.: Bahawasanya Rasulullah berkata tentang perempuan yang sedang beristhadhah: "Engkau tinggalkan sembahyang selama keluarnya (haidnya) yang biasa, kemudian engkau mandi dan berwuduk tiap-tiap akan sembahyang, dan hendaklah ia puasa dan sembahyang."
(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Abu Daud).

Dan dalam hadis Muslim dinyatakan, bahawa yang wajib ialah mandi tiap-tiap akan sembahyang. Demikian juga wajib hukumnya berwuduk tiap-tiap akan sembahyang bagi orang yang selalu keluar kencing atau selalu kentut. Orang yang begini dinamakan, *Silsil-baul* dan *Silsil-rih*. Maka tidak boleh mengerjakan dua sembahyang dengan satu kali wuduk, kecuali sembahyang sunat qabliyah dan ba'diyah.

7. DARAH HAID YANG PUTUS-PUTUS DATANGNYA.

Seorang perempuan yang sudah patut haid mengeluarkan darah lebih dari sehari semalam. Tetapi kurang dari 15 (lima belas) hari, yang diumpamakan saja 3 hari. Kemudian sesudah tiga hari ia suci kembali. Tetapi sucinya itu tak sampai pula 15 hari, diumpamakan saja selama 13 hari. Bila dikumpulkan masa ia berdarah tadi dengan masa sucinya itu maka dijumlahnya lebih 15 hari, iaitu 16 hari. Sesudah enam belas hari, datang darah kembali. Maka darah yang pertama (3 hari pertama) dinamakan *darah haid*. Dan darah yang keluar sesudah batas-batas masa suci yang sependeknya dinamakan *darah istihadhah*. Kita ingat sekarang, bahawa kalau sebanyak-banyak haid 15 hari (menurut pendapat Syafii), tentu sekurang-kurang suci 15 hari pula tiap-tiap bulan. Sekarang perempuan baru suci selama 14 hari, tentu masih kurang 2 hari lagi. Sedang darah sesudah 13 hari itu berketerusan saja. Maka darah yang berketerusan itu, dipotong 2 hari untuk mencukupkan masa suci yang jumlah seharusnya 15 hari. Maka yang dua hari itu dipandang untuk mencukupkan sekurang-kurang masa suci.

Adapun darah yang lebihnya disebut darah istihadhah. Bagi perempuan yang baru mulai haid, iaitu perempuan yang sekurang-kurangnya telah berumur 9 tahun, maka yang dinamakan haid baginya ialah yang sehari semalam dari permulaan darah yang berterusan itu.

Atau tiga hari tiga malam menurut pendapat Imam Hanafi. (Bughyatul-Mustarsyidin).

Perempuan yang sudah biasa haid tiap-tiap bulan 5 hari, maka dalam giliran itu iapun haid lima hari. Sesudah itu ia suci 14 hari. Kemudian kembali lagi keluar darah, dan darah itu keluar terus-terusan maka satu hari dari darah yang keluar kembali itu dinamakan istihadhah, untuk penyempurnaan sekurang-kurang suci. Dan yang lima hari sesudahnya dinamakan darah haid. Maka yang 15 hari sesudah yang 5 hari itu dinamakan masa suci. Demikian pula kalau suci itu 14 hari atau kurang dari itu hingga 10 hari, sesudah 5 hari haid. Maka darah yang keluar terus menerus sesudah 10 hari atau 14 hari itu, sebanyak lima atau satu hari yang pertama dari yang keluar itu disebut darah istihadhah, kerana untuk menyempurnakan sekurang-kurang suci. Berlainan kalau suci itu kurang dari 10 hari. Maka darah yang putus kurang dari 10 hari itu belum dinamakan suci. Sebab darah yang keluar sesudahnya dan sebelumnya harus dikumpulkan dan dianggap sebagai darah haid semuanya untuk menyempurnakan sebanyak-banyak masa haid. Umpama ia suci selama 9 hari atau kurang sesudah ia haid 5 hari. Maka masa yang selama ini kalau dikumpulkan baru 14 hari, dan belum sampai sebanyak-banyak masa haid menurut Syafii, iaitu 15 hari. Untuk menyempurnakan sebanyak-banyak haid, maka darah yang keluar sesudah 9 hari itu masih dinamakan darah haid. Berlainan dari yang telah kita sebutkan di atas tadi. Iaitu kalau dikumpulkan masa haid, selama 5 hari dengan masa suci selama 10 atau 14 hari sesudah itu, maka dijumlahnya sudah sampai atau lebih dari sebanyak-banyak masa haid, ialah 15 hari atau 19 hari. Itulah sebabnya darah yang keluar sesudah 10 atau 14 hari itu dianggap saja darah istihadhah, bukan darah haid guna menyempurnakan sekurang-kurang suci. (Demikian Bughyatul Mustarsyidin).

Syafii dan Malik berpendapat, bila darah itu datangnya sehari-sehari atau dua hari-dua hari pula, maka darah itu dijumlahkan, sedang hari suci yang menyela-yela antara keluar darah itu dibuang saja, ertinya tak dianggap sebagai keluar darah. Dan ia wajib mandi tiap-tiap hari ketika ia suci itu serta wajib sembahyang. Sebab perempuan itu tidak tahu, mungkin bahawa masa itu sudah masa suci. Bila darah itu telah berjumlah sebanyak 15 hari maka darah itu dinamakan istihadhah. (Demikian Bidayah Al-Mujtahid).

Selama-lama darah nifas 40 hari. Sebagaimana ternyata dalam keterangan:

عَنْ أُمِّ سَلَّمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَتِ النُّفَسَاءُ تَجْلِسُ عَلَى

عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ بَعْدَ نِفَاسِهَا أَرْبَعِيْنَ يَوْمًا.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: Adalah perempuan-perempuan nifas duduk di zaman Nabi s.a.w. sesudah nifasnya empat puluh hari."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Berkata Syafii: Selama-lama masa nifas 60 hari, dan sekurang-kurangnya sekejap (seketika melahirkan anak itu saja), dan biasanya 40 hari.

8. HAL-HAL YANG DIHARAMKAN KETIKA JUNUB.

Perbuatan-perbuatan yang diharamkan ketika junub ialah:

1. *Sembahyang.* Firman Allah di dalam Al-Quran:

لَا تَقْرَبُوا الصَّلٰوةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَى حَتَّى تَعْلَمُوْا مَا تَقُوْلُوْنَ وَلَا جُنُبًا اِلَّا عَابِرِى سَبِيْلٍ حَتَّى تَغْتَسِلُوْا*

سورة النساء أية ٤٣

"Janganlah kamu kerjakan sembahyang ketika kamu sedang mabuk hingga kamu mengetahui apa yang kamu katakan, dan jangan pula kamu kerjakan sembahyang ketika kamu sedang junub, kecuali sekadar melalui tempat sembahyang saja, sebelum kamu mandi lebih dahulu."

(Surah An-Nisa', ayat 43).

2. *Membaca Al-Quran* dan *membawanya.*

Keterangan menyatakan:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ قَالَ: لَا يَقْرَأُ الْجُنُبُ وَلَا الْحَائِضُ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ.

رواه الترمذى وابن ماجه بسند صحيح

"Dari Ibnu Umar r.a., bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Tidak boleh membaca sesuatu ayat Al-Quran bagi orang junub dan tidak pula perempuan-perempuan haid."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah).

Dan dibolehkan membaca ayat-ayat yang bukan dimaksud Al-Quran akan tetapi hanya sekadar bacaan saja. Umpamanya membaca ketika akan makan, atau ketika mendengar orang mati dan sebagainya.

3. *Menyentuh Al-Quran.* Sebab dia termasuk orang yang belum suci dari hadas. Allah berfirman:

لَا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُوْنَ*

سورة الواقعة اية ٧٩

"Tidak boleh menyentuh Quran, melainkan orang yang suci."
(Surah Al-Waqiah, ayat 79).

4. *Tawaf* di Kaabah ketika mengerjakan ibadat haji.
5. *Diam dalam masjid.* Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَإِنِّى لَا أُحِلُّ الْمَسْجِدَ لِحَائِضٍ وَلَا جُنُبٍ.

رواه ابو داود بسند ضعيف

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Sesungguhnya aku tidak membolehkan masjid bagi orang yang haid dan tidak pula bagi orang yang junub."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

9. HAL-HAL YANG DIHARAMKAN KETIKA HAID DAN NIFAS.

Adapun perbuatan-perbuatan yang diharamkan ketika perempuan berdarah haid dan nifas adalah:

1. *Sembahyang.*
2. *Puasa.* Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى سَعِيْدِ الْخُدْرِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ، قُلْنَ بَلٰى فَذٰلِكَ مِنْ نُقْصَانِ دِيْنِهَا.

رواه البخارى

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Bukankah bila perempuan-perempuan sedang haid tidak boleh sembahyang dan tidak boleh pula puasa? Perempuan-perempuan menjawab: Ya, itulah tanda kurang (kewajipan) agamanya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

3. *Membaca Al-Quran, menyentuh dan membawanya,* sebagaimana keterangan yang telah dinyatakan dalam perkara yang diharamkan selagi junub.
4. *Melalui masjid,* jika dikhuatirkan akan jatuh darahnya di lantai masjid itu. Kalau tidak dikhuatirkan, maka tidaklah haram hukumnya. Sebab masjid itu gunanya untuk melakukan sembahyang dan beriktikaf. Oleh sebab itulah masjid itu harus dijaga supaya selalu bersih.
5. *Tawaf* di Kaabah.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ لَمَّا جِئْنَا سَرِفَ حِضْتُ فَقَالَ النَّبِىُّ ﷺ: اِفْعَلِىْ كَمَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ غَيْرَ اَنْ لَا تَطُوْفِىْ بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِى. رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Tatkala kami datang ke Sarif (suatu tempat antara Mekah dan Madinah) aku sedang haid, maka berkata Rasulullah: "Perbuatlah oleh engkau apa yang diperbuat oleh yang haji, selain engkau jangan tawaf di Kaabah, hingga engkau suci lebih dahulu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

6. *Bersetubuh* (Jimak). Keterangan menyatakan:

وَيَسْئَلُوْنَكَ عَنِ الْمَحِيْضِ قُلْ هُوَ اَذًى فَاعْتَزِلُوْا النِّسَآءَ فِى الْمَحِيْضِ وَلَا تَقْرَبُوْهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ* سورة البقرة أية ٢٢٢

"Dan mereka bertanya kepada engkau, ya Muhammad, tentang haid. Katakanlah, haid itu suatu penyakit, oleh sebab itu jauhilah olehmu perempuan-perempuan (isterimu) ketika mereka sedang haid itu dan jangan kamu dekati mereka, hingga mereka suci lebih dahulu."

(Surah Al-Baqarah, ayat 222).

Berkata Syafii: Yang dimaksudkan dengan suci di sini, ialah mandi serta bersih dari darah haid. Selain untuk bersetubuh, maka laki-laki dibolehkan mendekati perempuan-perempuan atau isterinya, seperti makan dan minum bersama-sama atau menciumnya dan sebagainya. Sebab orang-orang Yahudi di zaman Nabi Muhammad sangat benci sekali kepada perempuan yang sedang haid itu, hingga makan dan minuman mereka diasingkan mereka. Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ الْيَهُوْدَ كَانُوْا اِذَا حَاضَتِ الْمَرْأَةُ فِيْهِمْ لَمْ يُؤَاكِلُوْهُنَّ وَلَمْ يُجَامِعُوْهُنَّ فِى الْبُيُوْتِ. فَقَالَ النَّبِىُّ ﷺ اِصْنَعُوْا كُلَّ شَيْءٍ اِلاَّ النِّكَاحَ.

رواه مسلم

"Dari Anas r.a. Bahawasanya orang Yahudi apabila perempuan-perempuan mereka sedang haid, tak mahu mereka membawanya makan bersama-sama, dan mereka tak mahu membawanya berkumpul di rumah-rumah, maka berkata Nabi s.a.w.: "Perbuatlah olehmu segala sesuatu, tetapi tak boleh bersetubuh."[1]

(Diriwayatkan oleh Muslim).

7. *Talak* (menjatuhkan talak).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ طَلَّقَ اِمْرَأَتَهُ وَهِىَ حَائِضٌ فِى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَسَأَلَ عُمَرُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عَنْ ذٰلِكَ فَقَالَ مُرْهُ فَلْيُرَاجِعْهَا ثُمَّ لِيُمْسِكْهَا حَتَّى تَطْهُرَ ثُمَّ تَحِيْضَ ثُمَّ تَطْهُرَ ثُمَّ اِذَا شَاءَ اَمْسَكَ بَعْدُ وَاِنْ شَاءَ طَلَّقَ قَبْلَ اَنْ تَمَسَّ.

رواه البخارى ومسلم

1. Kalimat *Nikah* di dalam hadis ini bukan bererti ijab-kabul atau akad. Adapun akad nikah, boleh dilakukan ketika perempuan sedang haid asal jangan terus bersetubuh. Sebab hadis ini disabdakan oleh Nabi ialah seiring ketika turun ayat dalam surah Al-Baqarah ayat 222 di atas.

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya ia pada masa Rasulullah pernah menceraikan isterinya, sedang isterinya itu dalam haid, lalu bertanya Umar (bapanya) kepada Rasulullah s.a.w. tentang hal itu, maka dijawab Rasulullah: "Surahlah dia merujuk isterinya itu kembali, kemudian hendaklah ia menanti isterinya itu sehingga suci kembali, kemudian ia haid pula, kemudian ia suci pula, kemudian jika dikehendakinya, boleh ditahannya (tidak diceraikannya), dan bila dikehendakinya, boleh ia ceraikan sebelum ia campuri."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun talak itu sah jatuhnya, akan tetapi haram hukumnya, hingga ia diperintahkan rujuk kembali.

10. QADA SEMBAHYANG DAN PUASA BAGI WANITA HAID DAN NIFAS.

Adapun perempuan-perempuan haid dan nifas, yang telah meninggalkan sembahyang dan puasa itu, maka yang wajib atas mereka hanya membayar puasa yang ditinggalkan dan tidak wajib membayar sembahyang.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كُنَّا نُؤْمَرُ بِقَضَاءِ الصَّوْمِ وَلَا نُؤْمَرُ بِقَضَاءِ الصَّلَاةِ. رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Kami diperintah membayar puasa, dan tidak diperintah membayar sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

BAB MANDI

1. ERTI MANDI.

Mandi ertinya: Menyiramkan air kepada anggota. Untuk kesempurnaannya, ialah menggosok anggota itu dengan tangan, supaya hilang kotoran atau najis yang melekat pada badan.

Adapun mandi itu ada dua bahagian:

Pertama: Mandi wajib.

Kedua: Mandi sunat.

Mandi wajib, ialah mandi yang disebabkan oleh hadas besar sebagaimana yang telah tersebut di atas. Sedang mandi yang sunat akan datang keterangannya dalam bab yang akan datang.

Di dalam Al-Quran, mandi itu diibaratkan Allah dengan kalimat-kalimat: تَغْتَسِلُوْا - فَاطَّهَّرُوْا dan تَطَهَّرْنَ.

Dalam perkara haid diibaratkan Allah dengan firmannya:

وَلَا تَقْرَبُوْهُنَّ حَتّٰى يَطْهُرْنَ فَاِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوْهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللهُ*

سورة البقرة أية ٢٢٢

"Dan janganlah kamu mendekati mereka (isteri sedang haid) hingga mereka mandi lebih dahulu. Bila mereka telah mandi, maka kamu boleh mendatangi mereka, menurut cara yang kamu diperintah oleh Allah."

(Surah Al-Baqarah, ayat 222).

Dalam perkara junub Allah berfirman pula sebagai berikut:

وَاِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوْا*

سورة المائدة أية ٦

"Dan jika kamu sedang junub maka mandilah kamu."

(Surah Al-Maidah, ayat 6).

2. FARDU MANDI HAID DAN MANDI JUNUB.

Adapun yang fardu atau yang wajib dikerjakan waktu mandi ialah:

1. Berniat.
2. Menghilangkan najis yang melekat di badan, kalau ada.
3. Menyampaikan air kesemua kulit dan rambut, kalau mandi itu mandi wajib. Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ إِنَّ تَحْتَ كُلِّ شَعْرٍ جَنَابَةً فَاغْسِلُوْا الشَّعْرَ وَانْقُوْا الْبَشَرَ.

رواه الترمذى وابو داود بسند ضعيف

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya di bawah tiap-tiap helai rambut itu junub sekaliannya, oleh sebab itu mandikanlah rambut itu dan bersihkanlah kulitnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

3. CARA MANDI HAID DAN MANDI JUNUB.

Tentang mandi haid Rasulullah s.a.w. menyatakan pula dengan sabdanya:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا اغْتَسَلَتِ الْمَرْأَةُ عَنْ حَيْضِهَا فَنَقَضَتْ قُصَّةَ شَعْرِهَا نَقْضًا وَغَسَلَتْهُ بِخُطْمَى وَأُشْنَانٍ وَإِذَا اغْتَسَلَتْ مِنْ جَنَابَةٍ صَبَّتِ الْمَاءَ عَلَى رَأْسِهَا وَعَصَرَتْهُ.

رواه الدار قطنى والطبرانى

"Dari Anas r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Bila perempuan mandi sehabis haidnya, hendaklah ia membuka rambut nya sama sekali, dan digosoknya dengan daun bidara dan air limau, dan bila ia mandi junub, dituangkannya air itu di atas kepalanya, lalu digusurkannya."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni dan Tabarani).

Bila rambut itu bergumpal-gumpal yang tidak mudah dibuka lagi, maka cukuplah dengan menuangkan air saja di atasnya dan tak wajib membukanya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ قُلْتُ يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنِّىْ امْرَأَةٌ أَشُدُّ ضَفْرَ رَأْسِى أَفَأَنْقُضُهُ لِغُسْلِ الْجَنَابَةِ؟ قَالَ لَا إِنَّمَا يَكْفِيْكِ أَنْ تَحْثِىَ عَلَى رَأْسِكِ ثَلَاثَ حَثَيَاتٍ ثُمَّ تُفِيْضِيْنَ عَلَيْكِ الْمَاءَ فَتَطْهُرِيْنَ.

رواه مسلم

"Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: Aku pernah bertanya: Ya Rasulullah, sesungguhnya aku seorang yang berambut sangat bergumpal-gumpal, apakah akan aku buka gumpalan itu untuk mandi junub? Rasulullah menjawab: "Tidak, hanya cukuplah jika engkau tumpahkan saja air di atas kepalamu tiga kali, kemudian engkau tuangkan air itu di atas badanmu, maka setelah itu sucilah engkau."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Meletakkan kapas di faraj sesudah mandi.

Disunatkan bagi perempuan yang sudah selesai dari mandi haid, meletakkan kapas yang diberi wangi-wangian di dekat farajnya, untuk menghilangkan bau busuk yang disebabkan oleh darah haid itu.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ امْرَأَةً سَأَلَتِ النَّبِىَّ ﷺ عَنْ غُسْلِهَا مِنَ الْحَيْضِ فَأَمَرَهَا كَيْفَ تَغْتَسِلُ ثُمَّ قَالَ خُذِىْ فِرْصَةً مِنْ مِسْكٍ فَتَطَهَّرِى بِهَا قَالَتْ: كَيْفَ اَتَطَهَّرُ بِهَا! قَالَ: سُبْحَانَ اللهِ تَطَهَّرِى بِهَا قَالَتْ عَائِشَةُ فَاجْتَذَبْتُهَا اِلَيَّ فَقُلْتُ لَهَا تَتَبَّعِى بِهَا اَثَرَ الدَّمِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. Pernah bertanya seorang perempuan kepada Nabi s.a.w. tentang mandinya sehabis haid, maka perempuan itu ditanya oleh Rasulullah s.a.w. bagaimana caranya ia mandi. Lalu Rasulullah bersabda: "Ambillah sepotong kapas yang telah diberi wangi-wangian, lalu berharum-harumlah engkau dengannya." Berkata pula perempuan itu, bagaimana aku berharum dengannya. Maka Rasulullah menjawab pula: "Subhanallah, engkau berharum-harum dengannya." Aisyah berkata: Maka aku tarik tangannya dan kukatakan padanya: Engkau tutupi dengannya bekas-bekas darah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

4. SUNAT-SUNAT MANDI.

Adapun sunat-sunat mandi ialah:

1. Membaca *"Bismillah"* ketika akan mandi.
2. Mengambil wuduk sebelumnya, sebagaimana perbuatan Rasulullah s.a.w.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ اِذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ بَدَأَ فَغَسَلَ يَدَيْهِ ثُمَّ يُفْرِغُ بِيَمِيْنِهِ عَلَى شِمَالِهِ فَيَغْسِلُ

فَرْجَهُ ثُمَّ يَتَوَضَّأُ كَمَا يَتَوَضَّأُ لِلصَّلَاةِ ثُمَّ يُدْخِلُ أَصَابِعَهُ فِى الْمَاءِ يُخَلِّلُ بِهَا أُصُوْلَ شَعْرِهِ ثُمَّ يُصِيْبُ عَلَى رَأْسِهِ ثَلَاثَ غُرُفَاتٍ بِيَدِهِ ثُمَّ يُفِيْضُ الْمَاءَ عَلَى سَائِرِ جَسَدِهِ. رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a.: Bahawa Nabi s.a.w. bila beliau mandi junub dimulainya dengan membasuh kedua tangannya, kemudian ia tuangkan air dengan tangan kanannya ke tangan kirinya, maka dibasuh kemaluannya, lalu ia wuduk sebagaimana wuduk untuk sembahyang, kemudian dimasukkan jarinya ke dalam air, maka diselisik-selisikkan jari-jarinya itu ke sela-sela rambutnya, kemudian dituangkan air itu ke atas kepalanya tiga kali sauk dengan tangannya, kemudian ditumpahkan air itu ke seluruh badannya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. Melalukan tangan di atas seluruh badan (menggosok-gosok) kerana dengan menggosokkan tangan itu lebih banyak kemungkinan untuk menghilangkan kotoran yang melekat.
4. Mendahulukan membasuh yang sebelah kanan dari yang sebelah kiri. Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يُعْجِبُهُ التَّيَمُّنَ فِى شَأْنِهِ فِى كُلِّهِ طُهُوْرِهِ وَتَرَجُّلِهِ وَتَنَعُّلِهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w beliau sangat menyukai mendahulukan yang kanan dalam segala pekerjaannya, pada tiap-tiap beliau bersuci, melangkah dan memakai kasutnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

5. Menutup aurat di tempat yang tersembunyi, umpama dalam bilik mandi dan lain-lain. Ada keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ نَهَى عَنْ دُخُوْلِ الْحَمَّامَاتِ ثُمَّ رَخَّصَ لِلرِّجَالِ اَنْ يَدْخُلُوْهَا فِى الْمِيَازِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Aisyah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah melarang masuk ke dalam kamar mandi, kemudian dibolehkannya kaum laki-laki memasukinya dengan memakai kain basahan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dalam keterangan lain dinyatakan pula:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: مَا مِنْ اِمْرَاَةٍ تَخْلَعُ ثِيَابَهَا فِى غَيْرِ بَيْتِهَا اِلاَّ هَتَكَتْ مَا بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللهِ تَعَالَى.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tidak ada seorang pun perempuan yang menanggalkan kainnya tidak di biliknya sendiri, maka rosaklah hubungan antaranya dan antara Allah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

5. JENIS-JENIS MANDI YANG DISUNATKAN.

Adapun macam-macam mandi yang disunatkan ialah:

1. Mandi Jumaat (sebelum berangkat ke sembahyang jumaat).
2. Mandi sesudah berbekam.
3. Mandi sesudah memandikan mayat.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِىُّ ﷺ يَغْتَسِلُ مِنْ اَرْبَعٍ: مِنَ الْجَنَابَةِ وَيَوْمِ الْجُمْعَةِ وَمِنَ الْحِجَامَةِ وَمِنْ غَسْلِ الْمَيِّتِ.

رواه ابو داود وابن خزيمة

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. selalu mandi dari empat macam perkara: Kerana junub, hari Jumaat, kerana habis berbekam dan kerana sesudah memandikan mayat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Khuzaimah).

Keterangan lain ditambahkan pula.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ جَاءَ مِنْكُمُ الْجُمْعَةَ فَلْيَغْتَسِلْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa di antaramu yang hendak pergi sembahyang Jumaat, maka hendaklah ia mandi."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

4. Mandi tatkala memakai kain ihram (hendak mengerjakan umrah atau haji).
   Ada keterangan menyatakan:

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِىَّ ﷺ تَجَرَّدَ لِاِهْلَالِهِ وَاغْتَسَلَ.

رواه الترمذى حسن غريب

"Dari Zaid bin Sabit r.a. ia berkata: Pernah aku melihat Nabi s.a.w. menanggalkan pakaian kerana ihramnya, lalu beliau mandi."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

5. Mandi orang kafir tatkala masuk Islam.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ قَيْسِ بْنِ عَاصِمٍ أَنَّهُ أَسْلَمَ فَأَمَرَهُ النَّبِىُّ ﷺ اَنْ يَغْسِلَ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ.

رواه الترمذى والنسائى بسند حسن

"Dari Qais bin Ashim, tatkala ia memeluk agama Islam, maka dia disuruh oleh Rasulullah s.a.w. supaya mandi dengan air dan bidara (atau sabun wangi)."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Nasai).

6. Mandi tatkala akan masuk ke kota Mekah.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اِغْتَسَلَ النَّبِىُّ ﷺ لِدُخُوْلِ مَكَّةَ بِفَتْحٍ.

رواه الترمذى ـ حديث ضعيف

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah mandi Rasulullah s.a.w. ketika hendak masuk ke kota Mekah."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Adapun mandi untuk berhari raya, pada hari aidilfitri ataupun pada hari raya aidiladha, mandi kusuf (gerhana matahari dan bulan), mandi untuk sembahyang Istisqa' (sembahyang minta hujan), maka telah sepakat ulama-ulama mengatakan, bahawa mandi itu sunat juga hukumnya.

BAB MENYAPU KASUT

1. ERTI MENYAPU KASUT.

Yang dimaksudkan ialah: Mengusap belakang kasut sebagai ganti membasuh kaki bagi orang yang berwuduk untuk mengerjakan ibadat sembahyang, baik waktu dalam perjalanan mahupun waktu menetap di kampung.

Salah satu keringanan yang diberikan oleh syarak (agama Islam) dalam melaksanakan tuntutan agama, ialah menyapu kedua kasut, sebagai ganti dari membasuh kedua belah kaki dalam berwuduk. Selain dari menyapu kasut, juga menyapu stokin jika yang memakai kasut itu pakai stokin.

Menurut hadis dalam riwayat Abu Daud dan Malik, menyapu kasut disyariatkan waktu perang Tabuk.

عَنِ الْمُغِيْرَةِ بْنِ شُعْبَةَ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى الْجَوْرَبَيْنِ وَالنَّعْلَيْنِ.

رواه ابو داود وابن ماجه بسند صحيح

"Dari Mughirah bin Syu'bah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah berwuduk dan beliau menyapu kedua stokin dan kasut beliau."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

Bagi seorang musafir yang berjalan jauh, mereka boleh menyapunya selama tiga hari tiga malam, dan bagi orang yang tetap di dalam kampung ialah sehari semalam.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَبِىْ بَكْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اَرْخَصَ لِلْمُسَافِرِ ثَلَاثَةَ اَيَّامٍ وَلَيَالِهِنَّ وَلِلْمُقِيْمِ يَوْمًا وَلَيْلَةً اِذَا تَطَهَّرَ فَلَبِسَ خُفَّيْهِمَا اَنْ يَمْسَحَ عَلَيْهِمَا.

رواه ابن خزيمة وابن حبان ـ حسن صحيح

"Dari Abu Bakrah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah memberi keringanan bagi seorang musafir selama tiga hari dan tiga malam, dan bagi orang yang tetap di kampung sehari semalam, apabila ia telah bersuci, lalu dipakainya kedua kasutnya, kemudian disapunya kedua kasutnya itu."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban).

2. SYARAT-SYARAT SAH MENYAPU KASUT.

Adapun syarat-syaratnya boleh menyapu kedua belah kasut atau stokin itu ialah:

Pertama: Bahawa kasut itu dipakai sesudah sempurna bersuci lebih dahulu, seperti keterangan di atas.

Kedua: Bahawa ada kedua kasut itu menutupi tempat yang perlu dibasuh iaitu menutupi kedua tumit hingga mata kaki.

Ketiga: Bahawa kasut itu dapat dibawa berjalan lama, kalau kasut tak dapat dibawa berjalan lama kerana berat, maka tidak perlu menyapunya kerana tak ada faedahnya.

Keempat: Bahawa kasut itu terbuat dari barang-barang yang suci. Maka tidaklah boleh menyapu, kalau kasut dibuat dari kulit yang belum disamak atau kulit babi dan lain-lain.

Adapun yang wajib dalam menyapu kasut, ialah yang bahagian atas, sedang yang bahagian dalam adalah disunatkan menyapunya.

عَنِ الْمُغِيْرَةِ بْنِ شُعْبَةَ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَمْسَحُ عَلَى ظَهْرِ الْخُفَّيْنِ عَلَى ظَاهِرِهِمَا.

رواه الترمذى وابو داود بسند حسن

"Dari Mughirah bin Syu'bah ia berkata: Pernah aku melihat Rasulullah s.a.w. menyapu punggung dua kasutnya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Abu Daud).

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَوْ كَانَ الدِّيْنُ بِالرَّأْيِ لَكَانَ اَسْفَلُ الْخُفِّ اَوْلَى بِالْمَسْحِ مِنْ أَعْلاَهَا لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَمْسَحُ عَلَى ظَاهِرِ خُفَّيْهِ.

رواه ابو داود والدار قطنى

"Dari Ali r.a. ia berkata: Andaikata agama itu boleh menurut pendapat sendiri tentu kasut yang sebelah bawah yang lebih baik (patut) disapu daripada yang sebelah atasnya. Demi sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah s.a.w. menyapu punggung kedua belah kasutnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Daruqutni).

Adapun permulaan masa untuk menyapu ialah ketika mulai berhadas sesudah memakai dua kasut. Dan tidaklah boleh menyapu, kalau di dalam kasut itu ada najis atau ketika mandi, walaupun mandi itu sunat.

Adapun yang membatalkan hukum menyapu, sama dengan yang membatalkan wuduk.

BAB TAYAMUM

1. ERTI BERTAYAMUM.

Tayamum, ertinya berniat atau menyengaja. Menurut istilah agama, ialah menyapu tanah ke muka dan kedua telapak tangan dengan syarat-syarat yang ditentukan. Jika kita ditimpa sakit dan tak boleh mempergunakan air atau bila kita dalam perjalanan, atau kita tetap di kampung, sedang air tidak ada, maka bolehlah kita bertayammum sebagai ganti wuduk untuk menunaikan ibadat sembahyang. Allah berfirman dalam Al-Quran:

وَاِنْ كُنْتُمْ مَرْضٰى اَوْ عَلٰى سَفَرٍ اَوْ جَآءَ اَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَآئِطِ
اَوْ لَامَسْتُمُ النِّسَآءَ فَلَمْ تَجِدُوْا مَآءً فَتَيَمَّمُوْا صَعِيْدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوْا
بِوُجُوْهِكُمْ وَاَيْدِيْكُمْ*

سورة النساء أية ٤٣

"Dan apabila kamu dalam keadaan sakit, atau engkau sedang dalam perjalanan, atau salah seorang di antara kamu pulang dari ghait, atau kamu menyentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapati air, maka kamu carilah tanah yang suci kemudian sapulah mukamu dan kedua tanganmu."

(Surah An-Nisa', ayat 43).

2. SYARAT SAH BERTAYAMUM.

Adapun syarat-syaratnya bertayamum itu:

Pertama: Ada uzur dalam perjalanan atau dalam keadaan sakit.

Kedua: Ketika telah masuk waktu. Sebaliknya tidaklah boleh kita bertayamum sebelum masuk waktu, sebab tayamum ini adalah wuduk darurat, yang boleh dikerjakan ketika darurat pula. Iaitu ketika telah masuk waktu, sedang air tidak ada untuk berwuduk.

Ketiga: Bila susah mendapat air. Sama ada kerana sulit mengambilnya, mahal, tidak ada sama sekali atau ada air tetapi sekadar untuk minum. Allah berfirman:

فَلَمْ تَجِدُوْا مَاءً فَتَيَمَّمُوْا صَعِيْدًا طَيِّبًا*

سورة النساء أية ٤٣

"Apabila kamu tidak memperoleh air, maka carilah olehmu tanah yang suci."

(Surah An-Nisa', ayat 43).

Maka belumlah boleh kita bertayamum kalau kita belum berikhtiar mencari air.

Keempat: Tanah yang suci yang ada debu. Tidaklah boleh kita bertayamum dengan tanah berbingkah atau dengan tanah lumpur atau tanah yang bernajis.

Dan dikiaskan kepada tanah yang berdebu itu, pasir yang halus-halus dan batu-batu yang dihancur menjadi debu. Keterangan yang lain ada pula mengatakan, bahawa telapak tangan itu boleh pula ditekankan ke bumi, lalu dihembus, sebab bumi ini dijadikan Tuhan suci bagi kita, sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: جُعِلَتْ لِيَ الْأَرْضُ طَيِّبَةً وَطَهُوْرًا وَمَسْجِدًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Huzaifah bin Yaman. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Tuhan menjadikan bumi untukku sebagai barang yang bersih dan suci, dan untuk tempat bersujud."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَجْنَبْتُ فَتَمَعَّكْتُ فِى الْأَرْضِ فَاَخْبَرْتُ النَّبِىَّ ﷺ بِذٰلِكَ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّمَا

كَانَ يَكْفِيْكَ هٰكَذَا وَضَرَبَ يَدَيْهِ عَلَى الْأَرْضِ وَنَفَخَ فِيْهِمَا ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ وَكَفَّيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ammar bin Yasir r.a. ia berkata: Pernah aku junub, maka aku gosokkan tanganku ke tanah, lalu aku ceritakan hal itu kepada Nabi s.a.w., lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya cukuplah begini bagimu," lalu Rasulullah memukulkan kedua tangannya ke tanah dan dihembusnya kedua tangannya, kemudian menyapukan mukanya dengan kedua tapak tangannya serta dua telapak tangannya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun bumi, bukan sahaja tertentu kepada tanah, tetapi juga termasuk pasir-pasir halus, atau batu dan sebagainya.

Kelima: Apabila semua najis telah hilang dari badan, atau sesudah bersuci.

3. CARA-CARA BERTAYAMUM.

Setelah tanah berdebu itu tersedia, lalu kita menghadap ke kiblat seperti akan berwuduk juga, sambil kita tekankan kedua telapak tangan kita ke tanah yang berdebu tersebut, satu kali tekan untuk muka dan satu kali pula untuk dua tangan hingga dua mata siku, dengan mendahulukan yang kanan dari yang kiri.

Dan Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

فَامْسَحُوْا بِوُجُوْهِكُمْ وَاَيْدِيْكُمْ مِنْهُ*

سورة المائدة أية ٦

"Maka sapulah olehmu mukamu dan kedua tanganmu dengan tanah itu."

(Surah Al-Maidah, ayat 6).

Adapun yang membatalkan tayamum, pertama sama dengan apa-apa yang membatalkan wuduk, dan yang kedua apabila telah melihat air. Dan apabila seorang telah sembahyang dengan tayamum, kemudian ternampak air, maka tidaklah wajib atasnya mengulang sembahyangnya, dengan alasan zahir tujuan ayat Tuhan.

Sebenarnya bersuci dengan tayamum, yang gunanya untuk pengganti wuduk dan mandi junub, adalah suatu peringatan kepada

yang hendak mengerjakan sembahyang atau lain-lainnya, bahawa ia harus lebih dahulu bersuci.

BAB MASJID

1. ERTI MASJID.

Masjid ertinya tempat bersujud kepada Allah, di mana di atasnya diletakkan jidat atau kening. Tetapi yang dimaksudkan dalam bab ini, ialah tempat yang khusus yang disediakan untuk manusia berkumpul buat beribadat kepada Allah. Allah telah berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللهِ مَنْ أٰمَنَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَاَقَامَ الصَّلٰوةَ وَاٰتَى الزَّكٰوةَ وَلَمْ يَخْشَ اِلَّا اللهَ. فَعَسٰى أُولٰئِكَ اَنْ يَكُوْنُوْا مِنَ الْمُهْتَدِيْنَ*

سورة التوبة أية ١٨

"Hanya yang mahu meramaikan masjid Allah, ialah orang-orang yang beriman dengan Allah dan hari yang akhir. Ia menegakkan sembahyang, mengeluarkan zakat dan ia tidak takut melainkan akhirat Allah. Mudah-mudahan mereka ini adalah orang yang masuk mendapat petunjuk."

(Surah At-Taubah, ayat 18).

2. MASJID TAQWA DAN MASJID DIRAR.

Di dalam kitab suci Al-Quran, dinyatakan bahawa masjid ada dua macam.

Pertama: Masjid Taqwa,

Kedua: Masjid Dirar.

Masjid taqwa ialah masjid yang dibangunkan kerana semata-mata takut kepada Allah dan kerana semata-mata mencari keredaan-Nya, dan bukan untuk maksud-maksud yang lain. Sedang yang dimaksudkan dengan Masjid Dirar, ialah masjid yang dibuat untuk sesuatu maksud, yang sifatnya untuk memecah-belah kekuatan umat Islam, berhubung ada sifat permusuhan terhadap Islam. Adapun Masjid Dirar ini, dahulunya dibuat oleh orang-orang Munafik, yang selalu memusuhi umat Islam dan Nabi Muhammad s.a.w. di Madinah.

Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

لَمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوٰى مِنْ اَوَّلِ يَوْمٍ اَحَقُّ اَنْ تَقُوْمَ فِيْهِ. فِيْهِ رِجَالٌ يُحِبُّوْنَ اَنْ يَتَطَهَّرُوْا وَاللّٰهُ يُحِبُّ الْمُطَّهِّرِيْنَ*

سورة التوبة أية ١٠٨

"Sesungguhnya Masjid yang dibangunkan di atas dasar takwa itulah yang hak bahawa engkau berdiri (beribadat), di dalamnya ada orang-orang yang ingin mensucikan diri, sedang Allah sangat suka sekali kepada orang yang membersihkan diri itu."

(Surah At-Taubah, ayat 108).

Dapatlah difahamkan dari ayat ini, bahawa masjid yang hak diramaikan dan jadikan untuk rumah ibadat, ialah masjid yang dibuat atas dasar takwa kepada Allah dan untuk mempersatukan kekuatan umat Islam.

Sedang masjid yang sifatnya dibuat sengaja hendak memecah persatuan umat Islam, tidaklah hak dan tidak boleh dijadikan untuk rumah ibadat.

Allah telah berfirman:

وَالَّذِيْنَ اتَّخَذُوْا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيْقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَاِرْصَادًا لِمَنْ حَارَبَ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُ مِنْ قَبْلُ وَلَيَحْلِفُنَّ اِنْ اَرَدْنَآ اِلَّا الْحُسْنٰى وَاللّٰهُ يَشْهَدُ اِنَّهُمْ لَكَاذِبُوْنَ * لَا تَقُمْ فِيْهِ أَبَدًا....*

سورة التوبة اية ١٠٧ - ١٠٨

"Dan mereka (orang-orang munafik) itu telah membangun masjid, kerana hendak menimbulkan bahaya, kerana kekafiran, kerana memecah persatuan antara orang mukmin dan kerana hendak menyambut orang yang semenjak dahulu telah memerangi Allah dan rasul-Nya, dan mereka sungguh bersumpah, tidaklah kami kehendaki melainkan kebaikan. Dan Allah menyaksikan, bahawa mereka adalah pendusta. Janganlah kamu sembahyang di masjid itu selama-lamanya." (Surah At-Taubah, ayat 107–108).

Membangunkan masjid dirar itu haram hukumnya, kerana mendatangkan bahaya kepada umat Islam, sebab memecah persatuan dan tidak boleh dijadikan rumah ibadat, dalam hal ini perlu masjid itu diruntuhkan.

3. KEUTAMAAN MEMBANGUN MASJID.

Masjid adalah tempat yang mulia dan yang paling utama di sisi Allah. Oleh sebab itu sangat besar pahalanya kalau dibangunkan, dengan dasar takwa kepada Allah.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
مَنْ بَنَى مَسْجِدًا يَبْتَغِى بِهِ وَجْهَ اللهِ بَنَى اللهُ لَهُ مِثْلَهُ فِى الْجَنَّةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Usman bin Affan r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang telah membangunkan sebuah masjid, yang sengaja mencari keredaan Allah, nanti Allah buatkan pula untuknya sebuah masjid sebesar itu pula di dalam syurga."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dalam sebuah hadis lain dinyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: اَحَبُّ الْبِلَادِ
إِلَى اللهِ مَسَاجِدُهَا وَاَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللهِ اَسْوَاقُهَا.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: Negeri yang paling dicintai Allah ialah masjidnya, sedang negeri yang paling dimurkai Allah ialah pasarnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Masjid disukai dan dicintai Allah ialah kerana di dalam masjid itu disebut dan dibesarkan nama-Nya, tempat memuji dan menyanjung-Nya. Sedang pasar dimurkai Allah ialah kerana di dalam pasar itu terjadi kemurkaan Allah. Seperti mencuri, menipu, berdusta dan lain-lainnya.

4. HUKUM MENDIRIKAN MASJID DI ATAS KUBURAN.

Membuat masjid di atas kuburan atau sembahyang menghadap kuburan sebagai kiblat, itu haram hukumnya, kerana perbuatan ini

adalah perbuatan musyrik. Perbuatan ini adalah perbuatan orang-orang Yahudi dan Nasrani dahulunya. Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: قَاتَلَ اللهُ الْيَهُوْدَ اِتَّخَذُوْا قُبُوْرَ أَنْبِيَاءِهِمْ مَسَاجِدَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Allah telah mengutuki orang-orang Yahudi dan Nasrani, yang mereka telah mengambil kuburan nabi-nabi mereka sebagai masjid."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, dari Aisyah dinyatakan:

"Bahawa Ummu Habibah dan Ummu Salmah telah melihat sebuah gereja di Habsyah, yang di dalamnya penuh ukiran patung-patung. Dalam pada itu, Nabi bersabda: Memanglah, bahawa mereka ini (Yahudi dan Nasrani) kalau ada di kalangan mereka orang yang salih (alim), lalu orang alim itu mati, mereka buat dikuburnya sebuah masjid, lalu mereka buat gambar-gambar tersebut. Mereka inilah manusia yang paling jahat di sisi Allah di hari kiamat."

Dalam sebuah hadis lain dinyatakan pula:

عَنْ أَبِيْ مُرْثِدِ الْغَنَوِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا تَجْلِسُوْا عَلَى الْقُبُوْرِ وَلَا تُصَلُّوْا اِلَيْهَا.

رواه مسلم

"Dari Abu Mursid Al-Ghanawi r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Janganlah kamu duduk di atas kuburan dan jangan pula kamu sembahyang menghadap kepadanya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dalam hadis dinyatakan, bahawa duduk dan sembahyang di atas dan menghadap kuburan dilarang oleh Agama, dan haram hukumnya.

Dalam hal ini, kalau membuat masjid di dekat kuburan orang yang salih, kerana mengharap berkatnya dan bukan untuk membesarkan, maka tidaklah dilarang oleh Agama.

5. HUKUM HARAM JUAL BELI DALAM MASJID.

Melakukan berjual beli, atau berdagang di dalam masjid haram hukumnya, sebab masjid itu gunanya untuk beribadat dan bukan untuk mencari keuntungan duniawi. Juga mencari barang hilang pun tidak boleh di dalam masjid.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيْعُ أَوْ يَبْتَاعُ فِى الْمَسْجِدِ فَقُوْلُوْا لَهُ لَا أَرْبَحَ اللهُ تِجَارَتَكَ.

رواه الترمذى والنسائى

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang melihat orang yang berjual beli di dalam masjid, maka katakanlah kepadanya: "Semoga Allah tidak akan memberikan keuntungan dagangan engkau."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Nasai).

Dari hadis ini dapat pula difahamkan, bahawa berjual beli, atau mencari keuntungan dunia di dalam masjid dilarang oleh Allah.

Dalam hadis lain dinyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ سَمِعَ رَجُلًا يَنْشُدُ ضَالَّةً فِى الْمَسْجِدِ فَلْيَقُلْ: لَا رَدَّ اللهُ عَلَيْكَ فَإِنَّ الْمَسَاجِدَ لَمْ تُبْنَ لِهٰذَا.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang mendengar orang yang meneriakkan barang hilang di masjid, maka hendaklah ia katakan: "Allah (mudah-mudahan) tidak akan mengembalikan barang engkau yang hilang itu, kerana masjid tidak dibuat untuk ini."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

6. HUKUM MAKRUH MENGUKIR MASJID.

Mengukir masjid, walaupun dengan apa saja ukiran itu, seperti tulisan-tulisan Al-Quran, hadis, gambar-gambar dan lain-lainnya

makruh hukumnya, sebab mengganggu kepada jiwa orang yang akan sembahyang. Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ تَقُوْمُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِى الْمَسَاجِدِ.

رواه ابو داود وابن ماجة

"Dari Anas r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Tidak akan berdiri hari kiamat, hingga manusia bermegah-megah dalam perkara masjid."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

Dalam hal ini, yang lebih utama, bahawa dinding masjid itu diberi warna putih saja dan tidak sepatutnya diberi warna lain, apalagi warna itu bermacam-macam.

7. HUKUM WAJIB MEMBERSIHKAN MASJID.

Masjid adalah rumah Allah dan tempat mengabdi kepada-Nya. Oleh sebab itu, masjid itu wajib dibersihkan dari segala kotoran, terutama dari najis.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَمَرَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِبِنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِى الدُّوَرِ وَاَنْ تُنَظَّفَ وَتُطَيَّبَ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Telah menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya membuat masjid di kampung-kampung, dan supaya masjid itu dibersihkan dan dibaguskan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Hadis ini menunjukkan, bahawa masjid haruslah dibuat di kampung-kampung yang sudah cukup penduduknya untuk mengadakan sembahyang Jumaat. Dan masjid itu wajib dibersihkan dan disucikan dari kotoran dan najis.

8. ADAB MASUK KE DALAM MASJID.

Seseorang yang telah masuk ke dalam masjid hendaklah ia sembahyang dua rakaat lebih dahulu, sebelum ia duduk. Sembah-

yang ini disebut Tahiyatul Masjid, atau untuk menghormati masjid: hormati masjid:

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِىْ قَتَادَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا دَخَلَ اَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلاَ يَجْلِسْ حَتَّى يُصَلِّىَ رَكْعَتَيْنِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Qatadah r.a. Bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Bila salah seorang di antara kamu memasuki masjid, hendaklah ia sembahyang lebih dahulu dua rakaat, sebelum ia duduk."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Tentang hukum sembahyang Tahiyatul Masjid ini telah diterangkan dalam perkara sembahyang sunat dalam fasal yang lalu.

Waktu akan masuk ke dalam masjid, disunatkan memakai barang yang wangi atau harum. Sebab malaikat sangat suka sekali kepada wangi-wangian itu. Dan makruh hukumnya membawa bau busuk ke dalam masjid. Seperti bau petai, jengkol (jering), bawang dan lain-lainnya.

Sebab malaikat merasa sakit hati dengan bau busuk itu. Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: مَنْ أَكَلَ الثُّوْمَ وَالْبَصَلَ وَالْكُرَّاثَ فَلاَ يَقْرُبَنَّ مَسْجِدَنَا فَإِنَّ الْمَلاَئِكَةَ تَتَأَذَّى بِمَا يَتَأَذَّى مِنْهُ بَنُوْ اٰدَمَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang telah memakan bawang merah, bawang putih dan lobak cina, maka janganlah ia mendekati masjid kami, kerana sesungguhnya malaikat berasa sakit (benci) dengan apa yang dibenci oleh anak adam."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Mulsim).

Kecuali kalau bau bawang dan lain-lainnya itu dibuangkan lebih dahulu. Kepada bawang diserupakan bau-bau yang dianggap busuk dan keji.

9. KEUTAMAAN MASJIDILHARAM MEKAH DAN MASJID NABAWI DI MADINAH.

Keutamaan Masjid Al-Haram Mekah, lebih dari seratus kali masjid-masjid Madinah. Sedang Masjid Madinah lebih utama dari seribu kali masjid lain-lainnya. Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ الزُّبَيْرِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: صَلَاةٌ فِىْ مَسْجِدِىْ هٰذَا اَفْضَلُ مِنْ اَلْفِ صَلَاةٍ فِيْمَا سِوَاهُ اِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ وَصَلَاةٌ فِى الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ اَفْضَلُ مِنْ صَلَاةٍ فِىْ مَسْجِدِىْ هٰذَا بِمِائَةِ صَلَاةٍ.

رواه أحمد

"Dari Ibnu Zubair r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Satu kali sembahyang di masjidku ini (masjid Madinah), lebih utama daripada sembahyang seribu kali di masjid lainnya, kecuali Masjidilharam. Dan sembahyang satu kali di Masjidilharam lebih utama daripada sembahyang seratus kali di masjidku."

(Diriwayatkan oleh Ahmad).

KITAB SEMBAHYANG

1. SEMBAHYANG ITU DAPAT MENGHAPUSKAN DOSA.

Allah berfirman:

وَأَقِمِ الصَّلٰوةَ طَرَفَيِ النَّهَارِ وَزُلَفًا مِنَ الَّيْلِ إِنَّ الْحَسَنَاتِ يُذْهِبْنَ السَّيِّئَاتِ*

سورة هود أية ١١٤

"Dan tegakkanlah sembahyang pada dua pinggir siang dan sebahagian dari malam. Sesungguhnya kebaikan itu menghilangkan kejahatan."

(Surah Hud, ayat 114).

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ كَمَثَلِ نَهْرٍ عَلَى بَابِ اَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Umpama sembahyang yang lima waktu, umpama sungai yang mengalir di pintu salah seorangmu, ia mandi daripadanya lima kali setiap hari."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Alangkah bersihnya jiwa orang yang sembahyang, sebab dosanya dibasuh lima kali sehari semalam. Dan alangkah kotornya jiwa orang yang tidak sembahyang.

2. HIKMAT SEMBAHYANG.

Sesungguhnya perbuatan-perbuatan jahat dan kekejian-kekejian yang telah bermaharajalela di muka bumi ini, adalah disebabkan oleh usaha manusia yang didorong hawa nafsu yang bernyala-nyala di dalam jiwanya. Sehingga dengan dorongan hawa nafsu itu lupalah manusia kepada dirinya, lupa kepada Tuhan dan lupa kepada pantai tujuan hidupnya. Makin besar nyalanya nafsu itu di dalam diri manusia, makin lupalah ia kepada daratan dan makin terpesonalah ia berhanyut-hanyut menuruti jalan hidup yang tak tentu tujuannya itu. Makin jauh ia dibawa oleh alun hawa nafsunya, makin besar pulalah gelombang yang ditempuhnya. Dengan beransur-ansur ia pun mulai mabuk, sedang kapal yang ditumpanginya itu makin lama makin jauh juga dari pantai, dan pulau yang dituju tidak tentu.

Hari telah gelap gelita, badai dan taufan menderu-deru. Ia telah mabuk ..... Akhirnya pemandangannya pun gelap. Gelaplah alam kebenaran. Pudarlah cahaya petunjuk. Hilang jalan, hilang pedoman dan hilang pantai tempat tujuan. Kesudahannya ia pun karam, ditelan oleh gelombang kejahilan, ditelan oleh alun kebuasan dan kederhakaan. Beransur-ansur kekejaman mulai muncul. Pembunuhan dan penculikan mulai menjadi-jadi. Perompakan, pencurian makin hari makin bermaharajalela.

Perasaan diri telah dipenuhi oleh rasa kesombongan dan kebesaran. Oleh sebab itulah Tuhan memerintahkan supaya manusia itu mengerjakan ibadat sembahyang lima kali sehari semalam, gunanya untuk mengingatkan manusia kepada perintah dan larangan

Tuhan. Kita ingat kebesaran-Nya, kemuliaan dan ketinggian-Nya dan sebagainya. Allahu Akbar, Allah Maha Besar, Allah Maha Agung. Tak ada yang lebih besar, tak ada yang lebih tinggi dan tak ada yang lebih mulia lain daripada Allah semata-mata.

Dengan mengingat kebesaran Allah dan ketinggiannya itu, hilanglah sifat sombong dan takbur dari diri manusia dan datanglah perasaan takut dan rendah diri. Bila manusia telah takut kepada Tuhan dan sifat rendah diri telah menjelma ke dalam perasaannya, barulah di situ lenyap perbuatan-perbuatan keji, lenyap perbuatan mungkar, dan barulah ketika itu datang keamanan dalam masyarakat.

Bila seseorang telah sembahyang menurut aturan yang sebenarnya, mengingat kebesaran dan kemuliaan Tuhan, maka dengan sendirinya hilanglah sifat kekejian dan kemungkaran dari jiwanya, berganti dengan sifat-sifat mulia, sifat sopan santun terhadap bangsa dan masyarakat. Mudah-mudahan sembahyang kita dapat berbekas hendaknya kepada diri kita masing-masing. Amin.

Sebagaimana firman-Nya:

أَقِمِ الصَّلٰوةَ لِذِكْرِىْ*

سورة طه أية ١٤

"Dirikanlah sembahyang itu untuk mengingat Aku."

(Surah Taha ayat 14).

Bila orang senantiasa mengingat Tuhan dengan cara sembahyang itu, maka dengan sendirinya terhindarlah ia dari segala kekejian dan kejahatan dirinya, sebab sembahyang itu melarang manusia daripada memperbuat pekerjaan yang keji-keji.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَاَقِمِ الصَّلٰوةَ، إِنَّ الصَّلٰوةَ تَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ*

سورة العنكبوت ٤٥

"Dan kerjakanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu melarang segala yang keji dan yang mungkar."

Surah Al-Ankabut, ayat 45).

Adapun sembahyang yang diwajibkan Tuhan kepada kita sehari semalam, ialah sembahyang yang lima waktu. Dan sembahyang itu diwajibkan Tuhan kepada hamba-Nya, ialah sejak Nabi kita Muhammad s.a.w. melakukan israk dan mikraj tanggal 27

Rejab, iaitu satu setengah tahun sebelum beliau pindah dari Mekah ke Madinah. Pada malam itulah beliau menerima perintah wajib sembahyang untuk beliau dan untuk umat beliau. Mula-mulanya sembahyang itu diwajibkan Tuhan 50 kali sehari semalam, tetapi akhirnya kerana selalu Nabi meminta keringanan maka hanya diwajibkan 5 kali sehari semalam seperti sekarang ini.

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: فَرَضَ اللهُ عَلَى أُمَّتِيْ لَيْلَةَ الْاِسْرَاءِ خَمْسِيْنَ صَلَاةً فَلَمْ اَزَلْ أُرَاجِعُهُ وَاَسْئَلُهُ التَّخْفِيْفَ حَتَّى جَعَلَهَا خَمْسًا فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. berkata: Nabi s.a.w. telah bersabda: "Allah telah mewajibkan kepada umatku pada malam Israk sembahyang lima puluh kali, maka aku senantiasa berulang-alik mengadap Tuhan untuk memohon keringanan kepada-Nya, sehingga akhirnya Allah jadikannya lima kali sehari semalam."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun solat, dalam erti yang asal, ialah doa kebaikan. Dan menurut bahasanya dalam syariat, ialah beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam, dengan syarat-syarat yang tertentu.

Sebelum kita masuk mengerjakan ibadat sembahyang itu, baiklah kita terangkan lebih dahulu sunat-sunat yang harus dikerjakan sebelum sembahyang.

BAB AZAN DAN IQAMAT

1. ERTI AZAN DAN IQAMAT.

Azan, ertinya pemberitahuan, menurut istilah agama, pemberitahuan bahawa waktu sembahyang telah masuk iaitu dengan kalimat-kalimat yang tertentu.

Iqamat, ertinya berdiri, menurut istilah agama, membangunkan orang yang hadir untuk melakukan sembahyang dengan kalimat-kalimat yang tertentu.

Adapun azan dan iqamat itu, adalah salah satu dari ibadat sunat yang sangat dituntut sebelum mengerjakan ibadat sembahyang, terutama sekali untuk sembahyang berjemaah.

عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لَنَا النَّبِىُّ ﷺ: حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ اَحَدُكُمْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Malik bin Huwairis r.a. berkata: Telah bersabda kepada kami Nabi s.a.w.: Bila waktu sembahyang telah tiba, maka hendaklah salah seorang di antara kamu azan bagimu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. LAFAZ AZAN DAN IQAMAT.

Adapun lafaz azan dan iqamat itu, ialah sebagaimana keterangan di bawah ini.

"Dari Abdullah bin Zaid bin Abdul Rabbih Al-Ansari r.a. berkata: "Ketika Rasulullah s.a.w. memerintahkan untuk memukul naqus (genta) yang biasa dipergunakan waktu itu untuk mengumpulkan manusia mengerjakan sembahyang, maka ada seorang laki-laki berjalan mengelilingi aku (ketika aku tidur bermimpi), sedang tangannya ia membawa sebuah naqus pula, lalu aku bertanya kepadanya: Akan engkau jualkah naqus itu? Ia bertanya pula: Apa gunanya? Lalu aku jawab: Dengan memukul naqus itu kita panggil manusia untuk bersembahyang. Ia berkata pula: Mahukah engkau aku tunjuki sesuatu yang lebih baik daripada memukul naqus ini? Aku menjawab: Mahu. Lalu ia berkata pula: Engkau ucapkanlah:"

اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ. اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ.

اَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ. اَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ.

اَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ. اَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ.

حَىَّ عَلَى الصَّلَاةِ. حَىَّ عَلَى الصَّلَاةِ.

حَىَّ عَلَى الْفَلَاحِ. حَىَّ عَلَى الْفَلَاحِ.

اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ.

لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ.

Kemudian ia pergi daripadaku, tetapi tidak jauh. Kemudian ia berkata pula: Sesudah itu engkau katakan, bila engkau telah berdiri akan sembahyang:

اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ ـ اَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ ـ اَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ ـ حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ ـ حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ ـ قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ، قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ ـ اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ ـ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ.

Maka tatkala aku bangun di waktu subuh, maka aku datang kepada Rasulullah s.a.w., lalu aku ceritakan mimpiku itu kepadanya. Rasulullah s.a.w. lalu menjawab: "Sesungguhnya itulah mimpi yang sebenarnya, apabila Tuhan menghendaki."

"Waktu berdirilah, ya Bilal, maka ajarkanlah kepadanya (ya Abdullah) apa-apa yang telah engkau mimpikan itu. Kemudian hendaklah Bilal azan seperti itu, sesungguhnya Bilal suaranya lebih baik dari suaramu." Maka aku berdirilah bersama Bilal, dan aku ajarkan mimpiku itu kepadanya, maka ia azan menurut apa yang aku ajarkan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Adapun erti kalimat-kalimat azan dan iqamat itu, adalah:

Erti azan:

Allah Maha Besar (4 kali).
Aku mengaku, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah (2 kali).
Aku mengaku, bahawa Muhammad itu utusan Allah (2 kali).
Marilah sembahyang (2 kali).
Marilah mencari kemenangan (2 kali).
Allah Maha Besar (2 kali).
Tidak ada tuhan melainkan Allah (1 kali).

Erti iqamat:

Allah Maha Besar (2 kali).
Aku mengaku, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah (1 kali).
Aku mengaku, bahawa Muhammad itu utusan Allah (1 kali).
Marilah sembahyang (1 kali).
Marilah mencari kemenangan (1 kali).
Sesungguhnya sembahyang telah dimulakan (2 kali).
Allah Maha Besar (2 kali).
Tidak ada tuhan melainkan Allah (1 kali).

Demikian lafaz-lafaz azan dan iqamat itu yang ditetapkan hingga sekarang ini.

3. YANG DISUNATKAN KETIKA AZAN.

1. **Bersuci, mula-mula hendaklah kita bersuci sebelum menyerukan azan, kerana tidak selayaknya orang yang berbadan kotor atau berhadas berseru dengan kalimat suci.**

عَنْ عَبْدِ الْجَبَّارِ بْنِ وَائِلٍ عَنْ اَبِيْهِ قَالَ حَقٌّ وَسُنَّةٌ اَنْ لاَ يُؤَذِّنَ الرَّجُلُ اِلاَّ وَهُوَ طَاهِرٌ وَلاَ يُؤَذِّنَ اِلاَّ وَهُوَ قَائِمٌ.

رواه البيهقى والدار قطنى

"Dari Abdul Jabbar bin Wail dari bapanya, ia berkata: Sebagai suatu hak dan menjadi sunnah, bahawa seseorang janganlah azan kecuali bila ia suci, dan tidak boleh azan kecuali berdiri."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi dan Daruqutni).

2. **Menghadap kiblat, kemudian orang yang akan azan hendaklah berdiri di tempat yang agak tinggi sedikit sambil menghadap kiblat.**

Ketika ia sampai kepada bacaan حي على الصلاة dan حي على الفلاح dalam azan itu, maka hendaklah ia menoleh sedikit ke kanan kemudian ke kiri, tetapi janganlah berputar.

عَنْ أَبِى جُحَيْفَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ رَأَيْتُ بِلاَلاً خَرَجَ اِلَى الْاَبْطَحِ فَاَذَّنَ وَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ فَلَمَّا بَلَغَ حَىَّ عَلَى الصَّلاَةِ حَىَّ عَلَى الْفَلاَحِ لَوَى عُنُقَهُ يَمِيْنًا وَشِمَالاً وَلَمْ يَسْتَدِرْ.

رواه ابو داود ـ حديث صحيح

*"Dari Abu Juhaifah r.a. berakat: Pernah aku melihat Bilal keluar ke Abthah (salah satu tempat yang agak tinggi), lalu ia azan sambil menghadap ke kiblat. Maka tatkala ia sampai membaca **hayya alash-shalah, hayya alalfalah,** ia gelengkan kuduknya ke kanan dan ke kiri, dan bukan ia berputar."*

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

3. **Tangan di telinga, lain daripada itu jari-jari tangan kanan dan tangan kiri hendaklah didekatkan ke telinga.**

عَنْ أَبِى جُحَيْفَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ بِلاَلاً يُؤَذِّنُ وَيَدُوْرُ وَتَتَبَّعَ فَاهُ هٰهُنَا وَهٰهُنَا وَأَصْبَعَاهُ فِى أُذُنَيْهِ.

رواه الترمذى حسن صحيح

"Dari Abu Juhaifah r.a. berkata: "Pernah aku melihat Bilal azan, dan ia berputar dan menunjukkan mulutnya ke sana dan ke sini (ke kanan ke kiri) dan anak-anak jari tangannya diletakkan di telinganya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

4. **Bertaswib, jika kita azan di waktu Subuh, hendaklah kita bertaswib, ialah membaca:** الصلاة خير من النوم **dua kali sesudah membaca:** حى على الفلاح .

Sebagaimana diterangkan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مِنَ السُّنَّةِ اِذَا قَالَ الْمُؤَذِّنُ فِى اَذَانِ الْفَجْرِ حَىَّ عَلَى الْفَلاَحِ قَالَ اَلصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ اَلصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ أَكْبَرُ لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللهُ.

رواه ابن خزيمة والبيهقى والداز قطنى بسند صحيح

"Dari Anas r.a. berkata: Sebahagian dari sunnah Rasulullah s.a.w., bila orang yang azan di waktu Subuh membaca: حى على الفلاح , *hendaklah disambung dengan:* الصلاة خير من النوم *(Sembah yang itu lebih baik daripada tidur – sebanyak dua kali), Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tidak ada tuhan selain Allah."*

(Diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah, Baihaqi dan Daruqutni).

Bagi orang yang mendengar *taswib* itu, disunatkan pula membaca:

صَدَقْتَ وَبَرِرْتَ.

"Benarlah engkau, dan baiklah engkau," (dua kali).

(Demikian keterangan dalam kitab Al-Majmuk).

Tidak boleh bertaswib, kecuali pada sembahyang Subuh.

عَنْ بِلَالٍ قَالَ: قَالَ لِى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لَا تَثْوِبَنَّ فِى شَىْءٍ مِنَ الصَّلٰوتِ إِلَّا صَلَاةِ الْفَجْرِ.

رواه الترمذى وابن ماجة بسند ضعيف

*"Dari Bilal ia berkata: Telah bersabda kepadaku Rasulullah s.a.w.: **Janganlah kamu bertaswib pada suatu sembahyang, kecuali dalam sembahyang Subuh.**"*

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah).

Keterangan lain ada pula menyatakan:

عَنْ أَبِى مَحْذُوْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: عَلَّمَنِى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَلْاَذَانَ وَقَالَ إِذَا كُنْتَ فِى الصُّبْحِ فَقُلْتَ حَىَّ عَلَى الْفَلَاحِ فَقُلْ اَلصَّلَاةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ مَرَّتَيْنِ.

رواه ابو داود وابن حبان بسند حسن

"Dari Abu Mahzurah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah mengajarkan kepadaku tentang azan, dan bersabda: "Bila engkau azan pada sembahyang Subuh, lalu kamu membaca: حى على الفلاح *kemudian bacalah olehmu:* الصلاة خير من النوم *(dua kali)."*

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Hibban).

5. **Bersuara bagus yang lebih dikehendaki, jika ada suara orang azan yang bagus kedengarannya.**

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ لَهُ فِى الْاَذَانِ: اُلْقِيْهِ عَلَى بِلَالٍ فَاِنَّهُ اَنْدَى مِنْكَ صَوْتًا.

رواه ابو داود وغيره

"Dari Abdullah bin Zaid, bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya tentang azan: "Ajarkan azan itu kepada Bilal, kerana sesungguhnya Bilal lebih lantang suaranya dari engkau."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan lainnya).

Bagi kaum perempuan yang hendak berjemaah, tidak disunatkan azan, melainkan iqamat sahaja, kerana meninggikan suara bagi perempuan adalah sesuatu yang mungkin menimbulkan fitnah, kecuali iqamat, sebab iqamat hanya dilakukan dengan suara lambat-lambat sekadar hanya didengar oleh mereka yang hadir sahaja.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَيْسَ عَلَى النِّسَاءِ اَذَانٌ.

رواه البيهقى

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Tiada dibolehkan perempuan azan."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Menurut pendapat Syafii yang masyhur, bagi perempuan disunatkan iqamat, dan tidak disunatkan azan.

4. MENGIKUTI BACAAN ORANG YANG AZAN.

Bila engkau mendengar azan, maka baca pulalah olehmu apa yang dibaca oleh orang yang azan itu, kecuali ketika ia membaca: "حي على الصلاة" dan "حي على الفلاح" maka bacalah olehmu:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللهِ.

"Tidak ada daya upaya dan tidak ada kekuatan, melainkan dengan Allah."

Keterangan menyatakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا قَالَ الْمُؤَذِّنُ: اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ. فَقَالَ اَحَدُكُمْ اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ. ثُمَّ قَالَ اَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ. قَالَ اَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ. ثُمَّ قَالَ اَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ. قَالَ اَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا

رَسُوْلُ اللهِ. ثُمَّ قَالَ حَيَّ عَلَى الصَّلَاةِ. قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللهِ ثُمَّ قَالَ حَيَّ عَلَى الْفَلَاحِ قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللهِ. ثُمَّ قَالَ اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ قَالَ اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ. ثُمَّ قَالَ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ. قَالَ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ مِنْ قَلْبِهِ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

رواه مسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Bila dikatakan oleh orang yang azan: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, lalu kamu katakan pula: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Kemudian orang yang azan itu mengatakan: Saya bersaksi, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, maka kamu mengatakan pula: Saya bersaksi, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah. Kemudian orang yang azan itu berkata pula: Saya bersaksi, sesungguhnya Nabi Muhammad itu utusan Allah, maka kamu berkata pula: Saya bersaksi, sesungguhnya Nabi Muhammad itu utusan Allah. Kemudian orang azan itu mengatakan pula: Marilah kita bersembahyang, lalu kamu menyahut: Tidak ada daya upaya dan tidak ada kekuatan melainkan dengan izin Allah. Kemudian orang yang azan itu berkata pula: Marilah mencari kemenangan, lalu kamu berkata: Tidak ada daya upaya dan tidak ada kekuatan melainkan dengan izin Allah. Kemudian orang yang azan itu berkata pula: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, lalu kamu berkata: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Kemudian orang yang azan itu berkata pula: Tidak ada tuhan melainkan Allah, kamupun mengatakan: Tidak ada tuhan melainkan Allah. Perkataan itu betul-betul datang dari hatimu, maka masuklah kamu ke dalam syurga."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ اَبِى سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا سَمِعْتُمُ النِّدَاءَ فَقُوْلُوْا مِثْلَ مَا يَقُوْلُ الْمُؤَذِّنُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila kamu mendengar azan, maka katakan pulalah olehmu seperti yang dikatakan orang yang azan itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun pada waktu iqamat, bila orang yang iqamat itu telah membaca قد قامت الصلاة maka bacalah pula اقا مها وادامها yang ertinya: "Berdirilah hendaknya dan kekallah hendaknya sembahyang itu."

عَنْ اَبِىْ اُمَامَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ بِلَالاً اَخَذَ فِى الْاِقَامَةِ فَلَمَّا بَلَغَ: قَدْ قَامَتِ الصَّلَاةُ. قَالَ النَّبِىُّ ﷺ: اَقَامَهَا وَاَدَامَهَا.

رواه ابو داود

"Dari Abu Umamah r.a. Bahawasanya Bilal pernah berdiri iqamat, maka tatkala ia sampai kepada: قد قامت الصلاة
Nabi s.a.w. menjawab: Berdirilah sembahyang hendaknya dan kekallah hendaknya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

5. DOA SESUDAH AZAN.

Bila kita telah selesai azan, maka bacalah pula doa ini:

اَللّٰهُمَّ رَبَّ هٰذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ وَالصَّلَاةِ الْقَائِمَةِ اٰتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيْلَةَ وَالْفَضِيْلَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُوْدًا الَّذِى وَعَدْتَهُ اِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيْعَادَ.

"Ya Allah, Tuhan yang memperkenankan doa yang sempurna ini dan sembahyang yang akan didirikan. Berilah ya Allah, kepada Muhammad jalan dan keutamaan, dan tempatkanlah dia di tempat yang terpuji yang telah Engaku janjikan kepadanya. Sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji."

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ قَالَ حِيْنَ يَسْمَعُ النِّدَاءَ: اَللّٰهُمَّ رَبَّ هٰذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ ـ اِلَى قَوْلِهِ الَّذِى

وَعَدْتَهُ. حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

رواه البخارى

"Dari Jabir r.a., bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang membaca ketika mendengar azan: Ya Allah, Tuhan yang memperkenankan doa yang sempurna ini – hingga – yang telah Engkau janjikan kepadanya (doa yang telah tersebut di atas), maka terhulurlah kepadanya syafaatku di hari kiamat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Yang lebih utama, sebelum membaca doa azan, membaca selawat dahulu kepada Nabi setelah azan itu selesai dibaca:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: إِذَا سَمِعْتُمُ النِّدَاءَ فَقُوْلُوْا مِثْلَ مَا يَقُوْلُ الْمُؤَذِّنُ ثُمَّ صَلُّوْا عَلَيَّ فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا ثُمَّ اسْئَلُوْا اللهَ لِيَ الْوَسِيْلَةَ.

رواه مسلم

"Dari Abdullah bin Amr bin Al-Ash r.a. sesungguhnya ia pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Bila kamu telah mendengar azan, maka katakanlah olehmu seperti yang dikatakan oleh yang azan itu kemudian berselawatlah kamu atas diriku, sesungguhnya orang-orang yang berselawat atasku satu selawat, Allah memberi selawat pula kepadanya sepuluh kali, kemudian mintalah olehmu bagiku wasilah kepada Tuhan."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Umpama:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ – مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

"Ya Allah!! Berilah selawat dan salam (keselamatan) atas Muhammad – Muhammad, mudah-mudahan Allah memberi selawat dan salam kepadanya."

6. SIAPA YANG AZAN, DIALAH YANG IQAMAT.

Siapa yang azan, hendaklah dia pulalah yang akan iqamat.

قَالَ الشَّافِعِيُّ: وَإِذَا اَذَّنَ الرَّجُلُ اَحْبَبْتُ اَنْ يَتَوَلَّى الْاِقَامَةَ.

نيل الأوطار

"Berkata Syafii: "Dan bila seseorang yang telah azan, aku lebih suka supaya ia pula yang melakukan iqamat."

(Demikian Nailul Autar).

عَنْ زِيَادِ بْنِ الْحَارِثِ الصَّدَائِى أَنَّهُ أَذَّنَ فَجَاءَ بِلَالٌ لِيُقِيْمَ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ إِنَّ أَخَا صَدَاءَ أَذَّنَ وَمَنْ أَذَّنَ فَهُوَ يُقِيْمُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Ziad bin Haris Ash-Shadai. Sesungguhnya ia pernah azan, maka Bilal datang untuk iqamat. Maka Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya saudara Shada' (Zaid bin Haris) telah azan, dan sesiapa yang azan, maka dialah yang iqamat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Adapun azan tidaklah disyariatkan, lain dari sembahyang yang lima waktu.

Antara azan dan iqamat disunatkan membaca doa.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلدُّعَاءُ لَا يُرَدُّ بَيْنَ الْاَذَانِ وَالْاِقَامَةِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Anas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Doa kepada Tuhan, tidak akan ditolak antara azan dan iqamat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

7. MENGAZANKAN BAYI YANG LAHIR.

Adapun anak-anak yang baru lahir, maka disunatkan pula di-azankan di sebelah telinganya yang kanan, dan diiqamatkan di sebelah telinganya yang kiri:

عَنْ أَبِىْ رَافِعٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِىَّ ﷺ اَذَّنَ

بِالصَّلَاةِ فِى أُذُنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ حِيْنَ وَلَدَتْهُ فَاطِمَةُ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمْ.

رواه ابو داود والترمذى وصححه

"Dari Abu Rafi' r.a. ia berkata: Pernah aku melihat Nabi s.a.w. azan (sebagai) azan sembahyang di telinga Hasan bin Ali ketika ia dilahirkan oleh Fatimah r.a."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

عَنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ: مَنْ وُلِدَ لَهُ فَأَذَّنَ فِى أُذُنِهِ الْيُمْنَى وَأَقَامَ الصَّلَاةَ فِى أُذُنِهِ الْيُسْرَى لَمْ تَضُرَّهُ أُمُّ الصِّبْيَانِ.

أخرجه ابن السنى بسند ضعيف

*"Dari Hasan bin Ali r.a. ia berkata: **Bersabda Rasulullah s.a.w.:** "Sesiapa yang lahir baginya seorang anak lalu diazankan di telinganya yang kanan dan dibacakan iqamat sembahyang di telinganya yang kiri, maka tidaklah ia akan disakiti oleh Ummu Sibyan (jin.)"*

(Diriwayatkan oleh Ibnu Suni).

BAB MENGAMBIL SITRAH

1. ERTI SITRAH.

Sebahagian yang masuk sunat juga sebelum mengerjakan sembahyang, ialah mengambil sitrah (pendinding) diletakkan di sebelah atas tempat sujud, supaya orang jangan lalu lintas di tempat sujud kita ketika kita sembahyang.

عَنْ سَهْلِ بْنِ أَبِى خُثَيْمَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: إِذَا صَلَّى اَحَدُكُمْ إِلَى سُتْرَةٍ فَلْيُدْنِ مِنْهَا لَا يَقْطَعُ الشَّيْطَانُ عَلَيْهِ صَلَاتَهُ.

رواه ابو داود والنسائى

*"Dari Sahl bin Abu Khusaimah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Bila salah seorang di antara kamu sembahyang **dekat satu sitrah/pendinding, maka hendaklah ia hampir kepadanya** agar syaitan tidak dapat memutuskan sembahyangnya."*

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

2. GUNANYA SITRAH DIADAKAN.

Adapun yang dimaksud dengan pendinding atau sitrah ini, ialah meletakkan sesuatu di perbatasan tempat sujud, dan dengan jalan meletakkan tanda itu tahulah orang, bahawa lapangan antara sesuatu yang diletakkan dan antara orang yang menghadap ke pendinding itu untuk sujud dan sembahyang.

Adapun sesuatu yang dapat dijadikan pendinding itu, adakalanya boleh sebuah tongkat dipanjangkan ke tanah, adakalanya sepotong kayu biasa sahaja, adakalanya sesuatu yang diunjamkan. Jika tak ada sesuatu yang akan ditancapkan, maka boleh juga dengan membuat sebuah garis sahaja, atau lain-lain barang yang diletakkan sebagai pembatas, umpama kerusi, buku dan lain-lain.

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَجْعَلْ تِلْقَاءَ وَجْهِهِ شَيْئًا فَإِنْ لَمْ يَجِدْ شَيْئًا فَلْيَنْصِبْ عَصًا فَإِنْ لَمْ يَجِدْ عَصًا فَلْيَخُطَّ خَطًّا وَلاَ يَضُرُّهُ مَا مَرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ.

رواه ابو داود وابن ماجة بسند صحيح

*"Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: **"Bila salah seorang di antara kamu hendak sembahyang maka hendaklah ia dirikan sesuatu di sebelah depannya, jika ia tidak memperoleh sesuatu, maka hendaklah ia dirikan sebuah tongkat, jika ia tidak memperoleh tongkat, maka hendaklah ia membuat suatu garis supaya jangan menyusahkan sesuatu yang lalu di hadapannya."***

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

Keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ سِبْرَةَ بْنِ مُعَبَّدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: اِسْتَتِرُوْا فِى صَلاَتِكُمْ وَلَوْ بِسَهْمٍ.

رواه الحاكم فى المستدرك

"Dari Sibrah bin Muabbad r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Buatlah pendinding di waktu kamu sembahyang walaupun dengan sebuah anak panah."

(Diriwayatkan oleh Hakim di dalam Mustadrak).

3. MENOLAK ORANG LALU LALANG DI DEPAN SITRAH.

Bila pendinding pada tempat sujud telah diadakan dengan meletakkan sesuatu yang ditancapkan atau dengan garis, atau tikar sembahyang sekalipun dan lain-lain, maka tolaklah apa-apa yang melewati antara kita berdiri dan antara pendinding itu, kerana yang melewati itu, menurut keterangan Nabi ialah iblis atau syaitan.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ الله عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اِذَا كَانَ اَحَدُكُمْ يُصَلِّى فَلَا يَدَعْ اَحَدًا يَمُرُّ بَيْنَ يَدَيْهِ فَاِنْ اَبَى فَلْيُقَاتِلْهُ فَاِنَّ مَعَهُ الْقَرِيْنَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Bila salah seorang sedang sembahyang, maka hendaklah di larang orang lalu di hadapannya, apabila ia enggan, maka boleh orang itu dibunuhnya, kerana sesungguhnya berserta orang itu ada iblis."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Apabila pendinding itu telah didirikan, maka haramlah hukumnya bagi orang lain lalu lintas di muka orang yang sedang sembahyang itu. Keterangan:

عَنْ أَبِى الْجُهَيْمِ الْأَنْصَارِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّى مَاذَا عَلَيْهِ لَكَانَ اَنْ يَقِفَ اَرْبَعِيْنَ عَامًا خَيْرًا لَهُ مِنْ اَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Juhaim Al-Ansari r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Kalaulah tahu orang yang lalu di hadapan orang yang

sembahyang betapa dosa yang akan ditimpakan Tuhan atas dirinya, sesungguhnya jika ia berdiri 40 tahun di depan orang yang sembahyang itu lebih baik baginya daripada ia lewat di hadapan orang yang sembahyang itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

BAB WAKTU UNTUK SEMBAHYANG

1. SEMBAHYANG IBADAT YANG DITENTUKAN WAKTUNYA.

Di atas telah kita ketahui, bahawa sembahyang yang diwajibkan Tuhan kepada hamba-Nya dalam sehari semalam ialah lima waktu. Sebagaimana firman Allah:

فَأَقِيْمُوْا الصَّلٰوةَ اِنَّ الصَّلٰوةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِيْنَ كِتَابًا مَوْقُوْتًا*

سورة النساء أية ١٠٣

"Dirikanlah olehmu sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu satu kewajipan atas orang mukmin yang ditentukan waktu-waktunya."

(Surah An-Nisa' ayat 103).

Pertama: Waktu zuhur. Adapun waktu zuhur itu awalnya, ialah mulai tergelincir matahari dan akhirnya apabila bayang-bayang sesuatu telah sama panjang dengan barang itu.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: وَقْتُ الظُّهْرِ: إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطُوْلِهِ مَالَمْ يَحْضُرْ وَقْتُ الْعَصْرِ.

رواه مسلم

"Dari Abdullah bin Amr r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Waktu zuhur ialah, bila telah tergelincir matahari dan akhirnya apabila bayang-bayang seseorang telah sepanjang badannya, iaitu sebelum datang waktu Asar."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kedua: Waktu asar. Adapun permulaan waktunya, apabila telah sama panjang bayang-bayang sesuatu dengan tubuhnya. Dan akhir waktu asar itu sebelum terbenam matahari.

Dan ada pula keterangan lain menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: وَوَقْتُ الْعَصْرِ مَالَمْ تَغْرُبِ الشَّمْسُ.

رواه مسلم

"Dari Abdullah bin Amr bin Al-Ash, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: Adapun waktu asar ialah, selama matahari belum terbenam."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Ketiga: Waktu maghrib. Adapun permulaannya, bila telah terbenam matahari, dan akhirnya bila telah hilang cahaya syafak.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: وَوَقْتُ صَلَاةِ الْمَغْرِبِ إِذَا غَابَتِ الشَّمْسُ مَالَمْ يَسْقُطِ الشَّفَقُ.

رواه مسلم

"Dari Abdullah bin Amr Al-Ash. Bahawasanya s.a.w. telah bersabda: Adapun waktu maghrib, ialah bila terbenam matahari, selama belum hilang syafaq merah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keempat: Waktu isyak. Adapun permulaannya ialah bila telah hilang syafak merah, dan akhirnya hingga pertengahan malam.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: وَوَقْتُ الْعِشَاءِ إِلَى نِصْفِ اللَّيْلِ الْأَوْسَطِ.

رواه مسلم

"Dari Abdullah bin Amr Al-Ash. Bahawasanya s.a.w. telah bersabda: Adapun waktu isyak ialah, hingga separuh pertengahan malam."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kelima: Waktu subuh. Adapun permulaan waktu subuh, ialah mulai terbit fajar (shadiq), dan akhirnya bila telah terbit matahari.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ وَوَقْتُ صَلاَةِ الصُّبْحِ مِنْ طُلُوْعِ الْفَجْرِ مَالَمْ تَطْلُعِ الشَّمْسِ.

رواه مسلم

"Dari Abdullah bin Amr Al-Ash. Bahawasanya s.a.w telah bersabda: Adapun waktu sembahyang subuh, ialah mulai terbit fajar hingga terbit matahari."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dalam hadis ini disebutkan, bahawa waktu isyak ialah hingga seperdua malam. Menurut pendapat Imam Syafii yang sahih, bahawa waktu isyak ialah hingga sepertiga malam – Hal ini berdasarkan hadis:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَوْ لاَ اَنْ اَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لَأَمَرْتُهُمْ اَنْ يُؤَخِّرَ الْعِشَاءَ اِلَى ثُلُثِ اللَّيْلِ اَوْ نِصْفِهِ.

رواه الترمذى

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Kalau tidaklah sangat menyusahkan di atas umatku, nescaya aku perintah mereka, supaya melambatkan sembahyang isyak hingga sepertiga malam, atau seperduanya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Tetapi hadis lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِيْ قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَيْسَ فِى النَّوْمِ تَفْرِيْطٌ إِنَّمَا التَّفْرِيْطُ عَلَى مَنْ لَمْ يُصَلِّ الصَّلاَةَ حَتَّى يَجِيْئَ وَقْتُ الصَّلاَةِ الْآخَرِ.

رواه مسلم

"Dari Abu Qatadah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Bukanlah dinamakan sia-sia dalam perkara tertidur, hanya yang di-

namakan sia-sia, ialah orang yang belum sembahyang hingga datang pula (masuk) waktu sembahyang yang lain."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Hadis ini menunjukkan, bahawa waktu untuk sesuatu sembahyang, berakhir hingga masuk pula waktu untuk sembahyang yang lain kecuali waktu subuh. Sebab ulama sependapat, bahawa waktu subuh ialah mulai dari terbit fajar yang Shadiq, dan berakhir terbit matahari.

Pendapat kita: Kita sependapat dengan faham hadis di bawah ini. Wallaahu a'lam.

2. TUNTUTAN WAJIB SEMBAHYANG MULAI DARI AWAL WAKTU.

Adapun ibadat sembahyang, permulaan hukum wajibnya ialah di awal waktu, secara wajib berlapang-lapang dan tuntutan wajibnya itu berkekalan hingga akhir waktu yang tinggal, hanya sekadar mengerjakan sembahyang dalam waktu itu sahaja. Oleh sebab tuntutan ibadat sembahyang itu secara berlapang-lapang, maka boleh juga kita mengerjakan sembahyang itu di pertengahan waktu atau di akhirnya, asal saja akhir waktu itu dapat leluasa untuk mengerjakan sembahyang yang diwajibkan dalam waktu itu. Dan haram hukumnya bagi seseorang yang mengerjakan sembahyang di luar waktunya.

Yang lebih utama sekali mengerjakan ibadat itu, ialah di awalnya.

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَفْضَلُ الْأَعْمَالِ اَلصَّلَاةُ فِى اَوَّلِ وَقْتِهَا.

رواه الترمذى والحاكم بسند صحيح

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. "Amal ibadat yang lebih utama, ialah mengerjakan sembahyang di awal waktunya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Hakim).

Keterangan lain menyatakan:

عَنْ أَبِىْ مَحْذُوْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: اَوَّلُ الْوَقْتِ

رِضْوَانُ اللهِ وَاَوْسَطُهُ رَحْمَةُ اللهِ وَآخِرُهُ عَفْوُ اللهِ.

رواه الدار قطنى بسند ضعيف

"Dari Abu Mahzurah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Permulaan waktu itu adalah keredaan Allah, dan pertengahnya adalah rahmat Allah, dan akhirnya kemaafan Allah."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

3. WAKTU YANG MAKRUH MENGERJAKAN SEMBAHYANG.

Adapun waktu yang makruh mengerjakan ibadat sembahyang padanya ada lima macam. Iaitu: Pertama ketika matahari akan terbit. Kedua ketika matahari akan terbenam. Ketiga ketika matahari sedang berada di puncak kepala. Keempat sesudah sembahyang Subuh, baik ketika matahari sedang terbit mahupun belum. Kelima sesudah sembahyang Asar, baik ketika matahari akan terbenam mahupun belum. Dilarang juga mengerjakan sembahyang pada dua waktu ini, kerana selain tidak ada keterangan dari Nabi, juga kerana menyerupai pula perbuatan orang yang menyembah matahari.

Yang dimaksud dengan sembahyang yang makruh dikerjakan pada waktu-waktu yang tersebut di atas, ialah sembahyang sunat yang tidak ditentukan waktunya. Adapun sembahyang yang mempunyai waktu, seperti salah satu sembahyang yang lima waktu, yang sembahyang itu tertinggal kerana lupa atau tertidur, maka tidaklah makruh mengerjakan waktu itu. Sebab waktu bagi orang yang lupa, ialah ketika ia ingat. Dan bagi orang yang tertidur ketika ia bangun.

Keterangan:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ الْجُهَنِى أَنَّهُ قَالَ: ثَلَاثُ سَاعَاتٍ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَنْهَانَا اَنْ نُصَلِّىَ فِيْهِنَّ أَوْ اَنْ نَقْبُرَ فِيْهِنَّ مَوْتَانَا حِيْنَ تَطْلُعَ الشَّمْسُ بَازِغَةً حَتَّى تَرْتَفِعَ وَحِيْنَ يَقُوْمُ قَائِمُ الظَّهِيْرَةِ حَتَّى تَمِيْلَ وَحِيْنَ تَتَضَيَّفُ الشَّمْسُ الْغُرُوْبَ.

رواه مسلم

"Dari Uqbah bin Amir Al-Juhni r.a. sesungguhnya ia berkata: Tiga macam waktu yang oleh Rasulullah s.a.w. kami dilarang sembahyang padanya, dan dilarang kami menguburkan mayat kami padanya, iaitu ketika matahari sedang terbit hingga matahari itu tinggi dan ketika matahari tepat di kepala (sedang tengahari) hingga ia tergelincir (condong ke barat) dan ketika matahari hampir terbenam."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kecuali pada hari Jumaat, ketika orang masuk masjid untuk sembahyang Jumaat.

4. SEMBAHYANG ADAK DAN QADA.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, bahawa tuntutan wajib mengerjakan sembahyang ialah dari awal waktunya, dan boleh juga dikerjakan di pertengahan atau di akhir waktu itu. Dalam bahasa Arab, erti "adak" dan "qada" itu adalah sama sahaja. Iaitu sama-sama bererti membayar. Hanya perbezaannya, menurut ahli fiqah, bahawa ibadat yang dikerjakan di dalam waktunya dinamakan adak dan di luar waktunya dinamakan qada. Adapun tuntutan wajib mengerjakan ibadat , bukanlah tergantung kepada adak dan qada, tetapi tuntutan wajib itu tergantung kepada adanya waktu. Berdosa orang-orang yang mengeluarkan sembahyang dari waktunya, kecuali jika ia terlupa atau tertidur. Maka waktu sembahyang bagi orang yang terlupa dan yang tertidur itu, ialah ketika ia telah ingat dan ketika telah terbangun dari tidurnya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ نَامَ عَنْ صَلَاةٍ اَوْ نَسِيَهَا فَلْيُصَلِّهَا اِذَا ذَكَرَهَا.

رواه البخارى

*"Dari Anas r.a. ia berkata: **Telah bersabda Rasulullah s.a.w.:** "Sesiapa yang tertidur sampai luput sembahyang, atau ia lupa, maka hendaklah ia sembahyang bila ia telah ingat kembali."*

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Bila orang yang lupa dan orang yang tidur itu diwajibkan juga mengerjakan sembahyang, sedang ia tidak berdosa, tentu orang yang sengaja meninggalkan sembahyang itu lebih disuruh mengerjakan lagi. Sebab perintah Tuhan selalu berlaku di atas dirinya.

BAB SYARAT WAJIB SEMBAHYANG

1. SYARAT-SYARAT WAJIB SEMBAHYANG.

Pertama: Islam.
Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللهِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ سُئِلَ عَنِ الْاِسْلَامِ فَقَالَ خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِى الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Talhah bin Ubaidillah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah ditanya orang tentang Islam, maka Rasulullah menjawab: "Iaitu sembahyang lima waktu sehari semalam."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Maka tidaklah sah mengerjakan sembahyang itu bagi orang yang kafir, kerana sembahyang itu merupakan bahagian agama Islam.

Adapun sembahyang itu tidak wajib atas mereka secara tuntutan, tetapi wajib sembahyang itu bagi mereka, adalah secara wajib iqab, yakni wajib seksaan bagi mereka di hari kiamat, sebab meninggalkan sembahyang. Kerana ketika hidup di dunia, mereka sanggup mengerjakannya dan mengetahui syarat-syaratnya, iaitu Islam, tetapi tidak mereka kerjakan lantaran kekafiran mereka.

Kenyataan, bahawa di akhirat nanti mereka akan mengaku segala kesalahan mereka kepada Tuhan.

Allah berfirman:

فِى جَنَّاتٍ يَتَسَآءَلُوْنَ * عَنِ الْمُجْرِمِيْنَ * مَاسَلَكَكُمْ فِى سَقَرَ * قَالُوْا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّيْنَ * وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ الْمِسْكِيْنَ * وَكُنَّا نَخُوْضُ مَعَ الْخَآئِضِيْنَ * وَكُنَّا نُكَذِّبُ بِيَوْمِ الدِّيْنِ *

سورة المدثر اية ٤٠ - ٤٦

"Di dalam syurga bertanya-tanya mereka tentang orang yang berdosa. Apakah yang menyebabkan kamu masuk neraka hai orang

yang berdosa? Mereka menjawab: Kami tidak pernah mengerjakan sembahyang dan kami tidak pula memberi makanan orang miskin dan kami sentiasa berlumuran dosa bersama orang yang berdosa dan kami selalu membohongkan hari kiamat."

(Surah Al-Muddassir, ayat 40 – 46).

Demikian juga orang-orang kafir itu dituntut Tuhan dengan segala furuk-furuk syariat, seperti zakat, puasa dan haji sebagaimana mereka dituntut dengan pokok syariat iaitu sembahyang, secara tuntutan iqab.

Kedua: Baligh, maka tidaklah wajib sembahyang itu atas kanak-kanak kerana mereka belum diberati dengan kewajipan beribadat.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثٍ عَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَبْلُغَ وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الْمَجْنُوْنِ حَتَّى يَفِيْقَ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Aisyah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dicabut tuntutan beribadat pada tiga perkara: Dari anak kecil hingga ia baligh, dari orang yang tidur hingga ia bangun dan dari orang gila hingga ia sembuh."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Ketiga: Berakal, maka tidaklah wajib sembahyang bagi orang gila atau orang mabuk. Berkata ahli usul: Orang yang tertidur, anak kecil dan orang gila, mereka tidak masuk dalam tuntutan Tuhan, begitu juga orang mabuk. Adapun yang dimaksud dengan orang yang mabuk, ialah seperti apa yang diterangkan Syafii. Berkata Syafii: Orang yang mabuk ialah orang-orang yang cedera (rosak) kata-katanya yang tidak teratur dan keluar rahsianya yang tersembunyi. (Demikian dalam Al-Majmuk).

Adapun anak-anak yang telah cukup umurnya tujuh tahun wajiblah atas ibu-bapanya menyuruh belajar sembahyang. Jika umurnya telah cukup sepuluh tahun, bila ia masih meninggalkan sembahyang, wajiblah atas ibu-bapanya memukul asalkan tidak mencederakan.

عَنْ عُمَرَو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ

ﷺ: مُرُوْا اَوْلاَدَكُمْ بِالصَّلاَةِ وَهُمْ اَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِيْنَ وَاضْرِبُوْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ اَبْنَاءُ عَشْرٍ وَفَرِّقُوْا بَيْنَهُمْ فِى الْمَضَاجِعِ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Umar bin Syuib dari bapanya, dari datuknya, ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Suruhlah anak-anakmu itu melakukan sembahyang ketika anak-anak itu berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka bila meninggalkan sembahyang ketika anak-anak itu berumur sepuluh tahun dan pisahkanlah tempat tidur mereka."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

2. SYARAT-SYARAT SAH MENGERJAKAN SEMBAHYANG.

Setelah diterangkan syarat-syarat wajib sembahyang, baiklah kiranya kita terangkan pula syarat-syarat sah sembahyang, sebelum kita mengerjakannya. Adapun syarat-syarat sah ibadat sembah-**yang itu, iaitu:**

Pertama: Suci anggota dari hadas kecil dan hadas besar. Ada-pun hadas kecil itu seperti kencing, keluar angin (kentut) dan lain-lain yang menyebabkan wajib wuduk.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ: لاَ يَقْبَلُ اللهُ صَلاَةَ اَحَدِكُمْ اِذَا اَحْدَثَ حَتَّى يَتَوَضَّأَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Allah tidak akan menerima sembahyang seseorang apabila ia berhadas, sebelum ia berwuduk.
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun hadas besar itu seperti junub dan lain-lain.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوْا *

سورة المائدة أية ٦

"Allah Taala berfirman: Dan bila kamu sedang junub, maka bersucilah kamu. (Iaitu mandi)."

(Surah Al-Maidah, ayat 6).

Kedua: Suci pakaian, tempat dan badan dari najis.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: وَرَبَّكَ فَكَبِّرْ وَثِيَابَكَ فَطَهِّرْ ❋

سورة المدثر ٣ ـ ٤

"Allah Taala berfirman: Dan kepada Tuhanmu sajalah engkau besarkan dan pakaianmu engkau sucikan."

(Surah Al-Muddassir, ayat 3 – 4).

Adapun yang mengenai tempat, Rasulullah pernah bersabda:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: سَبْعَةُ مَوَاطِنَ لَا تَجُوْزُ فِيْهَا الصَّلَاةُ: اَلْمَجْزَرَةُ وَالْمَزْبَلَةُ وَالْمَقْبَرَةُ وَمَعَاطِنُ الْإِبِلِ وَالْحَمَّامُ وَقَارِعَةُ الطَّرِيْقِ وَفَوْقَ بَيْتِ اللهِ الْعَتِيْقِ.

رواه الترمذى وابن ماجة بسند ضعيف

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: Tujuh tempat yang tidak boleh ditempati untuk sembahyang iaitu; di tempat penyembelihan binatang, di tempat pembuangan sampah, di perkuburan, di kandang unta, di tempat mandi, di tempat laluan orang dan di atas Baitullah Al-Atiq."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah).

Pendapat jumhur (kebanyakan) ulama, bahawa larangan ini ditanggungkan kepada makruh, kalau di tempat-tempat tersebut di atas tidak ada najis. Dan ditanggungkan kepada haram, kalau di tempat-tempat itu ada najis.

(Demikian Nailul Autar).

Kalau tidak demikian, maka semua muka bumi ini suci semuanya untuk dijadikan tempat sembahyang. Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: جُعِلَتْ لِى الْأَرْضُ طَهُوْرًا وَمَسْجِدًا فَأَيُّمَا رَجُلٍ اَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ

حَيْثُ اَدْرَكَتْهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir r.a., sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Telah dijadikan Allah bagiku bumi sebagai tempat yang suci dan akan jadi masjid. Maka di mana saja orang laki-laki didapati oleh waktu sembahyang, maka hendaklah ia sembahyang di saat itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun yang mengenai pakaian, maka Rasulullah s.a.w. pernah bersabda:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ خَلَعَ نَعْلَيْهِ فِى الصَّلَاةِ فَخَلَعَ النَّاسُ نِعَالَهُمْ فَقَالَ: مَا لَكُمْ خَلَعْتُمْ نِعَالَكُمْ! قَالُوْا: رَاَيْنَاكَ خَلَعْتَ نَعْلَيْكَ فَخَلَعْنَا نِعَالَنَا فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ اَتَانِى جِبْرِيْلُ فَأَخْبَرَنِى أَنَّ فِيْهَا قَذَرًا.

رواه ابو داود وأحمد

"Dari Abu Sa'id Al-Khudri r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah menanggalkan seliparnya di waktu sembahyang, lalu orang-orang menanggalkan seliparnya pula. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apakah sebabnya kamu menanggalkan seliparmu? Mereka menjawab: Kerana kami lihat engkau menanggalkan selipar engkau, maka kami tinggalkan pula selipar kami. Maka apabila beliau berpaling beliau bersabda: Telah datang kepadaku Jibril, lalu dikhabarkannya kepadaku, bahawa di dalam seliparku itu ada kotoran (najis)."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ahmad).

Ketiga: Menutup aurat. Sebagaimana Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

يَآ بَنِى اٰدَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ *

سورة الأعراف اية ٣١

"Hai Bani Adam (manusia)! pakailah pakaianmu tatkala hendak sembahyang."

(Surah Al-A'raf, ayat 31).

Adapun aurat kaum laki-laki, ialah yang ada antara pusat dan lutut. Sebagaimana diterangkan dalam hadis.

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: عَوْرَةُ الرَّجُلِ مَا بَيْنَ سُرَّتِهِ وَرُكْبَتِهِ.

رواه البيهقى حديث ضعيف

"Dari Abu Sa'id Al-Khudri r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Aurat laki-laki ialah antara pusat dan lututnya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ جَرْهَدَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: اَلْفَخِذُ عَوْرَةٌ.

رواه البخارى

"Dari Jarhad r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Paha itu masuk aurat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Adapun aurat kaum perempuan, ialah seluruh tubuhnya, selain muka dan telapak tangan (ketika sembahyang). Allah berfirman:

وَلَا يُبْدِيْنَ زِيْنَتَهُنَّ اِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوْبِهِنَّ *

سورة النور اية ٣١

"Dan tidak boleh kaum wanita itu melahirkan kecantikan badan mereka, melainkan barang yang lahir daripadanya, dan hendaklah mereka tutupkan telekung mereka ke dada mereka."

(Surah An-Nur, ayat 31).

Berkata Ibnu Abbas: Yang dimaksudkan dengan "barang yang lahir" ialah muka dan dua tapak tangan.

Keterangan yang lain:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: لَا يَقْبَلُ اللهُ

صَلاَةَ حَائِضٍ اِلاَّ بِخِمَارٍ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Aisyah r.a., sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Allah tidak akan menerima sembahyang orang perempuan yang telah baligh kecuali dengan telekung."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan ditambah dengan keterangan lain:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا سَئَلَتِ النَّبِىَّ ﷺ: أَتُصَلِّ الْمَرْاَةُ فِى دَرْعٍ وَخِمَارٍ لَيْسَ عَلَيْهَا اِزَارٌ! قَالَ: اِذَا كَانَ الدَّرْعُ سَابِغًا يُغَطِّى ظُهُوْرَ قَدَمَيْهَا.

رواه ابو داود ـ موقوف

"Dari Ummu Salamah r.a. Bahawasanya dia pernah bertanya kepada Nabi s.a.w. Apakah perempuan itu boleh sembahyang dengan baju kurung serta tutup kepala yang di atas baju itu tidak ditutup dengan sarung. Rasulullah menjawab: "Boleh, apabila ada baju kurung itu lapang yang menutupi kedua mata kaki."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dan janganlah kita sembahyang dengan kain yang dirampas atau dicuri, atau kain yang dibeli dengan wang yang haram.

Dan haram hukumnya bagi seseorang menjela-jelakan kain sarungnya sama ada ketika sembahyang mahupun tidak.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَنِ السَّدْلِ فِى الصَّلاَةِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند ضعيف

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. melarang menjela-jelakan sarung (menyumbaikan kain lebih dari mata kaki) dalam sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Hadis di atas ini dikuatkan oleh hadis di bawah ini:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: مَا اَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ مِنَ الْاِزَارِ فَفِى النَّارِ.

رواه البخارى

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Kain sarung yang melebihi kedua mata kaki maka dia masuk neraka."
(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keempat: Mengetahui masuk waktu sembahyang, sebagaimana keterangan yang dahulu.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: أَقِمِ الصَّلٰوةَ لِدُلُوْكِ الشَّمْسِ *

سورة الاسراء اية ٧٨

"Berfirman Allah Taala: "Dirikanlah sembahyang, bila tergelincir matahari."
(Surah Al-Isra', ayat 78).

Jika matahari gelap kerana awan, maka boleh kita mengetahui waktu dengan melihat jam, almanak dan lain-lain.

Kelima: Menghadap kiblat, iaitu arah ke Kaabah.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: وَمِنْ حَيْثُ خَرَجْتَ فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوْا وُجُوْهَكُمْ شَطْرَهُ *

سورة البقرة اية ١٥٠

"Berfirman Allah Taala: "Dan di mana pun engkau pergi, maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjidilharam, dan di mana engkau ada, maka arahkanlah mukamu ke jurusannya."
(Surah Al-Baqarah, ayat 150).

Dan keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: اِذَا قُمْتَ اِلَى الصَّلَاةِ فَاسْبِغِ الْوُضُوْءَ ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ فَكَبِّرْهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a., sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Bila engkau berdiri hendak sembahyang maka sempurnakanlah wudukmu kemudian menghadaplah ke kiblat lalu takbirlah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. HIKMAT MENUTUP AURAT.

Menutup aurat ertinya, menutup rahsia atau menutup kemaluan. Seseorang yang rahsianya telah terbuka, bererti kemaluannya telah terbuka. Ia dapat malu.

Tetapi bukanlah mutlak aurat yang dimaksudkan di sini, melainkan yang dimaksudkan ialah menutup aurat menurut batas-batas yang ditentukan bagi kaum laki-laki atau bagi kaum perempuan. Kita disuruh menutup aurat oleh Tuhan, baik di dalam sembahyang ataupun di luar sembahyang. Kerana dengan keluarnya atau terbukanya aurat itu terjadilah suatu kekejian menurut pandangan mata. Apalagi menurut pandangan agama, aurat itu sedikit pun tidak boleh terbuka. Kalau menurut pandangan manusia, bahawa membuka aurat itu adalah sangat keji kelihatannya, tentu menurut pandangan Tuhan lebih-lebih lagi. Itulah sebabnya kita diwajibkan menutup aurat. Sehingga sembahyang kita tidak sah, kalau aurat kita terbuka walaupun sedikit sahaja. Apabila kita malu berhadapan dengan manusia dengan aurat yang terbuka, maka berhadapan dengan Tuhan tentu kita akan merasa lebih malu lagi. Maka itulah sebabnya kita lebih diwajibkan menutup aurat dalam sembahyang. Dalam saat menutupi aurat yang dimaksudkan di atas itu, sesungguhnya jika dibandingkan dengan fikiran Tuhan, maka tidaklah ada ertinya sedikit juga. Kerana pandangan Tuhan tidak dapat dihalangi oleh kain, tak dapat ditutupi dengan dinding, tidak dalam terhalang oleh gunung, oleh lautan, oleh bumi atau langit dan sebagainya.

Tetapi pandangan Tuhan itu dapat menembus ke mana sahaja. Pandangan Tuhan boleh menembus kepada biji sawi, kepada miang yang tersembunyi di dalam bumi, menembus kepada sebutir pasir hitam yang sehalus-halusnya di dalam dasar laut, dan menembus serta melihat pula kepada gerak hati masing-masing umat manusia. Di dalam sembahyang kita diperintah menutup aurat, maksudnya ialah, supaya dengan menutup aurat yang lahir bererti bahawa kita wajib menutup aurat yang batin, ialah aurat hati. Itulah yang dimaksud oleh Tuhan. Kalau tidak itu yang dimaksud Tuhan, apalah gunanya bagi-Nya menyuruh manusia menutup aurat yang sedikit itu. Tak ada gunanya bagi Tuhan menutupi aurat dengan pakaian yang bagus-bagus, kalau hati mengandung rahsia yang jahat, mengandung rahsia kafir dan musyrik kepada-Nya.

Maka tahulah kita, bahawa hikmat menutupi aurat, ialah supaya rahsia batin wajib ditutup, ialah rahsia hati.

Untuk menutupinya ialah "bercita-cita" jangan hendaknya sampai melampaui aturan Allah dan rasul-Nya (takwa kepada Allah). Tuhan berfirman:

وَاَسِرُّوْا قَوْلَكُمْ اَوِ اجْهَرُوْا بِهِ اِنَّهُ عَلِيْمٌ بِذَاتِ الصُّدُوْرِ ❋

سورة الملك اية ١٣

"Sama ada kamu rahsiakan perkataanmu ataupun kamu nyatakan, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi hati manusia."
(Surah Al-Muluk, ayat 13).

4. HIKMAT MENGADAP KE KIBLAT.

Sebagaimana diketahui, bahawa kiblat umat Islam ialah Ka'baitullah di Mekah Al-Mukarramah. Ke sanalah seluruh kaum Muslimin menghadapkan mukanya ketika mereka mengerjakan ibadat sembahyang.

Hilang perasaan ke barat, hilang perasaan ke timur, lenyap perasaan ke utara dan ke selatan bila muka telah dihadapkan ke Baitullah Al-Haram itu.

Ketika itu apa yang dinamakan jihat kanan, jihat kiri dan jihat belakang, lenyaplah seolah-olah tak dihiraukan lagi. Tangan diangkat tanda hormat, sambil membaca Allahu Akbar, lalu dibawa dan dilipat di atas dada. Perbuatan itu menunjukkan, bahawa tak ada yang boleh bergerak ketika itu selain lidah dan hati.

Bila anggota yang lahir ini telah kita hadapkan ke tempat yang mulia itu, di waktu segala gerak langkah kaki dan tangan telah diam sama sekali, makin terasalah oleh kita, bahawa hati kita makin bertambah dekat kepada Tuhan, dan makin bertambah tenang pulalah jiwa kita berbisik dengan zat Jalla wa Azza.

Maka itulah hikmatnya kita diwajibkan menghadap ke kiblat iaitu jihat yang telah dipilih oleh Tuhan, dalam mempersembahkan derma bakti hamba kepada Khaliknya.

Pada lahirnya memang muka jasmani yang kita hadapkan ke jihat yang satu itu, tetapi pada batinnya, hati kitalah yang kita hadapkan ke hadrat Yang Maha Esa.

Apalah gunanya bagi Tuhan kita menghadapkan muka kita ke jihat yang satu itu, bila hati kita membelakang kepada-Nya. Mula-mula jihat kiblat itu ialah ke Baitul Maqdis, iaitu masjid tempat per-

mulaan Rasulullah mikraj, kemudian diganti Tuhan supaya Ka'baitullah dijadikan kiblat.

5. MENINGGALKAN KIBLAT.

Adapun menghadap kiblat, adalah sebagai syarat sah sembahyang, seperti keterangan di atas. Tetapi boleh juga kiblat itu ditinggalkan dalam tiga perkara:

Pertama: Ketika sangat takut, umpamanya dalam keadaan perang sangat hebat, atau lari dari kejaran binatang buas, atau lari dari air bah dan lain-lain.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالاً اَوْ رُكْبَانًا * قَالَ ابْنُ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا مُسْتَقْبِلِى الْقِبْلَةِ وَغَيْرَ مُسْتَقْبِلِيْهَا.

رواه البخارى

"Telah berfirman Allah: "Apabila kamu takut, maka sembahyanglah cara berjalan kaki atau berkenderaan." Berkata Ibnu Umar: Menghadap kiblat atau pun tidak menghadap kiblat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Kedua: Ketika mengerjakan sembahyang sunat di atas kenderaan dalam perjalanan. Kecuali waktu mengucapkan takbir ihram, maka ketika itu hendaklah menghadap kiblat.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يُصَلِّى عَلَى رَاحِلَتِهِ حَيْثُ تَوَجَّهَتْ بِهِ فَاِذَا اَرَادَ الْفَرِيْضَةَ نَزَلَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ.

رواه البخارى

"Dari Jabir r.a. Pernah Rasulullah s.a.w. sembahyang di atas kenderaannya, beliau mengadap ke mana saja arah kenderaannya. Kemudian apabila beliau hendak mengerjakan sembahyang yang fardu itu berhenti lalu beliau menghadap ke kiblat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dan keterangan yang lain mengatakan pula:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ اِذَا سَافَرَ فَاَرَادَ

أَنْ يَتَطَوَّعَ اِسْتَقْبَلَ بِنَاقَتِهِ الْقِبْلَةَ فَكَبَّرَ ثُمَّ صَلَّى حَيْثُ كَانَ وَجْهُ رِكَابِهِ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Anas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. apabila beliau berjalan jauh, jika hendak mengerjakan sembahyang sunat, beliau mengadap ke kiblat dengan untanya lalu beliau bertakbir, kemudian sembahyang mengadap ke mana saja beliau dibawa kenderaannya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Ketiga: Kerana sangat lemah dan sukar menghadap ke kiblat, umpamanya ketika malam gelap-gelita dalam perjalanan, serta pedoman telah hilang, seperti hari hujan yang amat lebat, atau badai di laut dan sebagainya.

قَالَ جَابِرٌ: صَلَّيْنَا لَيْلَةً فِي غَيْمٍ خُفِيَتْ عَلَيْنَا الْقِبْلَةُ فَلَمَّا انْصَرَفْنَا نَظَرْنَا فَاِذَا نَحْنُ قَدْ صَلَّيْنَا اِلَى غَيْرِ الْقِبْلَةِ فَذَكَرْنَا ذٰلِكَ لِرَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَقَالَ: قَدْ اَحْسَنْتُمْ وَلَمْ يَأْمُرْنَا اَنْ نُعِيْدَ.

رواه البيهقى

"Jabir berkata: Kami sembahyang di malam hari di waktu awan gelap, sehingga kami tidak jelas arah kiblat. Tatkala kami selesai sembahyang, kami dapat tahu bahawa kami sembahyang tidak menurut arah kiblat. Lalu kami terangkan hal ini kepada Nabi s.a.w. Beliau bersabda: "Kamu telah mengerjakan kebaikan." Kata Jabir: Nabi tidak menyuruh kami mengulangi sembahyang."

(Hadis riwayat Baihaqi).

قَالَ النَّوَوِيُّ فِي الْمَجْمُوْعِ: اَلْمَرِيضُ الَّذِي يَعْجُزُ عَنِ اسْتِقْبَالِ الْقِبْلَةِ وَلَا يَجِدُ مَنْ يُحَوِّلُهُ اِلَى الْقِبْلَةِ لَا مُتَبَرِّعًا وَلَا بِأُجْرَةِ مِثْلِهِ وَهُوَ وَاجِدُهَا يَجِبُ عَلَيْهِ اَنْ يُصَلِّيَ عَلَى حَسَبِ حَالِهِ وَتَجِبُ الْاِعَادَةُ لِأَنَّهُ عُذْرٌ نَادِرٌ.

"Berkata Imam Nawawi dalam Majmuk: Orang-orang sakit yang tak kuasa menghadap kiblat, dan ia tidak memperoleh orang yang akan memutarkan badannya ke arah kiblat dengan kemurahan hati atau dengan upah yang sepantasnya, sedang dia mengetahui kiblat itu, wajiblah atasnya sembahyang menurut keadaannya, kemudian wajib mengulang sembahyangnya kerana yang demikian itu uzur yang jarang."

قَالَ الشَّافِعِيُّ فِى الْأُمِّ لَوِاجْتَهَدَ فَدَخَلَ فِى الصَّلَاةِ فَعَمِىَ فِيْهَا اَتَمَّهَا وَلَا اِعَادَةَ لِأَنَّ اجْتِهَادَهُ الْاَوَّلَ اَوْلَى مِنِ اجْتِهَادِ غَيْرِهِ.

"Berkata Imam Syafii dalam kitab Al-Um: Kalau seseorang berijtihad,[1] lalu ia mengerjakan sembahyang lantas ragu ia tentang kiblat itu, maka disempurnakannyalah sembahyangnya dan tak perlu diulanginya, kerana ijtihadnya yang pertama lebih aula (utama), dari ijtihadnya yang lain.

BAB RUKUN SEMBAHYANG

1. HIKMAT BERNIAT.

Rukun sembahyang ertinya tiang sembahyang. Iaitu beberapa perkara dan perbuatan yang tertentu, yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam. Bila salah satu dari perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan itu tertinggal, maka sembahyang tidak sah kerananya. Adapun rukun sembahyang itu adalah:

1. *Berniat.* Niat ertinya sengaja. Menurut istilah syarak, kehendak hati yang ditujukan untuk memperbuat sesuatu, sambil melakukan perbuatan itu. Dan istilah ahli Usul Fiqah, seseorang yang berkehendak untuk memperbuat sesuatu tetapi perbuatan itu menyusul kemudian dari waktu ia berkehendak (berniat) itu, maka yang serupa itu dinamakan azam, ertinya cita-cita.

1. Mempergunakan pertimbangan sendiri. Di sini tentang jurusan kiblat.

Sebagaimana telah diterangkan di atas, bahawa yang dinamakan niat ialah sengaja hati untuk memperbuat atau mengerjakan sesuatu sambil melakukannya sekali.

Dalam waktu sembahyang, ketika tangan diangkat takbir diucapkan, tak lain maksudnya ketika itu hanyalah untuk mengikuti perintah Tuhan, untuk mengharapkan pahalanya, dan kerana takut kepada seksaan-Nya.

Lain daripada itu ialah sengaja untuk berhampir diri kepada-Nya, dan hendak bercakap-cakap dengan Dia, dilakukan dengan amal perbuatan dalam sembahyang itu.

Bila seseorang yang sembahyang mengetahui bahawa ia sedang bercakap-cakap atau berbisik-bisik dengan Tuhannya dalam sembahyang itu, sedang Tuhanpun senantiasa melihat kepada gerak-geri hatinya, maka ketika itu datanglah takut ke dalam dirinya dan berubahlah mukanya kerana takut itu, sebagaimana halnya dengan Ali bin Abi Talib, iaitu bila waktu sembahyang telah datang, mukanya pun berubah, menjadi pucat kerana takut kepada Allah.

Ketika ia ditanya orang: Ya Amirul Mukminin!
Kerana apa muka tuan berubah! Ia menjawab: "Kerana telah datang amanat yang akan aku bawa (sembahyang)." Amanat sembahyang itu pernah didatangkan kepada langit dan kepada bumi dan kepada gunung. Sekaliannya enggan menerimanya, dan takut membawa amanat itu, akhirnya manusialah yang berani membawa amanat itu. Sebagaimana diterangkan dalam surah Al-Ahzab, ayat 72. Itulah sebabnya diwajibkan berniat di dalam sembahyang, dan wajib dikekalkan niat itu hingga akhirnya, supaya hati senantiasa berdekatan dengan Tuhan.

Alangkah malu kita bila niat itu berputar atau bertukar di dalam sembahyang, fikiran melayang kian ke mari, padahal Tuhan melihat juga kepada gerak fikiran dan hati yang putar balik itu. Apakah ertinya bagi Tuhan lidah bergerak menyebut nama-Nya sedang hati jauh daripada-Nya.

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا كَانَ اَحَدُكُمْ فِى صَلَاتِهِ فَاِنَّهُ يُنَاجِى رَبَّهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya salah seorang di antara kamu bila berada di dalam sembahyang, maka sesungguhnya ia berbisik-bisik dengan Tuhannya."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Oleh sebab itu ditetapkanlah niat dalam hati tengah sembahyang itu, mudah-mudahan kita dapat limpahan puji dari Tuhan.

Sabda Nabi s.a.w.:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: اِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَاِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Segala amal ibadat itu hanya sah dengan berniat, dan bagi tiap-tiap manusia diberi ganjaran menurut apa yang diniatkannya."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Maka bila kita hendak mengerjakan sembahyang, hendaklah kita berniat lebih dahulu dalam hati kita, bahawa kita akan mengerjakan ibadat sembahyang. Adapun caranya berniat itu ialah: Sahaja aku hendak mengerjakan sembahyang fardu/sunat.....sebanyak....rakaat, kerana Allah – Allahu Akhbar."

Adapun kalimat Allahu Akbar itu tidak boleh ditukar dengan bahasa asing, melainkan wajib dibaca menurut kalimatnya yang asli. Iaitu Allahu Akbar dengan tidak berantara antara kalimat jalalah (takbir) itu dan antara niat yang telah dipasang di dalam hati.

Ingatlah, bahawa yang dituntut dalam sembahyang ialah ikhlas.

Allah telah berfirman:

وَمَا أُمِرُوْا اِلَّا لِيَعْبُدُوا اللهَ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ.

سورة البينة أية ٥

"Tidaklah mereka diperintah, melainkan untuk menyembah Allah, mereka bersihkan agama itu bagi-Nya."
(Surah Al-Bayyinah, ayat 5).

2. *Berdiri.* Seseorang yang hendak sembahyang wajib baginya berdiri lebih dahulu di tempat sembahyangnya, iaitu berdiri

betul-betul, jangan membongkok ke kanan atau ke kiri, ke depan atau ke belakang, kecuali kalau ada halangan. Ketika itu boleh sembahyang secara duduk, berbaring dan lain-lainnya, dengan menghadap ke kiblat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ أَنَّهُ قَالَ: كَانَتْ بِى بَوَاسِيْرُ فَسَئَلْتُ النَّبِىَّ ﷺ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ صَلِّ قَائِمًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ.

رواه البخارى

"Dari Imran bin Hushain r.a. Bahawasanya ia bercerita: Pernah aku menderita sakit bawasir (keluar ujung usus), lalu aku bertanya kepada Nabi s.a.w.: Bagaimana caranya melakukan sembahyang. Maka Nabi menjawab: "Sembahyanglah engkau berdiri, jika kamu tidak kuasa berdiri, maka sembahyanglah kamu dengan duduk, jika kamu tidak kuasa duduk, maka sembahyanglah kamu dengan berbaring."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dalam Sunan Nasai ditambahkan pula:

فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَمُسْتَلْقِيًا لَا يُكَلِّفُ اللهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ❊

"Apabila kamu tidak kuasa sembahyang berbaring, maka sembahyanglah kamu menelentang saja. Allah tidak memberati seseorang melainkan sekadar kemampuannya."

Adapun caranya sembahyang dengan menelentang, ialah dengan menghadapkan kedua kaki ke kiblat, sedang kepala ditinggikan dengan bantal atau dengan yang lain.

Keterangan lain:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ: يُصَلِّى الْمَرِيْضُ قَائِمًا إِنِ اسْتَطَاعَ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ صَلَّى قَاعِدًا فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ اَنْ يَسْجُدَ اَوْمَأَ بِرَأْسِهِ وَجَعَلَ سُجُوْدَهُ اَخْفَضَ مِنْ رُكُوْعِهِ فَإِنْ لَمْ

يَسْتَطِعْ اَنْ يُصَلِّيَ قَاعِدًا صَلَّى عَلَى جَنْبِهِ الْأَيْمَنِ مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ فَاِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ صَلَّى مُسْتَلْقِيًا رِجْلَاهُ مِمَّا يَلِي الْقِبْلَةَ.

رواه الدار قطنى

"Dari Ali r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Sembahyanglah orang yang sakit secara berdiri jika ia kuasa, apabila ia tidak kuasa, maka sembahyanglah ia secara duduk, apabila ia tidak kuasa untuk sujud, maka diisyaratkannyalah dengan kepalanya, dan dijadikan sujudnya itu lebih rendah dari rukuknya, jika ia tidak kuasa sembahyang secara duduk, maka sembahyanglah ia berbaring ke kanan serta menghadap ke kiblat; apabila ia tidak kuasa juga, sembahyanglah ia menelentang sedang kedua kakinya membujur ke arah kiblat."
(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

Demikian pula apabila doktor mengatakan, bahawa jika engkau berdiri atau duduk umpamanya, sakit engkau mungkin bertambah, maka boleh mengerjakan sembahyang menurut aturan yang di atas itu. Adapun sembahyang dalam keadaan bagaimana juga tak boleh ditinggalkan, haram hukumnya, selama kita masih berakal sihat, walaupun di mana dan bagaimana juga.

Begitu juga perempuan, selain dari waktu haid dan nifas, sebab kedua-duanya adalah uzur syar'i dan haram hukumnya sembahyang ketika itu.

Adapun pahala sembahyang berdiri dan sembahyang duduk dalam sembahyang yang fardu itu sama, kecuali dalam mengerjakan sembahyang sunat, maka pahala sembahyang yang duduk separuh dari pahala sembahyang berdiri.

عَنْ عِمْرَانِ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ صَلَّى قَائِمًا فَهُوَ اَفْضَلُ وَمَنْ صَلَّى قَاعِدًا فَلَهُ نِصْفُ اَجْرِ الْقَائِمِ وَمَنْ صَلَّى نَائِمًا فَلَهُ نِصْفُ اَجْرِ الْقَاعِدِ.

رواه البخارى

"Dari Imran bin Hushain r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Sesiapa yang sembahyang berdiri, maka itulah yang lebih utama dan siapa yang sembahyang duduk, maka baginya seperdua pahala

orang yang sembahyang berdiri dan siapa yang sembahyang tidur (berbaring) maka baginya pahala separuh orang yang sembahyang duduk."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

3. *Membaca takbiratul-ihram.* Iaitu membaca Allahu Akbar ketika telah berdiri di tempat sembahyang menghadap ke kiblat, yang ertinya Allah Maha Besar.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى حُمَيْدِ السَّاعِدِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا اسْتَفْتَحَ الصَّلَاةَ اِسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ وَرَفَعَ يَدَيْهِ وَقَالَ: اَللهُ اَكْبَرُ. رواه ابن ماجة

"Dari Abu Humaid As-Saidi r.a. sesungguhnya ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila beliau memulai mengerjakan sembahyang beliau mengadap ke kiblat dan beliau mengangkat kedua tangannya lalu membaca **Allahu Akbar."** (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah).

Keterangan lain menyatakan:

عَنْ رِفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا قُمْتَ اِلَى الصَّلَاةِ فَكَبِّرْ. رواه البخارى ومسلم

"Dari Rifaah bin Rafi' ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.:Bila engkau hendak berdiri sembahyang, maka takbirlah engkau."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Bila takbiratul ihram telah dibaca, maka haramlah bagi seseorang yang sedang sembahyang segala yang dihalalkan baginya sebelum sembahyang itu (sebelum takbiratul ihram itu dibaca). Umpama makan, minum, tertawa dan lain-lain sebagainya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَلِىٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: مِفْتَاحُ الصَّلَاةِ الطُّهُوْرُ وَتَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ وَتَحْلِيْلُهَا التَّسْلِيْمُ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Ali r.a., sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Kunci sembahyang itu ialah suci, dan yang mengharamkannya ialah takbir, dan yang menghalalkannya ialah salam."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

2. WAJIB MEMBACA FATIHAH BAGI IMAM DAN MAKMUM.

4. *Membaca Al-Fatihah.* Adapun membaca Al-Fatihah itu di dalam sembahyang wajib hukumnya. Maka tidaklah sah sembahyang kalau Al-Fatihah itu ditinggalkan.
Keterangan:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ فِيْهَا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ubadah bin Shamit r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tidaklah sah sembahyang bagi sesiapa yang tidak membaca Fatihah dalam sembahyangnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun hadis ini mengenai imam dan makmun (pengikut) kerana di dalamnya terdapat kata-kata "sesiapa." Dan Al-Fatihah ini wajib dibaca oleh makmun bila imam telah selesai membacanya, sebab setelah ia masuk membaca ayat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ قَالَ: صَلَّى بِنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بَعْضَ الصَّلَاةِ الَّتِى يُجْهَرُ فِيْهَا بِالْقُرْآنِ فَقَالَ: لَا يَقْرَأَنَّ اَحَدٌ مِنْكُمْ شَيْئًا اِذَا جَهَرْتُ بِالْقُرْآنِ اِلَّا بِأُمِّ الْقُرْآنِ.

رواه البيهقى والدار قطنى

"Dari Ubadah bin Shamit r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. sembahyang dengan kami iaitu sebahagian yang di jahar[1]

1. Menjahar = membaca ayat dengan keras.

padanya ayat Al-Quran, lalu Nabi bersabda: Tidak boleh seseorang di antaramu membaca bila aku sedang menjahar ayat Al-Quran kecuali membaca Ummul Quran."

(Diriwayatkan oleh Baiqani dan Daruqutni).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ مَنْ صَلَّى صَلَاةً لَمْ يَقْرَأْ فِيْهَا بِأُمِّ الْقُرْآنِ فَهِىَ خِدَاجٌ ثَلَاثًا غَيْرُ تَمَامٍ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sesiapa yang mengerjakan sesuatu sembahyang, yang padanya tidak dibaca Ummul Quran (Al-Fatihah), maka sembahyangnya itu adalah rosak; perkataan ini diulang oleh Nabi dan disambung beliau dengan perkataan tiga kali, iaitu tidak sempurna."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

3. WAJIB MENDENGARKAN PEMBACAAN IMAM.

Bila imam sedang membaca Al-Fatihah wajib didengarkan dan diperhatikan.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّمَا جُعِلَ الْاِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ فَاِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوْا وَاِذَا قَرَأَ فَاَنْصِتُوْا.

رواه ابو داود ابن ماجة

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Adapun imam itu diadakan untuk diikuti orang, maka bila ia takbir, maka takbirlah kamu dan bila ia membaca maka diamlah kamu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

Adapun yang dimaksud diam di sini bukanlah tidak boleh membaca, akan tetapi wajib membaca sesudah imam selesai membaca. Yang dimaksudkan ialah membaca Al-Fatihah.

Berkata sebahagian ulama: Bahawa membaca Al-Fatihah itu tidak wajib hukumnya bagi seseorang yang mengikut imam. Dengan beralasan hadis di bawah ini.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ شَدَّادٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَنْ كَانَ لَهُ اِمَامٌ فَقِرَاءَةُ الْاِمَامِ لَهُ قِرَاءَةٌ.

رواه أحمد والدار قطنى

"Dari Abdullah bin Syaddad r.a., sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Sesiapa yang sembahyang berjemaah, maka pembacaan imam menjadi pembacaannya pula."

(Diriwayatkan oleh Ahmad).

Hadis ini dijawab oleh ulama-ulama Syafi'iah:

1. Bahawa Hadis ini sangat lemah dan tak dapat dijadikan alasan untuk berhujah.
2. Bahawa hadis ini boleh dipergunakan untuk si masbuk. Ertinya bagi orang yang tidak sempat membaca Al-Fatihah bersama imam kerana terlambat datang atau imam itu didapatinya sedang rukuk.

Berkata pengarang kitab Bidayatul Mujtahid: "Maka berlain-lain pendapat tentang cara mengumpulkan hadis mengenai wajib atau tidaknya membaca Al-Fatihah itu. Sebahagian mengecualikan tentang larangan membaca Al-Fatihah itu pada sembahyang, dikala imam menjaharkan Fatihah. Sebahagian mengecualikan si makmum saja di dalam sembahyang jahar, kerana itu adalah tempatnya, ada larangan membaca Al-Fatihah kerana imam sedang menjahar. Dan sebahagian orang mengecualikan pembacaan yang wajib sahaja bagi makmum, biarpun pada sembahyang yang dijaharkan mahupun sembahyang yang disirkan. Dan dijadikan wajib membaca itu bagi hak imam dan munfarid (orang sembahyang seorang) saja."

4. BISMILLAH ADALAH SATU AYAT DARI AL-FATIHAH.

Adapun Bismillah adalah termasuk satu ayat dari Al-Fatihah. Bila ia termasuk satu ayat dari Al-Fatihah, maka hukumnya adalah hukum Al-Fatihah pula waktu jahar (pembacaan keras) dan sir (Bacaan Lunak).

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: اِذَا قَرَأْتُمْ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ فَاقْرَأْ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ، فَإِنَّهَا أُمُّ الْقُرْآنِ وَأُمُّ الْكِتَابِ وَالسَّبْعُ الْمَثَانِى وَبِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ اِحْدَى اٰيَاتِهَا.

رواه الدار قطنى

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila kamu hendak membaca Alhamdulillah (Al-Fatihah), maka bacalah olehmu بسم الله الرحمن الرحيم *kerana sesungguhnya Alhamdulillah itu (Al-Fatihah) ialah Ummul Kitab dan Sab'ulmatsani (tujuh kali yang diulang-ulang) dan* بسم الله الرحمن الرحيم *itu adalah salah satu ayatnya."*

(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَرَأَ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ فِى أَوَّلِ الْفَاتِحَةِ فِى الصَّلَاةِ وَعَدَّهَا أٰيَةً مِنْهَا.

رواه ابن خزيمة والبيهقى

"Dari Ummu Salamah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. dalam sembahyang membaca بسم الله الرحمن الرحيم *awal Fatihah, dan dihitungnya itu masuk satu ayat daripadanya."*

(Diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah dan Baihaqi).

5. MENJAHARKAN KALIMAT "BISMILLAH".

Bila Al-Fatihah itu dijahar membacanya tentu Bismillah itu hukumnya sunat pula menjaharnya. Pun begitu juga kalau Al-Fatihah itu dilunakkan pembacaannya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ النَّبِىُّ ﷺ يَجْهَرُ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

رواه الدار قطنى

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia telah berkata: Adalah Nabi s.a.w. menjahar pembacaan

(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

Sebahagian ulama berpendapat, bahawa Bismillah itu tidak termasuk ke dalam ayat Al-Fatihah.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ وَأَبِى بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمْ فَلَمْ اَسْمَعْ اَحَدًا مِنْهُمْ يَقْرَأُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah aku sembahyang berserta Rasulullah s.a.w. serta Abu Bakar, Umar dan Usman r.a., aku tak pernah mendengar salah seorang dari mereka yang membaca

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hadis ini walaupun menyatakan, bahawa Nabi dan para sahabat tidak pernah memperdengar pembacaan Bismillah, namun ia tidak menunjukkan, bahawa mereka tidak membaca Bismillah. Sebab mungkin dilunakkan pembacaannya dengan beralasan hadis yang di atas tadi.

6. ORANG-ORANG YANG TIDAK KUASA MEMBACA AL-FATIHAH.

Bila seseorang tidak boleh membaca Al-Fatihah, kerana bisu atau lidah kaku atau melepur (luka) dan lain-lainnya, maka wajib juga baginya membaca, walaupun satu ayat sahaja, atau secara menggerakkan lidahnya sahaja, atau sekadar berdiri sahaja selama membaca Al-Fatihah, jika Al-Fatihah itu belum dapat sama sekali.

Keterangan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: إِذَا أُمِرْتُمْ

بِأَمْرٍ فَأْتُوْا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Bila kamu diperintah mengerjakan sesuatu, maka kerjakanlah mengikut kemampuanmu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

5. *Rukuk dan Tamakninah.* Bila Al-Fatihah telah selesai dibaca, maka yang wajib sesudah itu ialah rukuk dan tamakninah. Rukuk ertinya menundukkan badan ke depan. Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فِى صِفَةِ الصَّلَاةِ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. berkata perihal mensifatkan sembahyang: Rasulullah s.a.w. bersabda: Kemudian rukuklah kamu hingga kamu tamakninah ketika rukuk itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun sekurang-kurangnya rukuk ialah, menundukkan badannya sehingga batas kedua tapak tangannya dapat mencapai kepada kedua lututnya.

Keterangan:

عَنْ أَبِى حُمَيْدِ السَّاعِدِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ إِذَا كَبَّرَ جَعَلَ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ وَإِذَا رَكَعَ أَمْكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ ثُمَّ هَصَرَ ظَهْرَهُ.

رواه البخارى

"Dari Abu Humaid As-Saidi r.a. ia berkata: Pernah aku lihat Rasulullah s.a.w. apabila beliau bertakbir dijadikan dua tangannya setentang dengan dua bidang bahunya dan apabila beliau rukuk diletakkan kedua tangannya pada kedua lututnya, kemudian diluruskan belakangnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Adapun kesempurnaan rukuk ialah, supaya seseorang meluruskan tulang belakangnya separas dengan kepalanya.

Keterangan:

عَنْ أَبِى مَسْعُوْدٍ الْبَدْرِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ: لاَ تُجْزِءُ صَلاَةُ الرَّجُلِ حَتَّى يُقِيْمَ ظَهْرَهُ فِى الرُّكُوْعِ وَالسُّجُوْدِ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Abu Mas'ud Al-Badri r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Tidak sempurna (memadai) sembahyang seseorang hingga diluruskan belakangnya di waktu rukuk dan di waktu sujud."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Sedang sekurang-kurang tamakninah ialah, bahawa telah hilang gerak yang pertama, ketika ia mengadakan gerak yang kedua. Biar ketika rukuk mahupun ketika sujud. Dan dinamakan juga berhenti sebentar.

6. *I'tidal dan tamakninah.* I'tidal ertinya bangun dari rukuk, dan berdiri kembali. Bila seseorang telah selesai rukuk, maka hendaklah ia bangun untuk i'tidal.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فِى صِفَةِ الصَّلاَةِ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. perihal mensifatkan sembahyang ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w. Kemudian bangkitlah engkau, hingga engkau berdiri i'tidal kembali."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun tamakninah ketika i'tidal itu ialah sekadar membaca doa yang disunatkan padanya. Sebagaimana ternyata dalam perbuatan Nabi s.a.w.

Keterangan menyatakan:

عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِىْ أُصَلِّى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Malik bin Huwairis r.a.: Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

7. *Sujud dan tamakninah.* Allah telah berfirman di dalam Al-Quran yang berbunyi:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا ارْكَعُوْا وَاسْجُدُوْا *

سورة الحج اية ٧٧

"Hai orang-orang yang beriman! Rukuklah kamu dan sujudlah."

(Surah Al-Haj, ayat 77).

Bila seseorang telah selesai i'tidal, maka hendaklah ia sujud dengan meletakkan dahi ke bumi tempat sujud berserta hidung.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى حُمَيْدِ السَّاعِدِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ إِذَا سَجَدَ أَمْكَنَ أَنْفَهُ وَجَبْهَتَهُ الْأَرْضَ وَنَحَّى يَدَيْهِ عَنْ جَنْبَيْهِ.

رواه الترمذى وأبو داود ـ حسن صحيح

"Dari Abu Humaid As-Saidi r.a. berkata: Bahawa Nabi s.a.w. apabila beliau sujud ditekankan hidungnya dan dahinya ke bumi dan direnggangkan kedua tangannya dari dua rusuknya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Abu Daud).

Dan janganlah sujud itu dilakukan seperti burung mematuk. Ertinya dengan tidak menekankan dahi, selain dari hujung kening sahaja.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: إِذَا سَجَدْتَ فَمَكِّنْ جَبْهَتَكَ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَنْقُرْ نَقْرًا.

رواه ابن حبان

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Bila kamu sujud, maka tekankanlah dahimu ke bumi dan janganlah mengangkat-angkat dahi seperti burung mematuk."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban).

Selain dari dahi dan hidung juga wajib disujudkan dua telapak tangan, dua lutut dan dua hujung dera telapak kaki.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: أُمِرْتُ اَنْ اَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ اَعْظُمٍ عَلَى الْجَبْهَةِ وَاَشَارَ بِيَدِهِ عَلَى اَنْفِهِ وَالْيَدَيْنِ وَالرُّكْبَتَيْنِ وَاَطْرَافِ بَاطِنِ الْقَدَمَيْنِ وَلاَ نَكْفِتُ الثِّيَابَ وَالشَّعْرَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: Disuruh aku sujud (oleh Tuhan) supaya aku sujud di atas tujuh tulang, iaitu di atas dahi dan diisyaratkan (ditunjukkan) dengan tangannya di atas hidungnya, dua hujung tangannya, dua lututnya dan dua telapak kakinya, dan kami tak boleh menghalangkan kain (yang sedang dipakai) dan rambut."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Apabila hari sangat panas sedangkan tempat sembahyang di atas batu atau di atas simen, maka bolehlah dialas dengan kain yang dipakai, umpama hujung jubah dan lain-lain kalau tidak ada yang lain.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُصَلِّى مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فِى شِدَّةِ الْحَرِّ فَاِذَا لَمْ يَسْتَطِعْ اَحَدُنَا اَنْ يُمَكِّنَ جَبْهَتَهُ مِنَ الْأَرْضِ بَسَطَ ثَوْبَهُ فَيَسْجُدُ عَلَيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia telah berkata: Pernah kami sembahyang berserta Rasulullah s.a.w. ketika hari sangat panas, maka ketika itu

tidak seorang juga di antara kami yang kuasa menekankan dahinya ke bumi, lalu dihamparkan kainnya lalu beliau sujud di atasnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan yang lain mengatakan:

عَنِ الْحَسَنِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ اَصْحَابُ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ يَسْجُدُوْنَ وَأَيْدِيْهِمْ فِى ثِيَابِهِمْ وَيَسْجُدُ الرَّجُلُ عَلَى عِمَامَتِهِ.

رواه البيهقى

"Dari Hasan r.a. ia berkata: Adalah sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. mereka sujud, sedang kedua tangan mereka di kain mereka, dan sujud pula seorang laki-laki di atas serbannya.

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Berkata Abu Hanifah: "Hadis ini menunjukkan bahawa sujud di atas kain yang berhubungan dengan orang sembahyang itu dibolehkan."

Berkata Imam Syafii: "Kain dibentangkan yang dinyatakan dalam hadis Anas, adalah ditanggungkan atas kain yang tercerai dari badan orang yang sembahyang."

(Demikian Nailul Autar).

Pendapat Imam Syafii ini beralasan kepada hadis di bawah ini:

عَنْ خَبَابِ بْنِ الْأَرَتِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَكَوْنَا اِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ حَرَّ الرَّمْضَاءِ فِى جِبَاهِنَا وَاَكُفِّنَا فَلَمْ يُشْكِنَا.

رواه البيهقى ومسلم

"Dari Khabab bin Art r.a. ia berkata: Pernah kami mengadu kepada Rasulullah s.a.w. tentang panas cahaya matahari di dahi kami dan tapak tangan kami, maka tidaklah dijawabnya pertanyaan kami."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi dan Muslim).

Berkata pengarang Nailul Autar:

"Dan maksud hadis ini dapat dikumpulkan: Iaitu, bahawa sesungguhnya pengaduan itu adalah kerana mentakkhirkan sembahng hingga datang udara sejuk, bukan kerana hendak sujud di atas sesuatu yang dapat mendinding."

8. *Duduk antara dua sujud dan tamakninah*. Bila telah selesai sujud yang pertama, maka hendaklah bangun kembali untuk duduk sebentar, sementara sujud yang kedua. Duduk ini dinamakan duduk antara dua sujud.
Keterangan menyatakan:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فِى صِفَةِ الصَّلَاةِ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا ثُمَّ افْعَلْ ذٰلِكَ فِى صَلَاتِكَ كُلِّهَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. dalam perkara mensifatkan sembahyang ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Kemudian sujudlah engkau, hingga engkau tamakninah dalam sujud itu, kemudian bangkitlah hingga engkau thama'ninah dalam duduk engkau, kemudian sujudlah pula hingga engkau tamakninah dalam sujud itu, kemudian perbuatlah seperti demikian dalam semua sembahyang engkau."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

9. *Duduk yang akhir*. Bila seseorang telah sampai pada rakaat yang terakhir dalam sembahyang, maka duduklah ia, iaitu duduk yang terakhir. Sebagaimana perbuatan Nabi s.a.w. yang telah diterangkan di atas: "Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang."

10. *Membaca Tasyahud akhir*. Di waktu duduk di rakaat yang terakhir itu, maka wajiblah dibaca tasyahud (tahiyat) yang akhir, jika sembahyang yang dikerjakan itu tiga atau empat rakaat. Adapun bunyinya sebagaimana yang telah diajarkan oleh Nabi s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يُعَلِّمُنَا التَّشَهُّدَ كَمَا يُعَلِّمُنَا السُّوْرَةَ فَيَقُوْلُوْا: اَلتَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ، اَلسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ

وَبَرَكَاتُهُ. اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ أَشْهَدُ أَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. mengajarkan tasyahud kepada kami, sebagaimana beliau mengajarkan surah kepada kami, lalu beliau bersabda: Katakanlah olehmu: Segala kehormatan, keberkatan dan selawat/rahmat yang baik-baik adalah bagi Allah. Selamatlah atas engkau wahai Nabi, dan rahmat Allah beserta berkatNya. Selamatlah atas kami dan atas hamba Allah yang salih-salih. Aku mengaku, bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah, dan aku mengaku bahawa Muhammad itu utusan Allah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan boleh juga dibaca tasyahud yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dari Ibnu Mas'ud yang bunyinya sebagai berikut:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ: اَلتَّحِيَّاتُ لِلّٰهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ اَلسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ. أَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila telah sembahyang salah seorang di antara kamu maka hendaklah dibacanya: Segala kehormatan, segala selawat dan segala yang baik-baik bagi Allah. Selamatlah atas engkau hai Nabi, dan rahmat Allah serta berkat-Nya. Selamatlah atas kami dan atas hamba Allah yang salih-salih. Saya mengaku, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah; dan saya mengaku bahawa Muhammad itu hamba dan utusan-Nya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dan hendaklah dilunakkan bacaan tasyahud itu, sebagaimana diterangkan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مِنَ السُّنَّةِ اَنْ يُخْفَى التَّشَهُّدَ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia telah berkata: Sebahagian dari sunah Nabi, ialah melunakkan suara ketika membaca tasyahud."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

11. *Mengucapkan selawat atas Nabi s.a.w.* Setelah tasyahud itu dibaca, maka baca pulalah selawat atas Nabi berserta keluarganya. Adapun selawat itu ialah sebagai keterangannya ini:

عَنْ كَعْبِ بْنِ عَجْرَةَ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ سُئِلَ عَنْ كَيْفِيَّةِ الصَّلَاةِ عَلَيْهِ فَقَالَ قُوْلُوْا: اَللّٰهُمَّ صَلِ عَلَى مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ اِبْرَهِيْمَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

رواه النسائى والحاكم

"Dari Kaab bin Ajrah: Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah ditanya orang tentang cara mengucapkan selawat atasnya, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Ucapkanlah olehmu: Ya Allah! Berilah rahmat atas Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana yang telah Engkau beri selawat atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim, dan berkatilah Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberi berkat atas Ibrahim, dan atas keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau Maha dipuji lagi Maha Mulia."

(Diriwayatkan oleh Nasai dan Hakim).

Adapun sekurang-kurang selawat atas Nabi ialah:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ

Sebagaimana keterangan ada menyatakan:

عَنْ كَعْبِ بْنِ عَجْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُوْلُ

اللهِ ﷺ فَقُلْنَا قَدْ عَلِمْنَا اَوْ عَرَفْنَا كَيْفَ نُسَلِّمُ عَلَيْكَ فَكَيْفَ نُصَلِّي عَلَيْكَ قَالَ: قُوْلُوْا اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

رواه البخارى

"Dari Kaab bin Ajrah r.a. ia berkata: Pernah datang kepada kami Rasulullah s.a.w. lalu kami bertanya: Sesungguhnya telah kami ketahui atau kami kenal, bagaimana caranya kami memberi salam atas engkau, tetapi bagaimanakah caranya kami mengucapkan selawat atas engkau?" Maka menjawab Rasulullah s.a.w.: "Katakanlah: Ya Allah! Berilah selawat atas Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana engkau telah memberi selawat atas Ibrahim, sesungguhnya Engkau amat terpuji lagi Maha Mulia."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Tentang wajibnya membaca selawat itu, maka keterangan menyatakan:

عَنْ كَعْبِ بْنِ عَجْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ اَنَّهُ كَانَ يَقُوْلُ فِى الصَّلَاةِ: اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ اِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ اِبْرَاهِيْمَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

رواه الشافعى

"Dari Kaab bin Ajrah, dari Nabi s.a.w.: Bahawa beliau membaca dalam sembahyangnya: Ya Allah, berilah selawat atas Muhammad dan atas keluarga Muhammad; sebagaimana Engkau telah memberi selawat atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim, dan berilah berkat atas Muhammad dan atas keluarga Muhammad, sebagaimana telah Engkau beri berkat atas Ibrahim, dan atas keluarga Ibrahim, sesungguhnya Engkau amat terpuji dan Maha Mulia."

(Diriwayatkan oleh Syafii).

Dengan hadis ini Imam Syafii mewajibkan membaca selawat kepada Nabi pada tasyahud akhir di dalam sembahyang sebab mengikuti perbuatan Rasulullah s.a.w.

Dan disunatkan pula menambahi dengan membaca doa sesudah membaca selawat itu, sebagaimana yang telah dibuat oleh Nabi kita Muhammad s.a.w.:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا قَامَ اِلَى الصَّلَاةِ يَكُوْنُ مِنْ اٰخِرِ مَا يَقُوْلُ بَيْنَ التَّشَهُّدِ وَالتَّسْلِيْمِ: اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِىْ مَا قَدَّمْتُ وَمَا اَخَّرْتُ وَمَا اَسْرَرْتُ وَمَا اَعْلَنْتُ وَمَا اَسْرَفْتُ وَمَا اَنْتَ اَعْلَمُ بِهِ مِنِّى اَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَاَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ. رواه مسلم

"Dari Ali r.a. berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. bila beliau telah berdiri sembahyang, maka akhir bacaan yang dibacanya antara tasyahud dan salam ialah: Ya Allah, ampunilah aku, iaitu dosa-dosaku yang terdahulu dan dosaku yang kemudian, dosa-dosaku yang tersembunyi dan dosaku yang nyata, dan perbuatanku yang berlebih-lebihan dan segala perbuatan yang Engkau lebih mengetahuinya daripadaku, Engkau yang tidak berpermulaan (terdahulu) dan Engkau yang bersifat abadi (tidak berkesudahan), tidak ada tuhan melainkan Engkau."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

12. *Salam yang pertama.* Bila telah selesai membaca tasyahud dan selawat atas Nabi maka hendaklah memberi salam. Yang wajib hanyalah salam yang pertama, sedang salam yang kedua sunat hukumnya sebagaimana nanti akan datang keterangan.
Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِيْنِهِ ''اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ'' حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ الْأَيْمَنِ وَعَنْ يَسَارِهِ ''اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ'' حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ الْأَيْسَرِ. رواه النسائى

"Dari Abdullah bin Mas'ud r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. adalah ia memberi salam ke sebelah kanannya iaitu Assalamualaikum warah-

matullah hingga terlihat putih pipinya yang kanan, dan ke sebelah kirinya iaitu Assalamualaikum warahmatullah hingga terlihat putih pipinya yang kiri.

(Diriwayatkan oleh An-Nisai'

Erti "السلام عليكم ورحمة الله" itu ialah: *"Selamat, rahmat Allah dan berkat-Nya semoga tetap ke atasmu."* Adapun sekurang-kurangnya memberi salam ialah " " dan kesempurnaannya ialah sebagaimana yang telah tersebut di atas.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يُسَلِّمُ تَسْلِيْمَةً وَاحِدَةً تِلْقَاءَ وَجْهِهِ. رواه الترمذى وابن ماجة

"Dari Aisyah r.a.: Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah ia memberi salam satu kali saja memalingkan mukanya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah).

13. *Tertib.* Adapun tertib ertinya, mendahulukan yang patut didahulukan dan mengemudiankan yang patut dikemudiankan, iaitu perbuatan-perbuatan dan perkataan-perkataan yang telah diatur dalam sembahyang. Hal ini tidak lain ialah kerana mengikuti perbuatan Nabi s.a.w. juga. Kerana tak ada terdapat satu keterangan, bahawa Nabi s.a.w. pernah mengerjakan ibadat sembahyang, menyalahi peraturan-peraturan seperti yang telah tersebut di atas.

BAB YANG DISUNATKAN DALAM SEMBAHYANG

Sesudah kita mengetahui rukun-rukun yang (hukumnya) wajib dikerjakan dalam sembahyang, maka sekarang marilah kita ketahui pula perbuatan-perbuatan sunat yang dituntut juga mengerjakannya, mulai dari takbiratul-ihram sampai salam yang kedua. Adapun tuntutan sunat itu memang tidak seperti tuntutan yang wajib, yang telah dinyatakan di awal pelajaran kita ini.

1. *Mengangkat dua tangan tatkala takbiratul-ihram, waktu rukuk, dan ketika bangkit daripadanya.* Bila kita telah berada di tempat sembahyang menghadap ke kiblat, dan niat telah dipasang di dalam hati, hendak mengerjakan sembahyang, angkatlah dua tangan sampai setentang dengan kedua bidang

bahu dan dengan mengembangkan anak jari, sambil membaca "Allahu Akbar."

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ اِذَا افْتَتَحَ الصَّلَاةَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila beliau memulakan sembahyang, beliau mengangkat kedua tangannya sampai setentang dengan kedua bidang bahunya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hendaklah dikembangkan anak-anak jari. Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ يُنْشِرُ اَصَابِعَهُ فِى الصَّلَاةِ نَشْرًا.

رواه ابن حبان بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. biasa mengembangkan anak jarinya di dalam sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban).

Keterangan lain:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ اِذَا افْتَتَحَ الصَّلَاةَ رَفَعَ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ وَاِذَا كَبَّرَ لِلرُّكُوْعِ وَاِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوْعِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a., bahawa Nabi s.a.w. apabila beliau memulakan sembahyang, beliau mengangkat kedua tangannya sampai setentang dengan kedua bidang bahunya, juga ketika takbir akan ruku dan ketika bangun dari rukuk."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. *Meletakkan tangan yang kanan di atas tangan yang kiri.* Kemudian kedua tangan diletakkan di atas dada, iaitu yang kanan di atas yang kiri:

عَنْ أَبِىْ هَلَبٍ الطَّائِى قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَؤُمُّنَا فَيَاخُذُ شِمَالَهُ بِيَمِيْنِهِ.

رواه الترمذى ـ حديث حسن

"Dari Abu Halab At-Thai ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. menjadi imam kami, maka dipegangnya tangan kirinya dengan tangan kanannya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Dalam meletakkan tangan kanan di atas tangan yang kiri hendaklah kita pegang pergelangan tangan kiri dan sebahagian hastanya.

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ قُلْتُ لَاَنْظُرَنَّ اِلَى صَلَاةِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ كَيْفَ يُصَلِّى فَنَظَرْتُ اِلَيْهِ وَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى ظَهْرِ كَفِّهِ الْيُسْرَى وَالرُّسْغِ وَالسَّاعِدِ.

"Dari Wail bin Hujr r.a. ia telah berkata: Aku telah berkata: Sesungguhnya aku memperhatikan benar kepada sembahyang Rasulullah s.a.w. bagaimana cara beliau sembahyang, maka aku lihat beliau meletakkan tangannya yang kanan di atas belakang tangannya yang kiri, memegang pergelangan dan hasta tangan kiri itu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dan hendaklah diletakkan tangan yang dilipat itu di atas dada, dan menutup pusat sedikit.

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ صَلَّيْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى يَدِهِ الْيُسْرَى عَلَى صَدْرِهِ.

رواه أبو بكر بن خزيمة ـ حديث صحيح

"Dari Wail bin Hujr r.a. ia berkata: Pernah aku sembahyang bersama-sama Rasulullah s.a.w. lalu beliau meletakkan tangan kanan di atas tangan kirinya ke dadanya."

(Diriwayatkan oleh Abu Bakar bin Khuzaimah).

3. *Memandang tempat sujud.* Dalam sembahyang itu, hendaklah pandangan ditujukan ke tempat sujud.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَا بَالُ أَقْوَامٍ يَرْفَعُوْنَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِى صَلاَتِهِمْ فَاشْتَدَّ قَوْلُهُ فِى ذٰلِكَ حَقًّا قَالَ لَيَنْتَهِنَّ عَنْ ذٰلِكَ أَوْ لَتُخْطَفَنَّ أَبْصَارَهُمْ.

رواه البخارى

"Dari Anas bin Malik r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Apakah sebabnya kaum-kaum itu menunjukkan pandangan mereka ke langit ketika mereka sembahyang, lalu Nabi memperkeras dalam perkataannya itu, akhirnya beliau bersabda: Hendaklah mereka berhenti dari perbuatan itu, atau pemandangan mereka akan dicabut."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

1. DOA IFTITAH.

4. *Membaca doa iftitah.* Bila telah selesai membaca takbiratul-ihram, dan kedua tangan telah terlipat di dada, maka bacalah doa iftitah, iaitu doa permulaan sembahyang. Adapun doa iftitah itu, adalah sebagaimana yang telah dibaca oleh Nabi s.a.w.

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِى طَالِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ كَانَ إِذَا قَامَ لِلصَّلاَةِ قَالَ: وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِى فَطَرَ السَّمٰوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيْفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ إِنَّ صَلاَتِىْ وَنُسُكِىْ وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِىْ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ لاَ شَرِيْكَ لَهُ وَبِذٰلِكَ وَأُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ.

رواه مسلم

*"Dari Ali bin Abi Talib r.a. dari Nabi s.a.w.: **Bahawasanya apabila** beliau berdiri untuk sembahyang dibacanya: Kuhadapkan mukaku kepada Tuhan yang telah menjadikan langit dan bumi selurus-lurus-nya sebagai orang Islam dan aku bukan termasuk orang-orang Musyrik. Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah bagi Allah, Tuhan semesta alam, tidak ada sekutu bagi-Nya. Dan kerana itu aku disuruh (mengerjakan perintah), dan aku adalah termasuk orang-orang Islam."*

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan boleh pula dibaca doa iftitah lain dari yang tersebut itu, iaitu seperti keterangan di bawah ini:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَسْكُتُ بَيْنَ التَّكْبِيْرِ وَالْقِرَاءَةِ، فَقُلْتُ بِأَبِي وَأُمِّي يَارَسُوْلَ اللهِ فِي اِسْكَاتِكَ بَيْنَ التَّكْبِيْرِ وَالْقِرَاءَةِ مَا تَقُوْلُ قَالَ: أَقُوْلُ: اَللّٰهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِيْ وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ اَللّٰهُمَّ نَقِّنِي مِنْ خَطَايَايَ كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ. اَللّٰهُمَّ إِغْسِلْنِي مِنْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرْدِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. diam antara membaca takbiratul-ihram dan membaca Fatihah, lalu aku bertanya: Demi bapa dan ibuku[1], ya Rasulullah! Ketika engkau diam antara membaca takbir dan membaca Al-Fatihah, apakah yang engkau baca? Rasulullah menjawab: Aku baca: Ya Allah, jauhkan-lah aku dari kesalahan-kesalahanku sebagaimana Engkau menjauh-kan antara timur dan barat. Ya Allah, bersihkanlah aku dari segala kesalahanku sebagaimana bersihnya kain putih dari daki – Ya Allah, basuhlah aku dari kesalahan-kesalahanku dengan air, salji dan embun."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

1. Orang Arab bila bertanyakan atau mengatakan sesuatu yang penting memulai dengan: *bi abi wa ummi* ertinya *demi bapa* dan *ibuku*.

Yang lebih afdal, ditambah sebelum membaca "وجهت" atau "اللهم باعد بيني" , membaca zikir " كبيرا ", sesudah Takbiratul Ihram.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: بَيْنَمَا نَحْنُ نُصَلِّى مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ اِذْ قَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: اَللهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً. فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنِ الْقَائِلُ كَلِمَةً كَذَا وَكَذَا! قَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ اَنَا يَا رَسُوْلَ اللهِ! قَالَ عَجِبْتُ لَهَا فُتِحَتْ لَهَا اَبْوَابُ السَّمَاءِ. قَالَ اِبْنُ عُمَرَ فَمَا تَرَكْتُهُنَّ مُنْذُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ ذٰلِكَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Pada suatu kali kami sembahyang bersama Rasulullah s.a.w. tiba-tiba seorang laki-laki yang berjemaah membaca: الله اكبر كبيرا والحمد لله كثيرا وسبحان الله بكرة وأصيلا *(Allah Maha Besar dengan sebesar-besarnya. Dan segala puji bagi Allah sebanyak-banyaknya. Dan Maha Suci Allah di waktu pagi dan petang). Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: siapakah yang membaca kalimat begini dan begitu? Seorang laki-laki dari kaum itu berkata: Saya wahai Rasulullah! Rasulullah s.a.w. bersabda: Hairan aku terhadap kalimat itu, di mana pintu langit telah terbuka kerana bacaan kalimat-kalimat itu. Ibnu Umar berkata: Maka akupun tidak meninggalkan membaca kalimat-kalimat itu sejak aku mendengar Rasulullah s.a.w. mengatakan yang demikian."*

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dengan demikian, bahawa kalimat " كبيرا " itu adalah satu pengakuan dari Rasulullah, bahawa doa iftitah itu sangat baik sekali kalau dibaca, sehingga waktu membaca kalimat itu terbuka pintu langit, langsung kepada Allah s.a.w.

5. *Meminta perlindungan.* Setelah selesai membaca doa iftitah, maka disunatkan membaca isti'azah ertinya minta perlindungan dari tipu daya syaitan dan iblis, sebelum membaca Al-Fatihah:

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَتَعَوَّذُ قَبْلَ الْقِرَاءَةِ.

رواه احمد وابو داود

"Dari Jubair bin Muth'am r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. membaca isti'azah (اعوذ بالله) sebelum ia membaca Al-Fatihah."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

قَالَ الشَّافِعِيُّ فِي الْأُمِّ يَحْصُلُ التَّعَوُّذُ بِكُلِّ مَا اشْتَمَلَ عَلَى الْاِسْتِعَاذَةِ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ لَكِنْ اَفْضَلُهُ: اَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ.

"Berkata Syafii, di dalam kitab Um: "Cukuplah bacaan isti'azah dengan kata-kata yang mengandung "minta berlindung" kepada Allah dari syaitan, tetapi yang lebih utama ialah: Aku berlindung kepada Allah dari syaitan yang terkutuk."

Dan hendaklah membaca isti'azah itu disirkan saja, iaitu sekadar didengar sendiri saja, kerana isti'azah (اعوذ بالله) itu bukan masuk dalam jumlah ayat-ayat Al-Fatihah, dan boleh dibaca di tiap-tiap rakaat.

Berkata Syafii dalam kitab Um: "Boleh seseorang membaca isti'azah di awal tiap-tiap rakaat."

6. *Membaca keras dan lambat di tempat yang ditentukan.* Adapun tempatnya yang sunat mengeraskan pembacaan dalam sembahyang yang lima waktu ialah pada waktu Maghrib, waktu Isyak, dua rakaat yang pertama, dan di waktu Subuh. Dan adapun tempatnya yang sunat melunakkan suara, ialah pada waktu Zuhur, dan pada waktu Asar, kerana mengikut perbuatan Nabi s.a.w.

عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ ذَاتَ لَيْلَةٍ فَافْتَتَحَ الْبَقَرَةَ، فَقُلْتُ يَرْكَعُ عِنْدَ الْمِائَةِ ثُمَّ مَضَى، فَقُلْتُ يُصَلِّي بِهَا فِي رَكْعَةٍ فَمَضَى فَقُلْتُ يَرْكَعُ بِهَا ثُمَّ افْتَتَحَ النِّسَاءَ

فَقَرَأَهَا ثُمَّ افْتَتَحَ اٰلِ عِمْرَانَ فَقَرَأَهَا يَقْرَأُ مُتَرَسِّلاً وَإِذَا مَرَّ بِاٰيَةٍ فِيْهَا تَسْبِيْحٌ سَبَّحَ وَإِذَا مَرَّ بِسُؤَالٍ سَأَلَ وَإِذَا مَرَّ بِتَعَوُّذٍ تَعَوَّذَ.

رواه مسلم

"Dari Huzaifah r.a. ia berkata: Pernah aku sembahyang berserta Rasulullah s.a.w. pada suatu malam, lalu beliau mulai membaca surah Al-Baqarah, aku kira beliau rukuk, tatkala beliau sampai pada ayat 100 kemudian beliau meneruskannya, lalu aku kira beliau sembahyang membaca surah Al-Baqarah itu dalam satu rakaat, kemudia diteruskannya, lalu aku kira beliau akan rukuk sehabis membaca surah itu, kemudian beliau memulai surah Ali Imran, maka beliau membaca surah itu dengan suara yang tenang (tidak tepat), bila sampai kepada ayat "tasbih" beliau bertasbih pula, bila sampai kepada kalimat "meminta", beliau pun meminta pula dan bila sampai kepada kalimat "berlindung" beliau pun memohon perlindungan pula (membaca isti'azah)."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan keterangan yang lain ada pula menerangkan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَتْ قِرَاءَةُ النَّبِيِّ ﷺ بِاللَّيْلِ يَخْفَضُ طَوْرًا وَيَرْفَعُ طَوْرًا.

رواه ابو داود

"Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Adalah bacaan Nabi s.a.w. pada waktu malam kadang-kadang beliau merendahkan suaranya dan kadang-kadang ditinggikannya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Lain daripada itu ada pula keterangan menyatakan:

عَنْ عِمْرَانِ بْنِ الْحُصَيْنِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ صَلَّى الظُّهْرَ فَجَعَلَ رَجُلٌ يَقْرَأُ خَلْفَهُ "سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى" فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ: أَيُّكُمْ قَرَأَ أَوْ أَيُّكُمُ الْقَارِئُ؟ فَقَالَ رَجُلٌ: أَنَا. فَقَالَ ظَنَنْتُ أَنَّ بَعْضَهُمْ خَالَجَنِيْهَا.

رواه مسلم

"Dari Imran bin Hushain r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah sembahyang Zuhur, lalu masuklah seseorang laki-laki membaca surah "سبح اسم ربك الأعلى" di belakangnya, maka tatkala Nabi selesai sembahyang beliau bertanya: Siapa yang membaca tadi/siapa di antara kamu yang membaca? lalu seorang laki-laki menjawab: Saya, ya Rasulullah! Lalu Rasulullah bersabda: Sesungguhnya aku kira sebahagian mereka membantah aku."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

قَالَ النَّوَوِيُّ فِى الْمَجْمُوْعِ يُسْتَحَبُّ لِلْاِمَامِ اَنْ يَجْهَرَ بِالْقِرَاءَةِ فِى الصُّبْحِ وَالْأُوْلَيَيْنِ فِى الْمَغْرِبِ وَالْأُوْلَيَيْنِ مِنَ الْعِشَاءِ. وَالدَّلِيْلُ عَلَيْهِ نَقْلُ الْخَلَفِ مِنَ السَّلَفِ وَيُسْتَحَبُّ لِلْمَأْمُوْمِ اَنْ يُسِرَّ لِأَنَّهُ اِذَا جَهَرَ نَازَعَ الْاِمَامَ فِى الْقِرَاءَةِ.

"Berkata Imam Nawawi di dalam kitab Al-Majmuk: Disunatkan bagi imam, supaya menjahar/mengeraskan pembacaan pada sembahyang Subuh dan dua rakaat yang pertama pada sembahyang Maghrib, dan dua rakaat yang pertama pada sembahyang Isyak, dan yang jadi keterangannya ialah naqal (teladan) dari salaf dan khalaf. Serta disunatkan bagi makmum supaya melunakkan pembacaan, kerana apabila ia (makmum) menjahar pula, bererti ia menyaingi imam dalam pembacaan."

Kedua-dua keterangan yang di atas itu menyatakan, di mana tempat-tempatnya menjahar/mengeraskan suara dan di mana pula harus melunakkan suara dalam sembahyang.

7. *Membaca Amin.* Bila telah selesai membaca Al-Fatihah hingga akhirnya, maka iringilah bacaan itu dengan "Amin"
   Ertinya: Ya Tuhan, perkenankanlah permintaan kami. Apabila sembahyang berjemaah, maka hendaklah amin makmum disamakan dengan amin imam, dan tak boleh makmum lebih dahulu.

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَرَأَ "غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ وَلَآ الضَّالِّيْنَ" فَقَالَ:

''آمِيْنَ'' مَدَّ بِهِ صَوْتَهُ.

رواه ابو داود والترمذى حديث حسن

"Dari Wail bin Hujr r.a. ia berkata: Pernah aku dengar, bahawasanya Nabi s.a.w. pernah membaca:

(Bukan jalan mereka yang dimarahi dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat), lalu ia membaca "Amin" dan dipanjangkan suaranya membaca "Amin" itu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا فَرَغَ مِنْ قِرَاءَةِ أُمِّ الْقُرْآنِ رَفَعَ صَوْتَهُ فَقَالَ اٰمِيْنَ.

رواه ابو داود والدار قطنى بسند حسن

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. bila telah selesai membaca Ummul Quran (Al-Fatihah), ditinggikan suaranya, lalu beliau membaca Amin."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Daruqutni).

Adapun amin imam tidak boleh didahului, kerana bila didahului bererti bukan lagi mengikut atau menjadi makmum namanya.

عَنْ بِلَالٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: لَا تَسْبِقْنِيْ بِاٰمِيْنَ.

رواه ابو داود

"Dari Bilal r.a. ia telah berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Janganlah engkau mendahului akan membaca "amin."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dalam keterangan lain ditambahkan pula:

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ حِيْنَ قَالَ ''غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّيْنَ'' قَالَ: رَبِّ

اغْفِرْ لِيْ أٰمِيْنَ.

رواه الطبرانى والبيهقى

"Dari Wail bin Hujr r.a. Bahawasanya ia pernah mendengar Rasulullah s.a.w. ketika membaca: "غير المغضوب عليهم ولا الضالين" *Beliau membaca:* "رب اغفر لي" *(ampunilah daku). Amin."*

(Diriwayatkan oleh Tabarani dan Baihaqi).

Adapun menyamakan amin makmum dengan amin imam itu sangat dituntut sekali, kerana amin imam itu menyamai amin malaikat.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ فَأَمِّنُوْا فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تُؤَمِّنُ بِتَأْمِيْنِهِ فَمَنْ وَافَقَ تَأْمِيْنُهُ تَأْمِيْنَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَـهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

رواه البخاري ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: Bila imam telah membaca amin, maka aminkan pulalah olehmu, kerana sesungguhnya malaikat-malaikat mengaminkan pula berserta amin imam. Maka sesiapa yang sama aminnya dengan amin malaikat, diampuni Tuhan dosanya yang telah terdahulu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. MEMBACA SURAH SESUDAH MEMBACA FATIHAH.

8. *Membaca surah.* Bila telah selesai membaca Al-Fatihah, maka sambunglah dengan membaca sebuah surah Al-Quran. Jika sembahyang itu sembahyang Subuh di hari Jumaat, maka disunatkan membaca surah: Alif Lam Mim Tanzil As-Sajdah pada rakaat yang pertama, dan surah Hal Ata 'Alal-insan pada rakaat yang kedua.

Sebagaimana diterangkan oleh hadis:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَقْرَأُ فِى

صَلاَةِ الْفَجْرِ يَوْمَ الْجُمْعَةِ 'اَلـمّ، تَنْزِيْلُ' اَلسَّجْدَةِ وَ 'هَلْ اَتَى عَلَى الْاِنْسَانِ.'

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. membaca surah Alif Lam Mim Tanzil As-Sajdah dan surah Hal Ata 'Alal-insan pada sembahyang Subuh pada hari Jumaat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan di waktu Subuh di hari yang lain, maka bacalah sebarang surah yang kita kehendaki. Kalau pada sembahyang Zuhur, disunatkan membaca surah : "والليل إذا يغشي".

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ بِالَّـيْلِ اِذَا يَغْشَى وَفِي الْعَصْرِ نَحْوَ ذٰلِكَ وَفِي الصُّبْحِ اَطْوَلَ مِنْ ذٰلِكَ.

رواه مسلم

"Dari Jabir bin Samurah r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. membaca surah "والليل اذا يغشى" pada sembahyang Zuhur, dan surah yang sepanjang itu juga pada waktu Asar dan surah yang lebih panjang dari itu pada waktu Subuh."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan boleh juga dibaca surah-surah yang lain.

Dalam keterangan yang lain ada dinyatakan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يَقْرَأُ فِى الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ بِالسَّمَاءِ ذَاتِ الْبُرُوْجِ وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ وَنَحْوِهِمَا مِنَ السُّوَرِ.

رواه ابو داود والترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Jabir bin Samurah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. di waktu sembahyang Zuhur dan di waktu sembahyang Asar telah membaca

surah "والسماء ذات البروج" *dan surah* "والسماء والطارق" *dan surah-surah yang seperti itu."*

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Jika sembahyang itu sembahyang Maghrib, maka disunatkan membaca surah "الطور" dan sebagainya.

عَنْ جَابِرِ بْنِ مُطْعِمٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِىَّ ﷺ يَقْرَأُ بِالطُّوْرِ فِى الْمَغْرِبِ. رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir bin Muth'im r.a. ia telah berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. membaca surah "At-Tur" pada sembahyang Maghrib."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kalau tidak hafal surah itu, maka bacalah surah yang lain. Jika sembahyang itu sembahyang Maghrib pada malam Jumaat, maka disunatkan membaca di rakaat yang pertama surah Al-Kafirun dan pada rakaat kedua surah Qul-Huwallaahu Ahad, sebagaimana diterangkan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَقْرَأُ فِى صَلَاةِ الْمَغْرِبِ لَيْلَةَ الْجُمْعَةِ "قُلْ يَآ اَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ" وَ "قُلْ هُوَ اللهُ اَحَدٌ" وَكَانَ يَقْرَأُ فِى صَلَاةِ الْعِشَاءِ لَيْلَةَ الْجُمْعَةِ "اَلْجُمْعَةَ" وَ "الْمُنَافِقُوْنَ."

رواه البيهقى

"Dari Jabir bin Samurah r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. dalam sembahyang Maghrib di malam Jumaat membaca: "قل يا ايها الكافرون" *dan* "قل هو الله احد" *dan dalam sembahyang Isyak pada malam Jumaat beliau membaca surah "Al-Jum'at" dan surah "Al-Munafiqun."*

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Adapun pada waktu Isyak, baiklah kita nyatakan pula tentang surah yang telah dibaca oleh Rasulullah s.a.w.

عَنِ الْبَرَّاءِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقْرَأُ فِى

الْعِشَاءِ بِالتِّيْنِ وَالزَّيْتُوْنِ وَمَا سَمِعْتُ اَحَدًا اَحْسَنَ مِنْهُ صَوْتًا اَوْ قِرَاءَةً.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Al-Barrak r.a. ia berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. pada waktu sembahyang Isyak membaca surah "والتين والزيتون" *dan belum pernah aku dengar seseorang yang lebih baik suaranya atau bacaannya daripada beliau."*

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dalam keterangan yang lain dinyatakan pula:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لِمُعَاذٍ حِيْنَ طَوَّلَ فِى الْعِشَاءِ يَا مُعَاذُ اِذَا أَمَّتَ النَّاسَ فَاقْرَأْ بِالشَّمْسِ وَضُحَاهَا وَسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى وَاقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah berpesan kepada Muaz, ketika ia membaca ayat yang panjang di waktu Isyak: Ya Muaz! Bila engkau menjadi imam manusia, maka engkau bacalah surah "إقرأ بسم ربك" *dan* "سبح اسم ربك الأعلى" *dan* "والشمس وضحاها" *dan* "والليل اذا يغشى".

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Juga dalam sembahyang Subuh, Rasulullah s.a.w. ada pula menyatakan perbuatannya tentang membaca surah itu:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقْرَأُ فِى الْفَجْرِ بِقَافٍ وَالْقُرْآنِ الْمَجِيْدِ وَكَانَتْ صَلَاتُهُ بَعْدُ تَخْفِيْفًا.

رواه مسلم

"Dari Jabir bin Samurah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. di waktu sembahyang Subuh telah membaca surah "ق، والقرآن المجيد"

dan sesudah membaca ayat itu sembahyangnya dipendekkan, yakni; pada rakaat yang kedua."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

قَالَ الشَّافِعِيُّ يُسْتَحَبُّ اَنْ يَقْرَأَ الْاِمَامُ وَالْمُنْفَرِدُ بَعْدَ الْفَاتِحَةِ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ فِى الصُّبْحِ وَفِى الْأُوْلَيَيْنِ مِنْ سَائِرِ الصَّلَوَاتِ وَيَحْصُلُ اَصْلُ الْاِسْتِحْبَابِ بِقِرَاءَةِ شَيْئٍ مِنَ الْقُرْآنِ.

"Berkata Syafii: Disunatkan supaya imam dan munfarid, sesudah membaca Al-Fatihah, membaca salah suatu ayat Al-Quran pada waktu Subuh dan pada dua rakaat yang pertama pada semua sembahyang. Dan memadailah mengambil dasar sunat itu dengan membaca suatu ayat Quran."

3. YANG WAJIB BAGI MAKMUM HANYA FATIHAH SAHAJA.

Bila kita menjadi makmum, maka yang wajib bagi kita ialah hanya membaca Fatihah saja dan janganlah disambung pula Fatihah itu dengan membaca ayat kalau sembahyang itu sembahyang jahar.

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا كُنْتُمْ خَلْفِى فَلَا تَقْرَؤُوْا اِلَّا بِاُمِّ الْكِتَابِ فَاِنَّهُ لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِهَا.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Ubadah bin Shamit r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila kamu sembahyang di belakangku, maka janganlah kamu baca, selain Umul-Kitab (Fatihah), kerana sesungguhnya tidak bererti (tidak sah) sembahyang orang yang tidak membaca Fatihah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan bila sembahyang itu sembahyang yang harus (mesti) dilunakkan bacaannya, umpama sembahyang Zuhur dan sebagainya,

maka disunatkan juga bagi makmum membaca surah atau ayat. Bila sembahyang itu lebih dua rakaat, maka membaca surah hanya pada dua rakaat yang pertama sahaja, sedang pada rakaat yang lain tak perlu (tidak disunatkan membaca surah). Dan hendaklah surah yang dibaca di rakaat yang kedua, lebih pendek daripada ayat yang dibaca di rakaat yang pertama. Sebagaimana diterangkan:

عَنْ أَبِى قَتَادَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ يَقْرَأُ فِى الظُّهْرِ فِى الْأُوْلَيَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ بِأُمِّ الْكِتَابِ وَسُوْرَتَيْنِ وَفِى الرَّكْعَتَيْنِ الْأَخِيْرَتَيْنِ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ وَيُسْمِعُنَا الْآيَةَ اَحْيَانًا وَيُطَوِّلُ فِى الرَّكْعَةِ الْأُوْلَى مَا لَا يُطِيْلُ فِى الثَّانِيَةِ وَهٰكَذَا فِى الصُّبْحِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Qatadah r.a. Bahawa Rasulullah s.a.w. membaca Ummul Kitab (Al-Fatihah) dan dua surah pada dua rakaat yang pertama pada sembahyang Zuhur dan Asar dan dua rakaat yang akhir dengan Fatihatulkitab (Al-Fatihah). Dan beliau memperdengarkan kepada kami ayat itu sewaktu-waktu dan beliau memanjangkannya di rakaat yang pertama dan tidak memanjangkan di rakaat yang kedua. Begitu pula pada sembahyang Subuh."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

4. SURAH-SURAH YANG DIBACA DALAM SEMBAHYANG JUMAAT.

Adapun pada sembahyang Jumaat, di rakaat yang pertama, disunatkan membaca surah "سبح اسم ربك الأعلى" dan pada rakaat yang kedua "هل أتاك حديث الغاشية". Sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

عَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَقْرَأُ فِى الْعِيْدَيْنِ وَفِى الْجُمْعَةِ بِسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى وَهَلْ اَتَاكَ حَدِيْثُ الْغَاشِيَةِ. قَالَ: وَاِذَا اجْتَمَعَ الْعِيْدُ وَالْجُمْعَةُ فِى يَوْمٍ وَاحِدٍ

يَقْرَأُ بِهِمَا فِي الصَّلاَتَيْنِ.

رواه مسلم

"Dari Nukman bin Basyir r.a. ia berkata: "Adalah Rasulullah s.a.w. pada sembahyang dua hari raya (hari raya Fithir dan hari raya Adha) dan pada sembahyang Jumaat membaca surah: "سبح اسم ربك الأعلى" *dan surah:* "هل أتاك حديث الغاشية". *Berkata Nukman bin Basyir: Dan bila jatuh hari raya pada hari Jumaat dibacanya keduanya pada kedua sembahyang itu."*

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan pada sembahyang Jumaat itu boleh juga dibaca surah Al-Jum'at dan surah Al-Munafiqun.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقْرَأُ فِي صَلاَةِ الْجُمْعَةِ سُوْرَةَ الْجُمُعَةِ وَالْمُنَافِقُوْنَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. dalam sembahyang Jumaat beliau membaca surah Al-Jum'at dan surah Al-Munafiqun."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

5. BACAAN APABILA BERTEMU DENGAN AYAT RAHMAT, AZAB, TASBIH ATAU CONTOH.

Berkata Syafii: "Disunatkan bagi orang yang membaca ayat Al-Quran, baik di dalam sembahyang atau di luar sembahyang bila ia bertemu ayat "rahmat", supaya ia meminta "rahmat" bila ia bertemu dengan ayat "azab", supaya ia berlindung pula kepada Allah dari azab itu atau bila ia bertemu dengan ayat "tasbih", maka ia bertasbih pula kepada Allah atau bila ia bertemu dengan ayat yang menunjukkan "contoh" supaya ia mengambil i'tibar pula dan memikirkan contoh yang diberikan Tuhan itu, sebagaimana diterangkan dalam hadis Huzaifah yang lalu, iaitu tentang menjahar bacaan di waktu malam."

Dalam keterangan yang lain yang serupa juga dengan soal itu ada pula dinyatakan:

عَنْ اِسْمَاعِيْلَ بْنِ اُمَيَّةَ قَالَ: سَمِعْتُ اَعْرَابِيًّا يَقُوْلُ: سَمِعْتُ اَبَا هُرَيْرَةَ يَقُوْلُ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مَنْ قَرَأَ بِالتِّيْنِ وَالزَّيْتُوْنِ فَانْتَهَى اِلَى آخِرِهَا فَلْيَقُلْ: وَاَنَا عَلَى ذٰلِكَ مِنَ الشَّاهِدِيْنَ وَمَنْ قَرَأَ ''لَا اُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ'' فَانْتَهَى اِلَى آخِرِهَا ''أَلَيْسَ ذٰلِكَ بِقَادِرٍ عَلَى اَنْ يُحْيِيَ الْمَوْتَى'' فَلْيَقُلْ ''بَلَى'' وَمَنْ قَرَأَ ''وَالْمُرْسَلَاتِ'' فَبَلَغَ ''بِأَيِّ حَدِيْثٍ بَعْدَهُ يُؤْمِنُوْنَ'' فَلْيَقُلْ ''آمَنَّا بِاللهِ.''

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Ismail bin Umaiyah r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar seseorang Arab bercerita: Aku mendengar Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabad: Sesiapa yang membaca surah والتين والزيتون *kemudian sampai akhir surah itu, maka hendaklah membaca:* وانا على ذلك من الشاهدين *(Dan atas yang demikian itu saya turut menjadi saksi). Dan sesiapa yang membaca surah* لا اقسم بيوم القيام *sampai akhirnya, iaitu* أليس ذلك بقادر على ان يحيى الموتى *hendaklah membaca:* بلى *(benar). Dan sesiapa yang membaca surah* والمرسلات *kemudia ia sampai kepada ayat* فبأي حديث بعده يؤمنون *maka hendaklah ia membaca* آمنا بالله *(kami telah beriman kepada Allah)."*

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Ayat Rahmat dan Ayat Azab.

Adapun ayat rahmat misalnya:

«ويغفرلكم والله غفور الرحيم»

Ertinya: *Dan diampuni oleh Allah dosamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

Lalu disambut dengan kalimat:

«رب اغفر وارحم وأنت خير الراحمين»

Ertinya: *Hai Tuhan! Berilah ampun dan berilah rahmat, dan Engkaulah sebaik-baik yang memberi rahmat.*

Adapun ayat azab misalnya:

«ولكن حقت كلمة العذاب على الكافرين»

Ertinya: *Dan pastilah azab diberikan kepada orang-orang yang kafir.*

Lalu disambut dengan:

«رب إنى أعوذبك من العذاب»

Ertinya: *Ya Tuhan! Sesungguhnya aku berlindung dengan Engkau dari azab.*

6. MEMBACA SURAH DALAM KEDUA RAKAAT SEMBAHYANG FAJAR.

Dan pada dua rakaat sembahyang fajar disunatkan membaca surah Al-Kafirun pada rakaat pertama dan surah Al-Ikhlas pada rakaat yang kedua, sedang dalam sunat-sunat rawatib yang lain tidak disunatkan membaca surah.

Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: رَمَقْتُ النَّبِىَّ ﷺ شَهْرًا يَقْرَأُ فِى الرَّكْعَتَيِ الْفَجْرِ ''قُلْ يَا اَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ'' وَ ''قُلْ هُوَ اللهُ اَحَدٌ.''

رواه الترمذى بسند صحيح

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Pernah aku mendekati Rasulullah s.a.w. sebulan lamanya, yang dibacanya di dua rakaat sebelum fajar ialah surah ''قل يآ ايها الكافرون'' *dan surah* ''قل هو الله أحد.''

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

9. *Membaca takbir ketika bangkit dan turun dari rukuk.* Adapun kedua takbir itu dinamakan juga "takbir intiqal" iaitu takbir untuk berpindah dari satu rukun ke rukun yang lain dalam sembahyang, misalnya berpindah dari i'tidal ke sujud dan dari sujud ke duduk antara dua sujud dan sebagainya.

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا قَامَ اِلَى الصَّلَاةِ يُكَبِّرُ حِيْنَ يَقُوْمُ ثُمَّ يُكَبِّرُ حِيْنَ يَرْكَعُ ثُمَّ يَقُوْلُ "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ" حَتَّى يَرْفَعَ صُلْبَهُ مِنَ الرُّكُوْعِ ثُمَّ يَقُوْلُ وَهُوَ قَائِمٌ: رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. ثُمَّ يُكَبِّرُ حِيْنَ يَهْوِى سَاجِدًا ثُمَّ يُكَبِّرُ حِيْنَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ ثُمَّ يُكَبِّرُ حِيْنَ يَسْجُدُ ثُمَّ يُكَبِّرُ حِيْنَ يَرْفَعُ ثُمَّ يَفْعَلُ ذٰلِكَ فِى الصَّلَاةِ كُلِّهَا.

رواه البخارى مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: "Adalah Rasulullah s.a.w. apabila berdiri sembahyang, beliau takbir ketika berdiri, kemudian beliau takbir ketika rukuk, kemudian membaca: "سمع الله لمن حمده" hingga beliau mengangkat tulang sulbinya (pinggangnya) dari rukuk, kemudian beliau membaca sambil beridi: "ربنا لك الحمد" kemudian beliau takbir ketika turun untuk sujud, kemudian takbir ketika bangkit dari sujud. Kemudian beliau melakukannya di dalam semua sembahyang beliau."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

7. BACAAN KETIKA BANGKIT DARI RUKUK.

10. *Membaca "سمع الله لمن حمده" ketika bangkit dari rukuk.* Sebagaimana dinyatakan oleh keterangan di bawah ini:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِى اَوْفَى قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوْعِ قَالَ: سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءَ السَّمٰوَاتِ وَمِلْءَ الْأَرْضِ وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ.

"Dari Abdullah bin Abu Aufa ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. bila mengangkat kepalanya dari rukuk, beliau membaca: Allah

telah mendengar kepada sesiapa yang memuji-Nya. Wahai Tuhan kami, bagi Engkaulah segala puji sepenuh langit dan sepenuh bumi, dan sepenuh apa yang telah Engkau kehendaki selain itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Adapun dalam sembahyang berjemaah, maka jika imam telah membaca "ربنا لك الحمد". Sebagaimana yang telah diterang kan di dalam hadis di bawah ini:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: إِذَا قَالَ الْإِمَامُ "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ" فَقُوْلُوْا: رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Bila imam telah membaca: "سمع الله لمن حمده" *maka bacalah olehmu* "ربنا لك الحمد".

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Berkata Syafii: "Sama saja tuntutan sunat zikir-zikir ini (zikir yang tersebut di atas) bagi semuanya imam, makmum dan si munfarid (orang yang sembahyang sendiri). Maka boleh dikumpulkan oleh seseorang antara bacaan: سمع الله لمن حمده dan ربنا لك الحمد hingga akhirnya."

(Demikian Al-Majmu').

Berkata Hasyiyah Syinwani: "Beralasan hadis ini Malikiyah dan Hambaliyah berpendapat, bahawa imam tidak disunatkan membaca: "ربنا لك الحمد" sedang yang makmum tidak dusunatkan membaca "سمع الله لمن حمده". Kerana yang demikian itu tidak disebutkan dalam riwayat. Dan bahawa Nabi s.a.w. telah membagi cara "Memperdengarkan". Iaitu minta pujian yang hak bagi imam dan minta pujian yang hak bagi makmum, yang dimaksudkan ialah minta diperkenankan (jawapan). Hal itu ditunjukkan oleh sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadis Musa Al-Asy'ari yang diriwayatkan oleh Muslim yang berbunyi: "Bila imam telah membaca "سمع الله لمن حمده" (telah mendengar

Allah bagi siapa-siapa yang memujinya), maka bacalah olehmu "ربنا لك الحمد" (ya Tuhan kami, bagi Engkau segala puji). Ia berkata seterusnya: "Dan tidaklah ada alasan bagi mereka berpendapat begitu. Sebab dalam hadis ini tidak ada sesuatu yang nafi (tidak boleh), akan tetapi di dalam hadis ini dinyatakan, bahawa pembacaan makmum "ربنا لك الحمد" adalah sesudah imam membaca "سمع الله لمن حمده". Dan tidaklah terlarang, kalau imam meminta dan memperkenankan (dibaca kedua-keduanya). Dan sungguh telah tetap hadis yang menyatakan, bahawa Rasulullah s.a.w. mengumpulkan antara keduanya. Iaitu hadis yang berbunyi:

عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِيْ أُصَلِّي. رواه البخارى ومسلم

"Dari Malik bin Huwairis r.a. pernah ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Oleh sebab itu menurut pendapat Syafiiyah, Abu Yusuf dan Jumhur: imam dan munfarid (orang yang sembahyang sendirian) hendaknya mengumpulkan antara keduanya. Sebab hadis-hadis sahih yang menyaksikan sedemikian. Dan Syafiiyah menambahkan bahawasanya makmum hendaknya mengumpulkan juga keduanya. (Demikian Syinwani).

11. *Membaca tasbih dalam rukuk dan sujud.* Bila kita dalam rukuk, maka disunatkan membaca tasbih iaitu membaca:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ *"Amat suci Tuhanku yang Maha Besar."*

Dan bila kita dalam sujud, maka sunat dibaca:

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْأَعْلَى *"Amat suci Tuhanku Yang Maha Tinggi."*

Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اِذَا رَكَعَ اَحَدُكُمْ فَقَالَ فِي رُكُوْعِهِ: سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيْمِ ثَلَاثًا فَقَدْ تَمَّ

رُكُوْعُهُ وَذٰلِكَ اَدْنَاهُ وَاِذَا سَجَدَ فَقَالَ فِى سُجُوْدِهِ: سُبْحَانَ رَبِّىَ الْأَعْلَى ثَلَاثًا فَقَدْ تَمَّ سُجُوْدُهُ وَذٰلِكَ اَدْنَاهُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Bila seseorang telah rukuk lalu ia membaca dalam rukuknya: "سبحان ربي العظيم" *sebanyak tiga kali, maka sesungguhnya telah sempurna rukuknya dan itulah sekurang-kurangnya, dan apabila seseorang telah sujud, lalu di dalam sujudnya ia membaca:* "سبحان ربي الأعلى" *tiga kali, maka sesungguhnya telah sempurna sujudnya, dan itulah yang sekurang-kurangnya."*

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan boleh juga dibaca dalam rukuk dan sujud itu:

سُبْحَانَكَ اللّٰهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِىْ.

"Amat suci Engkau Ya Allah, Ya Tuhan kami dan dengan memuji Engkau Ya Allah, ampunilah dosaku."

Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللّٰهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِىُّ ﷺ يُكْثِرُ اَنْ يَقُوْلَ فِى رُكُوْعِهِ وَسُجُوْدِهِ "سُبْحَانَكَ اللّٰهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِى."

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia telah berkata: Adalah Nabi s.a.w. di dalam rukuk dan sujudnya banyak membaca: Maha Suci Engkau ya Allah, ya Tuhan kami. Dan dengan puji Engkau ya Allah, ampunilah aku."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

8. JANGAN MENDERUM KETIKA HENDAK SUJUD.

Ketika hendak sujud, disunatkan meletakkan kedua lutut di atas tempat sujud lebih dahulu, kemudian kedua tangan dan kemudian dahi, sebagaimana yang dikatakan oleh Nabi s.a.w.

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا سَجَدَ وَضَعَ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ وَإِذَا نَهَضَ رَفَعَ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Wail bin Hujr r.a. berkata: Adalah Nabi s.a.w. bila beliau sujud, beliau meletakkan kedua lututnya sebelum meletakkan kedua tangannya dan bila bangun, beliau mengangkat kedua tangannya sebelum kedua lututnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan janganlah sujud itu dilakukan seperti orang yang seolah-olah merupakan orang menangkap seekor burung di tanah, iaitu dengan meletakkan kedua tangan lebih dahulu, kemudian baru kedua lutut.

Ketika hendak bersujud itu jangan kita menderum [1] seperti unta atau haiwan menderum, sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا سَجَدَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَبْرُكْ كَمَا يَبْرُكُ الْبَعِيْرُ وَلْيَضَعْ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Bila seseorang sujud, maka janganlah ia menderum, seperti unta betina menderum dan hendaklah diletakkan kedua tangannya sebelum kedua lututnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Berkata pengarang kitab "Subulussalam": Imam Ibnu Qayim telah mengkaji dalam perkara hadis di atas ini, sebab berlawanan dengan hadis sebelumnya. Sedang kedua hadis itu sama-sama sahih dan kuat. Katanya: Hadis Abu Hurairah ini terbalik letak sebahagian matannya yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi. Menurut bunyi matan hadis itu di akhirnya ialah:

---

1. Menderum = Unta atau gajah menjatuhkan badan ke tanah, syaratnya kedua kaki depan dahulu kemudian baru kaki belakang, jadi kebalikan sujud, iaitu lutut dahulu baru tangan.

وَلْيَضَعْ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ.

"Dan hendaknya ia letakkan dua tangannya sebelum dua kakinya."

Pada hal perbuatan ini adalah menyerupai unta menderum, yang dilarang oleh Nabi s.a.w. menurut bunyi, pangkal hadis itu. Oleh sebab itu menurut susunan hadis ini sebenarnya adalah:

وَلْيَضَعْ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ.

"Hendaklah ia letakkan dua lututnya sebelum dua tangannya."
(Demikian Subulussalam).

Mengangkat dua siku.

Ketika telapak tangan telah terletak di bumi, maka disunatkan mengangkat dua siku. Keterangan ada menyatakan:

عَنِ الْبَرَّاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا سَجَدْتَ فَضَعْ كَفَّيْكَ وَارْفَعْ مِرْفَقَيْكَ. رواه مسلم

"Dari Al-Barrak bin Azib r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila engkau sujud, maka letakkanlah kedua telapak tangan engkau dan angkatlah kedua siku engkau."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Bagi kaum perempuan disunatkan merapatkan siku itu ke arah kedua teteknya (susunya). Berkata Syafii: "Disunatkan bagi kaum laki-laki merenggangkan kedua sikunya dari pinggangnya dan mengangkat perutnya dari kedua pahanya dan disunatkan bagi perempuan merapatkan sebahagian anggotanya kepada sebahagian yang lain."
(Demikian Al-Majmuk).

Merenggangkan kedua belah kaki.

Dan hendaklah direnggangkan kedua belah kaki, serta anak-anak jari dihadapkan ke kiblat. Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ حُمَيْدِ السَّاعِدِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ وَصَفَ صَلَاةَ النَّبِىِّ ﷺ فَقَالَ: إِذَا سَجَدَ فَرَّجَ بَيْنَ رِجْلَيْهِ. رواه ابو داود والبيهقى

"Dari Abu Humaid As-Saidi r.a. Bahawasanya ia pernah mensifatkan sembahyang Nabi s.a.w. ia berkata: Bila beliau sujud, direnggangkan kedua kakinya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ حُمَيْدِ السأَعِدِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ سَجَدَ وَاسْتَقْبَلَ بِأَطْرَافِ اَصَابِعِ رِجْلَيْهِ الْقِبْلَةَ.

رواه البخارى

"Dari Abu Humaid As-Saidi r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. sujud dan beliau hadapkan anak-anak jarinya ke kiblat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Menghadapkan anak-anak jari tangan ke kiblat.

Juga anak-anak jari tangan disunatkan pula menghadapkannya ke kiblat. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنِ الْبَرَّاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا سَجَدَ وَضَعَ يَدَيْهِ بِالْأَرْضِ اِسْتَقْبَلَ بِكَفَّيْهِ وَاَصَابِعِهِ الْقِبْلَةَ.

رواه البيهقى

"Dari Al-Barrak r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. bila beliau sujud, beliau letakkan kedua tangannya ke bumi, dihadapkan kedua tapak tangannya dan anak-anak jarinya ke kiblat."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Janganlah seperti anjing menderum.

Dalam waktu sujud itu janganlah tangan dihamparkan seperti seekor anjing menghamparkan tangannya ketika menderum kerana berbaring kelelahan dan sebagainya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِعْتَدِلُوْا فِى السُّجُوْدِ وَلَا يَبْسُطْ اَحَدُكُمْ ذِرَاعَيْهِ اِنْبِسَاطَ الْكَلْبِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Luruskanlah badanmu di dalam sujud dan janganlah salah seorang dari kamu menghamparkan kedua lengan tangannya seperti anjing menghamparkan tangannya (kakinya)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

12. *Doa antara dua sujud.* Ketika duduk antara dua sujud disunatkan doa, iaitu doa yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w. di waktu sembahyang. Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقُوْلُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ: اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ وَارْحَمْنِيْ وَعَافِنِيْ وَاهْدِنِيْ وَارْزُقْنِيْ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. ketika duduk antara dua sujud beliau membaca: Ya Allah! ampunilah dosaku, kasihanilah aku, sihatkanlah aku serta tunjukkanlah aku dan berilah aku rezeki."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Yang lebih afdal ialah supaya seseorang membaca doa yang tersebut di bawah ini:

رَبِّ اغْفِرْ لِيْ وَارْحَمْنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَارْفَعْنِيْ وَارْزُقْنِيْ وَاهْدِنِيْ وَعَافِنِيْ وَاعْفُ عَنِّيْ.

رواه أصحاب السنن

"Ya Tuhanku!! Ampunilah dosaku, berilah aku rahmat (kasihanilah aku), tambahilah ibadatku (sempurnakanlah mana yang kurang), angkatlah martabatku, berilah aku rezeki, tunjukkanlah aku, sihatkanlah aku dan maafkanlah segala kesalahanku."

(Diriwayatkan oleh Ash-habus Sunan).

As-habus Sunan di sini ialah para ahli hadis yang mempunyai kitab Sunan iaitu: Tirmizi, Abu Daud, Nasai dan Ibnu Majah.

13. *Duduk iftirasy.* Adapun yang dimaksudkan dengan duduk iftirasy ialah duduk antara dua sujud dan duduk waktu membaca tasyahud yang pertama, dalam sembahyang yang lebih dari dua

rakaat. Cara duduk iftirasy itu ialah duduk di atas telapak kaki yang kiri, dan telapak kaki kanan ditegakkan.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَفْتَرِشُ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَيَنْصِبُ رِجْلَهُ الْيُمْنَى.

رواه البيهقى

"Dari Aisyah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. adalah menghamparkan kakinya yang kiri dan menegakkan kakinya yang kanan."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Dan keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ حُمَيْدِ السَّاعِدِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ وَصَفَ صَلاَةَ النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: فَإِذَا جَلَسَ فِى الرَّكْعَتَيْنِ جَلَسَ عَلَى رِجْلِهِ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْيُمْنَى فَإِذَا جَلَسَ فِى الرَّكْعَةِ الْأَخِيْرَةِ قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْأُخْرَى وَقَعَدَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ.

رواه البخارى وابو داود

"Dari Abu Humaid As-Saidi r.a. Bahawasanya ia pernah mensifatkan sembahyang Nabi s.a.w. lalu ia berkata: Maka bila Nabi duduk sesudah dua rakaat, beliau duduk di atas kakinya yang kiri dan ditegakkan kakinya yang kanan, apabila beliau duduk pada rakaat yang penghabisan dikedepankan kakinya yang kiri dan ditegakkan kakinya yang kanan dan beliau duduk di atas pinggulnya (punggungnya) di bumi."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Abu Daud).

14. *Membaca tasyahud yang pertama.* Bila sembahyang lebih dari dua rakaat, maka disunatkan duduk untuk membaca tasyahud yang pertama. Kerana mengikuti perbuatan salaf dan khalaf. Salaf ialah para sahabat Nabi, sedang yang dimaksudkan dengan khalaf ialah tabi'in atau generasi sesudah para sahabat Nabi.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا وَصَفَتْ صَلاَةَ النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَتْ: وَكَانَ اِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ السُّجُوْدِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِىَ قَاعِدًا وَكَانَ يَقُوْلُ فِى كُلِّ رَكْعَتَيْنِ التَّحِيَّاتِ.

رواه ابو داود ومسلم

"Dari Aisyah r.a. Bahawasanya Aisyah pernah mensifatkan sembahyang Nabi s.a.w. lalu berkata: Rasulullah s.a.w. apabila beliau mengangkat kepalanya dari sujud, beliau tidak sujud kembali sebelum beliau menyempurnakan duduknya lebih dahulu dan pada tiap-tiap dua rakaat beliau membaca tahiyat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Muslim).

Yang dimaksud dengan tahiyat di sini ialah membaca tasyahud yang pertama.

Berkata Imam Syafii: "Disunatkan berselawat kepada Nabi dalam tasyahud yang pertama, dan tidak disunatkan membaca selawat atas keluarganya." Jika sembahyang itu hanya serakaat atau dua rakaat, maka hingga ini cukuplah sembahyang itu dan sudah boleh memberi salam ke kanan dan ke kiri. Akan tetapi bila sembahyang itu lebih dari dua rakaat, maka hendaklah berdiri kembali sambil membaca takbir "intiqal". Dan perbuatlah pada rakaat berikutnya seperti pada rakaat yang pertama, seperti membaca Fatihah, rukuk, sujud dan lain-lain sebagainya. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadis:

إِفْعَلْ ذٰلِكَ فِى صَلاَتِكَ كُلِّهَا.

رواه البخارى ومسلم

"Perbuatlah yang demikian itu di dalam sembahyang engkau semuanya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

9. MENGGERAKKAN TELUNJUK KETIKA MEMBACA TASYAHUD.

15. *Mengembangkan tangan yang kiri dan menggenggamkan tangan yang kanan.* Bila seseorang telah duduk untuk membaca tasyahud, baik tasyahud yang pertama ataupun yang kedua, maka disunatkan meletakkan kedua belah tangan di atas kedua

belah lutut. Sedang jari tangan yang kiri dikembangkan dan jari tangan yang kanan digenggamkan, kecuali ibu jari tangan dan telunjuk. Adapun telunjuk hendaklah diisyaratkan (diluruskan). Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ اِذَا قَعَدَ لِلتَّشَهُّدِ وَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُسْرَى وَالْيُمْنَى عَلَى الْيُمْنَى وَعَقَدَ ثَلَاثًا وَخَمْسِيْنَ وَأَشَارَ بِأُصْبُعِهِ السَّبَابَةِ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. apabila beliau duduk hendak membaca tasyahud, diletakkan tangannya yang kiri di atas lututnya yang kiri dan tangannya yang kanan di atas lututnya yang kanan, dan diakadkan bilangan lima puluh tiga, dan diisyaratkannya dengan anak jarinya, iaitu telunjuknya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Adapun cara mengakadkan angka lima puluh tiga di sini maksudnya ialah: "Bahawa dijadikan empu jari yang kanan terbuka di bawah telunjuk, sedang kelingking jari manis dan jari tengah digenggamkan.

Dan disunatkan menggerakkan telunjuk ketika membaca "أشـهـد ان لآ الـه الا الله". Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ وَضَعَ مِرْفَقَهُ الْأَيْمَنَ عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى ثُمَّ عَقَدَ اَصَابِعَهُ الْخِنْصِرَ وَالَّتِيْ تَلِيْهَا وَحَلَقَ حَلْقَةً بِأُصْبُعِهِ عَلَى الْاِبْهَامِ وَرَفَعَ السَّبَابَةَ وَرَأَيْتُهُ يُشِيْرُ بِهَا.

رواه البيهقى

"Dari Wail bin Hujr r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. meletakkan sikunya yang kanan di atas pahanya yang kanan, kemudian diakadkannya jari-jarinya, iaitu kelingking dan yang mengiringnya (jari manis dan jari tengah), dan dibuatnya satu lingkaran dengan jarinya di atas

ibu jarinya, lalu diangkat telunjuknya. Kulihat beliau mengisyaratkan dengan telunjuknya itu."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Dalam keterangan lain ada pula mengatakan, bahawa Rasulullah s.a.w. waktu membaca "tasyahud", banyak mengerak-gerakkan telunjuknya, tetapi ada pula keterangan, bahawa Rasulullah s.a.w. tidak banyak menggerakkan telunjuknya. Jadi kedua hadis ini bertentangan satu sama lain. Hadis itu berbunyi sebagai berikut:

عَنْ اِبْنِ الزُّبَيْرِ قَالَ فِى التَّشَهُّدِ: أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يُشِيْرُ بِالسَّبَابَةِ وَلاَ يُحَرِّكُهَا.

رواه احمد وابو داود والنسائى

"Dari Ibnu Zubair ia berkata mengenai perkara tasyahud, katanya: Bahawasanya Rasulullah s.a.w. selalu mengisyaratkan telunjuknya, dan tidak digerak-gerakkannya."

(Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud dan Nasai).

Dalam hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ وَائِلٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ فِى التَّشَهُّدِ: أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ رَفَعَ أُصْبُعَهُ فَرَأَيْتُهُ يُحَرِّكُهَا يَدْعُوْ بِهَا.

رواه ابن خزيمة والبيهقى

"Dari Wail r.a. berkata dalam perkara tasyahud, katanya: Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah mengangkat anak-anak jarinya, lalu aku lihat beliau menggerak-gerakkannya sambil memanggil-manggil (yakni mengisyaratkan) dengan jarinya itu."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Khuzaimah dan Baihaqi).

Dari beberapa hadis di atas itu, dapat diambil satu kesimpulan, bahawa Rasulullah s.a.w. tidak "menggerak-gerakkan telunjuknya, tetapi hanya "menggerakkan" saja, atau isyarat, sebagaimana bunyi hadis di atas.

16. *Duduk tawaruk ketika duduk yang akhir.* Bila seseorang telah duduk di rakaat yang terakhir pada sembahyangnya disunatkan baginya duduk tawaruk. Caranya ialah, supaya seseorang meletakkan akan bingku-bingkunya (pinggulnya) yang kiri di bumi, dan jari-jari yang kanan itu didirikan menghadap kiblat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ حُمَيْدِ السَّاعِدِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ وَصَفَ صَلاَةَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَقَالَ فَاِذَا جَلَسَ فِى الرَّكْعَةِ الْأَخِيْرَةِ قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْأُخْرَى وَقَعَدَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ.

رواه البخارى

"Dari Abu Humaid As-Saidi r.a. Bahawasanya dia pernah mensifatkan sembahyang Rasulullah s.a.w. lalu berkata: Apabila beliau telah duduk di rakaat yang akhir, dikedepankan kakinya yang kiri dan ditegakkan kakinya yang lain (kanan) dan beliau duduk di atas pinggulnya (punggungnya)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

17. *Salam yang kedua.* Bila salam yang pertama telah diucapkan, maka disunatkan pula mengucapkan salam yang kedua.
Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِيْنِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ حَتَّى يُرَى بَيَاضُ خَدِّهِ "اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ ـ اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ."

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. memberi salam ke kanan dan ke kiri hingga terlihat putih pipinya, iaitu: "السلام عليكم ورحمة الله ـ السلام عليكم ورحمة الله".

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

10. SUNAT-SUNAT KETIKA MEMBACA SALAM.

Bila kita memberi salam, maka disunatkan ketika salam yang pertama, meniatkan keluar (selesai) dari sembahyang, dan memberi salam kepada imam, kepada malaikat penjaga di kanan kita, dan kepada kaum muslimin yang hadir, bila kita sembahyang berjemaah.

Dan pada salam yang kedua, kita niatkan salam kita untuk orang mukmin yang ada di kiri kita:

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدَبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ اَمَرَنَا النَّبِيُّ ﷺ اَنْ نَرُدَّ عَلَى الْاِمَامِ وَاَنْ يُسَلِّمَ بَعْضُنَا عَلَى بَعْضٍ.

رواه ابو داود والبيهقى

"Dari Samurah bin Jundab ia telah berkata: Nabi s.a.w. telah memerintahkan kepada kami supaya kami menjawab salam kepada imam, dan sebahagian kami memberi salam kepada yang lain."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi).

Keterangan lain ada menyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يُصَلِّى قَبْلَ الْعَصْرِ اَرْبَعَ رَكَعَاتٍ يَفْصِلُ بَيْنَهُنَّ بِالتَّسْلِيْمِ عَلَى الْمَلَائِكَةِ الْمُقَرَّبِيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ.

رواه الترمذى ـ حديث حسن

"Dari Ali r.a. ia telah berkata: Pernah Nabi s.a.w. sembahyang sebelum Asar empat rakaat, yang dibacanya antara rakaat-rakaat itu dengan salam kepada malaikat-malaikat yang dekat (di kiri dan di kanan), dan orang-orang yang mengikut mereka dari kaum Muslimin dan Mukminin."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Dan pada riwayat Imam Ahmad bin Hambal, dari Ali r.a. juga berbunyi:

..... عَلَى الْمَلَائِكَةِ الْمُقَرَّبِيْنَ وَالنَّبِيِّيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ.

"..... kepada malaikat yang hampir, dan segala Nabi, dan orang-orang yang mengikut mereka, ialah kaum Muslimin dan Mukminin."

18. *Qunut di waktu Subuh.* Pada sembahyang Subuh, menurut mazhab Imam Syafii, disunatkan membaca doa qunut, sesudah rukuk di rakaat yang kedua, dan sesudah membaca:

سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ.

BAB QUNUT

1. ERTI QUNUT.

Erti Qunut menurut loghat ialah berdiri tegak. Dan yang dimaksud di sini (menurut istilah syarak) beberapa kalimat yang bersifat doa dibaca ketika iktidal dan sesudah membaca: "سمع الله لمن حمده" setelah bangkit dari rukuk. Adapun qunut itu terbagi atas tiga bahagian: Qunut Nazilah, qunut Witir, dan qunut Subuh.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اَفْضَلُ الصَّلَاةِ طُوْلُ الْقُنُوْتِ.

رواه مسلم

"Dari Anas r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sembahyang yang lebih utama ialah memanjangkan qunut."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. QUNUT NAZILAH.

Qunut Nazilah ertinya qunut kerana tertimpa bala. Bila sesuatu negeri atau kampung sudah ditimpa bala, seperti banyak penyakit berjangkit, sakit kolera, atau dalam keadaan perang yang menyebabkan datang kerusuhan dan lain sebagainya, maka bagi penduduk negeri itu disunatkan membaca qunut Nazilah. Qunut Nazilah itu bukan untuk mengutuk, akan tetapi hanya semata-mata supaya kita dapat dilindungi Allah dari bahaya. Pada kira-kira bulan Safar tahun empat Hijriah, beberapa orang qurra' dan yang hafal Al-Quran dari golongan sahabat Nabi telah terbunuh kerana dianiaya oleh kaum musyrikin di telaga Maunah (satu tempat yang terletak di antara Mekah dan Usfan). Mereka yang terbunuh itu ada seramai tujuh puluh orang. Maka Rasulullah s.a.w. lalu berdoa kepada Tuhan (membaca qunut) tiap-tiap sembahyang yang lima waktu, lamanya satu bulan berturut-turut.

Keterangan menyatakan:

Dan disunatkan makmum membaca amin jika imamnya membaca doa qunut itu.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَنَتَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ شَهْرًا مُتَتَابِعًا فِى الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ وَالصُّبْحِ فِى دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ اِذَا قَالَ سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فِى الرَّكْعَةِ الْأَخِيْرَةِ يَدْعُوْ عَلَى اَحْيَاءٍ مِنْ بَنِى سُلَيْمٍ عَلَى رِعْلٍ وَذِكْوَانٍ وَعُصَيَّةٍ وَيُؤَمِّنُ مَنْ خَلْفَهُ.

رواه ابو داود

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia telah berkata: Telah qunut Rasulullah s.a.w. berturut-turut selama sebulan di dalam sembahyang Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh, iaitu pada akhir tiap-tiap sembahyang, ketika beliau membaca: "سمع الله لمن حمده" di rakaat yang akhir, beliau berdoa atas suku-suku dan qabilah Bani Sulaim, iaitu atas suku Ri'l, Zikwan dan Ushaiyah, dan diaminkan oleh orang-orang yang di belakangnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Hadis ini menunjukkan, bahawa qunut Nazilah itu telah sahih diperbuat oleh Rasulullah s.a.w. Dan bagi makmum disunatkan mengaminkan di belakang. Adapun tentang menyapukan tangan ke muka tidaklah ada keterangan dari Nabi s.a.w.

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوْعِ فِى الرَّكْعَةِ الْأَخِيْرَةِ مِنَ الْفَجْرِ يَقُوْلُ: اَللّٰهُمَّ الْعَنْ فُلَانًا وَفُلَانًا وَفُلَانًا بَعْدَ مَا يَقُوْلُ سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ. فَأَنْزَلَ اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ: لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ اَوْ يَتُوْبَ عَلَيْهِمْ اَوْ يُعَذِّبَهُمْ ظَالِمُوْنَ.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawa ia pernah mendengar Rasulullah s.a.w. apabila beliau mengangkat kepalanya dari rukuk di rakaat yang akhir pada sembahyang Subuh, beliau membaca: Ya Allah, laknatilah si anu dan si anu (yang tidak disebutkan namanya), sesudah membaca: "سمع الله لمن حمده - ربنا لك الحمد"

Lalu Allah menurunkan ayat-Nya: Itu bukan urusan engkau, hai Muhammad! sama ada Allah akan menerima taubat mereka atau akan mengazab mereka sebab mereka orang yang zalim."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dalam hadis ini jelaslah, bahawa orang yang membaca qunut Nazilah itu, dilarang oleh Tuhan mengucapkan doa yang berisi kutuk, sebab kutuk atau ampunan itu hanya urusan Tuhan semata dan bukan urusan manusia. Hanya yang dibolehkan supaya berlindung dari bahaya sahaja.

3. QUNUT WITIR.

Dalam sembahyang witir di rakaat terakhir sesudah membaca "سمع الله لمن حمده" maka disunatkan pula kita membaca qunut. Terutama pada sembahyang witir di pertengahan sampai akhir bulan Ramadan sesudah selesai melakukan sembahyang tarawih.

Keterangan menyatakan:

عَنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيِّ بْنِ أَبِيْ طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: عَلَّمَنِيْ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ كَلِمَاتٍ أَقُوْلُهُنَّ فِي الْوِتْرِ: اَللّٰهُمَّ اهْدِنِي فِيْمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِي فِيْمَنْ عَافَيْتَ وَتَوَلَّنِي فِيْمَنْ تَوَلَّيْتَ وَبَارِكْ لِي فِيْمَا أَعْطَيْتَ وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى عَلَيْكَ وَإِنَّهُ لَا يَذِلُّ مَنْ وَالَيْتَ وَلَا يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Hasan bin Ali bin Abi Talib r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah mengajarkan kepadaku beberapa kalimat yang akan aku baca disembahyang witir: Ya Allah. Tunjukilah aku seperti orang

yang telah Engkau tunjuki, sihatkanlah aku seperti orang yang telah Engkau sihatkan, muliakanlah aku seperti orang yang telah Engkau muliakan, turunkan berkat kepadaku pada apa yang telah Engkau berikan dan jauhkan aku (dari) segala kejahatan yang telah Engkau tentukan, kerana sesungguhnya Engkaulah yang menetapkan, dan tidak ada seorang pun yang dapat mengubah ketetapan-Mu. Sesungguhnya tidak akan hina orang yang telah Engkau muliakan dan tidak pula akan mulia orang-orang yang telah Engkau hinakan. Bertambah-tambah berkat-Mu, ya Tuhanku! dan Maha Tinggi Engkau."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan di dalam riwayat Nasai ditambahkan: "Dan moga-moga Allah memberi selawat atas Nabi."

Sebagaimana ulama berpendapat, bahawa sembahyang witir yang boleh dibaca qunut padanya hanyalah witir pada pertengahan yang akhir bulan Ramadan sahaja, sedang witir di lain waktu tidak boleh. Pendapat ini tidak dapat kita terima sebab tidak ada keterangan dari Nabi, bahawa qunut hanya untuk witir itu sahaja sedang untuk witir di lain waktu tidak boleh. Melainkan kita berpendapat, bahawa qunut boleh dikerjakan pada sembahyang witir, sebab hadis di atas hanya mengatakan witir semata-mata, yang bererti boleh dikerjakan pada sebarang witir.

4. QUNUT SUBUH.

Adapun qunut di waktu sembahyang Subuh ini berlain-lain pendapat ulama. Berkata pengarang kitab Bidayatul Mujtahid: "Berlain-lain faham orang tentang qunut ini. Menurut Mazhab Maliki, bahawa qunut Subuh itu mustahab (sesuatu perbuatan yang disukai Nabi, tetapi tidak dibiasakannya). Menurut Mazhab Syafii, bahawa qunut Subuh itu sunat hukumnya (sesuatu perbuatan yang biasa dilakukan Nabi, yang sifatnya tidak wajib). Berkata Abu Hanifah: "Bahawa sesungguhnya di waktu sembahyang Subuh tidak boleh membaca qunut, sebab qunut itu tempatnya hanya di sembahyang witir."

(Demikian Bidayatul Mujtahid).

Pendapat Malik dan Syafii itu beralasan kepada hadis di bawah ini:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَنَتَ شَهْرًا يَدْعُوْ عَلَيْهِمْ ثُمَّ تَرَكَ فَأَمَّا فِي الصُّبْحِ فَلَمْ يَزَلْ يَقْنُتُ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا.

رواه جماعة من الحفاظ

"Dari Anas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah qunut sebulan lamanya. Ia berdoa atas orang yang membunuh, kemudian qunut itu ditinggalkannya. Adapun pada sembahyang Subuh, beliau sentiasa qunut hingga beliau meninggal dunia."

(Diriwayatkan oleh Jama'atul Huffaz).

Keterangan kedua:

عَنِ الْبَرَّاءِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَقْنُتُ فِى الصُّبْحِ وَالْمَغْرِبِ.

رواه مسلم

"Dari Al-Barra r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w membaca qunut pada sembahyang Subuh dan Maghrib."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan ketiga:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ الْقُنُوْتُ مِنَ الْمَغْرِبِ وَالْفَجْرِ.

رواه البخارى

"Dari Anas r.a. ia telah berkata: Adalah Qunut itu di sembahyang Maghrib dan Subuh."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Semua hadis yang tersebut itu menunjukkan, bahawa Rasulullah s.a.w. tetap mengerjakan (membaca) qunut di sembahyang Subuh. Kalau orang bertanya, bagaimana dalam sembahyang Maghrib. Maka jawabnya: Boleh membaca qunut di sembahyang Maghrib, kerana melihat kepada lahir hadis ini, bagi siapa yang mahu.

Keterangan yang keempat:

عَنِ ابْنِ سِيْرِيْنَ قَالَ: قُلْتُ لِأَنَسٍ قَنَتَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى الصُّبْحِ قَالَ: نَعَمْ بَعْدَ الرُّكُوْعِ يَسِيْرًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Sirin ia telah berkata: Pernah aku bertanya kepada Anas: Pernahkah Rasulullah s.a.w. qunut di sembahyang Subuh? Ia menjawab: Ya, iaitu sesudah rukuk sebentar."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hadis ini menerangkan juga bahawa Rasulullah s.a.w. membaca qunut pada sembahyang Subuh. Demikianlah dalil-dalil yang dipakai oleh orang-orang yang berpendirian, bahawa membaca qunut itu sunat hukumnya pada sembahyang Subuh.

Adapun dalil bagi orang yang mengatakan, bahawa qunut Subuh itu tidak ada ialah keterangan di bawah ini:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَنَتَ فِى صَلَاةِ الصُّبْحِ اِلَى قَوْلِهِ ثُمَّ بَلَغَنَا أَنَّهُ تَرَكَ ذٰلِكَ لَمَّا نَزَلَتْ: لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ اَوْ يَتُوْبُ عَلَيْهِمْ اَوْ يُعَذِّبَهُمْ فَإِنَّهُمْ ظَالِمُوْنَ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah qunut disembahyang Subuh. Hingga katanya: Kemudian sampai khabar kepada kami, bahawa qunut itu telah ditinggalkannya tatkala turun ayat: Itu bukan urusan engkau, hai Muhammad! sama ada Allah menerima taubat atau mengazab mereka sebab mereka orang yang zalim."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dalil yang kedua:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَنَتَ شَهْرًا بَعْدَ الرُّكُوْعِ يَدْعُوْ عَلَى اَحْيَاءٍ مِنَ الْعَرَبِ ثُمَّ تَرَكَهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah qunut sebulan lamanya sesudah rukuk, yang mendoakan suku-suku Arab, kemudian ditinggalkannya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hadis-hadis ini dijawab oleh ulama Syafiiyah:

"Bahawa qunut yang ditinggalkan oleh Nabi itu, hanyalah qunut Nazilah yang sifatnya mengutuk, berdasarkan kepada hadis-hadis

yang telah disebutkan di atas. Adapun qunut yang sifatnya tidak mengutuk tidak ada keterangan yang jelas, bahawa Nabi meninggalkannya, terutama sekali qunut yang dikerjakan pada sembahyang Subuh. Hal ini dikuatkan oleh hadis Anas di atas yang diriwayatkan oleh Jam'iyatul Huffaz, dan ditambah pula dengan sebuah keterangan lagi:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ يُعَلِّمُهُمْ هٰذَا الدُّعَاءَ يَعْنِى اَللّٰهُمَّ اهْدِنِى ..... الخ. لِيَدْعُوْا بِهِ فِى الْقُنُوْتِ مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ.

رواه البيهقى بسند ضعيف

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah mengajarkan kepada mereka akan doa ini yakni Allahummahdini hingga akhirnya, supaya mereka membacanya di waktu Subuh."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Dalam sebuah hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ اِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوْعِ مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ فِى الرَّكْعَةِ الثَّانِيَةِ يَرْفَعُ يَدَيْهِ فَيَدْعُوْ هٰذَا الدُّعَاءَ: اَللّٰهُمَّ اهْدِنِى فِيْمَنْ هَدَيْتَ وَعَافِنِى فِيْمَنْ عَافَيْتَ .... الحَدِيْثَ.

رواه الحاكم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. apabila beliau mengangkat kepalanya dari rukuk sembahyang Subuh pada rakaat yang kedua, beliau mengangkat dua belah tangannya lalu berdoa dengan doa ini: Ya Allah! tunjukkanlah aku seperti orang yang telah Engkau tunjukkan, sihatkanlah aku seperti orang yang telah Engkau sihatkan..... hingga akhir hadis."

(Riwayat Al-Hakim).

Berkata Pengarang kitab Subulus Salam: Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Anas mengenai qunut pada sembahyang Subuh sungguh kacau dan berlawanan fahamnya. Dan sungguh antara hadis-hadis yang berlawanan itu telah dikumpulkan orang maksud-

nya di dalam kitab *Al-Hadyu An-Nabawi* oleh pengarang kitab itu, lalu ia berkata: "Semua hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Anas itu semuanya sahih, sebahagiannya membenarkan sebahagian yang lain dan tidak ada yang berlawanan fahamnya. Sedang qunut yang disebutkannya sebelum rukuk, bukanlah yang dimaksudkan qunut yang disebutkannya sesudahnya. Dan qunut yang sudah ditentukan waktunya itu bukan yang dimaksudkan qunut yang diitlakkan (yang tidak disebutkan batas-batas waktunya). Maka qunut yang disebutkannya sebelum rukuk, yang dimaksudkan ialah melamakan berdiri untuk membaca yang pernah dinyatakan oleh Nabi s.a.w. dengan katanya: "Sembahyang yang lebih utama ialah melamakan berdiri." Sedang qunut yang disebutkannya sesudah rukuk, ialah melamakan berdiri untuk membaca doa. Dan hal ini telah diperbuat oleh Nabi s.a.w. sebulan lamanya. Beliau berdoa terhadap satu kaum dan berdoa terhadap kaum yang lain. Kemudian beliau selalu memanjangkan berdiri sesudah rukuk untuk berdoa dan memuji, hingga beliau meninggal dunia. Sebagaimana yang ditunjukkan hadis: "Sesungguhnya Anas bila ia mengangkat kepalanya dari rukuk ia berdiri lama-lama hingga ada orang yang berkata: "Sungguh ia telah lupa." Lalu diceritakannya kepada mereka, bahawa inilah sifat sembahyang Rasulullah s.a.w." (Hadis ini dikeluarkan dalam kitab Sahih Bukhari dan Muslim). Maka inilah qunut yang telah diterangkannya: "Bahawa Rasulullah s.a.w. sentiasa qunut hingga beliau meninggal dunia." Sedang qunut yang ditinggalkan ialah doa terhadap suku-suku bangsa Arab (doa yang sifatnya mengutuk). Doa itu adalah dimaksudkan oleh Anas dengan qunut sebelum rukuk, dan qunut sesudahnya ialah qunut yang dikhabarkan, bahawa Rasulullah s.a.w. sentiasa qunut hingga beliau meninggal dunia, ialah melamakan berdiri pada dua tempat ini dengan membaca ayat Al-Quran dan dengan berdoa. Inilah yang dimaksudkan oleh kata-kata itu."

(Demikian Subulus Salam).

Kalau yang dimaksudkan qunut itu ialah melamakan berdiri sebelum atau sesudah rukuk, untuk membaca doa dan lain-lainnya, maka pada sembahyang Subuh di kala berdiri lama sesudah rukuk, maka Imam Syafii memilih doa yang akan dibacanya itu ialah sebagai keterangan di bawah ini:

5. DOA UNTUK QUNUT DAN MENGANGKAT DUA TANGAN.

Berkata pengarang kitab Bidayatul Mujtahid: "Berlain-lainlah faham ulama Mujtahid mengenai doa yang dibaca untuk qunut ini.

Maka Imam Syafii dan Ishak memilih qunut yang dibaca dalam sembahyang Witir (Sebagaimana yang telah disebutkan di atas). Selanjutnya ia berkata: Dan ini (qunut yang dibaca dalam witir) yang diceritakan oleh Hasan bin Ali adalah dari beberapa Jalan yang menetapkan. Iaitu bahawasanya Nabi s.a.w. mengajarkan kepadanya doa yang akan dibacanya di dalam sembahyang.

Disunatkan mengangkat dua tapak tangan ketika membaca doa qunut itu, kerana perbuatan itu lebih menjelaskan perbuatan meminta.

عَنْ أَبِىْ رَافِعٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ خَلْفَ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فَقَنَتَ بَعْدَ الرُّكُوْعِ وَرَفَعَ يَدَيْهِ وَجَهَرَ بِالدُّعَاءِ.

رواه البيهقى

"Dari Abu Rafi' r.a. ia telah berkata: Pernah aku sembahyang di belakang Umar bin Khattab r.a. dibacanya qunut sesudah rukuk, maka ia mengangkat dua tangannya dan ia mengeraskan membaca doa."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: سَلُوْا اللهَ بِبُطُوْنِ كُفُوْفِكُمْ وَلاَ تَسْئَلُوْهُ بِظُهُوْرِهَا.

رواه ابو داود بسند ضعيف

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Mendoalah (meminta) kepada Allah dengan telapak tanganmu dan janganlah kamu mendoa dengan belakangnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Ulama Syafiiyah telah membagi, bahawa sunat-sunat yang ada di dalam waktu sembahyang terbagi kepada dua bahagian:

Pertama, dinamakan *sunat ab'adh,* dan yang kedua dinamakan *sunat haiat.* Adapun banyaknya sunat ab'adh itu: Pertama tasyahud, yang kedua qunut di waktu Subuh dan di waktu sembahyang witir, iaitu pertengahan bulan Ramadan ke atas, dan ketiga selawat atas Nabi pada tasyahud yang pertama.

Jika salah satu dari sunat ab'adh ini tertinggal dalam sembahyang, maka sunat menambahnya dengan sujud sahwi sebelum memberi salam, maka serupalah ia dengan sebahagian rukuk sembahyang. Oleh sebab itu ia dinamakan "ab'adh", ertinya menyerupai (sebahagian) rukun sembahyang.

Adapun yang selain daripada sunat-sunat Ab'adh, ialah dinamakan sunat Haiat, dan tidak disunatkan menambahnya dengan sujud sahwi.

BAB YANG MAKRUH DALAM SEMBAHYANG

Adapun perbuatan-perbuatan yang dimakruhkan dalam sembahyang iaitu:

Pertama: Bertolak pinggang dalam sembahyang iaitu meletakkan kedua belah tangan di atas pinggangnya.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَنْ يُصَلِّيَ الرَّجُلُ مُخْتَصِرًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah melarang seseorang sembahyang dengan bertolak pinggang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kedua: Menoleh ke kanan atau ke kiri:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قُلْتُ لِرَسُوْلِ اللهِ ﷺ عَنِ الْاِلْتِفَاتِ فِى الصَّلَاةِ فَقَالَ: اِخْتِلَاسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلَاةِ الْعَبْدِ.

رواه البخاري

"Dari Aisyah r.a. Pernah aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang "tengok-tengok" atau menoleh-noleh di dalam sembahyang, lalu Rasulullah s.a.w. menjawab: Perbuatan itu adalah suatu "tarikan" cepat yang dicubakan oleh syaitan dari sembahyang seseorang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dan keterangan lain menyatakan:

عَنْ أَبِىْ ذَرٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ يَزَالُ اللهُ مُقْبِلاً عَلَى الْعَبْدِ فِى صَلاَتِهِ لَمْ يَلْتَفِتْ فَاِذَا صَرَفَ وَجْهَهُ اِنْصَرَفَ عَنْهُ.

رواه النسائى واحمد بسند صالح

"Dari Abu Zar r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Allah senantiasa menghadap kepada hamba-Nya di dalam sembahyang, selama hamba-Nya itu tidak menoleh; apabila dia palingkan mukanya maka Allah berpaling pula daripadanya."

(Diriwayatkan oleh Nasai dan Ahmad).

Ketiga: Memberi isyarat dengan tangan dalam sembahyang, kecuali untuk menjawab salam kalau ada orang yang memberi salam ketika kita sedang sembahyang.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قُلْتُ لِبِلاَلٍ: كَيْفَ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَرُدُّ عَلَيْهِمْ حِيْنَ كَانُوْا يُسَلِّمُوْنَ عَلَيْهِ وَهُوَ فِى الصَّلاَةِ؟ قَالَ: يُشِيْرُ بِيَدِهِ.

رواه ابو داود

"Dari Ibnu Umar r.a. pernah aku bertanya kepada Bilal r.a.: Bagaimana caranya Rasulullah s.a.w. menjawab salam mereka, ketika mereka memberi salam kepadanya, sedang beliau dalam sembahyang. Ia menjawab: Diisyaratkan dengan tangannya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Keempat: Meludah ke sebelah depan atau ke sebelah kanan.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا تَنَخَّمَ اَحَدُكُمْ فَلاَ يَتَنَخَّمَنَّ قِبَلَ وَجْهِهِ وَلاَ عَنْ يَمِيْنِهِ وَلْيَبْصُقْ عَنْ يَسَارِهِ اَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ الْيُسْرَى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila seseorang meludah, maka janganlah ia meludah ke sebelah depan dan jangan pula ke sebelah kanan, tetapi hendaklah ia meludah ke sebelah kirinya, atau ke bawah telapak kakinya yang kiri."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kelima: Menutup mulut di dalam sembahyang.

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَنْ يُغَطِّيَ الرَّجُلُ فَاهُ فِى الصَّلَاةِ.

رواه ابن ماجة وابو داود

"Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah melarang kepada seseorang menutup mulutnya di dalam sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Abu Daud).

Keenam: Membiarkan rambut atau pakaian sedang kusut dan tidak teratur. Umpama lengan baju sedang disingsingkan, atau rambut belum disikat sehabis mandi atau sesudah berwuduk dan lain-lainya. Adapun hikmatnya ialah, bahawa rambut dan pakaian itu turut juga sujud ketika itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ أُمِرَ اَنْ يَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ اَرَابٍ وَنُهِيَ اَنْ يَكُفَّ شَعْرَهُ وَثَوْبَهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. disuruh (Tuhan) sujud di atas anggota yang tujuh dan dilarang menahan rambut dan kainnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Ketujuh: Menyapu tanah ketika sujud. Bila terpaksa, boleh dilakukan sekali saja.

Keterangan menyatakan:

عَنْ مُعَيْقِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَا تَمْسَحِ الْحَصَى

وَاَنْتَ تُصَلِّى فَاِنْ كُنْتَ لاَ بُدَّ فَاعِلاً فَوَاحِدَةً لِتَسْوِيَةِ الْحَصَى.

رواه ابو داود بسند حسن

"Dari Mu'aiqib r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Janganlah engkau menyapu tanah sedang engkau dalam sembahyang, maka apabila engkau terpaksa melakukannya maka perbuatlah sekali saja untuk menyapu tanah itu (pasir-pasir halus)."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Kelapan: Membuka mulut ketika menguap dalam sembahyang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: التَّثَاؤُبُ فِى الصَّلاَةِ مِنَ الشَّيْطَانِ فَاِذَا تَثَاءَبَ اَحَدُكُمْ فَلْيَكْظِمْ مَا اسْتَطَاعَ.

رواه الترمذى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Menguap di dalam sembahyang adalah datang dari syaitan, maka bila seseorang menguap, maka hendaklah ia menahan selagi ia mampu."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Muslim).

Menguap itu sesungguhnya datang dari syaitan, baik di dalam sembahyang mahupun tidak. Oleh sebab itu bila seseorang menganga disunatkan menutup mulutnya dengan tangan kanannya atau jangan mulut dingangakan.

Kesembilan: Menahan perut lapar dan menahan buang air yang sedang mendesak.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ صَلاَةَ بِحَضْرَةِ الطَّعَامِ وَلاَ وَهُوَ يُدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. dari Rasulullah s.a.w. beliau bersabda: Tidak ada ertinya sembahyang, bila makanan telah terhidang, dan tidak pula

ada ertinya sembahyang sedang dia didesak oleh dua yang keji, iaitu baul (kencing) dan gaith (berak)."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kesepuluh: Ketika sembahyang fardu telah diiqamatkan. Sebagaimana diterangkan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا أُقِيْمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا صَلَاةَ إِلَّا الْمَكْتُوْبَةَ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Bila sembahyang telah diiqamatkan, maka tidaklah ada sembahyang lagi, melainkan sembahyang yang fardu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB YANG MEMBATALKAN SEMBAHYANG

Adapun yang membatalkan sembahyang ialah:

Pertama: Jika tertinggal salah satu dari rukun atau syarat yang telah disebutkan di atas.

Kedua: Berkata-kata yang disengajakannya, walaupun satu huruf sekalipun, jika yang satu huruf itu dapat difahami. Seperti "s" yang diisyaratkan untuk pengusir ayam dan lain-lainnya. Atau dua huruf lebih, walaupun tidak difahami ertinya. Kerana hal itu sudah dianggap bermain-main dalam sembahyang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ مَعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّ هٰذِهِ الصَّلَاةَ لَا يَصْلُحُ فِيْهَا شَيْئٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ إِنَّمَا هُوَ التَّسْبِيْحُ وَالتَّكْبِيْرُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ.

رواه مسلم

"Dari Muawiyah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya sembahyang ini tidak patut dicampuri dengan sesuatu

dari perkataan manusia, hanya yang patut padanya ialah tasbih, dan membaca Al-Quran."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Hadis ini menunjukkan, bahawa tidak sah sembahyang dengan bahasa manusia, walaupun bahasa Arab sekalipun.

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ قَالَ: كُنَّا نَتَكَلَّمُ فِى الصَّلَاةِ يُكَلِّمُ الرَّجُلُ صَاحِبَهُ وَهُوَ اِلَى جَنْبِهِ فِى الصَّلَاةِ حَتَّى نَزَلَتْ: وَقُوْمُوْا لِلّٰهِ قَانِتِيْنَ. فَأُمِرْنَا بِالسُّكُوْتِ وَنُهِيْنَا عَنِ الْكَلَامِ.

رواه مسلم

"Dari Zaid bin Arqam r.a. ia berkata: Pernah kami berkata-kata di dalam sembahyang, yang seseorang berkata-kata kepada temannya, sedang temannya itu berkata-kata pula (melengong) ke pihaknya di dalam sembahyang, hingga turunlah ayat: Berdirilah kamu kerana Allah secara patuh dan taat. Lalu kami disuruhnya diam dan kami dilarang berkata-kata."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Ketiga: Banyak bergerak dengan tidak ada keperluan. Umpamanya melangkah berturut-turut, menggaruk-garuk atau memukul-mukul sampai tiga kali.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ مُسْعُوْدٍ رَضِىَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ ﷺ: اِنَّ فِى الصَّلَاةِ لَشُغْلًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Mas'ud r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sungguh di dalam sembahyang itu sudah cukup pekerjaan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Maksudnya: Di dalam mengerjakan sembahyang dengan bacaan dan perbuatan-perbuatan, dalam berhadapan dengan Tuhan, sudah cukup banyaknya dan tidak boleh ditambah lagi dengan pekerjaan yang lain. Akan tetapi bila ada hajat untuk bergerak lebih dari tiga kali gerak, umpamanya hendak membunuh

binatang berbisa yang hendak menyengat, maka tidaklah membatalkan sembahyang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اُقْتُلُوا الْأَسْوَدَيْنِ فِى الصَّلَاةِ الْحَيَّةَ وَالْعَقْرَبَ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Bunuhlah olehmu dua macam binatang berbisa di dalam sembahyang, iaitu ular dan kala."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Keempat: Makan atau minum. Sebab bila takbiratul ihram telah dibaca, maka haramlah baginya apa yang halal sebelum membaca takbiratul ihram itu. Maksudnya bukan saja haram hukumnya makan dan minum, tetapi juga batallah sembahyang sebab fikiran sudah lengah dari mengingat Tuhan.

Kelima: Tertawa-tawa.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلضَّحْكُ يَنْقُضُ الصَّلَاةَ وَلَا يَنْقُضُ الْوُضُوْءَ.

رواه الدار قطنى والبيهقى بسند ضعيف

"Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tertawa-tawa itu membatalkan sembahyang, tetapi tidak membatalkan wuduk."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni dan Baihaqi).

Keenam: Bertukar niat di dalam sembahyang, maka sembahyangnya batal, sebab niat wajib dikekalkan hinga akhir sembahyang (hingga memberi salam yang pertama). Apalagi kalau seseorang telah berniat keluar dari Islam, maka lebih-lebih lagi batalnya. Sebab sah sembahyang berkehendak kepada niat, sedang niat tidak sah kecuali orang yang berniat itu beragama Islam.

BAB MEMBERITAHUKAN IMAM DALAM SEMBAHYANG

Orang-orang yang terpaksa memberitahukan sesuatu di dalam sembahyang, umpamanya memberitahukan imam kerana kelupaan, seperti tertinggal tasyahud di rakaat yang kedua, atau memberitahukan orang buta supaya jangan jatuh ke dalam jurang atau perigi dan lain-lainnya, maka disunatkan baginya membaca tasbih, atau bertepuk tangan bagi perempuan.

Keterangan menyatakan:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا نَابَ اَحَدُكُمْ شَيْئٌ فِى صَلَاتِهِ فَلْيُسَبِّحْ فَاِنَّمَا التَّسْبِيْحُ لِلرِّجَالِ وَالتَّصْفِيْقُ لِلنِّسَاءِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Sahal bin Saad r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila salah seorang di antara kamu nampak sesuatu di dalam sembahyang, maka hendaklah ia membaca tasbih, kerana hanya tasbih itu yang dibolehkan bagi laki-laki dan bertepuk tangan bagi perempuan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Cara bertepuk tangan itu, ialah memukulkan tapak tangannya yang kanan ke punggung tangannya yang kiri.

BAB MACAM SUJUD

1. SUJUD SAHWI.

Adapun sebab-sebab sujud sahwi itu, ialah:

Pertama: Kerana tertinggal tasyahud yang pertama di rakaat yang kedua, jika sembahyang itu lebih dari dua rakaat.

عَنِ الْمُغِيْرَةِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا قَامَ اَحَدُكُمْ مِنَ الرَّكْعَتَيْنِ فَلَمْ يَسْتَتِمَّ قَائِمًا فَلْيَجْلِسْ وَاِنِ اسْتَتَمَّ قَائِمًا

فَلَا يَجْلِسْ وَيَسْجُدُ سَجْدَتَيِ السَّهْوِ.

رواه أحمد

"Dari Al-Mughirah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila salah seorang berdiri dari rakaat yang kedua, tetapi belum sempurna berdirinya, maka hendaklah ia duduk kembali; dan jika telah sempurna berdiri, maka janganlah ia duduk, dan hendaklah ia sujud dua kali, iaitu sujud sahwi."

(Diriwayatkan oleh Ahmad).

Keterangan yang lain menyatakan pula:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ بُحَيْنَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى بِهِمُ الظُّهْرَ فَقَامَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُوْلَيَيْنِ وَلَمْ يَجْلِسْ فَقَامَ النَّاسُ مَعَهُ حَتَّى إِذَا قَضَى الصَّلَاةَ وَانْتَظَرَ النَّاسُ تَسْلِيْمَهُ كَبَّرَ وَهُوَ جَالِسٌ وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ ثُمَّ سَلَّمَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abdullah bin Buhainah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah sembahyang Zuhur bersama mereka, lalu beliau langsung berdiri di dua rakaat yang pertama tanpa duduk (tasyahud awal), maka orang-orang pun ikut berdiri pula, hingga ketika beliau akan selesai sembahyang, orang-orang yang lain menanti-nanti salamnya, malah beliau takbir sambil duduk, lalu beliau sujud dua laki sebelum salam. Sesudah itu barulah beliau memberi salam."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kedua: Kerana ragu dalam bilangan rakaat sembahyang, apakah sudah tiga rakaat atau sudah empat rakaat, kalau sembahyang itu empat rakaat. Begitu juga kalau sembahyang itu dua atau tiga rakaat, maka ambillah yang kurang dari dua yang diragui itu, lalu tambahlah satu rakaat lagi kemudian sujudlah kerana terlupa.

عَنْ أَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى أَثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا

فَلْيَطْرَحِ الشَّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ ثُمَّ يَسْجُدُ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ اَنْ يُسَلِّمَ فَاِذَا كَانَ صَلَّى خَمْسًا شَفَعْنَ لَهُ صَلاَتَهُ وَاِنْ كَانَ صَلَّى تَمَامًا كَانَتَا تَرْغِيْمًا لِلشَّيْطَانِ.

رواه أحمد ومسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila seseorang ragu di dalam sembahyangnya, sedang ia tidak mengetahui lagi apakah ia telah sembahyang tiga rakaat atau empat rakaat, maka hendaklah dibuangkannya keraguannya itu, dan hendaklah ditetapkannya yang diyakininya itu, kemudian apabila sembahyang dia sampai lima rakaat maka sempurnalah sembahyangnya dan jika ia sembahyang menepati jumlah rakaatnya, adalah dua sujud itu sebagai kutuk bagi syaitan."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim).

Jika seseorang ragu antara tiga dan empat, maka diyakinkannyalah tiga. Dan jika seseorang ragu antara dua dan tiga, maka diyakinkannya dua dan lain-lain. Tetapi jika seseorang ragu dalam berniat, atau ragu tentang membaca takbiratul ihram umpamanya, maka mestilah ia mengulang sembahyang kembali.

Ketiga: Kerana menambah satu rakaat atau satu sujud kerana lupa.

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ صَلَّى الظُّهْرَ خَمْسًا فَقِيْلَ لَهُ: اَزِيْدَ فِى الصَّلاَةِ؟ فَقَالَ: وَمَا ذٰلِكَ فَقَالُوْا صَلَّيْتَ خَمْسًا فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ بَعْدَ مَا سَلَّمَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah sembahyang Zuhur lima rakaat, lalu dikatakan orang kepadanya: Apakah sembahyangnya itu dengan sengaja ditambahi? Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab: Benarkah demikian! Mereka mengatakan: Benar, tuan telah sembahyang lima rakaat. Lalu beliau sujud dua kali selepas beliau memberi salam."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hadis ini menunjukkan, bahawa seseorang yang telah menambah rakaat sembahyangnya kerana lupa, kemudian diperingatkan orang, atau ia sendiri ingat sesudah ia selesai memberi salam, maka boleh sujud sahwi itu dilakukannya sesudah ia memberi salam itu. Akan tetapi kalau sebelum memberi salam ia diperingatkan orang, atau ia sendiri ingat bahawa sembahyangnya terlebih rakaatnya, maka ia lakukan sujud sahwi itu sebelum ia memberi salam, sesudah ia selesai membaca tasyahud dan selawat.

Dan kalau ia diberitahukan orang, bahawa sembahyangnya kurang rakaatnya, sedang ia sudah selesai memberi salam, maka harus ia kembali menambah sembahyangnya, sebanyak rakaatnya yang kurang itu dengan syarat:

1. Masa antara ingat dan memberi salam jangan terlalu lama.
2. Jangan berkata-kata lebih dari tiga perkataan,
3. Bila sudah datang keyakinan, bahawa sembahyang itu betul kurang menurut tanda-tanda di diri sendiri.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى النَّبِيُّ ﷺ إِحْدَى صَلاَتَيِ الْعَشِيِّ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ سَلَّمَ ثُمَّ قَامَ إِلَى خَشَبَةٍ فِي مُقَدَّمِ مَسْجِدٍ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهَا وَسَاقَ حَدِيْثًا فَقَالَ ذُو الْيَدَيْنِ يَا رَسُوْلَ اللهِ أَنَسِيْتَ أَمْ قُصِرَتِ الصَّلاَةُ؟ فَقَالَ: لَمْ أَنْسَ وَلَمْ تُقْصَرْ. فَقَالَ: بَلَى قَدْنَسِيْتَ فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ سَلَّمَ.

رواه البخارى

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Pernah Nabi s.a.w. mengerjakan salah satu sembahyang petang (Zuhur atau Asar) sebanyak dua rakaat, lalu beliau terus memberi salam. Kemudian beliau berdiri di suatu kayu mati yang ada di depan masjid, lalu beliau letakkan tangannya di atasnya. Dan hadis seterusnya.... Lalu Zulyadain berkata: Ya Rasulullah! Apakah tuan lupa ataukah sembahyang yang sengaja dipendekkan? Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: Bukan aku lupa, dan bukan pula sembahyang itu sengaja dipendekkan. Maka berkata Zulyadain : Betul engkau lupa Rasulullah. Lalu Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang yang dua rakaat lagi."
(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud, bahawa ketika itu diyakinkan Allah kepadanya, bahawa sembahyangnya itu betul kurang, lalu beliau menambahi dua rakaat lagi.

Keempat: Kerana tertinggal qunut di waktu Subuh, atau di waktu sembahyang witir di pertengahan puasa ke atas, bagi orang yang mengatakan, bahawa qunut itu sunat Ab'adh. Adapun sujud sahwi itu hukumnya sunat yang sangat dituntut sekali (atau muakkad) bagi imam atau munfarid, kerana sujud sahwi itu adalah sebagai ganti dari perbuatan sunat yang ditinggalkan.

Kelima: Kerana tertinggal selawat atas Nabi sesudah tasyahud yang pertama dan sesudah qunut, dan selawat atas keluarga Muhammad sesudah tasyahud yang akhir dan sesudah qunut. Adapun zikir yang akan dibaca antara dua sujud sahwi itu, lahirnya tak lain ialah sebagai zikir (doa) yang dibaca dalam duduk antara dua sujud dalam sembahyang biasa, begitu juga doa yang dibaca di waktu sujud itu. Jika seseorang terlupa ada satu rukun yang tertinggal, umpama Fatihah, dan ia ingat di rakaat yang lain, maka hendaklah kembali membaca Al-Fatihah itu dan mulai dari rakaat ia mengulang Al-Fatihah itu, atau rukun-rukun yang lain yang ketinggalan, ialah dari situlah kembali rakaat sembahyang.

2. SUJUD TILAWAT.

Di dalam kitab suci Al-Quran ada ayat-ayat pada beberapa surah, bila seseorang membaca Quran, lalu sampai kepada ayat itu, disunatkan sujud satu kali sahaja. Sujud itu dinamakan sujud tilawat (pembacaan).

Sebagaimana diterangkan oleh hadis:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا قَرَأَ ابْنُ آدَمَ السَّجْدَةَ فَسَجَدَ اِعْتَزَلَ الشَّيْطَانُ يَبْكِى يَقُوْلُ يَا وَيْلَتَا أُمِرَ ابْنُ آدَمَ بِالسُّجُوْدِ فَسَجَدَ فَلَهُ الْجَنَّةُ وَأُمِرْتُ بِالسُّجُوْدِ فَأَبَيْتُ فَلِيَ النَّارُ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila anak Adam (seseorang) membaca surah As-Sajdah, lalu ia sujud, menyingkirlah syaitan, sambil menangis ia berkata: "Aduh celaka aku." Anak Adam diperintah sujud, lalu iapun sujud, maka

baginya syurga; dan aku diperintah pula sujud tetapi aku enggan (derhaka), maka disediakan bagiku api neraka."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقْرَأُ عَلَيْنَا الْقُرْآنَ فَاِذَا مَرَّ بِالسَّجْدَةِ كَبَّرَ وَسَجَدَ وَسَجَدْنَا مَعَهُ.

رواه ابو داود والحاكم بسند ضعيف

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. membacakan ayat Al-Quran kepada kami, maka bila beliau sampai kepada ayat As-Sajdah, beliau pun takbir lalu sujud, maka kami pun ikut sujud bersamanya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Hakim).

Adapun doa yang akan dibaca dalam sujud itu, ialah:

سَجَدَ وَجْهِيَ لِلَّذِيْ خَلَقَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ فَتَبَارَكَ اللهُ اَحْسَنُ الْخَالِقِيْنَ.

"Kutundukkan wajahku kepada Tuhan yang telah menjadikan daku dan yang telah membelah pendengaranku dan pemandanganku, dengan daya-upaya-Nya dan kekuatan-Nya. Maka Maha Bersih dan Maha Tinggi Allah, Dialah Khalik yang sebaik-baiknya."

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ فِى سُجُوْدِ الْقُرْآنِ سَجَدَ وَجْهِيَ لِلَّذِيْ خَلَقَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. membaca Al-Quran dalam sujud (sujud ketika membaca Al-Quran): "Kutundukkan wajahku kepada Tuhan yang telah menjadikan daku dan yang telah membelah pendengaranku dan pemandanganku, dengan daya-upaya-Nya dan kekuatan-Nya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan ditambah oleh Al-Hakim dari riwayat Aisyah juga dengan perkataan:

فَتَبَارَكَ اللهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِيْنَ.

"Maha Bersih dan Maha Tinggi Allah, Dialah Khalik yang sebaik-baiknya."

Adapun syarat-syarat sujud tilawat itu ialah:

1. Suci dari segala najis, di badan, di pakaian dan tempat.
2. Menutup aurat.
3. Menghadap ke kiblat.
4. Masuk waktu sujud.

Sujud itu baru dapat dikerjakan bila seseorang waktu membaca telah sampai ke akhir ayat itu, baik dalam sembahyang atau pun di luar sembahyang. Atau ayat itu didengarnya dari bacaan orang lain. Bila ayat itu didengarnya dari orang lain sedang ia di dalam sembahyang, maka ia tidak boleh sujud kerana mendengar bacaan orang lain. Dan batal sembahyangnya kalau dikerjakannya juga. Adapun makmum hendaklah ia sujud bila imamnya telah sujud kerana sujud tilawat, dan tak boleh ia menyalahi imam. Sebaiknya bila imam tidak sujud, maka makmum pun tidak boleh sujud juga. Jika ia sujud maka batallah sembahyang sebab menyalahi perbuatan imam.

Sujud Tilawat Di Luar Sembahyang.

Adapun bagi orang yang tidak dalam sembahyang maka hendaklah ia:

1. Meniatkan sujud untuk tilawat.
2. Membaca takbiratul ihram ketika sujud itu.
3. Satu kali sujud, caranya seperti sujud sembahyang biasa.
4. Memberi salam setelah selesai sujud, seperti salam sembahyang.

Surah-Surah Yang Disunatkan Sujud Jika Dibaca.

1. Surah Al-A'raf	ayat No. 206,
2. Surah Ar-Ra'ad	ayat No. 15,
3. Surah An-Nahl	ayat No. 49,
4. Surah Al-Israk	ayat No. 109,

5. Surah Maryam ayat No. 58,
6. Surah Al-Hajj ayat No. 18,
7. Surah Al-Furqan ayat No. 60,
8. Surah An-Naml ayat No. 26,
9. Surah Alif Lam Mim At-Tanzil ayat No. 15,
10. Surah Shad ayat No. 24,
11. Surah Ha Mim As-Sajadah ayat No. 38,
12. Surah An-Najmi ayat No. 62,
13. Surah Al-Insyiqaq ayat No. 21,
14. Surah Al-Alaq ayat No. 19.

Bila kita melihat surah-surah tersebut di atas, maka kelihatanlah di pinggir halaman ayat-ayat itu tanda sujud dengan kalimat yang tertulis: *"As-Sajadah"* (اَلسَّجْدَة)

Cara Melakukan Sujud Tilawat Dalam Sembahyang.

Menurut wirid dari Nabi s.a.w. bahawa tiap-tiap Jumaat, disunatkan membaca Alif Lam Mim Tanzil As-Sajadah di dalam sembahyang Subuh. Ketika telah sampai di akhir ayat 15 dari surah itu, iaitu: (وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُوْنَ) maka disunatkan turun untuk sujud tilawat sambil membaca takbir, dengan tidak rukuk. Ketika telah sampai di tempat sujud, maka bacalah doa yang telah tersebut di atas. Setelah selesai maka naiklah kembali dengan membaca takbir pula. Kemudian sambunglah ayat itu kalau menyambungnya. Akan tetapi kalau tidak akan menyambungnya, barulah mulai rukuk. Adapun sembahyang ketika sujud tilawat belumlah dinamakan satu rakaat, sebab rukuknya tidak ada.

4. SUJUD SYUKUR.

Bila seseorang mendapat sesuatu nikmat, seperti lahir seorang anak, mendapat harta, terlepas dari bahaya dan lain-lainnya, maka disunatkan baginya melakukan sujud syukur. Iaitu sujud sebagai berterima kasih kepada Tuhan atas datangnya nikmat itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ بَكْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ اِذَا اَتَاهُ اَمْرٌ يَسُرُّهُ اَوْ بُشِّرَ بِهِ خَرَّ سَاجِدًا شُكْرًا لِلّٰهِ تَعَالَى.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Abu Bakrah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. apabila telah datang kepadanya suatu urusan yang menyenangkannya, atau beliau gembira kerana sesuatu, beliau sujud menekurkan ke tanah sebagai berterima kasih kepada Allah Taala."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Adapun melakukan sujud syukur ini tidak boleh di dalam sembahyang, akan tetapi hanya di luar sembahyang saja, sebab sujud itu tidak berhubungan dengan soal sembahyang. Adapun syaratnya ialah sebagaimana syarat sujud tilawat pula. Dan adapun rukunnya, ialah:

1. Berniat untuk sujud syukur,
2. Membaca takbiratul ihram ketika sujud,
3. Satu kali sujud,
4. Memberi salam sesudah duduk, (sama dengan rukun sujud tilawat).

BAB SEMBAHYANG BERJAMAAH

1. HUKUM SEMBAHYANG BERJAMAAH.

Adapun sembahyang berjamaah, hukumnya fardu kifayah di tiap-tiap kampung, menurut besar dan kecilnya kampung itu. Jika kampung itu kecil, cukuplah mendirikannya di satu tempat saja, dan kalau kampung itu besar, haruslah didirikan dalam beberapa tempat, dengan sekira-kira nyata syiar Islam di tempat itu.

Fardu kifayah ertinya, bila telah diperbuat oleh satu golongan, maka gugurlah dosa dari orang lain. Tetapi jika tidak ada yang melakukannya, maka berdosalah manusia seluruh kampung itu, umpamanya menguburkan mayat orang Islam, memandikannya dan sebagainya.

عَنْ أَبِى الدَّرْدَاءِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِى قَرْيَةٍ وَلَا بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيْهِمُ الصَّلَاةُ اِلَّا قَدِ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَعَلَيْكَ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْخُذُ الذِّئْبُ مِنَ الْغَنَمِ الْقَاصِيَةِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Abu Darda' r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Tidaklah dari tiga orang di dalam satu kampung, atau dalam satu

dusun yang tidak bersembahyang jamaah di kalangan mereka, melainkan telah berkuasa syaitan (iblis) di atas mereka, sebab itu usahakanlah mengadakan sembahyang berjamaah. Ingatlah serigala itu baru dapat menangkap seekor kambing yang terpisah dari kumpulannya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

2. HIKMAT SEMBAHYANG BERJAMAAH.

Adapun sembahyang berjemaah itu sangat besar hikmatnya. Dalam penghidupan dan kemasyarakatan sembahyang berjamaah memberi faedah yang bukan sedikit. Dalam sembahyang berjamaah itu berkumpullah manusia tua dan muda, besar dan kecil, hina dan mulia, kaya dan miskin. Mereka datang dari berbagai-bagai tempat jauh dan dekat. Di tempat mengadakan sembahyang berjamaah itu, masing-masing dapat melihat keadaan saudaranya. Dan mereka dapat pula bercakap-cakap menurut keperluan masing-masing dapat melihat keadaan saudaranya. Dalam mereka dapat pula bercakap-cakap menurut keperluan masing-masing.

Di situ yang kaya dapat memperhatikan keadaan si miskin, yang jauh dapat bertemu dengan yang dekat, begitu pun sebaliknya. Bila mereka telah dapat pandang-memandangi sedar menyedari, maka yang kaya lalu menaruh kasihan kepada yang miskin, dan yang tinggi lalu menyayangi yang rendah. Maka datanglah pada diri mereka masing-masing sifat sayang menyayangi santun menyantuni bila mereka mengerti hikmat berjamaah itu.

Terutama sekali, dalam suasana perjuangan, maka masing-masing umat dapat meminta buah fikiran saudaranya, dengan tidak perlu dipanggil lebih dahulu. Dan jika ada saat yang penting dalam urusan Islam, maka dengan mudah pula dapat disiarkan di tempat itu. Oleh sebab itulah di tiap-tiap kampung dituntut sekali mengadakan sembahyang berjamaah tiap-tiap hari bahkan pada tiap-tiap waktu. Tiap-tiap sekali seminggu, dituntut pula diadakan berjemaah di suatu tempat, iaitu sembahyang Jumaat. Dan sekali dalam setahun diadakan pertemuan besar-besaran, iaitu sembahyang hari raya, ketika itu berkumpullah di suatu tempat seluruh penduduk negeri. Di waktu itu lebih besar lagi hikmatnya yang dapat dirasai oleh umat Islam. Satu contoh yang dapat kita kemukakan ialah pelajaran dalam khutbah. Betapa bermanfaatnya isi khutbah itu bagi para jemaah. Kepada mereka dapat diberi perasaan keagamaan menurut aliran-aliran yang berkembang dalam masyarakat dan lain-lain.

Sebelum sembahyang dilakukan, maka saf lebih dahulu hendaklah diluruskan, hendaknya seperti benang yang direntang,

dan tidak boleh berenggang. Bahu dan siku antara yang seorang dan yang lain hendaklah rapat, sekaliannya sama-sama menghadap ke satu jihat. Di depan sekali berdiri imam, sebagai kepala rombongan, untuk mempersembahkan derma bakti ke hadrat Ilahi. Sembahyang berjamaah itu membuktikan bahawa kita umat Islam harus bersatu di bawah satu komando menghadapi segala kemungkinan yang akan menimpa umat Islam, dan sekali-kali umat Islam itu tidak boleh bercerai-cerai. Seseorang akan ditimpa malapetaka, bila berpisah dari jamaahnya. Seseorang akan mendapat dosa, bila ia mendahului perbuatan imam dalam sembahyang, yang bererti orang itu tiada tunduk kepada komando yang memimpinnya.

Seperti seekor kambing akan mudah ditangkap oleh harimau bila ia telah terpisah dari temannya. Demikian pulalah iblis mudah sekali memperdayakan seseorang, bila ia menjauhkan diri dari jamaahnya.

Bila jemaah telah rukuk dan sujud, di situ terlihatlah keadilan Ilahi terhadap hamba-Nya. Ketika itu tak berbeza lagi, kaya, miskin, tinggi, rendah, raja atau sahaya semuanya mesti sujud mencium bumi, sama rata sama rasa, tak ada yang dapat dirasakan ketika itu, selain ucapan "Amat Suci Tuhan yang Maha Tinggi."

Ketika itu, yang mulia tak dapat membanggakan kemuliaannya, yang besarpun tak dapat pula membanggakan kebesarannya. Mereka di sisi Tuhan sama rata semuanya.

3. KEUTAMAAN SEMBAHYANG BERJAMAAH.

Adapun keutamaan sembahyang berjamaah dari sembahyang sendiri, ialah dua puluh tujuh darjat (27 kali ganda). Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ اَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِيْنَ دَرْجَةً.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sembahyang berjamaah itu lebih utama pahalanya dari sembahyang sendiri sebanyak dua puluh tujuh darjat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun sembahyang berjamaah itu, kecuali pada hari Jumaat hukumnya fardu kifayah atas tiap-tiap orang.

Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: وَالَّذِىْ نَفْسِىْ بِيَدِهِ لَقَدْ هَمَمْتُ اَنْ آمُرَ بِالصَّلَاةِ فَتُقَامُ ثُمَّ آمُرَ رَجُلاً فَيُصَلِّى بِالنَّاسِ ثُمَّ انْطَلَقَ مَعِيَ بِرِجَالٍ مَعَهُمْ حِزَمٌ مِنْ حَطَبٍ اِلَى قَوْمٍ لَا يَشْهَدُوْنَ الصَّلَاةَ فَاُحْرِقُ عَلَيْهِمْ بُيُوْتَهُمْ بِالنَّارِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Demi Tuhan yang berkuasa atas diriku, sesungguhnya sudah menjadi cita-citaku supaya aku perintahkan mengerjakan sembahyang, lalu dikerjakan orang sembahyang itu, kemudian aku perintah pula seorang laki-laki supaya sembahyang bersama-sama dengan manusia, kemudian aku berjalan, bersama-sama dengan aku ada beberapa orang laki-laki yang membawa seikat kayu api akan dibawa kepada kaum yang tidak mahu menghadiri sembahyang berjamaah, lantas dengan api itu aku buat bakar rumah mereka."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

4. BERJAMAAH DI MASJID LEBIH UTAMA DARI DI RUMAH.

Adapun sembahyang *berjamaah* di masjid; lebih utama bagi laki-laki daripada di rumah, kecuali sembahyang sunat.

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: صَلُّوْا اَيُّهَا النَّاسُ فِى بُيُوْتِكُمْ فَاِنَّ اَفْضَلَ الصَّلَاةِ صَلَاةُ الْمَرْءِ فِى بَيْتِهِ اِلَّا الْمَكْتُوْبَةَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Zaid bin Sabit r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sembahyanglah kamu hai manusia di rumahmu masing-masing, kerana sesungguhnya yang seutama-utamanya ialah sem-

bahyang manusia di rumahnya, kecuali sembahyang yang difardukan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan sembahyang yang dikerjakan oleh ramai manusia berjemaah, lebih besar pahalanya daripada yang dilakukan sedikit manusia.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: صَلاَةُ الرَّجُلِ مَعَ الرَّجُلِ اَزْكَى مِنْ صَلاَتِهِ وَحْدَهُ وَصَلاَةُ الرَّجُلِ مَعَ الرَّجُلَيْنِ اَزْكَى مِنْ صَلاَتِهِ مَعَ الرَّجُلِ وَمَا كَانَ اَكْثَرُ فَهُوَ اَحَبُّ اِلَى اللهِ تَعَالَى.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ubayyu bin Kaab r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Sembahyang seorang laki-laki bersama laki-laki lain, lebih suci dari sembahyang seorang dirinya, dan sembahyang laki-laki dengan dua orang laki-laki, lebih suci pula dari sembahyangnya bersama seseorang laki-laki, dan bila sembahyang berjamaah itu lebih banyak, maka itulah yang lebih disukai oleh Allah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

5. SEKURANG-KURANG BERJAMAAH.

Adapun sekurang-kurangnya sembahyang berjamaah, seorang imam dan seorang makmum. Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ اَنَا وَصَاحِبٌ لِيْ فَلَمَّا اَرَدْنَا الْاِقْفَالَ قَالَ: لَنَا اِذَا حَضَرَتِ الصَّلاَةُ فَاَذِّنَا ثُمَّ اَقِيْمَا وَلِيَؤُمَّكُمَا اَكْبَرُكُمَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Malik bin Huwairis r.a. ia berkata: Pernah kami datang kepada Nabi s.a.w., saya dan seorang teman saya, maka tatkala kami hendak kembali, beliau bersabda kepada kami: Bila waktu-sembahyang telah datang maka azanlah salah seorang antara kamu kemudian iqamatlah dan hendaklah salah seorang di antara kamu kedua-duanya menjadi imam, yang mana yang lebih utama."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

6. SEMBAHYANG BERJAMAAH BAGI KAUM PEREMPUAN.

Selain dari kaum laki-laki, bagi kaum perempuan pun sembah-yang berjamaah itu disunatkan juga. Tetapi sembahyang berja-maah bagi mereka lebih utama mereka kerjakan di rumah mereka daripada di masjid, kerana itu yang lebih aman bagi mereka.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: صَلاَةُ الْمَرْأَةِ فِى بَيْتِهَا أَفْضَلُ مِنْ صَلاَتِهَا فِى حُجْرَتِهَا وَصَلاَتُهَا فِى مَخْدَعِهَا أَفْضَلُ مِنْ صَلاَتِهَا فِى بَيْتِهَا.

رواه ابو داود بسند صالح

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Sembahyang perempuan di rumahnya lebih utama dari sembahyangnya di ruangnya dan sembahyang di biliknya, lebih utama daripada sembahyang di rumahnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Selain daripada itu ada pula keterangan menyatakan:

عَنْ أُمِّ وَرَقَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَمَرَهَا اَنْ تَؤُمَّ اَهْلَ دَارِهَا.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ummu Waraqah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah menyuruh dia menjadi imam untuk ahli rumahnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dan kalau mereka ingin pula hendak pergi ke masjid untuk sembahyang, maka tak boleh pula dilarang:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ تَمْنَعُوْا نِسَاءَكُمُ الْمَسَاجِدَ وَبُيُوْتُهُنَّ خَيْرٌ لَهُنَّ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Janganlah kamu larang perempuan kamu datang ke masjid, walaupun rumah mereka sendiri lebih baik bagi mereka."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Adapun caranya perempuan berjamaah, ialah imam berdiri di tengah-tengah barisan atau saf.

عَنْ رِبْطَةَ الْحَنَفِيَّةِ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: اَمَّتْنَا عَائِشَةُ فَقَامَتْ بَيْنَهُنَّ فِى الصَّلاَةِ الْمَكْتُوْبَةِ.

رواه الدار قطنى والبيهقى

"Dari Ribthah Al-Hanafiah r.a. ia berkata: Pernah Siti Aisyah menjadi imam kami, lalu ia berdiri di antara barisan mereka pada sembahyang wajib."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni dan Baihaqi).

Keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ عَطَاءٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّهَا كَانَتْ تَؤُمُّ النِّسَاءَ فَتَقُوْمُ مَعَهُنَّ فِى الصَّفِّ.

رواه ابن ابى شيبة والحاكم

"Dari Atha' r.a. dari Siti Aisyah r.a.: Sesungguhnya ia pernah jadi imam kaum perempuan, lalu ia berdiri di barisan mereka."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Abu Syaibah dan Hakim).

7. KEUTAMAAN BERJAMAAH DALAM SEMBAHYANG ISYAK DAN SUBUH.

Yang lebih dituntut sekali berjamaah, selain dari sembahyang Jumaat ialah pada sembahyang Isyak dan pada sembahyang Subuh.

Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ اَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: وَلَوْ يَعْلَمُوْنَ مَا فِى الْعَتَمَةِ وَالصُّبْحِ لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبْوًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Andaikata mereka mengetahui, tentang pahala yang ada dalam sembahyang Isyak dan sembahyang Subuh, nescaya mereka mendatangi kedua waktu itu (dengan berjemaah) walaupun dengan merangkak kalau ia lemah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dan yang paling besar pahalanya, ialah jalan yang paling jauh ditempuh pergi berjamaah, sebagaimana dinyatakan oleh Nabi:

عَنْ أَبِىْ مُوْسَى اَلْأَشْعَرِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّ اَعْظَمَ النَّاسِ اَجْرًا فِى الصَّلَاةِ اَبْعَدُهُمْ اِلَيْهَا مَمْشًى وَالَّذِى يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ حَتَّى يُصَلِّيَهَا مَعَ الْاِمَامِ اَعْظَمُ اَجْرًا مِنَ الَّذِى يُصَلِّيْهَا ثُمَّ يَنَامُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Musa Al-Asy'ari r.a. telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya yang sebesar-besar pahala manusia mengerjakan sembahyang, ialah mereka yang paling jauh berjalan menuju tempat sembahyang itu, dan mereka yang menunggu-nunggu sembahyang sehingga dikerjakan sembahyang itu bersama imam, lebih besar pahalanya daripada orang yang mengerjakan sembahyang itu kemudian ia pergi tidur."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan sesiapa yang bersembahyang seorang diri, kemudian ada orang sembahyang berjamaah, maka disunatkan baginya mengulang sembahyangnya dengan memasuki jemaah itu.

Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ يَزِيْدِ بْنِ الْأَسْوَدِ الْعَامِرِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ اِلَى رَجُلَيْنِ صَلَّيَا فِى رِحَالِهِمَا: اِذَا صَلَّيْتُمَا فِى رِحَالِكُمَا ثُمَّ اَتَيْتُمَا مَسْجِدَ جَمَاعَةٍ فَصَلِّيَا مَعَهُمْ فَاِنَّهَا لَكُمَا نَافِلَةٌ.

رواه ابو داود والترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Yazid bin Aswad Al-Amiry r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada dua orang laki-laki yang telah sembahyang di dalam pondok mereka: Bila engkau berdua telah sembahyang di-pondokmu, kemudian engkau datang ke masjid ada orang yang sedang sembahyang berjemaah, maka sembahyanglah kamu bersama mereka, maka sesungguhnya bagi kamu sembahyang itu sunat."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

8. UZUR-UZUR YANG MENGHILANGKAN TUNTUTAN SEMBAHYANG BERJAMAAH.

Bila uzur telah datang kepada seseorang dengan tiba-tiba, ertinya uzur syari'i, ketika itu hilanglah tuntutan berjamaah daripadanya. Adapun uzur-uzur syar'i itu ialah:

1. Hujan yang membasahi badan atau kain.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنَّا اِذَا كُنَّا مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فِى سَفَرٍ وَكَانَتْ لَيْلَةٌ مُظْلِمَةٌ اَوْ مُطِيْرَةٌ نَادَى مُنَادِيْهِ اَنْ صَلُّوْا فِى رِحَالِكُمْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah kami di kala kami bersama Rasulullah s.a.w. di dalam suatu perjalanan, ketika itu malam gelap gelita atau turun hujan lebat, berteriaklah tukang serunya: "Sembahyanglah kamu di dalam pondokmu (kemahmu)."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. Kerana angin taufan atau kerana sangat dingin.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ نَافِعٍ أَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَذَّنَ بِالصَّلَاةِ فِيْ لَيْلَةٍ ذَاتِ بَرْدٍ وَرِيْحٍ فَقَالَ: اَلَا صَلُّوْا فِي الرِّحَالِ ثُمَّ! قَالَ: اِنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يَأْمُرُ الْمُؤَذِّنَ اِذَا كَانَتْ لَيْلَةٌ ذَاتُ بَارِدَةٍ وَمَطَرٍ يَقُوْلُ اَلَا صَلُّوا فِي الرِّحَالِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Nafi'. Bahawasanya Ibnu Umar r.a. pernah azan memberitahukan sembahyang pada suatu malam yang sangat dingin serta hari berangin, kemudian ia berkata: Sembahyanglah kamu di pondokmu (kemahmu)! Kemudian ia berkata pula: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh muazzin bila ada malam sangat dingin dan hari hujan, supaya ia menyerukan: Sembahyanglah kamu di tempatmu masing-masing."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. Ketika makanan sedang terhidang, sedang perut lapar.
   Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا صَلَاةَ بِحَضْرَةِ الطَّعَامِ وَلَا وَهُوَ يُدَافِعُهُ الْأَخْبَثَانِ.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Tak ada ertinya sembahyang bila makanan sedang terhidang, dan tak ada pula ertinya sembahyang apabila ia sedang didesak oleh dua yang keji (Baul dan Ghait)."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

4. Terdesak oleh buang air besar dan kecil, seperti keterangan hadis di atas.

5. Kerana takut (khuatir) datang bahaya atas diri sendiri atau kepada harta benda, umpama pencurian pembakaran, atau takut terjadi pembunuhan atas diri sendiri oleh orang lain dan sebagainya.

6. Sakit yang menghalangi untuk berjalan. Biar yang sakit itu diri sendiri ataupun keluarga rumahtangga, dan tak ada orang yang akan merawati.
Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِهِ فَلاَ صَلاَةَ لَهُ اِلاَّ مِنْ عُذْرٍ. قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا الْعُذْرُ؟ قَالَ: خَوْفٌ اَوْ مَرَضٌ.

رواه ابو داود بسند ضعيف

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Sesiapa yang mendengar azan, lalu ia tidak mahu mendatanginya, maka tidaklah ada erti sembahyang baginya, kecuali kalau ada uzur. Mereka bertanya: Ya Rasulullah, apakah uzur itu? Nabi menjawab: Takut, atau sakit."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

7. Kerana sudah memakan makanan yang berbau busuk, seperti jering, petai, bawang dan sebagainya. Kerana itu bererti mengganggu orang yang sama-sama sembahyang dalam berjamaah itu. Syaratnya bila bau itu tak juga mahu hilang, setelah diushakan menghilangkannya.
Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ: مَنْ اَكَلَ ثُوْمًا اَوْ بَصَلاً فَلْيَعْتَزِلْ مَسْجِدَنَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda: Sesiapa yang memakan bawang atau dasun, maka hendaklah ia jauhi masjid kami (tempat sembahyang kami)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan masuk juga ke dalam uzur syar'i, ketiadaan pakaian yang patut dibawa ke tempat sembahyang berjamaah itu. Seperti tidak ada baju, atau kain atau tutup kepala bagi perempuan dan sebagainya. Atau lumpur yang mengganggu sampainya ke tempat berjamaah itu, seperti leceh sesudah hujan dan lain-lain.

9. BERJALAN TENANG PERGI BERJAMAAH.

Ketika hendak pergi berjamaah, disunatkan pergi dengan cara berjalan kaki lambat-lambat, jangan terburu-buru, kecuali kalau rasa akan tertinggal (luput) takbiratul ihram. Ketika itu boleh agak bersegera sedikit, sebab mengejar takbiratul ihram bersama-sama dengan imam sangat dituntut sekali.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ اَنَّهُ قَالَ: اِذَا اُقِيْمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا تَأْتُوْهَا وَاَنْتُمْ تَسْعَوْنَ وَلٰكِنْ اْتُوْهَا وَاَنْتُمْ تَمْشُوْنَ وَعَلَيْكُمُ السَّكِيْنَةَ فَمَا اَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوْا وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوْا.

رواه البخارى ومسلم

*"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. Bahawasanya Nabi bersabda: **Bila sembahyang hendak dilakukan, maka janganlah kamu** datang kepadanya dengan berjalan cepat (jangan tergesa-gesa), tetapi datanglah dengan berjalan lambat-lambat, dan hendaklah kamu berjalan dengan tenang, mana yang masih kamu dapati, maka kerjakanlah dan mana yang luput daripadamu, maka sempurnakanlah."*

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan suatu hadis yang lain mengatakan pula:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوْا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya imam itu dijadikan untuk menjadi ikutan apabila ia membaca takbir, maka baca pulalah." (jangan dilalaikan dan jangan berantara).

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

BAB HUBUNGAN ANTARA IMAM DAN MAKMUM

1. SYARAT-SYARAT SAH MENGIKUT IMAM.

Adapun syarat-syarat sah mengikut imam iaitu:

Pertama: Berniat untuk berjamaah atau berniat mengikut imam.

Keterangan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِءٍ مَا نَوَى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Nabi s.a.w. telah bersabda: Bahawa tiap-tiap amalan itu harus disertai dengan niat dan bahawa bagi tiap-tiap seseorang adalah apa yang dia niatkan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kedua: Mengikuti imam dalam semua perbuatannya, dengan tidak terdahulu perbuatan makmum dari perbuatan imam sekalipun sedikit.

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ فَلَا تَخْتَلِفُوْا عَلَيْهِ فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوْا وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوْا وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَقُوْلُوْا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوْا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya dijadikan imam itu untuk menjadi ikutan, oleh sebab itu janganlah kamu menyalahi perbuatannya, bila ia takbir, maka takbirlah engkau dan bila ia rukuk, maka rukuklah engkau, dan jika ia membaca: "سمع الله لمن حمده" *maka katakanlah olehmu* "ربنا لك الحمد" *dan bila ia sujud, maka sujudlah kamu."*

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Ketiga: Jangan terkemuka tumit makmum dari tumit imam, walaupun terkemuka anak-anak jari, kerana panjangnya.

Keempat: Janganlah ada kaum perempuan menjadi imam bagi kaum laki-laki.

Keterangan sebuah hadis:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَطَبَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَقَالَ: لاَ تَؤُمَّنَّ الْمَرْأَةُ رَجُلاً.

رواه ابن ماجة والبيهقى

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. berkhutbah kepada kami, maka beliau bersabda: Tak boleh kaum perempuan mengimami kaum laki-laki.

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Baihaqi).

Kelima: Jangan ada yang menutup antara imam dan makmum, bila salah satu di dalam masjid dan yang lain di luar masjid. Begitu pula apabila imam dan makmum sembahyang di lapangan.

Keterangan.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ نِسْوَةً كُنَّ يُصَلِّيْنَ فِى حُجْرَتِهَا بِصَلاَةِ الْاِمَامِ فَقَالَتْ لاَ تُصَلِّيَنَّ بِصَلاَةِ الْاِمَامِ فَاِنَّكُنَّ دُوْنَهُ فِى حِجَابٍ.

رواه الشافعى والبيهقى

"Dari Aisyah r.a. pada suatu kali pernah perempuan-perempuan sembahyang di dalam kamarnya mengikut sembahyang imam, lalu Aisyah berkata: Janganlah kamu sembahyang menuruti sembahyang imam, kerana ada yang menutup antara kamu dengan imam itu."

(Diriwayatkan oleh Syafii dalam Baihaqi).

Keenam: Bila imam dan makmum sembahyang dalam masjid, yang berbatas antara sebuah ruang ke ruang yang lain, maka diisyaratkan supaya ada tingkap atau lubang yang terbuka hingga makmum dapat mengetahui gerak-geri imamnya, sehingga ia tak mungkin mendahului imam itu.

Berkata Nawawi:

وَشَرْطُ الْبِنَائَيْنِ فِى الْمَسْجِدِ اَنْ يَكُوْنَ بَابُ اَحَدِهِمَا نَافِذًا اِلَى الْآخَرِ وَاِلَّا فَلَا يُعَدَّانِ مَسْجِدًا وَاحِدًا.

المجموع

"Dan disyaratkan antara dua tempat yang ada di dalam masjid itu supaya ada pintu antara keduanya yang menghubungkan yang satu dengan yang lain. Dan jika tidak, maka bukanlah keduanya dipandang satu masjid."

(Demikian Al-Majmuk).

Ketujuh: Jarak antara imam dan makmum jangan lebih dari 300 hasta, jika mereka sembahyang di lapangan. Begitu pula jika salah seorang di dalam masjid dan yang lain di luar masjid. Akan tetapi apabila imam dan makmum sama-sama dalam masjid tidaklah menjadi halangan sekalipun lebih dari 300 hasta, sebab masih sama-sama dalam masjid.

Kelapan: Hendaklah makmum mengetahui akan gerak imamnya dari satu rukun ke rukun yang lain, dengan mendengar suara atau mubaligh.

Kesembilan: Jangan pembacaan imam rosak, sekalipun satu huruf misalnya, kerana telor[1] dan sebagainya. Berkata Nawawi: Bila orang yang baik pembacaan sembahyangnya di belakang orang yang tak baik pembacaannya (Ummi) batallah sembahyang makmum dan sah sembahyang imam, demikian juga sembahyang makmum yang Ummi.

(Demikianlah dalam Al-Majmuk).

Kesepuluh: Jangan sampai ada orang yang diikuti itu melakukan sembahyang yang harus diulanginya. Misalnya orang yang sedang bernajis kainnya sedang waktu akan habis, sembahyangnya itu belum dihitung. Sembahyang itu wajib dikerjakan ketika itu hanya sekadar menghormati waktu saja, agar jangan berdosa. Sedang sembahyang itu wajib diulangnya kembali, setelah najis itu dibuangkan, walaupun telah di luar waktunya. Yang semacam itu tempatnya ketika kain yang lain tak ada lagi yang akan dibawa sembahyang, selain yang satu saja. Atau ada yang lain, tetapi jauh tempatnya.

Kesebelas: Bahawa sembahyang yang dikerjakan imam itu sama dengan sembahyang yang dikerjakan makmum. Maka tidak-

1. Telor, pelat, seperti kata-kata yang diucapkan anak kecil; atau orang asing yang kaku lidahnya mengucapkan kata-kata bahasa Indonesia/Malaysia.

lah sah sembahyang orang yang mengerjakan yang fardu mengikut di belakang orang yang mengerjakan sembahyang sunat dan lain-lain, kecuali kalau si makmum tak tahu, bahawa imamnya mengerjakan sembahyang sunat.

Kedua belas: Bahawa orang yang diikut itu tidak mengikut pula kepada orang lain maka tidaklah sah si makmum mengikut kepada si makmum.

Ketiga belas: Bahawa orang yang diikut itu jangan ada batal sembahyang menurut pendapat si makmum. Umpama pengikut Imam Syafii mengikut di belakang Imam Hanafi dalam soal: "Bersentuh kulit laki-laki dan perempuan yang boleh (halal) dinikahi." Maka dalam hal itu tidaklah sah pengikut Imam Syafii mengikut di belakang pengikut Imam Hanafi itu. Kerana pengikut Imam Hanafi itu telah batal wuduknya menurut pendapat Imam Syafii, kerana telah menyentuh kulit perempuan yang tersebut di atas. Kecuali kalau pengikut Syafii tak tahu bahawa wuduknya telah batal. Sebab yang diutamakan dalam soal ikut mengikut ini ialah iktikad si makmum.

Keempat belas: Muafakat dalam berbuat dan meninggalkan perbuatan sunat yang keji kelihatannya, kalau keduanya tak sama-sama memperbuat, atau tak sama-sama meninggalkan. Seperti sujud "tilawat" yang dilakukan oleh imam sedang si makmum tidak, atau sebaliknya, dan lain-lain sebagainya.

Kelima belas: Jangan ketinggalan oleh imam lebih dari satu rukun yang fi'li dengan tidak ada uzur. Umpamanya, imam telah rukuk, lalu iktidal, lalu hendak turun pula ke tempat sujud, sedang makmum masih berdiri. Perbuatan ini namanya sudah dua rukun si makmum ketinggalan oleh imamnya.

Keenam belas: Bila ada uzur yang memaksa tinggal dari imam, seperti lambat membaca Fatihah dan lain-lain, sedang imam sangat cepat, maka tidak boleh tinggal oleh imam lebih dari tiga rukun yang panjang. Umpamanya imam telah rukuk, telah iktidal, telah selesai pula dari kedua sujud, lalu berdiri pula, sedang makmum masih berdiri juga membaca Fatihah. Ketika itu wajiblah ia mengikuti saja dalam keadaan imam berdiri ini dan tak sah lagi baginya mengerjakan rukun yang ketinggalan itu. Kalau ia tidak mengikut imam dalam waktu berdiri itu, misalnya dikerjakannya juga bahagian yang ketinggalan itu, sedang ia tak berniat menceraikan diri dari imam, maka batallah sembahyangnya. Bila ia mengikut imam dalam keadaan berdiri itu, maka wajiblah ia menambah sembahyangnya satu rakaat sesudah imam memberi salam, kerana sudah hilang baginya satu rakaat sebab tertinggal itu.

(Demikian I'anah At-Talibin dan Syarah Muhazzab).

Dengan mengetahui segala syarat-syarat jadi pengikut seperti tersebut di atas, maka tidaklah sah sembahyang mengikut imam dengan perantaraan radio, kerana:

1. Antara imam dan makmum terdinding.
2. Bahawa antara imam dan makmum lebih dari 300 hasta.
3. Sudah berlainan tempat.

2. TEMPAT IMAM TIDAK BOLEH LEBIH TINGGI DARI MAKMUM.

Dalam soal ini disunatkan supaya tempat imam itu jangan lebih tinggi dari barisan makmum, kecuali kalau ada hajat, sebagaimana dinyatakan dalam hadis:

عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ صَلَّى عَلَى دُكَّانٍ وَالنَّاسُ اَسْفَلَ مِنْهُ فَجَذَبَهُ اَبُوْ مَسْعُوْدٍ حَتَّى اَقَامَهُ فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ: اَمَا عَلِمْتَ اَنَّ اَصْحَابَكَ يَكْرَهُوْنَ اَنْ يُصَلِّىَ الْاِمَامُ عَلَى شَيْءٍ وَهُمْ اَسْفَلُ مِنْهُ. قَالَ حُذَيْفَةُ: بَلَى قَدْ ذَكَرْتُ حِيْنَ جَذَبْتَنِى.

رواه الشافعى وابو داود والبيهقى

"Dari Huzaifah r.a. sesungguhnya ia pernah sembahyang di atas tumpukan barang-barang, sedang orang-orang sembahyang di tempat yang lebih rendah, lalu ia ditarik oleh Abu Mas'ud hingga sama barisannya dengan mereka dan ketika berpaling (selesai sembahyang), Abu Mas'ud berkata: Tidakkah engkau mengetahui, bahawa sahabat-sahabatmu benci bila imam sembahyang di atas sesuatu, sedang orang sembahyang di tempat yang lebih rendah? Menjawab Huzaifah: "Ya," sesungguhnya baru aku ingat ketika engkau telah menarikku."

(Diriwayatkan oleh Syafii, Abu Daud dan Baihaqi).

Bila imam hendak memberitahukan sesuatu perbuatan sembahyangnya kepada makmum, umpamanya hendak mengajari mereka atau si mubaligh (orang yang menyampaikan dan menyambung suara imam) maka disunatkan, bahawa ia berdiri di tempat yang tinggi. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَلَى الْمِنْبَرِ فَكَبَّرَ وَكَبَّرَ النَّاسُ وَرَاءَهُ اَوْ رَكَعَ وَرَكَعَ النَّاسُ خَلْفَهُ اِلَى قَوْلِـهِ ـ ثُمَّ اَقْبَـلَ عَلَى النَّاسِ. فَقَالَ: اِنَّمَا صَنَعْتُ هٰذَا لِتَأْتَـمُّوْا بِى وَلِتَعْلَمُوْا صَلاَتِى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Sahal bin Saad r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. sembahyang di atas mimbar, lalu beliau takbir, dan takbir pulalah orang-orang di belakangnya, atau beliau rukuk maka rukuk pulalah orang-orang di belakangnya, demikian kata Sahal: Kemudian Rasulullah s.a.w. menghadap kepada orang ramai lalu berkata: Sesungguhnnya aku perbuat yang begini, supaya kamu mengikut aku, dan supaya kamu mengetahui cara sembahyangku."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. YANG DISUNATKAN DALAM MELAKUKAN SEMBAHYANG BERJAMAAH.

Bila kita melakukan sembahyang berjemaah disunatkan:

Pertama: Berdiri di saf yang pertama. Dalam urusan sembah-yang berjamaah itu, maka disunatkan berdiri di saf yang pertama, iaitu saf yang paling depan sekali, kerana saf yang pertama itu lebih utama dari saf yang lain-lain.

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِى النِّدَاءِ وَالصَّفِّ الْأَوَّلِ ثُمَّ لَمْ يَجِدُوْا اِلَّا اَنْ يَسْتَهِمُوْا عَلَيْهِ لَاسْتَهَمُوْا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Kalau tahulah manusia akan apa yang ada dalam azan dan dalam saf yang pertama, kemudian tidak mereka dapati kecuali dengan undian, nescaya mereka mengambil undian."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dalam keterangan lain dinyatakan pula:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ اَتِمُّوا الصَّفَّ الْمُقَدَّمَ ثُمَّ الَّذِى يَلِيْهِ فَمَا كَانَ مِنْ نَقْصٍ فَلْيَكُنْ فِى الصَّفِ الْمُؤَخَّرِ.

رواه ابو داود بسند حسن

"Dari Anas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Sempurnakanlah saf yang paling depan, kemudian saf yang berikutnya (saf yang kedua), maka apabila masih kurang (saf yang belum sempurna berisi) maka hendaklah ia memenuhkan saf yang belakang itu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Kedua: Di saf yang sebelah kanan di dekat imam. Disunatkan bagi yang di saf pertama itu, supaya ia ada dekat imam.

عَنِ الْبَرَّاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا اِذَا صَلَّيْنَا خَلْفَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ اَحْبَبْنَا اَنْ نَكُوْنَ عَنْ يَمِيْنِهِ يُقْبِلُ عَلَيْنَا بِوَجْهِهِ فَسَمِعْتُهُ يَقُوْلُ رَبِّ قِنِى عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ اَوْ تَجْمَعُ عِبَادَكَ.

رواه مسلم

"Dari Al-Barrak bin Azib r.a. ia berkata: Adalah kami bila kami sembahyang di belakang Rasulullah s.a.w. kami lebih suka berdiri di sebelah kanan beliau. Beliau menghadap mukanya kepada kami, dan aku dengar beliau berdoa: Hai Tuhan!! Peliharalah saya dari seksaan Engkau, pada hari Engkau bangkitkan atau Engkau kumpulkan hamba-hamba-Mu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Ketiga: Saf yang di sebelah kanan imam. Dan hendaklah dicari saf yang sebelah kanan, kerana jihat kanan lebih utama dari jihat kiri.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّ اللهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى مَيَامِنِ الصُّفُوْفِ.

رواه ابو داود

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Allah dan malaikat-malaikat-Nya memberi selawat (mendoakan) akan saf yang sebelah kanan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Keempat: Saf yang dibiarkan bergenggang.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اَقِيْمُوْا الصُّفُوْفَ وَحَاذُوْا بَيْنَ الْمَنَاكِبِ وَسُدُّوْا الْخَلَلَ وَلِيْنُوْا بِاَيْدِى اِخْوَانِكُمْ وَلَا تَذَرُوْا فُرُجَاتٍ لِلشَّيْطَانِ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ibnu Umar r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Samakanlah saf kamu, dan hendaklah luruskan bidang bahumu, dan tutuplah celah-celah saf yang renggang dan rapatkanlah tanganmu ke tangan saudaramu, dan jangan kamu biarkan ada yang renggang tempat lalu syaitan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Kelima: Menyamakan barisan (saf) kita, sebagaimana dinyatakan dalam keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: سَوُّوْا صُفُوْفَكُمْ فَاِنَّ تَسْوِيَةَ الصَّفِّ مِنْ تَمَامِ الصَّلَاةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Samakanlah barisanmu (saf), sesungguhnya menyamakan saf itu termasuk kesempurnaan sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Maka disunatkan bagi imam melengongkan mukanya ke belakang, dan memerintahkan makmum supaya menyamakan saf mereka.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أُقِيْمَتِ الصَّلَاةُ فَاَقْبَلَ عَلَيْنَا

رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِوَجْهِهِ فَقَالَ اَقِيْمُوْا صُفُوْفَكُمْ وَتَرَاصُّوْا فَإِنِّى اَرَاكُمْ مِنْ وَرَاءِ ظَهْرِيْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Telah dibaca iqamah akan sembahyang maka Rasulullah s.a.w. menghadapkan mukanya kepada kami lalu berkata: Samakanlah safmu, dan rapatkanlah barisanmu, kerana sesungguhnya aku melihatmu dari belakangku."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Jika berkumpul laki-laki dan perempuan dalam sembahyang berjamaah, maka yang lebih afdal (lebih utama) bagi laki-laki ialah saf yang pertama, dan bagi perempuan ialah saf yang paling belakang sekali:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: خَيْرُ صُفُوْفِ الرِّجَالِ اَوَّلُهَا وَشَرُّهَا آخِرُهَا وَخَيْرُ صُفُوْفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا وَشَرُّهَا اَوَّلُهَا.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sebaik-baik saf laki-laki ialah saf yang pertama dan yang seburuk-buruknya ialah saf yang paling belakang. Dan sebaik-baiknya saf perempuan ialah saf yang paling belakang, dan yang seburuk-buruknya saf yang paling depan."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

4. MENGATUR SAF.

Dan kalau pada suatu sembahyang berjamaah hadir orang-orang tua (dewasa) dan anak (laki-laki), maka hendaklah dikemukakan lebih dahulu orang-orang tua (yang lebih tua umurnya), kemudian anak-anak, kemudian khunsa "خنثى" iaitu orang yang ada baginya tanda laki-laki dan perempuan, kemudian baru kaum perempuan, andaikata mereka turut berjamaah itu.

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لِيَلِيَنِى

مِنْكُمْ أُوْلُو الْأَحْلَامِ وَالنُّهَى ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ.

رواه احمد ومسلم

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Hendaklah di antara kamu yang mengiringi aku, pertama orang-orang yang baligh berakal, kemudian yang mengiringi mereka (maksudnya yang di bawah mereka) kemudian bagi orang-orang yang mengiringi mereka."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim).

Kalau sekiranya ada dua orang, yang satu berdiri di kanan imam dan yang kedua berdiri di kiri imam, maka disunatkan bagi imam memberi isyarat dengan tangannya, supaya kedua-duanya berdekatan, sama-sama berdiri di belakangnya.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَامَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لِيُصَلِّىَ فَجِئْتُ فَقُمْتُ عَنْ يَسَارِهِ فَأَخَذَ بِيَدَيَّ فَأَدَارَنِى حَتَّى أَقَامَنِى عَنْ يَمِيْنِهِ ثُمَّ جَاءَ جَبَّارُ بْنُ صَخْرٍ فَقَامَ عَنْ يَسَارِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَأَخَذَ بِأَيْدِيْنَا جَمِيْعًا فَدَفَعْنَا حَتَّى اَقَمْنَا خَلْفَهُ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. berdiri hendak sembahyang. Lalu aku datang, maka aku berdiri di sebelah kirinya. Maka diambilnya tanganku, lalu diputarkannya aku, hingga ditegakkannya aku di sebelah kanannya. Kemudian datang Jabar bin Shakhar, lalu ia berdiri di sebelah kiri Rasulullah s.a.w. Maka diambilnya tangan kami sekaliannya, lalu badan kami berdompak (bertemu) hingga kami berdiri di belakangnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

5. ORANG YANG LEBIH BERHAK MENJADI IMAM.

Adapun orang-orang yang lebih patut menjadi imam, ialah:

Pertama: Orang-orang yang lebih baik pembacaannya:

عَنْ أَبِى سَعِيْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا كَانُوْا ثَلَاثَةً فَلْيَؤُمُّهُمْ اَحَدُهُمْ وَاَحَقُّهُمْ بِالْاِمَامَةِ اَقْرَؤُهُمْ.

رواه مسلم

"Dari Abu Said r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila mereka ada tiga orang, maka hendaklah mereka jadikan imam salah seorang di antara mereka, dan yang lebih patut di antara mereka menjadi imam ialah yang lebih baik pembacaannya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kedua: Orang yang lebih faham dan yang lebih mengetahui akan hukum-hukum agama menurut Al-Quran dan hadis Nabi:

عَنْ أَبِىْ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَؤُمُّ الْقَوْمَ أَقْرَؤُهُمْ لِكِتَابِ اللهِ تَعَالَى فَإِنْ كَانُوْا فِى الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ فَإِنْ كَانُوْا فِى السُّنَّةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً فَإِنْ كَانُوْا فِى الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ سِلْمًا - وَفِى رِوَايَةٍ سِنًّا.

رواه مسلم

"Dari Abu Mas'ud r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Hendaklah satu kaum mengangkat seseorang jadi imam, iaitu mereka yang lebih pandai membaca kitab suci (Al-Quran). Jika sekiranya mereka dalam pembacaan itu sama, maka hendaklah mereka angkat seorang dari mereka yang lebih tahu dengan sunah (hadis-hadis Nabi s.a.w.). Jika mereka dalam pengetahuan sunah itu sama pula, maka hendaklah mereka angkat salah seorang dari mereka yang lebih dahulu hijrah. Jika mereka dalam hijrah itu sama, maka hendaklah mereka angkat seseorang yang lebih dahulu masuk Islam. Dan pada satu riwayat, orang yang lebih tua umurnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Berkata Imam Al-Mutawalli:

"Didahulukan menjadi imam orang yang lebih bersih pakaiannya, kemudian orang yang lebih bagus suaranya, kemudian orang yang bagus rupanya."

(Demikian di dalam Syarah Al-Muhazzab).

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى زَيْدٍ عُمَرَو بْنِ اَحْطَبَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: اِذَا كَانُوْا ثَلَاثَةً فَلْيَؤُمُّهُمْ أَقْرَأُهُمْ لِكِتَابِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ فَاِنْ كَانُوْا فِى الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَاَكْبَرُهُمْ سِنًّا فَاِنْ كَانُوْا فِى السِّنِّ سَوَاءً فَاَحْسَنُهُمْ وَجْهًا.

رواه البيهقى

"Dari Abu Zaid Umar bin Ahtab r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Bila ada mereka tiga orang, maka hendaklah mereka jadikan imam orang yang lebih pandai membaca kitab Allah a.w.[1] jika sekiranya mereka dalam pembacaan itu bersamaan, maka hendaklah dijadikan imam yang lebih tua umurnya, dan apabila mereka dalam umur itu bersamaan pula, maka hendaklah jadikan imam yang lebih menarik rupanya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Jika mereka berkumpul dengan orang yang empunya tempat, maka yang lebih afdal menjadi imam ialah yang empunya tempat itu, jika ia mencukupi syarat untuk jadi imam.

عَنْ أَبِى مَسْعُوْدٍ الْأَنْصَارِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: لَا يَؤُمُّ الرَّجُلُ فِى اَهْلِهِ وَلَا سُلْطَانِهِ وَلَا يَقْعُدُ فِى بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ اِلَّا بِاِذْنِهِ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Abu Mas'ud Al-Ansari r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Jangan mengimami seseorang akan seorang di tempatnya dan tidak pula dalam kekuasaannya dan jangan pula menduduki seseorang akan tempat duduk seseorang, kecuali dengan izinnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan bila berkumpul si muqim dan si musafir (orang yang sedang dalam perjalanan jauh), maka muqimlah lebih utama menjadi imam.

---

1. Azza wajalla.

6. ORANG YANG MAKRUH MENJADI IMAM.

Adapun orang yang makruh baginya menjadi imam, ialah seperti yang tersebut dalam keterangan di bawah ini:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: ثَلَاثَةٌ لَا تُرْفَعُ صَلَاتُهُمْ فَوْقَ رُؤُسِهِمْ شِبْرًا رَجُلٌ أَمَّ قَوْمًا وَهُمْ لَهُ كَارِهُوْنَ وَامْرَأَةٌ بَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَلَيْهَا سَاخِطٌ وَاَخَوَانِ مُتَصَارِعَانِ.

رواه ابن ماجة بسند حسن

"Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tiga macam yang tidak diangkat sembahyang mereka melampaui kepala mereka, sekalipun sejengkal (maksudnya tidak diterima), iaitu orang yang mengimami suatu kaum yang membencinya dan perempuan yang senantiasa dimarahi suaminya serta dua orang yang sedang berselisih."[1]

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah).

Dan makruh juga sembahyang dengan seorang perempuan lain (gadis), kecuali kalau ada temannya dua orang, atau laki-laki yang sebagai familinya yang haram dinikahinya.

عَنْ عَمْرِو بْنِ العَاصِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ عَلَى الْمِنْبَرِ: لَا يَدْخُلَنَّ رَجُلٌ بَعْدَ يَوْمِى هٰذَا عَلَى مُغِيْبَةٍ اِلَّا وَمَعَهُ رَجُلٌ اَوْ اِثْنَانِ.

رواه مسلم

"Dari Amr bin Ash r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda di atas mimbar: Sesudah hariku ini tidak boleh seorang laki-laki masuk ke tempat seorang perempuan lain (perempuan yang suaminya tidak di rumah), kecuali bila besertanya ada seorang atau dua orang laki-laki."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

---

1. **Yang dimaksudkan dengan perempuan di sini ialah perempuan yang tak mahu** memberikan hak suaminya secara laki-isteri atau ia lari dari tangan suaminya tidak dengan secara kebenaran sehingga suaminya itu marah kepadanya.

7. HUKUM MAKMUM YANG JADI MUWAFIQ ATAU MASBUQ.

Adapun makmum yang mengikut di belakang imam, adakalanya ia "muafiq" (مُوَافِقٌ) dan adakalanya ia "masbuq" (مَسْبُوْقٌ). Adapun muafiq, ialah orang yang sembahyang di belakang imam, yang mendapati waktunya walaupun sekadar membaca Fatihah sahaja. Dan masbuq, ialah orang yang sembahyang mengikut imam yang tidak mendapati waktu yang cukup untuk membaca Al-Fatihah.

Dan keadaan masbuq itu adalah sebagai berikut:

Pertama: Bila didapatinya imam sedang berdiri dalam pembacaannya, tetapi ia khuatir, kalau-kalau imam segera rukuk, sebelum ia selesai membaca Fatihah, maka ketika itu baiklah ia membaca Fatihah yang tinggal.

Kedua: Bila didapatinya imam sedang rukuk atau akan rukuk, maka hendaklah ia membaca takbiratul ihram saja, kemudian dengan tidak membaca Al-Fatihah hendaklah ia rukuk pula beserta imam, sambil membaca takbir untuk rukuk. Dan ketika itu masih dapat olehnya satu rakaat sembahyang, kerana ia telah mendapati rukuk beserta imam.

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ مَعَ الْإِمَامِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Siapa yang mendapati satu rakaat (rukuk) dari sembahyang bersama imam, maka sesungguhnya ia telah mendapati sembahyang itu seluruhnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Yang dimaksudkan ialah satu rakaat sembahyang yang sempurna, bukan bermakna bahawa ia boleh memutuskan (mengakhiri) sembahyangnya bersama-sama dengan imam, tetapi setelah imam memberi salam, hendaklah ia meneruskan sembahyangnya, iaitu mencukupkan rakaat yang masih tinggal.

Ketiga: Bila didapatinya imam sedang duduk membaca tasyahud atau sedang sujud! Jika ia mendapati imam sedang membaca tasyahud, maka hendaklah ia duduk pula berserta imam dengan

tidak membaca takbir, yakni setelah ia membaca takbiratul ihram. Ketika itu tidak wajib baginya membaca tasyahud itu selain duduk saja mengikut imam, sebab bukan tempat baginya membaca tasyahud waktu itu. Begitu juga wajib atasnya mengikut imam pada perbuatan apa saja yang masih didapatinya, sekalipun perbuatan itu tidak dihitung baginya.

Adapun pembacaan Al-Fatihah bagi masbuq yang tersebut di atas itu, sudah tertanggung oleh imam, sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَلْإِمَامُ ضَامِنٌ فَإِنْ أَحْسَنَ فَلَهُ وَلَهُمْ وَإِنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهِ وَلَا عَلَيْهِمْ.

رواه ابن ماجة والحاكم بسند صحيح

"Dari Sahal bin Saad r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Imam ialah yang menanggung pembacaan; apabila baik pembacaannya maka pahalanya untuk dirinya dan untuk mereka (makmum) dan jika rosak bacaannya maka dosanya di atas dirinya sendiri, dan bukan atas mereka."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Al-Hakim).

Keterangan lain ada pula menyatakan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَلْإِمَامُ ضَامِنٌ وَالْمُؤَذِّنُ مُؤْتَمَنٌ. اَللّٰهُمَّ ارْشُدِ الْأَئِمَّةَ وَاغْفِرْ لِلْمُؤَذِّنِيْنَ.

رواه ابو داود والترمذى وغيرهما بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Imam ialah yang menanggung pembacaan, dan muazzin orang yang diberi amanah (kepercayaan). Ya Allah!! Tunjukilah imam-imam itu, dan ampunilah tukang-tukang azan itu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud, Tirmizi dan lain-lain).

Bila si masbuq yang mengikut imam yang sedang membaca tasyahud akhir, maka tidak boleh ia diam sesudah imam mengucapkan salam yang pertama ini, tetapi hendaklah ia segera berdiri dengan tidak membaca takbir, kerana waktu itu bukanlah tempatnya bagi membaca takbir. Tetapi jika duduk yang akhir bagi

imam itu waktu duduk pula bagi masbuq, misalnya masbuq mendapati imam di rakaat ketiga, maka rakaat yang keempat bagi imam tentu rakaat yang kedua bagi masbuq. Atau mendapati imam di rakaat yang kedua pada sembahyang Maghrib maka rakaat ketiga bagi imam, jadi rakaat kedua baginya, maka boleh ia diam sebentar sesudah salam yang pertama itu. Bahkan disunatkan baginya berdiri sesudah imam memberi salam yang kedua.

(Demikian pendapat Nawawi).

Dan bila ia mendapati imam di rakaat yang kedua pada sembahyang Subuh maka itu adalah rakaat yang pertama baginya dan apabila imam membaca qunut, maka hendaklah ia turutkan pula, maka di rakaat yang kedua baginya nanti qunut itu disunatkan supaya diulangnya kembali, kerana qunut yang pertama itu belum terhitung baginya, kerana ia baru mengerjakan rakaat yang pertama.

8. IMAM HENDAKLAH MEMBACA SURAH YANG AGAK PENDEK.

Bila kita menjadi imam, sedang orang yang mengikut ramai di belakang, maka disunatkan membaca ayat yang pendek-pendek, kerana orang-orang yang mengikut itu, ada yang lemah tak tahan lama-lama berdiri, ada yang tua dan ada pula yang banyak keperluannya.

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِلنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ فَإِنَّ فِيْهِمُ الضَّعِيْفَ وَالسَّقِيْمَ وَالْكَبِيْرَ وَإِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِنَفْسِهِ فَلْيُطَوِّلْ مَا شَاءَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Bila seseorang di antara kamu sembahyang bersama-sama dengan manusia, maka hendaklah dipendekkannya membaca surah (supaya sembahyang itu jangan terlalu lama), kerana sesungguhnya di antara mereka ada yang tak tahan lama berdiri, dan ada yang sakit dan ada pula yang sudah tua. Dan bila seseorang sembahyang untuk dirinya sendiri (sembahyang seorang), maka boleh dipanjangkannya sekehendak hatinya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: إِنِّيْ لَأَقُوْمُ اِلَى الصَّلَاةِ وَأُرِيْدُ اَنْ اُطَوِّلَ فِيْهَا فَاَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ فَاَتَجَوَّزُ فِى صَلَاتِى كَرَاهِيَّةً اَنْ اَشُقَّ عَلَى اُمِّهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya aku bermaksud berdiri agak lama di dalam sembahyang. Ketika aku dengar tangis kanak-kanak, lalu aku pendekkan saja sembahyangku itu, kerana takut aku mempersusah (memberatkan) ibunya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan disunatkan memperingatkan imam, bila ia tersalah atau lupa di dalam pembacaannya di waktu sembahyang jahar. Misalnya Fatihah ataupun surah.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: كَانَ اَصْحَابُ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ يُلَقِّنُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا فِى الصَّلَاةِ.

رواه الدار قطنى والبيهقى

"Dari Anas r.a. telah berkata: Adalah sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. menunjuki (memperingatkan) yang lain di dalam sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni dan Baihaqi).

Dan jika imam tersalah dalam melakukan perbuatan, maka makmum disunatkan membaca tasbih, seperti yang telah diterangkan.

9. MENGGANTIKAN IMAM BILA IMAM ADA HALANGAN.

Bila imam berhalangan atau ia berhadas di dalam sembahyang maka bolehlah imam itu digantikan oleh orang lain. Dan mula-mula terjadinya cara yang demikian, ialah ketika Abu Bakar r.a. sedang sembahyang, lalu datang Rasulullah s.a.w maka ke belakanglah Abu Bakar, dan ia digantikan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai imam.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مُرُوْا اَبَا بَكْرٍ فَلْيُصَلِّ بِالنَّاسِ فَوَجَدَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مِنْ نَفْسِهِ خِفَّةً فَخَرَجَ فَاِذَا اَبُوْ بَكْرٍ يَؤُمُّ النَّاسَ فَلَمَّا رَآهُ اَبُوْ بَكْرٍ ذَهَبَ لِيَسْتَأْخِرَ فَاَوْمَأَ اِلَيْهِ بِيَدِهِ فَاَتَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ حَتَّى جَلَسَ اِلَى جَنْبِهِ فَكَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يُصَلِّى بِالنَّاسِ وَاَبُوْ بَكْرٍ يُسْمِعُهُمُ التَّكْبِيْرَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Suruhlah Abu Bakar; dirikanlah sembahyang dengan orang-orang. Lalu Rasulullah s.a.w. mendapati merasa dirinya agak ringan (merasa sembuh sedikit), maka beliau pun pergi ke masjid. Ketika itu, Abu Bakar sedang mengimami orang ramai. Maka apabila Abu Bakar nampak beliau (di belakang), diapun pergi untuk berundur ke belakang, lalu memberi isyarat kepada Rasulullah dengan tangannya, maka Rasulullah s.a.w. pun datang sehingga beliau duduk di sebelah Abu Bakar. Maka sembahyanglah Rasulullah s.a.w. dengan orang ramai, sedang Abu Bakar memperdengarkan (menyampaikan) takbir kepada mereka (jadi mubaligh)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

قَالَ النَّوَوِىُّ فِى الْمَجْمُوْعِ: قَالَ اَصْحَابُنَا: وَاِذَا اسْتَخْلَفَ مَأْمُوْمًا مَسْبُوْقًا لَزِمَهُ مُرَاعَاةُ تَرْتِيْبِ الْاِمَامِ فَيَقْعُدُ مَوْضِعَ قُعُوْدِهِ وَيَقُوْمُ مَوْضِعَ قِيَامِهِ كَمَا كَانَ يَفْعَلُ وَلَمْ يَخْرُجِ الْاِمَامُ مِنَ الصَّلَاةِ.

"Berkata Nawawi dalam kitab Al-Majmuk, berkata sahabat-sahabat kita: Dan bila yang menggantikan imam itu salah seorang makmum yang masbuq, maka hendaklah dia menjaga tertib imam, ia duduk di mana imam duduk, dan ia berdiri di tempat imam waktunya berdiri, sebagaimana telah diperbuatnya sebelum itu, walaupun imam itu tidak keluar dari sembahyang."

وَقَالَ اَيْضًا: فَلَوِ اقْتَدَى الْمَسْبُوْقُ فِى ثَانِيَةِ الصُّبْحِ ثُمَّ اَحْدَثَ

الْاِمَامُ فِيْهَا فَاسْتَخْلَفَهُ فِيْهَا قَنَتَ وَقَعَدَ عَقِبَهَا وَتَشَهَّدَ ثُمَّ يَقْنُتُ فِى الثَّانِيَةِ لِنَفْسِهِ. المجموع

"Dan berkata pula Imam Nawawi: Apabila ada makmum masbuq mengikut pada rakaat kedua dalam sembahyang Subuh, kemudian imam hadas, lalu masbuq menggantikannya sebagai imam dalam sembahyang itu, maka ia harus qunut dan duduk, kemudiannya membaca tasyahud. Kemudian harus qunut pula di rakaat yang kedua untuk dirinya."

(Demikian Al-Majmuk).

Dalam hal yang seperti itu makmum boleh memilih, boleh mereka mencerai dari imam, lalu memberi salam dan boleh pula mereka menunggu, supaya mereka sama-sama memberi salam dengan imam yang masbuq.

(Demikian dalam Al-Majmuk).

10. MENGULANG SEMBAHYANG UNTUK ORANG YANG BARU DATANG.

Dan disunatkan bagi salah seorang yang hadir yang telah selesai dari sembahyang berjemaah, supaya sembahyang berjemaah dengan orang datang kemudian.

عَنْ أَبِى سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا جَاءَ وَقَدْ صَلَّى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَقَالَ: مَنْ يَتَصَدَّقُ عَلَى هٰذَا فَقَامَ رَجُلٌ فَصَلَّى مَعَهُ. رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. Bahawa pernah datang seorang laki-laki sedang Rasulullah s.a.w. telah selesai sembahyang, maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Siapakah yang mahu bersedekah atas orang lain? Maka salah seorang berdiri lalu sembahyang bersama orang yang datang itu."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Maka untuk mencapai erti yang sama dengan ini, disunatkan pula bagi imam yang sedang sembahyang, menantikan seseorang yang akan mengikut kepadanya, jika diketahuinya ada yang masuk untuk mengikut, iaitu dengan jalan melambatkan atau memperpanjang bacaan dan lain-lain.

Dan dalam masalah menggantikan imam ini boleh pula bagi beberapa makmum yang masih belum selesai sembahyang sedang imam telah memberi salam, supaya salah seorang di antara mereka berdiri ke depan sebagai imam, untuk menyambung jemaah yang sudah diputuskan oleh imam yang telah memberi salam itu.

BAB SEMBAHYANG QASAR DAN JAMAK

1. SEMBAHYANG QASAR.

Sembahyang qasar, ertinya sembahyang yang dipendekkan. Bila kita dalam perjalanan menuju tempat yang jauh, maka kita boleh memendekkan sembahyang atau mengqasar.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَاِذَا ضَرَبْتُمْ فِى الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ اَنْ تَقْصُرُوْا مِنَ الصَّلٰوةِ.

سورة النساء أية ١٠١

"Dan bila kamu mengadakan perjalanan di muka bumi, maka tiadalah dosa atasmu jika kamu memendekkan sembahyang."

(Surah An-Nisa' ayat 101).

Hal yang semacam itu, adalah sebagai kurnia Tuhan kepada hamba-hamba-Nya. Sebab itu mereka harus menerimanya dengan bersyukur dan berterima kasih.

عَنْ يَعْلَى بْنِ اُمَيَّةَ أَنَّهُ قَالَ: قُلْتُ لِعُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ: فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ اَنْ تَقْصُرُوْا مِنَ الصَّلٰوةِ إِنْ خِفْتُمْ اَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا فَقَدْ أَمِنَ النَّاسُ. قَالَ عُمَرُ: عَجِبْتُ مِمَّا عَجِبْتُ مِنْهُ. فَسَأَلْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فَقَالَ: صَدَقَةٌ تَصَدَّقَ اللهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَاقْبَلُوْا صَدَقَتَهُ.

رواه مسلم

"Dari Ya'la bin Umayyah ia berkata: Pernah aku bertanya kepada Umar r.a.: Maka tiadalah dosa atasmu jika kamu memendekkan sembahyang bila kamu takut bahawa kamu akan dibinasakan oleh orang-orang kafir, padahal sesungguhnya manusia telah aman. Umar menjawab: Aku benar-benar tercengan, tercengan tentang itu, lalu aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: (Sembahyang qasar) itu adalah kurnia yang dikurniakan Allah s.w.t. kepadamu, maka terimalah olehmu kurnia-Nya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

قَالَ النَّوَوِيُّ: وَلَا يَجُوْزُ الْقَصْرُ اِلَّا فِى الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْعِشَاءِ لِاِجْمَاعِ الْاُمَّةِ.

"Berkata Nawawi: Tidak boleh mengqasar kecuali pada sembahyang Zuhur, Asar dan Isyak, kerana ijmak ummat (kerana sepakat ulama)."

Maka tidaklah boleh mengqasar sembahyang Subuh dan Maghrib, dan tidak boleh pula mengqasar jika tidak dalam perjalanan.

2. JARAK JAUH PERJALANAN YANG BOLEH SEMBAHYANG QASAR.

Adapun mengqasar sembahyang itu tidak ada bezanya antara laut ataupun jalan darat berkenderaan ataupun berjalan kaki asal saja jarak perjalanan itu sampai kepada masafat qasar. Adapun masafat (jarak) perjalanan yang boleh mengqasar sembahyang ialah sejauh dua hari perjalanan unta yang dibebani, termasuk waktu yang dipakainya untuk berhenti makan dan minum secara sederhana, iaitu, 4 bard 16 farsakh 48 mil syar'i = 138.24 km. = 91.2 pal.[1]

---

1. 1 mil syar'i = 6,000 hasta = 4,000 langkah.
   1 hasta = 24 jari biasa (sederhana).
   1 hasta = 0.48 m.
   1 jari = 0.02 m.
   1 langkah = 0.72 m.
   1 mil syar'i = 6,000 hasta = 2,880 m = 1.9 pal.
   1 farsakh = 3 mil = 8,640 m = 5.7 pal.
   1 bard = farsakh = 34,560 m = 36.9 pal.
   1 safar towil = 4 bard = 138.240 km = 91.2 pal.

Keterangan menyatakan:

كَانَ اِبْنُ عُمَرَ وَابْنُ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمْ يَقْصُرَانِ وَيُفْطِرَانِ فِى اَرْبَعَةِ بُرُدٍ وَهِيَ سِتَّةَ عَشَرَ فَرْسَخًا.

رواه البخارى

"Ibnu Umar dan Ibnu Abbas r.a. pernah mengqasar dan berbuka dalam perjalanan empat burud, iaitu enam belas farsakh."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَطَاءٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: سُئِلَ اِبْنُ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَأَقْصُرُ اِلَى عَرَفَةَ؟ فَقَالَ: لَا فَقَالَ: اِلَى مِنًى فَقَالَ: لَا لَكِنْ اِلَى جِدَّةَ وَعُسْفَانَ وَالطَّائِفِ.

رواه الشافعى والبيهقى بسند صحيح

"Dari Atha' r.a. sesungguhnya ia pernah berkata: Bertanya seseorang kepada Ibnu Abbas r.a.: Apakah aku boleh mengqasar (dalam perjalanan sejauh) ke Arafah? Maka Ibnu Abbas menjawab: "Tidak," maka orang itu bertanya pula: Ke Mina? Ibnu Abbas menjawab: Tidak, tetapi ke Jedah, ke Usfan dan ke Taif."

(Diriwayatkan oleh Syafii dan Baihaqi).

Sebahagian Ulama berkata: Bahawa mengqasar itu boleh dalam perjalanan tiga mil.

عَنْ يَحْيَ بْنِ مَزِيْدٍ قَالَ سَأَلْتُ أَنَسًا عَنْ قَصْرِ الصَّلَاةِ فَقَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا خَرَجَ مَسِيْرَةَ ثَلَاثَةِ فَرَاسِخَ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ.

رواه مسلم

"Dari Yahya bin Mazid ia berkata: Pernah aku bertanya kepada Anas tentang mengqasar sembahyang, lalu ia menjawab: Adalah

Rasulullah s.a.w. bila beliau melakukan perjalanan sejauh tiga mil, atau tiga farsakh, beliau sembahyang dua rakaat."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Berkata pengarang Subulussalam: Ada 20 pendapat ulama dalam perkara masafat atau jarak perjalanan yang padanya boleh mengqasar sembahyang. Ulama Zahiriah berpendapat *"bahawa boleh beramal dengan hadis di atas."* Mereka berkata lagi: "Masafat qasar ialah tiga mil." Pendapat mereka itu dibantah oleh sesetengah ulama, kerana jarak tersebut masih diragukan (masykuk). Oleh sebab itu, hadis tersebut tidak dapat dijadikan dalil untuk masafat qasar, melainkan hanya untuk tahdidnya sahaja, iaitu tiga farasahk. Kerana mil itu termasuk di dalamnya. Maka yang diambil ukuran ialah yang lebih banyak, untuk lebih ihtiyat (lebih melengkapi).

Seterusnya pengarang kita berkata dalam perkara hadis yang berbunyi: *"Tidak halal bagi perempuan yang berjalan sejauh satu barid, melainkan hendaklah bersama dengan muhrimnya."* (Hadis Abu Hurairah dari Abu Daud). Berkata Zaid bin Ali, Al-Muayyid, Hanafiah dan lain-lainnya, katanya: Tetapi masafat qasar yang satu barid itu ialah 24 farsakh. Berdasarkan dengan hadis Bukhari dari Ibnu Umar, bahawa Rasulullah bersabda: *"Tidak halal bagi perempuan yang percaya kepada Allah dan hari akhirat, bahawa ia berjalan sejauh lebih dari tiga hari, melainkan hendaklah ia bersama muhrimnya."* Mereka berkata: Sebab perjalanan untuk tiap-tiap hari ada sejauh 8 farsakh. Imam Syafii berkata *"tetapi empat barid."* Adalah kerana beralasan kepada hadis Ibnu Abbas tentang sabda Raulullah s.a.w.: *"Kamu jangan mengqasar sembahyang yang jaraknya kurang dari empat barid."* Dan diriwayatkan oleh Baihaqi dengan sanad yang sahih tentang perbuatan Ibnu Abbas dan Ibnu Umar. Dan telah diriwayatkan pula oleh Bukhari dari hadis Ibnu Abbas secara takliq dengan bentuk jazam (jelas dan pasti), yang bermaksud: *"Bahawa ia pernah ditanya oleh orang: Apakah sembahyang boleh diqasar dari Mekah ke Arafah. Ia menjawab: "Tidak boleh," tetapi hanya ke Usfan, ke Jedah dan ke Taif."* Dan tempat yang terletak antara tempat-tempat itu denga Mekah jaraknya ada empat barid, atau jarak yang lebih jauh dari itu. Kata pengarang itu seterusnya: Dan pendapat-pendapat itu semuanya berlawanan, dan dalil-dalil semuanya bertentangan. Berkata pengarang Kitab Zadul Ma'ad: Rasulullah s.a.w. tidak pernah memberi batas yang pasti kepada umatnya untuk mengqasar dan berbuka. Tetapi diitlakkan (tidak disebutkan batas yang tertentu) bagi mereka dalam perjalanan yang mutlak pula (jalan jauh atau jalan dekat) di muka bumi ini. Sebagaimana beliau mengitlakkan bagi mereka kata-kata tayamum pada tiap-tiap berjalan. Dan adapun apa yang diriwayat-

kan oleh orang daripadanya tentang tahdid (menentukan batas) dengan masa satu, dua atau tiga hari itu, maka tidaklah sah daripadanya. Dan boleh melakukan qasar dan jamak pada perjalanan jauh dan dekat. Itulah mazhab atau pendapat kebanyakan ulama salaf.

(Demikian Subulussalam).

3. BATAS MASA JADI MUSAFIR.

Dan bila si musafir itu sampai ke tempat yang ditujunya, kemudian ia berniat akan tetap di tempat itu untuk empat hari atau lebih, selain hari masuk dan hari keluar. Bermakan selama empat hari itu ia sudah jadi orang mukim, maka tidak boleh lagi ia mengqasar. Kerana Rasulullah s.a.w. pernah memberi kelonggaran kepada kaum Muhajirin, supaya mereka tinggal di Mekah selama tiga hari, padahal menetap di Mekah itu diharamkan bagi mereka.

Keterangan ada menyatakan:

عَنِ الْعُلَاءِ بْنِ الْحَضْرَمِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: يَمْكُثُ الْمُهَاجِرُ بَعْدَ قَفَاءِ نُسُكِهِ ثَلَاثًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Al-Ula' bin Al-Hadrami r.a. ia berkata: Nabi s.a.w. bersabda: Telah tinggal kaum Muhajirin di Mekah selama tiga hari sesudah membayar rukun hajinya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain menyatakan:

عَنْ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ اَجْلَى الْيَهُوْدَ مِنَ الْحِجَازِ ثُمَّ اُذِنَ لِمَنْ قَدِمَ مِنْهُمْ تَاجِرًا اَنْ يُقِيْمَ ثَلَاثًا.

رواه مالك فى الموطأ

"Dari Umar r.a. Bahawasanya ia pernah membawa orang Yahudi dari Hijaz, kemudian diizinkannya orang yang datang di antara mereka untuk bermukim selama tiga hari."

(Diriwayatkan oleh Malik dalam kitab Al-Muwatak).

Kedua-dua keterangan ini menyatakan, bahawa musafir yang tinggal selama tiga hari itu, belumlah dinamakan mukim, tetapi masih dinamakan musafir, sehingga mereka masih dibolehkan sem-

bahyang qasar, kalau mereka itu diumpamakan kaum Muslimin. Oleh kerana musafir itu hanya boleh (diizinkan) tinggal selama tiga hari, maka dalam masa tiga hari itu boleh mengerjakan ibadah sebagai orang musafir. Jika ia berdiam lebih dari tiga hari, maka bukanlah ia terhitung musafir lagi akan tetapi telah menjadi mukim yang sebenarnya, daan ia tidak boleh lagi mengqasar sembahyang tetapi wajib disempurnakannya menurut yang biasa.

قَالَ النَّوَوِيُّ: قَالَ الشَّافِعِيُّ وَالْأَصْحَابُ إِنْ نَوَى إِقَامَةً أَرْبَعَةَ أَيَّامٍ صَارَ مُقِيْمًا وَانْقَطَعَتِ الرُّخَصُ.

المجموع

"Nawawi berkata: Telah berkata Syafii dan para sahabatnya: Jika seseorang berniat akan tetap (tinggal) selama empat hari maka jadilah ia mukim. dan putuslah rukhsah (tak boleh lagi melakukan qasar)."

(Demikian di dalam Al-Majmuk).

Dan tidak boleh mengerjakan sembahyang qasar, kecuali dalam perjalanan yang dibolehkan menurut hukum agama, misalnya untuk berdagang, pergi melihat famili dan sebagainya. Cara mengqasar itu, ialah supaya sembahyang yang empat rakaat dikerjakan (dijadikan) dua rakaat sahaja.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ ﷺ مِنَ الْمَدِيْنَةِ اِلَى مَكَّةَ فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ حَتَّى رَجَعْنَا اِلَى الْمَدِيْنَةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah kami keluar (pergi haji) beserta Nabi s.a.w. ke Mekah, maka beliau kerjakan sembahyang dua rakaat-dua rakaat sehingga kami kembali ke Madinah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun sembahyang Maghrib dan Subuh, tidak boleh diqasar lagi, seperti diterangkan pada bahagian lain.

4. SEMBAHYANG JAMAK.

Sembahyang jamak ertinya sembahyang yang dikumpulkan dalam satu waktu. Adakalanya jamak itu dinamakan "jamak-taqdim" (جَمْعُ تَقْدِيْم) dan adakalanya "jamak takkhir" (جَمْعُ تَأْخِيْر). Adapun jamak taqdim, ialah mengerjakan sembahyang dalam waktu yang sebelumnya, misalnya sembahyang Asar dikerjakan pada waktu Zuhur sesudah mengerjakan sembahyang Zuhur. Jamak takkhir, ialah menjamakkan sembahyang dalam waktu yang sesudahnya, misalnya sembahyang Zuhur dibayarkan (dikerjakan) sesudah sembahyang Asar atau sembahyang Maghrib sesudah Isyak. Adapun yang boleh dijamakkan ialah sembahyang siang sama-sama sembahyang siang, dan sembahyang malam sama-sama sembahyang malam.

Dan tidaklah boleh menjamakkan sembahyang siang pada sembahyang malam, begitu juga sebaliknya. Yang dimaksudkan dengan sembahyang siang itu, ialah sembahyang Zuhur dan sembahyang Asar dan yang dimaksudkan dengan sembahyang malam ialah sembahyang Maghrib dan sembahyang Isyak. Adapun sembahyang Subuh tidak boleh dijamakkan, kerana tak ada temannya. Cara menjamak sembahyang ialah seperti yang telah dimisalkan di atas, iaitu umpamanya sembahyang Zuhur dan Asar dikerjakan di waktu Asar atau sebaliknya.

Begitu pula, bahawa sembahyang Maghrib dikerjakan pada sembahyang Isyak atau sebaliknya. Tetapi sembahyang Asar tidak boleh dijamakkan pada sembahyang Maghrib, kerana itu bukan tempatnya.

5. UZUR-UZUR YANG MEMBOLEHKAN JAMAK SEMBAHYANG.

Adapun uzur yang membolehkan menjamakkan sembahyang iaitu:

Pertama: Bila dalam perjalanan jauh, iaitu sejauh perjalanan yang telah tersebut dalam sembahyang qasar.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا جَدَّ بِهِ السَّيْرُ جَمَعَ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila beliau terburu-buru berjalan, beliau menjamak sembahyang Maghrib dengan sembahyang Isyak."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan keterangan lain menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَجْمَعُ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ.

رواه البخارى مسلم

"Dari Anas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. ada (pernah) menjamakkan antara Zuhur dan Asar."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Untuk jelasnya, maka baiklah dinyatakan sebuah hadis lagi:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ اِذَا عَجَلَ عَلَيْهِ السَّفَرُ يُؤَخِّرُ الظُّهْرَ اِلَى أَوَّلِ وَقْتِ الْعَصْرِ فَيَجْمَعُ بَيْنَهُمَا وَيُؤَخِّرُ الْمَغْرِبَ حَتَّى يَجْمَعَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ الْعِشَاءِ حِيْنَ يَغِيْبُ الشَّفَقُ.

رواه مسلم

"Dari Anas r.a. menceritakan Nabi s.a.w.: Bahawasanya beliau bila terburu-buru berjalan, ditakkhirkannya sembahyang Zuhur pada waktu Asar lalu dijamakkannya antara keduanya dan ditakkhirkannya pula sembahyang Maghrib hingga dijamakkan antara Maghrib dan Isyak apabila hilang cahaya merah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kedua: Bila hari hujan. Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: صَلَّى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ وَالْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ جَمْعًا مِنْ غَيْرِ خَوْفٍ لاَ سَفَرٍ. قَالَ مَالِكٌ: اَرَى ذٰلِكَ فِى الْمَطَرِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak secara menjamak, bukan kerana takut dan bukan pula kerana perjalanan. Berkata Malik: Aku berpendapat hal itu di waktu hari hujan."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Berkata Imam Syafii seperti yang dikatakan Imam Malik pula. Tidaklah boleh menjamak, kecuali bila hari hujan yang sampai membasahi kain (hujan lebat), kerana hal itu adalah menyusahkan bagi orang yang akan sembahyang berjemaah di masjid. Adapun pada waktu hujan gerimis maka tidaklah boleh menjamak padanya.

Adapun hujan yang turun sesudah masuk waktu, (menurut pendapat Imam Nawawi tidaklah ada alasan (ilat) lagi untuk menjamak, sebab halangan itu datang sesudah masuk waktu. Ia berkata:

فَاِذَا دَخَلَ فِى الظُّهْرِ مِنْ غَيْرِ مَطَرٍ ثُمَّ جَاءَ الْمَطَرُ لَمْ يَجُزْ لَهُ الْجَمْعُ لِأَنَّ سَبَبَ الرُّخْصَةِ حَدَثَ بَعْدَ الدُّخُوْلِ فَلَمْ يَتَعَلَّقْ بِهِ.

المجموع

"Apabila seseorang telah masuk dalam waktu Zuhur sebelum hari hujan, kemudian baru datang hujan, tidaklah boleh lagi ia menjamak, sebab rukhsah adalah perkara datang sesudah waktunya, maka ketika itu tidaklah ada hubungannya dengan jamak."
(Demikian Al-Majmuk).

Ketiga: Bila dalam sakit yang berat, umpamanya sebab pening kepala, muntah-muntah dan sebagainya, hingga menghalangi menunaikan sembahyang dalam waktunya. Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: جَمَعَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِالْمَدِيْنَةِ فِى غَيْرِ خَوْفٍ وَلَا مَطَرٍ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. menjamak antara Zuhur dan Asar, Maghrib dan Isyak di Madinah, tidak kerana takut dan tidak pula kerana hujan."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Berkata Qadi Hussain: Boleh menjamak sebab uzur takut dan sakit, seperti jamak orang musafir, iaitu boleh pula taqdim dan takhir.

(Demikian Syarah Al-Muhazzab).

Menurut pendapat Imam Syafii, bahawa hadis yang di atas diduga, ketika Rasulullah s.a.w. dalam keadaan sakit.

Bila sembahyang jamak itu dibolehkan kerana ada kemusyakatan (halangan), maka uzur dan musyakat kerana sakit dan takut itu adalah lebih membolehkan untuk jamak, sebab hajat kepada jamak dengan sebab kedua uzur itu lebih kuat daripada sebab uzur-uzur yang lain.

6. MENGERJAKAN JAMAK TAQDIM BAGI ORANG YANG HENDAK BERJALAN JAUH.

Bila seseorang masih ada di rumahnya di awal ketika ia hendak berjalan, maka yang lebih utama baginya ialah mengerjakan jamak taqdim. Dan jika seseorang itu dalam perjalanan, maka yang lebih utama baginya ialah mengerjakan jamak takkhir.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أُخْبِرُكُمْ عَنْ صَلَاةِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ اِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ وَهُوَ فِى الْمَنْزِلِ قَدَّمَ الْعَصْرَ اِلَى وَقْتِ الظُّهْرِ وَيَجْمَعُ بَيْنَهُمَا فِى الزَّوَالِ.

رواه البيهقى

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Mahukah kamu aku khabarkan tentang sembahyang Rasulullah s.a.w. iaitu: Bila matahari telah condong, sedang beliau masih di rumah, beliau dahulukan mengerjakan sembahyang Asar (jamak taqdim) pada waktu Zuhur, dan dijamakkanya keduanya ketika matahari telah condong."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

7. SYARAT JAMAK TAQDIM DAN JAMAK TAKKHIR.

Perkara jamak taqdim ada beberapa syarat, iaitu:

Pertama: Meniatkan jamak di dalam sembahyang yang pertama misalnya meniatkan menjamak Asar pada sembahyang

Zuhur, walaupun ketika mengucapkan salam pada akhir sembahyang yang pertama itu. Sebab yang dimaksudkan adalah menggabungkan sembahyang yang kedua kepada sembahyang pertama, seperti satu sembahyang. Dan penggabungan itu tidaklah hasil, kalau tidak dengan niat menjamakkannya di dalam sembahyang yang pertama itu.

Kedua: Tertib, ertinya mendahulukan mana yang patut didahulukan, dan mengakhirkan mana yang patut diakhirkan. Maksudnya, bahawa dikerjakan lebih dahulu sembahyang yang pertama, kemudian yang kedua (sembahyang yang dijamakkan).

Ketiga: Berturut-turutan, ertinya setelah selesai mengerjakan sembahyang yang pertama hendaklah segera mengerjakan sembahyang yang kedua, dengan tidak dibatas oleh sesuatu perbuatan atau perkataaan lain. Seperti tasbih, sembahyang sunat dan lain-lainnya. Dan tidaklah jadi halangan dibatasi oleh satu perkataan yang sengaja untuk memberitahu saja. Atau kerana hendak berwuduk kembali, atau hendak tayammum dan lain-lainnya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ بِالْمُزْدَلِفَةِ جَمِيْعًا كُلُّ وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا بِإِقَامَةٍ وَلَمْ يُسَبِّحْ بَيْنَهُمَا.

رواه البخارى والنسائى

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah sembahyang Maghrib dan Isyak di Muzdalifah secara menjamakkan, tiap-tiap satu dari kedua sembahyang itu dikerjakannya dengan satu kali iqamat, dan beliau tidak membaca tasbih (sembahyang) antara keduanya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Nasai).

Bagi jamak takkhir ada pula beberapa syarat:

Pertama: Meniatkan jamak di waktu yang pertama. Kalau ia tidak berniat pada waktu yang pertama, maka tidaklah sah jamaknya. Niat itu boleh dipasang di awal waktu yang pertama, dan boleh juga diakhiratnya, selama waktu itu masih ada sekadar untuk mengerjakan serakaat sembahyang.

Kedua: Lanjut perjalanan hingga akhir waktu yang kedua, andaikata ia sedang berjalan.

Berkata pengarang I'abah Al-Talibin: Dan tidak disyaratkan dalam jamak takkhir ini berturut-turut dan tidak pula wajib tertib

sebagaimana yang disyaratkan dalam jamak taqdim, akan tetapi disunatkan saja, maka dalam melakukan jamak takkhir ini, boleh dikerjakan sembahyang yang hadir lebih dahulu, kemudian sembahyang yang dijamakkan, atau sembahyang yang dijamakkan lebih dahulu, kemudian sembahyang yang hadir. Umpama Zuhur dan Asar. Boleh sembahyang Zuhur dikerjakan lebih dahulu, kemudian sembahyang Asar atau sembahyang Asar lebih dahulu, kemudian baru sembahyang Zuhur dan begitu juga sembahyang yang lain.

8. BOLEH JAMAK DAN QASAR DALAM PERJALANAN JAUH.

Bila seseorang berjalan jauh atau dalam perjalanan, maka boleh ia mengerjakan jamak serta qasar sekalian.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: جَمَعَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِجَمْعٍ صَلَّى الْمَغْرِبَ ثَلَاثًا وَالْعِشَاءَ رَكْعَتَيْنِ بِإِقَامَةٍ وَاحِدَةٍ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. menjamakkan antara sembahyang Maghrib dan Isyak dengan jamak, yang ia kerjakan sembahyang Maghrib tiga rakaat, dan Isyak dua rakaat dengan satu kali iqamat saja."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Adapun menjamakkan sembahyang dalam perjalanan yang kurang dari dua marhalah (perjalanan pendek), menurut mazhab Imam Syafii ada dua perkataan yang masyhur. Di antara kedua perkataannya itu menurut kesepakatan sahabat-sahabatnya ialah tidak dibolehkan jamak[1].

(Demikian Al-Majmuk).

---

1. Barangkali mungkin dibolehkan juga bila ada uzur syar'i yang akan datang, umpamanya akan ditinggal oleh kenderaan, sedang tidak ada wang tambang untuk menyewa kenderan yang lain, atau kerana sebab-sebab yang lain.

BAB SEMBAHYANG JUMAAT

Allah berfirman di dalam Al-Quran yang berbunyi:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْٓا اِذَا نُوْدِيَ لِلصَّلٰوةِ مِنْ يَّوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا اِلٰى ذِكْرِ اللّٰهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ❋

سورة الجمعة أية ٩

"Hai orang-orang yang beriman! Apabila diseru untuk sembahyang di hari Jumaat, maka bersegeralah kamu pergi mengingat Allah dan tinggalkanlah jual beli. Itulah yang lebih baik bagimu jika kamu mengetahui."

(Surah Al-Jumaat, ayat 9).

1. HUKUM SEMBAHYANG JUMAAT.

Adapun sembahyang Jumaat itu wajib hukumnya atas kaum laki-laki yang memenuhi syarat-syarat di bawah ini:

1. Beragama Islam,
2. Baligh berakal,
3. Merdeka,
4. Berbadan sihat tidak sakit,
5. Tetap dalam negeri.

Maka tidaklah wajib sembahyang Jumaat itu atas orang kafir, kaum perempuan, hamba abdi, orang sakit dan orang yang sedang berjalan jauh.

Keterangan menyatakan:

عَنْ طَارِقِ بْنِ شِهَابٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَلْجُمْعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِى جَمَاعَةٍ اِلَّا اَرْبَعَةً عَبْدٌ مَمْلُوْكٌ أَوِ امْرَأَةٌ اَوْ صَبِيٌّ اَوْ مَرِيْضٌ.

رواه ابو داود حديث مرسل

"Dari Tariq bin Syihab r.a.: Bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda: Sembahyang Jumaat itu hak dan wajib atas tiap-tiap orang

Islam secara berjemaah, kecuali atas empat macam, iaitu hamba yang dimiliki, kaum perempuan, kanak-kanak, atau orang sakit."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Keterangan lain menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَعَلَيْهِ الْجُمْعَةُ اِلَّا اِمْرَأَةً اَوْ مُسَافِرًا اَوْ عَبْدًا اَوْ مَرِيْضًا.

رواه ابو داود والبيهقى بسند ضعيف

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Siapa yang percaya kepada Allah dan hari yang akhir, maka wajiblah atasnya mengerjakan sembahyang Jumaat, kecuali perempuan, musafir (orang yang sedang dalam perjalanan), hamba sahaya atau orang sakit."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi).

Di hari Jumaat bila waktu sembahyang Jumaat telah datang, maka haramlah hukumnya berjual beli pada waktu itu, iaitu ketika azan Jumaat telah diserukan.

2. SEMBAHYANG JUMAAT HANYA DUA RAKAAT.

Adapun sembahyang Jumaat itu banyaknya hanya dua rakaat. Seperti diterangkan dalam hadis:

عَنْ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: صَلَاةُ الْأَضْحَى رَكْعَتَانِ وَصَلَاةُ الفِطْرِ رَكْعَتَانِ وَصَلَاةُ السَّفَرِ رَكْعَتَانِ وَصَلَاةُ الْجُمْعَةِ رَكْعَتَانِ تَمَامٌ غَيْرُ قَصْرٍ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّكُمْ ﷺ وَقَدْ خَابَ مَنِ افْتَرَى.

رواه احمد والنسائى وغيرهما بسند صحيح

"Dari Umar r.a. Bahawasanya ia berkata: Sembahyang hari raya Adha dua rakaat, sembahyang hari raya Fitri dua rakaat, sembah-

yang musafir dua rakaat, sembahyang Jumaat dua rakaat, sempurnalah sembahyang itu, bukan qasar demikianlah mengikut perkataan Nabimu s.a.w. dan sungguh rugilah siapa yang mengabaikannya."
(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Nasai dan lain-lain).

3. SYARAT-SYARAT SAH MENDIRIKAN JUMAAT.

Adapun syarat-syarat sah Jumaat itu ialah:

Pertama: Jumaat itu didirikan di bandar atau masuk bahagian bandar itu, atau kampung yang sudah dijadikan bandar oleh orang-orang yang semestinya mengerjakan Jumaat itu. Maka tidaklah sah Jumaat didirikan di sesuatu tempat yang belum dinamakan kampung atau bandar. Umpamanya di tempat yang rumahnya terletak berjauh-jauhan terpencil-pencil. Yang dinamakan kampung, ialah beberapa kelompok rumah iaitu menurut ukuran masyarakat. Kalau di tempat yang penduduknya selalu berpindah-pindah di waktu musim dingin dan di waktu musim panas, tidak boleh didirikan Jumaat.

Kedua: Ada bilangan orang itu sampai empat puluh orang menurut mazhab Imam Syafii r.a.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ اَبِيْهِ قَالَ: اَوَّلُ مَنْ جَمَّعَ بِنَا فِى الْمَدِيْنَةِ أَسْعَدُ بْنُ زَرَارَةَ قَبْلَ مَقْدَمِ النَّبِيِّ ﷺ الْمَدِيْنَةَ فِى نَقِيْعِ الْخِضْمَاتِ. قُلْتُ: كَمْ كُنْتُمْ قَالَ اَرْبَعُوْنَ رَجُلاً.

رواه ابو داود والبيهقى بسند صحيح

"Dari Abdurrahman bin Kaab, dari bapanya ia berkata: Mula-mula orang yang mendirikan sembahyang Jumaat padu kami di Madinah ialah Asad bin Zararah sebelum Nabi s.a.w. datang ke Madinah iaitu di Naqi' Al-Khidmat. Aku bertanya: Berapa orang kamu ketika itu? Ia (bapanya) menjawab: Seramai empat puluh orang laki-laki."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi).

Menurut pendapat ulama-ulama hanya kurang dari 40 orang, sembahyang Jumaat sah juga.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَخْطُبُ قَائِمًا فَجَائَتْ عِيْرٌ مِنَ الشَّامِ فَانْفَتَلَ النَّاسُ إِلَيْهَا حَتَّى لَمْ يَبْقَ إِلاَّ اِثْنَا عَشَرَ رَجُلاً.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah berkhutbah berdiri, lalu datang unta (yang membawa makanan) dari Syam, maka berkerumunlah manusia kepadanya. Hingga tidak tinggal (di dalam masjid), melainkan dua belas orang laki-laki."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Ulama-ulama Syafii menjawab: Bahawa hal ini diragukan. Mungkin waktu berkhutbah saja mereka berkerumun, dan tak lama kemudian, untuk sembahyang Jumaat mereka berkumpul kembali.

Ketiga: Jumaat itu dilakukan dengan cara berjemaah, sebagaimana diterangkan dalam hadis yang terdahulu (dalam keterangan wajib Jumaat).

Keempat: Jumaat itu dilakukan di waktu Zuhur. Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يُصَلِّى الْجُمْعَةَ حِيْنَ تَمِيْلُ الشَّمْسُ.

رواه البخارى

"Dari Anas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. mengerjakan sembahyang Jumaat tatkala matahari telah condong."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Kelima: Sembahyang Jumaat itu dilakukan sesudah membaca dua khutbah, sebagaimana diperbuat Nabi s.a.w. seperti katanya: "صلوا كما رايتموني أصلى". Ertinya: Sembahyanglah kamu seperti kamu melihat aku sembahyang.

Keenam: Janganlah Jumaat itu didahului oleh takbiratul ihram sembahyang Jumaat yang diadakan dalam kampung itu juga.
Bila ada yang mendahului, maka Jumaat yang lebih dahulu itulah yang sah, dan Jumaat yang kemudian jatuh takbiratul ihramnya tidak sah. Sebab di zaman Nabi s.a.w. dan di zaman sahabat-sahabat pun Jumaat itu hanya satu. Oleh sebab itu di antara dua jumaat

yang didirikan itu yang sah hanya satu. Kecuali bila manusia telah ramai, dan mereka telah susah berkumpul dalam satu tempat saja, kerana sempit dan lain-lain sebabnya. Ketika ini tidaklah menjadi halangan mendirikan Jumaat lebih dari satu dalam sebuah kampung, seperti keadaan sekarang ini. Berkata Ibnu Sarij dan Abu Ishak: "Boleh Jumaat didirikan lebih dari satu pada tiap-tiap negeri bila manusia telah ramai dan susah bagi mereka berkumpul pada suatu tempat."

(Demikian Al-Majmuk).

4. SEMBAHYANG JUMAAT BAGI ORANG YANG JAUH TINGGAL DI DESA.

Orang-orang yang jauh tinggal di kampung, yang letak rumah terpencil-pencil, sehingga tidak merupakan suatu kampung tidaklah wajib atas mereka pergi bersembahyang Jumaat, apabila suara azan di hari Jumaat itu tak sampai didengar olehnya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَلْجُمْعَةُ عَلَى مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ.

رواه ابو داود وغيره بسند ضعيف

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w pernah bersabda: Jumaat itu diwajibkan atas orang yang mendengar seruan azan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan lain-lain).

Adapun ukuran tentang mendengar azan itu, ialah bila berdiri orang yang azan itu sempadan negeri atau kampung, sedang bunyi-bunyian dan suara hening dan anginpun tenang pula, bila suara azan itu didengarnya, maka wajib atasnya pergi sembahyang Jumaat. Akan tetapi bila tak terdengar olehnya, tidaklah wajib.

(Demikianlah Syarah Al-Muhazzab).

5. HANYA SATU RAKAAT SEMBAHYANG JUMAAT YANG WAJIB BERSAMA IMAM.

Adapun sembahyang Jumaat yang wajib berjamaah, ialah satu rakaat bersama imam, atau rakaat yang pertama bagi makmum, sedang rakaat yang kedua itu hanya sunat sahaja hukumnya bagi mereka.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَنْ اَدْرَكَ مِنَ الْجُمْعَةِ رَكْعَةً فَلْيُصَلِّ اِلَيْهَا أُخْرَى فَاِنْ اَدْرَكَهُمْ جُلُوْسًا صَلَّى الظُّهْرَ اَرْبَعًا.

رواه الدار قطنى بسند صحيح

*"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: **Siapa yang memperoleh satu rakaat sembahyang Jumaat, maka hendaklah ia sembahyangkan (ditambahnya) rakaat yang lain. Dan apabila didapatinya mereka sedang duduk, hendaklah dikerjakannya sembahyang Zuhur empat rakaat."***

(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

Jelasnya, bila seseorang hanya mendapati satu rakaat sembahyang Jumaat sebab terlambat, maka boleh ditambahnya satu rakaat lagi sesudah imam memberi salam walaupun dengan tidak berjemaah, ketika itu sahlah Jumaatnya. Akan tetapi jika ia tidak mendapati satu rakaat pun sembahyang Jumaat itu, seperti didapatinya imam telah duduk (membaca tahiyat), maka ketika itu yang wajib atasnya hanyalah mengerjakan sembahyang Zuhur empat rakaat. sebab waktu Jumaat telah luput baginya.

BAB KHUTBAH JUMAAT

1. SYARAT KHUTBAH JUMAAT.

Sebelum mengerjakan sembahyang Jumaat, hendaklah lebih dahulu didahului dengan dua khutbah, kerana mengikuti perbuatan Nabi s.a.w. Adapun syarat dua khutbah itu ialah:

1. Ditunjukkan kepada empat puluh orang. Caranya supaya Khatib mengeraskan suaranya, hingga seluruh khutbah itu dapat didengar orang. Dan cukuplah memperdengarkan itu menurut sekuasanya.
2. Kedua khutbah itu dengan bahasa yang dapat dimengerti oleh para jemaah, selain rukun.[1]
3. Berdiri atas orang yang kuasa.
4. Di batas dengan duduk antara dua khutbah itu.
5. Suci dari hadas besar dan hadas kecil,
6. Menutup aurat.

---

1. Maksudnya beberapa rukun yang menjadi syarat sah khutbah dan tidak ada halangan bila diterjemahkan.

7. **Berturut-turut membaca dua khutbah itu dan khatib jangan membatas antara dua khutbah itu dengan rehat** (batas) yang lama.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يَخْطُبُ قَائِمًا ثُمَّ يَجْلِسُ ثُمَّ يَقُوْمُ فَيَخْطُبُ قَائِمًا وَفِى رِوَايَةٍ كَانَتْ لِلنَّبِىِّ ﷺ خُطْبَتَانِ يَجْلِسُ بَيْنَهُمَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيُذَكِّرُ النَّاسَ.

رواه مسلم

"Dari Jabir bin Samurah r.a., bahawasanya Rasulullah s.a.w. adalah beliau membaca khutbah secara berdiri, kemudian beliau duduk, kemudian beliau berdiri, lalu beliau membaca khutbah secara berdiri. Dan pada satu riwayat: Adalah bagi Nabi s.a.w. dua khutbah, yang beliau duduk antara keduanya, sambil membaca ayat Al-Quran dan beliau beri manusia peringatan."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَخْطُبُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ خُطْبَتَيْنِ يَجْلِسُ بَيْنَهُمَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. berkata ia: Adalah Rasulullah s.a.w. di hari Jumaat membaca dua khutbah dan beliau duduk antara keduanya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

8. Kedua khutbah itu dilakukan sesudah tergelincir matahari (setelah masuk waktu Zuhur).

2. RUKUN KHUTBAH.

Adapun yang menjadi rukun khutbah itu ialah:

1. Memuji Allah, sekurang-kurangnya:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

"Segala puji bagi Allah, Tuhan seluruh alam."

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ خَطَبَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ فَحَمِدَ اللهَ وَاَثْنَى عَلَيْهِ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah membaca khutbah di hari Jumaat, lalu beliau memuji Allah dan menyanjung-Nya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. Mengucapkan selawat atas Nabi s.a.w. sekurang-kurangnya:

وَالصَّلَاةُ عَلَى الرَّسُوْلِ.

"Dan selawat atas Rasulullah s.a.w."

3. Membaca tasyahud kepada Allah dan kepada Rasul-Nya, sekurang-kurangnya:

اَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهَ. وَاَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ.

"Aku mengaku, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan aku mengaku bahawa Muhammad itu rasul Allah."

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ قَالَ: قَالَ اللهُ تَعَالَى وَجَعَلْتُ أُمَّتَكَ لَا يَجُوْزُ لَهُمْ خُطْبَةٌ حَتَّى يَشْهَدُوْا أَنَّكَ عَبْدِىْ وَرَسُوْلِىْ.

رواه البيقى

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Berfirman Allah Taala: "Telah aku jadikan umatmu, yang tidak boleh (tidak sah) khutbah bagi mereka, kecuali mereka mengaku, bahawa engkau hamba-Ku dan rasul-Ku."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Keterangan lain menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ كُلُّ خُطْبَةٍ لَيْسَ فِيْهَا تَشَهُّدٌ فَهِىَ كَالْيَدِ الْجُذَمَاءِ.

رواه احمد وابو داود بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Tiap-tiap khutbah yang di dalamnya tiada tasyahud, maka khutbah semacam itu tak ubahnya seperti tangan kena canggu."
Diriwayat oleh Ahmad dan Abu Daud).

4. Berwasiat dengan takwa kepada Allah pada tiap-tiap dua khutbah. Kerana yang dimaksudkan dengan membaca khutbah itu ialah memberi ingat manusia supaya takut kepada Tuhan. Sekurang-kurangnya:

أَطِيْعُوا اللهَ وَأَطِيْعُوا الرَّسُوْلَ.

"Taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya."

Keterangannya ialah seperti bunyi hadis Jabir bin Samurah di atas yang diriwayatkan oleh Muslim, di dalamnya diceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. memberi peringatan kepada manusia supaya takut kepada Allah.

5. Membaca ayat Al-Quran di dalam salah satu kedua khutbah itu. Yang lebih afdal ialah di dalam khutbah yang pertama, kerana mengikut kebiasaan Nabi s.a.w. sebagaimana telah dinyatakan dalam hadis di atas.
6. Mendoakan kaum Muslimin laki-laki dan perempuan, kerana mengikut salaf dan khalaf. Sekurang-kurangnya:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ.

"Ya Allah, ampunilah dosa orang-orang Mukmin, laki-laki dan perempuan dan dosa kaum Muslimin, laki-laki dan perempuan."

Tersebutlah dalam I'anah At-Talibin: Cukup mendoakan kaum Muslimin dengan membaca: "رحمكم الله" ertinya: Mudah-mudahan Allah memberi kamu rahmat. Dibaca di akhir khutbah yang kedua, kerana mengikut perbuatan salaf dan khalaf.

3. WASIAT BERTAKWA KEPADA ALLAH.

Perihal memberi wasiat bertakwa itu tidaklah ditentukan dengan kata-kata "او صيكم بتقوى الله" saja, melainkan boleh pula dengan perkataan lain yang maksudnya menyuruh manusia supaya takut kepada Tuhan supaya dapat tercapai apa yang dimaksud dengan khutbah itu, maka sudah pada tempatnya memberi wasiat itu dengan bahasa orang yang mendengar, agar dapat difahami benar isi khutbah itu.

Allah berfirman:

وَمَا اَرْسَلْنَا مِنْ رَسُوْلٍ اِلاَّ بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ *

سورة ابراهيم اية ٤

"Dan tidaklah kami utus seorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia dapat memberi keterangan kepada mereka."
(Surah Ibrahim, ayat 4).

Sedang ulama-ulama yang cerdik pandai, yang mengetahui hukum-hukum agama, adalah waris nabi-nabi dan rasul-rasul. Ilmu pengetahuan dan hukum-hukum agama itu tidaklah akan dapat difahamkan, kalau tidak disampaikan dengan bahasa orang yang akan menerima:

عَنْ اَبِى الدَّرْدَاءِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ وَاِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند منقطع

"Dari Abu Darda' r.a. ia berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Bahawasanya ulama-ulama itu waris nabi-nabi."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَلِىٍّ بْنِ أَبِىْ طَالِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: حَدِّثُوْا النَّاسَ بِمَا يَعْرِفُوْنَ اَتُحِبُّوْنَ اَنْ يُكَذَّبَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ.

رواه البخارى

"Dari Ali bin Abi Talib r.a. berkata: Sampaikanlah kepada manusia dengan apa (bahasa) yang mereka fahami. Apakah kamu menyukai, bahawa Allah dan Rasul itu didustakan orang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

4. SUNAT-SUNAT KHUTBAH.

Bila seseorang hendak berkhutbah, disunatkan baginya yang tersebut di bawah ini:

Pertama:

Supaya ia berdiri di atas mimbar yang telah disediakan, kerana Rasulullah s.a.w, berkhutbah di atas mimbar, dan beliau dari atas mimbar itu lebih terang dan jelas untuk menyatakan pelajaran dan pemandangan.

عَنِ الشَّعْبِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ إِذَا صَعِدَ الْمِنْبَرَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَاسْتَقْبَلَ النَّاسَ بِوَجْهِهِ قَالَ: اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ.

رواه ابن أبى شيبة ـ حديث مرسل

"Dari As-Sya'bi r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bila beliau telah naik ke atas mimbar pada hari Jumaat, dan menghadapkan mukanya kepada manusia, beliau mengucapakan: Assalamu'alaikum."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah).

Kedua:

Sesudah memberi salam, maka disunatkan khatib duduk sampai selesai tukang azan dari azannya.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِىَّ ﷺ كَانَ إِذَا خَرَجَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ جَلَسَ يَعْنِى عَلَى الْمِنْبَرِ حَتَّى يَسْكُتَ الْمُؤَذِّنُ ثُمَّ قَامَ فَخَطَبَ.

رواه ابو داود

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawa Nabi s.a.w. apabila beliau keluar pada hari Jumaat, beliau duduk iaitu di atas mimbar, hingga muazzin selesai azannya, kemudian beliau berdiri, lalu berkhutbah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Ketiga:

Supaya khatib berpegang di atas sebuah tongkat atau panah dan sebagainya yang serupa dengan itu.

عَنِ الْحَكِيْمِ بْنِ خَزَنٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: وُفِدْتُ اِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَشَهِدْنَا مَعَهُ الْجُمْعَةَ فَقَامَ مُتَوَكِّئًا عَلَى قَوْسٍ اَوْ عَصًى فَحَمِدَ اللهَ وَاَثْنَى عَلَيْهِ كَلِمَاتٍ خَفِيْفَاتٍ مُبَارَكَاتٍ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Hakim bin Khazan r.a. ia berkata: Aku pernah diutus kepada Nabi s.a.w. maka kami pergi dengan beliau ke Jumaat, lalu beliau berdiri bertelekan ke sebuah panah atau sebuah tongkat lantas beliau memuji Allah dan menyanjung-Nya, dengan kalimat-kalimat yang sederhana dan baik-baik, lagi mengandung berkat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dan jika tongkat tidak ada, disunatkan menenangkan tangannya serta disunatkan pula supaya ia jangan melengong ke kiri dan kanan, seperti diterangkan di atas.

Keempat:

Hendaklah orang yang berkhutbah itu fasih pembacaannya, serta lantang dan jelas suaranya.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا خَطَبَ اِحْمَرَّ عَيْنَاهُ وَعَلَا صَوْتُهُ وَاشْتَدَّ غَضَبُهُ حَتَّى كَأَنَّهُ مُنْذِرُ جَيْشٍ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. bila beliau berkhutbah merah dua matanya, dan tinggi suaranya, dan sangat marahnya, hingga seolah-olah beliau seorang panglima tentera."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kelima:

Supaya khutbah itu lebih pendek dari sembahyang, sebagaimana hadis menyatakan:

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُوْلُ: إِنَّ طُوْلَ صَلَاةِ الرَّجُلِ وَقِصَرَ خُطْبَتِهِ مَئِنَّةٌ مِنْ فِقْهِهِ فَأَطِيْلُوا الصَّلَاةَ وَاقْصِرُوا الْخُطْبَةَ.

رواه مسلم

"Dari Ammar bin Yasir r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya seseorang yang memanjangkan sembahyangnya dan memendekkan khutbahnya, adalah tanda kealimannya (tanda orang Faqih), sebab itu panjangkanlah sembahyang dan pendekkanlah khutbah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keenam:

Supaya khatib itu masuk ke masjid ketika khutbah akan dimulai dan gugurlah daripadanya sunat tahiyat masjid.

قَالَ الْمُتَوَلِّى يُسْتَحَبُّ لِلْخَطِيْبِ اَنْ لَا يَحْضُرَ لِلْجُمْعَةِ اِلَّا بَعْدَ دُخُوْلِ الْوَقْتِ بِحَيْثُ يَشْرَعُ فِيْهَا اَوَّلَ وُصُوْلِهِ الْمِنْبَرَ لِأَنَّ هٰذَا هُوَ الْمَنْقُوْلُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ وَاِذَا وَصَلَ الْمِنْبَرَ صَعِدَهُ وَلَا يُصَلِّى تَحِيَّةَ الْمَسْجِدِ وَتَسْقُطُ هُنَا التَّحِيَّةُ.

المجموع

"Berkata Al-Mutawalli: Disunatkan bagi khatib, hendaklah jangan berangkat ke Jumaat, kecuali setelah masuk waktu, sekira-kira waktu ia sampai terus naik ke mimbar, sesungguhnya demikian itulah yang diikut dari perbuatan Rasulullah s.a.w.: Apabila beliau sampai ke mimbar, beliau terus menaikinya dan tidak sembahyang tahiyat masjid, dan gugurlah padanya tahiyat itu."

(Demikian Al-Majmuk).

Ketujuh:

Supaya khutbah itu disudahi dengan minta ampun kepada Allah dan yang lebih baik ialah dalam khutbah yang pertama.

قَالَ الْبَغَوِىُّ يُسْتَحَبُّ لِلْخَطِيْبِ اَنْ يَخْتِمَ خُطْبَتَهُ بِقَوْلِهِ اَسْتَغْفِرُ

اللهَ لِي وَلَكُمْ.

المجموع

"Berkata Al-Baghawi: Disunatkan bagi khatib supaya menyudahinya khutbahnya dengan kata-kata: Aku minta ampun kepada Allah, bagi diriku dan bagi tuan-tuan sekalian."

(Demikian Al-Majmuk).

Kelapan:

Supaya jangan ada seorang jua yang berkata-kata ketika khutbah dibaca, kerana berkata-kata yang semacam itu adalah menghabiskan pahala Jumaat.

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ أَنْصِتْ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَغَوْتَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Bila engkau mengatakan kepada temanmu di hari Jumaat: "diamlah" sedang imam membaca khutbah, maka sungguh telah habis pahala Jumaatmu itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hadis ini menunjukkan bahawa berkata-kata sama ada sifatnya melarang orang mahupun tidak menghilangkan pahala sembahyang Jumaat, tetapi tidak menafikan sah Jumaat. Dari itu umumnya ulama berpendapat, bahawa berkata-kata waktu imam berkhutbah makruh hukumnya.

Tetapi ulama Hadawiyah, Hanafia dan Malikiah mengharamkan berkata-kata ketika Imam berkhutbah.

Sebab itu hendaklah kita diam ketika khutbah dibacakan.

Kesembilan:

Membaca surah Al-Ikhlas dalam duduk antara keduanya; kerana Nabi s.a.w. membaca surah Al-Ikhlas apabila beliau duduk istirahat antara dua khutbah itu.

(Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban).

BAB AZAN JUMAAT

Adapun azan Jumaat ketika Rasulullah s.a.w. masih hidup hanya satu kali, iaitu ketika khatib telah duduk di atas mimbar

hendak memulai berkhutbah, begitu pula di zaman khalifah Abu Bakar Siddik, dan di zaman Khalifah Umar bin Khattab r.a. Kemudian setelah khalifah itu diganti oleh Usman bin Affan r.a. maka ditambahnyalah azan yang kedua di atas "Az-Zaurak," sebagaimana dinyatakan dalam keterangan ini:

عَنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيْدَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النِّدَاءُ يَوْمَ الْجُمْعَةِ اَوَّلُهُ اِذَا جَلَسَ الْاِمَامُ عَلَى الْمِنْبَرِ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ وَاَبِىْ بَكْرٍ وَعُمَرَ فَلَمَّا كَانَ عُثْمَانُ وَكَثُرَ النَّاسُ زَادَ النِّدَاءَ الثَّالِثَ عَلَى الزَّوْرَاءِ. رواه البخارى

"Dari Saib bin Yazid r.a. ia berkata: Adalah azan di hari Jumaat, pada mulanya ialah bila imam telah duduk di atas mimbar demikian di zaman Rasulullah s.a.w., di zaman Abu Bakar dan di zaman Umar; maka tatkala sampai di zaman Usman dan manusia telah makin ramai, ditambahnyalah azan yang ketiga[1] iaitu di atas zaurak."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keterangan yang kedua menyatakan:

عَنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيْدَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ التَّأْذِيْنُ يَوْمَ الْجُمْعَةِ حِيْنَ يَجْلِسُ الْاِمَامُ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ وَأَبِىْ بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا فَلَمَّا كَانَتْ خِلَافَةُ عُثْمَانَ وَكَثُرَ النَّاسُ اَمَرَ عُثْمَانُ بِاَذَانٍ ثَانٍ فَاُذِّنَ بِهِ فَثَبَتَ الْاَمْرُ عَلَى ذٰلِكَ. رواه الشافعى

"Dari Saib bin Yazid r.a. ia berkata: Adalah azan di hari Jumaat, ketika telah duduk imam di atas mimbar demikian di zaman Rasulullah

1. Yang dimaksudkan dengan azan ketiga ialah azan yang dikerjakan sebelum imam naik mimbar sedang azan yang kedua ialah azan ketika imam naik mimbar dan azan yang pertama ialah qamat. Dan dalam riwayat Syafii azan yang ketiga itu ialah yang kedua.

s.a.w.,di zaman Abu Bakar dan di zaman Umar r.a.: maka tatkala sampai ke zaman khalifah Usman dan manusia makin ramai, maka disuruh oleh Usman untuk mengadakan azan yang kedua lalu dilakukan azan itu, kemudian tetaplah perintah itu seperti demikian."

(Diriwayatkan oleh Syafii).

Berkata Bukhari: Yang dinamakan zaurak ialah suatu tempat di pasar Madinah yang berdekatan dengan masjid.

(Demikian dalam tafsir Al-Khazin).

Berkata Pengarang Kitab I'anas At-Talibin: hanya azan kedua itu diadakan oleh Usman ketika manusia telah ramai masuk Islam. Dari itu azan kedua itu dapat dianggap sunat ketika ada tergantung kepada azan kedua itu. Kalau tidak, maka yang lebih utama ialah mencukupkan azan yang telah dibuat oleh Rasulullah (azan waktu Imam naik Mimbar saja).

قَالَ الشَّافِعِيُّ وَاَيُّهُمَا كَانَ فَالْأَمْرُ الَّذِيْ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ اَحَبُّ اِلَيَّ.

الأم

"Berkata Imam Syafii: Yang mana di antara kedua macam azan yang telah ada itu, yang lebih aku sukai ialah azan yang di masa Rasulullah s.a.w."

(Demikian dalam kitab Al-Um).

Keterangan lain ditambahkan pula:

قَالَ الشَّافِعِيُّ: وَاَحَبُّ اَنْ يَكُوْنَ الْأَذَانُ يَوْمَ الْجُمْعَةِ حِيْنَ يَدْخُلُ الْاِمَامُ الْمَسْجِدَ وَيَجْلِسُ عَلَى مَوْضِعِهِ الَّذِيْ يَخْطُبُ عَلَيْهِ مِنْ خَشَبٍ اَوْ جَرِيْدٍ اَوْ مِنْبَرٍ اَوْ شَيْءٍ مَرْفُوْعٍ لَهُ اَوِ الْأَرْضِ، فَاِذَا فَعَلَ اَخَذَ الْمُؤَذِّنُ فِي الْأَذَانِ فَاِذَا فَرَغَ قَامَ فَخَطَبَ لَا يَزِيْدُ عَلَيْهِ.

الأم

"Berkata Syafii: Dan lebih suka aku supaya azan di hari Jumaat itu ketika imam masuk ke masjid, dan duduk di tempat ia akan berkhut-

bah, yang terbuat dari kayu atau ranting korma atau mimbar atau sesuatu yang ditinggikan untuk itu atau tanah. Maka apabila imam telah berbuat demikian, barulah muazzin mulai azan. Apabila ia telah selesai azan berdirilah khatib lalu berkhutbah, dan tidak dilebihinya."

Demikian dalam kitab Al-Um).

BAB SUNAT-SUNAT SEBELUM JUMAAT DAN KEUTAMAAN HARI JUMAAT

1. PEKERJAAN SUNAT SEBELUM PERGI JUMAAT.

Sebelum seseorang berangkat ke Jumaat, ada pula perbuatan-perbuatan sunat yang dituntut mengerjakannya:

Pertama:

Mandi sebelum pergi.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ جَاءَ مِنْكُمْ اِلَى الْجُمْعَةِ فَلْيَغْتَسِلْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Siapa di antara kamu yang datang ke Jumaat maka hendaklah ia mandi."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun permulaan waktu mandi itu, mulai dari terbit fajar Sadik di hari Jumaat itu hingga masuk waktu sembahyang Jumaat. Tetapi yang lebih utama mandi ketika hendak berangkat ke Jumaat itu, kerana maksudnya ialah untuk menghilangkan bau busuk yang melekat di badan.

Kedua:

Memakai bau-bauan (minyak wangi):

عَنْ سَلْمَانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا يَغْتَسِلُ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَيَتَطَهَّرُ مَا اسْتَطَاعَ مِنْ طُهْرٍ وَيَدَّهِنُ مِنْ دُهْنِهِ أَوْ يَمَسُّ مِنْ طِيْبِ بَيْتِهِ ثُمَّ يَخْرُجُ لَا يُفَرِّقُ بَيْنَ اِثْنَيْنِ ثُمَّ يُصَلِّى مَا

كُتِبَ لَهُ ثُمَّ يَنْصِتُ اِذَا تَكَلَّمَ الْاِمَامُ اِلَّا غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمْعَةِ الْأُخْرَى. رواه البخارى

"Dari Salman r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tiadalah mandi seseorang pada hari Jumaat lalu bersuci sekadar kuasanya bersuci serta memakai minyak dengan minyak, dan dipakainya haruman-haruman rumahnya, kemudian keluarlah ia dengan tidak mencerai-kan[1] antara dua orang, kemudian mengerjakan sembahyang yang telah diperintahkan baginya (sembahyang tahiyat masjid), kemudian berdiam diri bila imam telah berkata-kata (berkhutbah), melainkan diampunilah baginya dosanya antara Jumaat itu dengan Jumaat yang lain."

(Diriwayatkan oleh Bukhari)

Ketiga:

Bersegera datang ke Jumaat, kerana datang dengan segera itu besar sekali pahalanya daripada berlambat-lambat. Sebagaimana dinyatakan dalam hadis:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنِ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ غَسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الْأُوْلَى فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَدَنَةً وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَقَرَةً وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الثَّالِثَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ كَبْشًا اَقْرَنَ وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ دُجَاجَةً وَمَنْ رَاحَ فِى السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ فَكَأَنَّمَا قَرَّبَ بَيْضَةً فَاِذَا خَرَجَ الْاِمَامُ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُوْنَ الذِّكْرَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Siapa yang mandi pada Jumaat seperti mandi janabat

1. Waktu orang duduk di masjid yang sudah rapat dalam satu saf lalu ia datang dan disebelahkannya dua tengkuk orang yang duduk supaya dapat lalu ke muka.

kemudian ia berjalan (ke Jumaat) di saat yang pertama, maka seolah-olah ia telah berkorban seekor unta, dan siapa yang berjalan di saat yang kedua, seolah-olah ia telah berkorban seekor lembu dan siapa yang berangkat pada saat yang ketiga, seolah-olah ia telah berkorban seekor domba (biri-biri) dan siapa yang berjalan pada saat yang keempat seolah-olah ia telah berkorban seekor induk ayam dan siapa yang berjalan pada saat yang kelima, seolah-olah ia telah berkorban seharga sebutir telur, maka bila imam telah keluar ke atas mimbar, hadirlah segala malaikat ke mimbar itu untuk mendengarkan khutbah."

Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Apabila imam telah naik ke atas mimbar, maka sekalian malaikat yang berjaga di pintu-pintu masjid menuliskan nama orang-orang yang masuk itu lalu melipat segala buku catatannya. Dan sesiapa yang terlambat datang, maka nama orang itu tidaklah masuk lagi ke dalam catatan malaikat itu melainkan datangnya hanya sekadar membayarkan kewajipan Jumaat saja.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اِذَا كَانَ يَوْمُ الْجُمْعَةِ كَانَ عَلَى كُلِّ بَابٍ مِنْ اَبْوَابِ الْمَسْجِدِ مَلَائِكَةٌ يَكْتُبُوْنَ الْأَوَّلَ فَالْأَوَّلَ فَاِذَا جَلَسَ الْاِمَامُ طَوَوْا الصُّحُفَ وَجَاؤُا يَسْتَمِعُوْنَ الذِّكْرَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Bila tiba hari Jumaat, berdirilah malaikat-malaikat di tiap-tiap pintu masjid menuliskan nama orang-orang yang masuk masjid, satu demi satu, maka apabila imam telah duduk di atas mimbar, mereka lipatlah buku catatan mereka, dan mereka bersama-sama datang mendengarkan khutbah itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keempat:

Mengerat kuku dan mencukur misai sebelum pergi ke masjid. Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يُقَلِّمُ اَظْفَارَهُ

يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَيَقُصُّ شَارِبَهُ قَبْلَ اَنْ يَخْرُجَ اِلَى الصَّلَاةِ.

رواه البزار والطبرانى

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. biasa mengerat kukunya pada hari Jumaat, dan mencukur misainya sebelum beliau berangkat pergi sembahyang."[1]

(Diriwayatkan oleh Al-Bazzar dan At-Tabarani).

Kelima:

Berjalan kaki ke Jumaat, kecuali kalau ada uzur bolehlah berkenderaan.

Keenam:

Mendekati imam setelah sampai di masjid.

عَنْ اَوْسِ بْنِ اَوْسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ غَسَّلَ وَاغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَبَكَّرَ وَابْتَكَرَ وَمَشَى وَلَمْ يَرْكَبْ وَدَنَا مِنَ الْاِمَامِ وَاسْتَمَعَ وَلَمْ يَلْغَ كَانَ لَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ أَجْرُ عَمَلِ سَنَةٍ صِيَامِهَا وَقِيَامِهَا.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Aus bin Aus r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Siapa yang telah bersetubuh lalu ia mandi di hari Jumaat, berpagi-pagi ia datang ke masjid dan ia mendapati permulaan khutbah, sedang ia datang dengan berjalan kaki, tidak berkenderaan, memperhatikan khutbah, dan tidak dirosakkannya pahalanya (kerana berkata-kata di waktu khutbah dibacakan), adalah baginya upah (pahala) pada tiap-tiap langkah setahun amal puasanya dan sembahyang malamnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Ketujuh:

Berjalan lambat-lambat ke masjid, iaitu jangan terburu-buru.

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: اِذَا أُقِيْمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا تَأْتُوْهَا وَاَنْتُمْ تَسْعَوْنَ وَلَكِنْ أْتُوْهَا وَاَنْتُمْ

1. Yang shahih hadis ini ialah dari Abu Hurairah.

تَمْشُوْنَ وَعَلَيْكُمُ السَّكِيْنَةُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. Sesungguhnya beliau bersabda: "Bila sembahyang telah diqamatkan maka janganlah kamu datang kepadanya (ke tempat sembahyang) sedang kamu berlari-lari (tergesa-gesa) tetapi datanglah kamu kepadanya sedang kamu berjalan kaki, dan hendaklah kamu berjalan tenang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kelapan:

Jangan melangkahi pundak (tengkuk) manusia ketika sampai di masjid, kerana hendak mengejar saf yang di depan.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ بَسْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ يَتَخَطَّى رِقَابَ النَّاسِ يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَالنَّبِيُّ ﷺ يَخْطُبُ فَقَالَ لَهُ اِجْلِسْ فَقَدْ اٰذَيْتَ.

رواه ابو داود والنسائى

"Dari Abdullah bin Basr r.a. ia berkata: Pernah datang seorang laki-laki dengan melangkahi tengkuk orang lain di hari Jumaat, sedang Nabi s.a.w. berkhutbah, maka beliau berseru kepadanya: "Duduklah engkau, maka sesungguhnya engkau telah menyakiti orang."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنِ الْأَرْقَمِ بْنِ أَبِى الْأَرْقَمِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَلَّذِى يَتَخَطَّى رِقَابَ النَّاسِ يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَيُفَرِّقُ بَيْنَ الْاِثْنَيْنِ بَعْدَ خُرُوْجِ الْاِمَامِ كَالْجَادِ قُصْبَهُ فِى النَّارِ.

رواه ابو داود بسند ضعيف

"Dari Arqam bin Abu Aqram r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Orang-orang yang melangkahi pundak orang lain di hari Jumaat, dan diceraikannya dua orang yang sedang duduk, setelah

Imam keluar (berkhutbah), tak ubahnya seperti orang yang menghela perut panjangnya sendiri ke dalam neraka."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

2. KEUTAMAAN HARI JUMAAT.

Adapun hari Jumaat ialah suatu hari yang ada kelebihan dan keutamaannya dari hari-hari yang lain.

Pertama:

Hari Jumaat menurut keterangan Nabi s.a.w. adalah kepala sekalian hari, iaitu hari yang mengandung ketinggian.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَبِىْ لُبَابَةَ بْنِ عَبْدِ الْمُنْذِرِ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ سَيِّدُ الْأَيَّامِ وَاَعْظَمُهَا عِنْدَ اللهِ مِنْ يَوْمِ الْأَضْحَى وَيَوْمِ الْفِطْرِ.

رواه ابن ماجة والبيهقى

"Dari Abu Lubabah bin Abdul Munzir ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya hari Jumaat itu, ialah kepala sekalian hari, dan hari yang terbesar di sisi Allah, lebih besar daripada hari raya Adha dan hari raya Fitri."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Baihaqi).

Kedua:

Pada hari Jumaat itu pulalah Allah telah dijadikan Allah datuk kita Adam alaihissalam, dan pada hari Jumaat pulalah nanti terjadi hari kiamat.

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: خَيْرُ يَوْمٍ طَلَعَتْ فِيْهِ الشَّمْسُ يَوْمُ الْجُمُعَةِ خُلِقَ آدَمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ وَفِيْهِ اُدْخِلَ الْجَنَّةَ وَفِيْهِ اُخْرِجَ مِنْهَا وَلَا تَقُوْمُ السَّاعَةُ اِلَّا فِى يَوْمِ الْجُمُعَةِ.

رواه مسلم والترمذى وغيرهما

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.:"Sebaik-baik hari yang memancarkan matahari, ialah hari

Jumaat, pada hari itu dijadikan Adam a.s. dan pada hari itu pula dimasukkan ke dalam syurga serta pada hari itu pula ia dikeluarkan dari dalam syurga dan tidak akan terjadi hari kiamat, kecuali pada hari Jumaat."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Tirmizi).

Selain daripada itu, hari Jumaat itu adalah hari haji bagi orang-orang yang miskin:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلْجُمْعَةُ حِجُّ الْمَسَاكِيْنِ.

رواه حميد بن زنجوية

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Hari Jumaat itu ialah hari haji bagi orang-orang miskin."

(Diriwayatkan oleh Humaid bin Zanjawiyah).

Ketiga:

Bahawa sesiapa yang membaca surah Al-Kahfi pada malam Jumaat itu, diampuni Tuhan dosanya dari Jumaat ke Jumaat (ia diberi cahaya kesucian oleh Tuhan antara Jumaat ke Jumaat).

عَنْ اَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: مَنْ قَرَأَ سُوْرَةَ الْكَهْفِ يَوْمَ الْجُمْعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّوْرِ مَا بَيْنَ الْجُمُعَتَيْنِ ..... رَوَاهُ الْبَيْهَقِى - وَفِى رِوَايَةٍ - غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَ الْجُمْعَةِ إِلَى الْجُمْعَةِ.

رواه البيهقى

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. dari Nabi s.a.w. bahawa beliau bersabda: Siapa yang membaca surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, maka disinari Allah dia dengan cahaya antara dua Jumaat..... (Diriwayatkan oleh Baihaqi). Dan pada suatu riwayat lain: *"Diampuni oleh Tuhan dosanya antara Jumaat hingga ke Jumaat yang lain."*

Keempat:

Hari Jumaat itu adalah hari yang paling utama dan sebaik-baiknya, sehingga disuruh banyak-banyak membaca selawat di hari itu.

عَنْ اَوْسِ بْنِ اَوْسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:

إِنَّ مِنْ اَفْضَلِ اَيَّامِكُمْ يَوْمُ الْجُمْعَةِ فَاَكْثِرُوْا عَلَيَّ مِنَ الصَّلَاةِ فِيْهِ فَاِنَّ صَلَاتَكُمْ مَعْرُوْضَةٌ عَلَيَّ.

رواه ابو داود وغيره بسند صحيح

"Dari Aus bin Aus r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.:"Sesungguhnya harimu yang paling utama ialah hari Jumaat, sebab itu perbanyaklah olehmu membaca selawat kepadaku pada hari itu, kerana sesungguhnya selawatmu itu dipersembahkan kepadaku."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan lain-lain).

Kelima:

Pada hari Jumaat itu, antara khatib (imam) naik ke mimbar dan selesai sembahyang Jumaat dikerjakan ada suatu saat yang amat mustajab, bila bertepatan doa seseorang dengan saat itu, apa yang dimintanya di saat itu diperkenankan Tuhan.

عَنْ اَبِىْ مُوْسَى الْأَشْعَرِى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ عَنْ سَاعَةِ الْاِجَابَةِ فِى يَوْمِ الْجُمْعَةِ هِيَ مَا بَيْنَ اَنْ يَجْلِسَ الْاِمَامُ اَنْ يَقْضِىَ الصَّلَاةَ. رواه مسلم وابو داود

"Dari Abu Musa Al-Asy'ari r.a ia berkata: Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda tentang saat mustajab di hari Jumaat, ialah antara duduknya imam (di atas mimbar) hingga selesai sembahyang Jumaat."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

Orang-orang yang matinya pada hari atau pada malam Jumaat, dipelihara Allah ia dari fitnah kubur. Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَمُوْتُ يَوْمَ الْجُمْعَةِ اَوْ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ اِلَّا وَقَاهُ اللهُ فِتْنَةَ الْقَبْرِ.

رواه الترمذى

"Dari Abdullah bin Amr r.a. Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tidaklah dari seseorang muslim yang mati pada hari atau pada malam Jumaat, melainkan ia dipelihara Allah dari fitnah kubur."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Sekiranya hamba Allah ramai yang bersembahyang Jumaat, sedang masjid sudah sesak isinya, maka boleh di antara manusia ramai sujud di atas belakang yang lain.

عَنْ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: إِذَا اشْتَدَّ الزِّحَامُ فَلْيَسْجُدْ اَحَدُكُمْ عَلَى ظَهْرِ اَخِيْهِ.

رواه البيهقى

"Dari Umar r.a. ia berkata: Bila manusia telah bersesak-sesak bersembahyang, maka bolehlah sujud seseorang di atas punggung saudaranya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Keterangan lain ada pula menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ: صَلَّى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَقَرَأَ النَّجْمَ فَسَجَدَ فِيْهَا فَاَطَالَ السُّجُوْدَ وَكَثُرَ النَّاسُ فَصَلَّى بَعْضُهُمْ عَلَى ظَهْرِ بَعْضٍ.

رواه البيهقي

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah sembahyang Rasulullah s.a.w. beliau membaca surah An-Najm, lalu sujud, lantas dipanjangkannya sujud itu, sedang manusia sangat ramai, sehingga sembahyanglah sebahagian di atas punggung sebahagian yang lain."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

3. BERTEPATAN DUA HARI RAYA DENGAN HARI JUMAAT.

Bila dalam satu hari bertetapan dua hari raya, iaitu hari raya Aidil Fitri atau hari raya Aidil Adha dengan hari Jumaat maka gugurlah tuntutan "wajib" sembahyang Jumaat, bila mereka telah mengerjakan sembahyang hari raya itu.

Sebagaimana tersebut dalam keterangan ini:

عَنْ زَيْدِ بْنِ اَرْقَمَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ عِيْدَيْنِ اِجْتَمَعَا فَصَلَّى الْعِيْدَ ثُمَّ رَخَّصَ فِى الْجُمْعَةِ وَقَالَ: مَنْ شَاءَ اَنْ يُصَلِّيَ فَلْيُصَلِّ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صحيح

"Dari Zaid bin Arqam r.a. ia berkata: Pernah aku mengalami bersama Nabi s.a.w. dua hari raya yang bertepatan, lalu disembahyangkannya hari raya itu, kemudian beliau memberi kelonggaran tentang sembahyang Jumaat, dengan mengatakan: "Siapa-siapa yang hendak sembahyang maka sembahyanglah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Dan keterangan lain ada pula yang menyatakan:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: قَدْ اِجْتَمَعَ فِى يَوْمِكُمْ هٰذَا عِيْدَانِ فَمَنْ شَاءَ أَجْزَأَهُ عَنِ الْجُمْعَةِ وَاِنَّا مُجْتَمِعُوْنَ.

رواه ابو داود وابن ماجة

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Sesungguhnya telah berkumpul pada harimu ini dua hari raya, maka siapa yang menghendaki mencukupilah kepadanya sembahyang hari Raya ini sebagai ganti sembahyang Jumaat sedang kami terus juga mengerjakannya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

"Dalam hadis itu diterangkan, bahawa Rasulullah s.a.w. terus juga berjumaat, tetapi tuntutan itu adalah tuntutan "sunat," bukan tuntutan wajib, sebab beliau bersabda: "siapa yang menghendaki (suka)."

Keterangan lain menegaskan pula:

عَنْ عَطَاءٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى اِبْنُ الزُّبَيْرِ فِى يَوْمِ عِيْدٍ يَوْمَ

جُمْعَةٍ اَوَّلَ النَّهَارِ ثُمَّ رُحْنَا اِلَى الْجُمْعَةِ فَلَمْ يَخْرُجْ اِلَيْنَا فَصَلَّيْنَا وَحْدَنَا وَكَانَ اِبْنُ عَبَّاسٍ بِالْطَّائِفِ فَلَمَّا قَدِمَ ذَكَرْنَا ذٰلِكَ لَهُ فَقَالَ اَصَابَ السُّنَّةَ.

رواه ابو داود

"Dari Atha' r.a. ia berkata: Pernah Ibnu Zubair sembahyang hari raya pada hari Jumaat pagi-pagi hari, kemudian kami pergi ke Jumaat, maka tidaklah ia (Ibnu Zubair) keluar ke tempat kami, maka sembahyanglah kami sendiri-sendiri. Ketika itu Ibnu Abbas sedang di Taif. Setelah ia kembali maka kami beritahukan hal itu kepadanya, maka ia menjawab: Itu menurut sunah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Usman bin Affan dalam khutbahnya, berbunyi sebagai berikut:

عَنْ عُثْمَانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ فِى خُطْبَتِهِ: يَآ أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ هٰذَا يَوْمٌ قَدِ اجْتَمَعَ لَكُمْ فِيْهِ عِيْدَانِ فَمَنْ اَحَبَّ أَنْ يَنْتَظِرَ الْجُمْعَةَ مِنْ اَهْلِ الْعَوَالِى فَلْيَنْتَظِرْ وَمَنْ اَحَبَّ اَنْ يَرْجِعَ فَقَدْ أَذِنْتُ لَهُ.

رواه البخارى

"Dari Usman r.a. bahawasanya ia pernah berkata di dalam khutbahnya: Hai manusia! Sesungguhnya ini adalah sesuatu hari yang sesungguhnya telah berkumpul bagimu padanya dua hari raya, maka siapa-siapa yang ingin menunggu sembahyang Jumaat dari orang-orang kampung (orang-orang pergunungan), maka boleh ia menunggu. Maka siapa-siapa yang ingin hendak pulang, maka sudah aku izinkan baginya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dengan hadis ini berfatwa Imam Syafii, bahawa sembahyang Jumaat tidak gugur wajibnya, walaupun berkumpul pada hari itu salah satu dari dua hari raya, sebab yang diizinkannya hanya orang

yang jauh tinggal di kampung, (orang pergunungan), bukan orang yang tinggal di kota yang dekat ke masjid.

Hari Jumaat Dinamakan Juga Hari Raya.

Hari Jumaat ini dinamakan hari raya ialah kerana sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ فِى جُمْعَةٍ مِنَ الْجُمَعِ مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِيْنَ إِنَّ هٰذَا يَوْمٌ جَعَلَهُ اللهُ لَكُمْ عَيْدًا فَاغْتَسِلُوْا وَعَلَيْكُمْ بِالسِّوَاكِ.

رواه الطبرانى

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda pada suatu hari Jumaat di antara beberapa hari Jumaat: "Hai sekalian kaum Muslimin, sesungguhnya hari ini telah dijadikan Allah bagimu menjadi hari raya, sebab itu mandilah kamu, dan kamu biasakanlah bersugi (memberus gigi)."

(Diriwayatkan oleh Tabarani).

4. HUKUM MENINGGALKAN SEMBAHYANG JUMAAT.

Seperti telah diterangkan di atas, bahawa sembahyang Jumaat itu *fardu ain* hukumnya bagi tiap-tiap kaum Muslimin yang mukallaf[1] yang sudah memenuhi syarat-syarat berjumaat. Maka berdosalah ia bila ditinggalkannya sembahyang Jumaat itu dengan tidak ada uzur syar'i yang datang kepadanya. Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan di bawah ini:

عَنْ اَبِى الْجَعْدِ الضَّمَرِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: مَنْ تَرَكَ الْجُمْعَةَ ثَلَاثًا مِنْ غَيْرِ عُذْرٍ فَهُوَ مُنَافِقٌ.

رواه ابن حبان

1. Yang telah kena wajib ibadat.

"Dari Abu Ja'di Adh-Dhamari r.a. dari Rasulullah s.a.w. beliau telah bersabda: Sesiapa yang meninggalkan Jumaat tiga kali berturut-turut dengan tidak ada uzur, maka dihukum orang munafik."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban)

Dalam hadis yang lain terdapat pula keterangan bahawa orang-orang yang meninggalkan Jumaat tiga kali berturut-turut itu seolah-olah ia telah melemparkan Islamnya ke belakang punggung-punggungnya.[2]

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ تَرَكَ الْجُمْعَةَ ثَلَاثَ جُمَعٍ مُتَوَالِيَاتٍ فَقَدْ نَبَذَ الْإِسْلَامَ وَرَاءَ ظَهْرِهِ.

رواه ابو يعلى

"Dari Ibnu Abbas r.a. dari Rasulullah s.a.w. beliau bersabda: "Siapa yang meninggalkan Jumaat tiga kali berturut-turut maka sesungguhnya ia telah melemparkan agama Islam ke belakangnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Ya'la).

Menurut keterangan yang lain, bahawa hati orang yang meninggalkan Jumaat itu, telah dicap sebagai hati orang yang munafik.

Sebagaimana dinyatakan dalam hadis.

عَنْ اِبْنِ أَسْعَدِ بْنِ زَرَارَةَ عَنْ عَمِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ تَرَكَ الْجُمْعَةَ ثَلَاثًا طَبَعَ اللهُ عَلَى قَلْبِهِ وَجَعَلَ قَلْبَهُ قَلْبَ مُنَافِقٍ.

رواه ابو بكر بن علي المروزي وابو يعلى

"Dari Ibnu As'ad bin Zararah, dari Pakciknya, dari Nabi s.a.w. bersabda: "Siapa yang meninggalkan Jumaat tiga kali telah mencap Allah akan hatinya, dan dijadikan-Nya hatinya itu seperti hati orang munafik."

(Diriwayatkan oleh Abu Bakar bin Ali Al-Marwazi dan Abu Ya'la).

Oleh sebab itu janganlah dipermudah-mudah saja meninggalkan sembahyang Jumaat itu, sebab besar bahayanya (dosanya).

---

2. Telah membelakangi agamanya.

Adapun uzur-uzur yang membolehkan meninggalkan sembahyang Jumaat serupa dengan uzur yang membolehkan meninggalkan sembahyang berjemaah.

BAB ZIKIR SESUDAH SEMBAHYANG

Bila kita telah selesai mengerjakan sembahyang, maka disunatkan membaca zikir dan wirid-wirid seperti wirid yang dibaca oleh Nabi s.a.w. iaitu sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadis yang berbunyi sebagai berikut:

عَنْ ثَوْبَانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِذَا انْصَرَفَ مِنْ صَلَاتِهِ اِسْتَغْفَرَ ثَلَاثًا وَقَالَ: اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ اَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَرَّكْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. رواه مسلم

"Dari Sauban r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. apabila telah berpaling dari sembahyangnya (menghadap kepada makmum), beliau membaca "istighfar" (astaghfirullah) sebanyak tiga kali, dan beliau terus membaca:

''اللهم انك انت السلام ومنك السلام تباركت يا ذا الجلال والاكرام.''

(Riwayat Muslim).

Hadis ini menjelaskan, bahawa Rasulullah s.a.w. selalu bertasbih, dan membaca kalimat "istighfar" setiap selesai sembahyang, ketika ia berpaling menghadap ke makmum.

Dalam hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ سَبَّحَ فِى دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ ثَلَاثًا وَثَلَاثِيْنَ وَحَمِدَ اللهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِيْنَ وَكَبَّرَ اللهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِيْنَ وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ. لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْىءٍ قَدِيْرٌ غُفِرَتْ لَهُ خَطَايَاهُ وَاِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ. رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Sesiapa yang membaca tasbih "سبحان الله" sesudah tiap-tiap selesai sembahyang sebanyak 33 kali, dan memuji Allah "الحمد لله" sebanyak 33 kali, dan membesarkan Allah "الله اكبر" sebanyak 33 kali pula, dan ia berkata waktu sempurna 100 kali:

لا اله الا الله وحده لا شريك له. له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير.

(ertinya: Tidak ada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya dan bagi-Nya segala puji, dan Dia adalah Maha Kuasa di atas tiap-tiap sesuatu), nescaya diampuni Allah baginya seluruh kesalahannya, walaupun kesalahannya itu seumpama buih di laut banyaknya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Makin jelaslah, bahawa zikir-zikir sesudah sembahyang sangat dituntut sekali untuk mengharapkan keampunan dosa dan kesalahan yang telah dibuat.

Setelah selesai berzikir dan bertasbih, maka disunatkan berdoa dan memohon kepada Allah s.a.w. buat meminta apa yang dikehendaki. Sebab doa setelah selesai sembahyang adalah makbul, dan di saat itu termasuk saat mustajab.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اَبِىْ أَمَامَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قِيْلَ لِرَسُوْلِ اللهِ ﷺ أَيُّ الدُّعَاءِ أَسْمَعُ؟ قَالَ: جَوْفَ اللَّيْلِ الْآخِرِ وَدُبُرَ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوْبَاتِ.

رواه الترمذى

"Dari Abu Umamah r.a. ia berkata: Ditanya orang Rasulullah s.a.w.: di mana doa yang lebih didengar (diperhatikan Allah)? Rasulullah s.a.w. menjawab: Di waktu rongga malam yang terakhir dan sesudah setiap selesai sembahyang yang lima waktu."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Oleh sebab itu, setelah selesai zikir dan bertasbih sunat diiringi dengan doa kepada Allah s.a.w.

Waktu membaca zikir ini bagi imam disunatkan memutar badannya ke sebelah kanan. Iaitu supaya dihadapkannya badannya yang sebelah kanan ke sebelah makmum dan badannya yang kiri ke sebelah kiblat, kerana mengikuti perbuatan Nabi s.a.w. atau

dipalingkannya sama sekali. Ertinya, bahawa punggungnya membelakang kiblat dan mukanya menghadap makmum.

Bila seseorang hendak mengerjakan sembahyang sunat sesudah ia mengerjakan sembahyang yang fardu itu, maka disunatkan ia berpindah ke tempat lain dari tempat ia telah mengerjakan sembahyang yang fardu itu.

Keterangan menyatakan:

عَنِ الْمُغِيْرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا يُصَلِّى الْاِمَامُ فِى مَقَامِهِ الَّذِيْ صَلَّى فِيْهِ الْمَكْتُوْبَةَ حَتَّى يَتَنَحَّى عَنْهُ.

رواه ابن ماجة وابو داود

"Dari Mughirah bin Syu'bah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w. "Janganlah sembahyang imam di tempatnya yang ia telah mengerjakan sembahyang yang fardu padanya, hingga ia menghindar daripadanya."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Abu Daud).

BAB SEMBAHYANG WAKTU TAKUT

Bila kita sedang berada di medan pertempuran menghadapi musuh, seperti berperang dengan orang kafir atau musyrikin, atau gerombolan-gerombolan.... gerombolan yang hendak merosak keamanan dalam negeri, misalnya merampas harta benda rakyat dan sebagainya, maka dalam hal itu, bolehlah kita mengerjakan "sembahyang takut," bila waktu telah masuk. Allah berfirman di dalam Al-Quran yang berbunyi:

وَإِذَا كُنْتَ فِيْهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلٰوةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوْا اَسْلِحَتَهُمْ فَاِذَا سَجَدُوْا فَلْيَكُوْنُوْا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ طَائِفَةٌ اُخْرٰى لَمْ يُصَلُّوْا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ وَلْيَأْخُذُوْا حِذْرَهُمْ وَاَسْلِحَتَهُمْ *

سورة النساء أية ١٠٢

"Dan apabila engkau ada pada mereka, lalu engkau hendak mengerjakan sembahyang beserta mereka, maka hendaklah berjaga sebahagian di antara mereka bersama-sama dengan engkau dan hendaklah mereka ada di belakang kamu, kemudian datang pula golongan yang lain yang belum sembahyang hendaklah mereka sembahyang bersama-sama dengan engkau dan yang lain mengambil penjagaan dan memegang senjata mereka."

(Surah An-Nisa', ayat 102).

Adapun syarat-syarat sembahyang takut itu beserta dengan rukun dan sunatnya atau jumlah rakaatnya seperti sembahyang biasa juga, iaitu sembahyang waktu aman, kecuali sesuatu yang khusus dalam mengerjakan sembahyang takut itu, sebagaimana nanti akan datang keterangannya.

Adapun mula-mula sembahyang takut disyariatkan, ialah di zaman Nabi s.a.w. dan syariat itu berkekalan hingga sekarang, bahkan hingga akhir zaman. Ertinya boleh pula dilakukan di saat perlu.

1. MACAM-MACAM SEMBAHYANG TAKUT.

Berkata ulama fikah, cara-cara mengerjakan sembahyang takut yang berasal dari perbuatan Nabi s.a.w. ada enam belas macam. Tetapi imam Syafii memilih tiga macam sahaja dari yang enam belas itu:

Pertama: Sembahyang Rasulullah s.a.w. di Bathnin-Nakhl,
Kedua: Sembahyang Rasulullah s.a.w. di Dzatir-Riqa',
Ketiga: Sembahyang Rasulullah s.a.w di Asfan.

Ketiga-tiga itu diterangkan dalam kitab "Sahih Bukhari dan Muslim."

Dan macam sembahyang takut yang *keempat,* ialah seperti yang tersebut di dalam Al-Quran Surah An-Nisa', ayat 102, dan hadis:

"Maka jika kamu takut, maka sembahyanglah kamu secara berjalan kaki atau berkenderaan." Berkata Ibnu Umar r.a: dengan menghadap kiblat ataupun tidak." (Diriwayatkan oleh Bukhari).

Sembahyang takut semacam ini ialah ketika musuh telah menyerbu, sedang tentera tak dapat diatur lagi, maka bolehlah sembahyang sebagaimana dapatnya saja.

Bila kita hendak mengerjakan sembahyang takut (Salalul-khauf) di medan pertempuran, lebih dahulu hendaklah kita perhatikan keadaan musuh yang sedang kita hadapi.

Adapun musuh di medan pertempuran, diumpamakan sasarannya di arah Kiblat.

2. MUSUH DI ARAH KIBLAT.

Jika musuh berada di sebelah kiblat, sedang umat Islam lebih ramai dari musuh, hendaklah kita lakukan sembahyang takut, seperti yang dilakukan Rasulullah s.a.w. di Asfan. Iaitu supaya tentera Islam dijadikan dua barisan lalu sembahyang di belakang Imam. Bila imam membaca takbiratul ihram, maka hendaklah kedua barisan itu bertakbir pula. Dan bila imam rukuk, maka kedua-dua saf itu rukuk pulalah, begitu pula apabila imam bangkit dari rukuk, maka bangkit pulalah kedua saf itu. Tetapi bila imam sujud, maka hendaklah sujud saf yang di belakang imam, sedang saf yang kedua menjaga musuh.

Bila imam telah bangun dari sujud beserta dengan saf yang pertama itu, dan mereka telah berdiri, maka baru sujud pula saf yang kedua, yang tadi telah menjaga musuh, hingga mereka berdiri pula kembali dari sujudnya.

Kemudian saf yang di belakang melangkah ke depan dan saf yang di depan tadi ke belakang (berganti saf) di dalam rakaat yang kedua. Bila imam telah rukuk, maka rukuk pulalah kedua-dua saf itu di rakaat yang kedua itu begitu pula bila imam bangkit dari rukuk, maka bangkit pulalah kedua-dua barisan itu.

Kemudian, ketika imam turun hendak sujud, maka sujud pulalah saf yang di belakang imam (yang telah menjaga di rakaat yang pertama), dan sebaliknya menjaga pulalah saf yang kedua itu. Bila mereka telah selesai sujud (telah bangkit) bersama imam, maka sujud pulalah saf yang menjaga, kemudian mereka sama-sama memberi salam dengan imam.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهَدْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ صَلاَةَ الْخَوْفِ فَصَفَفْنَا صَفَّيْنِ صَفٌّ خَلْفَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ وَالْعَدُوُّ بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ فَكَبَّرَ النَّبِىُّ ﷺ وَكَبَّرْنَا جَمِيْعًا ثُمَّ رَكَعَ وَرَكَعْنَا جَمِيْعًا ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوْعِ وَرَفَعْنَا جَمِيْعًا ثُمَّ انْحَدَرَ بِالسُّجُوْدِ وَالصَّفُّ الَّذِى يَلِيْهِ وَقَامَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ فِى نَحْوِ الْعَدُوِ فَلَمَّا قَضَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ السُّجُوْدَ وَقَامَ الصَّفُّ الَّذِىْ يَلِيْهِ

اِنْحَدَرَ الصَّفُّ الْمُؤَخِّرُ بِالسُّجُوْدِ وَقَامُوْا ثُمَّ تَقَدَّمَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ وَتَأَخَّرُا الصَّفُّ الْمُقَدَّمُ ثُمَّ رَكَعَ النَّبِيُّ ﷺ وَرَكَعْنَا جَمِيْعًا ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوْعِ وَرَفَعْنَا جَمِيْعًا ثُمَّ اِنْحَدَرَ بِالسُّجُوْدِ وَالصَّفُّ الَّذِىْ يَلِيْهِ الَّذِىْ كَانَ مُؤَخَّرًا فِىْ الرَّكْعَةِ الْأُوْلَى فَقَامَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ فِى نَحْوِ الْعَدُوِ فَلَمَّا قَضَى النَّبِيُّ ﷺ السُّجُوْدَ وَالصَّفُّ الَّذِىْ يَلِيْهِ اِنْحَدَرَ الصَّفُّ الْمُؤَخَّرُ بِالسُّجُوْدِ فَسَجَدُوْا ثُمَّ سَلَّمَ النَّبِيُّ ﷺ وَسَلَّمْنَا جَمِيْعًا.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah aku hadir bersama Nabi s.a.w. pada sembahyang khauf, lalu kami buat dua barisan, satu barisan di belakang Rasulullah s.a.w. sedang musuh di antara kami dan kiblat, maka Rasulullah s.a.w. takbir dan bertakbir pula kami semuanya, kemudian beliau rukuk, dan rukuk pula kami semuanya, kemudian diangkat kepalanya dari rukuk (iktidal), dan kami angkat pula kepala kami semuanya, kemudian beliau turun untuk sujud diiringi oleh barisan yang di belakangnya, dan barisan yang di belakang sekali berdiri menghadap musuh, maka tatkala Rasulullah melakukan sujudnya dan telah berdiri pula barisan yang mengiringinya, turun pulalah barisan yang di belakang untuk sujud dan mereka terus berdiri, kemudian barisan yang di belakang maju ke depan dan barisan yang di depan ke belakang, kemudian Nabi s.a.w. rukuk dan rukuk pula kami semuanya, kemudian diangkatnya kepalanya dari rukuk dan kami angkat pula kepala kami semuanya, kemudian beliau turun hendak sujud dan barisan yang mengiringinya yang ada di belakang di rakaat yang pertama, maka berdiri pula barisan yang di belakang menghadapi musuh, maka tatkala Nabi s.a..w melakukan sujudnya bersama-sama dengan barisan yang mengiringinya, turun pula barisan yang di belakang untuk sujud lalu mereka sujud, kemudian Nabi s.a.w. memberi salam, maka memberi salam pula kami semuanya.

(Diriwayatkan oleh Muslim).

قَالَ الْمُتَوَلِّى وَالرَّافِعُ: يُشْتَرَطُ اَنْ لاَ يَكْثُرَ عَمَلُهُمْ يَزِيْدُ عَلَى خُطْوَتَيْنِ بَلْ يَتَقَدَّمُ كُلُّ وَاحِدٍ خُطْوَتَيْنِ وَيَتَأَخَّرُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنَ الْأَوَّلَيْنِ خُطْوَتَيْنِ وَيَدْخُلُ الَّذِىْ يَتَقَدَّمُ بَيْنَ مَوْقِفَيْنِ.

المجموع

Berkata Al-Mutawalli dan Rafi': Disyaratkan supaya mereka jangan banyak bergerak yang melebihi dari dua langkah, melainkan tiap-tiap orang melangkah ke depan dua langkah dan tiap-tiap orang dari saf yang pertama mundur ke belakang dua langkah pula; dan masuklah orang-orang yang maju ke depan itu antara dua tempat.

(Demikian dalam Al-Majmuk).

3. MUSUH DI ARAH SELAIN KIBLAT.

Macam pertama:

Supaya imam menjadikan tenteranya jadi dua barisan. Barisan yang satu menghadap musuh dan yang satu lagi sembahyang dengan imam.

Adapun barisan itu boleh sembahyang dengan imam melakukan seluruh sembahyangnya lalu kemudian mereka pergi pula menghadapi musuh. Maka datang pula barisan yang menjaga musuh tadi dan sembahyang pula dengan imam.

Maka adalah sembahyang yang kedua ini sunat hukumnya bagi imam kerana sudah kedua kalinya, walaupun niatnya sembahyang fardu juga dan wajib hukumnya bagi saf yang baru datang itu.

عَنْ أَبِىْ بَكْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى صَلاَةَ الْخَوْفِ بِالَّذِيْنَ مَعَهُ رَكْعَتَيْنِ وَبِالَّذِيْنَ جَآءُوْا رَكْعَتَيْنِ فَكَانَتْ لِلنَّبِيِّ ﷺ اَرْبَعًا وَلِلَّذِيْنَ جَآءُوْا رَكْعَتَيْنِ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Abu Bakrah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah mengerjakan sembahyang takut dengan orang-orang yang ada bersamanya dua

rakaat dan dengan orang yang datang dua rakaat pula, maka sembahyang Nabi s.a.w. adalah empat rakaat dan bagi mereka-mereka yang datang dua rakaat pula.

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Sembahyang Rasulullah yang tersebut ialah ketika di Batnin-Nakhl. Dalam cara yang seperti ini, tidak dibezakan sembahyang yang dua, tiga, atau yang empat rakaat.

Macam yang kedua:

Supaya imam menjadikan dua barisan. Yang satu menghadap musuh dan barisan yang satu lagi sembahyang dengan imam. Maka apabila imam berdiri di rakaat yang kedua, maka saf yang mengikut imam itu, meniatkan memisah (keluar) dari imam lalu sembahyanglah mereka masing-masing di rakaat yang kedua itu, hingga sampai mereka membaca tasyahud dan memberi salam. Lalu pergilah mereka menghadapi musuh untuk menggantikan barisan yang satu lagi.

Kemudian datanglah barisan yang tadi bertugas menjaga musuh itu, maka taharrumlah[1] mereka di belakang imam di rakaat yang kedua itu. Dan hendaklah imam memanjangkan rakaat yang kedua itu, hingga mereka dapat menghubunginya. Setelah mereka membaca Al-Fatihah, maka rukuklah imam dengan mereka, kemudian lalu sujud.

Apabila imam duduk untuk tasyahud, lalu berdirilah mereka untuk rakaat yang kedua, sedang imam menunggu mereka sampai selesai membaca tasyahud. Kemudian imam memberi salam bersama-sama dengan mereka.

عَنْ صَالِحِ بْنِ خَوَّاتٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَمَّنْ صَلَّى مَعَ النَّبِيِّ ﷺ يَوْمَ ذَاتِ الرِّقَاعِ صَلاَةَ الْخَوْفِ اَنَّ طَائِفَةً مِنْ اَصْحَابِهِ ﷺ صَفَّتْ مَعَهُ وَطَائِفَةً وِجَاهَ الْعَدُوِّ فَصَلَّى بِالَّذِيْنَ مَعَهُ رَكْعَةً ثُمَّ ثَبَتَ قَائِمًا وَاَتَمُّوْا لِأَنْفُسِهِمْ ثُمَّ انْصَرَفُوْا فَصَفُّوا وِجَاهَ الْعَدُوِّ وَجَاءَتِ الطَّائِفَةُ الْأُخْرَى فَصَلَّى بِهِمُ الرَّكْعَةَ الَّتِى بَقِيَتْ ثُمَّ ثَبَتَ جَالِسًا

1. Membaca takbiratul-ihram.

وَأَتَـمُّوْا لِأَنْفُسِهِمْ ثُمَّ سَلَّمَ بِهِمْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Saleh bin Khawwat r.a. dari orang yang pernah sembahyang takut bersama dengan Nabi s.a.w. di hari peperangan di Zaturriqa'. Sesungguhnya satu bahagian dari sahabat-sahabat Nabi s.a.w. berbaris bersamanya dan satu bahagian lagi menghadapi musuh, lalu sembahyang Rasulullah dengan orang-orang yang bersamanya serakaat, kemudian beliau tetap berdiri, dan mereka menyempurnakan sembahyang mereka masing-masing, kemudian mereka berpaling, lalu berbaris menghadap musuh, dan datang pula bahagian yang lain, lalu sembahyang Rasulullah dengan mereka menyempurnakan rakaat berikutnya, kemudian Rasulullah tetap duduk, sedang mereka menyempurnakan sembahyang mereka masing-masing, kemudian Nabi memberi salam dengan mereka."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Macam yang ketiga:

Supaya imam membagi orang-orangnya jadi dua barisan. Satu barisan menjaga musuh dan satu barisan lagi sembahyang dengan imam. Adapun yang sembahyang dengan imam, apabila imam berdiri di rakaat yang kedua, maka barisan yang mengikut imam itu tidak terus mengikut imam, tetapi mereka berpaling menghadapi musuh menggantikan saudara mereka yang menjaga musuh tadi, sedang mereka dalam sembahyang juga, dan berdirilah mereka menghadapi musuh secara diam dan tidak boleh berkata-kata.

Lalu datang barisan yang menjaga musuh itu dan sembahyang dengan imam di rakaat yang kedua. Maka apabila imam memberi salam, pergilah mereka menghadapi musuh kembali, sedang mereka dalam sembahyang. Lalu datang pula kembali saf yang pertama (setelah menjaga musuh) ke tempat mereka sembahyang dengan imam. Maka mereka sempurnakanlah rakaat sembahyang mereka yang tinggal, hingga memberi salam.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: غَزَوْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ قِبَلَ نَجْدٍ فَوَازَيْنَا الْعَدُوَ فَصَافَفْنَاهُمْ فَقَامَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَصَلَّى بِنَا فَقَامَتْ طَائِفَةٌ مَعَهُ وَاَقْبَلَتْ طَائِفَةٌ عَلَى الْعَدُوِ وَرَكَعَ بِمَنْ مَعَهُ

رَكْعَةً وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ ثُمَّ انْصَرَفُوْا مَكَانَ الطَّائِفَةِ الَّتِى لَمْ تُصَلِّ فَجَاؤُا فَرَكَعَ بِهِمْ رَكْعَةً وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ ثُمَّ سَلَّمَ فَقَامَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمْ فَرَكَعَ لِنَفْسِهِ رَكْعَةً وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah aku berperang bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. di sebelah Nijed, maka menghadaplah kami kepada musuh, kami jadikan mereka berbaris-baris, maka Rasulullah s.a.w. berdiri dengan kami, lalu berdiri satu kaum bersamanya dan satu kaum (barisan) menghadap kepada musuh, dan beliau rukuk dengan orang yang bersamanya hingga sampai serakaat sembahyang dan dia sujud dua kali sujud, kemudian mereka berpaling kepada tempat kaum yang belum sembahyang, maka datang mereka kemudian Rasulullah s.a.w. rukuk (sembahyang) dengan mereka serakaat dan sujud dua kali sujud, kemudian Rasulullah s.a.w. memberi salam, lalu tiap-tiap seorang berdiri lalu rukuk serakaat bagi masing-masing dan ia sujud dua kali."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى صَلَاةَ الْخَوْفِ بِاِحْدَي الطَّائِفَتَيْنِ رَكْعَةً وَالطَّائِفَةُ الْأُخْرَى مُوَاجِهَةُ لِلْعَدُوِ ثُمَّ انْصَرَفُوْا وَقَامُوْا مَقَامَ اَصْحَابِهِمْ وَجَاءَ أُولَئِكَ ثُمَّ صَلَّى بِهِمُ النَّبِيُّ ﷺ رَكْعَةً ثُمَّ سَلَّمَ ثُمَّ قَضَى هٰؤُلَاءِ رَكْعَةً.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah sembahyang khauf serakaat dengan salah satu di antara dua barisan sedang barisan lain menghadap musuh, kemudian mereka berpaling, lalu berdiri pada tempat teman-teman mereka (barisan penjaga musuh) dan datanglah mereka, kemudian Nabi s.a.w. sembahyang pula dengan mereka serakaat, lalu beliau memberi salam; kemudian mereka kerjakan serakaat lagi, dan yang lain serakaat lagi pula."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

4. MELEPASKAN SENJATA DARI TANGAN KETIKA ADA UZUR.

Dan jika sembahyang itu sembahyang Maghrib, maka sembahyanglah imam dengan barisan yang pertama serakaat, dan dengan barisan yang kedua dua rakaat. Tetapi jika sembahyang itu sembahyang yang empat rakaat, maka sembahyang imam dengan tiap-tiap barisan itu dua-dua rakaat.

Adapun senjata mereka, tidak boleh mereka lepaskan dari tangan selama di dalam keadaan perang itu, kecuali kalau datang sakit atau hujan.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: وَلاَ جُنَاحَ عَلَيْكُمْ اِنْ كَانَ بِكُمْ أَذًى مِّنْ مَطَرٍ اَوْ كُنْتُمْ مَرْضٰى اَنْ تَضَعُوْا اَسْلِحَتَكُمْ *

سورة النساء أية ١٠٢

"Berfirman Allah Taala: "Dan tidak ada dosa atasmu meletakkan senjata-senjatamu jika kamu mendapat suatu kesusahan kerana hujan atau kerana kamu sedang sakit."

(Surah An-Nisa', ayat 102).

Jika musuh telah mendesak, sedang tentera tak dapat disusun lagi, maka sembahyanglah kira-kira seboleh saja, seperti keterangan di atas tadi.

BAB SEMBAHYANG TATAWWUK

1. ERTI SEMBAHYANG TATAWWUK.

Sembahyang tatawwuk ertinya, sembahyang tambahan. Yang dimaksud, ialah sembahyang tambahan selain sembahyang yang fardu. Dan dapat juga dinamakan sembahyang sunat. Menurut keterangan Nabi s.a.w. sembahyang sunat itu gunanya ialah untuk menambah kekurangan-kekurangan yang terdapat di dalam sembahyang yang fardu dengan tidak sengaja, seperti lupa, rosak pembacaan, tertinggal tamakninah dan sebagainya. Maka sembahyang sunat itu gunanya ialah untuk menampal kekurangan-kekurangan itu.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أنه قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِنَّ

اَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلاَتُهُ فَاِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ اَفْلَحَ وَاَنْجَحَ وَاِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ فَاِنِ انْتَقَصَ مِنْ فَرِيْضَتِهِ شَيْءٌ قَالَ الرَّبُّ عَزَّوَجَلَّ اُنْظُرُوْا هَلْ لِعَبْدِيْ مِنْ تَطَوُّعٍ فَيُكَمِّلُ بِهَامَا اِنْتَقَصَ مِنَ الْفَرِيْضَةِ ثُمَّ تَكُوْنُ سَائِرُ اَعْمَالِهِ عَلَى هٰذَا.

رواه الترمذى بسند حسن

"Dari Abu Hurairah r.a. ia bekata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. "Sesungguhnya manusia yang mula-mula dihitung amalannya di hari kiamat, ialah sembahyangnya, jika baik sembahyangnya, maka menanglah dia dan selamatlah dari seksaan Tuhan, dan bila rosak sembahyangnya, sungguh rugilah dia. Maka apabila kurang sesuatu dari sembahyangnya yang fardu, berkatalah Tuhan Azza Wajalla: Lihatlah, apakah bagi hamba-Ku itu ada ibadat tambahan (ibadat yang sunat), sekiranya ada maka dengan itu boleh menyempurnakan kekurangan-kekurangan pada fardu itu, kemudian dilakukan semua amalnya atas jalan yang begitu."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

2. PEMBAHAGIAN SEMBAHYANG SUNAT.

Adapun sembahyang sunat terbagi atas dua bahagian. Sebahagian sembahyang sunat yang disunatkan melakukannya dengan berjemaah hukumnya ialah sunat *muakkad,* ertinya sunat yang sangat dituntut dan tak pernah ditinggalkan oleh Nabi s.a.w. Dan yang kedua, sembahyang sunat yang tidak dilakukan berjemaah.

Adapun sembahyang yang masuk bahagian ini, ialah sunat rawatib (sunat yang mengikut kepada sembahyang yang fardu), dan ada pula yang tidak rawatib. Sedang yang rawatib itu terbagi pula atas dua bahagian. Bahagian pertama dinamakan rawatib yang *muakkad,* dan bahagian yang kedua dinamakan rawatib yang *bukan muakkad.*

Adapun sembahyang sunat yang disunatkan berjemaah ialah:

1. Sembahyang dua hari raya, iaitu Aidilfitri dan Aidiladha tiap-tiap tahun.
2. Sembahyang Istisqak (sembahyang minta hujan).
3. Sembahyang gerhana matahari atau gerhana bulan (sembahyang Kusuf dan Khusuf).
4. Sembahyang Tarawih tiap-tiap malam bulan Ramadan.

Adapun sembahyang sunat yang tidak disunatkan berjemaah ialah:

Pertama: *Rawatib Muakkad,* iaitu:

1. Dua rakaat sebelum dan sesudah sembahyang Zuhur.
2. Empat rakaat sebelum sembahyang Asar.
3. Dua rakaat sesudah sembahyang Maghrib.
4. Dua rakaat sesudah sembahyang Isyak.
5. Dua rakaat Fajar (sebelum sembahyang Subuh dikerjakan)

Kedua: *Rawatib* yang tidak *muakkad,* iaitu:

1. Dua rakaat antara dua azan
2. Dua rakaat sebelum sembahyang Maghrib.
3. Empat rakaat sesudah sembahyang Zuhur.

Ketiga: *Sunat witir,* tempatnya ialah sesudah selesai sembahyang Isyak.

3. SEMBAHYANG SUNAT SELAIN SUNAT RAWATIB.

Adapun sembahyang sunat yang bukan sunat rawatib, ialah:

1. Sunat sebelum dan sesudah sembahyang Jumaat.
2. Sunat Tahiyyat masjid.
3. Sunat dua rakaat setelah berwuduk.
4. Sunat tahajud (sembahyang malam).
5. Sunat Duha.
6. Sunat Istikharah, dan
7. Sunat hajat.

Di bawah ini akan kita terangkan satu persatu macam-macam sembahyang itu.

BAB SEMBAHYANG DUA HARI RAYA

Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللهَ عَلَى مَا هَدٰكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُوْنَ

سورة البقرة أية ١٨٥

"Dan hendaklah kamu sempurnakan bilangan hari puasamu dan hendaklah kamu besarkan (muliakan) Allah atas sekalian yang telah ditunjuki-Nya, mudah-mudahan kamu berterima kasih."

(Surah Al-Baqarah, ayat: 185).

Adapun yang dimaksud dengan sembahyang dua hari raya, ialah: Pertama hari raya Fitri, iaitu hari raya setelah selesai mengerjakan puasa Ramadan tiap-tiap tahun. Kedua hari raya Adha (hari raya (korban), iaitu pada tanggal 10 Zulhijah tiap-tiap tahun. Hari raya ini dinamakan juga hari raya Haji, atau hari raya Akbar. Sebab di Kota Mekah, pada tanggal itu beribu-ribu, malah berpuluh-puluh ribu umat Islam yang datang dari segenap penjuru untuk menunaikan ibadat hajinya. Dan di sanalah mereka sama-sama bertemu, dan pertemuan itu tak dapat dilakukan di hari lain. Adapun waktu sembahyang hari raya itu, ialah mulai dari terbit matahari hingga datang waktu Zuhur. Untuk menyambut hari yang mulia itu, disunatkan bagi laki-laki perempuan, tua muda, besar kecil keluar ke tanah lapang untuk menghadiri sembahyang hari raya itu. Bahkan perempuan-perempuan haid pun disunatkan juga pergi berhari raya, dengan tidak mengerjakan ibadat sembahyang.

Sebagaimana dinyatakan dalam keterangan ini:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَمَرَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى اَنْ نُخْرِجَ الْعَوَاتِقَ وَالْحُيَّضَ وَذَوَاتِ الْخُدُوْرِ وَلٰكِنَّ الْحُيَّضُ يَعْتَزِلْنَ الصَّلَاةَ وَيَشْهَدْنَ الْخَيْرَ وَدَعْوَةَ الْمُسْلِمِيْنَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ummu Atiyah r.a. ia berkata: Pernah kami disuruh Rasulullah s.a.w. di hari raya Fitri dan hari raya Adha supaya mengeluarkan perempuan-perempuan gadis, perempuan-perempuan haid dan perempuan-perempuan yang bertutup muka, akan tetapi perempuan-perempuan haid hendaklah mereka menjauhi sembahyang, dan mereka boleh mendengar kebaikan (khutbah dan nasihat-nasihat) dan panggilan kaum Muslimin."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

1. TEMPAT MENUNAIKAN DUA SEMBAHYANG HARI RAYA.

Adapun tempat mendirikan sembahyang hari raya itu lebih utama di masjid, kerana masjid itulah tempat bersujud kepada Tuhan, dengan syarat, kalau masjid itu lapang.

Tetapi kalau masjid itu sempit, maka lebih utama di tanah lapang, kerana lebih nyata syiar Islam kalau semua berkumpul di satu tempat, daripada bercerai-cerai.

عَنْ أَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَخْرُجُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَالْأَضْحَى اِلَى الْمُصَلَّى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah keluar pada hari raya Fitri dan Adha ke tempat sembahyang, iaitu ke tanah lapang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ اَصَابَهُمْ مَطَرٌ فِى يَوْمِ عِيْدٍ فَصَلَّى بِهِمْ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى الْمَسْجِدِ.

رواه ابو داود والحاكم بسند ضعيف

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Pernah turun hujan pada suatu hari raya, maka Rasulullah s.a.w. sembahyang dengan kami di dalam masjid."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Hakim)

2. TIDAK DISUNATKAN AZAN DAN IQAMAT PADA DUA SEMBAHYANG HARI RAYA.

Dan tidak disyariatkan membaca iqamat atau azan bagi sembahyang hari raya itu, tetapi yang akan ganti iqamat ialah:

اَلصَّلَاةَ جَامِعَةً.

"Marilah sembahyang berjemaah (bersama-sama)."

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ اَلْعِيْدَيْنِ غَيْرَ مَرَّةٍ وَلَا مَرَّتَيْنِ بِغَيْرِ اَذَانٍ وَلَا اِقَامَةٍ.

رواه مسلم

"Dari Jabir bin Samurah r.a. ia berkata: Aku telah menghadiri sembahyang dua hari raya bersama Nabi s.a.w bukan sekali dua kali dengan tidak menyerukan azan dan tidak pula iqamat."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan yang lain menyatakan pula:

عَنِ الزُّهْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَأْمُرُ فِي الْعَيْدَيْنِ الْمُؤَذِّنَ فَيَقُوْلُ: اَلصَّلَاةُ جَامِعَةٌ.

رواه الشافعى

"Dari Az-Zuhri r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. memerintahkan muazzin pada dua hari raya, maka ia mengatakan: "الصلاة جامعة" ertinya: Marilah sembahyang bersama-sama.

(Diriwayatkan oleh Syafii).

Untuk mengikuti perbuatan Nabi s.a.w. maka hendaklah sembahyang hari raya itu dikerjakan sebelum membaca khutbah sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ وَأَبُوْ بَكْرٍ وَعُمَرَ يُصَلُّوْنَ الْعَيْدَيْنِ قَبْلَ الْخُطْبَةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar dan Umar melakukan sembahyang hari raya sebelum membaca khutbah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Bila sembahyang hari raya itu dikerjakan di tanah lapang, maka tidaklah disunatkan sembahyang sebelum mengerjakan sembahyang hari raya itu, kecuali bila diadakan di dalam masjid, maka sunat sembahyang dua rakaat sebagai sembahyang menghormati masjid (tahiyat masjid).

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى يَوْمَ الْعَيْدِ رَكْعَتَيْنِ لَمْ يُصَلِّ قَبْلَهُمَا وَلَا بَعْدَهُمَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah mengerjakan sembahyang hari raya dua rakaat, beliau tidak sembahyang sebelum itu dan tidak pula sesudahnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. SUNAT-SUNAT PADA DUA SEMBAHYANG HARI RAYA.

Pertama: Supaya sembahyang itu dikerjakan secara berjemaah, kerana mengikut perbuatan Nabi s.a.w.

Kedua: Supaya takbir seseorang tujuh kali di rakaat yang pertama sesudah doa iftitah, dan di rakaat yang kedua lima kali iaitu sesudah takbir berdiri, dan supaya seseorang mengangkat kedua tangannya sampai setentang dengan kedua bidang bahunya pada tiap-tiap kali membaca takbir itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ قَالَ: قَالَ نَبِيُّ اللهِ ﷺ: اَلتَّكْبِيْرُ فِي الْفِطْرِ سَبْعٌ فِي الْأُوْلَى وَخَمْسٌ فِي الْأُخْرَى وَالْقِرَآءَةُ بَعْدَهُمَا كِلْتَيْهِمَا.

رواه ابو داود

"Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya r.a. ia berkata: Bersabda Nabi Allah s.a.w.: "Takbir dalam sembahyang hari raya fitri tujuh kali di rakaat pertama dan lima kali di rakaat kedua dan bacaan sesudah tiap-tiap keduanya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dan dinakalkan (diceritakan) pula oleh Tirmizi dari Bukhari akan kesahihannya. Dan dikeluarkan pula oleh Ahmad dan Ali Ibnu Mudni, dan disahihkan oleh keduanya.

Berkata pengarang kitab *Al-Hadyun-Nabawi*: "Bahawasanya takbir iftitah termasuk ke dalam jumlah takbir yang tujuh itu. Tetapi tentang takbir itu ada dalil yang menyatakannya. Dan pada rakaat kedua lima kali takbir. Dan demikian pula, telah berfatwa segolongan sahabat dan lain-lain."

(Demikian Subulussalam).

Aku berkata, kata pengarang ini seterusnya: "Dan yang lebih dekat ialah boleh beramal dengan hadis ini kerana sesungguhnya,

walaupun ada tiap-tiap turaq (sanad hadisnya) tidak kuat benar, tetapi dapat menambah keterangan."

قَالَ الشَّافِعِيُّ: يُسْتَحَبُّ اَنْ يَقِفَ بَيْنَ كُلِّ تَكْبِيْرَةٍ مِنَ الزَّوَائِدِ قَدْرَ قِرَاءَةِ آيَةٍ لَا طَوِيْلَةٍ وَلَا قَصِيْرَةٍ يُهَلِّلُ اللهَ وَيُكَبِّرُهُ وَيُحَمِّدُهُ وَهُوَ يَقُوْلُ: سُبْحَانَ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَاللهُ اَكْبَرُ.

"Berkata Syafii: "Disunatkan supaya seseorang berhenti antara tiap-tiap dua takbir, dari takbir-takbir tambahan sekadar membaca yang tidak panjang dan tidak pula pendek untuk mensucikan nama Allah, membesarkan-Nya serta memuji-Nya, dan membaca: Amat suci Allah, dan segala puji-pujian bagi Allah dan tidak ada tuhan melainkan Allah, dan Allah Maha Besar."

Adapun yang dinamakan takbir tambahan, ialah takbir yang tujuh di rakaat pertama, sesudah takbiratul ihram, dan takbir yang lima di rakaat kedua sesudah takbir intiqal iaitu takbir bangun dari sujud. Semua takbir itu adalah sunat hukumnya, andaikata terlupa dalam sembahyang hari raya, tidaklah membatalkan sembahyang.

Ketiga: Disunatkan membaca surah "Hal-Ataka" pada rakaat pertama, dan surah "Sabbihisma Rabbikal-A'la" pada rakaat kedua, sesudah membaca Al-Fatihah.

عَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَقْرَأُ فِى الْعِيْدَيْنِ وَفِى الْجُمُعَةِ بِسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى وَهَلْ اَتَاكَ حَدِيْثُ الْغَاشِيَةِ وَاِذَا اجْتَمَعَ الْعِيْدُ وَالْجُمُعَةُ فِى يَوْمٍ وَاحِدٍ يَقْرَأُ بِهِمَا فِى الصَّلَاتَيْنِ. رواه مسلم

"Dari Nu'man bin Basyir r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. pada dua hari raya dan pada Jumaat, membaca Surah Al-A'la dan Surah Al-Ghasyiah. Dan Apabila berkumpul hari raya dan hari Jumaat pada suatu hari, dibacanya keduanya dalam masing-masing sembahyang itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keempat: Mendengarkan khutbah, ketika khatib telah berkhutbah sesudah sembahyang hari raya.

Kelima: Khutbah itu hendaknya dua, seperti khutbah Jumaat pula, dan pada khutbah yang pertama dibaca sembilan takbir, dan pada khutbah yang kedua tujuh takbir.

عَنْ عُبَيْدِ اللهِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: السُّنَّةُ اَنْ تُفْتَحَ الْخُطْبَةُ بِتِسْعِ تَكْبِيْرَاتٍ تَتْرَى وَالثَّانِيَةُ بِسَبْعِ تَكْبِيْرَاتٍ تَتْرَى.

رواه البيهقى

"Dari Ubaidillah r.a. ia berkata: Menurut sunah supaya khutbah dimulai dengan sembilan takbir berturut-turut dan khutbah yang kedua dengan tujuh takbir berturut-turut."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Menurut keterangan yang diriwayatkan oleh As-Syafii, dari Ubaidillah bin Abdillah bin Utban r.a. dinyatakan:
"Telah berkata Ubaidillah bin Abdillah: YANG SUNAT IALAH IMAM MEMBACA DUA KHUTBAH PADA DUA HARI RAYA, YANG BATAS ANTARA KEDUANYA DENGAN DUDUK."

Berkata Ibnu Qayyim: Hadis yang mengenai dua Khutbah di dua hari raya ini dapat dikuatkan dengan menqiaskan kepada khutbah sembahyang Jumaat.

(Demikian Nailul Autar).

Keenam: Mandi sebelum pergi berhari raya.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَغْتَسِلُ يَوْمَ عَرَفَةَ وَيَوْمَ الْفِطْرِ وَيَوْمَ النَّحْرِ.

رواه ابن ماجة والبزار ـ حديث ضعيف

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. mandi pada hari Arafah, pada hari raya Fitri dan pada hari raya Nahar (Adha).

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah Al-Bazzar).

Ketujuh: Membaca takbir bersama-sama, ketika telah keluar ke tanah lapang.

عَنْ عَبْدِ اللهِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يَخْرُجُ فِى

الْعَيْدَيْنِ مَعَ الْفَضْلِ ابْنِ عَبَّاسٍ وَعَبْدِ اللهِ بْنِ عَبَّاسٍ وَعَلِيٍّ وَجَعْفَرَ وَالْحَسَنِ وَالْحُسَيْنِ وَأُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ وَيَزِيْدَ بْنِ حَارِثَةَ وَاَيْمَنَ بْنِ أُمِّ اَيْمَنَ رَافِعًا صَوْتَهُ بِالتَّهْلِيْلِ وَالتَّكْبِيْرِ وَيَأْخُذُ طَرِيْقَ الْجَدَّادِيْنَ حَتَّى يَأْتِيَ الْمُصَلَّى. رواه البيقى

"Dari Abdullah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah keluar pada dua hari raya bersama Fadhal iaitu Ibnu Abbas, Abdullah bin Abbas, Ali, Jaafar, Hasan, Husain, Usamah bin Zaid, Yazid bin Harisah dan Aiman bin Ummi Aiman, dengan meninggikan (mengeraskan) suaranya membaca tahlil dan takbir, dan diambilnya jalan Jaddad (tukang-tukang mengambil buah korma) hingga sampai ia ke tempat sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Kelapan: Memakai pakaian yang sebagus-bagusnya.

عَنْ حَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَمَرَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِي الْعَيْدَيْنِ اَنْ نَلْبَسَ اَجْوَدَ مَا نَجِدُ وَاَنْ نَتَطَيَّبَ بِاَجْوَدِ مَا نَجِدُ وَاَنْ نُضَحِّيَ بِاَسْمَنِ مَا نَجِدُ. رواه ابن حبان والحاكم

"Dari Hasan bin Ali r.a. ia berkata: Kami telah diperintah oleh Rasulullah s.a.w. pada dua hari raya, supaya kami memakai pakaian yang sebaik-baiknya yang kami peroleh, dan supaya kami berharum-haruman dengan harum-haruman yang sebaik-baiknya yang kami peroleh dan supaya kami berkorban dengan segemuk-gemuknya binatang yang kami peroleh."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dan Hakim).

Kesembilan: Waktu akan kembali jangan melalui jalan yang sudah dilalui ketika akan pergi ke tempat sembahyang hari raya itu.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اَخَذَ يَوْمَ الْعَيْدِ فِي طَرِيْقٍ ثُمَّ رَجَعَ فِي طَرِيْقٍ أُخْرَى. رواه ابو داود

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah mengambil jalan keluar (untuk pergi) berhari raya di sesuatu jalan, kemudian beliau kembali di jalan yang lain."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Kesepuluh: Membaca takbir di rumah-rumah, di jalan-jalan, di masjid-masjid, di surau dan di pasar-pasar, mulai dari terbenam matahari di malam hari raya Fitri dan hari raya Adha dengan suara yang keras.

قَالَ اللهُ تَعَالَى: وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللهَ عَلَى مَا هَدٰكُمْ ❋

سورة البقرة أية ١٨٥

"Berfirman Allah Taala: "Hendaklah kamu sempurnakan bilangan puasamu, dan hendaklah kamu memuliakan Allah atas petunjuk-petunjuk yang telah diberikan-Nya kepada kamu."

(Surah Al-Baqarah, ayat: 185).

Dan takbir ini kalau dapat terus-menerus dibaca, hingga telah dimulai sembahyang, jika hari raya itu hari raya Fitri. Tetapi bila hari raya itu hari raya Adha, maka takbir itu kalau dapat diteruskan hingga sembahyang Asar di akhir hari Tasyrik (11,12,13 Zulhijah).

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَبَّرَ بَعْدَ صَلاَةِ الصُّبْحِ يَوْمَ عَرَفَةَ وَمَدَّ التَّكْبِيْرَ اِلَى عَصْرِ آخِرِ اَيَّامِ التَّشْرِيْقِ.

رواه البيهقى بسند ضعيف

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah membaca takbir sesudah sembahyang Subuh pada hari Arafah, dan dilanjutkannya takbir itu hingga waktu Asar di akhir hari Tasyrik."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Kesebelas: Makan sebelum pergi. Adapun di hari raya korban disunatkan makan, ialah sesudah kembali dari sembahyang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ لاَ يَخْرُجُ يَوْمَ

الْفِطْرِ حَتَّى يَطْعَمَ وَيَوْمَ النَّحْرِ لَا يَأْكُلُ حَتَّى يَرْجِعَ فَيَأْكُلُ مِنْ نَسِيْكَتِهِ.

رواه أحمد والترمذى بسند صحيح

"Dari Buraidah r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. tidak keluar di hari raya Fitri, hingga beliau makan lebih dahulu, dan pada hari raya Nahar (korban) beliau tidak makan sebelum kembali dari sembah-yang, lalu dimakannya daging korbannya."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Tirmizi).

4. KALIMAT-KALIMAT TAKBIR PADA DUA SEMBAHYANG HARI RAYA.

Adapun kalimat takbir ialah:

اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ اَللهُ اَكْبَرُ. لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ اَللهُ اَكْبَرُ. اَللهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

"Allah Maha besar, Allah Maha besar, Allah Maha besar. Tidak ada tuhan melainkan Allah dan Allah Maha besar. Allah Maha besar dan segala puji-pujian bagi Allah."

Dan sunat ditambah dengan:

اَللهُ اَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللهِ بُكْرَةً وَاَصِيْلًا لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَلَا نَعْبُدُ اِلَّا اِيَّاهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الدِّيْنَ وَلَوْكَرِهَ الْكَافِرُوْنَ. لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَحْدَهُ صَدَقَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَاللهُ اَكْبَرُ.

رواه مسلم وابو داود

"Allah Maha besar, sungguh sempurna besar. Segala puji bagi Allah, sungguh banyak sekali. Amat suci Allah pagi dan petang. Tidak ada tuhan melainkan Allah. Tak lain yang kami sembah melainkan Dia, kami sucikan agama itu kerana-Nya; sekalipun di-

benci oleh orang-orang kafir. Tidak ada tuhan melainkan Allah, Allah menepati janji-Nya, menolong hamba-Nya dan telah memburu kaum sekutu musyrikin dengan sendiri-Nya. Tidak ada tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB SEMBAHYANG MINTA HUJAN

Bila suatu kampung atau suatu daerah yang sudah keputusan air kerana musim kemarau atau waktu panas, sedang manusia, binatang ternak dan tanaman-tanaman sudah berhajat benar kepada air, maka disunatkan bagi pemimpin-pemimpin Islam atau alim-ulama dalam negeri itu untuk menyuruh manusia, laki-laki perempuan, tua muda, besar kecil, supaya mereka keluar bersama-sama untuk bersembahyang istisqak ke tanah lapang.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: شَكَا النَّاسُ اِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ قُحُوْطَ الْمَطَرِ فَاَمَرَ بِمِنْبَرٍ فَوُضِعَ لَهُ فِي الْمُصَلَّى وَوَعَدَ النَّاسَ يَوْمًا يَخْرُجُوْنَ فِيْهَا.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Pernah manusia mengadu kepada Rasulullah s.a.w. tentang keputusan hujan, maka Rasulullah memerintahkan mengambil mimbar (sebagai tempatnya), maka diletakkanlah baginya mimbar itu di tanah lapang dan dijanjikannya kepada manusia pada suatu hari supaya mereka keluar kepadanya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

1. CARA-CARA YANG DILAKUKAN UNTUK MINTA HUJAN.

Adapun sembahyang istisqak itu *sunat muakkad* hukumnya, ertinya perkerjaan sunat yang dituntut sekali dalam agama, bila datang musim kemarau sedang air telah putus. Adapun cara meminta hujan yang dilakukan Rasulullah s.a.w. ada bermacam-macam.

Di antaranya:

Pertama: Dikerjakan secara sembahyang dan berkhutbah di tanah lapang.

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ تَمِيْمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ خَرَجَ بِالنَّاسِ يَسْتَسْقِي فَصَلَّى بِهِمْ رَكْعَتَيْنِ جَهَرَ فِيْهِمَا بِالْقِرَاءَةِ وَرَفَعَ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ وَحَوَّلَ رِدَاءَهُ وَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ وَاسْتَسْقَى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ubadah bin Tamim r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah keluar dengan manusia berdoa meminta hujan, maka beliau mengerjakan sembahyang dua rakaat dengan mereka, pada keduanya dijaharkan pembacaannya dan diangkat kedua tangannya seten-tang bidang bahunya, dan diputar kain serbannya lalu menghadap ke kiblat sambil meminta hujan." (Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

قَالَ صَاحِبُ الْبِدَايَةِ: قَالَ اِبْنُ الْمُنْذِرِ: ثَبَتَ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ صَلَّى صَلَاةَ الْاِسْتِسْقَاءِ وَخَطَبَ.

"Berkata pengarang kitab Bidayah: Berkata Ibnu Munzir: Tetap ada keterangan, bahawa Rasulullah s.a.w. pernah sembahyang istisqak dan berkhutbah."

Kedua: Dikerjakannya dengan cara berdoa saja di pertengahan khutbah Jumaat.

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا دَخَلَ الْمَسْجِدَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَرَسُوْلُ اللهِ ﷺ قَائِمٌ يَخْطُبُ فَاسْتَقْبَلَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَائِمًا ثُمَّ قَالَ يَا رَسُوْلَ اللهِ هَلَكَتِ الْأَمْوَالُ وَانْقَطَعَتِ السُّبُلُ فَادْعُ اللهَ يُغِيْثُنَا قَالَ فَرَفَعَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَدَيْهِ ثُمَّ قَالَ: اَللّٰهُمَّ اَغِثْنَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. bahawasanya pernah masuk seorang laki-laki ke dalam masjid pada hari Jumaat sedang Rasulullah s.a.w. tegak

berkhutbah, maka laki-laki itu mengadap Rasulullah s.a.w. sambil berdiri, kemudian berkata: Ya Rasulullah! Telah banyak harta benda yang rosak, dan jalan telah putus, maka berdoalah kepada Allah, supaya menurunkan hujan kepada kita. Berkata Anas: Maka Rasulullah s.a.w. mengangkat kedua tangannya kemudian berdoa: Ya Allah! Turunkanlah hujan kepada kami."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Ketiga: Dikerjakan istisqak itu dengan cara berdoa saja, iaitu doa yang khusus untuk istisqak, tanpa mengerjakan sembahyang atau berkhutbah.

عَنْ أَبِى اللَّحْمِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ رَأَى رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عِنْدَ اَحْجَارِ الزَّيْتِ يَسْتَسْقِى وَهُوَ مُقْنِعٌ بِكَفَّيْهِ يَدْعُوْ .

رواه الترمذى وابو داود ـ حسن صحيح

"Dari Abu Lahm r.a. Bahawasanya ia pernah melihat Rasulullah s.a.w. di dekat Hajar Zait (satu tempat di Madinah) supaya hujan turun, sambil beliau mengangkat kedua belah telapak tangannya sambil berdoa."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Abu Daud).

Adapun sembahyang istisqak itu hanyalah dua rakaat, sebagaimana diterangkan di atas tadi. Sedang cara mengerjakan sembahyang istiqak itu, seperti mengerjakan sembahyang dua hari raya juga; iaitu supaya dibaca takbir 7 kali di rakaat yang pertama, dan 5 kali di rakaat yang kedua.

2. KELUAR BERSAMA ANAK-ANAK ORANG TUA DAN BINATANG TERNAK KE TANAH LAPANG.

Bila sembahyang istisqak hendak diadakan di tanah lapang dan sebagainya maka sedapat-dapatnya kita bawa pula anak-anak kecil, orang tua dan binatang-binatang ternak, kerana semua mereka adalah makhluk yang lemah, yang lebih menghajatkan air.

عَنْ اِبْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِىْ وَقَاصٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: هَلْ تُنْصَرُوْنَ وَتُرْزَقُوْنَ اِلاَّ بِضُعَفَائِكُمْ.

رواه البخارى ـ حديث مرسل

"Dari Ibnu Saad bin Abi Waqas r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Kamu tak dapat diberi pertolongan dan kamu belum diberi rezeki melainkan bersama-sama dengan kamu yang lemah daripada kamu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dan keterangan lain ada pula menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ لَوْلاَ رِجَالٌ رُكَّعٌ وَصِبْيَانٌ رُضَّعٌ وَبَهَائِمُ رُتَّعٌ لَصُبَّ عَلَيْكُمُ الْعَذَابُ صَبًّا.

رواه البزار والبيهقى ـ حديث ضعيف

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Kalau tidaklah ada orang tua yang telah bongkok dan anak-anak bayi yang masih menetek, dan binatang-binatang ternak yang memamah biak, nescaya akan diturunkan kepadamu seksaan dengan sempurna."

(Diriwayatkan oleh Al-Bazzar dan Baihaqi).

Suatu riwayat dari Nabi Allah Sulaiman a.s. yang menerangkan.

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: خَرَجَ سُلَيْمَانُ يَسْتَسْقِي فَرَأَى نَمْلَةً مُسْتَلْقِيَةً عَلَى ظَهْرِهَا رَافِعَةً قَوَائِمَهَا إِلَى السَّمَاءِ تَقُوْلُ: اَللّٰهُمَّ إِنَّا خَلْقٌ مِنْ خَلْقِكَ لَيْسَ بِنَا غِنًى عَنْ سُقْيَاكَ. فَقَالَ: اِرْجِعُوْا فَقَدْ سُقِيْتُمْ بِدَعْوَةِ غَيْرِكُمْ.

رواه الحاكم وأحمد بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Pernah Nabi Sulaiman keluar meminta hujan, lalu dilihatnya seekor semut menelentang (di atas belakangnya) mengangkatkan kakitangannya ke langit sambil berdoa: Ya Allah kami adalah sebangsa makhluk dari makhluk Engkau, tidaklah cukup untuk kami pengairan Engkau. Maka berkata Nabi Sulaiman: Kembalilah kamu

ke lubangmu, sungguhnya kamu akan diberi air kerana doa temanmu yang lain."

(Diriwayatkan oleh Hakim dan Ahmad).

Dan disunatkan supaya jangan memakai pakaian yang bagus-bagus ketika hendak pergi ke tanah lapang, tetapi pakailah pakaian yang biasa dipakai sehari-hari seperti perbuatan Nabi s.a.w.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ خَرَجَ مُتَبَذِّلاً مُتَوَاضِعًا مُتَضَرِّعًا حَتَّى اَتَى الْمُصَلَّى.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah keluar dengan pakaian biasa tunduk dan berhina diri, hingga sampai ke tanah lapang (tempat sembahyang)."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

3. KHUTBAH SEMBAHYANG ISTISQAK (MINTA HUJAN).

Bila sembahyang istisqak itu telah dikerjakan dua rakaat, maka hendaklah khatib membaca khutbah, yang lebih utama supaya berdiri di atas mimbar atau di atas tempat yang tinggi. Jika di dalam khutbah hari raya dibaca beberapa takbir berturut-turut di awalnya, maka di dalam khutbah istisqak takbir itu diganti dengan kalimat istighfar, iaitu:

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الَّذِى لاَ اِلٰهَ اِلاَّ هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ وَاَتُوْبُ إِلَيْهِ.

"Minta ampun aku kepada Allah, tidak ada tuhan melainkan Dia, yang hidup lagi berdiri dan aku taubat kepada-Nya."

Sembilan kali dibaca pada khutbah yang pertama, dan tujuh kali pada yang kedua.

Dan disunatkan dalam khutbah itu banyak membaca ayat.

اِسْتَغْفِرُوْا رَبَّكُمْ اِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا * يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِّدْرَارًا * وَّيُمْدِدْكُمْ بِاَمْوَالٍ وَّبَنِيْنَ وَيَجْعَلْ لَّكُمْ جَنَّاتٍ وَّيَجْعَلْ لَّكُمْ اَنْهَارًا

سورة نوح أية ١٢ - ١٠

"Minta ampunlah kamu kepada Allah, Tuhanmu, sesungguhnya Ia sangat pengampun, nanti diturunkan Allah kepadamu hujan lebat dan dikurniakan-Nya kepadamu harta benda dan anak cucu, dan dijadikan kebun-kebun untukmu dan dijadikan-Nya pula untukmu sungai-sungai."

(Al-Quran surah Nuh, ayat 10 – 12).

Adapun rukun-rukun dan syarat khutbah itu sama juga dengan khutbah Jumaat, atau khutbah dua hari raya.

4. MEMBALIKKAN SERBAN ATAU SONGKOK.

Menurut keterangan yang sahih, bahawa khutbah itu hanya sekali saja, tidak seperti khutbah Jumaat dan sebagainya. Bila khatib membaca doa maka hendaklah ia menghadapkan mukanya ke kiblat, sambil membalikkan kain serban yang dipakainya dan lain-lain. Pinggir yang di atas dibalikkan ke bawah dan yang di bawah ditarik ke atas, begitu pula yang di kanan diputar ke kiri dan yang sebelah kiri dihela ke kanan.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ خَرَجَ إِلَى الْمُصَلَّى يَسْتَسْقِى فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ وَدَعَا وَحَوَّلَ رِدَاءَهُ وَجَعَلَ الْأَيْمَنَ عَلَى الْأَيْسَرِ وَالْأَيْسَرَ عَلَى الْأَيْمَنِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abdullah bin Zaid, bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah keluar ke tanah lapang meminta hujan, lalu beliau menghadap ke kiblat sambil berdoa dan memutar kain serbannya, dan meletakkan yang kanan di sebelah kiri dan yang kiri ke sebelah kanan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan disunatkan pula orang-orang yang hadir membalikkan kain kepalanya, kalau mereka tak berkain kepala, apa yang lekat pada mereka, seperti baju atau songkok dan sebagainya.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ حِيْنَ يَسْتَسْقِى تَحَوَّلَ إِلَى الْقِبْلَةِ وَحَوَّلَ رِدَاءَهُ وَقَلَّبَهُ ظَهْرًا لِبَطْنٍ وَتَحَوَّلَ النَّاسُ مَعَهُ.

رواه الامام أحمد بن حنبل

"Dari Abdullah bin Zaid bahawa Rasulullah s.a.w. ketika meminta hujan beliau berpaling ke arah kiblat dan memutar kain serbannya dan dibalikkan yang luar ke dalam, dan orang ramai pun turut memutar pula bersama beliau.

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hambal).

Akan tetapi bila seseorang hendak membaca dua khutbah seperti khutbah sembahyang Jumaat, maka disunatkan baginya menghadap ke kiblat ketika membaca doa di khutbah yang kedua itu.

Berkata pengarang kitab "An-Nihayah:" Apabila seseorang telah menghadap kiblat untuk berdoa pada khutbah yang pertama, tidaklah boleh ia mengulang pada khutbah yang kedua.

5. DOA ISTISQAK (MINTA HUJAN).

Bila doa minta ampun bagi kaum mukmin laki-laki dan perempuan telah dibaca, maka baca pulalah doa ini:

اَللّٰهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مُغِيْثًا هَنِيْئًا مَرِيْئًا غَدَقًا مُجَلِّلاً طَبَقًا سَحًّا دَائِمًا. اَللّٰهُمَّ اسْقِنَا الْغَيْثَ وَلاَ تَجْعَلْنَا مِنَ الْقَانِطِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا بِالْعِبَادِ وَالْبِلاَدِ مِنَ الْجُهْدِ وَالْجُوْعِ وَالضَّنْكِ مَا لاَ نَشْكُوْ اِلاَّ اِلَيْكَ. اَللّٰهُمَّ اَنْبِتْ لَنَا الزَّرْعَ وَاَدِرَّ لَنَا الضَّرْعَ وَاسْقِنَا مِنْ بَرَكَاتِ السَّمَاءِ وَاَنْبِتْ لَنَا مِنْ بَرَكَاتِ الْاَرْضِ وَاكْشِفْ عَنَّا مِنَ الْبَلاَءِ مَا لاَ يَكْشِفُهُ غَيْرُكَ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْتَغْفِرُكَ كُنْتَ غَفَّارًا فَارْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْنَا مِدْرَارًا.

"Ya Allah! turunkanlah kepada kami hujan yang lebat, yang menyenangkan, memuaskan, yang bening jernih, melengkapi, lagi mencukupi, yang mengalir selama-lamanya. Ya Allah! Turunkanlah kepada kami hujan yang lebat, dan janganlah Engkau jadikan kami menjadi orang yang putus asa. Ya Allah! Sesungguhnya kami berserta segala hamba dan negeri sedang kepayahan dan kelaparan, serta kesempitan dalam kehidupan, iaitu mengalami suatu cubaan yang tak dapat kami adukan, melainkan kepada Engkau. Ya Allah! Tumbuhkanlah untuk kami tanaman-tanaman, dan penuhkanlah

untuk kami air tetek (susu) dan turunkanlah sesuatu kepada kami dari keberkatan langit. Dan tumbuhkanlah sesuatu untuk kami dari keberkatan bumi. Dan tolaklah dari kami segala macam bala, tidak seorang juga yang dapat menolak bala itu selain Engkau sendiri. Ya Allah! Sesungguhnya kami minta ampun kepada Engkau; sesungguhnya adalah Engkau Maha Pengampun, maka utuslah langit (awan) itu untuk membawakan hujan kepada kami."

Demikianlah doa yang akan dibaca ketika beristisqak sebagaimana yang dibuatnya oleh Nabi Muhammad s.a.w.

6. MEMBALIKKAN DUA TELAPAK TANGAN.

Dan disunatkan ketika membaca doa itu, membalikkan telapak tangan (belakang tangan dihadapkan ke langit) kerana mengikut perbuatan Nabi s.a.w.

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اِسْتَسْقَى فَأَشَارَ بِظَهْرِ كَفَّيْهِ إِلَى السَّمَاءِ.

رواه مسلم

"Dari Anas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah beristisqak, lalu diisyaratkan belakang tangannya ke langit."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB SEMBAHYANG GERHANA

1. ERTI GERHANA.

Gerhana, ertinya hilang atau berkurang cahaya. Adapun gerhana itu terjadinya, ialah bila ada matahari, bumi dan bulan dalam perjalanannya sama-sama terletak pada garis lurus.

Bila kita kembali sebentar kepada pelajaran ilmu bumi, ingatlah kita, bahawa bumi itu berjalan di sekeliling matahari, sedang bulanpun berjalan pula di keliling bumi; perjalanan bumi dan bulan itu keduanya mengelilingi matahari.

Lalu terbayang pula dalam ingatan kita, bahawa bulan itu kadang-kadang berada pula di antara bumi dan matahari, atau bumi yang kadang-kadang ada antara bulan dan matahari. Jika bulan yang berada antara bumi dan matahari, maka sebahagian cahaya matahari tertutup oleh bulan; maka ketika itu datanglah gelap (gerhana), di bahagian yang setentang dengan sengangar (sinar) matahari yang tertutup dari dataran bumi itu.

Kejadian itu dinamakan gerhana matahari; dan gerhana matahari ini tidak terjadi melainkan pada siang hari. Dan bila bumi yang berada antara bulan dan matahari, maka sebahagian cahaya matahari tertutup oleh bumi; terjadilah gelap ketika itu, di bahagian yang setentang dengan cahaya bulan. Tentang gerhana yang terjadi itu adakalanya hanya sebahagian saja yang tertutup dan adakalanya seluruhnya. Dan gerhana bulan terjadi pada waktu malam. Adapun lama gerhana, iaitu selama gelap hingga datang cahaya kembali.

Adapun kebiasaannya terjadi gerhana itu di awal atau di ahkir bulan Arab. Bila gerhana-gerhana itu telah terjadi, maka disunatkan bagi umat Islam yang melihatnya mengerjakan sembahyang dua rakaat, dengan niat sembahyang gerhana.

2. CARA MENGERJAKAN SEMBAHYANG GERHANA.

Sekurang-kurangnya, supaya dibaca Al-Fatihah hingga akhirnya sesudah takbiratul ihram kemudian rukuk, lalu berdiri lantas baca pula Al-Fatihah sekali lagi, kemudian rukuk sekali lagi, lalu iktidal, kemudian sujud, lalu berdiri kembali ke rakaat kedua, dan perbuatlah seperti dilakukan di rakaat yang pertama.

عَنِ الْمُغِيْرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
اِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ اٰيَتَانِ مِنْ اٰيَاتِ اللهِ لَا يَنْكَسِفَانِ لِمَوْتِ اَحَدٍ
وَلَا لِحَيَاتِهِ فَاِذَا رَأَيْتُمُوْهُمَا فَادْعُوْا اللهَ وَصَلُّوْا حَتَّى تَنْكَشِفَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Mughirah bin Syu'bah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesungguhnya matahari dan bulan keduanya adalah tanda dari tanda-tanda kebesaran Allah, tidaklah terjadi gerhana, kerana matinya seseorang dan tidak pula kerana hidupnya (lahirnya), apabila kamu telah melihatnya, maka berdoalah kepada Allah dan sembahyanglah kamu hingga ia terang kembali."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan yang lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ بَكْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ مِثْلَ

صَلاَتِكُمْ هٰذِهِ وَذَكَرَ كُسُوْفَ الشَّمْسِ.

رواه النسائى

"Dari Abu Bakrah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah sembahyang dua rakaat, seperti sembahyang kamu ini dan beliau sebutkan gerhana matahari."

(Diriwayatkan oleh Nasai).

Sebagai ganti iqamat, maka disunatkan membaca:

اَلصَّلاَةُ جَامِعَةٌ.

"Marilah sembahyang berjemaah."

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَاَمَرَ رَجُلاً اَنْ يُنَادِيَ: اَلصَّلاَةُ جَامِعَةٌ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Pernah terjadi gerhana matahari semasa Rasulullah s.a.w. lalu beliau disuruhnya seseorang supaya menyerukan "الصلاة جامعة"

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun yang lebih sempurna, ialah supaya dilakukan sembahyang gerhana itu seperti keterangan di bawah ini:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اِنْخَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَصَلَّى فَقَامَ قِيَامًا طَوِيْلاً نَحْوًا مِنْ قِرَاءَةِ سُوْرَةِ الْبَقَرَةِ ثُمَّ رَكَعَ رُكُوْعًا طَوِيْلاً ثُمَّ رَفَعَ فَقَامَ قِيَامًا طَوِيْلاً وَهُوَ دُوْنَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ ثُمَّ رَكَعَ رُكُوْعًا طَوِيْلاً وَهُوَ دُوْنَ الرُّكُوْعِ الْأَوَّلِ ثُمَّ سَجَدَ ثُمَّ قَامَ قِيَامًا طَوِيْلاً وَهُوَ دُوْنَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ ثُمَّ رَكَعَ رُكُوْعًا طَوِيْلاً وَهُوَ دُوْنَ الرُّكُوْعِ الْأَوَّلِ ثُمَّ رَفَعَ فَقَامَ قِيَامًا

طَوِيْلًا وَهُوَ دُوْنَ الْقِيَامِ الْأَوَّلِ ثُمَّ رَكَعَ رُكُوْعًا طَوِيْلًا وَهُوَ دُوْنَ الرُّكُوْعِ الْأَوَّلِ ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ ثُمَّ سَجَدَ ثُمَّ اِنْصَرَفَ وَقَدْ إِنْجَلَّتِ الشَّمْسُ فَخَطَبَ النَّاسَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah terjadi gerhana matahari semasa Rasulullah s.a.w. lalu beliau sembahyang, maka beliau berdiri agak lama, selama membaca surah Al-Baqarah, kemudian beliau rukuk, rukuk yang agak lama pula, kemudian beliau bangkit berdiri kembali, berdiri yang agak lama pula, tetapi tidak selama berdiri yang mula-mula, kemudian beliau rukuk, rukuk yang agak lama juga tetapi tidak selama rukuk yang mula-mula; kemudian beliau sujud, kemudian beliau berdiri, berdiri yang agak lama, tetapi tidak selama rukuk yang pertama; kemudian beliau bangkit lalu berdiri, berdiri agak lama; tetapi tidak pula selama berdiri yang pertama, kemudian beliau rukuk, rukuk yang agak lama juga, tetapi tidak selama rukuk yang mula-mula; kemudian diangkatnya kepalanya kemudian beliau sujud lalu berpaling, dan sesungguhnya matahari telah kelihatan kembali; lalu Nabi berkhutbah kepada yang hadir."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan dalam hadis Jabir ada tersebut:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَسَفَتِ الشَّمْسُ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَصَلَّى سِتَّ رَكَعَاتٍ بِأَرْبَعِ سَجَدَاتٍ.

رواه احمد ومسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah terjadi gerhana matahari di zaman Rasulullah s.a.w. lalu beliau sembahyang enam kali rukuk (dalam dua rakaat) dengan empat kali sujud."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. MACAM-MACAM CARA MENGERJAKAN SEMBAHYANG GERHANA.

Dengan keterangan-keterangan yang telah disebutkan di atas, dapatlah difahami, bahawa sembahyang sunat gerhana itu boleh dilakukan dengan tiga cara iaitu:

Pertama: Dilakukan sebagai sembahyang biasa, sebanyak dua rakaat, tiap-tiap satu rakaat satu kali rukuk, dan dua kali sujud, sebagaimana keterangan dalam hadis Abu Bakrah riwayat An-Nasai

Kedua: Dikerjakan sebanyak dua rakaat, pada tiap-tiap satu rakaat dua kali rukuk dan satu kali sujud, sebagaimana keterangan hadis Ibnu Abbas riwayat Bukhari Muslim. Dan dengan cara ini yang diambil oleh Imam Syafii, Malik, Ahmad, dan lain-lainnya.

Ketiga: Dikerjakan sebanyak dua rakaat, pada tiap-tiap satu rakaat tiga kali rukuk dan dua kali sujud, sebagaimana keterangan hadis Jabir riwayat Muslim.

Di dalam hadis lain pada riwayat Muslim dari Ibnu Abbas dinyatakan pula, bahawa sembahyang gerhana itu dilakukan Rasulullah s.a.w. sebanyak dua rakaat, pada tiap-tiap satu rakaat empat kali rukuk dan dua kali sujud. Dengan menambah keterangan ini maka sembahyang kusuf dapat dilakukan dengan empat cara.

Keterangan dalam kitab Subulussalam.

Berkata satu golongan Muhaqqiqin: "Bahawasanya seseorang boleh memilih antara macam-macam cara sembahyang kusuf itu. Maka yang mana saja ia buat, sesungguhnya itu adalah baik. Iaitu kalau kusuf itu andaikata berulang-ulang kali. Dan seseorang boleh membuat cara yang begini satu kali dan cara yang begini dikali yang lain. Akan tetapi yang tahqiq (yang jelas), bahawasanya semua riwayat itu adalah hikayat (cerita) dari kejadian yang satu iaitu sembahyang Rasulullah s.a.w. pada hari wafatnya Ibrahim (puteranya). Seterusnya ditambahkan keterangan itu: Berkata Ibnu Qayyim: "Imam-imam Mujtahid yang besar-besar tidak mensahihkan bilangan cara melakukan sembahyang kusuf itu, seperti Imam Ahmad, Bukhari dan Syafii. Dan mereka berpendapat, bahawa cara yang berbilang itu adalah salah. Berfatwa ulama Hanafiah: "Bahawasanya sembahyang itu dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. sebanyak dua rakaat seperti mengerjakan sekalian sembahyang sunat."

4. MENJAHARKAN DALAM SEMBAHYANG GERHANA BULAN.

Dalam melakukan sembahyang gerhana bulan, disunatkan menjaharkan pembacaan seperti ada keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: جَهَرَ النَّبِيُّ ﷺ فِى صَلَاةِ الْخُسُوْفِ بِقِرَاءَتِهِ. رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a ia berkata: Nabi s.a.w. telah menjahar pembacaannya dalam sembahyang gerhana bulan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun dalam sembahyang gerhana matahari tidak disunatkan menjahar padanya. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ سَمُرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى بِنَا النَّبِيُّ ﷺ فِى كُسُوْفٍ لَا نَسْمَعُ لَهُ صَوْتًا.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Samurah r.a. ia berkata: Pernah sembahyang dengan kami Nabi s.a.w. dalam gerhana matahari yang kami tak mendengar suara beliau."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

5. KHUTBAH SESUDAH SEMBAHYANG GERHANA

Bila sembahyang gerhana telah selesai dikerjakan, maka disunatkan pula berkhutbah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَسْمَاءَ بِنْتِ اَبِيْ بَكْرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا فِى صَلَاةِ الْكُسُوْفِ قَالَتْ: فَانْصَرَفَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ وَقَدْ تَجَلَّتِ الشَّمْسُ فَخَطَبَ فَحَمِدَ اللهَ بِمَا هُوَ اَهْلُهُ ثُمَّ قَالَ: اَمَّا بَعْدُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Asma' binti Abu Bakar r.a. dalam perkara sembahyang gerhana matahari ia berkata: Maka berpaling Rasulullah s.a.w. dan sungguh matahari telah terang kembali, lalu beliau berkhutbah, beliau pun memuji Allah, menurut aturan-aturan khutbah khusuf itu, kemudian beliau berkata":
Adapun kemudian.....

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

BAB SEMBAHYANG TARAWIH

1. ERTI SEMBAHYANG TARAWIH DAN KEUTAMAANNYA.

Sembahyang tarawih ertinya, sembahyang bersenang-senang. Adapun waktunya melakukan sembahyang tarawih itu, ialah dalam bulan Ramadan tiap-tiap tahun sesudah mengerjakan sembahyang Isyak. Sembahyang tarawih itu sangat sekali dituntut oleh agama Islam, kerana keutamaan-keutamaannya, dan tarawih itu adalah ibadah yang paling utama di malam hari bulan Ramadan itu:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْـهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ اِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Sesiapa yang mendirikan ibadat dengan beriman dan dengan perhitungan di bulan Ramadan, diampuni Allah dosanya yang telah terdahulu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dalam sebuah hadis lain ditambahkan:

عَنْ أَبِىْ ذَرٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صُمْنَا مَعَ النَّبِيِّ ﷺ رَمَضَانَ فَلَمْ يَقُمْ بِنَا شَيْئًا مِنَ الشَّهْرِ حَتَّى بَقِىَ سَبْعٌ فَقَامَ بِنَا حَتَّى ذَهَبَ ثُلُثُ اللَّيْلِ فَلَمَّا كَانَتِ السَّادِسَةُ لَمْ يَقُمْ بِنَا فَلَمَّا كَانَتِ الْخَامِسَةُ قَامَ بِنَا حَتَّى ذَهَبَ شَطْرُ اللَّيْلِ فَقُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ لَوْ نَفَلْتَنَا قِيَامَ هٰذِهِ اللَّيْلَةِ فَقَالَ: إِنَّ الرَّجُلَ اِذَا صَلَّى مَعَ الْاِمَامِ حَتَّى يَنْصَرِفَ حُسِبَ لَهُ قِيَامَ اللَّيْلَةِ قَالَ: فَلَمَّا كَانَتِ الرَّابِعَةُ لَمْ يَقُمْ فَلَمَّا كَانَتِ الثَّالِثَةُ جَمَعَ أَهْلَهُ وَنِسَاءَهُ وَالنَّاسَ فَقَامَ بِنَا حَتَّى

خَشِيْنَا أَنْ يَفُوْتَنَا ا، ٰحَ قُلْتُ: وَمَا الْفَلَاحُ؟ قَالَ: اَلسَّحُوْرُ ثُمَّ لَمْ يَقُمْ بِنَا بَقِيَّةَ الشَّهْرِ. رواه اصحاب السنن

"Dari Abu Zarr r.a. ia berkata: Pernah kami berpuasa bersama Nabi s.a.w., tetapi beliau tidak mendirikan sesuatu apa dengan kami di bulan itu, hingga tinggal lagi tujuh malam. Lalu beliau berdiri (menghidupkan malam Ramadan) dengan kami, hingga lewat sepertiga malam. Maka tatkala ada tinggal malam keenam, beliau tidak berdiri lagi dengan kami. Maka tatkala ada malam kelima (tinggal lima malam lagi), beliau berdiri dengan kami, hingga lewat setengah malam. Lalu aku berkata: Ya, Rasulullah alangkah baiknya, kalau kita penuhi saja malam ini dengan cara berbuat yang sunat-sunat. Lalu beliau bersabda: Sesungguhnya seorang laki-laki, bila ia telah sembahyang bersama Imam, hingga ia berpaling, dihitungkan baginya menghidupkan malam. Ia berkata: Maka tatkala ada malam keempat (empat malam yang tinggal), beliau tidak berdiri lagi dengan kami. Waktu ada malam ketiga (tiga malam yang tinggal), beliau kumpulkan keluarganya dan isterinya dan orang-orang lainnya, lalu beliau berdiri dengan kami, hingga kami khuatir, bahawa **"falah"** *akan luput dari kami. Aku bertanya: Apakah falah itu? Ia menjawab: Makan sahur. Kemudian beliau tidak berdiri lagi dengan kami pada penghabisan bulan."*

(Riwayat As-Habussunan).

Dalam hadis dari Aisyah ditambahkan, menurut riwayat Bukhari dan Muslim, kata Rasulullah: *"Sesungguhnya tidak tersembunyi bagiku tempatmu di masjid itu (kerana Rasulullah tidak datang), tetapi aku khuatir, kalau sembahyang ini diwajibkan Allah pula nanti ke atasmu, sehingga kamu lemah mengerjakannya."*

Sebaik-baiknya sembahyang tarawih itu dikerjakan dengan berjemaah.

عَنْ عَرْفَجَةَ الثَّقْفِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ عَلِيُّ بْنُ اَبِيْ طَالِبٍ يَأْمُرُهُمْ بِقِيَامِ شَهْرِ رَمَضَانَ وَيَجْعَلُ لِلرِّجَالِ اِمَامًا وَلِلنِّسَاءِ فَكُنْتُ اَنَا اِمَامُ النِّسَاءِ.

رواه البيهقى

"Dari Arfajah As-Saqfi r.a. ia berkata:, Pernah Ali bin Abu Talib menyuruh mereka mengerjakan sembahyang tarawih di bulan Ramadan dan diangkatnya bagi kaum laki-laki seorang imam dan untuk kaum perempuan akulah yang menjadi imamnya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Tarawih dalam 20 rakaat itu ialah 5 kali tarawih. Dan boleh dilakukan sendiri-sendiri.

2. BILANGAN RAKAAT SEMBAHYANG TARAWIH.

Adapun tentang banyak rakaat sembahyang tarawih itu bermacam-macam pendapat ulama: Menurut mazhab imam Syafii dan Hanafi serta sahabat-sahabatnya, bahawa sembahyang tarawih itu banyaknya 20 rakaat, dengan sepuluh kali salam serta witir. Jadi tiap-tiap dua rakaat satu salam, dan tiap-tiap empat rakaat satu kali tarawih. Maka jumlah tarawih dalam 20 rakaat itu ialah 5 x tarawih.

Menurut mazhab imam Maliki, sembahyang tarawih itu banyaknya 36 rakaat, dengan sembilan kali tarawih, selain witir. Diceritakan orang pula, bahawa Aswad bin Mazid pernah dia mendirikan sembahyang tarawih sebanyak 40 rakaat dan witirnya tujuh rakaat.

(Demikian keterangan kitab Al-Majmuk).

Selain daripada itu ada juga ulama mengatakan, bahawa sembahyang tarawih itu hanya lapan rakaat, serta dua kali tarawih, selain witir. Di zaman Nabi s.a.w. sembahyang itu belum dinamakan sembahyang tarawih, tetapi baru dinamakan *Qiam Ramadan,* ertinya mendirikan ibadat dalam bulan Ramadan.

Tetapi baru sepeninggal Nabi, sembahyang itu dinamakan sembahyang tarawih. Adapun sebab-sebabnya dinamakan tarawih kerana orang-orang Mekah dahulunya sepeninggal Nabi mengerjakan sembahyang tarawih itu, bila mereka telah sembahyang empat rakaat dengan dua salam, lalu mereka bersenang-senang sebagai beristirahat dengan mengelilingi Kaabah sambil membaca tasbih dan takbir. Oleh sebab itu dinamakanlah sembahyang itu dengan sembahyang tarawih, ertinya sembahyang bersenang-senang.

Dalam hadis-hadis Nabi, tidaklah terdapat kata-kata tarawih itu melainkan yang ada ialah kata-kata "Qiam Ramadan" ertinya mendirikan ibadat bulan Ramadan.

3. DALIL-DALIL UNTUK MENETAPKAN JUMLAH RAKAAT SEMBAHYANG TARAWIH

Adapun alasan-alasan untuk penetapkan bilangan rakaat sembahyang tarawih itu ada bermacam-macam. Di antaranya hadis Siti Aisyah r.a. yang bunyinya sebagai berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ مَا كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَزِيْدُ فِى رَمَضَانَ وَلاَ فِى غَيْرِهِ عَلَى اِحْدَى عَشَرَةَ رَكْعَةً يُصَلِّى اَرْبَعًا فَلاَ تَسْئَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُوْلِهِنَّ ثُمَّ يُصَلِّى اَرْبَعًا فَلاَ تَسْئَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُوْلِهِنَّ ثُمَّ يُصَلِّى ثَلاَثًا فَقُلْتُ يَا رَسُوْلَ اللهِ اَتَنَامُ قَبْلَ اَنْ تُوْتِرَ قَالَ: يَا عَائِشَةُ إِنَّ عَيْنَيَّ تَنَامَانِ وَلاَ يَنَامُ قَلْبِيْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Tidaklah ada Rasulullah s.a.w. menambahi sembahyang di dalam bulan Ramadan dan tidak pula di lainnya atas sebelas rakaat, yang dikerjakannya sembahyang itu empat rakaat, maka janganlah engkau tanya tentang bagus dan panjangnya sembahyang itu, kemudian dikerjakannya pula empat rakaat, maka janganlah engkau tanya tentang bagus dan panjangnya sembahyang itu, kemudian beliau kerjakan pula tiga rakaat, lalu aku bertanya: Ya Rasulullah, apakah engkau tidur sebelum engkau witir? Nabi menjawab: Ya Aisyah, sesungguhnya dua mataku tertidur tetapi hatiku tidak tidur."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan kedua, ialah hadis As-Saib bin Yazid yang bunyinya sebagai berikut:

عَنِ السَّائِبِ بْنِ يَزِيْدِ الصَّحَابِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانُوْا يَقُوْمُوْنَ عَلَى عَهْدِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فِى شَهْرِ رَمَضَانَ بِعِشْرِيْنَ رَكْعَةً.

رواه البيهقى

"Dari Saib bin Yazid As-Sahabi r.a. ia berkata: Pernah mereka mendirikan ibadat pada malam bulan Ramadhan di zaman Umar bin Khattab r.a. dengan sembahyang dua puluh rakaat."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Dan ditambah pula dengan hadis Yazid bin Rauman yang bunyinya seperti di bawah ini:

عَنْ يَزِيْدِ بْنِ رُوْمَانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّاسُ يَقُوْمُوْنَ فِى زَمَانِ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فِى رَمَضَانَ بِثَلَاثٍ وَعِشْرِيْنَ رَكْعَةً.

رواه مالك فى الموطأ

"Dari Yazid bin Rauman r.a. ia berkata: Pernah manusia mendirikan ibadat di bulan Ramadan di zaman Umar bin Khattab r.a. dengan sembahyang dua puluh tiga rakaat."

(Diriwayatkan oleh Malik dalam kitab Al-Muwattak).

Penjelasan hadis:

Hadis yang pertama menyatakan, bahawa sembahyang Rasulullah s.a.w. dalam bulan Ramadan hanyalah sebelas rakaat, iaitu sembahyang untuk menghidupkan malamnya yang penuh keberkatan itu. Atau dinamakan juga sembahyang tarawih. Hadis ini jelas dan sahih. Adapun hadis yang kedua dan yang ketiga di bawah menyatakan bahawa sembahyang tarawih di zaman sahabat-sahabat Nabi, seperti Umar bin Khattab dan lain-lainnya ialah 20 rakaat. Hadis ini tidak berlawanan dengan hadis yang di atas, sebab sembahyang tarawih ini termasuk juga sembahyang malam, yang rakaatnya tak terbatas. Kedua hadis itu sanadnya kuat.

(Demikian Subulussalam).

BAB SEMBAHYANG SUNAT RAWATIB

Hanya saja, bahawa dalam hadis Aisyah di atas, tidak dapat dianggap sembahyang tarawih itu sebanyak lapan rakaat, tetapi boleh saja dikerjakan lapan rakaat.

Hal ini disebabkan ucapan Aisyah yang berbunyi: **"Apakah engkau tidur sebelum engkau witir ya Rasulullah,"** menunjukkan, bahawa Aisyah sendiri tidak melihat sampai berapa rakaat sembahyang Rasulullah, setelah lapan rakaat itu, kerana beliau tertidur, se-

bab panjang rakaat sembahyang Rasulullah. Tiba-tiba waktu Rasulullah akan witir, Aisyah terbangun kembali, sehingga ia sampai bertanya seperti yang demikian itu.

1. SUNAT ZUHUR.

Adapun sunat Zuhur ialah sembahyang sunat yang dikerjakan sebelum dan sesudah sembahyang Zuhur. Sekurang-kurangnya dua rakaat dan sebanyak-banyaknya empat rakaat.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الظُّهْرِ وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَهَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah aku sembahyang beserta Rasulullah s.a.w. dua rakaat sebelum Zuhur dan dua rakaat sesudahnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أُمِّ حَبِيْبَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ حَافَظَ عَلَى اَرْبَعِ رَكَعَاتٍ قَبْلَ الظُّهْرِ وَاَرْبَعٍ بَعْدَهَا حَرَّمَهُ اللهُ عَلَى النَّارِ.

رواه ابو داود والترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Ummi Habibah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Siapa-siapa yang memelihara sembahyang empat rakaat sebelum Zuhur dan empat rakaat sesudahnya, maka ia diharamkan Allah dari neraka."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

2. SUNAT ASAR.

Adapun sunat Asar, ialah sembahyang sunat yang dikerjakan sebelum sembahyang Asar itu, akan tetapi tidak ada sembahyang sunat sesudahnya. Sebanyak-banyaknya empat rakaat dan sekurang-kurangnya dua rakaat.

عَنْ عَلِيٍّ بْنِ اَبِىْ طَالَبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يُصَلِّى قَبْلَ الْعَصْرِ اَرْبَعَ رَكَعَاتٍ يَفْصِلُ بَيْنَهُنَّ بِالتَّسْلِيْمِ عَلَى الْمَلَائِكَةِ الْمُقَرَّبِيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ.

رواه الترمذى بسند حسن

"Dari Ali bin Abu Talib r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. sembahyang sebelum Asar empat rakaat, yang dibatasnya antara rakaatnya dengan satu ucapan salam atas malaikat Muqarrabin dan yang mengikuti mereka iaitu kaum Muslimin dan mukmin."

Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَلِيٍّ بْنِ اَبِىْ طَالِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يُصَلِّى قَبْلَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ali bin Abu Talib r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah sembahyang sebelum Asar dua rakaat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

3. SUNAT MAGHRIB.

Menurut keterangan yang sahih, bahawa sunat Maghrib tempatnya hanya sesudah sembahyang maghrib dikerjakan.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يُصَلِّى بِالنَّاسِ الْمَغْرِبَ ثُمَّ يَدْخُلُ بَيْتِى فَيُصَلِّى رَكْعَتَيْنِ.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang Maghrib dengan manusia, kemudian beliau masuk ke rumahku, lalu sembahyang pula dua rakaat."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Adapun sembahyang sunat sebelum Maghrib itu, menurut keterangan yang sahih, tidak diperintah dan tidak pula dilarang oleh Nabi.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُصَلِّى عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ رَكْعَتَيْنِ بَعْدَ غُرُوْبِ الشَّمْسِ قَبْلَ الْمَغْرِبِ فَقِيْلَ اَكَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ صَلاَّهَا قَالَ: كَانَ يَرَانَا نُصَلِّيْهَا فَلَمْ يَأْمُرْنَا وَلَمْ يَنْهَنَا.

رواه مسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah kami sembahyang di masa Rasulullah s.a.w. dua rakaat sesudah terbenam matahari, iaitu sebelum mengerjakan sembahyang Maghrib, lalu ditanya orang, apa pula Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang itu, ia menjawab: Ada beliau melihat kami mengerjakan sembahyang itu, maka tidaklah diperintahnya kami dan tidak pula dilarangnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

4. SUNAT ISYAK.

Adapun sunat Isyak, seperti sunat-sunat yang tersebut di atas itu juga, boleh dikerjakan sebelum dan sesudah sembahyang Isyak.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الظُّهْرِ وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَهَا وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْجُمْعَةِ وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْمَغْرِبِ وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْعِشَاءِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah aku sembahyang berserta Rasulullah s.a.w. dua rakaat sebelum Zuhur, dan dua rakaat sesudahnya, dan dua rakaat sesudah Jumaat, dan dua rakaat sesudah Maghrib, dan dua rakaat sesudah Isyak."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مُغَفَّلٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: بَيْنَ كُلِّ اَذَانَـيْنِ صَلاَةٌ بَيْنَ كُلِّ اَذَانَـيْنِ صَلاَةٌ بَيْنَ كُلِّ اَذَانَيْنِ صَلاَةٌ. قَالَ فِى الثَّالِثَةِ لِمَنْ شَاءَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abdillah bin Mughaffal r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Antara tiap-tiap dua azan ada sembahyang, antara tiap-tiap dua azan ada sembahyang, antara tiap-tiap dua azan ada sembahyang. Dan ia berkata pada yang ketiga: "Bagi siapa yang menghendakinya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

5. SUNAT SUBUH.

Sunat Subuh ialah, sembahyang sunat yang dikerjakan sebelum sembahyang Subuh, banyaknya dua rakaat.

Dan tidak boleh sembahyang sunat itu dikerjakan sesudah sembahyang Subuh.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: رَكْعَتَا الْفَجْرِ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيْهَا.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Dua rakaat fajar itu lebih baik dari dunia dan segala yang ada di dalamnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يُصَلِّى رَكْعَتَيْنِ خَفِيْفَتَيْنِ بَيْنَ النِّدَاءِ وَالْاِقَامَةِ مِنْ صَلاَةِ الصُّبْحِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah sembahyang dua rakaat yang pendek antara azan dan iqamat sembahyang Subuh."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dalam sembahyang sunat Subuh itu disunatkan membaca surah "Al-Kafirun" di rakaat yang pertama, dan "Al-Ikhlas" di rakaat yang kedua:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَرَأَ فِى رَكْعَتَيِ الْفَجْرِ ''قُلْ يٰآ اَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ'' وَ ''قُلْ هُوَ اللهُ اَحَدٌ.''

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah membaca pada kedua rakaat fajar قل يا ايها الكافرون *dan* قل هو الله احد''.

(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB SEMBAHYANG SUNAT SELAIN RAWATIB

1. SUNAT WITIR.

Adapun sembahyang sunat witir ini, sangat sekali dituntut oleh Rasulullah s.a.w. kepada umatnya, supaya sembahyang ini dikerjakan tiap-tiap malam.

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّ اللهَ وِتْرٌ يُحِبُّ الْوِتْرَ فَاَوْتِرُوْا يَا اَهْلَ الْقُرْآنِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Ali r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Allah itu witir (ganjil) Ia sukakan perkara yang witir (yang ganjil); oleh sebab itu, witirlah kamu, hai ahli Al-Quran"[1].

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Yang lebih baik (utama) sembahyang witir itu dikerjakan pada akhir malam, sebelum fajar menyingsing.

Tetapi bila seseorang khuatir, bahawa ia tidak akan bangun di akhir malam itu, maka disunatkan baginya sembahyang witir itu di awalnya, sesudah selesai sembahyang Isyak.

1. Ahlul-Quran ertinya orang yang menerima kitab Al-Quran.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ خَافَ اَنْ لاَ يَقُوْمَ مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ فَلْيُوْتِرْ اَوَّلَهُ وَمَنْ طَمَعَ اَنْ يَقُوْمَ آخِرَهُ فَلْيُوْتِرْ آخِرَ اللَّيْلِ فَاِنَّ الصَّلاَةَ آخِرَ اللَّيْلِ مَشْهُوْدَةٌ وَذٰلِكَ اَفْضَلُ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Siapa yang khuatir bahawa ia tidak akan bangun di akhir malam, maka hendaklah ia (mengerjakan) witir di awalnya dan siapa yang berharap (lebih ingin) bahawa akan bangun di akhirnya, maka hendaklah ia witir di akhir malam, kerana sesungguhnya sembah-yang di akhir malam itu dipersaksikan dan itulah yang lebih utama."
Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدٍ الْخُدْرِي رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَوْتِرُوْا قَبْلَ اَنْ تُصْبِحُوْا.

رواه مسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Witirlah kamu sebelum datang waktu Subuh."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Akhirlah sembahyang malam dengan witir:

Bila seseorang mengerjakan sembahyang malam, hendaknya (disunatkan) supaya di akhiri dengan Witir itu.

Keterangan lain ditambahkan lagi:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِجْعَلُوْا آخِرَ صَلاَتِكُمْ بِاللَّيْلِ وِتْرًا.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. Nabi s.a.w. beliau bersabda: Jadikanlah sembahyang witir penutup (akhir) sembahyangmu di waktu malam."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. SEKURANG-KURANG DAN SEBANYAK-BANYAKNYA WITIR.[1]

Adapun sekurang-kurangnya witir itu satu rakaat dan sebanyak-banyaknya tiga belas rakaat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ اَيُّوْبَ الْأَنْصَارِىِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَلْوِتْرُ حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ وَلَيْسَ بِوَاجِبٍ فَمَنْ اَحَبَّ اَنْ يُوْتِرَ بِخَمْسٍ فَلْيَفْعَلْ وَمَنْ اَحَبَّ اَنْ يُوْتِرَ بِثَلَاثٍ فَلْيَفْعَلْ وَمَنْ اَحَبَّ اَنْ يُوْتِرَ بِوَاحِدَةٍ فَلْيَفْعَلْ.

رواه ابو داود بسند صالح

"Dari Abu Ayub Al-Ansari r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: "Sembahyang witir itu adalah hak di atas tiap-tiap orang Islam dan bukan wajib, maka sesiapa yang suka mengerjakan witir dengan lima rakaat maka hendaklah diperbuatnya, dan sesiapa yang menghendaki tiga, maka hendaklah diperbuatnya, maka sesiapa yang menghendaki serakaat, maka hendaklah diperbuatnya."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يُصَلِّى مِنَ اللَّيْلِ ثَلَاثَ عَشَرَةَ رَكْعَةً يُوْتِرُ مِنْ ذٰلِكَ بِخَمْسٍ لَا يَجْلِسُ فِى شَىْءٍ اِلَّا فِى آخِرِهَا.

رواه البخارى ومسلم

1. Berkata sebahagian ulama: "Sekurang-kurang Witir serakaat dan sebanyak-banyaknya sebelas dan tak boleh lebih dari itu."

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. sembahyang malam tiga belas rakaat dan dilakukannya witir dalam yang demikian itu lima rakaat, beliau sama sekali tidak duduk, melainkan pada akhir saja."[1]

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Disunatkan setelah sampai dua rakaat memberi salam sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: صَلاَةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى فَاِنْ خِفْتَ الصُّبْحَ فَاَوْتِرُوْا بِوَاحِدَةٍ.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sembahyang malam itu ialah dua-dua, maka jika engkau khuatir tentang adanya waktu Subuh, maka witirlah serakaat saja."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dan boleh juga dikerjakan sembahyang witir itu empat-empat rakaat dengan satu kali salam, kalau sembahyang witir itu dikerjakan lebih dari lima.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ لاَ يُسَلِّمُ فِى رَكْعَتَيِ الْوِتْرِ.

رواه النسائى والبيهقى

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. tidak memberi salam pada dua rakaat witir."

(Diriwayatkan oleh Nasai dan Baihaqi).

3. SEMBAHYANG WITIR TIDAK BOLEH DISERUPAKAN DENGAN SEMBAHYANG MAGHRIB.

Sembahyang witir tidak boleh diserupakan dengan sembahyang Maghrib. Iaitu dikerjakan sembahyang witir itu dua rakaat

1. Hadis ini menurut pendapat yang mengatakan sebanyak-banyak Witir sebelah rakaat ditanggungkan atas sebelas rakaat Witir dan dua rakaat sunat Isyak.

mula-mulanya seperti sembahyang Maghrib, lalu dibaca tasyahud kemudian berdiri kembali dan ketika telah sampai tiga rakaat baru memberi salam. Sembahyang yang demikian serupa dengan sembahyang Magrib.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ فِى الْوِتْرِ: لاَ تُشْبِهُوْا بِصَلاَةِ الْمَغْرِبِ.

رواه الدار قطنى

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Perihal sembahyang witir: "Janganlah kamu serupakan sembah-yang itu dengan sembahyang Maghrib."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni)

4. SURAH YANG DIBACA DALAM SEMBAHYANG WITIR.

Bila sembahyang witir itu dikerjakan tiga rakaat saja, maka di rakaat yang pertama disunatkan membaca surah "Al-A'la". Dan pada rakaat yang kedua dibaca surah "Al-Kafirun". Kemudian pada rakaat yang ketiga dibaca surah "Al-Ikhlas" dan surah "Muawwizatain".

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقْرَأُ فِى الْوِتْرِ فِى الْأُوْلَى ''سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى'' وَفِى الثَّانِيَةِ ''قُلْ يَآ اَيُّهَا الْكٰفِرُوْنَ'' وَفِى الثَّالِثَةِ ''قُلْ هُوَاللهُ اَحَدٌ'' وَالْمُعَوِّذَتَيْنِ يَعْنِى قُلْ اَعُوْذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ وَ قُلْ اَعُوْذُ بِرَبِّ النَّاسِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. adalah beliau dalam sembahyang witir membaca ''سبح اسم ربك الأعلى'' *pada ra-kaat yang pertama dan* ''قل ياايها الكافرون'' *pada rakaat*

yang kedua dan "قل هو الله احد" dan surah "Muawwizatain," iaitu Surah Al-Alaq dan Surah An-Nas pada rakaat yang ketiga."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

5. SEMBAHYANG MALAM.

Sembahyang malam ertinya sembahyang sunat dikerjakan di waktu malam sebagai tambahan dari sunat rawatib. Bila sembahyang itu dikerjakan sesudah bangun dari tidur, maka sembahyang itu dinamakan sunat "Tahajud". Yang ertinya terbangun malam. Biar yang merupakan sembahyang witir mahupun tidak. Sembahyang ini sangat sekali dianjurkan oleh Nabi s.a.w. Sebab di waktu malam itu adalah saat ketenangan yang mudah mendekatkan hati kepada Tuhan. Selain itu, sembahyang malam itu adalah kebiasaan orang salih yang selalu hati mereka berdampingan dengan Tuhan. Oleh sebab itu Allah berfirman:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَكَ عَسٰى اَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَحْمُوْدًا ✻

سورة الاسراء اية ٧٩

"Pada malam hari, hendaklah engkau sembahyang tahajud sebagai tambahan bagi engkau, mudah-mudahan Tuhan mengangkat engkau ke tempat yang dipuji."

(Surah Isra', ayat 79).

Sekurang-kurangnya dua rakaat, dan tak ada batas sebanyak-banyaknya.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اِذَا قَامَ اَحَدُكُمْ مِنَ اللَّيْلِ فَلْيَفْتَحْ صَلَاتَهُ بِرَكْعَتَيْنِ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: "Bila seseorang telah bangun di waktu malam, maka hendaklah ia mulai sembahyang dua rakaat."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يُصَلِّى مِنَ اللَّيْلِ إِحْدَى عَشَرَةَ يُوْتِرُ مِنْهَا بِوَاحِدَةٍ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w beliau sembahyang di waktu malam sebelas rakaat, dan diwitirkan padanya satu rakaat." rakaat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Selain dari itu, juga di waktu malam itu ada pula satu saat yang mustajab.

Sebagaimana ada keterangan yang menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: إِنَّ فِى اللَّيْلِ لَسَاعَةً لَا يُوَافِقُهَا رَجُلٌ مُسْلِمٌ يَسْئَلُ اللهَ تَعَالَى خَيْرًا مِنْ اَمْرِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ اِلَّا اَعْطَاهُ اِيَّاهُ وَذٰلِكَ كُلَّ لَيْلَةٍ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya pada waktu malam itu ada satu saat yang tidak bertepatan permintaan seorang Islam kepada Allah Taala tentang kebaikan di dunia dan di akhirat, melainkan diberi Allah apa yang dimintanya itu dan saat yang seperti itu ada pada tiap-tiap malam."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Menurut keterangan yang sahih, saat ijabah ada di sepertiga malam yang akhir.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: يَنْزِلُ رَبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى فِى كُلِّ لَيْلَةٍ حِيْنَ يَبْقَى مِنْ ثُلُثِ اللَّيْلِ الْآخِرِ يَقُوْلُ مَنْ يَدْعُوْنِيْ فَأَسْتَجِيْبُ لَهُ مَنْ يَسْئَلُنِيْ فَأُعْطِيَهِ مَنْ

يَسْتَغْفِرُنِيْ فَاَغْفِرُ لَهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Turun Tuhan kami Tabaraka Watala pada tiap-tiap malam ketika tinggal sepertiga malam yang akhir, Dia berfirman: Sesiapa berdoa akan Aku maka aku perkenankan doanya, sesiapa yang meminta kepada-Ku, Aku perkenankan permintaannya, sesiapa meminta ampun kepada-Ku, Aku ampuni dia."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Bila seseorang hendak memperbuat sembahyang tahajud maka hendaklah ia kemudiankan mengerjakan sembahyang witir hingga sepertiga malam tersebut, sebab Rasulullah memerintahkan supaya sembahyang malam itu hendaklah diakhiri dengan witir, oleh sebab itu tidaklah ada tempatnya mengerjakan sembahyang sunat sesudah witir.

6. SUNAT QABLIYAH DAN BAKDIYAH JUMAAT.

Adapun sunat Jumaat ialah sembahyang sunat yang dilakukan sesudah dan sebelum mengerjakan sembahyang Jumaat. Sekurang-kurangnya dua rakaat, dan sebanyak-banyaknya empat rakaat.

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا صَلَّى اَحَدُكُمُ الْجُمْعَةَ فَلْيُصَلِّ بَعْدَهَا اَرْبَعًا.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bila seseorang telah selesai sembahyang Jumaat maka hendaklah ia sembahyang empat rakaat sesudahnya."

Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ يُصَلِّى قَبْلَ الْجُمْعَةِ اَرْبَعًا وَبَعْدَهَا اَرْبَعًا.

رواه عبد الرزاق والطبرانى

"Dari Abdillah bin Mas'ud r.a. bahawasanya ia telah sembahyang empat rakaat sebelum Jumaat dan empat rakaat pula sesudahnya."
(Diriwayatkan oleh Abdul Razak dan Tabarani).

Dan ditambah pula dengan keterangan lain:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ الزُّبَيْرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَا مِنْ صَلاَةٍ مَفْرُوْضَةٍ اِلاَّ وَبَيْنَ يَدَيْهَا رَكْعَتَانِ.

رواه ابن حبان والطبرانى

"Dari Abdullah bin Zubair r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tidaklah dilakukan sembahyang yang wajib, melainkan antaranya ada sembahyang dua rakaat."
(Diriwayatkan oleh Ibnu Hibban dan Tabarani).

Dalam hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنِ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمْعَةِ ثُمَّ أَتَى الْجُمْعَةَ فَصَلَّى مَا قُدِرَ لَهُ ثُمَّ أَنْصَتَ حَتَّى يَفْرُغَ الْاِمَامُ مِنْ خُطْبَتِهِ ثُمَّ يُصَلِّى مَعَهُ غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمْعَةِ الْأُخْرَى وَفُضِلَ ثَلاَثَةُ اَيَّامٍ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Dari Nabi s.a.w. bersabda: Sesiapa yang mandi di hari Jumaat, kemudian ia datang ke Jumaat, lalu ia kerjakan sembahyang menurut sekuasanya, kemudian ia diam hingga selesai imam dari Khutbahnya, kemudian ia sembahyang bersama imam, diampuni dosanya, dosa di antaranya dan antara Jumaat yang akan datang, dan ditambah tiga hari."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Pengarang Kitab Nailul Autar telah berkata:

Ucapan Rasulullah s.a.w. yang berbunyi: صَلَّى مَا قُدِرَ لَهُ adalah menunjukkan, bahawa sembahyang sebelum Jumaat itu, tidak ada batas berapa banyaknya.

Dalam hadis lain ada pula keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ كَانَ يُطِيْلُ الصَّلاَةَ قَبْلَ الْجُمْعَةِ وَيُصَلِّى بَعْدَهَا رَكْعَتَيْنِ وَيُحَدِّثُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يَفْعَلُ ذٰلِكَ.

رواه ابو داود

"Dari Ibnu Umar r.a. Bahawasanya ia selalu memanjangkan sembahyang sebelum mengerjakan sembahyang Jumaat dan ia kerjakan dua rakaat sesudah Jumaat dan ia bercerita: Bahawa Rasulullah s.a.w. selalu memperbuat yang demikian."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Kata-kata *"memanjangkan"* dalam hadis ini, mengandung dua pengertian, iaitu: Pertama: Memanjangkan rakaatnya dan kedua memperbanyak sembahyang sebelum mengerjakan sembahyang Jumaat.

Adapun sembahyang sunat *"qabliyah Jumaat"* ini, boleh saja dilakukan sebelum azan kedua (azan sesudah beduk) dan boleh pula sesudah azan itu.

Harus diakui, bahawa Rasulullah tidak pernah mengerjakan *"qabliyah Jumaat"* di Masjid, sebab rumahnya berada di sebelah Masjid dan sembahyang itu dikerjakannya sebelum beliau keluar ke Masjid.

Rasulullah s.a.w. masuk ke dalam Masjid di hari Jumaat hanya ketika akan berkhutbah saja, sehingga sembahyang *"tahiyat masjid"* pun tidak dikerjakannya pada hari Jumaat itu.

7. SUNAT TAHIYAT MASJID.

Bila seseorang masuk ke dalam masjid maka lebih dahulu disunatkan baginya sembahyang dua rakaat sebelum ia duduk, sebagai menghormati masjid.

عَنْ اَبِىْ قَتَادَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا دَخَلَ اَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلاَ يَجْلِسْ حَتَّى يُصَلِّىَ رَكْعَتَيْنِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Qatadah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bila seseorang masuk ke dalam masjid, maka janganlah ia duduk, sebelum ia sembahyang lebih dahulu dua rakaat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Bila seseorang telah duduk lebih dahulu sebelum sembahyang dikerjakan, maka tidak lagi disunatkan baginya mengerjakannya, kecuali bagi orang yang belum tahu.

Adapun sebabnya datang hadis ini, ialah seperti keterangan di bawah ini:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ سُلَيْكُ الْغُطْفَانِى يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَالنَّبِيُّ ﷺ يَخْطُبُ فَجَلَسَ فَقَالَ لَهُ: يَا سُلَيْكُ قُمْ فَارْكَعْ رَكْعَتَيْنِ وَتَجَوَّزْ فِيهِمَا ثُمَّ قَالَ: اِذَا جَاءَ اَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمْعَةِ وَالْاِمَامُ يَخْطُبُ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah datang Sulaik Al-Ghuthfani (seorang sahabat Nabi) di hari Jumaat, sedang Nabi s.a.w. berkhutbah, maka duduklah Sulaik, lalu bersabda: Rasulullah s.a.w. kepadanya: "Hai Sulaik, bangunlah engkau kembali, lalu sembahyanglah dua rakaat dan pendekkanlah pembacaan pada keduanya," kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bila kamu datang pada hari Jumaat sedang imam berkhutbah, maka hendaklah kamu sembahyang dua rakaat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

8. SUNAT SESUDAH BERWUDUK.

Bila telah selesai mengambil air sembahyang atau berwuduk, maka disunatkan sembahyang dua rakaat sebagai sunat wuduk, sebelum mengerjakan sembahyang yang fardu.

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ لِبِلَالٍ حَدِّثْنِيْ بِأَرْجَى عَمَلٍ عَمِلْتَهُ فِى الْاِسْلَامِ فَإِنِّيْ سَمِعْتُ دَفَّ نَعْلَيْكَ بَيْنَ يَدَيَّ فِى الْجَنَّةِ. قَالَ: مَا عَمِلْتُ عَمَلاً أَرْجَى عِنْدِىْ مِنْ أَنِّيْ

لَمْ أَتَطَهَّرْ طَهُوْرًا فِى سَاعَةٍ مِنْ لَيْلٍ اَوْ نَهَارٍ اِلاَّ صَلَّيْتُ بِذٰلِكَ الطَّهُوْرِ مَا كُتِبَ لِيْ أَنْ أُصَلِّيَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Bilal: "Ceritakanlah kepadaku amalan yang telah engkau kerjakan yang lebih engkau harap cepat terkabul di dalam Islam, kerana sesungguhnya aku telah mendengar bunyi dua selipar engkau di hadapanku di dalam syurga."[1] Ia menjawab: Saya tidak pernah mengerjakan suatu amalan yang lebih saya harapkan cepat terkabul, yakni sesungguhnya saya tidak pernah bersudi sekalipun baik di waktu malam mahupun di waktu siang hari, melainkan aku sembahyang dengan wuduk itu, menurut apa yang sudah ditentukan bagiku agar aku mengerjakan sembahyang."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

9. SUNAT DUHA.

Adapun sembahyang Duha itu, dinamakan orang juga sembahyang "awwabin," ertinya sembahyang "taubat." Sekurang-kurangnya dua rakaat, dan sebanyak-banyaknya lapan rakaat.

Adapun sembahyang Duha itu sangat sekali dipesankan Nabi s.a.w. kepada kita sekalian:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَوْصَانِى خَلِيْلِيْ ﷺ بِصِيَامِ ثَلَاثَةِ اَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَرَكْعَتَيِ الضُّحَى وَاَنْ اُوْتِرَ قَبْلَ اَنْ اَرْقُدَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Seorang kekasihku: Nabi s.a.w. berpesan kepadaku supaya berpuasa tiga hari tiap-tiap bulan, dan sembahyang dua rakaat Duha dan supaya aku witir sebelum aku tidur."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

---

1. Menurut keterangan hadis, hal ini adalah ketika Rasulullah bermimpi.

Dan keterangan ada pula menyatakan:

عَنْ أُمِّ هَانِىءٍ بِنْتِ اَبِىْ طَالِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى صَلاَةَ الضُّحَى ثَمَانِيَ رَكَعَاتٍ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ummu Hanik binti Abu Talib r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah mengerjakan sembahyang Duha sebanyak lapan rakaat."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun waktu sembahyang Duha itu, mulai naik matahari hingga tergelincir.

عَنْ زَيْدِ بْنِ الْأَرْقَمِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: صَلاَةُ الْأَوَّابِيْنَ حِيْنَ تَرْمَضُ الْفِصَالُ.

رواه مسلم

"Dari Zaid bin Arqam r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Sembahyang Awwabin (Duha) itu ialah ketika telah hangat cahaya matahari."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Berkata pengarang I'anah-At-Talibin: Disunatkan membaca surah Asy-Syams (وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا) pada rakaat pertama, dan surah Ad-Duha (وَالضُّحَى) pada rakaat kedua.

10. SUNAT ISTIKHARAH.

Bila seseorang ragu-ragu untuk mengerjakan sesuatu pekerjaan, atau untuk meneruskan sesuatu perjalanan dan sebagainya maka disunatkan baginya sembahyang dua rakaat, "Istikharah" namanya, ertinya minta pertimbangan kepada Tuhan, akan diteruskanyakah pekerjaan itu atau tidak.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا هَمَّ اَحَدُكُمْ بِالْأَمْرِ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ مِنْ غَيْرِ الْفَرِيْضَةِ. رواه البخارى

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila seseorangmu bercita-cita hendak mengerjakan suatu pekerjaan, maka hendaklah ia sembahyang dua rakaat, bukan sembahyang fardu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Dibaca surah Al-Kafirun pada rakaat pertama dan surah Al-Ikhlas pada rakaat kedua.

Bila sembahyang telah selesai dikerjakan, maka hendaklah ia taubat kepada Tuhan, kemudian membaca doa di bawah ini:

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْتَخِيْرُكَ بِعِلْمِكَ وَاَسْتَقْدِرُكَ بِقُدْرَتِكَ وَاَسْئَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ الْعَظِيْمِ فَاِنَّكَ تَقْدِرُ وَلَا اَقْدِرُ وَتَعْلَمُ وَلَا اَعْلَمُ وَاَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوْبِ. اَللّٰهُمَّ اِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ اَنَّ هٰذَا الْاَمْرَ خَيْرٌ لِيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ فَاقْدُرْهُ لِيْ وَيَسِّرْهُ لِيْ ثُمَّ بَارِكْ لِيْ فِيْهِ. اَللّٰهُمَّ وَاِنْ كُنْتَ تَعْلَمُ اَنَّ هٰذَا الْاَمْرَ شَرٌّ لِيْ فِيْ دِيْنِيْ وَمَعَاشِيْ وَعَاقِبَةِ اَمْرِيْ فَاصْرِفْهُ عَنِّيْ وَاصْرِفْنِيْ عَنْهُ وَاقْدُرْ لِيَ الْخَيْرَ حَيْثُ كَانَ ثُمَّ اَرْضِنِيْ بِهِ ..... وَيُسَمِّى حَاجَتَهُ.

رواه البخارى

"Ya Allah! Sesungguhnya aku meminta penjelasan kepada Engkau dengan ilmu Engkau, dan aku meminta ketentuan dengan kekuasaan Engkau, dan aku meminta kepada Engkau dari kurnia Engkau yang sangat agung, kerana sesungguhnya Engkaulah yang berkuasa menentukan dan bukan aku yang berkuasa, dan Engkaulah yang Maha Mengetahui, dan bukan aku yang mengetahui, dan Engkau yang Maha Mengetahui segala yang ghaib. Ya Allah! Jika Engkau tahu, bahawa pekerjaan ini baik bagiku, dalam agama ku dan dalam kehidupanku, dan pada akibat pekerjaanku, maka tentukanlah dia bagiku dan mudahkanlah dia bagiku, kemudian berilah aku berkat padanya, Ya Allah!! Dan jika Engkau mengetahui, bahawa pekerjaan ini buruk bagiku dalam agamaku, kehidupanku dan akibat pekerjaanku, maka palingkanlah yang jahat itu dari padaku, dan palingkanlah aku daripadanya dan tentukanlah bagiku:

kebajikan, sekiranya ada. Kemudian redailah aku dalam kebajikan itu – sambil menyebut hajatnya itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Apabila pada kali yang pertama belum dapat ketenteraman dan ketenangan, sedang fikiran masih bimbang juga, maka disunatkan melakukannya dua, tiga kali, sehingga Allah memberi keputusan mengilhamkan ke dalam diri, "boleh" atau "tidak boleh" diteruskan apa-apa yang dicita-citakan itu.

11. SUNAT HAJAT.

Bila seseorang ada mempunyai hajat kepada orang lain, umpamanya hendak mengemukakan sesuatu maksud dan sebagainya atau kepada Allah s.w.t. maka disunatkan baginya lebih dahulu sembahyang dua rakaat.

عَنْ اِبْنِ اَبِىْ اَوْفَى قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ كَانَتْ لَهُ حَاجَةٌ اِلَى اللهِ تَعَالَى اَوْ اِلَى اَحَدٍ مِنْ بَنِى آدَمَ فَلْيَتَوَضَّأْ فَلْيُحْسِنِ الْوُضُوْءَ ثُمَّ لْيُصَلِّ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ لْيُثْنِ عَلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ وَلْيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ.

رواه الترمذى والنسائى بسند حسن

"Dari Ibnu Abi Aufa ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Siapa yang ada mempunyai hajat kepada Allah, atau kepada seseorang di antara anak Adam (manusia), maka hendaklah ia berwuduk, lalu disempurnakannya wuduknya itu. Kemudian hendaklah ia sembahyang dua rakaat; kemudian hendaklah ia menyanjung Allah Azza Wajalla, dan hendaklah ia berselawat kepada Nabi s.a.w."[1]

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Nasai).

12. SUNAT TAUBAT.

Setelah sembahyang itu selesai dikerjakan, maka memintalah kepada Tuhan dengan hati setulus-tulusnya sambil membaca doa ini:

---

1. Dalam kitab Tajul Jami'lil-Usul ditambahkan: "Sesudah sembahyang baca istighfar" 100 kali, zikir-zikir yang lain 100 kali dan selawat 100 kali, walaupun yang sependek-pendeknya. Kemudian baru baca doanya.

لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ الْحَلِيْمُ الْكَرِيْمُ. سُبْحَانَ اللّٰهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. اَسْئَلُكَ مُوْجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالْغَنِيْمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ وَالسَّلَامَةَ مِنْ كُلِّ اِثْمٍ لَا تَدَعْ لِيْ ذَنْبًا اِلَّا غَفَرْتَهُ وَلَا هَمًّا اِلَّا فَرَّجْتَهُ وَلَا حَاجَةً هِيَ لَكَ رِضًا اِلَّا قَضَيْتَهَا يَآ اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

رواه الترمذى عن ابي اوفى بسند حسن

"Tidak ada Tuhan melainkan Allah, yang Maha Penyantun lagi Maha Pemurah. Amat suci Allah, Tuhan Arasy yang maha besar. Puji-pujian bagi Allah, Tuhan yang menjadikan seluruh alam, Aku meminta kepada Engkau, Ya Allah akan sesuatu yang mewajibkan rahmat Engkau, dan segala harapan yang mendatangkan ampunan Engkau, (taufiq) dan keberuntungan tiap-tiap kebaikan dan keselamatan dari tiap-tiap dosa. Tidak Engkau biarkan dosa padaku, melainkan Engkau ampuni dan tidak pula suatu kepentingan, melainkan Engkau bukakan dan tidak pula sesuatu hajat yang Engkau sukai, melainkan Engkau kabulkan. Wahai Yang Paling Pengasih dan Yang Paling Penyayang."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dari Ibni Abi Aufa).

Yang lebih utama mengerjakan sembahyang istikharah dan sembahyang "hajat" di waktu malam ketika manusia sedang nyenyak tidur. Sebab ketika itulah kebanyakan jiwa dalam ketenangan serta dapat tenteram dalam mengajukan permohonan kepada Allah s.w.t.

KITAB JENAZAH

Allah Taala telah berfirman:

اَيْنَ مَا تَكُوْنُوْا يُدْرِكْكُّمُ الْمَوْتُ وَلَوْ كُنْتُمْ فِى بُرُوْجٍ مُشَيَّدَةٍ *

سورة النساء اية ٧٨

"Di mana saja kamu berada, kamu dikejar oleh mati, sekalipun kamu di dalam benteng yang kukuh." (Surah An-Nisa', ayat 78).

Sabda Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَكْثِرُوْا مِنْ ذِكْرِ هَاذِمِ اللَّذَّاتِ يَعْنِى الْمَوْتَ.

رواه الترمذى بسند حسن

"Dari Abu Hurairah r.a. telah berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Perbanyaklah olehmu mengingati peristiwa yang memutuskan kesenangan, iaitu mati."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Nasai).

1. ERTI JENAZAH.

Jenazah, ertinya mayat yang diletakkan di dalam usungan, yang akan dibawa ke kubur untuk ditanamkan.

Ingatlah, bahawa tiap-tiap makhluk yang bernyawa di muka bumi ini, pasti akan menemui mati. Setinggi-tinggi pangkat manusia, semulia-mulia mereka dan sekaya-kaya mereka, namun ke lubang kubur jugalah kesudahan tempat mereka. Semuanya itu tidaklah dapat menghalangi mereka , bila telah datang janji maut itu.

Bila maut datang, terpaksalah mereka meninggalkan dunia yang fana ini, tinggallah harta kekayaan mereka, tinggallah sekalian anak kesayangan mereka dan tinggallah ayah dan ibu, serta isteri yang mereka cintai.

Tak ada yang mereka bawa ketika itu, selain amal ibadat mereka selama di dunia.

Merugilah orang yang membawa amalan jahat, dan beruntunglah orang-orang yang membawa amal kebajikan, di kala mereka menempuh alam barzah, ketika telah terbaring seorang diri, bertilam, berbantal, bertirai dan berkelambu tanah semata.

Oleh sebab itu, bersedialah memperbanyak dan memperbuat amal kebajikan untuk dibawa mati.

Adapun soal-soal yang bersangkutan dengan jenazah ada empat macam:

Pertama : Memandikannya.
Kedua : Mengafaninya.
Ketiga : Meyembahyangkannya.
Keempat : Menguburkannya.

Keempat perkara ini "fardu Kifayah" hukumnya bagi umat Islam, apabila yang mati itu orang yang beragama Islam. Bila

pekerjaan itu ditinggalkan, berdosalah semua orang Islam di negeri itu tetapi bila ada di antara mereka yang mengerjakan di antara empat perkara itu maka sekalian umat Islam di negeri itu lepaslah dari dosa.

2. MEMANDIKAN MAYAT.

Adapun keterangan yang menyatakan tentang memandikan mayat itu sangat banyak sekali, di antaranya:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ فِى الَّذِى سَقَطَ عَنْ بَعِيْرِهِ اِغْسِلُوْهُ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. perihal orang yang jatuh dari atas untanya: Mandikanlah dia dengan air dan dengan sidir (bidara)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Berkata pengarang kitab Bidayatul Mujtahid: Adapun orang-orang yang boleh memandikan mayat, telah sepakat, ulama fikah bahawa kalau mayat itu laki-laki, harus laki-laki pula yang memandikan dan kalau mayat itu perempuan, hendaklah perempuan pula yang memandikan. Dan berlainan faham mereka, pada perkara seorang perempuan yang mati beserta beberapa orang laki-laki, atau seorang perempuan, kalau itu bukan suami isteri. Berlainan faham itu ada tiga macam. Satu kaum berkata: "Tiap-tiap orang dari kedua golongan itu boleh memandikan yang lain dari balik kain. Dan berkata satu kaum yang lain. "Tiap-tiap orang dari kedua golongan itu hanya boleh mentayamumkan yang lain." Dan demikianlah pendapat Syafii, Abu Hanifah dan Jamhurul Ulama. Dan berkata pula yang lain: "Masing-masing tidak boleh memandikan yang lain dan tidak pula boleh mentayamumkan." Demikian pendapat Al-Luis bin Saad, malah boleh dikuburkan dengan tidak perlu dimandikan lebih dahulu. Yang menjadi sebab perselisihan faham mereka ialah antara: Perkara "MENGUATKAN LARANGAN DARI PERINTAH dan MENGUATKAN PERINTAH DARI LARANGAN." Adapun laki-laki melihat kepada badan perempuan, atau perempuan melihat badan laki-laki itu dilarang oleh Agama. Sedang memandikan diperintah (suruhan). Maka orang yang menguatkan larangan dari perintah, berpendapat, yang satu tak boleh memandikan yang lain, dan tidak pula

boleh mentayamumkannya. Dan golongan orang yang menguatkan perintah dari larangan mereka berpendapat, boleh yang seorang memandikan yang lain (maksudnya lain jenis dan bukan muhrim). (Demikian Bidayatul Mujtahid).

Untuk mencari keutamaan, maka disunatkan memandikan mayat itu 3,5 atau 7 kali mandi.

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لِغَاسِلَاتِ ابْنَتِهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اغْسِلْنَهَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ سَبْعًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ummi Athiyah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda kepada orang-orang yang memandikan anak perempuannya yang meninggal: "Mandikanlah dia, tiga, lima atau tujuh kali."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. CARA MEMANDIKAN MAYAT

Engkau mulai membasuh (memandikannya) dari badannya sebelah kanan dan tempat-tempat untuk berwuduk (anggota wuduk). Keterangan menyatakan:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ حَيْثُ أَمَرَهَا أَنْ تَغْسِلَ إِبْنَتَهُ قَالَ لَهَا: إِبْدَأْنَ بِمَيَامِنِهَا وَمَوَاضِعِ الْوُضُوْءِ مِنْهَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ummi Athiyah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. menyuruh memandikan anak perempuannya beliau bersabda: "Mulailah membasuh di sebelah badannya yang kanan dan tempat (anggota) wuduknya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kemudian barulah: Engkau mandikan mayat itu dengan air mulai dari kepala sampai ke kaki, hingga basah seluruh badannya, lalu engkau cuci badannya dengan sabun seperti mandi biasa. Lalu engkau mandikan pula mayat itu sekali lagi dengan air, hingga air sabun itu hilang dari badannya. Itu namanya sudah dua kali mandi.

Bila mayat itu disabun sekali lagi, kemudian dimandikan (disiram) pula, bererti mayat itu telah tiga kali mandi. Demikianlah seterusnya, kalau hendak memandikan mayat itu lima, atau tujuh kali. Sabda Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya mayat itu dimandikan kannya sampai lima atau tujuh kali, tidak lain melainkan untuk mencari kebersihan bagi mayat.

Penjelasan hadis: Hadis di atas ini menunjukkan, bahawa wuduk syarat pada waktu memandikan mayat, kerana Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya anggota wuduk dan badan mayat bahagian kanan harus dibasuh lebih dahulu. Seolah-olah Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bila kamu hendak memandikan mayat, maka mulailah membasuh lebih dahulu badannya yang kanan dan tempat-tempat wuduk." Membasuh tempat wuduk sebelum melakukan sesuatu yang wajib, bererti wajib berwuduk lebih dahulu. Tak ubahnya dengan Firman Allah yang berbunyi: "Bila kamu hendak mengerjakan sembahyang, maka basuhlah lebih dahulu mukamu, kedua tanganmu hingga basah kedua mata siku, dan sapulah kepalamu, dan basuhlah kedua kakimu hingga basah kedua buku lalimu." Semua yang tersebut dalam firman itu adalah tempat wuduk. Walaupun Allah tidak menjelaskan dengan nyata, kata-kata *"berwuduklah kamu lebih dahulu,"* namun sudah difahami, dengan perintah supaya anggota-anggota tersebut di atas dibasuh lebih dahulu, bahawa berwuduk wajib lebih dahulu dikerjakan sebelum sembahyang. Begitu pula Rasulullah menyuruh membasuh anggota wuduk lebih dahulu sebelum mayat dimandikan, yang dengan perintah yang begitu menunjukkan bahawa yang dimaksud, ialah *berwuduk.* Seperti halnya dengan firman Allah di atas itu juga.

Adapun menurut qias, bahawa berwuduk ini sebenarnya tidak wajib lagi. Sebab berwuduk ini adalah bersuci sebagai syarat untuk mengerjakan ibadat. Sedang ibadat telah gugur wajibnya pada mayat, itu tentu berwuduk tidak wajib pula lagi baginya. Qias yang begini dikuatkan oleh Mafhum hadis-hadis yang sahih, yang di dalamnya tidak disebutkan perintah membasuh tempat-tempat wuduk, yang bererti tidak menyebutkan bahawa mayat wajib diwudukkan. Dalam hal ini berkata pengarang kitab Bidayatul Mujtahid: Sesungguhnya dalam perkara mandi mayat telah datang beberapa hadis, yang di dalamnya disebut perintah memandikan secara mutlak saja. Iaitu dengan tidak menyebutkan wuduk. Maka mereka yang tidak mewajibkan wuduk mayat menguatkan hadis yang mutlak ini, atas hadis yang muqayyad (hadis yang disebutkan padanya supaya anggota wuduk dibasuh lebih dahulu iaitu hadis Muslim di atas). Mereka berpendirian begitu kerana kias hadis Muslim di atas). Mereka berpendirian begitu kerana qias

berpendapat menurut asal iaitu kaedah Usul Fiqah, ialah: *"menanggungkan yang mutlak atas yang muqayyad."*

(Demikian Bidayatul Mujtahid).

Disunatkan menyiram dengan air bunga atau air wangi di akhir mandinya itu. Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: تُوُفِّيَتْ اِحْدَى بَنَاتِ النَّبِيِّ ﷺ فَاَتَانَا النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ: اِغْسِلْنَهَا بِالسِّدْرِ وِتْرًا اِلَى قَوْلِهِ وَاجْعَلْنَ فِى الْآخِرَةِ كَافُوْرًا اَوْ شَيْئًا مِنْ كَافُوْرٍ.

رواه البخارى

"Dari Ummu Athiyah r.a. ia berkata: Telah meninggal salah seorang anak perempuan Rasulullah s.a.w. lalu beliau datang kepada kami, dan bersabda: Mandikanlah ia dengan sidir menurut bilangan yang ganjil, hingga katanya: "Dan jadikanlah di akhir mandinya itu air kafur atau sesuatu yang harum."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

4. MAYAT ORANG YANG HARAM DISEMBAH-YANGKAN DAN DIMANDIKAN.

Adapun orang-orang yang haram dimandikan dan disembah-yangkan ialah:

Pertama: Orang mati syahid, iaitu orang yang mati di medan perang untuk meninggikan agama Allah. Pun begitu juga diharamkan menyembahyangkan mereka.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَمَرَ فِى قَتْلَى أُحُدٍ بِدَفْنِهِمْ فِى دِمَائِهِمْ وَلَمْ يُغَسَّلُوْا وَلَمْ يُصَلَّ عَلَيْهِمْ.

رواه البخارى

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah menyuruh perihal orang-orang yang mati di padang Uhud, untuk menguburkan mereka dengan darah mereka dan tidak mereka dimandikan dan tidak pula mereka disembahyangkan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Sebab darah orang yang mati syahid itu di hari kiamat akan jadi kasturi (bau wangi) di sisi Tuhan.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ فِى قَتْلَى اُحُدٍ: لَا تُغَسِّلُوْهُمْ فَاِنَّ كُلَّ جُرْحٍ اَوْ كُلَّ دَمٍ يَفُوْحُ مِسْكًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَمْ يُصَلَّ عَلَيْهِمْ.

رواه الامام أحمد

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda tentang orang-orang yang mati di Uhud: Janganlah kamu mandikan mereka kerana sesungguhnya tiap-tiap luka itu atau tiap-tiap titis darah yang melumurinya itu, akan menjadi kesturi di hari kiamat dan tidak boleh pula disembahyangkan mereka."

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad).

Kedua: *Orang yang kafir dan Munafik,* orang kafir ini hanya haram disembahyangkan saja, dan tidak mengapa dimandikan, di kafani dan dikuburkan. Kafir ialah orang yang menyatakan dengan terang-terangan keingkarannya terhadap ajaran Islam. Munafik ialah orang yang menyembunyikan kekafiran, dan pada lahirnya menampakkan diri sebagai Islam.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلَا تُصَلِّ عَلٰى أَحَدٍ مِنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلٰى قَبْرِهٖ إِنَّهُمْ كَفَرُوْا بِاللهِ وَرَسُوْلِهٖ وَمَاتُوْا وَهُمْ فَاسِقُوْنَ ❋

سورة التوبة ٨٤

"Dan janganlah engkau sembahyangkan di atas salah seorang dari mereka (orang kafir itu) yang ia telah mati buat selamanya dan janganlah engkau berdiri di kuburnya. Sesungguhnya mereka kafir dengan Allah dan Rasul-Nya dan mereka mati sedang mereka orang yang fasik."

(Surah Al-Taubah ayat 84).

Ayat ini diturunkan Tuhan ketika Abdullah bin Ubai meninggal dunia. Ia terkenal sebagai kepala kaum munafik di kalangan kaum Muslimin. Pun begitu juga mereka itu tidak boleh

dikuburkan atau ditanamkan di dekat kuburan orang-orang Islam, tetapi harus diasingkan jauh-jauh.

Mereka haram disembahyangkan, kerana sembahyang jenazah ini berisi "doa keampunan" sedang orang kafir dilarang keras memohonkan ampun untuk mereka, sebab mereka adalah musuh Allah.

5. PEMBAHAGIAN SYAHID DAN SOAL MATI MEMBUNUH DIRI.

Adapun orang yang mati syahid itu dibagi pula atas beberapa macam:

1. *Syahid Dunia,* iaitu orang yang mati di medan perang, hanya sekadar untuk mempertahankan tanahair, diri dan hartanya.
2. *Syahid akhirat,* iaitu orang yang mati karam, terbenam, sakit perut, mati melahirkan anak.
3. *Syahid Dunia* dan *Akhirat,* iaitu orang-orang yang telah disebutkan di atas tadi, ialah orang yang mati di medan perang untuk meninggikan kalimat Tuhan. Di atas syahid yang ketiga inilah terletaknya haram memandikan dan menyembahyangkan mereka. Adapun syahid yang pertama dan kedua itu boleh diperlakukan sebagai mayat biasa, asal saja badannya tidak hancur ketika mati itu.

(Demikian I'anah At-Talibin).

Adapun orang mati membunuh diri, menurut keterangan Nabi, tidak pula boleh disembahyangkan, melainkan dikuburkan saja.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أُتِيَ النَّبِيُّ ﷺ بِرَجُلٍ قَتَلَ نَفْسَهُ بِمَشَاقِصَ فَلَمْ يُصَلِّ عَلَيْهِ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Jabir bin Samurah r.a. ia berkata: Pernah didatangkan kepada Nabi s.a.w. seorang laki-laki yang mati membunuh diri dengan anak panahnya, maka tidak disembahyangkan oleh Rasulullah s.a.w."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

Berkata kebanyakan ulama: Bahawa orang-orang yang mati membunuh diri itu disembahyangkan dan dikafani juga sebagai biasa.

Adapun keadaan Rasulullah yang tidak mahu menyembah-yangkan orang yang membunuh diri itu, adalah sebagai herdik dan ancaman baginya, agar manusia jangan sampai membunuh diri.

6. MENGAFANI MAYAT.

Setelah mayat itu dimandikan dengan sempurna, lalu di-kafani, yang lebih utama ialah kain kafan itu seboleh-bolehnya tiga lapis.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كُفِنَ فِى ثَلَاثَةِ اَثْوَابٍ بِيْضٍ سَحُوْلِيَةٍ مِنْ كَرْسُفٍ لَيْسَ فِيْهَا قَمِيْصٌ وَلَا عِمَامَةٌ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. dikafani orang dengan tiga lapis kain putih. Sahul[1] dari kapas yang tidak masuk di dalamnya, baju dan tidak pula serban."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Yang lebih utama lagi untuk kain kafan itu, ialah kain putih. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلْبِسُوْا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضِ فَاِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ وَكَفِّنُوْا فِيْهَا مَوْتَاكُمْ.

رواه ابو داود والترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Pakailah di antara kainmu yang putih, sesungguhnya kain putih adalah sebaik-baik kain, dan kafanilah mayatmu dengan kain yang putih."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Kalau tidak ada kain putih, maka boleh dikafani dengan yang lain. Dan kalau kain tak ada, maka bungkuslah dengan apa saja yang dapat dibungkuskan kepadanya.

1. Sahul adalah satu kampung kecil di daerah Yaman (Demikian Nailul Autar).

BAB SEMBAHYANG JENAZAH

Sesudah dikafani, maka hadapkanlah kepala mayat itu ke arah utara, kemudian sembahyanglah di dekat kepalanya jika mayat itu mayat laki-laki, dan di tengah-tengah badannya jika mayat itu perempuan.

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ صَلَّى عَلَى رَجُلٍ فَقَامَ عِنْدَ رَأْسِهِ وَصَلَّى عَلَى اِمْرَاةٍ فَقَامَ عِنْدَ عَجِيْزَتِهَا.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Anas r.a. Bahawasanya ia pernah menyembahyangkan seorang laki-laki lalu ia berdiri di dekat kepalanya, dan pernah pula ia menyembahyangkan seorang mayat perempuan, maka ia berdiri di dekat bingku-bingkunya (pinggangnya)."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan keterangan yang lain menyatakan pula:

عَنْ سَمُرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ وَرَاَ النَّبِيِّ ﷺ عَلَى اِمْرَأَةٍ مَاتَتْ فِى نِفَاسِهَا فَقَامَ عَلَيْهَا وَسَطَهَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Samurah r.a. iä berkata: Pernah aku turut menyembahyangkan seorang perempuan yang mati dalam nifasnya (waktu ia bernifas) di belakang Nabi s.a.w. lalu beliau berdiri di dekat pertengahan badannya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

1. KEUTAMAAN BANYAK MENYEMBAHYANGKAN JENAZAH.

Yang lebih utama, supaya orang yang menyembahyangkan itu hendaknya jumlahnya sampai 40 (empat puluh) orang, atau lebih.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ

يَقُوْلُ: مَا مِنْ رَجُلٍ مُسْلِمٍ يَمُوْتُ فَيَقُوْمُ عَلَى جَنَازَتِهِ اَرْبَعُوْنَ رَجُلاً لاَ يُشْرِكُوْنَ بِاللهِ شَيْئًا اِلاَّ شَفَّعَهُمُ اللهُ فِيْهِ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasullullah s.a.w. beliau bersabda: Tidaklah seorang laki-laki Islam yang meninggal berdiri menyembahyangkan jenazahnya itu empat-puluh orang yang betul-betul tidak mempersekutukan Allah, melainkan dijadikan Allah doa mereka jadi makbul padanya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan yang lebih utama, apabila orang yang sembahyang itu dicukupkan tiga saf hendaknya.

عَنْ مَلِكِ بْنِ هُبَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَا مِنْ مَيِّتٍ يَمُوْتُ فَيُصَلِّى عَلَيْهِ ثَلاَثَةُ صُفُوْفٍ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ اِلاَّ وَجَبَ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Malik bin Hubairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tiadalah seseorang (mayat) yang meninggal dunia disembahyangkan oleh tiga saf kaum Muslimin, melainkan mestilah ia ditolong."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Sembahyang jenazah ini, mula-mula dilakukan oleh Rasulullah ialah ketika telah hijrah ke Madinah Al-Munawarah.

2. CARA-CARA MENYEMBAHYANGKAN JENAZAH.

Adapun cara-cara sembahyang jenazah, ialah:

Pertama: Supaya kita berniat untuk menyembahyangkan mayat itu, dengan susunannya:

"Aku sembahyangkan mayat ini, dengan empat takbir, fardu kifayah kerana Allah" lalu dibaca "Allahu Akbar."

Kedua: Kita baca Al-Fatihah hingga akhirnya.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ طَلْحَةَ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَوْفٍ قَالَ: صَلَّيْتُ خَلْفَ اِبْنِ

عَبَّاسٍ عَلَى جَنَازَةٍ فَقَرَأَ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ قَالَ: لِتَعْلَمُوْا اَنَّهَا سُنَّةٌ.

رواه البخارى

"Dari Talhah bin Abdullah bin Auf ia berkata:
Pernah aku sembahyang jenazah di belakang Ibnu Abbas, lalu dibacanya Fatihah lalu ia berkata: "Supaya kamu tahu sesungguhnya membaca Al-Fatihah itu sunah Nabi."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Ketiga: Kita angkat tangan sekali lagi, sambil membaca takbir *Allahu Akbar.*

Sesudah takbir yang kedua ini kita baca, maka kita baca pula selawat kepada Nabi s.a.w. dan keluarganya. Yang lebih utama ialah:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ اِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى اٰلِ اِبْرَاهِيْمَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

"Ya Allah! Berilah selawat di atas Muhammad dan di atas keluarganya, sebagaimana Engkau telah memberi selawat di atas Ibrahim dan keluarganya. Dan berkatilah atas Muhammad dan keluarganya, sebagaimana Engkau memberi berkat atas Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia."

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَبِىْ اَمَامَةَ بْنِ سَهْلٍ اَنَّهُ اَخْبَرَهُ رَجُلٌ مِنْ اَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ: اَنَّ السُّنَّةَ فِى الصَّلَاةِ عَلَى الْجَنَازَةِ اَنْ يُكَبِّرَ الْاِمَامُ ثُمَّ يَقْرَأُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ بَعْدَ التَّكْبِيْرَةِ الْأُوْلَى سِرًّا فِى نَفْسِهِ ثُمَّ يُصَلِّى عَلَى النَّبِيِّ ﷺ وَيُخْلِصُ الدُّعَاءَ لِلْجَنَازَةِ فِى التَّكْبِيْرَاتِ.

رواه الشافعى

"Dari Abu Amamah bin Sahal, bahawasanya seorang di antara sahabat-sahabat Nabi pernah bercerita kepadanya: Sesungguhnya sudah menjadi sunah pada sembahyang jenazah, mula-mula takbir imam kemudian sesudah takbir yang pertama dibacanya Al-Fatihah secara perlahan-lahan (untuk dirinya sendiri), kemudian diucapkannya selawat kepada Nabi s.a.w. dan diikhlaskannya membaca doa untuk jenazah di dalam takbir itu."

(Diriwayatkan oleh Syafii).

Keempat: Kita angkat tangan sekali lagi sambil membaca takbir "Allahu Akbar" (takbir yang ketiga).
Sesudah takbir yang ketiga, kita berdoa kepada Tuhan untuk keselamatan mayat dan keluarganya.

Sekurang-kurangnya dibaca hendaknya:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ وَاَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِحَيِّنَا وَمَيِّتِنَا وَصَغِيْرِنَا وَكَبِيْرِنَا وَذَكَرِنَا وَأُنْثَانَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا. اَللّٰهُمَّ اَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَاَحْيِهِ عَلَى الْاِسْلَامِ وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْاِيْمَانِ. اَللّٰهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا اَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ.

رواه مسلم وابو داود

"Ya Allah! Ampunilah dosa mayat ini, kasihilah dia, peliharalah jiwanya, maafkanlah kesalahannya, muliakanlah tempatnya dan lapangkanlah kuburnya. Ya Allah! Ampunilah dosa orang-orang yang hidup di antara kami, dan yang mati kami, dan kanak-kanak kami, dan orang-orang tua kami, laki-laki kami serta kaum perempuan kami, dan orang-orang yang hadir di antara kami, dan orang-orang yang jauh di antara kami. Ya Allah! Orang-orang yang Engkau hidupkan di antara kami, maka hidupkanlah dia dalam Islam, dan orang-orang yang Engkau wafatkan di antara kami, maka wafatkanlah dia dalam beriman. Ya Allah! Janganlah Engkau larang kami menerima pahala kami, dan selanjutnya janganlah Engkau datangkan fitnah kepada kami."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

Dan hendaklah doa ini dibaca dengan seikhlas-ikhlas hati, sebagaimana diterangkan:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: اِذَا صَلَّيْتُمْ عَلَى الْمَيِّتِ فَاَخْلِصُوْا لَهُ الدُّعَاءَ.

رواه أبو داود بسند صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bila kamu menyembahyangkan mayat, maka ikhlaskanlah hatimu berdoa baginya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Kalau mayat itu mayat perempuan, maka damir *hu* (ه) ditukar dengan *ha* (هَا).

Kelima: Kita angkat tangan sekali lagi, sambil membaca takbir Allahu Akbar iaitu takbir yang keempat.

Sesudah membaca takbir yang keempat itu, bacalah ayat-ayat yang mengenai keampunan bagi seluruh kaum Muslimin iaitu:

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِاخْوَانِنَا الَّذِيْنَ سَبَقُوْنَا بِالْاِيْمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِى قُلُوْبِنَا غِلًّا لِلَّذِيْنَ اٰمَنُوْا رَبَّنَا اِنَّكَ رَؤُوْفٌ رَحِيْمٌ *

سورة الحشر اية ١٠

"Hai Tuhan kami ampunilah dosa-dosa kami dan segala dosa saudara kami, iaitu orang-orang yang telah lebih dahulu beriman daripada kami, dan janganlah Engkau masukkan dengki-khianat di hati kami terhadap orang-orang yang beriman. Hai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Pengasih lagi Maha Penyayang."

(Surah Al-Hasyr ayat 10).

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِىْ اَوْفَى رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّهُ كَبَّرَ عَلَى جَنَازَةِ ابْنَةٍ لَهُ اَرْبَعَ تَكْبِيْرَاتٍ فَقَامَ بَعْدَ الرَّابِعَةِ كَقَدْرِ مَا بَيْنَ التَّكْبِيْرَتَيْنِ يَسْتَغْفِرُ لَهَا وَيَدْعُوْ ثُمَّ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَصْنَعُ هٰكَذَا.

رواه الحاكم ـ حديث صحيح

"Dari Abdullah bin Abi Aufa r.a. sesungguhnya dia pernah menyembahyangkan jenazah salah seorang anak perempuannya, dengan empat takbir, maka ia berdiri sesudah takbir yang keempat kira-kira selama berdiri antara dua takbir, dimintakannya ampun untuk anaknya itu dan berdoa, kemudian ia berkata: "Adalah Rasulullah s.a.w. mengerjakan seperti ini."

(Diriwayatkan oleh Hakim).

Kalau anak-anak bayi yang meninggal, atau anak kecil maka doanya adalah:

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْهُ لَنَا فَرَطًا وَسَلَفًا وَاَجْرًا.

رواه البخارى

"Ya, Allah – Jadikanlah dia untuk kami sebagai orang yang tidak berdosa, sebagai orang yang dahulu dari kami yang bersih dan suci, dan berikan pahalanya untuk kami."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keenam: Kemudian kita memberi salam ke kanan dan ke kiri, dengan ucapan:

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Keenam macam yang tersebut itu, adalah rukun sembahyang jenazah. Dan tidaklah sah sembahyang itu, kalau salah satu tertinggal. Hingga ini selesailah kita menyembahyangkan jenazah.

Hendaklah diingat, bahawa dalam melakukan sembahyang jenazah itu tidak ada rukuk dan tak ada pula sujud sebab tak pernah dilakukan Nabi s.a.w.

3. MENGANGKAT DUA TANGAN DALAM TAKBIR SEMBAHYANG JENAZAH.

Ulama fikah sepakat tentang mengangkat kedua belah tangan di awal takbir ketika menyembahyangkan jenazah (mayat). Dan berlain faham mereka pada takbir yang lain-lain. Maka berkata satu golongan, bahawa harus juga mengangkat kedua tangan. Dan berkata pula golongan yang lain, bahawa mengangkat kedua tangan itu tidak boleh. Perbezaan faham ini disebabkan maksud hadis Nabi s.a.w. yang berbunyi:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَبَّرَ فِى جَنَازَةٍ

فَرَفَعَ يَدَيْهِ فِى اَوَّلِ التَّكْبِيْرِ وَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى الْيُسْرَى.

رواه الترمذى

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah takbir di waktu sembahyang jenazah, lalu diangkatnya kedua belah tangannya di awal takbir itu, dan diletakkannya tangan yang kanan di atas yang kiri."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Adapun orang yang berpegang dengan hadis ini berpendapat, maka di dalam sembahyang jenazah seseorang tidak boleh mengangkat kedua belah tangannya kecuali pada takbir yang pertama saja. Dan orang yang mengatakan, bahawa seseorang harus mengangkat kedua belah tangannya di tiap-tiap takbir, diserupakan takbir yang kedua itu dan yang berikutnya dengan yang pertama, kerana sesungguhnya semuanya itu diperbuat ketika berdiri dan tegak lurus.

(Demikian Bidayatul Mujtahid).

4. SEMBAHYANG GHAIB.

Bila ada keluarga yang mati di rantau orang, seperti saudara, anak, teman dan sebagainya maka disunatkan juga melakukan sembahyang jenazah atasnya, iaitu sembahyang jenazah mayat yang ghaib (jauh) atau dinamakan juga sembahyang mayat yang jauh (Shalatul-ghaib).

Maka boleh pula orang-orang yang di rantau melakukan sembahyang ghaib, bila ada familinya yang meninggal di kampungnya misalnya ibunya dah sebagainya.

Sebagaimana hal ini pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w terhadap raja Najasyi.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ صَلَّى عَلَى النَّجَاشِيِّ وَكَبَّرَ عَلَيْهِ اَرْبَعًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah menyembahyangkan mayat raja Najasyi dan dibacakan takbir baginya empat kali."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

5. MENYEMBAHYANGKAN JENAZAH BAYI YANG MATI LAHIR.

Seseorang bayi yang mati waktu lahir jika ia bersuara, menangis atau berteriak sebelumnya, ia wajib disembahyangkan sebagaimana mayat biasa. Tetapi kalau ia tidak bersuara, maka tidaklah wajib disembahyangkan.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ اَنَّهُ قَالَ: اَلطِّفْلُ لاَ يُصَلَّى عَلَيْهِ وَلاَ يَرِثُ وَلاَ يُوْرَثُ حَتَّى يَسْتَهِلَّ صَارِخًا.

رواه الترمذى

"Dari Jabir r.a. Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Bayi yang lahir, tidak perlu disembahyangkan, ia tidak mempusakai dan tidak pula dipusakai, hingga ia bersuara menangis."

(Riwayat Tirmizi).

Sebahagian ulama berpendapat, bayi itu tetap juga disembahyangkan, bersuara atau tidak. Hal ini beralasan kepada hadis ini:

عَنِ الْمُغِيْرَةِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلرَّاكِبُ خَلْفَ الْجَنَازَةِ وَالْمَاشِيْ حَيْثُ شَاءَ مِنْهَا وَالطِّفْلُ يُصَلَّى عَلَيْهِ.

رواه اصحاب السنن

"Dari Al-Mughirah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Orang yang berkenderaan berjalan di belakang jenazah, orang yang berjalan kaki, di mana saja ia kehendaki daripadanya, sedang bayi itu perlu disembahyangkan."

(Riwayat As-habussunan).

Pendapat kita: Bayi yang mati lahir, sebelum umur sampai 3 X 40 hari (seratus dua puluh hari), maka tidaklah wajib disembahyangkan, sebab ia belum dianggap mayat sebagai mayat insan biasa, kerana ia masih dalam tingkatan ALAQAH (segumpal darah) dan belum ada nyawa.

Tetapi kalau bayi itu lahir sesudah lewat umur 3 X 40 hari, maka ia wajib dimandikan dan disembahyangkan, sebab ia sudah

merupakan mayat seorang insan, baik ia menangis atau tidak, kerana hubung sewaktu di dalam rahim ibunya, nyawanya sudah ditiup.

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, dari Ibnu Mas'ud, Nabi Muhammad s.a.w. telah menjelaskan mengenai kejadian manusia dalam rahim ibunya, katanya:

40 hari dalam keadaan mani (nutfah), lalu:
40 hari dalam keadaan darah (alaqah), lalu:
40 hari menjelma menjadi daging (mudghah), lengkap dengan peralatan untuk hidupnya. Lalu ditiupkan Allah roh ke dalamnya, serta dicatat segala ketentuan hidupnya, iaitu umur, rezeki, amalnya serta nasibnya."

Dengan keterangan hadis ini, bahawa bayi yang dianggap mayat, bila ia mati lahir, kalau kelahirannya sudah lewat 3 x 40 hari. Sedang kalau yang lahir itu belum cukup 3 X 40 hari, maka belumlah dianggap mayat seorang bayi, biasanya baru merupakan darah yang keluar, atau disebut keguguran.

Oleh sebab itu yang lahir kurang dari 3 X 40 hari tidak wajib disembahyangkan, kerana belum dianggap mayat.

6. MENYEGERAKAN URUSAN JENAZAH.

Bila jenazah telah terbaring di atas rumah, maka hendaklah disegerakan mengurusnya. Kerana tidaklah selayaknya mayat itu dibiarkan lama-lama di dalam rumah.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَسْرِعُوْا بِالْجَنَازَةِ فَاِنْ تَكُ صَالِحَةً فَخَيْرٌ تُقَدِّمُوْنَهَا اِلَيْهِ وَاِنْ تَكُ سِوَى ذٰلِكَ فَشَرٌّ تَضَعُوْنَهُ عَنْ رِقَابِكُمْ. رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: Segerakanlah urusan jenazah, jika ia orang baik, maka itulah orang yang sebaik-baiknya yang kamu segerakan, dan jika ia bukan orang baik, maka itulah orang yang seburuk-buruknya yang kamu buangkan keburukannya dari pundak kamu, (iaitu memasukkannya ke dalam lahad)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan keterangan lain ada pula mengatakan.

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: ثَلَاثٌ لَا تُؤَخِّرْهَا. اَلصَّلَاةُ اِذَا اَتَتْ وَالْجَنَازَةُ اِذَا حَضَرَتْ وَالْأَيِّمُ اِذَا وَجَدْتَ لَهَا كُفُوْءً.

رواه الترمذى ـ حديث غريب

"Dari Ali r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: Tiga perkara yang tak boleh engkau lambatkan, iaitu sembahyang bila telah tiba waktunya, jenazah bila telah terbujur dan janda bila telah ada jodohnya."
(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

7. JIWA MAYAT BERTERIAK WAKTU DIBAWA KE KUBUR.

Jiwa mayat senantiasa berteriak, ketika usungan telah diletakkan di atas bahu (pundak) orang yang akan membawanya. Suara itu didengar oleh segala makhluk yang bernyawa, kecuali manusia.

Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِىِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَقُوْلُ: اِذَا وُضِعَتِ الْجَنَازَةُ فَاحْتَمَلَهَا الرِّجَالُ عَلَى اَعْقَابِهِمْ فَاِنْ كَانَتْ صَالِحَةً قَالَتْ قَدِّمُوْنِى وَاِنْ كَانَتْ غَيْرَ صَالِحَةٍ قَالَتْ لِأَهْلِهَا يَا وَيْلَهَا اَيْنَ تَذْهَبُوْنَ بِهَا يَسْمَعُ صَوْتَهَا كُلُّ شَيْءٍ اِلَّا الْاِنْسَانَ وَلَوْ سَمِعَ الْاِنْسَانُ لَصَعِقَ.

رواه البخارى

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia berkata: Nabi s.a.w. pernah bersabda: "Bila telah diletakkan jenazah, lalu dipikul orang di atas bahunya, apabila ia seorang baik, beliau bersabda: Lekaskanlah aku! dan jika ia seorang tidak baik (banyak berdosa), berkata ia kepada keluarganya yang membawanya itu: Aduuh!! ke manakah akan kamu bawa jenazahku? Suara itu terdengar oleh segala yang bernyawa, kecuali manusia, andaikata terdengar olehnya, nescaya ia pengsan (kelengar) ketakutan."
(Diriwayatkan oleh Bukhari).

8. ERTI MENYEGERAKAN MENGURUS JENAZAH.

Adapun yang dimaksudkan menyegerakan itu, bukanlah berlari-lari secepatnya ke kubur, tetapi segerakanlah mengurusnya, supaya ia lekas keluar dari rumah. Kecuali kalau kematiannya kerana terkejut atau dengan secara tiba-tiba, maka hendaklah ditunggu dan diperiksa dengan teliti lebih dahulu.

Sebagaimana pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w.

عَنْ حُصَيْنِ بْنِ وَحْوَحٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ طَلْحَةَ بْنِ الْبَرَّاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ مَرِضَ فَاَتَاهُ النَّبِيُّ ﷺ يَعُوْدُهُ فَقَالَ: إِنِّىْ لَا أَرَى طَلْحَةَ اِلَّا قَدْ حَدَثَ فِيْهِ الْمَوْتُ فَآذِنُوْنِى بِهِ وَعَجِّلُوْا بِهِ فَاِنَّهُ لَا يَنْبَغِى لِجِيْفَةِ مُسْلِمٍ اَنْ تُحْبَسَ بَيْنَ ظَهْرَانَيْ اَهْلِهِ.

رواه ابو داود

"Dari Hushain bin Wahawhin r.a. Bahawasanya Talhah bin Barrah bin Azib. r.a. sedang sakit, lalu datang Rasulullah s.a.w. menengoknya, Rasulullah s.a.w. bersabda (ketika si sakit telah meninggal): "Sesungguhnya aku belum melihat Talhah ini, melainkan ketika akan mati ini saja, oleh sebab itu beritahulah mengurusnya; kerana sesungguhnya tidaklah patut mayat orang Islam ditahan-tahan dalam lingkungan keluarganya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

9. MENGIRINGKAN MAYAT KE KUBURAN.

Bagi tiap-tiap orang Islam laki-laki dituntut secara fardu kifayah, mengiring mayat ke kubur, kerana hal itu diperintahkan oleh Nabi s.a.w.

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اَمَرَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِعِيَادَةِ الْمَرِيْضِ وَاِتِّبَاعِ الْجَنَازَةِ وَتَشْمِيْتِ الْعَاطِسِ وَإِبْرَارِ الْقَسَمِ وَنَصْرِ الْمَظْلُوْمِ وَاِجَابَةِ الدَّاعِى وَاِفْشَاءِ السَّلَامِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Barra' bin Azib r.a. ia berkata: Kami diperintah oleh Rasulullah s.a.w. untuk menengok orang sakit, mengiring jenazah ke kubur, mendoakan orang yang bersin, memberikan sumpah, menolong orang teraniaya memuliakan (mendatangi) undangan dan membalas salam orang lain."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kecuali perempuan, maka mereka dilarang sekali oleh Rasulullah s.a.w. mengikuti jenazah ke kubur, sebagaimana diterangkan:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: نُهِيْنَا عَنْ اِتِّبَاعِ الْجَنَائِزِ وَلَمْ يُعْزَمْ عَلَيْنَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ummu Athiyah r.a. ia berkata: Kami dilarang oleh Nabi s.a.w. untuk mengiring jenazah ke kubur tetapi tidak diperkenalkan larangan itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Sebab perempuan dilarang mengiring mayat ke kubur.

Adapun sebab-sebabnya perempuan dilarang oleh Rasulullah s.a.w. mengiring jenazah itu ialah kerana mereka suka menangis dan meratap. Apalagi kalau anaknya yang disayanginya meninggal dunia, ia seolah-olah mahu berkubur bersama-sama anaknya.

10. BERDIRI MELIHAT MAYAT YANG SEDANG DIUSUNG KE KUBURAN.

Seseorang yang melihat mayat diusung orang ke kubur disunatkan baginya berdiri, hingga mayat itu hilang dari mata.

عَنْ عَامِرِ بْنِ رَبِيْعَةَ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ قَالَ: اِذَا رَأَيْتُمُ الْجَنَازَةَ فَقُوْمُوْا لَهَا حَتَّى تُخَلِّفَكُمْ اَوْ تُوْضَعَ.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Amir bin Rabiah, dari Rasulullah s.a.w. beliau bersabda: Bila kamu melihat jenazah, maka berdirilah kamu menghormatinya hingga ia hilang dari pandanganmu, atau ia telah diletakkan ke dalam lahad."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

BAB TENTANG KUBURAN

1. MENGGALI KUBURAN.

Bila seseorang menggali kuburan, maka hendaklah kuburan itu agak dalam sedikit, hingga tidak berbau mayat itu keluar, bila badannya telah rosak di dalam tanah. Sekurang-kurangnya dalam kuburan itu hingga kepala orang biasa bila ia berdiri di dalamnya. Bila kuburan telah sedalam itu, baru mayat yang telah rosak di dalam kubur tiada berbau lagi keluar dan sudah terjaga dari binatang buas yang hendak menggali mayat itu.

Sebagaimana diterangkan:

عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَائَتِ الْأَنْصَارُ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ يَوْمَ أُحُدٍ فَقَالُوْا: أَصَابَنَا جُهْدٌ وَقَرْحٌ، فَكَيْفَ تَأْمُرُنَا؟ قَالَ: اِحْفِرُوْا وَاعْمِقُوْا وَاَوْسِعُوْا وَاجْعَلُوْا الرَّجُلَيْنِ وَالثَّلَاثَةَ فِي الْقَبْرِ. قِيْلَ: فَأَيُّهُمْ يُقَدَّمُ؟ قَالَ: أَكْثَرُهُمْ قُرْآنًا.

رواه ابو داود الترمذى بسند صحيح

"Dari Hisyam bin Urwah r.a. ia berkata: Pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. beberapa orang Ansar pada hari perang di Uhud, lalu mereka berkata: Telah sampai kepada kami musibah, iaitu kepayahan dan mati serta luka-luka, bagaimanakah perintah engkau kepada kami? Rasullulah s.a.w. menjawab: Galilah lubang (kubur), dan dalamkanlah dan lapangkanlah kemudian masukkanlah dua atau tiga orang laki-laki ke dalam kubur itu. Ditanya orang pula: Manakah di antara mereka yang akan didahulukan? Ia berkata: Mereka yang paling banyak menghafaz Al-Quran."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Begitulah caranya menguburkan mayat di medan perang. Boleh ditumpuk-tumpuk saja dalam satu kubur. Kalau mayat itu matinya bukan di medan perang, seperti di rumah dan sebagainya, maka disunatkan membuatkan lahad. Iaitu lubang untuk pembaringan dibuat di pinggir sebelah kiblat kubur itu. Sesudah mayat itu dibaringkan, maka tutuplah dengan dua atau tiga helai papan. Boleh juga dengan sehelai papan, apabila papan itu besar bidangnya.

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِىْ وَقَّاصٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ فِى مَرَضِهِ الَّذِى هَلَكَ فِيْهِ: اِلْحَدُوْا لِىْ لَحْدًا وَانْصِبُوْا عَلَيَّ اللَّبِنَ نَصْبًا كَمَا صُنِعَ بِرَسُوْلِ اللهِ ﷺ.

رواه مسلم وأحمد

"Dari Saad bin Abi Waqas r.a. berpesan di waktu sakitnya yang membawa matinya: Buatkan lahad untukku dan dirikanlah batu mejan (nisan) di atas kuburku itu, sebagaimana yang diperbuat orang di kubur Rasulullah s.a.w."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Tirmizi).

Dan hendaklah lubang lahad itu dilapangkan di sebelah kaki dan di sebelah kepalanya.

عَنْ عَاصِمِ بْنِ كَلِيْبِ بْنِ شِهَابٍ عَنْ اَبِيْهِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لِحَافِرِ الْقَبْرِ: اَوْسِعْ مِنْ قِبَلِ رَأْسِهِ وَاَوْسِعْ مِنْ قِبَلِ رِجْلَيْهِ.

رواه ابو داود

"Dari Ashim bin Kalib bin Syihab, dari bapanya (katanya) bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda kepada orang-orang yang menggali kuburan: Lapangkanlah di sebelah kepalanya dan (lapangkanlah) di sebelah kedua kakinya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

2. MEMBUAT LUBANG LAHAD DAN MENGUBURKAN MAYAT.

Adapun guna lahad itu ialah untuk membezakan kuburan orang Islam dan yang bukan orang Islam.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَللَّحْدُ لَنَا وَالشَّقُّ لِغَيْرِنَا.

رواه داود والترمذى بسند حسن

"Dari Ibnu Abbas dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Lahad itu untuk kita (orang Islam) dan lubang itu bukanlah untuk kita (bukan untuk orang Islam).

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Bila kubur itu telah selesai digali orang, masukkanlah mayat itu dengan cara tertib. Dan bacalah nama Tuhan, ketika mayat itu akan dimasukkan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ اِذَا وَضَعَ الْمَيِّتَ فِى الْقَبْرِ قَالَ: بِسْمِ اللهِ وَعَلَى سُنَّةِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ.

رواه الترمذى وابن ماجة بسند حسن

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. bila beliau memasukkan mayat ke alam kubur, beliau bersabda: Dengan nama Allah dan atas sunah Rasulullah s.a.w."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah).

Menurut keterangan dari Abu Ishak yang diriwayatkan oleh Abu Daud menyatakan, bahawa yang menurut sunah Rasul, memasukkan mayat ke dalam kubur dimulai dari pihak sebelah kakinya kemudian baru kepalanya.

Setelah mayat dimasukkan ke dalam lahad baringkanlah dia, menghadap ke kiblat, iaitu badannya yang kanan ke tanah (ke bawah) dan kepalanya di sebelah utara dan kakinya di sebelah selatan.

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اِذَا أَدْخَلَ الْمَيِّتَ الْقَبْرَ إِضْجَعَ فِى اللَّحْدِ عَلَى جَنْبِهِ الْأَيْمَنِ مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ.

رواه ابن ماجة

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. bila beliau memasukkan mayat ke kubur, dibaringkannya mayat di lahad, di atas badannya yang kanan dan menghadap ke kiblat."

(Diriwayatkan oleh Ibnu Majah).

Berkata pengarang kitab "I'anah Al-Talibin": "Dan haramlah menguburkan dua orang yang bukan sejenis dalam satu kubur jika

keduanya bukan orang yang haram nikah atau suami isteri." Kecuali di medan perang, sebagaimana keterangan di atas.

3. BERDIRI UNTUK MEMOHONKAN KEAMPUNAN BAGI MAYAT SETELAH DIKUBURKAN.

Bila mayat telah selesai dikuburkan, disunatkan berdiri sebentar di kubur itu, untuk memintakan doa bagi mayat itu, sebagaimana diperbuat Rasulullah s.a.w.

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَفَ عَلَيْهِ وَقَالَ: اِسْتَغْفِرُوْا لِأَخِيْكُمْ وَسَلُوْا لَهُ التَّشْبِيْتَ فَإِنَّهُ الْآنَ يُسْأَلُ. رواه ابو داود

"Dari Usman bin Affan r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. bila beliau telah selesai menguburkan mayat, beliau berdiri sebentar dekat kubur itu, dan bersabda: "Mintakanlah ampun (berdoa bagi) saudaramu ini, dan mohonkanlah kelapangan baginya di dalam kubur (supaya ia tetap di dalam kalimat tauhid), kerana sesungguhnya ia sekarang sedang ditanya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Berkata Imam Syafii: Disunatkan supaya dibacakan sesuatu ayat Al-Quran di dekatnya dan jika mereka dapat menamatkan Quran itu seluruhnya itulah yang baik sekali.

(Demikian Riyadhush-Shalihin).

Dalam tafsir Al-Khazin dalam surah An-Najmi pada tafsir ayat No: 39 dinyatakan: "Dan yang masyhur dari mazhab Syafii, bahawasanya ayat-ayat Al-Quran yang dihadiahkan (termasuk Al-Fatihah) tidak sampai pahalanya kepada mayat." Kata Syafii yang masyhur ini dapat diterima oleh fikiran kita, sebab tak ada kita dapati sesuatu keterangan yang menyuruh supaya menghadiahkan bacaan-bacaan, biar tahlil mahupun yang lain-lain kepada mayat, akan tetapi tak ada pula yang melarang. Keterangan yang kita dapati hanya "berdoa" kepada mayat. Iaitu keterangan di dalam Al-Quran dan perbuatan Nabi s.a.w. Dalam hal ini, bila seseorang membaca ayat-ayat Al-Quran, tahlil, zikir-zikir lainnya (kerana tak ada alasan yang melarang), yang pahalanya dihadiahkan kepada mayat, kalau kemudian ia doakan supaya pahalanya di-

sampaikan Allah kepada mayat, maka mudah-mudahan saja sampai pahalanya. Sebab andaikata doa dikabulkan Allah, semuanya dapat berhasil. Apalagi hal ini adalah amal salih.

Inilah pendapat dari beberapa sahabat Syafii.

4. MENYIRAMI KUBURAN DENGAN AIR.

Sesudah mayat itu selesai ditanamkan disunatkan menyirami kubur itu dengan air. Dimulai dari kepala di pihak sebelah kanan hingga dua kakinya.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رُشَّ عَلَى قَبْرِ النَّبِيِّ ﷺ اَلْمَاءُ رَشًّا فَكَانَ الَّذِىْ رَشَّ عَلَى قَبْرِهِ بِلاَلُ بْنُ رَبَاحٍ بَدَأَ مِنْ شَقِّهِ الْأَيْمَنِ حَتَّى اِنْتَهَى اِلَى رِجْلَيْهِ.

رواه البيهقى

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Disiramkan air ke atas kubur Nabi s.a.w. sebasah-basahnya. Maka orang yang menyiramkan air ke atas kubur beliau ialah Bilal bin Rabah, ia memulakan dari kepalanya sebelah kanan hingga sampai kedua kakinya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Dan dilarang (makruh) menembok iaitu menyemen kubur dan juga dilarang duduk di atasnya.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَنْ يُجَصَّصَ الْقَبْرُ وَاَنْ يُقْعَدَ عَلَيْهِ وَاَنْ يُبْنَى عَلَيْهِ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia telah berkata: Rasulullah s.a.w. melarang menembok kuburan dan duduk di atasnya, atau dibuatkan rumah-rumahan di atasnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

5. PERTANYAAN DI DALAM KUBUR.

Menurut keterangan yang sahih, bila mayat telah ditanamkan, dan orang yang menghantarkan telah kembali pulang, maka rohnya

kembali ke jasadnya, dan ia mendengar bunyi telapak kaki atau bunyi kasut orang yang kembali itu. Sesudah rohnya kembali, barulah datang dua orang malaikat menanya soal-soal yang bersangkutan dengan agama. Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi, bahawa kedua malaikat itu bernama malaikat Munkar dan Nakir.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا وُضِعَ فِي قَبْرِهِ وَتَوَلَّى عَنْهُ أَصْحَابُهُ وَإِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نِعَالِهِمْ يَأْتِيْهِ مَلَكَانِ فَيَقْعُدَانِهِ فَيَقُوْلاَنِ لَهُ: مَا كُنْتَ تَقُوْلُ فِي هٰذَا الرَّجُلِ فَأَمَّا الْمُؤْمِنُ فَيَقُوْلُ: أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدُ اللهِ وَرَسُوْلُهُ فَيُقَالُ لَهُ: أُنْظُرْ إِلَى مَقْعَدِكَ مِنَ النَّارِ قَدْ أَبْدَلَكَ اللهُ بِهِ مَقْعَدًا مِنَ الْجَنَّةِ فَيَرَاهُمَا جَمِيْعًا وَأَمَّا الْكَافِرُ وَالْمُنَافِقُ فَيُقَالُ لَهُ: مَا كُنْتَ تَقُوْلُ فِي هٰذَا الرَّجُلِ فَيَقُوْلُ: لاَ أَدْرِيْ كُنْتُ أَقُوْلُ مَا يَقُوْلُ النَّاسُ. فَيُقَالُ: لاَ دَرَيْتَ وَلاَ تَلَيْتَ وَيُضْرَبُ بِمَطَارِقَ مِنْ حَدِيْدٍ ضَرْبَةً فَيَصِيْحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيْهِ غَيْرَ الثَّقَلَيْنِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya hamba (manusia) bila telah diletakkan di dalam kuburnya, dan kawan-kawannya yang menghantarkannya telah berbalik pulang, maka sesungguhnya ia mendengar pula bunyi derap kasut (telapak kaki) mereka, datanglah kepadanya dua orang malaikat, lalu keduanya duduk didekatnya. Keduanya lalu berkata kepadanya: "Apakah yang pernah engkau katakan tentang laki-laki ini yang dimaksudkan ialah Nabi Muhammad s.a.w.). Adapun orang itu apabila ia seorang mukmin, maka ia akan menjawab: "Aku bersaksi, bahawa ia adalah hamba Allah dan Rasul-Nya. Maka dikatakan kepadanya (kepada mayat itu). Menengoklah ke tempat engkau yang sedianya di neraka, sungguh telah diganti Allah untuk

engkau tempat itu dengan syurga. Maka ia pun melihat keduanya semua. Dan adapun orang yang kafir dan munafik. maka dikatakan kepadanya: Apakah yang pernah engkau katakan pada orang ini. Ia pun berkata: Aku tidak tahu sama sekali. Pernah aku berkata menurut yang dikatakan oleh orang-orang. Lalu dikatakan kepadanya: Engkau tidak tahu? Dan engkau tidak pernah membaca? Sambil dipukulkan kepadanya tongkat daripada besi satu kali pukul. Ia pun berteriak satu kali teriakan yang didengar oleh orang-orang yang sekitar (makhluk yang bernyawa) selain bangsa jin dan manusia."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain ditambah pula:

عَنِ الْبَرَّاءِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اِنَّ الْمُؤْمِنَ اِذَا وُضِعَ فِى قَبْرِهِ وَتَوَلَّى عَنْهُ اَصْحَابُهُ وَهُوَ يَسْمَعُ خَفْقَ نِعَالِهِمْ يَأْتِيْهِ مَلَكَانِ فَيَجْلِسَانِهِ فَيَقُوْلاَنِ لَهُ: مَنْ رَبُّكَ فَيَقُوْلُ رَبِّىَ اللهُ فَيَقُوْلاَنِ لَهُ: مَا دِيْنُكَ فَيَقُوْلُ دِيْنِى الْاِسْلاَمُ فَيَقُوْلاَنِ لَهُ مَنْ هٰذَا الرَّجُلُ الَّذِى بُعِثَ فِيْكُمْ فَيَقُوْلُ هُوَ رَسُوْلُ اللهِ فَيَقُوْلاَنِ مَا يُرِيْكَ فَيَقُوْلُ قَرَأْتُ كِتَابَ اللهِ فَآمَنْتُ بِهِ وَصَدَّقْتُ وَسَاقَ الْحَدِيْثُ اِلَى قَوْلِهِ : وَاِنَّ الْكَافِرَ اَوِ الْمُنَافِقَ اِذَا وُضِعَ فِى قَبْرِهِ وَعَادَتْ رُوْحُهُ فِى جَسَدِهِ يَأْتِيْهِ مَلَكَانِ فَيَجْلِسَانِهِ فَيَقُوْلاَنِ لَهُ مَنْ رَبُّكَ فَيَقُوْلُ هَاهْ هَاهْ لاَ اَدْرِى فَيَقُوْلاَنِ: مَا دِيْنُكَ فَيَقُوْلُ هَاهْ هَاهْ لاَ اَدْرِى فَيَقُوْلاَنِ: مَا هٰذَا الرَّجُلُ الَّذِى بُعِثَ فِيْكُمْ فَيَقُوْلُ هَاهْ هَاهْ لاَ اَدْرِى قَالَ فَيُنَادِىْ مُنَادٍ مِنَ السَّمَآءِ اَنْ كَذَّبَ فَافْرِشُوْهُ مِنَ النَّارِ وَالْبِسُوْهُ مِنَ النَّارِ وَافْتَحُوْا لَهُ بَابًا مِنَ النَّارِ.

رواه ابو داود بسند حسن

"Dari Barrak r.a. ia telah berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. bersabda: Bahawasanya orang mukmin bila ia telah ditanamkan di dalam kuburnya, dan kawan-kawan yang menghantarnya telah kembali, sedang ia mendengar derapan selipar mereka, datanglah kepadanya dua orang malaikat lalu kedua malaikat itu duduk di dekatnya, lantas bertanya: "Siapakah tuhan engkau," lalu dijawabnya: "Tuhanku ialah Allah." Keduanya bertanya lagi: "Apakah Agama engkau." Dijawabnya: "Agamaku ialah Islam." Keduanya bertanya lagi: "Siapakah laki-laki ini yang telah diutus kepadamu." Lalu ia menjawab: "Dia adalah Rasulullah." Lalu keduanya bertanya lagi. "Di mana engkau tahu." Ia menjawab: "Sebab aku membaca kitab Allah (Al-Quran), lalu aku percaya dengannya dan aku benarkan."Seterusnya hadis itu berbunyi hingga katanya: "Dan sesungguhnya orang-orang kafir atau munafik, bila telah diletakkan di dalam kuburnya, dan rohnya telah kembali ke jasadnya datanglah kepadanya dua orang malaikat, lalu keduanya duduk di dekatnya, lalu bertanya: Siapakah Tuhan engkau. Dijawabnya: Haah – haah, aku tak tahu. Keduanya bertanya lagi: Apakah Agama engkau. Ia menjawab: Haah – haah – aku tak tahu. Keduanya bertanya lagi: Siapakah yang telah diutus kepadamu. Ia menjawab: Haah – haah, aku tak tahu. Bersabda Rasulullah s.a.w.: Maka datanglah seruan dari langit "Dia telah dusta." Berilah ia tempat di neraka, berilah ia pakaian dari pakaian neraka dan bukakanlah kepadanya pintu neraka."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dengan kedua hadis ini jelaslah, bahawa mayat itu mendengar di dalam kuburnya. Dengan melihat kepada kedua hadis ini, maka tidaklah perlu ditalkinkan lagi, sebab orang mukmin pasti juga dapat menjawab segala pertanyaan malaikat Munkar dan Nankir, sedang orang-orang kufur atau munafik tidak akan dapat menjawab, walaupun diajarkan dari luar (ditalkinkan).

Dalam satu hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ أَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اِنَّمَا الْقَبْرُ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ اَوْ حُفْرَةٌ مِنْ حُفَرِ النَّارِ.

رواه الترمذى

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Sesungguhnya kubur itu merupakan satu taman dari taman Syurga, atau merupakan satu jurang dari jurang api neraka."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Juga kuburan itu tempat yang mula-mula dari kampung akhirat, dan merupakan tempat yang paling ngeri melihatnya.

Dalam satu hadis dinyatakan:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اِنَّ الْقَبْرَ أَوَّلُ مَنَازِلِ الْآخِرَةِ فَاِنْ نَجَا مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَيْسَرُ مِنْهُ وَاِنْ لَمْ يَنْجَ مِنْهُ فَمَا بَعْدَهُ أَشَدُّ مِنْهُ مَا رَاَيْتُ مِنْظَرًا قَطُّ إِلاَّ الْقَبْرُ اَفْظَعُ مِنْهُ.

رواه الترمذى

"Dari Usman bin Affan r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya kuburan itu mula-mula tempat kampung akhirat. Maka jika seseorang lulus daripadanya, maka apa yang sesudahnya lebih mudah daripadanya. Dan jika seseorang tidak lulus daripadanya, maka apa yang sesudahnya lebih sulit daripadanya. Tidaklah aku pernah melihat satu pemandangan yang sangat mengerikan selain kuburan."

(Riwayat Tirmizi).

6. HUKUM HARAM MERATAPI MAYAT.

Meratap ertinya mendendang-dendangkan sambil menyebut-nyebut perangai dan kebaikan si mayat semasa hidupnya sambil menghempas-hempaskan diri, merobek-robek baju di dada, kerana sudah putus tali tempat bergantung, sudah patah dahan tempat berpihak. Putus tali, putus harapan, hilang anak kesayangan hati. Banyak lagi kata-kata yang menunjukkan pujaan terhadap mayat itu. Perbuatan inilah yang dinamakan ratap, hukumnya haram.

Berdosalah siapa-siapa yang meratapi mayat. Kerana meratap itu bererti telah menyeksa dirinya si mayat di dalam kubur. Sebagaimana ada keterangan mengatakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَلْمَيِّتُ يُعَذَّبُ فِى قَبْرِهِ بِمَا نِيْحَ عَلَيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: Mayat itu diseksa di dalam kuburnya kerana dia diratapi.
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kerana perbuatan itu adalah perbuatan orang-orang jahiliah purbakala, dan bukan sunah dari Nabi.

عَنْ اِبْنِ مِسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ ﷺ: لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُوْدَ وَشَقَّ الْجُيُوْبَ وَدَعَا بِدَعْوَى الْجَاهِلِيَّةِ.

رواه البخارى وسلم

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Bukanlah masuk umat kami, orang-orang yang memukul pipinya dan orang yang merobek baju di dada, serta berdendang-dendang dengan dendang jahiliah (meratap)."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Berkata pengarang kitab Subulussalam: "Dan sungguh maksud hadis ini didebat orang, sebab seksaan mayat itu disebabkan oleh perbuatan orang lain, akan tetapi dijawab oleh orang dengan beberapa jawapan. Aisyah isteri Nabi pun pernah pula mengingkari hal itu (maksud hadis itu) terhadap Umar dan anaknya Abdullah Ibnu Umar. Dan Aisyah mengambil alasan firman Allah yang berbunyi: "TIDAKLAH DAPAT MEMIKUL ORANG YANG BERDOSA AKAN DOSA ORANG LAIN" (Surah Fatir ayat 18). Dan seperti demikian pula Abu Hurairah r.a. mengingkari pula. Akan tetapi oleh Qurtubi keingkaran Aisyah itu sangat diperjauhnya sekali. Dan disebutkannya bahawa hadis di atas diriwayatkan oleh sejumlah sahabat. Oleh sebab itu tak ada jalan bagi keingkaran Aisyah itu, serta hal itu mungkin pula maksudnya ditakwilkan. Kemudian Qurtubi mencari persamaan maksud hadis yang mengenai *azab* itu, dan maksud ayat, katanya: Keadaan di alam barzah (alam kubur) dihubungkan dengan hal ehwal di dunia. Dan sungguh pernah berlaku azab di dunia itu dengan sebab dosa orang lain seperti yang diisyaratkan oleh firman Allah; "DAN HATI-HATILAH KAMU TERHADAP BENCANA, YANG MANA BENCANA ITU TIDAK SAHAJA KHUSUS MENGENAI ORANG-ORANG YANG ZALIM PADA GOLONGANMU" (Surah Anfal, ayat 25). Oleh sebab itu hadis yang mengenai azab di atas tidak berlawan dengan ayat "TIDAKLAH DAPAT MEMIKUL ORANG YANG BERDOSA AKAN DOSA ORANG LAIN." Sebab yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah

khabar berita tentang keadaan di hari kiamat. Dan pengarang sejarah kitab ini menguatkan pendapat itu.

(Demikian Subulassalam).

Bila orang-orang yang meratap itu tidak taubat dari kesalahan meratap itu, di hari kiamat ia akan diberi selendang api oleh Tuhan.

عَنْ اَبِىْ مَالِكِ الْأَشْعَرِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلنَّائِحَةُ اِذَا لَمْ تَتُبْ قَبْلَ مَوْتِهَا تُقَامُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَعَلَيْهَا سِرْبَالٌ مِنْ قَطِرَانٍ وَدِرْعٌ مِنْ جَرَبٍ.

رواه مسلم

"Dari Abu Malik Al-Asyari r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Perempuan-perempuan yang meratap itu, bila ia tidak taubat sebelum mati, di hari kiamat ia akan ditegakkan, sedang dipundaknya dipakaikan selendang dari api neraka dan baju besi dari karat-karat besi neraka."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Sekadar menangis saja tidak dilarang dan tidaklah mengapa, sebagai tanda kesayangan kepada mayat itu. Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اَلاَ تَسْمَعُوْنَ اِنَّ اَللهَ لاَ يُعَذِّبُ بِدَمْعِ الْعَيْنِ وَلاَ بِحُزْنِ الْقَلْبِ وَلَكِنْ يُعَذِّبُ بِهٰذَا اَوْ يَرْحَمُ وَأَشَارَ اِلَى لِسَانِهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidaklah kamu dengar, bahawa Allah tidak menyeksa dengan titisan air mata dan tidak pula dengan kerisauan hati, akan tetapi ia menyeksa dengan ini, atau ia menyayangi, dan Nabi menunjuk lidahnya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

7. MENGHIBUR KELUARGA SI MAYAT.

Kepada orang-orang yang ditimpa kemalangan kerana kematian keluarga, disunatkan memberikan hiburan, dengan kata-kata atau perbuatan yang menimbulkan kesabaran. Dihibur dan digembirakan dengan apa saja yang dapat menjadi penawar hati bagi orang yang sedang ditimpa cubaan itu.

Umpamanya memberi wang ala kadarnya, memberi beras dan sebagainya.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ جَعْفَرَ بْنِ أَبِىْ طَالِبٍ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اِصْنَعُوْا لِآلِ جَعْفَرٍ طَعَامًا فَقَدْ جَاءَهُمْ اَمْرٌ يُشْغِلُهُمْ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Abdullah bin Ja'far bin Abu Talib ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Buatkanlah untuk keluarga Ja'afar makanan, maka sungguh telah datang kepada mereka urusan yang membimbangkan mereka."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

8. HUKUM MAKRUH MAKAN-MAKAN DI RUMAH MAYAT.

Dan makruh hukumnya makan-makan di rumah ahli (keluarga) mayat, kerana hal yang semacam itu bukan bermakna menghibur, tetapi adalah memakan atau menghabiskan apa yang ada padanya.

Keluarga mayat yang membuat-buatkan makanan bagi orang yang datang menziarahi, bererti ia telah meratapi mayat itu. Biar ketika mayat sedang terhantar ataupun sesudah dikuburkan.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ جُرَيْرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نَعُدُّ الْاِجْتِمَاعَ اِلَى اَهْلِ الْمَيِّتِ وَصَنِيْعَةَ الطَّعَامِ بَعْدَ دَفْنِهِ مِنَ النِّيَاحِ.

رواه احمد وابن ماجة

"Dari Jurair bin Abdullah r.a. ia berkata: Adalah kami beranggapan bahawa berkumpul (berpesta) pada keluarga mayat dan membuat makanan sesudah menguburkannya itu, sebahagian dari meratap."
(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah).

Berkata sebahagian ulama-ulama fikah: Bahawa makan-makan di rumah mayat itu adalah masuk perbuatan bid'ah mungkar dan sangat terlarang sekali dalam agama.
(Demikian I'anah At-Talibin).

Akan tetapi keterangan ini ditentang orang, dengan pendapat sebagai berikut:

Pertama: Bahawa keterangan ini bukanlah hadis dari Nabi s.a.w. melainkan hanyalah perkataan dan pendapat salah seorang sahabat.

Kedua: Bahawa maksud berkumpul dalam keterangan ini, tidak pula dijelaskan, apakah untuk takziah ataukah untuk meratap sesudah mayat dikuburkan.

Ketiga: Bahawa di dalam keterangan ini dinyatakan, bahawa membuat atau memasak makanan sesudah mayat dikuburkan, termasuk meratap. Ini menandakan, bahawa makanan yang dibuat ini, ialah untuk menjamu orang meratap, kalau tidak, maka akal tidak menerima, bahawa memasak makanan di rumah mayat itu termasuk meratap.

Keempat: Bahawa membuat makanan atau makan-makan kalau dilarang secara mutlak (termasuk meratap), maka rumah itu tentu tidak boleh dipakai buat selamanya lagi, dan ahli rumah juga terlarang memasak dan makan-makan sesudah mayatnya di kubur itu.

Demikian pendapat dari sebahagian ulama mengenai keterangan ini. Dari itu mereka berpendapat, bahawa makan-makan yang terlarang di rumah mayat sesudah mayat dikuburkan, hanyalah makan-makan yang digunakan untuk menjamu orang yang meratap atau untuk perbuatan-perbuatan mungkar lainnya. Adapun makan-makan yang disengaja oleh ahli rumah untuk disedekahkan, yang pahalanya untuk yang meninggal itu, sebagaimana halnya banyak terjadi di kalangan orang-orang kaya Islam atau orang-orang yang mampu maka tidaklah mengapa.

9. MEMBONGKAR KUBURAN DAN MEMINDAHKAN MAYAT.

Menurut dasar hukum, bahawa membongkar kuburan itu haram, kecuali kalau ada hajat yang sangat penting untuk membongkar, umpamanya mayat itu belum dimandikan atau hendak

memindahkannya ke tempat lain, bila kubur yang semula itu tidak disukai oleh familinya. Atau tempat yang semula itu akan dijadikan orang yang untuk mendirikan bangunan misalnya oleh yang punya tanah dan sebagainya.

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: دُفِنَ مَعَ اَبِىْ رَجُلٌ فَلَمْ تَطِبْ نَفْسِى حَتَّى اَخْرَجْتُهُ فَجَعَلْتُهُ فِى قَبْرٍ عَلَى حِدَةٍ.

رواه البخارى والنسائى

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Telah dikuburkan bersama-sama dengan bapaku seorang laki-laki, kemudian tidak senang hatiku, maka aku bongkarlah kubur itu, lalu aku pindahkan ke dalam sebuah kubur yang tersendiri."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Nasai).

Keterangan lain ada pula menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَدِمَ النَّبِيُّ ﷺ الْمَدِيْنَةَ وَأُمِرَ بِبِنَاءِ الْمَسْجِدِ فَقَالَ: يَا بَنِى النَّجَارِ ثَامِنُوْنِى بِحَائِطِكُمْ هٰذَا فَقَالُوْا: لَا وَاللهِ لَا نَطْلُبُ ثَمْنَهُ اِلَّا اِلَى اللهِ فَاَمَرَ بِقُبُوْرِ الْمُشْرِكِيْنَ فَنُبِشَتْ ثُمَّ بِالْخَرْبِ فَسُوِيَتْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah datang Nabi s.a.w. ke Madinah, dan beliau diminta orang supaya membuat masjid, kemudian beliau bersabda: Ya Bani Najar! Juallah kepadaku pekaranganmu ini! Maka mereka menjawab: "Tidak, demi Allah, kami tidak akan meminta harganya melainkan (kami serahkan) kepada Allah semata-mata, maka diperintahkannya membongkar segala kuburan orang yang musyrik, kemudian ditimbuni segala lubang-lubang itu lalu diratakan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

10. LARANGAN MEMECAH TULANG MAYAT.

Dan haram hukumannya memecah-mecah dan membuangkan tulang mayat, bila berjumpa (tergali).

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: كَسْرُ عَظْمِ الْمَيِّتِ كَكَسْرِهِ حَيًّا.

رواه ابو داود وابن ماجة

"Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Memecah-mecah (mematah) tulang mayat, tak ubahnya seperti memecah (mematahnya) di waktu hidupnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

Tetapi wajiblah menanamkannya kembali seperti semula.

11. ANAK DAGANG YANG MATI DI RANTAU DAN SOAL MEMUJI MAYAT.

Adapun orang yang meninggal di luar tanahairnya, maka Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan, bahawa orang itu akan dimasukkan ke dalam syurga. Sebagaimana diterangkan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّ الرَّجُلَ اِذَا مَاتَ بِغَيْرِ مَوْلِدِهِ قِيْسَ لَهُ مِنْ مَوْلِدِهِ اِلَى مُنْقَطَعِ اَثَرِهِ فِى الْجَنَّةِ.

رواه النسائى

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya laki-laki itu, bila ia mati di luar tanah kelahirannya (di rantau orang), diumpamakan baginya dari negeri tempat kelahirannya pergi ke perantauan tempat ia menghembuskan nafas itu, seperti (ia masuk) ke dalam syurga."

(Diriwayatkan oleh Nasai).

Bila mayat telah terbujur, maka disunatkanlah menyanjung, dan memuji-muji mayat itu. Dan mengatakan ucapan-ucapan kebaikan terhadap mayat itu. Terutama sekali, mengucapkan dan memohonkan doa kebajikan untuknya. Sebab apa yang dikatakan ketika itu, diaminkan oleh malaikat. Sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ اُمِّ سَلَمَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا

حَضَرْتُمُ الْمَرِيْضَ اَوِ الْمَيِّتَ فَقُوْلُوْا: خَيْرًا فَاِنَّ الْمَلَائِكَةَ يُؤَمِّنُوْنَ عَلَى مَا تَقُوْلُوْنَ.

رواه مسلم

"Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila kamu menghadapi orang sakit atau mayat, maka keluarkanlah olehmu ucapan kebaikan, kerana sesungguhnya malaikat mengaminkan segala yang kamu katakan itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Sekurang-kurangnya hendaklah dibacakan di sisinya: Ya Allah, mudah-mudahan masuk syurga hendaknya saudaraku ini dan terpelihara ia dari seksa kubur dan lain-lain.

12. BACAAN KETIKA MENDENGAR MUSIBAH.

Dan bila seseorang mendengar suatu bahaya yang telah menimpa orang lain, umpamanya kematian, kebakaran dan sebagainya maka disunatkan baginya membaca:

اِنَّا لِلّٰهِ وَاِنَّا اِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ ❋

"Sesungguhnya kami kepunyaan Allah, dan sesungguhnya kami akan kembali kepada-Nya."

Sebagaimana keterangan menyatakan:

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى: وَبَشِّرِ الصَّابِرِيْنَ الَّذِيْنَ اِذَا اَصَابَتْهُمْ مُّصِيْبَةٌ قَالُوْا اِنَّا لِلّٰهِ وَاِنَّا اِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ ❋

سورة البقرة اية ١٥٥ - ١٥٦

"Berfirman Allah Taala: "Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang apabila mereka ditimpa suatu cubaan (musibah), mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah, dan sesungguhnya kami akan kembali kepada-Nya."

(Surah Al-Baqarah ayat 155 – 156).

Keterangan lain:

عَنْ اُمِّ سَلَمَةَ رَضِىَ اللّٰهُ عَنْهَا قَالَتْ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللّٰهِ ﷺ

يَقُوْلُ مَا مِنْ عَبْدٍ تُصِيْبُهُ مُصِيْبَةٌ فَيَقُوْلُ اِنَّا لِلّٰهِ وَاِنَّا اِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ اَللّٰهُمَّ أْجُرْنِىْ مِنْ مُصِيْبَتِى وَاخْلُفْ لِىْ خَيْرًا مِنْهَا. اِلَّا آجَرَهُ اللّٰهُ تَعَالَى فِى مُصِيْبَتِهِ.

رواه مسلم

"Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Tiadalah seorang hamba yang dikenai bahaya, lalu membaca: "انا لله وانا اليه راجعون" . *Ya Allah! Berilah aku pahala kerana musibahku, dan gantilah ia dengan kebaikan bagiku. Melainkan Allah memberi pahala kepadanya dalam musibahnya itu."*

(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB ORANG YANG SEDANG DALAM SAKARATUL MAUT

1. MENGAJARKAN KALIMAT TAUHID KEPADA ORANG AKAN MENINGGAL.

Kepada seseorang yang akan meninggal dunia, disunatkan bagi orang yang didekatnya untuk mengajarkan kalimat:

(لا اله الا الله) walaupun lidah mayat itu sudah berat membacanya.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِىِّ رَضِىَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ ﷺ: لَقِّنُوْا مَوْتَاكُمْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ.

رواه مسلم

*"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Ajarkanlah kepada mayat kamu (orang yang menghadapi mati), **tiada tuhan selain Allah.**"*

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dalam keterangan lain dinyatakan:

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رِضِىَ اللّٰهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: مَنْ كَانَ

آخِرُ كَلَامِهِ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

*"Dari Muaz bin Jabal r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang akhir ucapannya: **"Tiada ada Tuhan melainkan Allah"** masuklah ia ke dalam syurga."*

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Menurut keterangan lain baik sekali dibacakan surah Yasin kepada orang yang sedang menghadapi maut itu.

عَنْ مُعْقَلِ بْنِ يَسَارٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اِقْرَؤُا عَلَى مَوْتَاكُمْ يٰس.

رواه ابو داود والنسائى

"Dari Mu'qal bin Yasar r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Bacakanlah olehmu surah Yasin kepada mayatmu. (Orang akan mati)."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

2. BERDOA KETIKA SAKARATUL MAUT.

Orang-orang sakit yang telah merasa dirinya tak akan lama lagi hidup atau ketika ia telah sampai pada saat akan menghembuskan nafas yang penghabisan, disunatkan baginya membaca doa, supaya ia terlepas dari kesusahan mati. Sebagaimana telah dilakukan sendiri oleh Nabi Muhammad s.a.w.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ وَهُوَ بِالْمَوْتِ وَعِنْدَهُ قَدَحٌ فِيْهِ مَاءٌ وَهُوَ يُدْخِلُ يَدَهُ فِى الْقَدَحِ ثُمَّ يَمْسَحُ وَجْهَهُ بِالْمَاءِ ثُمَّ يَقُوْلُ: اَللّٰهُمَّ اَعِنِّىْ عَلَى غَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَسَكَرَاتِ الْمَوْتِ.

رواه الترمذى

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Pernah aku melihat Rasulullah s.a.w. ketika akan wafat dan didekatnya ada sebuah mangkok berisi air, lalu dimasukkan tangannya ke dalam mangkuk itu, kemudian disapukan mukanya dengan air itu seraya berkata: Ya Allah! Tolonglah aku atas kesusahan mati dan mabuk sakaratul maut.

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

3. TERLIHAT SYURGA ATAU NERAKA KETIKA SAKARATUL MAUT.

Waktu manusia dalam sakaratul maut, Allah memperlihatkan keredaan-Nya atau kemurkaan-Nya, yang berupa syurga atau neraka. Keredaan bagi orang yang matinya mati bahagia, mendapat keampunan daripada-Nya. Kemurkaan bagi orang yang matinya mati celaka, mendapat kemarahan dan kebencian Allah, kerana perbuatan derhakanya selagi ia hidup di dunia.

Dalam sebuah hadis dinyatakan pula:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْمُؤْمِنُ اِذَا حَضَرَهُ اَلْمَوْتُ بُشِّرَ بِرِضْوَانِ اللهِ وَكَرَمَتِهِ فَلَيْسَ شَيْءٌ اِلَيْهِ مِمَّا اَمَامَهُ فَاَحَبَّ لِقَاءَ اللهِ وَاَحَبَّ اللهُ لِقَائَهُ وَاِنَّ الْكَافِرَ اِذَا حَضَرَهُ اَلْمَوْتُ بُشِّرَ بِعَذَابِ اللهِ وَعُقُوْبَتِهِ فَلَيْسَ شَيْءٌ اَكْرَهُ إِلَيْهِ مِمَّا اَمَامَهُ فَكَرِهَ لِقَاءَ اللهِ وَكَرِهَ اللهُ لِقَائَهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ubadah bin Shamit r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: Orang mukmin, bila ia telah mendekat mati, ia diberi kegembiraan dengan memperlihatkan keredaan dan kemuliaan Allah. Maka tidaklah sesuatu yang lebih disukainya, selain dari apa yang ada di depannya itu. Maka iapun suka menjumpai Allah, dan Allah pun suka pula menjumpainya. Dan sesungguhnya orang kafir, bila ia telah mendekat mati, ia diberi gembira dengan azab dan seksaan Allah. Maka tidaklah sesuatu yang lebih dibencinya selain apa yang ada di depannya itu. Maka ia benci menjumpai Allah dan Allah benci pula menjumpainya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

4. MEMPERBANYAK MENGINGAT MATI.

Ketahuilah bahawa kita hidup di dunia ini adalah sebagai orang yang sedang dalam perjalanan. Kita keluar dari tempat yang gelap, akan pergi ke tempat yang gelap pula. Kita keluar dari rahim bonda, tempat yang hanya sekadar memuat badan kita saja, dan kemudian kita akan menuju pula ke lubang kubur, yang juga hanya sekadar dapat memuat badan kita pula. Demikianlah keadaan kita sekarang, yang tengah melalui jalan. Atau kita diumpamakan juga orang yang sedang berdagang (merantau), orang yang sedang mencari perbekalan untuk dibawa pulang ke kampung yang asal, kampung akhirat, tempat kita menetap untuk selama-lamanya. Alangkah kecewanya kita kalau perbekalan kurang. Jalan jauh yang akan ditempuh, pesawangan sulit akan dihadapi, ialah sakaratul maut. Bila saat mati telah datang tinggallah ayan dan bonda, tinggallah anak dan isteri yang kita sayangi tinggallah sekalian kekayaan yang ada, tak ada yang kita bawa ke dalam kubur, kecuali keimanan yang teguh di dada kita, dan amal ibadat yang telah kita kerjakan selagi hidup di dunia. Oleh sebab itu perbanyakkanlah mengingat mati, disamping usaha kebajikan yang kita lakukan. Tak ada ertinya kita mengingati mati, kalau amal ibadat tidak kita kerjakan. Orang-orang yang banyak mengingat mati, di samping amal kebajikan dikerjakannya, inilah namanya orang yang malu kepada Tuhan.

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لِأَصْحَابِهِ إِسْتَحْيُوْا مِنَ اللهِ حَقَّ الْحَيَاءِ قَالُوْا: اِنَّا نَسْتَحْيِ يَا نَبِيَّ اللهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ. قَالَ: لَيْسَ كَذٰلِكَ وَلٰكِنْ مَنِ اسْتَحْيِ مِنَ اللهِ حَقَّ الْحَيَاءِ فَلْيَحْفِظِ الرَّأْسَ وَمَا وَعَى وَلْيَحْفِظِ الْبَطْنَ وَمَا حَوَى وَلْيَذْكُرِ الْمَوْتَ وَالْبِلَى وَمَنْ اَرَادَ الْآخِرَةَ تَرَكَ زِيْنَةَ الدُّنْيَا وَمَنْ فَعَلَ ذٰلِكَ فَقَدِ اسْتَحْيَى مِنَ اللهِ حَقَّ الْحَيَاءِ.

رواه الترمذى

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada sahabat-sahabatnya: Malulah kamu kepada Allah

sebenar-benarnya malu. Mereka menjawab: Sungguh kami malu, ya Rasulullah, dan segala puji bagi Allah. Rasulullah menjawab: Bukan seperti yang kamu katakan itu, akan tetapi orang yang malu kepada Allah sebenar-benarnya malu maka hendaklah dijaganya kepalanya dan apa yang berharga di sekitarnya, dan hendaklah dijaga perutnya dan apa yang terkandung di dalamnya dan hendaklah ia ingati mati dan bangkai (yang bakal hancur di dalam kubur) dan sesiapa yang ingin kebahagiaan akhirat, hendaklah meninggalkan kemewahan hidup di dunia dan sesiapa yang telah mengerjakan yang demikian, maka sesungguhnya ia betul malu kepada Allah sebenar-benarnya malu."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

5. MENZIARAHI KUBUR.

Menziarahi kubur ertinya melihat kubur. Disunatkan bagi seseorang yang menziarahi kubur, biar kubur ibunya sendiri atau familinya, ataupun kubur orang lain. Sebab menziarahi kubur itu adalah salah satu jalan untuk mengingati mati, dan ingat akan hari akhirat. Dan haram hukumnya bagi perempuan, kalau ia tidak sabar di kuburan itu. Kalau ia sabar dibolehkan juga ia menziarahi kubur.

عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ اَبِيْهِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: قَدْ كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ اُذِنَ لِمُحَمَّدٍ فِى زِيَارَةِ قَبْرِ اُمِّهِ فَزُرُوْهَا فَاِنَّهَا تُذَكِّرُهُ الْآخِرَةَ.

رواه الترمذى

"Dari Sulaiman bin Buraidah, dari bapanya r.a. dari Nabi s.a.w. berliau bersabda: Pernah aku melarangmu dari menziarahi kubur, maka sungguh telah diizinkan bagi Muhammad menziarahi kubur ibunya, maka oleh sebab itu ziarahlah kubur itu, kerana sesungguhnya menziarahi kubur itu mengingatkan kepada hari akhirat."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Disunatkan membacakan salam kepada ahli kubur, sebagaimana dilakukan oleh Nabi s.a.w. ketika menziarahi kubur.

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَتَى الْمَقْبَرَةَ فَقَالَ: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ دَارَ قَوْمٍ مُؤْمِنِيْنَ وَاِنَّا اِنْ شَآءَ اللهُ بِكُمْ لَاحِقُوْنَ.

رواه أحمد ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah datang ke tempat perkuburan, lalu beliau mengucapkan: Selamatlah atasmu hai ahli kubur kaum mukminin dan sesungguhnya kami insya Allah akan menyusul juga dengan kamu."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim).

6. MENGHADIAHKAN PAHALA AMAL UNTUK MAYAT.

Sesudah mayat dikuburkan, disunatkan menghadiahkan pahala amal untuk dia. Seperti zikir, bersedekah, membaca Al-Quran dan lain-lainnya. Sebab pahala amal yang dihadiahkan itu bermanfaat baginya.

Untuk itu, di bawah ini dikemukakan beberapa keterangan hadis sebagai berikut:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّهُ كَانَ لِيْ أَبَوَانِ اَبَرُّهُمَا فِى حَالِ حَيَاتِهِمَا فَكَيْفَ لِيْ بَيْنَهُمَا بَعْدَ مَوْتِهِمَا فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّ مِنَ الْبِرِّ بَعْدَ الْبِرِّ اَنْ تُصَلِّيَ لَهُمَا مَعَ صَلَاتِكَ وَاَنْ تَصُوْمَ لَهُمَا مَعَ صِيَامِكَ.

رواه الدارقطنى

"Dari Jabir r.a.: Bahawasanya seorang laki-laki bertanya kepada Rasulullah: Ya, Rasulullah. Sesungguhnya aku mempunyai dua ibu-bapa yang pernah aku berbuat baik (berbakti) ketika keduanya masih hidup. Maka bagaimanakah jalan bagiku untuk berbakti kepada keduanya sesudah keduanya meninggal? Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya termasuk berbakti, ialah: Bahawa engkau sembahyang untuk keduanya bersama sembahyang engkau, dan bahawa engkau berpuasa untuk keduanya bersama puasa engkau."

(Diriwayatkan oleh Daruquthni).

Dalam hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ حِيْنَ يَذْبَحُ أُضْحِيَتَهُ قَالَ: بِسْمِ اللهِ اَللّٰهُمَّ تَقَبَّلْ مِنْ مُحَمَّدٍ وَاٰلِ مُحَمَّدٍ وَمِنْ أُمَّةِ مُحَمَّدٍ ثُمَّ ضَحِىَ بِهِ.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w ketika hendak menyembelih korbannya, beliau mengucapkan: Dengan nama Allah. Ya Allah, terimalah pahala korbanku ini untuk Muhammad, untuk keluarga Muhammad dan untuk umat Muhammad, kemudian beliau sembelih korbannya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Ditambahkan pula keterangan lain:

عَنْ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ اِنَّ أُمَّ سَعْدٍ مَاتَتْ فَاَيُّ الصَّدَقَةِ اَفْضَلُ قَالَ: اَلْمَاءُ قَالَ: نُحْفِرُ بِئْرًا وَقَالَ لِأُمِّ سَعْدٍ.

رواه وابو داود وأحمد

"Dari Saad bin Ubadah r.a. Bahawasanya ia berkata: Ya Rasulullah. Sesungguhnya Ibu Saad telah meninggal. Maka apakah sedekah yang lebih utama. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sedekah air. Lalu kami gali perigi, dan dia berkata; sumur ini untuk ibu Saad."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ahmad).

Ketiga-tiga hadis ini menunjukkan, bahawa pahala amal orang lain bermanfaat untuk mayat, kalau dihadiahkan atau disedekahkan. Dan Insya Allah sampai kepada mayat.

KITAB ZAKAT

1. ERTI ZAKAT.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَأَقِيْمُوا الصَّلٰوةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوْا مَعَ الرَّاكِعِيْنَ ❋

سورة البقرة اية ٤٣

"Dan dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat serta rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.

(Surah Al-Baqarah, ayat 43).

Zakat ertinya kesucian dan kebersihan. Menurut istilah Syarak (Agama) ialah: Mengeluarkan sebahagian harta atau bahan makanan yang utama, menurut ketentuan dan ukuran yang ditentukan oleh syarak.

Adapun zakat itu terbagi atas dua bahagian, iaitu pertama dinamakan زَكَاةُ الْمَالِ (zakat harta). Zakat ini hanya wajib di atas orang yang kaya saja.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ: أُدْعُهُمْ إِلَى شَهَادَةِ أَنْ لَآ اِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَإِنِّى رَسُوْلُ اللهِ فَإِنْ هُمْ اَطَاعُوْا لِذٰلِكَ فَاَعْلِمْهُمْ اَنَّ اللهَ تَعَالَى إِفْتَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِى كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَاِنْ هُمْ اَطَاعُوْا لِذٰلِكَ فَاَعْلِمْهُمْ اَنَّ اللهَ إِفْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ اَغْنِيَائِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. telah mengutus Muaz ke Yaman, lalu beliau berkata: Ajaklah mereka kepada pengakuan, bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah, dan bahawasanya aku Rasulullah. Maka jika mereka telah mentaatinya yang demikian itu, maka beritahukan kepada mereka, bahawa Allah telah mewajibkan sembahyang lima kali sehari semalam di atas mereka. Maka jika mereka telah mentaati pula yang demikian itu, maka beritahukan

pula kepada mereka, bahawa Allah telah mewajibkan zakat di atas mereka, yang dipungut dari orang-orang kaya mereka, dan diberikan kepada orang-orang miskin mereka."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dengan demikian, dapatlah dimengerti, bahawa zakat itu wajibnya di atas orang kaya dan bukan di atas si miskin.

Kedua dinamakan زَكَاةُ الْفِطْرِ (zakat fitrah).

Zakat fitrah itu dinamakan juga zakat jiwa, ertinya zakat untuk mensucikan badan atau jiwa. Adapun yang dinamakan zakat harta, ialah mengeluarkan sebahagian harta menurut ukuran yang tertentu, bila harta itu telah sampai nisabnya, kepada lapan macam, seperti akan diterangkan di akhir bab ini.

Adapun yang dinamakan zakat fitrah, ialah mengeluarkan sebahagian dari makanan yang utama menurut ukuran yang ditentukan oleh agama, wajib di atas tiap-tiap seorang, baik kaya mahupun miskin, laki-laki dan perempuan, tua dan muda, sesudah selesai mengerjakan puasa bulan Ramadan tiap-tiap tahun. Allah berfirman dalam Al-Quran:

خُذْ مِنْ اَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ بِهَا *

سورة التوبة أية ١٠٢

"Ambillah (ya Muhammad) sebahagian harta mereka untuk dijadikan zakat, guna mensucikan mereka dan pembersihan mereka."

(Surah At-Taubah ayat, 102).

Dalam keterangan lain, dinyatakan pula tentang wajibnya mengeluarkan zakat fitrah itu, kerana mendapati akhir (ghurub) bulan Ramadan.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَرَضَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ عَلَى النَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ ..... اَلْحَدِيْثَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar berkata: Telah diwajibkan oleh Rasulullah s.a.w. zakat fitrah di bulan Ramadan atas tiap orang, satu gantang tamar."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Zakat mulai disyariatkan ialah tahun ke II H.

Adapun harta yang akan dizakatkan itu terdiri dari:

Pertama: Binatang-binatang ternak iaitu, sapi (kerbau), kambing, biri-biri atau kibas.

Kedua: Tanam-tanaman dan buah-buahan yang mengenyangkan misalnya padi, jangung, gandum, tamar dan lain-lain.

Ketiga: Emas dan perak.

Keempat: Harta benda perdagangan.

Semua macam yang tersebut itu, wajib dikeluarkan zakatnya bila telah sampai nisabnya dan bila telah sampai pula satu tahun, jika yang akan dizakatkan itu emas atau perak, harta perdagangan atau binatang-binatang ternak.

2. ZAKAT UNTA.

Adapun zakat unta iaitu, bila unta itu sekurang-kurangnya telah ada 5 (lima) ekor atau lebih.

Tiap-tiap	5	ekor	unta	zakatnya	1	ekor	kambing
,,	10	,,	,,	,,	2	,,	,,
,,	15	,,	,,	,,	3	,,	,,
,,	20	,,	,,	,,	4	,,	,,

Dari 25 ekor unta sampai 35 ekor, zakatnya seekor unta betina berumur satu tahun. Dari 36 ekor unta sampai 45 ekor, zakatnya seekor unta betina berumur 2 tahun masuk ketiga. Dari 46 ekor unta sampai 60 ekor, zakatnya seekor unta berumur 3 tahun masuk keempat. Dari 61 ekor unta sampai 75 ekor, zakatnya seekor unta yang berumur 4 tahun masuk kelima. Dari 76 ekor unta sampai 90 ekor, zakatnya 2 ekor unta yang berumur 2 tahun masuk ketiga. Dari 91 ekor unta sampai 120 ekor, zakatnya 2 ekor unta yang berumur 3 tahun masuk keempat. Dari 121 ekor unta sampai ke atas, maka tiap-tiap 40 ekor unta wajib dizakatkan seekor unta yang berumur 2 tahun. Dan tiap-tiap yang lebih dari 50 ekor unta dizakatkan 1 ekor unta yang berumur 3 tahun.

(Diriwayatkan oleh Bukhari dari Anas).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ اَبَا بَكْرٍ كَتَبَ كِتَابًا وَفِيْهِ: فِى كُلِّ اَرْبَعٍ وَعِشْرِيْنَ مِنَ الْاِبِلِ فَمَا دُوْنَهَا مِنَ الْغَنَمِ مِنْ كُلِّ خَمْسٍ شَاةٌ

فَاِذَا بَلَغَتْ خَمْسًا وَعِشْرِيْنَ اِلَى خَمْسٍ وَثَلَاثِيْنَ فَفِيْهَا بِنْتُ مَخَاضٍ اُنْثَى فَاِذَا بَلَغَتْ سِتًّا وَثَلَاثِيْنَ اِلَى خَمْسٍ وَاَرْبَعِيْنَ فَفِيْهَا بِنْتُ لَبُوْنٍ اُنْثَى فَاِذَا بَلَغَتْ سِتًّا وَاَرْبَعِيْنَ اِلَى سِتِّيْنَ فَفِيْهَا حِقَّةٌ طُرُوْقَةُ الْجَمَلِ فَاِذَا بَلَغَتْ وَاحِدَةً وَسِتِّيْنَ اِلَى خَمْسٍ وَسَبْعِيْنَ فَفِيْهَا جَذْعَةٌ فَاِذَا بَلَغَتْ سِتًّا وَسَبْعِيْنَ اِلَى تِسْعِيْنَ فَفِيْهَا بِنْتَا لَبُوْنٍ فَاِذَا بَلَغَتْ اِحْدَى وَتِسْعِيْنَ اِلَى عِشْرِيْنَ وَمِائَةٍ فَفِيْهَا حِقَّتَانِ طُرُوْقَتَا الْجَمَلِ فَاِذَا زَادَتْ عَلَى عِشْرِيْنَ وَمِائَةٍ فَفِى كُلِّ اَرْبَعِيْنَ بِنْتُ لَبُوْنٍ وَفِى كُلِّ خَمْسِيْنَ حِقَّةٌ.

رواه البخارى وابو داود

"Dari Anas r.a. bahawa Abu Bakar r.a. pernah berkirim surat dan di dalam surat tertulis: Pada tiap-tiap 24 ekor unta lantas yang lebih kurang dari itu, wajib dikeluarkan zakatnya binatang kambing, iaitu dari tiap-tiap 5 ekor unta, dizakatkan seekor kambing. Bila unta itu telah sampai 25 ekor hingga 35 ekor, maka wajib dikeluarkan zakatnya seekor unta betina yang berumur satu tahun masuk yang kedua. Maka bila unta itu sampai 36 hingga 45 ekor, maka wajib dikeluarkan zakatnya seekor unta betina yang berumur dua tahun masuk yang ketiga. Maka bila unta itu sampai 46 hingga 60 ekor, maka wajib dikeluarkan zakatnya seekor unta betina yang berumur 3 tahun. Maka bila unta itu sampai 61 ekor hingga 75 ekor, maka wajib dikeluarkan zakatnya seekor unta betina yang berumur 4 tahun. Maka bila unta itu sampai 76 hingga 90 ekor, maka wajib dikeluarkan zakatnya dua ekor unta betina yang berumur dua tahun masuk yang ketiga. Maka bila itu telah sampai 91 hingga 120 ekor, maka wajib dikeluarkan zakatnya 2 ekor unta yang berumur 3 tahun. Maka bila unta itu lebih dari 120 ekor, maka pada tiap-tiap 40 ekor, wajib dikeluarkan zakatnya seekor unta betina yang berumur dua tahun. Dan tiap-tiap 50 ekor wajib dikeluarkan zakatnya unta betina yang berumur dua tahun."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Abu Daud).

3. ZAKAT SAPI.

Adapun zakat sapi, iaitu bila sapi itu sekurang-kurangnya telah ada 30 ekor. Dari 30 ekor sapi sampai 39 ekor, zakatnya 1 ekor sapi yang berumur 1 tahun. Dari 40 ekor sapi sampai 59 ekor, zakatnya 2 ekor sapi yang berumur 2 tahun. Dari 60 ekor sapi sampai 70 ekor, boleh dizakatkan 2 ekor sapi yang berumur 2 tahun dan 1 ekor lagi yang berumur 1 (satu) tahun.

عَنْ مُعَاذٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَنِى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِلَى الْيَمَنِ وَاَمَرَنِيْ اَنْ آخُذَ مِنْ كُلِّ اَرْبَعِيْنَ بَقَرَةً مُسِنَّةً وَمِنْ كُلِّ ثَلَاثِيْنَ تَبِيْعًا اَوْ تَبِيْعَةً.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Muaz r.a. berkata: Aku telah diutus oleh Rasulullah s.a.w. ke Yaman dan diperintahkannya aku supaya mengambil dari tiap-tiap 40 ekor sapi, seekor sapi yang berumur 2 tahun dan dari tiap-tiap 30 ekor, seekor sapi jantan atau sapi betina yang berumur 1 tahun."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan tidaklah wajib menzakatkan kuda kerana tak diperintahkan oleh agama. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَيْسَ عَلَى الْمُسْلِمِ فِى عَبْدِهِ وَلَا فَرْسِهِ صَدَقَةٌ.

رواه البخارى

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: 'Tidaklah wajib atas kaum Muslimin zakat hamba, dan tidak pula kudanya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

4. ZAKAT BIRI-BIRI ATAU KAMBING.

Adapun zakat biri-biri (kambing), iaitu bila telah sampai 40 ekor. Dan 40 ekor biri-biri sampai 120 ekor, dizakatkan 1 ekor biri-biri (kambing) yang berumur 2 tahun. Dari 121 ekor biri-biri sampai 200 ekor, zakatnya 2 ekor biri-biri (kambing) yang berumur 2

tahun. Jika biri-biri itu sampai 300 ekor, zakatnya 3 ekor biri-biri (kambing) yang berumur 2 tahun. Jika lebih dari itu, maka tiap-tiap seratus ekor, zakatnya 1 ekor biri-biri (kambing) yang berumur 2 tahun.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَتَبَ كِتَابَ الصَّدَقَةِ وَفِيْهِ: وَفِى الْغَنَمِ فِى كُلِّ اَرْبَعِيْنَ شَاةً شَاةٌ اِلَى عِشْرِيْنَ وَمِائَةٍ فَاِذَا زَادَتْ وَاحِدَةٌ فَفِيْهَا شَاتَانِ فَاِذَا زَادَتْ عَلَى الْمِأَتَيْنِ شَاةً فَفِيْهَا ثَلَاثُ شِيَاهٍ اِلَى ثَلَاثَةِ مِائَةٍ فَاِذَا كَانَتِ الْغَنَمُ اَكْثَرَ مِنْ ذٰلِكَ فَفِى كُلِّ مِائَةٍ شَاةٌ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah menulis sebuah kitab zakat yang di dalamnya tertulis: Pada tiap-tiap 40 ekor kambing dizakatkan seekor kambing, sehingga 120 ekor kambing, apabila bertambah 1 ekor (dari 120 ekor), maka zakatnya 2 ekor kambing. Apabila bertambah (lebih) dari 200 ekor kambing maka zakatnya 3 ekor kambing sehingga 300 ekor. Apabila lebih dari itu, maka tiap-tiap seratus ekor, zakatnya 1 ekor kambing."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Dan disyaratkan, bahawa binatang yang hendak dizakatkan itu bebas meragut, ertinya bahawa segala biaya rumput dan air minumnya tidak dibelikan. Oleh sebab itu tidaklah wajib menzakatkan binatang yang biaya rumput dan air minumnya dibelikan, umpama binatang yang dipelihara di kandang untuk penjajar sawah ladang dan sebagainya. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ بَهْزِ بْنِ حَكِيْمٍ عَنْ اَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمْ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: فِى كُلِّ سَائِمَةِ اِبْلٍ فِى اَرْبَعِيْنَ بِنْتُ لَبُوْنٍ لَا يُفَرَّقُ اِبِلٌ عَنْ حِسَابِهَا.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

"Dari Bahzi bin Hakim, dari bapanya, dari datuknya r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: "Pada tiap-tiap binatang unta yang lepas, dalam 40

(empat puluh) ekor, zakatnya seekor unta betina yang berumur 2 tahun, yang tidak boleh diceraikan unta itu dari perhitungannya."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ وَفِى الْبَقَرِ فِى كُلِّ ثَلَاثِيْنَ تَبِيْعٌ وَفِى الْأَرْبَعِيْنَ مُسِنَّةٌ وَلَيْسَ عَلَى الْعَوَامِلِ شَيْءٌ.

رواه ابو داود ـ حديث موقوف

"Dari Ali r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: Dan pada sapi pada tiap-tiap 30 ekor, wajib dizakatkan satu ekor sapi yang berumur satu tahun, dan dalam empat puluh ekor, maka wajib dikeluarkan 1 (satu) ekor sapi yang berumur 2 tahun, dan tidaklah wajib zakat pada binatang yang dipergunakan untuk penjajar sawah, ladang dan sebagainya."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

5. SYARAT WAJIB ZAKAT BINATANG TERNAK.

Jadi wajib zakat pada binatang ternak ada dua syarat:

Pertama: Bahawa ada binatang-binatang itu binatang bebas meragut sebagaimana tersebut dalam keterangan di atas.

Kedua: Bahawa ada binatang-binatang itu telah sampai tahunnya.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَا زَكَاةَ فِى مَالٍ حَتَّى يَحُوْلَ عَلَيْهِ الْحَوْلُ.

رواه ابو داود

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Tidak wajib zakat pada harta, hingga telah sampai tahunnya."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dan tak boleh diambil untuk zakat binatang-binatang yang terlampau tua, atau binatang yang buta matanya sebelah.

عَنْ أَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: وَلَا يُخْرَجُ فِى

الصَّدَقَةِ هَرِمَةٌ وَلاَ ذَاتُ عَوَارٍ وَلاَ تَيْسٌ.

رواه البخارى وابو داود

"Dari Anas r.a. berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: Dan tidaklah diambil untuk zakat binatang-binatang yang terlampau tua, atau binatang yang buta dan tidak pula bapa kambing."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Abu Daud).

Begitu juga tidak boleh dijadikan zakat, kambing yang beranak kecil, yang sedang hamil, binatang untuk disembelih dan binatang yang akan dibawa berjalan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ قَالَ اِلَى عَامِلِهِ سُفْيَانُ:
قُلْ لِقَوْمِكَ اِنَّا نَدَعُ لَكُمُ الْمُرَبِّىَ وَالْمَاخِضَ وَذَاتَ اللَّحْمِ وَفَحْلَ
الْغَنَمِ وَنَأْخُذَ الْجُذَعَ وَالثَّنِى وَذٰلِكَ وَسَطٌ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ فِى الْمَالِ.

رواه مالك فى الموطاء

"Dari Umar bin Khattab r.a. sesungguhnya ia berkata kepada amilnya yang bernama Sufian: Katakanlah kepada kaummu: Sesungguhnya kami tinggalkan untukmu binatang-binatang yang beranak kecil, binatang yang mengandung (hamil), binatang yang disediakan untuk dipotong dan biri-biri jantan yang dibawa untuk berjalan. Dan kami ambil binatang yang berumur setahun dan dua tahun. Demikianlah aturan yang seadil-adilnya yang kami jalankan padamu dalam urusan harta ini."

(Diriwayatkan oleh Malik dalam Kitab Al-Muwatak).

6. ZAKAT PADA BARANG MILIK BERSAMA.

Kalau ada sesuatu barang yang jadi kepunyaan bersama, seperti: Barang yang jadi kepunyaan Syarikat Sdn. Bhd. Koperasi dan lain-lainnya maka bila barang-barang itu telah sampai nisabnya, maka wajib dizakatkan. Baik yang berupa binatang, mahupun yang berupa barang biasa.

Barang itu wajib dizakatkan sebelum dibagi keuntungannya, atas nama ZAKAT SYIRKAT (zakat perkongsian). Dalam hal ini, barang yang terpisah tidak boleh dikumpulkan, supaya zakatnya

sedikit. Juga barang yang terkumpul tidak boleh dipisahkan, supaya jangan jadi dizakatkan, kerana tidak sampai satu nisab setelah dipisahkan.

Keterangan hadis menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَتَبَ كِتَابَ الصَّدَقَةِ فَقَرَنَهُ بِسَيْفِهِ فَعُمِلَ بِهِ وَاَبُوْ بَكْرٍ وَعُمَرُ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا وَكَانَ فِيْهِ لاَ يُفَرَّقُ بَيْنَ مُجْتَمِعٍ ولاَ يُجْمَعُ بَيْنَ مُفْتَرِقٍ مَخَافَةَ الصَّدَقَةِ وَمَا كَانَ مِنْ خَلِيْطَيْنِ فَاِنَّهُمَا يَتَرَاجَعَانِ بَيْنَهُمَا بِالسَّوِيَّةِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah menuliskan sebuah kitab zakat, dan disertakannya surat itu dengan pedangnya. Maka dipraktiskan orang pekerjaan itu, dan oleh Abu Bakar dan Umar r.a. yang tertulis di dalamnya: Tidaklah boleh dipisah-pisahkan antara binatang-binatang yang berkumpul, dan tak boleh pula dikumpulkan binatang-binatang yang terpisah-pisah kerana takut berzakat. Dan semua yang ada antara dua percampuran (persekutuan) maka sesungguhnya jatuh wajibnya antara keduanya bersamaan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Umpamanya: Ada empat orang yang bersyarikat, yang telah mempunyai kambing 120 ekor dan hak masing-masing sama banyak. Ketika itu zakatnya sudah wajib dikeluarkan 1 ekor kambing. Mereka tak boleh memisah-misahkan menjadi empat bahagian atau lebih dengan maksud supaya zakatnya jangan dikeluarkan, sebab zakat kambing sekurang-kurangnya 40 ekor. Begitupun sebaliknya, umpamanya tiga orang yang bersyarikat yang sama-sama mempunyai kambing 40 ekor. Kemudian dikumpulkan dalam tiga tempat yang berlainan. Ketika itu zakatnya sudah wajib dikeluarkan 3 ekor kambing. Maka ketika itu mereka tak boleh mengumpulkannya menjadi satu tempat supaya zakatnya dikeluarkan seekor saja. Dan inilah yang dimaksudkan dengan kata Nabi: Tidak boleh dipisah-pisahkan antara yang terkumpul dan tak boleh pula dikumpulkan antara yang terpisah-pisah kerana takut mengeluarkan zakat. Dan diserupakan pula dengan ini zakat padi, jagung dan sebagainya dari tanam-tanaman dan buah-buahan yang telah diwajibkan zakat atasnya.

7. ZAKAT TANAM-TANAMAN DAN BUAH-BUAHAN.

Adapun tanam-tanaman dan buah-buahan wajib pula dikeluarkan zakatnya, bila tanam-tanaman dan buah-buahan itu menjadi makanan yang utama, serta dapat pula disimpan untuk makanan dalam waktu yang tak ditentukan.

Tentang tanam-tanaman yang wajib dikeluarkan zakatnya ialah tanam-tanaman yang dengan sengaja ditanam orang (manusia), umpama:

1. Hinthah (حِنْطَةٌ) iaitu gandum.
2. Aruz (أُرُزٌ) iaitu padi.
3. Zurrah (ذُرَّةٌ) iaitu jagung.
4. 'Alas (عَلَسٌ) iaitu semacam tanam-tanaman, buahnya berkulit seperti buah gandum, dan kulitnya itu dibuang dahulu baru dimakan isinya.
5. Jawars (جَاوَرْسٌ) iaitu semacam tanam-tanaman yang pokoknya seperti pokok tebu, dan buahnya agak kecil dari jagung.
6. Syair (شَعِيرٌ) iaitu semacam tanam-tanaman di tanah Arab, buahnya menjadi makanan yang utama.
7. Dukhun (دُخُنٌ) iaitu semacam tanam-tanaman pokoknya seperti pokok jagung, pucuknya seperti padi.
8. Himmash (حِمَّصٌ) iaitu semacam tanam-tanaman bibitnya terkenal untuk dimakan.

Sebaliknya tidak wajib mengeluarkan zakatnya, jika tanam-tanaman bukan cucuk tanam manusia (tumbuh dengan sendirinya). Umpama benih padi yang dihanyutkan air, lalu tumbuh di satu tempat, kemudian berbuah, hingga buahnya itu sampai satu nisab. Kejadian yang seperti itu, tidaklah wajib dikeluarkan zakatnya:

Dan adapun buah-buahan yang wajib dizakatkan ialah:

1. Buah Nakhal (نَخْلٌ) iaitu buah korma (tamar).
2. Buah Karm (كَرْمٌ) iaitu Zabib.

عَنْ اِبْنِ اَسِيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ فِى الْكَرْمِ: اِنَّمَا تُخْرَصُ كَمَا تُخْرَصُ النَّخْلُ فَتُؤَدَّى زَكَاتُهُ زَبِيْبًا كَمَا تُؤَدَّى زَكَاةُ النَّخْلِ تَمْرًا.

رواه داود والترمذى بسند حسن

"Dari Ibnu Asid r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda tentang buah korma: "Sesungguhnya buah korma (anggur) itu akan dikira (sebab ia akan kering), sebagaimana mengira buah nakhal kering, lalu dikeluarkanlah zakatnya ketika telah jadi zabib (buah anggur yang kering), sebagaimana dikeluarkan zakat nakhal ketika jadi tamar."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Kedua macam tanaman dan buahan itu wajib dikeluarkan zakatnya bila telah sampai 5 ausuq.

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِىِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لَيْسَ فِيْمَا دُوْنَ خَمْسَةِ اَوْسُقٍ مِنْ تَمْرٍ وَلاَ حَبٍّ صَدَقَةٌ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. ber-bersabda: "Pada barang yang kurang lima ausuq seperti tamar dan tanaman berbutir-butir[1] tidaklah dizakatkan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

5 ausuq sama dengan 300 gantang Arab.
1 gantang Arab sama dengan 4 cupak Arab.
1 cupak Arab, sama dengan 5/6 liter.
1 gantang Arab (gantang fitrah) = 4 x 5/6 liter =3 1/3 liter.

Jadi nisab yang 5 ausuq itu 300 x 3 1/3 liter = 1050 liter. Kecuali nisab padi dan alas, atau nisab tanam-tanaman lain yang berkulit, maka samalah banyaknya 2000 liter (lebih kurang).

Apabila tanaman atau buah-buahan itu hasilnya disebabkan hujan, atau air bandar (dengan tidak memerlukan belanja), maka

1. Padi, gandum, jagung dan lain-lain.

zakatnya wajib dikeluarkan satu persepuluh dari nisabnya. Dan jika tanaman atau buahan itu hasilnya dengan memerlukan belanja, iaitu dengan pengangkutan air, dengan binatang atau lain-lainnya maka zakatnya hanya wajib dikeluarkan satu perdua puluh dari hasilnya.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فَرَضَ فِيْمَا سَقَتِ السَّمَاءُ وَالأَنْهَارُ وَالْعُيُوْنُ اَوْ كَانَ بَعْلاً الْعُشْرُ وَفِيْمَا سُقِىَ بِالنَّضْحِ نِصْفُ الْعُشْرِ.

رواه ابو داود حسن صحيح

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan pada barang-barang yang diairi oleh air langit (hujan) dan air sungai dan air mata air atau air bandar, maka wajib dikeluarkan zakatnya satu persepuluh dari hasilnya. Dan pada tanaman yang diari dengan air yang diangkut oleh unta, maka wajib dikeluarkan zakatnya satu perduapuluh dari hasilnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Kedua macam tanaman dan buah-buahan itu wajib dikeluarkan zakatnya mulai dari hari memungut hasilnya (hari menyabitnya) bila sampai satu nisab.

Allah telah berfirman dalam Al-Quran yang berbunyi:

كُلُوْا مِنْ ثَمَرِهِ اِذَا اَثْمَرَ وَاٰتُوْا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلاَ تُسْرِفُوْا اِنَّهُ لاَ يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ *

سورة الأنعام اية ١٤١

"Makanlah olehmu buahnya bila ia telah berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari menyabitnya. Janganlah kamu berlebih-lebihan. Allah tidak suka kepada orang yang berlebih-lebihan."

(Surah Al-Anam, ayat 141).

Seorang yang bercucuk tanam dua kali dalam satu tahun, maka wajiblah dijumlah penghasilannya, dan kalau sampai nisabnya, wajib dikeluarkan zakatnya menurut perhitungannya.

8. ZAKAT EMAS DAN PERAK.

Adapun barang-barang emas dan perak yang telah sampai (cukup) nisabnya, maka wajib dikeluarkan zakatnya bila telah sampai pula tahunnya. Allah berfirman di dalam Al-Quran yang berbunyi:

وَالَّذِيْنَ يَكْنِزُوْنَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلاَ يُنْفِقُوْنَهَا فِى سَبِيْلِ اللهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ اَلِيْمٍ *

سورة التوبة اية ٣٤

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak, dan tak mahu mereka membelanjakannya di jalan Allah, maka berilah mereka khabar gembira (hai Muhammad) dengan seksaan yang pedih."
(Surah At-Taubah, ayat 34).

Adapun nisab emas itu ialah 20 misqal. Satu misqal sama beratnya dengan 4.8 gram. Jadi yang 20 misqal itu sama beratnya 20 x 4.8 gram = 96 gram. Maka wajiblah dikeluarkan zakatnya 1/40 x 96 gram = 2.4 gram. Jika emas itu kurang dari 96 gram beratnya, maka tidaklah wajib dikeluarkan zakatnya.

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: وَلاَ فِى اَقَلَّ مِنْ عِشْرِيْنَ مِثْقَالاً مِنَ الذَّهَبِ شَيْءٌ.

رواه الدار قطنى

"Dari Umar bin Syuib, dari datuknya dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Dan tidaklah wajib berzakat pada yang kurang dari 20 misqal."
(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

Adapun satu misqal itu sama juga dengan 1 dinar (satu wang emas).

عَنْ عَلِيٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا كَانَتْ لَكَ مِائَتَا دِرْهَمٍ وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيْهَا خَمْسَةُ دَرَاهِمَ وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ حَتَّى يَكُوْنَ لَكَ عِشْرُوْنَ دِيْنَارًا فَاِذَا كَانَتْ لَكَ

عِشْرُوْنَ دِيْنَارًا وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ فَفِيْهَا نِصْفُ دِيْنَارٍ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ali r.a. katanya; Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bila ada bagimu dua ratus dirham, dan telah sampai pula satu tahun, maka wajib dikeluarkan dáripadanya lima dirham, dan tidaklah wajib atas engkau berzakat hingga ada dua puluh dinar (misqal) dan telah sampai bilangannya satu tahun, maka wajib dikeluarkan setengah dinar."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Adapun nisab perak, ialah 200 dirham, sama dengan 672 gram, kerana 7 misqal sama dengan 10 dirham, sedang 1 misqal sama pula dengan 4.8 gram. Jadi 7 misqal = 7 x 4.8 gram = 33.6 gram = 10 dirham. 1 dirham = 1/10 x 33.6 gram = 3. 36 gram.

200 dirham ada 20 x 10 dirham = 20 x 33.6 gram = 672 gram. Dan 672 gram itu sama dengan 56 (lima puluh enam) rupiah perak. Jika dibandingkan antara misqal dan dirham, maka perbandingannya itu ialah, 1 3/7 dirham sama beratnya dengan 1 misqal, dan 7/10 misqal sama beratnya dengan 1 dirham. Berkata Imam Mawardi dalam Al-Majmuk:

وَمَتَى زَادَتْ عَلَى الدِّرْهَمِ الْوَاحِدِ ثَلَاثَةُ اَسْبَاعِهِ كَانَ مِثْقَالاً وَمَتَى نَقَصَتْ مِنَ الْمِثْقَالِ ثَلَاثَةُ اَعْشَارِهِ كَانَ دِرْهَمًا وَكُلُّ عَشْرَةِ دَرَاهِمَ سَبْعَةُ مَثَاقِيْلَ وَكُلُّ عَشْرَةِ مَثَاقِيْلَ اَرْبَعَةَ عَشَرَ دِرْهَمًا وَسُبُعَانِ.

"Manakala lebih dari satu dirham 3/7 nya jadilah semisqal (1 3/7 dirham). Dan manakala misqal kurang dari 7/10nya, maka jadilah sedirham (7/10 misqal). Dan tiap-tiap 10 dirham sama dengan 7 misqal. Dan tiap-tiap 10 misqal sama dengan 14 2/7 dirham.

Berkata Imam Nawawi dalam Al-Majmuk: Sesungguhnya yang dipandang dalam nisab emas dan perak adalah timbangannya, bukan bilangannya.

Diumpamakan emas itu bilangannya sampai 20 potong misalnya emas potongan, tetapi beratnya tidak sampai 20 misqal, maka tidaklah wajib mengeluarkan zakatnya. Atau barang-barang perak, yang bilangannya telah sampai 200 buah, jika diumpamakan perak

berbingkah-bingkah, tetapi timbangannya belum sampai seberat 200 dirham, maka tidak pula wajib mengeluarkan zakatnya. Jadi perak yang telah sampai beratnya 200 dirham atau 672 gram, baru wajib dikeluarkan zakatnya 1/40 x 672 gram = 16.8 gram.

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: هَاتُوْا رُبُعَ الْعُشْرِ مِنَ الْوَرِقَةِ وَلَا شَيْءَ فِيْهِ حَتَّى يَبْلُغَ مِائَتَيْ دِرْهَمٍ وَمَا زَادَ فَبِحِسَابِهِ.

رواه ابو داود

"Dari Ali r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Keluarkanlah 1/40 wang perak, dan tak wajib berzakat sebelum sampai 200 dirham. Adapun kelebihan (daripada 200 dirham) maka zakatnya menurut perhitungannya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Lain dari nisab yang mewajibkan keluarnya zakat barang-barang perak, dan sebagai syarat yang kedua yang mewajibkan zakatnya, ialah bila ia telah sampai pula waktunya satu tahun.

Itulah bila barang-barang emas dan perak itu jadi barang simpanan. Tetapi apabila barang-barang itu baru keluar dari tambangnya, maka ketika itu juga wajib dikeluarkan zakatnya satu perempat puluh dari jumlahnya bila telah genap nisabnya.

9. ZAKAT RIKAZ.

Rikaz ertinya barang-barang simpanan di dalam tanah, yang disembunyikan oleh orang-orang purbakala (jahiliyah) yang merupakan barang-barang logam dan lain-lain. Jika seseorang mendapat barang-barang yang tersimpan semacam itu, dengan tanda-tanda yang menunjukkan, bahawa barang-barang itu memang simpanan, maka wajib dikeluarkan satu perlima zakatnya.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: وَفِي الرِّكَازِ الْخُمُسُ.

رواه البخارى

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Pada rikaz, wajib dikeluarkan zakatnya! 1/5 (seperlimanya).

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

10. ZAKAT PERHIASAN EMAS DAN PERAK.

Adapun zakat perhiasan dari emas dan perak, iaitu perhiasan emas yang telah sampai 20 misqal, atau perhiasan perak yang telah sampai 200 dirham beratnya, maka wajib juga dikeluarkan zakatnya, menurut aturan zakat emas dan perak pula, dengan alasan hadis yang di bawah ini:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ جَدِّهِ اَنَّ اِمْرَأَةً اَتَتِ النَّبِيَّ ﷺ وَمَعَهَا ابْنَةٌ لَهَا وَفِى يَدِ ابْنَتِهَا مَسْكَتَانِ غَلِيْظَتَانِ مِنْ ذَهَبٍ فَقَالَ لَهَا: اَتُعْطِيْنَ زَكَاةَ هٰذَا؟ قَالَتْ: لاَ. قَالَ: أَيَسُرُّكِ أَنْ يُسَوِّرَكِ اللهُ بِهِمَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ سِوَارَيْنِ مِنْ نَارٍ؟ فَخَلَعَتْهُمَا فَاَلْقَتْهُمَا اِلَى النَّبِيِّ ﷺ وَقَالَتْ: هُمَا لِلّٰهِ وَلِرَسُوْلِهِ.

رواه ابو داود بسند قوى

"Dari Umar bin Syuaib r.a. sesungguhnya ada seorang perempuan datang kepada Nabi s.a.w. dan sertanya ada seorang anaknya perempuan. Pada kedua belah tangan anak perempuannya itu ada dua perhiasan gelang emas yang tebal kelihatannya. Maka Rasulullah bersabda kepadanya: "Apakah kau keluarkan zakat ini?" Ia menjawab: "Tidak" Rasulullah s.a.w. bersabda pula: Apakah engkau mahu diberi gelang oleh Allah iaitu gelang dari api neraka pada hari kiamat tersebab dengan gelang yang dua ini? Maka ditinggalkan gelang itu, lalu diberikannya kepada Rasulullah s.a.w. sambil berkata: Kedua-duanya ini kepunyaan Allah dan Rasul-Nya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Keterangan yang lain ada pula mengatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلْتُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَرَأَى فِى يَدَىَّ فَتَخَاتٍ مِنْ وَرَقٍ فَقَالَ: مَا هٰذَا يَا عَائِشَةُ فَقُلْتُ:

صَغَتُّهُنَّ أَنْ اَتَزَيَّنَ لَكَ يَا رَسُوْلَ اللهِ قَالَ: اَتُؤَدِّيْنَ زَكَاتَهُنَّ قُلْتُ: لَا اَوْ مَا شَآءَ اللهُ قَالَ: هُوَ حَسْبُكِ مِنَ النَّارِ.

رواه الدار قطنى

"Dari Siti Aisyah r.a. ia berkata: Pernah aku datang kepada Nabi s.a.w. maka dilihatnya di tanganku beberapa gelang kecil terbuat dari perak, lalu beliau bersabda: "Apakah ini hai Aisyah?" Lalu aku menjawab: "Aku buat dia, supaya aku berhias di hadapan engkau, ya Rasulullah." Nabi bertanya: "Apakah engkau mahu mengeluarkan zakat?" Aku menjawab: "Tidak, kecuali kalau Tuhan menghendaki." Beliau bersabda: Cukuplah dia memasukkan engkau ke dalam neraka."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

Berkata sebahagian ulama, bahawa zakat semacam itu tidak wajib, kerana menurut pendapat mereka keterangan ini tidak kuat.

Adapun intan permata, berlian, atau batu-batu cincin yang diambil orang dari laut, seperti yaqut, zaburjad dan sebagainya, maka tidaklah wajib mengeluarkan zakatnya, kerana tak ada ayat-ayat Quran ataupun hadis yang menyuruh mengeluarkan zakatnya, walaupun harganya lebih mahal daripada emas. Kecuali jika barang-barang itu dijadikan barang dagangan, maka wajiblah ia dizakatkan menurut aturan zakat tijarah (zakat perdagangan).

Sebagaimana keterangan mengatakan:

عَنْ عَلِيٍّ بْنِ أَبِىْ طَالِبٍ قَالَ: لَا زَكَاةَ فِى اللُّؤْلُؤِ.

رواه البيهقى

"Dari Ali bin Abu Talib r.a. ia berkata: Tak wajib berzakat pada barang-barang intan berlian."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Keterangan lain:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّهُ قَالَ: لَيْسَ فِى الْعَنْبَرِ زَكَاةٌ اِنَّمَا هُوَ شَيْءٌ دَسَّرَهُ الْبَحْرُ.

رواه البيهقى

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia telah berkata: Tidaklah wajib berzakat pada barang-barang batu (batu-batu cincin yang diambil dari laut. Dan permata itu sesuatu yang dihidangkan oleh laut)."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Berkata Syafii r.a. dalam kitab Al-Mukhtasar: Dan tidaklah wajib berzakat pada perhiasan yang diambil dari laut.

(Demikian Al-Majmuk).

11. ZAKAT TIJARAH (PERDAGANGAN).

Adapun zakat perdagangan sama juga halnya dengan zakat perak, iaitu bila telah sampai nilainya barang-barang perdagangan itu 200 dirham, atau seharga 470 gram perak. Maka zakatnya dari nisbahnya itu. Jika harga perniagaan sudah sampai ribuan ringgit, maka zakatnya yang selanjutnya itu selalu menurut perhitungan nisabnya. Allah berfirman dalam Al-Quran yang berbunyi:

يَآ اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْاَرْضِ ..... الآيَةَ *

سورة البقرة اية ٢٦٧

"Hai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah dari barang-barang halal, apa-apa yang telah kamu usahakan, dan dari apa-apa yang telah Kami keluarkan untukmu dari dalam bumi."

(Surah Al-Baqarah ayat 267).

Keterangan lain menyatakan:

عَنْ سَمُرَةَ قَالَ: إِنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَأْمُرُنَا أَنْ نُخْرِجَ الصَّدَقَةَ مِنَ الَّذِىْ نُعِدُّهُ لِلْبَيْعِ.

رواه داود بسند حسن

"Dari Samurah ia berkata: Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah menyuruh kami supaya mengeluarkan zakat dari barang-barang yang disediakan untuk dijual."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Jika seorang jadi saudagar, memakai modal berapapun jumlahnya, setelah sampai setahun, maka seluruh dagangan itu harus dihitung harganya. Jika hitungnya telah sampai kepada nisab-

nya, maka wajiblah dikeluarkan zakatnya menurut perhitungannya yang telah tersebut, iaitu setelah diselesaikan hutang piutang sama sekali. Dan zakat ini dinamakan juga zakat wang kerana yang dikeluarkan ialah berupa wang, dan boleh juga barang yang seharga dengan itu.

BAB ZAKAT FITRAH

1. ERTI ZAKAT FITRAH.

Kita telah mengetahui tentang soal-soal yang mengenai zakat harta. Maka sekarang, baiklah kita ketahui pula soal-soal yang mengenai zakat fitrah. Bila zakat harta gunanya untuk mensucikan harta, maka zakat fitrah gunanya untuk mensucikan hati dan jiwa. Zakat fitrah dinamakan juga "Zakat an-nafs," ertinya zakat untuk mensucikan jiwa dengan mengeluarkan sebahagian bahan makanan yang mengenyangi, menurut ukuran yang ditentukan oleh Syarak setiap akhir bulan Ramadan setiap tahun.

Allah berfirman di dalam Al-Quran.

قَدْ اَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى * وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى *

سورة الأعلى اية ١٥ - ١٤

"Sungguh menanglah orang-orang yang telah membersihkan dirinya. Serta menyebut nama Allah kemudian ia sembahyang."

(Surah Al-Ala, ayat 14-15)

2. GUNANYA ZAKAT FITRAH.

Orang yang sedang berpuasa kadang-kadang terlanjur mengeluarkan kata-kata yang keji, yang disebabkan oleh urusan duniawi. Sedang ibadat puasa adalah ibadat suci, yang harus dipelihara baik-baik. Sebagai seorang yang sedang melakukan ibadat suci, tidak selayaknya ia mengeluarkan kata-kata yang keji itu. Umpamanya mengumpat, bergunjing, memaki-maki dan lain-lainnya. Sebab semuanya itu adalah mengotorkan jiwa orang yang berpuasa. Oleh sebab itu agama Islam memerintahkan supaya mengeluarkan zakat fitrah, guna mensucikan jiwa orang yang berpuasa itu. Sehingga jiwanya itu bersih seperti kain putih yang tidak bernoda. Atau untuk menambahi kekurangan yang tak diketahui dan tak disengaja dalam melakukan ibadat puasa. Seperti sujud

sahwi, yang gunanya untuk penempeli kekurangan-kekurangan yang disengaja dalam sembahyang. Juga untuk penolong fakir miskin, supaya mereka sama merasakan pula kelazatan berhari raya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: فَرَضَ رَسُوْلُ الله ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِيْنِ مَنْ اَدَّاهَا قَبْلَ الصَّلَاةِ فَهِيَ زَكَاةٌ مَقْبُوْلَةٌ وَمَنْ أَدَّاهَا بَعْدَ الصَّلَاةِ فَهِيَ صَدَقَةٌ مِنَ الصَّدَقَاتِ.

رواه ابو داود وابن ماجة

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Telah diwajibkan Rasulullah s.a.w. zakat fitrah, guna mensucikan orang yang berpuasa dari kata-kata dan perbuatan-perbuatan yang keji dan untuk memberi makan bagi kaum yang miskin. Siapa yang mengeluarkan zakat fitrah sebelum sembahyang hari raya maka itulah zakat yang diterima, dan siapa yang membayarkannya sesudah sembahyang hari raya, maka itu adalah semacam sedekah dari beberapa sedekah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

Selain dari keterangan yang di atas maka hadis menyuruh pula agar zakat fitrah itu dikeluarkan sebelum manusia keluar pergi sembahyang hari raya.

3. ORANG YANG WAJIB MENGELUARKAN ZAKAT FITRAH.

Zakat fitrah itu wajib hukumnya atas tiap-tiap orang yang merdeka atau hamba, laki-laki atau perempuan, yang mendapati matahari terbenam di akhir bulan Ramadan.

Dan disebut juga: "Sebab mendapati akhir sebahagian dari bulan Ramadan atau sebab mendapati awal sebahagian dari bulan syawal."

(Demikian I'anah At-Talibin).

Maka wajiblah atas orang yang tersebut itu mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya dan untuk keluarganya, iaitu orang-orang yang wajib atasnya menanggung nafkahnya seperti anak, isteri

hamba sahaya atau bujangnya dan lain-lain sebagainya dengan syarat, kalau makanannya ada berlebihan dari makanan yang sederhana di hari dan malam hari raya itu. Maka tidaklah wajib atasnya mengeluarkan zakat fitrah, bila makanannya tidak lebih dari makanan seperlunya untuk keluarganya di hari raya itu.

Zakat fitrah itu banyaknya satu gantang Arab (Sha') untuk tiap-tiap jiwa. Atau 3½ liter lebih kurang dengan ukuran negeri kita, dari bahan makanan untuk kekuatan bagi penduduk negeri, kalau bahan makanan itu tidak berkulit, seperti tamar, gandum beras dan lain-lainnya. Dan kalau yang akan dizakatkan itu masih berkulit, umpama padi, maka hendaklah dikira berapa peratus kulitnya itu dari berasnya yang bersih. Kalau kulit itu mungkin sama banyak dengan beras yang bersih maka hendaklah dikeluarkan sebanyak dua Sha' (7 liter padi).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: فَرَضَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنْ رَمَضَانَ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ اَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيْرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى وَالصَّغِيْرِ وَالْكَبِيْرِ مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah mewajibkan Rasulullah s.a.w. akan zakat fitrah[1] segantang dari tamar atau segantang dari syair, di atas hamba sahaya dan orang merdeka, laki-laki, perempuan, kanak-kanak dan orang tua dari kaum muslimin."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis ini dinyatakan, bahawa zakat fitrah itu diwajibkan atas tiap-tiap orang Islam bila ia mendapati bahagian terakhir dari bulan Ramadan atau mendapati awal bulan syawal.

Keterangan lain ada pula menyatakan:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُخْرِجُ زَكَاةَ الْفِطْرِ إِذْ كَانَ فِيْنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ أَوْ صَاعًا مِنْ

1. Dalam riwayat lain dinyatakan: "Kerana mendapati sebahagian bulan Ramadan."

تَمْرٍ اَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ زَبِيْبٍ فَأَمَّا أَنَا فَلَا أَزَالُ أُخْرِجُهُ كَمَا كُنْتُ أُخْرِجُهُ مَا عِشْتُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia telah berkata: Pernah kami mengeluarkan zakat fitrah ketika Rasulullah s.a.w. ada pada kami di Madinah iaitu segantang makanan atau segantang tamar atau segantang gandum syair atau segantang zabib (buah anggur kering). Maka adapun aku senantiasalah mengeluarkan fitrah itu, sebagaimana yang aku keluarkan untuk makananku sendiri."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Baik pula ditambahkan sebuah hadis lagi sebagai penjelasannya:

عَنْ أَبِى سَعِيْدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نُخْرِجُ فِى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ يَوْمَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ وَقَالَ اَبُوْ سَعِيْدٍ وَكَانَ طَعَامُنَا الشَّعِيْرُ وَالزَّبِيْبُ وَالْأَقِطُ وَالتَّمْرُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia berkata: Pernah kami pada hari raya fitri di masa Rasulullah s.a.w. mengeluarkan segantang makanan, dan selanjutnya berkata Abu Said: Dan adalah makanan kami ketika itu gandum (syair), zabib, aqith dan tamar."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Hadis yang di atas menyatakan, bahawa yang akan dikeluarkan zakat fitrah ialah bahan makanan yang mengenyangi atau bahan makanan yang utama.

4. ANAK YANG LAHIR SESUDAH MATAHARI TERBENAM DI AKHIR BULAN RAMADAN.

Bila zakat fitrah diwajibkan kerana mendapati matahari terbenam di akhir bulan Ramadan, maka yang datang sesudah matahari terbenam itu, tidaklah wajib atasnya mengeluarkan zakat fitrah, walaupun jaraknya hanya satu minit sekalipun misalnya:

1. Anak yang lahir,
2. Nikah, yang menyebabkan adanya isteri,
3. Memiliki hamba.
4. Kaya (datang kecukupan),
5. Islam.

Dan tidak pula menggugurkan zakat fitrah kerana:

1. Mati,
2. Merdeka,
3. Talak,
4. Sebab-sebab yang menghilangkan milik, seperti menjual harta miliknya, yang dilakukan sesudah matahari terbenam.

Akan tetapi, bila yang empat perkara itu terjadi sebelum matahari terbenam, sekalipun satu minit, tidak wajib dikeluarkan zakat fitrahnya. Iaitu tidak wajib di atas orang yang mempunyai hamba, kalau hamba itu merdeka, atau atas suami kalau isterinya yang diceraikannya itu habis idahnya sebelum matahari terbenam, tetapi masih wajib atas diri masing-masing. Sebab merdeka dan talak sudah menghilangkan tanggungjawab.

Berkata sebahagian ulama: Bahawasanya fitrah itu bukan wajib kerana mendapati matahari terbenam di akhir bulan Ramadan, akan tetapi kerana mendapati fajar di hari raya Fitri. Maka menurut pendapat ini, wajiblah dikeluarkan zakat fitrah untuk anak yang lahir, dan tidak wajib orang yang meninggal sebelum fajar itu. (Demikian Al-Mahalli).

5. WAKTU MULAINYA MEMBAYAR ZAKAT FITRAH.

Sesungguhnya sebahagian ulama fekah berpendapat, bahawa untuk membayarkan zakat fitrah itu ada lima waktunya. Waktu jawaz (boleh), waktu wajib (harus) waktu afdaal (utama), waktu makruh dan waktu haram. Waktu jawaz, ialah sejak awal bulan Ramadan, waktu wajib ialah bila matahari telah terbenam, waktu afdal, ialah sebelum manusia keluar untuk mengerjakan sembahyang hari raya (pagi-pagi hari raya itu), waktu makruh ialah, sesudah selesai hari raya itu (esok harinya). Adapun makruh itu tempatnya bila uzur tidak ada. Akan tetapi kalau ada uzur. Umpamanya menantikan keluarga yang paling dekat untuk menerima fitrah itu, tidaklah makruh hukumnya. Begitu pula, kalau hartanya jauh dari tempatnya, yang tak mungkin sampai kepadanya pada hari raya itu, maka tidaklah haram hukumnya. Dalam hal ini, disunatkan bagi seseorang supaya jangan dilambatkan membayarkan zakat fitrah itu sampai selesai.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اَمَرَ بِزَكَاةِ الْفِطْرِ أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ خُرُوْجِ النَّاسِ اِلَى الصَّلَاةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan untuk mengeluarkan zakat fitrah sebelum manusia keluar pergi sembahyang hari raya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ نَافِعٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ اِبْنُ عُمَرَ يُعْطِيْهَا الَّذِيْنَ يُقَبِّلُوْنَهَا وَكَانُوْا يُعْطُوْنَ قَبْلَ الْفِطْرِ بِيَوْمٍ اَوْ يَوْمَيْنِ.

رواه البخارى

"Dari Nafi' r.a. ia berkata: Adalah Ibnu Umar r.a. memberikan zakat fitrah itu kepada orang-orang yang berhak menerimanya, dan adalah mereka mengeluarkan fitrah itu sehari atau dua hari sebelum hari raya Fitri."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Fitrah Orang Yang Wajib Dinafkahi.

Sebagaimana telah diterangkan di atas, bahawa seseorang yang mempunyai tanggungjawab terhadap seseorang, maka wajib pulalah mengeluarkan zakat fitrahnya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَدُّوْا صَدَقَةَ الْفِطْرِ عَمَّنْ تَمُوْنُوْنَ.

رواه الدار قطنى والبيهقى

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. "Bayarkanlah zakat fitrah orang-orang yang kamu belanjai."
(Diriwayatkan oleh Daruqutni dan Baihaqi).

6. MENGELUARKAN NILAI HARGA ZAKAT FITRAH.

Menurut lahir bunyi hadis yang di atas, tentang banyak (ukuran) zakat fitrah, maka tidaklah boleh mengeluarkan wang seharga fitrah itu, melainkan wajib dikeluarkan bahan makanan yang mengenyangi.

Akan tetapi melihat kepada kegunaan zakat fitrah itu bagi fakir miskin, iaitu agar mereka jangan meminta-minta juga di hari raya itu, maka kita berpendapat, tidaklah ada halangannya mengeluarkan fitrah itu berupa wang seharga fitrah itu. Sebab wang itu lebih memenuhi hajatnya, dari bahan makanan. Sebab di hari raya itu bukan kenikmatan makanan sahaja yang harus diberi kepada mereka, akan tetapi harus pula diberikan kenikmatan pakaian sekadarnya. Sedang untuk ini hanya dapat dicapai dengan wang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَغْنُوْهُمْ عَنِ الطَّوَافِ فِى هٰذَا الْيَوْمِ.

رواه الدار قطنى والبيهقى

"Dari Ibnu Umar r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Cukuplah keperluan mereka (fakir miskin itu) supaya jangan berkeliling meminta-minta pada hari itu."
(Diriwayatkan oleh Daruqutni dan Baihaqi).

Nilai harga fitrah itu banyaknya ialah sejumlah wang yang dapat pembeli bahan makanan (seperti beras dan lain-lainnya) sebanyak 3 ½ liter oleh orang-orang yang berhak menerima fitrah. Bila yang berhak menerima, mungkin dapat membeli bahan makanan dengan harga murah, seperti dapat membeli langsung dari kerajaan, maka boleh nilai harga fitrah itu dibayar secara murah. Akan tetapi kalau yang berhak menerima mungkin tak dapat membeli murah, melainkan hanya dapat membeli mahal, maka wajiblah nilai harga fitrah itu dibayar mahal pula.

7. WAJIB DIFITRAHKAN LEBIH DAHULU DIRI SENDIRI LALU ORANG YANG JADI TANGGUNGJAWAB.

Yang wajib dijadikan zakat fitrah itu oleh tiap-tiap orang ialah segantang bahan makanan yang mengenyangi, dari kelebihan bahan makanan yang sederhana di hari raya. Bila tanggungan seseorang ada lima orang umpamanya, maka yang wajib ialah lima gantang. Akan tetapi bila yang lima itu tidak cukup, melainkan yang berlebih hanyalah satu atau dua gantang, maka wajiblah ia keluarkan fitrah lebih dahulu untuk dirinya, kemudian baru yang menjadi tanggungannya menurut urutan yang lebih penting dalam agama. Iaitu isteri, anak yang paling kecil, bapa, ibu dan anak yang besar. Didahulukan isteri dari yang lain-lain itu, kerana nafkah isteri itu lebih sangat dituntut oleh agama dari yang lain-lain.

(Demikian I'anah At-Talibin).

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِبْدَأْ بِنَفْسِكَ فَتَصَدَّقْ عَلَيْهَا فَاِنْ فَضُلَ شَيْءٌ فَلِأَهْلِكَ فَاِنْ فَضُلَ عَنْ اَهْلِكَ شَيْءٌ فَلِذِىْ قَرَابَتِكَ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Mulailah dengan diri engkau sendiri lebih dahulu, maka bersedekahlah untuk dirimu sendiri, maka jika ada lebihnya, sedekahkanlah untuk isterimu, maka jika masih ada juga lebihnya, sedekahkanlah untuk karib-kerabatmu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

8. ORANG-ORANG YANG TIDAK WAJIB DIBAYARKAN ZAKAT FITRAHNYA.

Adapun orang-orang yang tak wajib dibayarkan zakat fitrahnya ialah:

1. Isteri yang derhaka, sebab telah gugur nafkahnya, tetapi wajib atas dirinya sendiri kalau ia ada berkecukupan.

2. Isteri yang kaya, walaupun ia tidak derhaka sekalipun, dan suaminya tidak wajib pula difitrahinya, sebab dirinya sudah diserahkannya kepada suaminya itu.
3. Anak kecil yang kaya, maka wajiblah dikeluarkan zakat fitrahnya dari harta kekayaannya itu. Bapanya boleh juga mengeluarkan fitrahnya.
4. Anak yang sudah besar, yang sudah pandai berusaha.
5. Hamba yang kafir.
6. Murtad (keluar dari Islam).

(Demikian I'anah At-Talibin).

BAB ORANG YANG BERHAK MENERIMA ZAKAT FITRAH

Segala macam zakat yang tersebut itu, wajib diberikan kepada bermacam-macam golongan yang tersebut di dalam Al-Quran:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَآءِ وَالْمَسَاكِيْنِ وَالْعَامِلِيْنَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوْبُهُمْ وَفِى الرِّقَابِ وَالْغَارِمِيْنَ وَفِى سَبِيْلِ اللهِ وَابْنِ السَّبِيْلِ *

سورة التوبة اية ٦٠

"Hanya sedekah-sedekah itu (zakat) diberikan kepada fakir miskin, orang yang bekerja mengurus zakat, orang-orang yang mulai dijinaki hatinya terhadap Islam (baru masuk Islam), hamba-hamba orang-orang yang berhutang dan kepada jalan Allah serta kepada anak-anak sabil."

(Surah Al-Taubah, ayat 60).

Untuk mencapai keutamaan dalam membayarkan zakat fitrah itu, maka berikanlah lebih dahulu kepada fakir miskin di antara keluarga yang lebih dekat, kemudian baru kepada fakir miskin yang lain. Begitu juga, serba macam yang tersebut itu hendaklah diutamakan lebih dahulu keluarga atau karib kerabat yang lebih dekat, yang termasuk ke dalam golongan yang lapan macam itu, Allah berfirman di dalam Al-Quran tentang apa yang dinamakan kebaikan bagi seseorang:

وَاٰتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِى الْقُرْبٰى وَالْيَتَامٰى وَالْمَسَاكِيْنَ وَابْنَ

السَّبِيْلِ وَالسَّائِلِيْنَ وَفِى الرِّقَابِ *

سورة البقرة اية ١٧٧

"Dan ia berikanlah harta yang dicintai itu kepada karib (keluarga) yang dekat, kepada anak yatim, kepada kaum miskin, kepada anak sabil, orang yang meminta-minta dan kepada hamba-hamba."

(Surah Al-Baqarah, ayat 177).

Sekurang-kurangnya kepada tiga orang dari golongan-golongan itu, jika semua golongan itu ada dalam negeri. Untuk menyelesaikan semua urusan zakat itu, sepatutnya diadakan panitia zakat itu supaya lancar jalan pembahagiannya.

1. ORANG YANG TERMASUK GOLONGAN FAKIR.

Untuk mengetahui siapa-siapa yang termasuk golongan orang fakir itu, maka Imam Syafii berkata:

"Dan yang sebenar-benarnya orang fakir dan berhak menerima pembahagian dalam zakat, ialah orang yang tak kuasa bekerja untuk perbelanjaannya sehari-hari, tidak dengan harta dan tidak pula dengan usaha."

(Demikian keterangan dalam Al-Majmuk).

لِلْفُقَرَآءِ الَّذِيْنَ اُحْصِرُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ لَا يَسْتَطِيْعُوْنَ ضَرْبًا فِى الْأَرْضِ يَحْسَبُهُمُ الْجَاهِلُ اَغْنِيَاءَ مِنَ التَّعَفُّفِ تَعْرِفُهُمْ بِسِيْمَاهُمْ لَا يَسْئَلُوْنَ النَّاسَ اِلْحَافًا وَمَا تُنْفِقُوْا مِنْ خَيْرٍ فَاِنَّ اللهَ بِهِ عَلِيْمٌ

سورة البقرة اية ٢٧٣

"Zakat itu hanya diberikan kepada orang-orang fakir, yang terlantar pada jalan Allah; mereka tak kuasa berjalan di muka bumi. Orang-orang yang tak tahu mengira, bahawa mereka orang kaya, iaitu orang yang berkecukupan, engkau kenal mereka dengan tanda-tanda bahawa mereka tak mahu meminta-minta kepada manusia dengan terus-terusan diketahui segala yang engkau belanjakan dari kebaikan, sesungguhnya diketahui Allah."

(Surah Al-Baqarah, ayat 273).

Kesimpulan perkataan Imam Syafii dan maksud ayat Quran tentang hakikat orang yang fakir ialah, orang-orang yang tak ada harta benda untuk keperluan hidupnya sehari-hari serta ia tak sanggup pula bekerja tak mampu pula berusaha dan iapun malu pula meminta-minta.

2. ORANG YANG TERMASUK MISKIN.

Adapun yang dikatakan orang miskin, ialah seperti dikatakan oleh Imam Syafii: Dan yang sebenarnya orang miskin, ialah orang yang kuasa bekerja mencari kehidupan sehari-hari, akan tetapi usahanya tak mencukupi keperluannya.

(Demikianlah keterangan dalam Al-Majmuk).

Keterangan lain menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَيْسَ الْمِسْكِيْنُ الَّذِىْ يَطُوْفُ عَلَى النَّاسِ تَرُدُّهُ اللُّقْمَةُ وَاللُّقْمَتَانِ وَالتَّمْرَةُ وَالتَّمْرَتَانِ وَلٰكِنِ الْمِسْكِيْنُ الَّذِيْ لَا يَجِدُ غَنِيًّ يُغْنِيْهِ وَلَا يُفْطَنُ بِهِ فَيُتَصَدَّقُ عَلَيْهِ وَلَا يَقُوْمُ فَيَسْئَلُ النَّاسَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Bukanlah yang dinamakan miskin orang-orang yang berkeliling meminta-minta kepada manusia, yang diberinya sesuap dua nasi makanan, sebiji atau dua biji tamar, tetapi yang dinamakan miskin ialah orang-orang yang tak memperoleh kecukupan dan tak diketahui orang pula tentang kemiskinannya itu, lalu diberi orang dia sedekah, serta ia tak keluar untuk meminta-minta kepada manusia."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kedua keterangan ini dapatlah dipakai jadi alasan, bahawa yang dinamakan miskin ialah orang yang berusaha untuk keperluan belanjanya sehari-hari, tetapi hasil usahanya itu tak mencukupi, sedangkan ia tak mahu meminta-minta kepada manusia. Tetapi oleh kerana aturan agama makin lama makin diperingan-ringan atau diabaikan orang, ramai orang yang kaya tetapi bakhil, sehingga nasibnya kaum susah tak lagi diendahkan, maka terpaksa ramai di antara mereka yang keluar meminta-minta untuk mencu-

kupkan makanannya sehari-hari. Maka orang yang semacam itu berhak juga menerima zakat, kalau benar-benar ternyata, bahawa ia betul-betul fakir dan miskin. Sebagaimana telah diterangkan di atas, bahawa zakat fitrah diberikan kepada fakir miskin, hanya untuk mencukupi makanannya pada hari raya itu saja, supaya sama-sama merasakan nikmat hari raya itu. Mereka yang biasa pergi meminta-minta supaya pada hari itu mereka berhenti dari meminta-minta.

Bila mereka telah mendapat kecukupan pada hari itu dengan makanan bersama dengan anak dan keluarga mereka, maka ketika itu haram bagi mereka meminta-minta.

عَنْ سَهْلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنْ سَئَلَ وَعِنْدَهُ مَا يُغْنِيْهِ فَإِنَّمَا يَسْتَكْثِرُ مِنْ جُمْرَةِ جَهَنَّمَ قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ مَا يُغْنِيْهِ قَالَ: قَدْرُ مَا يُغَدِّيْهِ وَيُعَشِّيْهِ.

رواه ابو داود وابن حبان بسند صحيح

"Dari Sahal r.a. ia berkata: Telah bersabda s.a.w.: Siapa-siapa yang meminta-minta dan di sisinya ada makanan yang mencukupi keperluannya, maka sesungguhnya ia memperbanyak bara api jahanam (neraka)." Bertanya seorang sahabat: "Ya Rasulullah! Apakah maksudnya makanan yang mencukupi itu?" Rasulullah s.a.w. menjawab: Iaitu makan sekadar dapat mengenyanginya untuk makan pagi dan untuk makan petang."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Hibban).

Hadis ini menunjukkan:

1. Bahawa orang yang sudah memiliki makanan untuk sehari semalam, sudah dinamakan orang cukup dan haram di atasnya meminta.
2. Bahawa orang yang memiliki makanan hanya untuk sehari semalam saja di hari raya itu, tidak wajib di atasnya mengeluarkan zakat fitrah, dan andaikata dikeluarkannya juga, bererti ia aniaya sendiri kepada dirinya atau kepada keluarganya.

Oleh sebab itu, bahawa zakat fitrah ini diwajibkan di atas orang-orang yang makanannya lebih untuk sehari semalam di hari raya itu, iaitu untuk dirinya dan untuk keluarganya.

Berkata sebahagian ulama fikah: Yang dinamakan orang-orang yang kaya, ialah orang yang cukup makanannya dari tahun ke tahun, serta dengan anak dan keluarganya yang wajib dibelanjainya. Guru-guru agama dan guru mengaji sekalipun, bila belanjanya dengan sekeluarga yang wajib dibelanjainya cukup dengan gajinya atau penghasilannya dari bulan ke bulan, bererti ia sudah kaya dan tidak berhak lagi menerima pembahagian zakat.

3. ORANG YANG TERMASUK AMIL.

Adapun yang dinamakan amil, ialah panitia zakat, yang terdiri dari tukang kumpulkan zakat, tukang jaga gudang, jurutulis, tukang bagi zakat dan sebagainya.

عَنْ أَبِى حُمَيْدِ السَّعـدِيِّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اِسْتَعْمَلَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ رَجُلاً مِنَ الْأَسَدِ عَلَى صَدَقَاتِ بَنِى سُلَيْمٍ يُدْعَى اِبْنُ اللُّتْبِيَّةِ فَلَمَّا جَاءَ حَاسَبَهُ.

رواه البخارى

"Dari Abu Hamid As-Saidi r.a. Pernah Rasulullah s.a.w. memakai seorang laki-laki dari suku Asad untuk urusan zakat Bani Sulaim, laki-laki itu bernama Ibnu Latbiyah, maka tatkala ia datang, dihitungnyalah zakat-zakat itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Adapun yang akan menjadi amil itu, lebih utama orang-orang *yang sangat memerlukan zakat, tetapi jika tak ada yang sanggup* di antara mereka boleh juga orang-orang kaya yang betul-betul hanya untuk menolong orang yang miskin itu. Dan mereka pun berhak juga menerima pembahagian zakat, kerana mereka termasuk bahagian panitia (amil).

4. ORANG YANG TERMASUK MUALAF.

Adapun yang dinamakan muallaf (mulai jinak kepada Islam) ialah orang-orang yang dahulunya tidak beragama, atau beragama lain daripada agama Islam, kemudian oleh kerana bermacam-macam propaganda dan penerangan, merekapun tertarik lalu masuk ke dalam agama Islam tetapi hati mereka masih lemah dalam memeluk agama Islam itu.

Juga orang-orang yang dinamakan muallaf orang-orang besar yang tidak beragama Islam tetapi mereka telah menjadi sahabat pemimpin-pemimpin Islam. Supaya hati mereka tertarik masuk Islam, maka merekapun diberi hak juga menerima zakat itu. Begitu juga kaum-kaum yang anti Islam, maka untuk mencegah kejahatan mereka terhadap umat Islam merekapun boleh juga diberi pembahagian zakat itu.

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيْجٍ قَالَ: أَعْطَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَبَا سُفْيَانَ بْنَ حَرْبٍ وَصَفْوَانَ بْنَ اُمَيَّةَ وَعُيَيْنَةَ بْنَ حِصْنٍ وَالْأَقْرَعَ بْنَ حَابِسٍ كُلَّ إِنْسَانٍ مِنْهُمْ مِائَةً مِنَ الْإِبِلِ.

رواه مسلم

"Dari Rafi' bin Khadij r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah memberi Abu Sufian bin Harab, Shafwan bin Umaiyah, Uyainah bin Hishn dan Aqra' bin Habis masing-masing mereka menerima 100 unta."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Sekalipun mereka itu adalah pemimpin orang-orang kafir.

5. ORANG YANG TERMASUK HAMBA.

Adapun umat manusia di zaman Nabi s.a.w. terbagi kepada dua: Iaitu umat yang merdeka dan umat yang masih terikat dalam perhambaan. Adapun yang dinamakan umat yang merdeka, ialah umat yang bebas, terlepas dari ikatan dan genggaman orang lain. Dan yang dinamakan hamba, ialah orang-orang yang terikat di bawah genggaman orang lain. Hal itu disebabkan oleh persengketaan antara kabilah-kabilah dan suku-suku bangsa di tanah Arab, sebelum lahir Nabi Muhammad, sehingga terjadi tawan-menawan antara satu golongan (kabilah) dengan golongan yang lain.

Mereka yang menawan itu, melakukan penindasan dan penghinaan atas orang-orang yang ditawannya, sehingga tawanan itu dijadikan mereka seolah-olah barang-barang atau harta benda yang dapat diperjualbelikan. Setelah mereka diperlakukan seperti barang-barang dan harta benda lalu dijual ke sana dan ke mari, maka segala yang bersangkutan dengan hidup dan penghidupan mereka sehari-hari sangatlah terbatas, bahkan senantiasa di bawah pengawasan orang yang menawannya (tuannya). Oleh kerana

hamba-hamba itu makin lama makin berkembang (mempunyai turunan) maka keturunannya dinamakan keturunan hamba. Dalam hal ini masih terdapat ketika Nabi dilahirkan untuk pemimpin umat manusia. Adapun hamba ketika itu terbagi pula atas tiga bahagian:

1. **Hamba Qin:**
   Ertinya hamba semata, sehingga dalam seluruh batang tubuhnya, melekat nama hamba dengan tidak pakai syarat (hamba asli).
2. **Hamba Mudabbar:**
   Ertinya hamba yang kemerdekaannya tergantung kepada mati tuannya, iaitu setelah tuannya itu mengatakan: Jika aku mati, maka engkau menjadi orang yang merdeka. Maka setelah mati penghulunya (tuannya) itu merdekalah ia.
3. **Hamba Mukattab:**
   Ertinya kemerdekaan dirinya tergantung kepada syarat-syarat yang diberikan oleh tuannya. Umpamanya jika engkau mendapat wang $1000, – dalam satu tahun ini maka engkau jadi orang yang merdeka (ertinya kemerdekaannya itu dituliskan dengan perjanjian).

Tetapi hamba yang menerima pembahagian zakat itu, ialah hamba mukatab, sebagaimana diterangkan oleh Imam Syafii r.a.

Oleh kerana suasana perhambaan itu sedang menghebat di zaman Nabi dan sukar sekali menghilangkannya dengan sekaligus maka dengan beransur-ansur perhambaan itu dihilangkan dengan aturan-aturan agama Islam. Adakalanya aturan itu keluar dari mulut Nabi sendiri dan adakalanya turun dari Tuhan Azza Wajalla, iaitu dengan perantaraan wahyu. Umpama seorang yang melanggar sumpahnya, atau melanggar sebahagian dari syarat-syarat berpuasa seperti bersetubuh di siang hari Ramadan dan lain-lain sebagainya, maka dendanya yang paling utama ialah memerdekakan hamba dengan katanya: فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ *(Memerdekakan hamba).*

Ternyatalah, bahawa Islam membawa manusia ke alam kemerdekaan dan kebebasan. Dengan jalan begitu, maka perhambaan makin lama makin habis, dengan cara beransur-ansur.

6. ORANG YANG BERHUTANG BANYAK.

Mereka ialah orang-orang yang mempunyai hutang untuk kemaslahatan umat manusia, terutama sekali kemaslahatan umat Islam, sehingga hutangnya itu telah melebihi harta benda yang ada

padanya, sedang harta benda yang ada itu, hanya tinggal sekadar belanjanya dan anak isterinya saja. Atau mereka itu berhutang untuk memperdamaikan orang-orang yang berselisih. Berkata imam Syafii r.a.: "Orang-orang yang berhutang ialah orang-orang yang berhutang untuk memperdamaikan orang-orang yang berselisih, dan untuk perbaikan diri dan keluarganya."

(Demikian Al-Majmuk).

Orang-orang yang berhutang untuk kepentingan dirinya atau kepentingan umat manusia, mereka berhak juga menerima pembahagian zakat itu, bila hutangnya itu telah melebihi dari harta kekayaannya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلَّا لِثَلَاثَةٍ لِذِيْ فَقْرٍ مُدْقِعٍ أَوْ لِذِيْ غَرْمٍ مُفْظِعٍ أَوْ لِذِيْ دَمٍ مُوْجِعٍ.

رواه أحمد وابو داود بسند حسن

"Dari Anas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: "Sesungguhnya meminta-minta tidak halal, melainkan kerana tiga perkara: iaitu kerana kemiskinan yang sangat, kerana hutang yang melebihi batas kekayaan dan kerana pembayar diat (tebusan jiwa)."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

Diat ertinya, qimat yang merupakan harta benda yang wajib diberikan untuk penebus jiwa, kalau wali dari yang terbunuh tidak rela tentang kematian familinya. Kalau tidak dibayar, maka jiwa harus dibalas dengan jiwa.

7. YANG DIMAKSUD DENGAN SABILILLAH.

Sabilillah ialah suatu jalan atau suatu cara untuk penyampaian kita kepada Allah s.w.t. dengan merupakan amal yang salih dan kepercayaan. Adapun amal yang salih itu, bukan saja merupakan ibadat sembahyang, puasa, zakat, haji dan berperang menentang kaum kafir saja, tetapi juga dinamakan amal salih itu, ialah menyelenggarakan kemaslahatan dan perbaikan umat Islam; umpamanya mendirikan hospital, rumah miskin, rumah yatim, rumah sekolah, rumah pertolongan, pejabat-pejabat organisasi Islam, mendirikan masjid, jambatan dan lain-lain.

Berkata sebahagian ahli agama: Sesungguhnya bahagian sabilillah boleh dipergunakan untuk semua jalan kebaikan, iaitu untuk mengafani orang mati, membuat jambatan, membuat benteng, memperbaiki masjid dan lain-lain.

(Demikian dalam tafsir Al-Khazin).

Apalagi tepat sekali bila dinamakan sabilillah itu ialah parti-parti Islam yang sedang melawan parti-parti lain yang anti Islam untuk menegakkan kalimat Tuhan dan aturan-Nya. Sudah patut sekali parti itu disokong dengan memberikan sebahagian harta zakat itu.

8. YANG DIMAKSUD DENGAN ANAK SABIL.

Anak stabil iaitu orang yang hendak berjalan, atau yang sedang dalam perjalanan jauh untuk menyempurnakan tuntutan agama Islam, umpamanya pergi perang melawan kaum kafir, atau pergi berdagang. Begitu juga dinamakan anak sabil, orang yang jauh dari keluarganya di rantau orang, sedang mereka telah keputusan belanjanya atau biaya. Berkata Imam Syafii r.a.: Dan yang dinamakan anak sabil itu, ialah orang yang hendak berjalan dari negeri tempat tinggalnya, tanah tumpah darahnya sendiri atau lain-lain, dan orang dagang yang berjalan jauh yang melewati sempadan negerinya.

(Demikian dalam Al-Majmuk).

Mereka yang semacam itu boleh juga menerima pembahagian zakat. Kepada yang macam itulah zakat fitrah wajib diberikan. Kalau yang tersebut itu tidak bertemu di dalam negeri, maka berikanlah zakat itu sekurang-kurangnya kepada tiga macam dari yang tersebut itu.

9. ORANG YANG TIDAK BOLEH MENERIMA ZAKAT.

Adapun macam-macam orang yang tak boleh menerima zakat:

Pertama: Kepada orang kaya harta benda, atau wang

Kedua: Kepada hamba, selain hamba mukatab yang tersebut di atas,

Ketiga: Kepada Bani Hasyim.

Keempat: Kepada Bani Muttalib.

Kelima: Kepada orang kafir.

Keenam: Orang kuat berusaha, yang usahanya itu selalu dapat mencukupkan belanjanya.

Ketujuh: Nabi Muhammad s.a.w.

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَدِيِّ بْنِ الْخِيَارِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي رَجُلَيْنِ اَتَيَا رَسُوْلَ اللهِ ﷺ لِيَسْئَلاَهُ مِنَ الصَّدَقَةِ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنْ شِئْتُمَا اَعْطَيْتُكُمَا وَلاَ حَظَّ فِيْهَا لِغَنِيٍّ وَلاَ لِقَوِيٍّ مُكْتَسِبٍ.

رواه أحمد وابو داود

"Dari Abdullah bin Adi bin Khiyar r.a. menceritakan dua orang laki-laki yang datang kepada Nabi s.a.w. hendak meminta sebahagian sedekah. Dia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Jika kamu keduanya mahu, aku beri kamu. Dan tidaklah ada bahagian padanya bagi orang yang kaya, dan tidak pula orang yang kuat berusaha."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

Adapun Bani Hasyim dan Bani Muttalib, mereka adalah keluarga Nabi s.a.w. Nabi dan keluarganya tidak halal menerima zakat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ وَسَاقَ حَدِيْثًا حَتَّى قَالَ: إِنَّ هٰذِهِ الصَّدَقَاتِ اِنَّمَا هِيَ اَوْسَاخُ النَّاسِ وَاِنَّهَا لاَ تَحِلُّ لِمُحَمَّدٍ وَلاَ لِاٰلِ مُحَمَّدٍ.

رواه مسلم والنسائى

"Dari Abdullah bin Haris r.a. diceritakannya sebuah hadis sampai ia berkata: Sesungguhnya sedekah (zakat) ini hanyalah daki manusia, dan sesungguhnya zakat itu tidak halal bagi Muhammad dan tidak pula bagi keluarga Muhammad."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Nasai).

Yang dimaksudkan dengan "daki manusia" di sini, ialah daki dari harta manusia. Sebelum zakat itu dikeluarkan, bererti harta manusia masih kotor. Tidak dihalalkan bagi Nabi s.a.w. dan keluarganya, adalah kerana sangat sucinya diri Nabi Muhammad dan keluarganya. Adapun orang yang berzakat, tidaklah sah zakat itu diberikannya kepada orang yang menjadi tanggungannya atau orang yang wajib atasnya menanggung nafkahnya. Umpamanya

ibu, anak dan lain-lainnya kecuali kalau masing-masing sudah lepas dari tanggungannya.

Adapun orang-orang kafir yang mereka tidak berhak menerima zakat ialah kerana hadis Rasulullah s.a.w. berbunyi:

"Sesungguhnya Allah telah mewajibkan di atas mereka mengeluarkan zakat harta mereka. Zakat itu diambil dari mereka-mereka (orang Islam) yang kaya, dan diberikan kepada mereka-mereka yang fakir."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dari Ibnu Abbas).

Oleh sebab itu, orang miskin yang berhak menerima zakat hanyalah orang miskin yang Islam dan bukan miskin yang kafir, kecuali kalau ia dianggap muallaf.

10. HUKUMAN ORANG YANG TIDAK MAHU MENGELUARKAN ZAKAT.

Tentang dosa orang-orang yang tak mahu mengeluarkan zakat itu, maka Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan dengan sabdanya:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلاَ فِضَّةٍ لاَ يُؤَدِّى مِنْهُ حَقَّهَا اِلاَّ اِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صُفِحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ فَأُحْمِيَ عَلَيْهَا فِى نَارِ جَهَنَّمَ فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ وَجَبِيْنُهُ وَظَهْرُهُ كُلَّمَا بَرَدَتْ أُعِيْدَتْ لَهُ فِى يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِيْنَ اَلْفَ سَنَةٍ حَتَّى يَقْضِىَ اللهُ بَيْنَ الْعِبَادِ فَيَرَى سَبِيْلَهُ اِمَّا اِلَى الْجَنَّةِ وَاِمَّا اِلَى النَّارِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Tiadalah orang-orang yang mempunyai emas dan perak, yang tidak mengeluarkan zakatnya, melainkan bila terjadi hari kiamat maka dibuatkan baginya beberapa bingkah besi dari neraka, lalu dipanaskan dalam api neraka, kemudian bingkah-bingkah besi itu digosokkan (diseterika) kepada kedua belah badannya serta dahinya dan punggungnya, apabila api itu telah dingin, dikembalikan pula panasnya pada waktu yang lamanya 50,000 tahun, hingga

Allah menghukum sekalian hamba-Nya. Maka dilihat jalannya, adakalanya ke syurga dan adakalanya ke neraka."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun harta benda yang lain itu, seperti binatang-binatang dan barang-barang makanan dan sebagainya yang telah sampai nisabnya, juga menjadi seksaan bagi orang yang empunya jika zakatnya tidak dikeluarkan, kerana semuanya itu adalah dapat mewujudkan emas dan perak juga, sebab semua barang-barang itu belum dapat dijadikan perhiasan, sebelum dijadikan emas dan perak.

11. RAHSIA BERZAKAT.

Sebagaimana ibadah sembahyang yang diwajibkan Tuhan, mengandung rahsia dan hikmat, demikian pulalah ibadat zakat, ada pula mengandung rahsia dan hikmat. Ibadah berzakat, banyak sekali rahsia yang terkandung di dalamnya sebagaimana ibadat sembahyang pula, tujuan yang utama sekali ialah untuk kepentingan masyarakat guna mewujudkan keamanan dan kemakmuran. Kerana dengan dibayarkannya kewajipan berzakat itu, orang yang mempunyai harta yang banyak itu, telah terlepas dari seksaan Tuhan yang telah dijanjikan-Nya di dalam kitab Al-Quran, dan bersihlah nama mereka, keluar dari golongan orang-orang yang dinamakan kedekut dan tamak dan semuanya itu tercela oleh agama. Dengan mengeluarkan zakat itu jiwa mereka jadi terdidik dengan baik, sifat rahim dan penyayang makin memupuk hati mereka. Keyakinan dan kepercayaan mereka kepada Tuhan makin bertambah kuat. Sifat tolong menolong, bantu membantu makin berurat berakar di dalam jiwa mereka. Akhirnya dengan beransur-ansur, sedikit demi sedikit jiwa mereka makin bertambah suci, sifat takwa kepada Tuhan makin meluap di dalam jiwa mereka. Mereka tak suka memupuk-mupuk harta, kecuali dengan mengeluarkan zakatnya menurut aturannya, kerana mereka tahu bahawa dalam harta yang bertumpuk-tumpuk itu ada hak fakir miskin, hak kaum lemah yang tak berdaya untuk mencukupkan nafkahnya sehari-hari. Kesedaran mereka yang makin hari makin bertambah-tambah itu, memaksa mereka bersifat pemurah, tak suka membiarkan kaum melarat, kaum yang sentiasa dihanyutkan oleh nasib peruntungan sehari-hari. Hati mereka jatuh melihat kaum yang dirundung malang itu, airmata mereka jatuh berlinang-linang, bercucuran jatuh ke bumi, kerana didesak oleh perasaan cinta kepada kaum yang melarat itu. Ratapan jiwa yang sentiasa memanjat ke langit biru itu, memaksa mereka supaya mengeluarkan harta, untuk

memujuk buah tangis mereka. Jika semua kaum hartawan dapat menghirup udara kesedaran yang seperti ini, dengan sendirinya hilanglah kekacauan dalam masyarakat, datanglah keamanan dan kemakmuran tak ada fakir miskin yang terlantar tidak makan, tak ada yatim piatu yang tak terdidik. Sebaliknya mereka sama-sama berdoa kepada Allah, semoga orang-orang kaya itu makin bertambah kekayaannya supaya mereka selalu mendapat limpahan dan pemberian dari mereka. Tetapi sebaliknya jiwa mereka akan selalu mengutuki kaum hartawan itu, jika mereka tak mahu memberikan hak fakir miskin kerana kaum hartawan itu bererti telah memeras dan memperkosa hak mereka.

Oleh sebab itu, Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ مُعَاذٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: وَاتَّقِ دَعْوَةَ الْمَظْلُوْمِ فَاِنَّهَا لَيْسَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ اللهِ حِجَابٌ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Muaz r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Maka takutilah doa orang-orang yang teraniaya, kerana doa orang yang teraniaya itu tak ada terdinding antaranya dan antara Allah."

)Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Ertinya doa yang semacam itu segera dikabulkan. Demikian itu gunanya ialah untuk melatih diri supaya bersifat ikhlas, iaitu bahawa semua amalan bersedekah itu bukan kerana mengharapkan pujian manusia, tetapi semata-mata kerana mencari kereda Allah, dan semata-mata kerana mencintai perintah Allah dan sul-Nya.

KITAB BERPUASA

Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

يَآ اَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ * اَيَّامًا مَّعْدُوْدَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيْضًا اَوْ عَلٰى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ اَيَّامٍ اُخَرَ وَعَلَى الَّذِيْنَ يُطِيْقُوْنَهٗ

فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِيْنٍ، فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَاَنْ تَصُوْمُوْا خَيْرٌ لَكُمْ اِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُوْنَ ❋

سورة البقرة اية ١٨٣ - ١٨٤

"Hai orang-orang yang beriman. Diwajibkan berpuasa di atasmu, sebagaimana puasa itu telah diwajibkan di atas orang-orang sebelum kamu, mudah-mudahan kamu menjadi orang yang takut (memelihara diri). Lamanya berpuasa itu pada beberapa hari yang dapat dihitung. Maka sesiapa yang sedang sakit di antaramu atau sedang berjalan, maka boleh puasa itu dikerjakan pada hari yang lain. Dan di atas mereka yang tidak kuat berpuasa, boleh membayar fidyah, iaitu memberi makanan orang miskin. Maka sesiapa yang menambah kebajikan maka itu lebih baik baginya. Dan kalau kamu berpuasa, itu lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui."

(Surah Al-Baqarah, ayat 183 – 184).

Dalam ayat ini dinyatakan: Orang yang sihat, wajib berpuasa sepenuh bulan Ramadan. Orang yang sakit atau musafir, boleh berpuasa di hari lain, sedang orang yang tidak kuat, boleh bayar fidyah.

1. ERTI PUASA.

Puasa ertinya menahan. Dalam istilah syarak bererti menahan nafsu dari segala yang membukakan di siang hari, mulai dari terbit fajar Sadiq hingga terbenam matahari. Adapun puasa yang diwajibkan Tuhan atas umat Islam ialah:

1. Puasa di bulan Ramadan tiap-tiap tahun.
2. Puasa yang dinazarkan.
3. Puasa kifarat (denda) yang disebabkan oleh:
   a. Jimak di siang hari bulan Ramadan.
   b. Zihar (isteri diserupakan dengan ibu atau mahramnya).
   c. Melanggar sumpah.
   d. Kerana pembunuhan jiwa yang diharamkan secara disengaja atas sebab tersalah.

Adapun yang akan diterangkan di sini ialah puasa di bulan Ramadan, sedang puasa yang lain-lain itu akan diterangkan dalam babnya masing-masing pula kelak.

Puasa di bulan Ramadan diwajibkan mula-mulanya pada tahun yang kedua dari Hijrah Nabi s.a.w. Ia diwajibkan atas orang-

orang yang sudah mukallaf (baligh-berakal), dan atas orang yang kuasa mengerjakannya. Maka tidaklah wajib puasa itu atas:

1. Kanak-kanak.
2. Orang gila.
3. Orang yang hilang akal, sebab mabuk dan lain-lain.
4. Orang yang sangat tua yang sudah payah menjalankan puasa.
5. Orang yang sakit yang bila ia puasa mungkin bertambah-tambah sakitnya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَبْلُغَ وَعَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الْمَجْنُوْنِ حَتَّى يَفِيْقَ.

رواه ابو داود والنسائى

"Dari Ali r.a. ia berkata: Nabi s.a.w. telah bersabda: Diangkatkan tuntutan hukum dari tiga macam orang, dari kanak-kanak hingga ia balig, dari orang yang tidur hingga ia bangun dan dari orang gila hingga ia sembuh."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Bila kanak-kanak itu kuat mengerjakannya, maka puasanya itu sah juga, dan ia diberi pahala seperti pahala amalan wajib. Adapun orang-orang kafir, wajib juga atas mereka mengerjakan puasa seperti sembahyang pula, hanya puasa itu tidak sah dikerjakannya, kerana kafirnya. Dengan alasan, bahawa mereka akan dituntut oleh Tuhan di hari kiamat, sebagaimana mereka dituntut kerana meninggalkan sembahyang, seperti telah diterangkan dalam pelajaran yang telah lalu, yakni yang soal sembahyang.

2. YANG MEWAJIBKAN PUASA DAN FARDUNYA.

Adapun yang mewajibkan puasa ialah:

Pertama: Kerana telah melihat awal bulan Ramadan (rukyatul-hilal) dengan pandangan mata.

Sebagaimana diterangkan dalam ayat:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ❋

سورة البقرة اية ١٨٥

"Barangsiapa di antara kamu yang telah melihat anak bulan hendaklah ia berpuasa."

(Surah Al-Baqarah, ayat 185).

Dalam hadis Nabi s.a.w. dinyatakan pula yang bunyinya sebagai berikut:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: صُوْمُوْا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوْا لِرُؤْيَتِهِ فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوْا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِيْنَ يَوْمًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Puasalah kamu kerana telah melihat bulan dan berbukalah kerana telah melihat bulan, apabila bulan itu tertutup (kerana awan tebal), maka sempurnakanlah bilangan bulan Syaaban iaitu tiga puluh hari."

(Diriwayatkan oleh Bukhair dan Muslim).

Kedua: Dengan perhitungan (hisab). Allah telah berfirman di dalam Al-Quran yang berbunyi:

هُوَ الَّذِى جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُوْرًا وَقَدَّرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوْا عَدَدَ السِّنِيْنَ وَالْحِسَابَ ❋

سورة يونس اية ٥

"Dia (Tuhan) telah menjadikan matahari bersinar-sinar dan bulan bercahaya-cahaya, dan ditentukan-Nya perjalanannya supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungannya (hisabnya)."

(Surah Yunus, ayat 5).

3. UNTUK MENETAPKAN RUKYATUL-HILAL.

Untuk menetapkan rukyatul-hilal (pada awal bulan Ramadan) boleh dengan seorang saksi yang dipandang adil. Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: جَاءَ اَعْرَابِيٌّ اِلَى النَّبِيِّ

ﷺ فَقَالَ: إِنِّيْ رَأَيْتُ الْهِلاَلَ فَقَالَ: اَتَشْهَدُ اَنْ لَآ اِلٰهَ اِلاَّ اللهُ؟ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: اَتَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ؟ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: يَا بِلاَلُ اَذِّنْ فِى النَّاسِ اَنْ يَصُوْمُوْا غَدًا.

رواه الترمذى وابو داود ـ حديث مرسل

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah datang seorang Arab Badui kepada Nabi s.a.w. Lalu ia berkata: "Sungguh aku telah melihat hilal (bulan). Maka Raulullah s.a.w. bersabda: Mahukah engkau mengaku bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah? Ia menjawab mahu Ya Rasulullah s.a.w. Beliau bersabda: Mahukah engkau mengaku, bahawa Muhammad itu Rasul Allah? Ia menjawab: Mahu Ya Rasulullah s.a.w. Beliau bersabda lagi: Ya Bilal! Beritahulah kepada manusia, agar mereka puasa esok hari."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Hibban).

Menurut Imam Syafii rukyatul hilal Ramadan cukup seorang saksi, tapi untuk hilal berbuka, hari raya fitri, harus dua orang saksi.

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: تَرَاءَى النَّاسُ الْهِلاَلَ فَاَخْبَرْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ أَنِّى رَأَيْتُهُ فَصَامَ وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ.

رواه ابو داود

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah ribut manusia mengatakan hilal Ramadan telah ada, lalu aku khabarkan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa aku telah melihatnya, lalu beliau terus berpuasa, dan disuruhnya manusia mulai berpuasa."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Hibban).

Adapun fardu puasa itu ialah berniat akan puasa pada malamnya. Dan mempermalamkan niat itu disyaratkan bagi fardu puasa itu. Ertinya menjatuhkan niat itu di waktu malam, iaitu antara terbenam matahari dan fajar sadiq. Ada keterangan menyatakan:

عَنْ حَفْصَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ لَمْ

يُبَيِّتِ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلاَ صِيَامَ لَهُ.

رواه ابو داود والترمذى ـ حديث موقوف

"Dari Hafsah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Siapa yang tidak mempermalamkan niat puasa sebelum terbit fajar, maka tidaklah sah puasanya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

4. YANG MEMBATALKAN PUASA.

Adapun yang membatalkan puasa, iaitu:

1. Memasukkan sesuatu ain (benda) ke dalam salah satu rongga badan, seperti lubang hidung, mulut, dubur, kubul dan lubang telinga.

   Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اِنَّمَا الْوُضُوْءُ مِمَّا خَرَجَ وَلَيْسَ مِمَّا يَدْخُلُ وَاِنَّمَا الْفِطْرُ مِمَّا دَخَلَ وَلَيْسَ مِمَّا يَخْرُجُ.

رواه البخارى

"Dari Ibni Abbas r.a. ia telah berkata: Adapun yang mewajibkan berwuduk kerana ada sesuatu yang keluar (dari kubul atau dubur), dan bukan kerana sesuatu yang masuk. Adapun yang membukakan puasa ialah kerana ada barang yang masuk dan bukan kerana barang yang keluar."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

2. Jimak (bersetubuh) di siang hari bulan Ramadan dengan kemahuan sendiri. Maka sebaliknya tidaklah batal puasa orang yang dipaksa jimak, asal saja jimaknya jangan sampai kepada yang dimaksudkan (talazzuz) iaitu kesenangan.
3. Sengaja supaya muntah. Ertinya dibuat-buat jalan supaya muntah. Umpamanya memasukkan tangan ke dalam kerongkongan ketika berkumur-kumur dan lain-lainnya. Andaikata ia muntah, maka puasanya batal ketika itu dan wajiblah ia mengqadainya kembali.

   Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنِ اسْتَقَاءَ فَعَلَيْهِ الْقَضَاءُ وَمَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْئُ فَلَا قَضَاءَ عَلَيْهِ.

رواه البيهقى

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Nabi s.a.w. bersabda: Sesiapa yang mencari jalan untuk muntah (lalu ia muntah) maka wajib atasnya qada dan barangsiapa yang terpaksa muntah, maka tidaklah wajib qada atasnya (tidaklah batal puasanya)."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Keterangan lain ada pula menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْئُ وَهُوَ صَائِمٌ فَلَيْسَ عَلَيْهِ قَضَاءٌ وَإِنِ اسْتَقَاءَ فَلْيَقْضِ.

رواه الخمسة

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Barangsiapa yang terpaksa muntah, sedang ia berpuasa maka tidaklah wajib atasnya mengqada, dan barangsiapa yang sengaja muntah, maka hendaklah ia mengqada puasanya kembali (kerana puasanya telah batal)."

(Diriwayatkan oleh lima Imam).

Keempat: Istimnak (sengaja mengeluarkan mani) pada siang hari puasa, dengan jalan selain jimak. Kerana orang yang sengaja mengeluarkan mani itu pada hakikatnya sama saja dengan jimak sebab sama-sama merasa talazzuz dengan jalan disengaja, dan hal itulah tujuan nafsu yang utama. Dan tidaklah batal puasa, kalau mani itu keluar sebab bermimpi atau sebab memegang di balik kain atau kerana memandang saja, sebab semuanya itu tak ada persentuhan kulit.

Kelima: Haid dan nifas. Adapun perempuan yang datang haid dan nifas haram atas mereka mengerjakan puasa, sebagaimana haram bagi mereka mengerjakan sembahyang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

اَلَيْسَ اِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ قُلْنَ: بَلَى فَذٰلِكَ مِنْ نُقْصَانِ دِيْنِهَا.

رواه البخارى

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Bukankah apabila perempuan-perempuan itu haid tak boleh mereka sembahyang dan tak boleh pula puasa. Mereka menjawab: "Ya, sebab itu menandakan kurang agamanya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keenam: Gila. Sebab sudah hilang daripadanya syarat taklif.

Ketujuh: Murtad. Ertinya orang yang keluar dari Agama Islam. Sebab mereka telah meninggalkan syarat sah mengerjakan puasa.

5. HUKUM ORANG YANG BERSETUBUH DI SIANG HARI BULAN RAMADAN.

Bersetubuh di siang hari Ramadan haram hukumnya, baik bagi orang yang sedang menjalankan ibadat puasa mahupun bagi yang tidak berpuasa.

Selain dari puasa telah batal, juga yang berbuat wajib membayar kifarat atau dendanya sebagai hukumannya. Iaitu, memerdekakan hamba (kalau hukumnya masih berlaku) dan kalau hamba ada pula. Atau berpuasa berturut-turut selama dua bulan. Kalau tidak kuat, maka wajib memberi makan orang-orang miskin seramai enam puluh orang.

Ini adalah hukum bagi sang suami yang melakukan persetubuhan di siang hari Ramadan.

Maka bagi sang isteri, hukumnya hanya wajib membayar kifarat (memberi makan enam puluh orang miskin), sebab wanita tidak mungkin berpuasa dua bulan berturut-turut, sebab ia berdarah haid setiap bulan. Demikian pendapat Jumhur (majoriti) ulama Islam.

Dalam hadis disebutkan sebagai berikut:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَجُلاً وَقَعَ بِامْرَاَتِهِ فِى رَمَضَانَ فَاسْتَفْتَى رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عَنْ ذٰلِكَ فَقَالَ: هَلْ تَجِدُ رَقَبَةً قَالَ:

لَا وَهَلْ تَسْتَطِيْعُ صِيَامَ شَهْرَيْنِ قَالَ: لَا فَاَطْعِمْ سِتِّيْنَ مِسْكِيْنًا.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya seorang laki-laki pernah bersetubuh dengan isterinya pada siang hari bulan Ramadan, lalu ia meminta fatwa (keterangan) kepada Rasulullah s.a.w. tentang itu. Maka menjawab Rasulullah s.a.w.: Engkau perolehkah seorang hamba (untuk dimerdekakan). Ia menjawab: Tidak. Beliau bertanyalagi: Kuatkah engkau puasa dua bulan berturut-turut? Ia menjawab tidak: Maka (beliau pun bersabda): Berilah makan kepada enam puluh orang miskin."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

6. TERLUPA MAKAN/MINUM DI SIANG HARI RAMADAN BAGI ORANG YANG BERPUASA.

Seseorang yang makan dalam berpuasa itu kerana lupa, atau melanggar sesuatu yang tersebut di atas dengan tidak sengaja, maka tidaklah batal puasanya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنْ اَكَلَ اَوْ شَرِبَ نَاسِيًا فَلَا يُفْطِرُ فَإِنَّمَا هُوَ رِزْقٌ رَزَقَهُ اللهُ.

رواه الترمذى والبيهقى ـ حسن صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang makan atau minum kerana lupa, maka tidaklah ia berbuka (batal puasanya), kerana itu semata-mata satu rezeki yang diberikan Allah kepadanya."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Baihaqi).

Adapun ubat yang diinjeksikan (suntikan) ke dalam badan maka tidaklah membatalkan puasa, sebab bukan melalui rongga.

7. MACAM-MACAM SUNAT PUASA.

Adapun perbuatan-perbuatan yang sunat, yang sebaiknya pula dikerjakan oleh orang yang puasa itu ada beberapa macam.

Pertama: Makan sahur, kira-kira pukul empat atau pukul lima dinihari.

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: تَسَحَّرُوْا فَاِنَّ فِى السَّحُوْرِ بَرَكَةً.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Sahurlah kamu, sesungguhnya pada makan sahur itu ada keberkatan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun batas waktu makan sahur itu hanyalah sampai terbit fajar sidik. Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ *

سورة البقرة اية ١٨٧

"Makanlah dan minumlah kamu, hingga telah terang bagimu cahaya putih dari cahaya yang hitam waktu fajar."

(Surah Al-Baqarah, ayat 187).

Adapun tanda fajar sidik itu ialah cahaya yang memancar dari selatan ke utara (yang melintang) di ufuk timur, waktu hari akan siang. Kemudian cahaya itu terus sampai matahari terbit.

Itulah yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w. dalam sabdanya yang berbunyi:

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدَبٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يَغُرَّنَّكُمْ مِنْ سَحُوْرِكُمْ اَذَانُ بِلَالٍ وَلَا بَيَاضُ الْأُفُقِ الْمُسْتَطِيْلُ هٰكَذَا حَتَّى يَسْتَطِيْرَ هٰكَذَا.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Samurah bin Jundab r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Janganlah kamu tertipu (terhalang) oleh azan Bilal untuk makan *sahur, jangan pula oleh cahaya putih memanjang begini, hingga cahaya itu melintang begini."*

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

Yang dimaksudkan dengan cahaya memanjang dalam hadis ini, ialah cahaya putih yang memancar dari bawah ke atas. Kemudian cahaya itu hilang hingga hari gelap kembali. Cahaya itu dinamakan fajar kizib. Sesudah tak berapa lama gelap, datang pula kembali cahaya yang melintang sampai matahari terbit. Itulah yang dinamakan fajar sidik.

Kedua: Menyegerakan berbuka ketika telah datang waktunya.

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لاَ يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوْا الْفِطْرَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Sahal bin Said r.a. bahawasanya s.a.w. bersabda. *Sentiasalah manusia itu tinggal dalam kebaikan selama mereka menyegerakan berbuka."*

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Ketiga: mentakhirkan (melambatkan) makan sahur, hingga ada waktu antara makan dan sembahyang Subuh, sekadar membaca 50 ayat Al-Quran.

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: تَسَحَّرْنَا ثُمَّ قُمْنَا اِلَى الصَّلاَةِ قِيْلَ: كَمْ كَانَ بَيْنَهُمَا قَالَ: خَمْسُوْنَ آيَةً.

رواه البخارى

"Dari Zaid bin Sabit r.a. ia telah berkata: Pernah kami makan sahur bersama Rasulullah s.a.w. kemudian kami berdiri melakukan *sembahyang. Ditanya orang: Berapa lamanya antara keduanya? Ia menjawab: Sekadar membaca 50 ayat Al-Quran.*

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keterangan yang lain ada pula mengatakan:

عَنْ أَبِىْ ذَرٍّ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ تَزَالُ أُمَّتِىْ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوْا الْاِفْطَارَ وَاَخَّرُوْا السَّحُوْرَ.

رواه أحمد

"Dari Abu Zarr r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sentiasalah umatku tetap dalam kebaikan, selama mereka menyegerakan berbuka dan melambatkan makan sahur."

(Diriwayatkan oleh Ahmad).

Keempat: Meninggalkan perkataan yang keji-keji seperti bergunjing, mencela-cela orang dan sebagainya dalam puasa itu.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّوْرِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلّٰهِ حَاجَةٌ فِى أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: Sesiapa yang tak mahu meninggalkan pekerjaan yang keji itu, maka tiadalah keperluan bagi Allah, supaya ia meninggalkan makan dan minum."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Kelima: Memperbanyak membaca Al-Quran pada bulan Ramadan kerana permulaan turun Al-Quran itu, ialah pada malam bulan Ramadan (17 Ramadan). Sebab Rasulullah sendiri pada tiap-tiap malam Ramadan itulah belajar Al-Quran dari Jibril alaihissalam, serta memperbaiki lafaz dan tajwidnya.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: وَكَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَلْقَاهُ جِبْرِيْلُ فِى كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُوْلُ اللهِ ﷺ حِيْنَ يَلْقَاهُ جِبْرِيْلُ اَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيْحِ الْمُرْسَلَةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Dan adalah Rasulullah s.a.w. dijumpai oleh malaikat Jibril tiap-tiap malam Ramadan, lalu Jibril mengajarkan ayat Al-Quran kepadanya. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. ketika ditemui oleh Jibril a.s. maka beliau lebih cepat mengerjakan kebaikan, lebih cepat dari angin yang berhembus."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keenam: Memperbanyak sedekah.

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قِيْلَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ اَيُّ الصَّدَقَةِ اَفْضَلُ قَالَ: صَدَقَةٌ فِى رَمَضَانَ.

رواه الترمذى

"Dari Anas r.a. telah berkata: Pernah ditanya orang: Ya Rasulullah! Mana sedekah yang lebih utama? Beliau menjawab: Sedekah di bulan Ramadan itu.

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Ketujuh: Mendirikan sembahyang Tarawih pada malam bulan Ramadan itu.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ اِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. telah berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: Sesiapa yang mendirikan (beribadat) pada bulan Ramadan secara iman dan perhitungan, diampuni Allah apa-apa yang telah terdahulu dari dosanya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kelapan: Menjamu orang-orang yang berpuasa pada waktu berbuka, iaitu dengan memanggil mereka ke rumah, atau ke tempat yang disediakan untuk itu, seeprti surau atau lain-lain.

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ اَلْجُهَنِّى رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ اَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ اَجْرِ الصَّائِمِ.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Zaid bin Khalid Al-Juhanni r.a. telah berkata: Nabi s.a.w. telah bersabda: Sesiapa yang memberi buka kepada orang yang berpuasa,

adalah baginya mendapat upah (pahala) tidak kurang dari upah (pahala) orang yang puàsa itu."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Keterangan yang lain ada pula menyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ جَآءَ اِلَى سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ فَجَآءَ بِخُبْزٍ وَزَيْتٍ فَاَكَلَ ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَفْطَرَ عِنْدَكُمُ الصَّائِمُوْنَ وَاَكَلَ طَعَامَكُمُ الْاَبْرَارُ وَصَلَّتْ عَلَيْكُمُ الْمَلَائِكَةُ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Anas r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah datang kepada Saad bin Ubadah r.a., maka beliau dihidangkan sepotong roti dan minyaak sapi, lalu dimakan oleh beliau. Kemudian beliau s.a.w. bersabda: Telah berbuka di dekatmu orang yang puasa, dan telah berselawat (berdoa) atasmu malaikat."
berselawat (berdoa) atasmu malaikat."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

8. MACAM-MACAM YANG MAKRUH BAGI ORANG PUASA.

Supaya keutamaan-keutamaan dalam mengerjakan ibadat puasa itu dapat dicapai, maka orang-orang yang berpuasa itu harus pula menjaga segala perbuatan yang makruh.

Pertama: Berkumur-kumur atau bersugi (menggosok gigi), waktu matahari telah tergelincir.

عَنْ خَبَّابٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اِذَا صُمْتُمْ فَاسْتَاكُوْا بِالْغَدَاةِ وَلَا تَسْتَاكُوْا بِالْعَشِيِّ فَاِنَّهُ لَيْسَ مِنْ صَائِمٍ تَيْبِسُ شَفَتَاهُ اِلَّا كَانَتَا نُوْرًا بَيْنَ عَيْنَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

رواه الدار قطنى والبيهقى ـ حديث ضعيف

"Dari Khabab r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Bila kamu berpuasa maka bersugilah (menggosok gigi) kamu di waktu pagi, dan janganlah kamu bersugi di waktu petang, kerana sesungguhnya tiadalah bagi orang yang puasa yang kering kedua bibirnya, melainkan akan jadi cahaya antara kedua matanya di hari kiamat."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni dan Baihaqi).

Dalam hadis yang lain terdapat pula keterangan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: لَخُلُوْفُ فَمِ الصَّائِمِ اَطْيَبُ عِنْدَ اللهِ مِنْ رِيْحِ الْمِسْكِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. beliau bersabda: Pernah saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya bau busuk mulut orang yang puasa itu, lebih harum di sisi Allah daripada bau kesturi."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Oleh sebab itu, menurut pendapat setengah ulama makruhlah hukumnya membuang bau yang busuk itu, kerana bau busuk itu adalah keutamaan ibadat puasa. Tetapi ada pula ulama yang berpendapat bahawa boleh bersugi atau memberus gigi, tetapi jangan terlalu lama, sekadar membuang kotoran yang menempel padanya.

Kedua: Terlalu memasukkan air ke dalam hidung ketika dalam puasa. Keterangan menyatakan:

عَنْ لَقِيْطِ بْنِ صَبْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَسْبِغِ الْوُضُوْءَ وَخَلِّلْ بَيْنَ الْأَصَابِعِ وَبَالِغْ فِى الْاِسْتِنْشَاقِ اِلَّا اَنْ تَكُوْنَ صَائِمًا.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Laqit bin Sabrah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau telah bersabda: Sempurnakanlah berwuduk, dan silang-silangkan anak jari, dan persangatlah istinsyaq, kecuali bila engkau sedang puasa."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Ketiga: Mengeluarkan kata-kata yang keji, seperti bergunjing, memaki-maki dan sebagainya. Perhatikan keterangan keempat pada sunat puasa.

Adapun yang haram bagi orang yang berpuasa, ialah mengerjakan salah satu dari yang membatalkan puasa dengan sengaja, seperti mengerjakan salah satu yang tersebut dalam cara berpuasa di atas.

BAB BERBUKA PUASA

1. ERTI BERBUKA PUASA.

Berbuka puasa ertinya membatalkan puasa, dengan jalan memasukkan sesuatu benda, baik makanan mahupun minuman ke dalam rongga perut.

Pertama: Berbuka di setiap matahari telah terbenam selama bulan Ramadan, buat mengakhiri puasa di hari itu.

Kedua: Berbuka setelah matahari terbenam di akhir bulan Ramadan, buat mengakhiri puasa di tahun itu.

Berbuka Puasa.

Sesudahnya seseorang berpuasa pada siang harinya di bulan Ramadan maka berbukalah dia ketika matahari telah terbenam.

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا اَقْبَلَ اللَّيْلُ مِنْ هٰهُنَا وَاَدْبَرَ النَّهَارُ مِنْ هٰهُنَا وَغَرَبَتِ الشَّمْسُ فَقَدْ اَفْطَرَ الصَّائِمُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Umar bin Khattab r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Bila malam telah datang dari sebelah sana dan siang telah pergi ke sebelah sana, dan matahari telah terbenam, maka sesungguhnya telah boleh berbuka orang puasa."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Untuk mencapai keutamaannya, maka disunatkan pula berbuka lebih dahulu dengan kurma, atau dengan air yang agak enak rasanya sebelum mengerjakan sembahyang maghrib.

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يُفْطِرُ قَبْلَ اَنْ يُصَلِّىَ عَلَى رَطْبَاتٍ فَاِنْ لَمْ تَكُنْ رَطْبَاتٌ فَتَمْرَاتٌ فَاِنْ لَمْ تَكُنْ تَمْرَاتٌ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ.

رواه ابو داود ـ حديث حسن

"Dari Anas r.a. telah berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. sebelum beliau sembahyang beliau berbuka dengan buah-buahan yang ber-air, apabila tak ada maka dengan tamar, apabila tak ada juga, maka dengan air yang berasa sedap."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Ertinya, jika kurma tidak ada, atau tamar pun tak ada pula, maka berbukalah dengan air yang berasa sedap, umpama air yang bergula dan lain-lain. Ketika kita berbuka bacalah doanya iaitu:

اَللّٰهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ اَفْطَرْتُ.

رواه ابو داود والترمذى

"Ya Allah! Bagi Engkau (kerana Engkau) aku puasa dan dengan rezeki Engkau aku berbuka."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

2. MACAM-MACAM UZUR YANG MEMBOLEH-KAN MENINGGALKAN PUASA.

Adapun uzur-uzur yang membolehkan meninggalkan puasa ialah: **Pertama:** Sakit yang menghilangkan kekuatan untuk puasa, umpamanya sakit perut, sakit kepala yang sangat dan lain-lainnya.

Kedua: Berjalan jauh, sejauh perjalanan yang menyebabkan boleh mengqasar sembahyang padanya (138.240 km.).

Keterangan menyatakan:

وَمَنْ كَانَ مَرِيْضًا اَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِنْ اَيَّامٍ اُخَرَ، يُرِيْدُ اللهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلاَ يُرِيْدُ بِكُمُ الْعُسْرَ *

سورة البقرة اية ١٨٥

"Dan sesiapa yang dalam sakit atau ia dalam perjalanan, maka boleh puasa itu dibayarnya di hari yang lain saja. Allah menghendaki akan kemudahan bagi kamu, dan bukanlah Ia menghendaki kesusahan bagi kamu."

(Surah Al-Baqarah ayat 185).

Ketiga: Orang tua yang sangat lemah untuk puasa.

Keempat: Lapar atau dahaga yang sudah bersangatan dalam puasa itu. Allah berfirman dalam Al-Quran:

وَلاَ تُلْقُوْا بِاَيْدِيْكُمْ اِلَى التَّهْلُكَةِ *

سورة البقرة اية ١٩٥

"Dan janganlah kamu jatuhkan dirimu ke dalam jurang kebinasaan."

(Surah Al-Baqarah, ayat 195).

Adapun puasa dalam perjalanan itu, maka Rasulullah s.a.w. pernah menyatakan dengan sabdanya dalam kisah seorang yang sudah letih dalam perjalanan, yang bunyinya sebagai berikut:

عَنْ جَابِرٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَرَّ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى سَفَرٍ بِرَجُلٍ تَحْتَ شَجَرَةٍ يُرَشُّ عَلَيْهِ الْمَاءُ فَقَالَ: مَا بَالُ هٰذَا قَالُوْا: صَائِمٌ يَا رَسُوْلَ اللهِ فَقَالَ: لَيْسَ مِنَ الْبِرِّ الصِّيَامُ فِى السَّفَرِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Jabir r.a. beliau bersabda: Pernah Rasulullah s.a.w. bertemu dalam suatu perjalanannya dengan seseorang laki-laki terbaring di bawah pokok kayu yang disiram orang kepalanya dengan air. Maka Rasulullah s.a.w. bertanya: Apakah sebabnya ia sampai begini? Mereka menjawab: Ia puasa ya Rasulullah. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidaklah masuk kebaikan puasa dalam perjalanan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Maksudnya, kalau puasa dalam perjalanan itu membahayakan diri sendiri, maka puasa itu hukumnya tidak baik ketika itu, sebab merosakkan diri. Akan tetapi kalau tidak menyebabkan bahaya kepada diri sendiri, maka puasa itu dibolehkan.

3. ORANG YANG WAJIB QADA PUASA.

Orang-orang sakit yang telah sembuh, orang yang berjalan jauh (musafir) bila telah sampai ke tempat yang ditujunya, dan orang yang berbuka kerana sangat lapar dan dahaga, maka wajib atas mereka mengqada puasa yang telah ditinggalkannya sehabis bulan Ramadan. Jika puasanya itu tidak juga diqadanya, sedang bulan Ramadan yang kedua telah masuk pula, maka ia wajib mengisi denda dengan memberi makan orang miskin, sebanyak hari puasa yang ditinggalkannya itu, sedang puasa yang ditinggalkannya itu wajib juga mengqadainya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَنْ مَرِضَ ثُمَّ صَحَّ وَلَمْ يَصُمْ حَتَّى اَدْرَكَهُ رَمَضَانٌ آخَرُ يَصُوْمُ الَّذِيْ اَدْرَكَهُ ثُمَّ يَصُوْمُ الشَّهْرَ الَّذِيْ اَفْطَرَ فِيْهِ وَيُطْعِمُ مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِيْنًا.

رواه الدار قطنى ـ حديث صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. telah berkata: Sesiapa yang pernah sakit, kemudian ia sihat kembali, sedang ia belum juga mengerjakan puasanya yang tinggal, hingga telah didapatinya pula Ramadan yang lain, hendaklah dipuasakannya Ramadan yang telah didapatinya itu. Kemudian dipuasakan pula bulan yang dia telah berbuka padanya, dan hendaklah ia memberi makan seorang miskin pada hari-hari puasa yang telah ditinggalkannya itu."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

4. ORANG YANG DIWAJIBKAN MEMBAYAR FIDYAH SAHAJA.

Adapun orang tua yang sudah terlalu lemah dan orang-orang sakit yang takkan diharapkan sembuhnya umpamanya sakit paru-paru, bengek (asma) sakit gastrik, sakit ginjal dan lain-lain atau dengan mengerjakan puasa itu, mungkin sakitnya akan bertambah, maka boleh ia memberi fidyah (menembusi) puasanya itu dengan satu cupak (liter) bahan makanan tiap-tiap hari yang diberikan kepada fakir miskin.

Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

وَعَلَى الَّذِيْنَ يُطِيْقُوْنَهُ فِدْيَةٌ طَعَامُ مِسْكِيْنٍ *

سورة البقرة اية ١٨٤

"Dan atas orang-orang yang tidak kuasa mengerjakan puasa, wajiblah ia membayar fidyah, iaitu memberi makan orang miskin."
(Surah Al-Baqarah, ayat 184).

Dalam keterangan yang lain dinyatakan pula:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ: اَلشَّيْخُ الْكَبِيْرُ وَالْمَرْأَةُ الْكَبِيْرَةُ لَا يَسْتَطِيْعَانِ اَنْ يَصُوْمَا فَلْيُطْعِمَا مَكَانَ كُلِّ يَوْمٍ مِسْكِيْنًا.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya ia pernah berkata: Orang tua, biar laki-laki mahupun perempuan, yang keduanya tidak kuasa berpuasa, maka hendaklah keduanya memberi makan orang miskin tiap-tiap hari sebanyak hari puasa yang ditinggalkannya itu."
(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Seseorang yang meninggal, tetapi ia masih mempunyai kewajipan mengqada puasa, maka bagi walinya boleh mengerjakan puasa itu.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ صَوْمٌ صَامَ عَنْهُ وَلِيُّهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: Sesiapa yang mati, dan di atasnya wajib puasa (Ramadan), boleh walinya mempuasakannya."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Oleh kerana dalam hadis tidak mengandung perintah, maka hal ini hanya bererti sunat saja hukumnya. Dalam pengertian,

boleh walinya membayarkan dengan jalan puasa, dan boleh pula tidak (membayar fidyah).

Kalau dipuasakannya, maka lepaslah si mayat dari hutang puasanya.

Adapun orang-orang yang selalu bekerja berat, seperti pekerja di tambang, di kapal atau di kilang, atau orang yang selalu berada di medan perang, bila mereka tidak kuat berpuasa, maka mereka wajib membayar fidyah, dengan syarat, kalau waktu untuk beristirahat ke daratan tidak ada bagi mereka. Tetapi kalau ada waktu untuk istirahat atau kelapangan, maka mereka wajib qada kembali, seperti keterangan di atas tadi. Bila mereka dalam kemiskinan, belum sanggup membayar fidyah itu, maka ditunggu sampai mereka kelapangan. Sebab Tuhan bukan menghendaki kesempitan tetapi Ia menghendaki untuk berlapang-lapang dalam ibadat.

5. PUASA BAGI WANITA HAMIL ATAU YANG SEDANG MENYUSUKAN ANAK.

Adapun perempuan yang sedang hamil atau yang sedang menyusukan, jika mereka khuatir terhadap anaknya atau terhadap dirinya, kerana mungkin mendatangkan kerosakan kepada anak atau kepada dirinya sendiri, maka mereka dibolehkan meninggalkan puasa itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ قَلَّابَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَجُلٍ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّ اللهَ وَضَعَ عَنِ الْمُسَافِرِ نِصْفَ الصَّلَاةِ وَالصَّوْمِ وَرَخَّصَ لِلْحُبْلَى وَالْمُرْضِعَةِ.

رواه ابو داود والنسائى بسند حسن

"Dari Abu Qallabah r.a. dari seseorang laki-laki, telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Allah telah membolehkan meninggalkan seperdua sembahyang (sembahyang qasar) dan meninggalkan puasa bagi orang-orang yang sedang berjalan jauh (musafir) dan dibolehkan-Nya pula meninggalkan puasa itu bagi perempuan-perempuan hamil dan perempuan-perempuan yang sedang menyusukan."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Pendapat-pendapat Ulama dalam perkara ini:

Oleh kerana di dalam ayat Al-Quran mahupun di dalam hadis Nabi s.a.w. tidak ada nas yang jelas (tidak disebutkan) tentang qada atau fidyah di atas perempuan hamil atau yang sedang menyusukan anak, maka ulama-ulama memakai ijtihadnya sebagai berikut:

Berkata Imam Syafii dan Imam Ahmad: Jika kedua macam perempuan itu khuatir terhadap diri mereka, maka dibolehkan mereka berbuka, tetapi wajib qada sesudahnya. Dan jika mereka khuatir terhadap anak mereka (sakit, kurus dan lain-lain) maka mereka dibolehkan berbuka, tetapi wajib mengqada dan membayar fidyah.

Berkata Ibnu Umar, Ibnu Abbas dan Said bin Jubair: "Bahawa kedua macam itu, iaitu perempuan hamil dan perempuan yang menyusukan anak itu boleh meninggalkan puasa dan wajib memberi fidyah, sehari seliter beraas (1 cupak = 5/6 liter).

Berkata Athak bin Ribah, Hasan, Dhuhak, Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya: Bahawa perempuan-perempuan hamil dan perempuan yang sedang menyusukan anak boleh meninggalkan puasa, tetapi wajib qada atas keduanya di hari yang lain, tak ubahnya seperti orang yang sedang sakit, dan tidak wajib memberi fidyah."

Berkata Malik: Bahawa orang hamil boleh meninggalkan puasa, tetapi wajib qada dan tidak wajib memberi fidiyah. Sedang orang yang menyusukan anak boleh meninggalkan puasa, tetapi wajib qada dan memberi fidyah."

Pendapat Pengarang:

Yang lebih cepat difahami ialah pendapat yang ketiga, iaitu bahawa perempuan-perempuan itu tak ubahnya seperti orang yang sedang sakit dan diharapkan sembuhnya, apabila anak telah diceraikan, atau ketika ia telah melahirkan. Oleh sebab itu ia wajib mengqada pada hari yang lain. Kecuali kalau masa cerai anak, dan masa hamil bersambung-sambungan. Ertinya setelah anak cerai menyusu, ibunya telah hamil pula, maka boleh dipakai pendapat Ibnu Umar dan Ibnu Abbas r.a.

6. MENINGGALKAN PUASA TANPA SEBAB SYAR'I.

Adapun orang yang meninggalkan puasa dengan tidak ada urusan yang penting seperti apa yang telah disebutkan di atas tadi, atau dengan semahu-mahunya saja, maka puasanya itu tak dapat dibayarnya dengan puasa, andaikata kalau ia mahu mengqada.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ اَفْطَرَ يَوْمًا مِنْ رَمَضَانَ فِى غَيْرِ رُخْصَةٍ رَخَّصَهَا اللهُ لَهُ لَمْ يَقْضِ عَنْهُ صِيَامُ الدَّهْرِ وَاِنْ صَامَهُ.

رواه البخارى والترمذى

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sesiapa yang berbuka satu hari saja di bulan Ramadan dengan tidak ada halangan penting yang dibenarkan oleh Allah kepadanya (kelonggaran) yang tidak dapat diqadanya itu dengan puasa satu masa, andaikata dipuasakannya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Tirmizi).

Sebab qada puasa yang disyariatkan di atas orang yang sakit, dan orang yang sedang berjalan jauh.

7. JUMLAH HARI BULAN RAMADAN.

Adapun banyak bilangan hari bulan Ramadan itu kadang-kadang 29 hari dan kadang-kadang 30 hari.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:اِنَّنَا اُمَّةٌ اُمِّيَّةٌ لَا نَكْتُبُ وَلَا نَحْسُبُ. اَلشَّهْرُ هٰكَذَا وَهٰكَذَا يَعْنِى مَرَّةً تِسْعَةً وَعِشْرِيْنَ وَمَرَّةً ثَلَاثِيْنَ.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Umar r.a. telah berkata: Nabi s.a.w. telah bersabda: Sesungguhnya kami hamba yang buta huruf, kami tak pandai menulis dan tak pandai menghitung. Adapun sebulan adalah sekian dan sekian iaitu adakalanya 29 dan adakalanya 30 hari."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Oleh sebab itu puasa bulan Ramadan, adakalanya 30 hari dan adakalanya 29 hari.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: مَا صُمْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ تِسْعًا وَعِشْرِيْنَ اَكْثَرُ مِمَّا صُمْتُ مَعَهُ ثَلَاثِيْنَ.

رواه الدار قطنى

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Selama aku berpuasa bersama Rasulullah s.a.w yang 29 hari itu lebih banyak daripada puasaku bersama beliau yang 30 hari."

(Diriwayatkan oleh Daruqutni).

Dan keterangan yang lain menyatakan pula:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَمَا صُمْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ تِسْعًا وَعِشْرِيْنَ اَكْثَرَ مِمَّا صُمْتُ ثَلَاثِيْنَ.

رواه ابو داود

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Sesungguhnya selama kami berpuasa bersama dengan Rasulullah s.a.w 29 hari lebih banyak daripada puasa kami yang 30 hari."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

8. PUASA TATAWWUK.

Puasa tatawwuk ertinya puasa tambahan dari puasa yang wajib. Yang dimaksudkan ialah selain dari puasa yang wajib Kita diperintahkan pula oleh Allah s.w.t. supaya mengerjakan puasa yang sunat sekadar tenaga kita. Adapun waktunya mengerjakan puasa sunat itu, ialah menurut aturan-aturan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan tidaklah boleh semahu-mahunya saja.

Pertama: Enam hari berturut-turut dari awal bulan Syawal iaitu sesudah mengerjakan puasa bulan Ramadan tiap-tiap tahun, kecuali hari raya Aidilfitri.

عَنْ أَبِيْ اَيُّوْبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ وَاَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ فَكَأَنَّمَا صَامَ الدَّهْرَ.

رواه مسلم

"Dari Abu Ayyub r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: Sesiapa yang puasa bulan Ramadan, dan diiringinya dengan puasa enam hari di bulan Syawal, maka seolah-olah ia telah memuasakan satu tahun (iaitu pahala puasa satu tahun)."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kedua: Pada hari Isnin dan hari Khamis.

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَصُوْمُ الْاِثْنَيْنِ وَالْخَمِيْسِ فَسُئِلَ عَنْ ذٰلِكَ فَقَالَ: اِنَّ الْأَعْمَالَ تُعْرَضُ يَوْمَ الْاِثْنَيْنِ وَالْخَمِيْسِ.

رواه ابو داود والنسائى بسند حسن

"Dari Usamah bin Zaid r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. adalah memuaskan hari Isnin dan hari Khamis. Maka ditanya orang tentang itu, lalu beliau bersabda: Sesungguhnya amal ibadat didatangkan ke hadrat Tuhan pada hari Isnin dan hari Khamis."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Ketiga: Pada hari Asyura, iaitu pada tanggal 10 bulan Muharram tiap-tiap tahun.

عَنْ أَبِىْ قَتَادَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ سُئِلَ عَنْ صِيَامِ عَاشُوْرَاءَ فَقَالَ: يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ.

رواه مسلم

"Dari Abu Qatadah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah ditanya orang tentang puasa Asyura itu, lalu dijawabnya: Puasa itu gunanya ialah untuk menutup dosa di tahun yang lalu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keempat: Pada hari Tasu'a, iaitu pada hari 9 bulan Muharram itu.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَئِنْ بَقَيْتُ اِلَى قَابِلٍ لَأَصُوْمَنَّ الْيَوْمَ التَّاسِعَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Demi jika aku masih hidup sampai tahun yang akan datang, nescaya aku puasakan hari yang ke 9 itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kelima: Pada hari Arafah, iaitu pada hari 9 bulan Zulhijah pada tiap tahun.

Keterangan menyatakan:

عَنْ قَتَادَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ سُئِلَ عَنْ صَوْمِ عَرَفَةَ فَقَالَ: يُكَفِّرُ السَّنَةَ الْمَاضِيَةَ وَالْبَاقِيَةَ.

رواه مسلم

"Dari Qatadah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah ditanya orang tentang puasa hari Arafah, maka beliau menjawab: Puasa itu ialah untuk menutup dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keenam: Sepuluh hari yang pertama dari bulan Zulhijah pada tiap-tiap tahun. Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَا مِنْ اَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيْهَا اَحَبُّ اِلَى اللهِ مِنْ هٰذِهِ الْأَيَّامِ يَعْنِى اَيَّامَ الْعَشْرِ.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Tidaklah di antara beberapa hari amal yang salih yang lebih disukai Tuhan daripada hari-hari ini, iaitu hari-hari yang sepuluh ini."
(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Ketujuh: Puasa hari putih, iaitu pada hari yang ke 13, 14 dan yang ke 15 tiap-tiap bulan Islam.

Keterangan menyatakan:

عَنْ قَتَادَةَ بْنِ مِلْحَانٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَأْمُرُنَا بِصِيَامِ اَيَّامِ الْبِيْضِ ثَلَاثَ عَشَرَةَ وَاَرْبَعَ عَشَرَةَ وَخَمْسَ عَشَرَةَ.

رواه ابو داود بسند حسن

"Dari Qatadah bin Milhan r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. menyuruh kami memuasakan hari putih, iaitu hari 13,14, dan hari 15."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

9. HARI-HARI YANG DIHARAMKAN BERPUASA.

Adapun hari-hari yang diharamkan puasa padanya ialah:

Pertama: Dua hari raya, iaitu hari raya Fitri dan hari raya Adha (hari raya korban).

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ نَهَى عَنْ صِيَامِ يَوْمَيْنِ يَوْمِ الْأَضْحَى وَيَوْمِ الْفِطْرِ. رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah melarang puasa pada dua hari, iaitu hari raya Adha dan hari raya Fitri."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kedua: Pada hari-hari Tasyrik yang tiga, iaitu pada hari 11, 12 dan 13 bulan Zulhijah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ نُبَيْشَةَ الْهُذَلِّي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَيَّامُ التَّشْرِيْقِ اَيَّامُ اُكْلٍ وَشُرْبٍ وَذِكْرِ اللهِ عَزَّوَجَلَّ.

رواه مسلم

"Dari Nubaisyah Al-Huzalli. r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Hari Tasyrik itu adalah hari makan minum dan menyebut nama Allah Azza Wajalla."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Ertinya pada hari itu tempat menikmati korban yang telah diperintahkan oleh Tuhan kepada hamba-Nya tiap-tiap tahun. Maka dari itu Rasulullah s.a.w. melarang puasa pada hari itu.

Ketiga: Puasa di pertengahan bulan Syaaban ke atas.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا بَقِيَ نِصْفٌ مِنْ شَعْبَانَ فَلَا تَصُوْمُوْا.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. Bila telah tinggal separuh dari bulan Syaaban, maka janganlah kamu puasakan juga."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Keempat: Puasa pada hari syak, ertinya dalam hari yang diragui adakah awal Ramadan atau masih akhir bulan Syaaban.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: مَنْ صَامَ الْيَوْمَ الَّذِيْ يُشَكُّ فِيْهِ فَقَدْ عَصَى اَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

رواه ابو داود والترمذى ـ حسن صحيح

"Dari Ammar bin Yasir r.a. ia berkata: Siapa yang memuaskan hari yang disyaki padanya, maka sungguh ia telah menderhakai Abu Qasim, iaitu Nabi Muhammad s.a.w."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

10. HARI-HARI YANG DIMAKRUHKAN BERPUASA.

Adapun hari-hari yang makruh puasa padanya ialah:

Pertama: Pada hari Jumaat, kecuali kalau hari sebelum atau sesudahnya dipuasakan pula.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا يَصُمْ اَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمْعَةِ اِلَّا اَنْ يَصُوْمَ قَبْلَهُ اَوْ يَصُوْمَ بَعْدَهُ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidak boleh bagi seseorang berpuasa pada hari Jumaat kecuali apabila dipuasakannya pula hari yang sebelumnya atau sesudahnya."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kedua: Puasa yang berketerusan siang malam dengan tidak mahu berbuka. Kerana perbuatan yang semacam itu menyalahi perbuatan Nabi s.a.w.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا صَامَ مَنْ صَامَ اْلاَبَدَ لَا صَامَ مَنْ صَامَ اْلاَبَدَ لَا صَامَ مَنْ صَامَ اْلاَبَدَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidaklah bererti puasa, orang yang puasa terus menerus (selama-lamanya) tidaklah ada ertinya puasa orang yang terus menerus, tidaklah ada ertinya puasa orang yang berpuasa terus menerus."
(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB IKTIKAF

Allah berfirman:

اَنْ طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّائِفِيْنَ وَالْعَاكِفِيْنَ وَالرُّكَّعِ السُّجُوْدِ ❋

سورة البقرة اية ١٢٥

"Hendaklah engkau berdua (Ibrahim dan Ismail) mensucikan rumah-Ku untuk yang tawaf, orang-orang yang iktikaf dan untuk orang yang rukuk dan yang sujud."
(Surah Al-Baqarah, ayat 125).

Untuk menyempurnakan keutamaan beribadat dalam bulan Ramadan itu, maka disunatkan pula iktikaf (diam dalam masjid sambil beribadat siang dan malam). Yang lebih utama sekali ialah mulai dari hari 20 bulan Ramadan, sampai penghabisan bulan itu.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللهُ تَعَالَى.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. adalah beriktikaf pada sepuluh yang akhir dari bulan Ramadan hingga beliau meninggal dunia."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا اعْتَكَفَ يُدْنِى اِلَيَّ رَأْسَهُ فَأُرَجِّلُهُ وَكَانَ لَا يَدْخُلُ الْبَيْتَ اِلَّا لِحَاجَةِ الْاِنْسَانِ.

رواه ابو داود

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. bila beliau iktikaf, didekatkan kepalanya kepadaku lalu aku selesaikan rambutnya (aku beri minyak wangi) dan beliau tidak masuk ke rumah, kecuali kalau ada keperluan (hajat) manusia."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Adapun yang masuk keperluan manusia, umpamanya buang air atau pergi melihat orang yang sakit dan sebagainya. Selain daripada itu, dilarang pula bercampur (bersetubuh) dengan isteri dalam waktu iktikaf itu.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلَا تُبَاشِرُوْهُنَّ وَاَنْتُمْ عَاكِفُوْنَ فِى الْمَسَاجِدِ *

سورة البقرة اية ١٨٦

"Dan janganlah kamu campuri mereka (isterimu) sedang kamu melakukan iktikaf dalam masjid."

(Surah Al-Baqarah, ayat 186).

Dan batallah iktikaf bila dilanggar salah satu yang tersebut itu. Sebelum melakukan iktikaf, maka hendaklah berniat dalam hati

lebih dahulu bahawa kita akan mengerjakan iktikaf dalam masjid itu.

BAB MALAM QADAR

Malam qadar, iaitu malam yang berharga yang mengandung saat yang baik sekali. Pada malam itu kalau ditakdirkan Tuhan ibadat yang bertepatan dengan malam qadar itu, dilipatgandakan Tuhan pahalanya, sehingga ibadat pada malam itu lebih baik (lebih besar pahalanya) dari ibadat 1000 bulan. Tuhan menyatakan dengan firman-Nya:

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ اَلْفِ شَهْرٍ تَنَزَّلُ الْمَلَآئِكَةُ وَالرُّوْحُ فِيْهَا بِاِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ اَمْرٍ * سَلَامٌ هِيَ حَتّٰى مَطْلَعِ الْفَجْرِ *

سورة القدر اية ٣ – ٥

"Malam qadar itu, lebih baik dari seribu bulan. Pada malam itu turunlah malaikat-malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, supaya mengatur segala pekerjaan. Selamatlah malam itu, hingga terbit fajar."

(Surah Al-Qadar, ayat 3-5).

Hadis ada pula menyatakan:

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ اِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang mendirikan (beribadat) pada malam qadar, dengan keimanan dan perhitungan (semata-mata mengharap keredaan Allah) diampuni Tuhan segala dosanya yang terdahulu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun malam Qadar itu adanya pada sepuluh malam yang akhir dari bulan Ramadan.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. telah berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Jaga-jagalah malam Qadar itu dalam sepuluh yang akhir dari Ramadan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Dan adanya malam Qadar itu ialah pada malam yang ganjil di antara malam yang sepuluh itu, iaitu malam 21,23,25, 27 dan yang ke 29.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْوِتْرِ مِنَ الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ.

رواه البخارى

"Dari Aisyah r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: Jaga-jagalah malam Qadar itu pada malam yang ganjil di antara sepuluh malam yang akhir dari bulan Ramadan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keterangan lain mengatakan, bahawa malam Qadar itu adanya sejak tanggal 17 bulan Ramadan. Kerana pada malam itulah turun Al-Quran. Kalau kita ditakdirkan Tuhan bertemu dengan malam Qadar itu maka perbanyaklah membaca doa minta selamat dunia dan akhirat kerana saatnya hanya sebentar. Terutama sekali doa yang diajarkan Nabi kepada Aisyah r.a. ketika Aisyah menanyakan doa apa yang akan dibaca bila bertemu dengan saat itu, maka Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya:

قُوْلِيْ: اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ عَفُوٌّ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّى.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

"Katakanlah olehmu: "Ya Allah! Sesungguhnya Engkau sangat pemaaf dan Engkau suka kepada maaf, oleh kerana itu maafkanlah kesalahanku."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

BAB KEUTAMAAN BULAN RAMADAN

Adapun keutamaan bulan Ramadan itu banyak sekali, di antaranya:

Pertama: Orang-orang yang puasa di bulan Ramadan itu secara iman dan hanya kerana perintah Allah semata-mata maka diampuni Tuhan dosanya yang sudah-sudah.

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ صَامَ رَمَضَانَ اِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan keimanan dan dengan perhitungan (dengan ikhlas semata-mata mengharapkan keredaan Allah) diampuni Tuhan segala dosanya yang terdahulu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Kedua: Pada bulan Ramadan itulah mula-mula turun Al-Quran. Allah berfirman di dalam Al-Quran:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِيْ أُنْزِلَ فِيْهِ الْقُرْاٰنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدٰى وَالْفُرْقَانِ ❋

سورة البقرة اية ١٨٥

"Adapun bulan Ramadan itu padanya diturunkan Quran, akan jadi petunjuk bagi manusia dan jadi kenyataan dari petunjuk serta membezakan antara yang hak dan yang batil."

(Surah Al-Baqarah, ayat 185).

عَنْ وَاثِلَةَ ابْنِ الْأَسْقَعِ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: أُنْزِلَتْ صُحُفُ اِبْرَاهِيْمَ فِى اَوَّلِ رَمَضَانَ وَأُنْزِلَتِ التَّوْرَاةُ لِسِتٍّ مَاضِيْنَ مِنْ رَمَضَانَ وَالْاِنْجِيْلُ لِثَلَاثَ عَشَرَةَ خَلَتْ مِنْ رَمَضَانَ وَاَنْزَلَ اللهُ الْقُرْآنَ لِأَرْبَعٍ وَعِشْرِيْنَ خَلَتْ مِنْ رَمَضَانَ. رواه الامام أحمد

"Dari Wasilah bin Asqak r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Diturunkan Suhuf Ibrahim di awal bulan Ramadan, diturunkan Taurat setelah lewat enam Ramadan, Injil diturunkan setelah lewat tiga belas bulan Ramadan, sedang Allah menurunkan Al-Quran setelah lewat hari dua puluh empat bulan Ramadan."

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad).

Ketiga: Dalam bulan Ramadan itu terbukalah pintu-pintu syurga dan terkuncilah pintu-pintu neraka, bahkan syaitan dan iblis dibelenggu ketika itu.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اِذَا جَاءَ شَهْرُ رَمَضَانَ فُتِّحَتْ اَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِّقَتْ اَبْوَابُ النَّارِ وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِيْنُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Bila telah datang bulan Ramadan, terbukalah pintu-pintu syurga, dan terkuncilah pintu-pintu neraka dan terbelenggulah syaitan-syaitan."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keempat: Puasa bulan Ramadan itu diistimewakan oleh Tuhan, untuk Tuhan sendiri dan Dia sendiri pula yang akan menentukan ganjarannya.

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: كُلُّ عَمَلِ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ الْحَسَنَةُ عَشْرُ اَمْثَالِهَا اِلَى سَبْعِ مِائَةِ ضِعْفٍ قَالَ اللهُ عَزَّوَجَلَّ اِلاَّ الصَّوْمَ فَاِنَّهُ لِيْ وَاَنَا أَجْزِى بِهِ يَدَعُ شَهْوَتَهُ وَطَعَامَهُ مِنْ اَجْلِى.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Tiap-tiap amalan anak Adam dipergandakan pahalanya antara sepuluh sampai 700 kali, Allah Azza Wajalla telah berfirman:

Kecuali puasa, kerana sesungguhnya puasa itu untuk-Ku dan Akulah yang akan membalasnya, ditinggalkannya keinginan hawa nafsunya dan makannya kerana Aku semata-mata."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Berkata Abu Zar dari Hamwa: Besar dan kecilnya pahala ibadat itu, bergantung semata-mata kepada keikhlasan hati orang yang mengerjakan. Jika keikhlasannya sedikit, maka sedikit pulalah pahala kebajikannya itu. Tetapi kalau keikhlasannya tidak ada, dan dia berbuat kebajikan itu semata-mata kerana malu kepada manusia, maka pastilah tidak ada pahalanya.

Kelima: Bahawa di dalam bulan Ramadan itu terdapat malam qadar, iaitu malam yang tak ada bandingnya, sebagaimana diterangkan dalam bahagian yang lalu.

Keenam: Bahawa orang-orang yang berpuasa dalam bulan itu, sudah disediakan Tuhan tempatnya di dalam syurga, suatu tempat yang istimewa, pintunya bernama "Rayyan," yang tak dapat masuk ke dalam tempat itu, kecuali orang yang puasa.

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اِنَّ فِى الْجَنَّةِ بَابًا يُقَالُ لَهُ الرَّيَّانُ يَدْخُلُ مِنْهُ الصَّائِمُوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يَدْخُلُ مِنْهُ اَحَدٌ غَيْرُهُمْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Sahal bin Saad r.a. Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: Sesungguhnya di dalam syurga ada sebuah pintu yang dinamakan orang Ar-Rayyan yang akan memasukkannya pada hari kiamat oleh orang-orang yang puasa dan tidak seorang juga akan memasukinya selain mereka."

(Diriwayatkan oleh Bukhair dan Muslim).

BAB RAHSIA DAN HIKMAT BERPUASA

Sebagaimana yang telah diketahui, bahawa puasa itu ialah ibadat yang tersembunyi di dalam jiwa, yang dilakukan guna menahan hawa nafsu dari segala keinginan. Sedang pekerjaan menahan itu, tak diketahui seorang pun lain dari Allah s.w.t. Maka tak hairanlah, bahawa ibadat puasa sangat besar ertinya, mengandung rahsia dan hikmat yang tak sedikit banyaknya, yang berguna untuk diri sendiri dan masyarakat umum.

KEADILAN.

Sesungguh yang puasa menahan makan dan minum pada siang hari di bulan Ramadan, mulai dari terbit fajar sidik hingga terbenam matahari, tentu ia insaf dan sedar akan dirinya, betapa pahit dan getirnya menahan haus dan lapar itu. Terbakar rasanya rongga badan, lesu segala sendi-sendi dan lemah segala anggota ketika melakukan puasa itu, hal yang semacam itu, tidak saja dirasakan oleh satu atau dua golongan saja, tetapi oleh seluruh umat Islam yang taat kepada perintah agamanya, biar ia kaya atau miskin, biar ia hina atau mulia, biar ia tinggi atau rendah semuanya ketika itu sama merasakan bagaimana pahit dan getirnya menahan haus dan lapar pada siang hari Ramadan itu. Oleh sebab itulah ahli hikmat mengatakan, bahawa puasa itu adalah sebagai neraca keadilan dari Ilahi untuk menimbang supaya sama berat, untuk menguji sama banyak, sedikit pun tak ada yang berlebih berkurang. Yang kaya tak dapat membanggakan kekayaannya yang mulia tak dapat pula membanggakan kemuliaannya, kerana mereka itu sama-sama berada dalam satu tingkatan, dalam satu neraca yang sama berat, iaitu dalam suasana haus dan lapar.

Dalam suasana kegetiran itu, bersamalah si kaya dengan si miskin, yang mulia dengan yang hina dan yang tinggi sama dengan yang rendah. Dapatkah mereka membuktikan atau menonjolkan kelebihan mereka masing-masing?

Tentu saja tidak dapat kerana kenikmatan, ketinggian dan kemuliaan itu hanya dapat dirasakan dalam waktu yang biasa, di waktu kekuatan manusia sedang penuh oleh zat-zat makanan dan minuman, sehingga apa yang mereka ingini ketika itu dapat tercapai.

KEINSAFAN.

Dalam neraca keadilan itu, sama-sama memancarlah nur keinsafan dari hati mereka. Yang kaya teringat akan yang miskin, yang mulia ingat akan keadaan yang hina dan yang tinggi pun ingat pula kepada yang rendah. Di sanalah mereka sama mempertemukan jiwa kesucian mereka, mempertemukan jiwa kasih sayang, perasaan hormat menghormati yang seorang dengan yang lain. Yang kaya didorong oleh perasaan sayang, lalu mengeluarkan sebahagian hartanya untuk fakir miskin, yang tinggi didesak oleh rasa atau jiwa persamaan, memandang yang rendang sebagai saudara sebangsa dan seagama yang tak boleh berlebih dan berkurang dalam hak asasi kemanusiaan. Yang mulia didesak pula oleh jiwa kesedaran terhadap kaum yang dianggap hina-dina, lalu menyeda-

ri bahawa tak ada kelebihan dan kemuliaan di sisi Tuhan, melainkan dengan takwa kepada-Nya. Suatu kesedaran yang harus ditekankan pula oleh orang yang berpuasa itu, bahawa penderitaan haus dan lapar yang mereka rasakan hanya 14 jam lebih kurang sehari dan semalam, dan hanya dalam satu bulan itu pula, namun rasa takkan kuat juga mereka menahan hingga terbenam matahari. Sedang waktu berbuka terkadang-kadang dipuaskan dengan makanan dan minuman, sehingga dengan kelazatan itu, hilanglah lesu yang diderita pada siang harinya. Tetapi kaum melarat, dari hari ke hari, dari bulan ke bulan, bahkan sampai dari tahun ke tahun, mereka senantiasa menahan perut lapar, tidak pernah bertemu dengan makanan yang sedap, seperti pada saudara-saudaranya yang kaya atau mampu itu.

KEMAMPUAN DAN KEMAKMURAN.

Setelah ditinjau filsafat ringkas puasa itu, nyatalah betapa besarnya rahsia yang terkandung di dalamnya, dapat memperhubungkan jiwa dengan jiwa, menimbulkan cinta kasih sayang, mengeratkan tali persaudaraan sesama manusia umumnya dan umat Islam khususnya.

Dengan sendirinya datanglah keamanan dalam masyarakat, hilang segala permusuhan, habis musnah dendam dan dengki, manusia mulai berbimbingan tangan, seorang dengan seorang saling hormat menghormati. Negeri aman, manusia makmur, seorang pun tak ada yang tinggal berkurangan.

KESIHATAN.

Sebahagian dari rahsia berpuasa itu ialah menuju kesihatan menjauhkan manusia dari penyakit yang disebabkan oleh zat-zat makanan yang masuk ke dalam perut. Dengan banyaknya zat-zat makanan yang masuk ke dalam perut, seringkali menimbulkan kekacauan dalam fikiran dan kebimbangan di dalam hati, datanglah malas untuk bekerja dan berat anggota untuk mengerjakan perintah yang wajib, akhirnya menyebabkan kederhakaan kepada Tuhan. Lain daripada itu, juga untuk menjaga perkakas mesin makanan di dalam perut, iaitu maidah, perut besar yang selalu bekerja menghantarkan zat-zat makanan setiap hari. Untúk menjaga supaya ia jangan rosak, maka haruslah dikurangi tenaganya iaitu dengan cara puasa itu. Sebagaimana dikatakan Nabi: "Perut yang penuh itu menyebabkan datangnya penyakit, dan menahan hawa nafsu itu adalah puncak utama untuk jadi ubatnya." Sedang hawa nafsu itu timbulnya ialah kerana banyak makan dan minum, sehingga banyak menimbulkan penyakit rohani dan jasmani.

BERHEMAT.

Seseorang yang membiasakan sedikit makan dan minum dan membiasakan menahan haus dan lapar, dapatlah ia belajar berhemat, mengurangi belanja dari yang biasa. Ia dapat belajar mempergunakan hartanya pada barang yang berfaedah. Dengan jalan berhemat itu, ia akan terhindar pula dari dorongan hawa nafsu yang sentiasa membawa manusia ke lembah kederhakaan dan penyesalan. Tetapi sebaliknya seseorang yang tak mahu melatih diri mengurangi makan dan minum, maka dengan sendirinyalah nafsunya bertambah besar, hawanya makin tinggi ia terpaksa matimatian berusaha mencari makanan tiap hari untuk memenuhi kehendak perutnya yang tak mahu kosong itu, seolah-olah ia telah berhutang kepada perutnya. Perutnya itu selalu memaksanya, supaya tetap dipenuhi setiap saat. Maka untuk memenuhi hutang perutnya itu, kadang-kadang ia terpaksa berusaha melalui jalan yang tak halal. Kadang-kadang ia berani merompak pagar, menempuh jalan yang haram, menggedir atau mencuri barang orang, mencuri di tengah pasar, asal hutang kepada perutnya dapat dibayarkannya. Demikianlah akibatnya orang-orang yang tak mahu melatih dirinya menahan haus dan lapar itu belajar mengendalikan hawa nafsunya sehingga membutakannya dari melihat mana yang halal dan mana yang haram.

MENJAGA AMANAH.

Sebagaimana diketahui, bahawa ibadat puasa itu adalah sebagai amanah Tuhan yang dipercayakan-Nya kepada hamba-Nya, sebagai kepercayaan yang tak boleh disia-siakan oleh orang yang mengaku dirinya hamba Tuhan. Seseorang yang telah dapat memelihara amanah, atau rahsia yang dipertaruhkan kepadanya yang terletak di dalam rongga dirinya sendiri, yang tak dapat dilihat oleh siapa pun juga selain Allah s.w.t bererti bahawa orang itu telah sanggup pula memegang amanah, memegang barang kepercayaan yang dapat dilihat manusia. Sedang amanah batin, telah dapat dipeliharanya, apalagi amanah lahir, amanah yang dapat dilihat oleh orang lain. Orang yang dapat memelihara amanah batin itu menandakan pula, bahawa ia seorang yang berbudi suci, berjiwa bersih, kerana ia takut akan jatuh ke dalam lembah kehinaan, dan takut hilang kehormatannya dan jatuh peri kemanusiaannya.

MENIMBULKAN SIFAT KEBERANIAN.

Menurut keterangan agama, bahawa peperangan terbagi atas dua bahagian. Pertama perang kecil, dan yang kedua perang be-

sar. Adapun perang kecil itu ialah peperangan yang dilakukan dengan alat-alat senjata tetapi yang dinamakan perang yang besar, ialah peperangan melawan hawa nafsu. Hawa nafsu yang tak mahu kerendahan tak mahu mengalah. Kerana menurutkan hawa nafsulah manusia sampai berani berbunuhan, serang-menyerang dan hentam-menghentam, akhirnya menimbulkan kerugian dan penyesalan. Seseorang yang telah dapat melawan hawa nafsunya itu berarti ia telah menang dalam peperangan yang besar. Di antaranya ialah dengan jalan melakukan ibadat puasa.

UNTUK MELINDUNGI DIRI DARI PERBUATAN KEJI.

Bila orang yang puasa itu maksudnya tidak lain melainkan semata-mata kerana Allah, iaitu mengharapkan pahala daripadanya, maka ketika itu ia haruslah berhenti dari segala perbuatan-perbuatan keji. Sebab Tuhan tidak akan menerima sesuatu persembahan dari hamba-Nya bila yang dipersembahkan itu dinodai dengan barang yang keji. Inilah yang dikatakan Nabi s.a.w:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: وَالصِّيَامُ جُنَّةٌ فَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ اَحَدِكُمْ فَلَا يَرْفُثْ وَلَا يَصْخَبْ.

رواه البخارى

"Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Adapun puasa itu sebagai perisai, dan apabila seseorang puasa, maka janganlah ia mencaci maki orang dan jangan pula menaruh dendam kesumat."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

KITAB HAJI

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا *

سورة ال عمران اية ٩٧

"Dan hak bagi Allah, supaya manusia berziarah (naik haji) ke Baitullah (di Mekah), iaitu sesiapa yang kuasa mengunjunginya."
(Surah Ali Imran, ayat 97).

1. ERTI HAJI.

Haji ertinya berziarah atau mengunjungi. Dalam istilah syarak ertinya: Menziarahi atau mengunjungi Kaabah di Mekah, dengan niat yang tertentu, dalam waktu yang tertentu dan dengan cara-cara yang tertentu pula.

Hukumnya wajib satu kali seumur hidup di atas orang yang sudah ada mempunyai kesanggupan pergi ke sana, dari orang yang mukallaf (akil baligh).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا جَاءَ رَجُلٌ اِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ مَا يُوْجِبُ الْحَجَّ؟ قَالَ: الزَّادُ وَالرَّاحِلَةُ.

رواه الترمذى بسند حسن

"Dari Ibnu Umar r.a. pernah datang seorang laki-laki kepada Nabi s.a.w. lalu ia bertanya: Ya Rasulullah! apakah yang mewajibkan (syarat wajib) pergi haji? Rasulullah menjawab: "Ada bekal dan kenderaan."
(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

Berkata Ibnu Abbas: Dan yang dimaksud dengan kuasa, ialah ada kenderaan, ada bekal dan berbadan sihat, dan jalan aman pergi balik balik.
(Demikian I'anah At-Talibin, juz 2, hal 218).

Yang dinamakan kuasa bagi perempuan, ialah ada baginya muhrim (suaminya, bapanya dan sebagainya,) yang akan menemaninya pergi haji itu.

Hadis menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: وَلاَ تُسَافِرُ الْمَرْأَةُ اِلاَّ مَعَ ذِى مَحْرَمٍ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Dan tidak boleh perempuan berjalan jauh, melainkan berserta dengan muhrimnya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Termasuk juga dalam soal perbekalan, ialah supaya ada pula belanja untuk anak dan isteri yang tinggal dan belanja orang-orang yang menjadi tanggungan belanjanya sehari-hari. Bila salah satu di antara yang tersebut itu tidak ada, maka belumlah wajib atas seseorang mengerjakan haji.

2. SERUAN HAJI DAN KEUTAMAANNYA.

Untuk penambah keterangan tentang perintah haji itu ialah firman Tuhan:

وَأَذِّنْ فِى النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوْكَ رِجَالاً وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِيْنَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيْقٍ *

سورة الحج اية ٢٧

"Dan beritahukanlah kepada manusia untuk mengerjakan haji, nescaya mereka itu datang kepadamu dengan berjalan kaki, dan dengan berkenderaan dari tiap-tiap negeri yang jauh."

(Surah Al-Haj, ayat 27).

*Adapun keutamaan mengerjakan ibadat haji itu ialah sebagai*mana dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. (mengampuni dosa):

عَنْ أَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang pergi naik haji, lalu ia tidak mengerjakan dosa, dan tidak pula berbuat kederhakaan (kafir) kepada Tuhan, kembalilah ia seperti pada hari ia dilahirkan oleh ibunya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. HAJI HANYA WAJIB SEKALI SEUMUR HIDUP.

Adapun haji yang wajib ialah sekali seumur hidup. Adapun yang kedua, ketiga dan seterusnya, hukumnya sunat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ اْلاَقْرَعَ بْنِ حَابِسٍ قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ الحَجُّ فِى كُلِّ سَنَةٍ اَوْ مَرَّةً وَاحِدَةً قَالَ: بَلْ مَرَّةً وَاحِدَةً فَمَنْ زَادَ فَهُوَ تَطَوُّعٌ.

رواه ابو داود والنسائى ـ حديث صحيح

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Aqrak bin Habis pernah bertanya: Ya Rasulullah, apakah haji itu wajib dikerjakan tiap tahun, atau cukup satu kali saja. Rasulullah s.a.w. menjawab: Ya, yang wajib hanyalah satu kali saja, maka sesiapa yang mahu menambahnya maka itu tatawwuk (sunat)."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

4. MENGERJAKAN HAJI UNTUK ORANG LAIN.

Seorang yang mempunyai ibubapa atau sanak saudara, yang tak sanggup mengerjakan ibadat haji, sebab telah tua, sakit dan sebagainya, maka bolehlah keluarganya melakukan hajinya, apabila ia beramanah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ: يَا رَسُوْلَ اللهِ اِنَّ فَرِيْضَةَ اللهِ عَلَى عِبَادِهِ فِى الْحَجِّ اَدْرَكْتُ أَبِىْ شَيْخًا كَبِيْرًا لاَ يَثْبُتُ عَلَى الرَّاحِلَةِ اَفَاَحِجُّ عَنْهُ؟ قَالَ: نَعَمْ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya seorang perempuan pernah bertanya: Ya Rasulullah, sesungguhnya diwajibkan Tuhan atas hamba-Nya pergi menunaikan ibadat haji, aku dapati bapaku telah

tua dan tak kuat lagi berkenderaan, bolehkah aku membayarkan haji? Rasulullah s.a.w. menjawab: Ya, boleh."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ سَمِعَ رَجُلاً يَقُوْلُ: لَبَّيْكَ عَنْ شُبْرُمَةَ قَالَ: مَنْ شُبْرُمَةَ قَالَ: اَخٌ لِيْ اَوْ قَرِيْبٌ لِيْ فَقَالَ: حَجَجْتَ عَنْ نَفْسِكَ قَالَ: لاَ قَالَ: حُجَّ عَنْ نَفْسِكَ ثُمَّ حُجَّ عَنْ شُبْرُمَةَ.

رواه داود وابن ماجة بسند صحيح

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah mendengar seorang laki-laki berkata: Inilah aku ya Allah untuk Syubrumah. Bertanya Rasulullah: Siapakah Syubrumah itu? Laki-laki itu menjawab: Saudara atau familiku ya Rasulullah. Maka bersabda Rasulullah s.a.w.: Sudah hajikah engkau untuk diri engkau? Ia menjawab: Belum! Bersabda pula Rasulullah s.a.w: Hajilah engkau lebih dahulu untuk diri engkau, kemudian haji pulalah engkau untuk Syubrumah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah).

Dengan keterangan ini dapat difahamkan, bahawa seseorang yang hendak mengerjakan haji untuk orang lain, hendaklah orang yang sudah menunaikan rukun haji, kalau tidak, maka haji yang dikerjakannya itu jatuh untuk dirinya.

5. MEMBAWA ANAK-ANAK PERGI HAJI.

Adapun anak-anak yang masih di bawah umur, boleh pula dibawa bersama-sama pergi haji, kalau ibu bapanya kuasa membawanya.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ لَقِيَ رَكْبًا بِالرَّوْحَاءِ فَقَالَ: مَنِ الْقَوْمُ قَالُوْا: الْمُسْلِمُوْنَ فَقَالُوْا: مَنْ اَنْتَ قَالَ: رَسُوْلُ اللهِ فَرَعَتْ اِلَيْهِ اِمْرَأَةٌ صَبِيًّا فَقَالَتْ: اَلِهٰذَا حَجٌّ؟

قَالَ: نَعَمْ وَلَكَ أَجْرٌ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bertemu dengan sebuah kenderaan di Rauhak, lalu Nabi bertanya: Siapakah kaum ini?" Mereka menjawab: Kaum Muslimin. Dan mereka bertanya: Siapakah tuan? Nabi menjawab: Aku Rasulullah. Maka seorang perempuan mengangkatkan seorang anak kecil laki-laki kepadanya, lalu bertanya: Adakah boleh anak ini naik haji? Rasulullah s.a.w. menjawab: Boleh, dan bagi engkaulah pahalanya."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

6. NAIK HAJI SAMBIL BERNIAGA.

Sambil berjalan untuk mengerjakan ibadat haji ke tanah suci, oleh agama dibolehkan membawa barang dagangan untuk dijual, umpamanya bahan-bahan makanan dan lain-lain sebagainya.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: إِنَّ النَّاسَ فِى أَوَّلِ الْحَجِّ كَانُوْا يَتَبَايَعُوْنَ بِمِنًى وَعَرَفَةَ وَسُوْقِ ذِى الْمَجَازِ وَمَوَاسِمِ الْحَجِّ فَخَافُوْا الْبَيْعَ وَهُمْ حُرُمٌ فَأَنْزَلَ اللهُ تَعَالَى: لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوْا فَضْلاً مِنْ رَبِّكُمْ فِى مَوَاسِمِ الْحَجِّ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia telah berkata: Sesungguhnya manusia di mula-mula haji diwajibkan, mereka pernah berjual beli di Mina, di Arafah, di pasar Zil Majaz (satu tempat di dekat Arafah) dan di musim haji, lalu mereka takut berjual beli, lantaran mereka sedang ihram (sedang mengerjakan ibadat haji), maka Allah menurunkan ayat: Tidaklah berdosa kamu, apabila kamu mencari kurnia Tuhanmu di waktu musim haji."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

BAB IHRAM

1. IHRAM DENGAN UMRAH.

Umrah ertinya ialah meramaikan masjid Al-Haram ke Mekah. Allah berfirman di dalam Al-Quran:

فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ اَوِ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ اَنْ يَّطَّوَّفَ بِهِمَا *

سورة البقرة اية ١٥٨

"Maka sesiapa yang hendak melakukan haji ke Baitullah atau melakukan umrah, maka tidaklah menjadi halangan baginya bahawa ia berlari-lari antara keduanya."

(Surah Al-Baqarah, ayat 158)

Umrah ini dinamakan juga haji kecil. Kerana pekerjaan yang dikerjakan dalam umrah itu ialah pekerjaan haji juga, tetapi tidak secukup pekerjaan yang dikerjakan dalam haji. Bila seseorang yang hendak masuk ke Mekah untuk mengerjakan ibadat haji, hendaklah ia ihram lebih dahulu dengan umrah. Iaitu supaya dibukanya semua pakaiannya yang biasa, lalu ditukarnya dengan pakaian yang tidak berkarung, yang dimulai dari miqatnya. Miqat, ertinya jurusan atau arah tempat memulai mengerjakan umrah atau haji. Adapun miqat itu berlain-lain kerana berlain-lain pula jihat orang yang datang ke tanah suci.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ وَقَّتَ لِأَهْلِ الْمَدِيْنَةِ ذَا الْحُلَيْفَةِ وَلِأَهْلِ الشَّامِ الْجُحْفَةَ وَلِأَهْلِ نَجْدٍ قَرْنَ الْمَنَازِلِ وَلِأَهْلِ الْيَمَنِ يَلَمْلَمَ وَقَالَ: هُنَّ لَهُمْ وَلِكُلِّ آتٍ اَتَى عَلَيْهِنَّ مِنْ غَيْرِهِنَّ مِمَّنْ اَرَادَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَمَنْ كَانَ دُوْنَ ذٰلِكَ فَمِنْ حَيْثُ اَنْشَاءَ حَتَّى اَهْلِ مَكَّةَ مِنْ مَكَّةَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w.: telah menjadikan miqat penduduk Madinah di Zul-Hulaifah, miqat penduduk Syam di Juhfah, miqat penduduk Najd Qarnil-Manazil, miqat penduduk yaman di Yalamlam. Lalu Nabi bersabda: Semua tempat itu adalah bagi miqat mereka dan bagi tiap-tiap orang yang datang yang bukan dari tempat itu, iaitu orang-orang yang hendak melakukan haji dan umrah, dan orang-orang lain selain mereka, maka miqatnya ialah sekira-kira dari arah mana ia datang itu, hingga penduduk Mekah miqatnya ialah di Mekah itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Adapun bagi penduduk yang lain dari daerah yang telah disebutkan itu, maka miqatnya ialah menurut jihat yang dilaluinya untuk memasuki kota Mekah, sehingga orang Mekah itu sendiri hanya di Mekah itulah miqatnya. Adapun miqat orang-orang dari Malaysia yang hendak masuk ke Mekah ialah di Yalamlam.

2. MANDI SEBELUM MEMAKAI KAIN IHRAM.

Sebelum seseorang memakai kain ihram, disunatkan supaya mandi lebih dahulu, sebagaimana yang telah dilakukan oleh Nabi s.a.w.

Keterangan menyatakan:

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ تَجَرَّدَ لِأَهْلَالِهِ وَاغْتَسَلَ.

رواه الترمذى بسند حسن

"Dari Zaid bin Sabit r.a. telah berkata: Pernah aku melihat Nabi s.a.w. melepaskan pakaiannya yang biasa, untuk mengerjakan ihramnya, dan beliau mandi lebih dahulu."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

3. KAIN YANG DIPAKAI UNTUK IHRAM.

Adapun kain yang dipakai untuk ihram itu ialah kain yang tidak berjahit.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَجُلًا سَئَلَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ مَا

يَلْبَسُ الْمُحْرِمُ مِنَ الثِّيَابِ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ تَلْبَسُوْا الْقَمِيْصَ وَلاَ الْعَمَائِمَ وَلاَ السَّرَاوِيْلاَتِ وَلاَ الْبَرَانِيْسَ وَلاَ الْخِفَافَ اِلاَّ اَحَدٌ لاَ يَجِدُ النَّعْلَيْنِ فَلْيَلْبَسِ الْخُفَّيْنِ وَلْيَقْطَعْهُمَا اَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ وَلاَ تُلْبِسُوْا مِنَ الثِّيَابِ شَيْئًا مَسَّهُ الزَّعْفَرَانُ وَلاَ الْوَرَسُ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya seorang laki-laki pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: Kain apakah yang akan dipakai oleh orang ihram? Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: Janganlah kamu pakai baju kurung (gamish) dan jangan pula serban, dan jangan pula seluar dan jangan pula kasut tinggi, dan jangan pula kasut, kecuali seseorang yang tak mempunyai selipar, maka boleh ia memakai kedua kasut (chap), dan hendaklah dikeratnya kedua kasut itu agak di bawah mata kakinya dan jangan pula kamu pakai-pakaian yang diberi wangi-wangian."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Sekalian yang tersebut di atas, diharamkan memakainya bagi orang yang sedang mengerjakan haji atau ihram.

4. ORANG YANG TIDAK MEMPUNYAI CADAR, BOLEH MEMAKAI SELUAR.

Bagi orang yang tidak mempunyai cadar (kain lepas) maka boleh ia memakai seluar. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ لَمْ يَجِدْ نَعْلَيْنِ فَلْيَلْبَسْ خُفَّيْنِ وَمَنْ لَمْ يَجِدْ اِزَارًا فَلْيَلْبَسْ سَرَاوِيْلَ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia telah berkata: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesiapa yang tidak mempunyai selipar maka bolehlah memakai kasut,

dan sesiapa yang tidak mempunyai kain lepas, maka bolehlah memakai seluar."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

5. HARAM MENUTUP KEPALA BAGI KAUM LAKI-LAKI DAN WAJIB BAGI KAUM WANITA.

Di waktu ihram itu haram hukumnya bagi kaum laki-laki menutup kepalanya dan wajib atas perempuan, kerana kepala bagi perempuan termasuk auratnya. Dan haram hukumnya perempuan menutup muka.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ فِى الْمُحْرِمِ الَّذِيْ سَقَطَ عَنْ بَعِيْرِهِ مَيِّتًا: لَا تُخَمِّرُوْا رَأْسَهُ فَاِنَّهُ يُبْعَثُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُلَبِّيًا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. Sesungguhnya Nabi s.a.w. pernah bersabda tentang seorang yang ihram yang jatuh dari untanya lalu mati: Janganlah kamu tutup kepadalanya, kerana kepala itu di hari kiamat dibangkitkan Allah dalam keadaan membaca Talbiyah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Sebuah keterangan menyatakan pula tentang perempuan yang sedang ihram:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ نَهَى النِّسَاءَ فِى اِحْرَامِهِنَّ عَنِ الْقُفَّازَيْنِ وَالنِّقَابِ.

رواه ابو داود والترمذى وغيرهما

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah aku dengar Rasulullah s.a.w. melarang perempuan-perempuan memakai sarung tangan, dan tutup muka ketika ihram."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud, Tirmizi dan lain-lain).

Dalam suatu keterangan ada dinyatakan, bahawa boleh memakai kain yang berjahit untuk menutupi kepala kaum perem-

puan, selain sarung tangan dan tutup muka. Andaikata perempuan itu memakai kain yang tidak berjahit, maka ada kemungkinan sering terbuka auratnya, seperti dada dan lain-lainnya.

6. MELAFAZKAN NIAT UNTUK UMRAH.

Bila seseorang telah mulai mengerjakan ihram, hendaklah ia berniat di dalam hatinya, bahawa ia akan mengerjakan umrah, sambil melafazkannya dengan lidah, iaitu: "لبيك اللهم بعمرة".

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَهَلَّ النَّبِيُّ ﷺ بِعُمْرَةٍ وَاَهَلَّ اَصْحَابُهُ بِحَجٍّ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Abbas r.a. Telah tahallul (ihram) Nabi s.a.w. dengan umrah, dan telah tahallul (ihram) pula sahabat-sahabatnya dengan haji."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Adapun yang dikatakan tahallul dengan umrah ketika ihram ialah membaca: "لبيك اللهم بعمرة". Ertinya: *"Aku sambut panggilan-Mu ya Allah, aku hendak mengerjakan umrah."*

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَدِمْنَا مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ وَنَحْنُ نَقُوْلُ لَبَّيْكَ بِالْحَجِّ فَاَمَرَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَنْ نَجْعَلَهَا عُمْرَةً.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. telah berkata: Pernah kami datang (ke Mekah) berserta dengan Rasulullah s.a.w. sedang kami membaca talbiyah haji, lalu kami disuruh oleh Rasulullah s.a.w. supaya talbiyah itu dijadikan untuk umrah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

7. MEMBACA KALIMAT TALBIYAH.

Setelah niat itu dilafazkan dengan lidah, maka bacalah pula kalimat talbiyah yang telah diajarkan oleh Nabi s.a.w.

Sebagaimana diterangkan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ تَلْبِيَةَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ: لَبَّيْكَ اللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ لَبَّيْكَ لاَ شَرِيْكَ لَكَ لَبَّيْكَ اِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لاَ شَرِيْكَ لَكَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. Sesungguhnya Talbiyah Rasulullah s.a.w. ialah: Aku sambut panggilan-Mu ya Allah, aku sambut panggilan-Mu. Aku sambut panggilan-Mu, tidak ada sekutu bagi-Mu. Aku sambut panggilanmu, sesungguhnya bagi-Mulah segala puji dan segala kenikmatan serta kerajaan. Tidak ada sekutu bagi-Mu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan bacalah kalimat talbiyah itu sampai ke Baitullah Al-Haram (Kaabah).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: يُلَبِّى الْمُعْتَمِرُ حَتَّى يَسْتَلِمَ الْحَجَرَ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Hendaklah dibaca talbiyah itu oleh orang umrah, sampai ia meraba Hajar Aswad."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

BAB TAWAF

1. TAWAF QUDUM DAN ERTINYA.

Setelah selesai meletakkan barang-barang di tempat kediaman yang telah disediakan orang di Mekah itu, maka berwuduklah kembali. Kemudian pergilah ke Kaabah, untuk mengerjakan tawaf qudum (tawaf selamat datang) iaitu mengelilingi Kaabah tujuh kali.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: اِنَّ اَوَّلَ شَيْءٍ بَدَأَ بِهِ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ حِيْنَ قَدِمَ اَنَّهُ تَوَضَّاءَ ثُمَّ طَافَ بِالْبَيْتِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. ia telah berkata: Sesungguhnya mula-mula sesuatu yang dimulai oleh Rasulullah s.a.w. ketika beliau sampai di Mekah, ialah beliau berwuduk kemudian beliau tawaf ke Kaabah (mengelilingi Kaabah.)"

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

2. CARA MENGERJAKAN TAWAF.

Adapun cara mengerjakan tawaf itu, ialah supaya dimulai dari pihak Aswad (batu hitam) yang terletak di sudut Kaabah itu. Dan hendaklah badan sebelah kiri sentiasa dihadapkan (ditunjukkan) ke Kaabah. Ertinya Kaabah itu selalu terletak di sebelah kiri, supaya ia selalu setentang dengan hati. Kemudian ciumlah Hajar Aswad itu, sesudah meraba dengan tangan sambil meletakkan kening di atasnya. Apabila tak mungkin mencium, cukup meraba saja dengan tangan, atau isyaratkan saja dengan tangan. Dan bacalah pada awal tawaf itu:

بِسْمِ اللهِ وَاللهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُمَّ اِيْمَانًا بِكَ وَتَصْدِيْقًا بِكِتَابِكَ وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ وَاتِّبَاعًا لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ ﷺ.

نزهة المجالس

"Dengan nama Allah, dan Allah Maha Besar. Ya Allah, aku kerjakan tawaf ini kerana percaya kepada Engkau dan kerana membenarkan kitab Engkau, kerana menyempurnakan janji Engkau dan kerana mengikut sunah Nabi Engkau Muhammad s.a.w."

(Demikian Nazahatul Majalis).

Ketika telah sampai di pintu, maka bacalah doa ini:

اَللّٰهُمَّ اِنَّ الْبَيْتَ بَيْتُكَ وَالْحَرَامَ حَرَمُكَ وَالْاَمْنَ اَمْنُكَ وَهٰذَا مَقَامُ الْعَائِذِ بِكَ مِنَ النَّارِ.

نزهة المجالس

"Ya Allah, sesungguhnya rumah ini rumah Engkau, dan haram ini haram Engkau, dan keamanan ini keamanan Engkau, dan ini (ia isyaratkan kepada Makam Ibrahim), ialah makam orang yang berlindung kepada Engkau dari api neraka."

(Demikian Nazahatul Majalis).

Ketika telah sampai di antara dua tiang (Hajar Aswad dan tiang Yamani), maka bacalah doa, iaitu seperti tersebut di dalam keterangan ini:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ السَّائِبِ رِضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ بَيْنَ الرُّكْنِ الْيَمَانِى وَالْحِجْرِ: رَبَّنَا اٰتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

رواه أحمد وابو داود

"Dari Abdullah bin Saib r.a. ia telah berkata: Pernah aku dengar Rasulullah s.a.w. membaca antara tiang Yamani dan Hajar Aswad: Hai Tuhan kami, datangkanlah kepada kami kebahagiaan di dunia, dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari api neraka."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

Dalam melakukan tawaf itu, maka hendaklah berlari-lari tiga kali berkeliling, dan berjalan empat kali. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: طَافَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ حِيْنَ قَدِمَ مَكَّةَ فَاسْتَلَمَ الرُّكْنَ اَوَّلَ شَيْىءٍ ثُمَّ خَبَّ ثَلَاثَةَ اَطْوَافٍ مِنَ السَّبْعِ وَمَشَى أَرْبَعَةَ اَطْوَافٍ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Telah tawaf Rasulullah s.a.w. ketika sampai di Mekah, lalu dirabanya tiang (Hajar) pada permulaan melakukan sesuatu perbuatan, kemudian beliau berlari-lari berkeliling tiga kali dari yang tujuh, dan beliau berjalan berkeliling empat kali."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. SEMBAHYANG DUA RAKAAT TAWAF.

Sesudah selesai tawaf, maka sembahyanglah dua rakaat, di dekat makam Ibrahim. Dan sembahyang ini dinamakan sembahyang dua rakaat tawaf. Di rakaat yang pertama dibaca Al-Fatihah dan surah Al-Kafirun, dan pada rakaat yang kedua dibaca Al-Fatihah dan surah Ikhlas.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ لَمَّا انْتَهَى اِلَى مَقَامِ اِبْرَاهِيْمَ قَرَأَ: وَاتَّخِذُوْا مِنْ مَقَامِ اِبْرَاهِيْمَ مُصَلًّى. فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ فَقَرَأَ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَ قُلْ يَآ اَيُّهَا الْكَافِرُوْنَ وَ قُلْ هُوَاللهُ اَحَدٌ، ثُمَّ عَادَ اِلَى الرُّكْنِ فَاسْتَلَمَهُ.

رواه ومسلم

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. tatkala sampai ke makam Ibrahim, dibaca: Dan mereka jadikan makam Ibrahim akan tempat sembahyang. Lalu beliau sembahyang dua rakaat, maka dibacanya Fatihah dan surah Al-Kafirun dan surah Al-Ikhlas. Kemudian beliau kembali ke rukuk (tiang Hajar Aswad) lalu beliau meraba tiang itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

4. PEREMPUAN YANG HAID TIDAK BOLEH TAWAF.

Adapun perempuan yang sedang berdarah haid, maka ia tak boleh tawaf. Adapun pekerjaan rukun haji yang lain selain tawaf boleh dikerjakannya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلْحَائِضُ تَقْضِى الْمَنَاسِكَ كُلَّهَا اِلَّا الطَّوَافَ.

رواه احمد

"Dari Aisyah r.a. ia telah berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Orang haid itu boleh menunaikan rukun semua hajinya, kecuali tawaf di Kaabah."

(Diriwayatkan oleh Ahmad).

Mencium Hajar Aswad.

Tentang mencium Hajar Aswad itu, yang pada hakikatnya tak seorang pun yang tahu apa hikmatnya mencium itu, selain daripada mengikut perbuatan Rasulullah s.a.w.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَبَّلَ الْحَجَرَ وَقَالَ: إِنِّيْ أُقَبِّلُكَ وَإِنِّيْ لَأَعْلَمُ اَنَّكَ حَجَرٌ وَلَكِنْ رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ يُقَبِّلُكَ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Umar telah mencium Hajar Aswad dan ia berkata: Bahawasanya aku mencium engkau dan aku sungguh mengetahui, bahawa engkau batu, akan tetapi telah aku lihat Rasulullah mencium engkau."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

5. SAI ANTARA BUKIT SAFA DAN MARWA.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَآئِرِ اللهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ اَوِ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ اَنْ يَّطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَاِنَّ اللهَ شَاكِرٌ عَلِيْمٌ *

سورة البقرة اية ١٥٨

"Sesungguhnya bukit Safa dan bukit Marwa itu adalah dari syiar Allah, maka sesiapa yang haji atau umrah, maka tidaklah dosa atasnya bahawa ia tawaf (berlari-lari pergi balik) antara kedua tempat itu, dan sesiapa yang menambah kebaikan (melakukan amal sunat) maka sesungguhnya Allah Maha bersyukur lagi Maha mengetahui."

(Surah Al-Baqarah, ayat 158).

Sai, ertinya berlari-lari kecil. Seseorang yang sudah selesai mengerjakan tawaf qudum itu, maka hendaklah ia sai antara bukit Safa dan bukit Marwa tujuh kali pergi dan balik.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَدِمَ النَّبِيُّ ﷺ فَطَافَ بِالْبَيْتِ سَبْعًا وَصَلَّى خَلْفَ الْمَقَامِ رَكْعَتَيْنِ وَطَافَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَبْعًا وَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُوْلِ اللهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Pernah datang Nabi s.a.w. ke Mekah, lalu beliau tawaf di Kaabah tujuh kali dan sembahyang dua rakaat di belakang makam Ibrahim dan tawaf (sai) antara bukit Safa dan Marwa tujuh kali (pergi balik), dan sungguh adalah perbuatan Rasulullah s.a.w. akan jadi ikutan yang baik bagimu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

6. SAI DIMULAI DARI BUKIT SAFA.

Hendaklah sai itu dimulai dari bukit Safa, kemudian ketika telah dekat, maka bacalah ayat-ayat yang tersebut di atas iaitu: " ان الصفا والمروة من شعائر الله " hingga ke akhir ayat. Kemudian bacalah kalimat: " ابدؤا بما بدأ الله به ." Ertinya: *Mulailah olehmu dengan apa yang telah dimulai oleh Allah s.w.t.*

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ أَخْبَرَ عَنْ صِفَةِ حَجِّ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ بَعْدَ مَا كَانَ يُصَلِّى خَلْفَ مَقَامِ اِبْرَاهِيْمَ فَقَالَ: ثُمَّ خَرَجَ مِنَ الْبَابِ اِلَى الصَّفَا فَلَمَّا دَنَا مِنَ الصَّفَا قَرَأَ: إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَآئِرِ اللهِ. إِبْدَؤُوْا بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ. فَبَدَأَ بِالصَّفَا فَرَقِىَ عَلَيْهِ حَتَّى رَأَى الْبَيْتَ فَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ فَوَحَّدَ اللهَ وَكَبَّرَهُ وَقَالَ: لَآ اِلٰهَ اِلَّا

اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ لاَ اِلَهَ اِلاَّ اللهُ اَنْجَزَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Jabir r.a. bahawasanya ia telah menceritakan tentang sifat haji Rasulullah s.a.w. sesudah ia sembahyang di belakang makam Nabi Ibrahim, lalu ia bersabda: Kemudian keluar Rasulullah s.a.w. dari pintu Kaabah itu ke bukit Safa, maka apabila beliau telah dekat di Safa beliau berdoa: "Sesungguhnya Safa dan Marwa adalah dari Syiar Allah. Mulailah olehmu dengan apa yang telah dimulai oleh Allah. Maka beliau memulakan di bukit Safa lalu naik ke atasnya hingga beliau melihat Kaabah, kemudian beliau menghadap ke Kiblat, lalu beliau mentauhidkan Allah dan membesarkan-Nya. Kemudian beliau bersabda: Tidak ada tuhan melainkan Allah Yang Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan bagi-Nya segala puji. Dan Allah berkuasa atas segala sesuatu. Tidak ada tuhan selain Allah yang telah menunaikan janji-Nya, telah menolong hamba-Nya dan telah memburu tentera kaum yang bersekutu memusihi Islam dengan sendiri-Nya."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

Apa-apa yang dibaca di bukit Safa, itu pulalah yang dibaca di bukit Marwa.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ فِى حَجَّةِ الْوَدَاعِ اَتَى الْمَرْوَةَ فَفَعَلَ عَلَيْهَا كَمَا فَعَلَ عَلَى الصَّفَا.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Jabir r.a. Sesungguhnya Nabi s.a.w. apabila mengerjakan haji Wadak beliau datang ke bukit Marwa, beliau mengerjakan di situ seperti yang dikerjakan di bukit Safa."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

7. BERCUKUR SESUDAH SAI.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ فِى حَجَّةِ الْوَدَاعِ: فَلْيَطُفْ بِالْبَيْتِ وَالصَّفَا وَالْمَرْوَةِ وَلْيُقَصِّرْ وَيَتَحَلَّلْ ثُمَّ لِيُهِلَّ بِالْحَجِّ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. di waktu haji Wadak. Maka hendaklah mengerjakan tawaf di rumah Allah dan bukit Safa dan Marwa, dan hendaklah ia bercukur dan bertahallul, kemudian hendaklah ia membaca talbiah haji."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Hingga ini selesailah kita dengan cara-cara mengerjakan umrah (haji kecil).

BAB WUQUF

1. IHRAM DENGAN HAJI DAN ERTI WUKUF.

Pada waktu Subuh 8 haribulan Zulhijah, iaitu pada hari Tarwiah, bersiap-siaplah dari rumah masing-masing dengan memakai kain ihram untuk wukuf di padang Arafah sambil memasang niat di dalam hati dan membaca: " لبيك اللهم حجا ." Yang ertinya: *Inilah aku ya Allah, aku hendak mengerjakan haji."* Sebab Rasulullah selalu melafazkan niat ketika mengerjakan ibdat haji atau umrah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: لَبَّيْكَ عُمْرَةً وَحَجًّا.

رواه مسلم

"Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Inilah aku ya Allah, aku hendak mengerjakan umrah dan haji."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Wukuf ertinya: Berhenti atau diam dalam waktu yang tertentu.

2. MEMBACA TAKBIR, ZIKIR, TALBIYAH DAN DOA.

Sambil berjalan bersama-sama, bacalah kalimat takbir dan talbiyah hingga sampai ke padang Arafah itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: غَدَوْنَا مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ مِنْ مِنًى اِلَى الْعَرَفَاتِ مِنَّا الْمُلَبِّى وَمِنَّا الْمُكَبِّرُ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah kami berjalan pagi-pagi hari bersama dengan Rasulullah s.a.w. dari Mina ke Arafah, sebahagian kami membaca talbiyah dan sebahagian lagi membaca takbir."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Sesampainya di padang Arafah itu disuruh memperbanyak zikir dan doa sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi dalam sabdanya:

عَنْ عُمَرَ بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ اَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفَةَ.

رواه الترمذى

"Dari Umar bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sebaik-baik doa ialah pada hari Arafah."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi).

3. WAKTU MULAI WUKUF.

Dan mulai tergelincir matahari, pada hari Arafah (9 haribulan Zulhijah), hingga terbenam matahari maka masuklah waktu wukuf itu. Ketika itu kerjakanlah sembahyang Zuhur dan Asar secara menjamak. (Lihat pelajaran sembahyang jamak). Sesudah sembahyang, dengarkanlah khutbah dari khatib sebagaimana yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: غَدَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مِنْ مِنًى حِيْنَ صَلَّى الصُّبْحَ فِى صَبِيْحَةِ يَوْمِ عَرَفَةَ حَتَّى اَتَى عَرَفَةَ فَنَزَلَ بِنَمْرَةٍ حَتَّى اِذَا كَانَ عِنْدَ صَلَاةِ الظُّهْرِ رَاحَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مُهَجِّرًا فَجَمَعَ بَيْنَ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ ثُمَّ خَطَبَ النَّاسَ ثُمَّ رَاحَ فَوَقَعَ عَلَى الْمَوْقِفِ مِنْ عَرَفَةَ.

رواه أحمد وابو داود

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Raulullah s.a.w. pernah berjalan dari Mina pagi-pagi hari ketika telah sembahyang Subuh pada hari Arafah, sehingga beliau sampai ke Arafah. Lalu beliau turun di Namrah, sehingga sampai pada waktu sembahyang Zuhur. Maka Raulullah s.a.w. berjalan waktu tengahari panas itu, maka dijamakkan sembahyang Zuhur dengan Asar, kemudian beliau berkhutbah kepada orang ramai, kemudian beliau berjalan lagi sehingga tiba di tempat wukuf, iaitu padang Arafah."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

4. BERTOLAK DARI ARAFAH KE MUZDALIFAH.

Setelah sehari lamanya wukuf di padang Arafah, maka bertolaklah kembali jemaah menuju ke Muzdalifah, bila matahari telah terbenam. Maka di sanalah dikerjakan sembahyang Isyak dan Maghrib, secara menjamak pula. Kemudian bermalam pula di sana hingga terbit fajar Sidik.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَتَى الْمُزْدَلِفَةَ فَصَلَّى بِهَا الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ بِاَذَانٍ وَاحِدٍ وَاِقَامَتَيْنِ وَلَمْ يُسَبِّحْ بَيْنَهُمَا شَيْئًا ثُمَّ اضْطَجَعَ حَتَّى طَلَعَ الْفَجْرُ فَصَلَّى الْفَجْرَ حَتَّى تَبَيَّنَ لَهُ الصُّبْحُ بِاَذَانٍ وَاِقَامَةٍ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah datang ke Muzdalifah, maka dikerjakannya sembahyang Isyak dan Maghrib di sana dengan satu azan dan dua iqamat, serta tidak mengucapkan tasbih sama sekali antara keduanya, kemudian Nabi berbaring hingga terbit fajar, maka dikerjakannya sembahyang Subuh (di awal waktunya) hingga telah nyata kepadanya waktu Subuh dengan azan dan iqamat."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Kemudian berjalanlah kita ke tempat yang tak berapa jauh dari sana, yang bernama Masy'aril Haram, iaitu di hujung Muzdalifah itu, dan berhentilah di sana sambil membaca takbir, tahlil zikir dan sebagainya. Allah berfirman:

فَاِذَا اَفَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوْا اللهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ
وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَاكُمْ *

سورة البقرة اية ١٩٨

"Maka apabila kamu bertolak dari Arafah, maka ingatlah Allah di dekat Masy'aril Haram, dan sebutlah nama-Nya sebagaimana Ia telah menunjukkan engkau."

(Surah Al-Baqarah, ayat 198).

BAB MELEMPAR JUMRAH

1. ERTI MELEMPAR JUMRAH.

Jumrah ialah semacam batu sebanyak tiga buah di Mina, di mana di batu itulah dahulunya Iblis menghalang-halangi Nabi Ibrahim untuk melakukan korban waktu diperintah oleh Allah. Jumrah itu bernama Kubra (dunia), Wusta dan Aqabah.

Sekarang ditandai dengan sebuah tembok di Mina, untuk memudahkan melempar bagi jemaah haji.

Setelah matahari terbit, maka pergilah kita ke tempat yang bernama Mahsar yang terletak antara Mina dan Muzdalifah. Sementara itu, sediakanlah batu-batu kecil sebanyak 7 (tujuh) buah, untuk pelempar Jumrah Aqabah. Dengan hati yang terharu menyebut kebesaran Ilahi, maka dalam perjalanan ke Mina itu, hendaklah terus membaca kalimat takbir dan talbiah. Iaitu kalimat yang menunjukkan, bahawa ia sedang merenungi panggilan Tuhan. Di samping suara yang mendengung-dengung ke angkasa, di bawah

langit yang cerah, di tanah pasir tandus itu, ingatlah bahawa kita hanya makhluk yang kecil lagi hina, yang tak berkuasa dan tak berkekuatan. Setelah sampai di Mina pada hari Nahar (10 hari-bulan Zulhijah), maka lemparilah Jumrah itu dengan tujuh buah batu yang dibawa dari Muzdalifah, sambil mengagungkan Allah, iaitu; membaca takbir.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ وَاُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالاَ: لَمْ يَزَلِ النَّبِيُّ ﷺ يُلَبِّى حَتَّى رَمَى جُمْرَةَ الْعَقَبَةِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibnu Abbas dan Usamah bin Zaid r.a. keduanya berkata: Nabi s.a.w. sentiasa membaca talbiah sehingga beliau melempar Jumrah Aqabah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

2. BERKORBAN SESUDAH MELEMPAR.

Setelah Jumrah Aqabah dilempar, teruslah kembali ke Mina. Kemudian berkhutbahlah, lalu bercukur atau bergunting rambut bagi perempuan. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَتَى مِنًى فَأَتَى الْجَمْرَةَ فَرَمَاهَا ثُمَّ اَتَى مَنْزِلَهُ بِمِنًى وَنَحَرَ ثُمَّ قَالَ لِلْحَلاَّقِ خُذْ وَاَشَارَتْ اِلَى جَانِبِهِ الْأَيْمَنِ ثُمَّ الْأَيْسَرِ ثُمَّ جَعَلَ يُعْطِيْهِ النَّاسَ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Anas r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah datang ke Mina, di situ beliau datang untuk melempar Jumrah (Aqabah), lalu dilempar-nya Jumrah itu. Kemudian setelah beliau kembali ke tempatnya di Mina beliau berkorban, kemudian bersabda kepada tukang cukur: Ambillah (cukurlah). Beliau mengisyaratkan ke bahagian yang kanan kemudian ke bahagian kiri, kemudian rambutnya itu dibagi-bagikan kepada orang-orang (untuk mengambil berkat)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Adapun korban sekurang-kurangnya ialah seekor kambing. Dan yang paling utama, seekor unta atau seekor sapi bagi tiap orang. Seekor unta atau seekor sapi boleh dijadikan korban untuk tujuh orang yang berkorban.

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَحَرْنَا مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ عَامَ الْحُدَيْبِيَّةِ الْبَدَنَةَ عَنْ سَبْعَةٍ وَالْبَقَرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Jabir r.a. ia telah berkata: Pernah kami berkorban dengan seekor unta betina bersama dengan Rasulullah s.a.w. pada tahun Hudaibiah, untuk kami tujuh orang, dan seekor sapi untuk kami tujuh orang."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

3. BOLEH MEMAKAI KAIN BIASA SESUDAH MELEMPAR JUMRAH.

Setelah selesai semua yang tersebut itu, maka bolehlah kita memakai kain biasa, dan segala yang diharamkan mengerjakannya di waktu haji kecuali perempuan (bersetubuh).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اِذَا رَمَيْتُمُ الْجَمْرَةَ فَقَدْ حَلَّ لَكُمْ شَيْءٌ اِلَّا النِّسَاءَ.

رواه أحمد وابو داود بسند حسن

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Bila kamu telah melempar Jumrah, maka sesungguhnya telah halal bagimu segala sesuatu selain perempuan (maksudnya bersetubuh)."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Abu Daud).

4. BERMALAM DI MINA SELAMA HARI TASYRIK.

Pada malam hari tasyrik (malam ke 11, 12 dan ke 13 bulan Zulhijah) hendaklah bermalam di Mina, sedang siang harinya ha-

rus melempar Jumrah yang tiga. Iaitu Jumrah Kubra, (jumrah Dunia), Jumrah Wusta dan Jumrah Aqabah. Tiap-tiap Jumrah itu dilempar dengan tujuh buah batu. Maka jumlah batu untuk melempar itu ialah 70 buah. Yang tujuh buah telah dilemparkan ke Jumrah Aqabah di hari yang pertama (hari Nahar). Dan yang enam puluh tiga lagi untuk melempar Jumrah-jumrah di hari tasyrik yang tiga itu, (21 buah di hari yang pertama). Maka Jumrah Aqabah dilempar dua kali, sekali di hari *nahar* dan yang lain di hari *tasyrik*.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّهُ كَانَ يَرْمِى الْجَمْرَةَ الدُّنْيَا بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ يُكَبِّرُ عَلَى اَثَرِ كُلِّ حَصَاةٍ ثُمَّ يَتَقَدَّمُ فَيَسْهِلُ فَيَقُوْمُ مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ قِيَامًا طَوِيْلاً فَيَدْعُوْ وَيَرْفَعُ يَدَيْهِ ثُمَّ يَرْمِى الْجَمْرَةَ الْوُسْطَى كَذٰلِكَ فَيَأْخُذُ ذَاتَ الشِّمَالِ فَيَسْهِلُ وَيَقُوْمُ مُسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةِ قِيَامًا طَوِيْلاً فَيَدْعُوْ وَيَرْفَعُ يَدَيْهِ ثُمَّ يَرْمِى الْجَمْرَةَ ذَاتَ الْعَقَبَةِ مِنْ بَطْنِ الْوَادِى وَلاَ يَقِفُ عِنْدَهَا وَيَقُوْلُ: هٰكَذَا رَاَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَفْعَلُهُ.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Umar r.a. sesungguhnya ia telah melempar Jumrah dunia dengan tujuh buah batu, dibacanya takbir sesudah melemparkan tiap-tiap batu itu, kemudian ia maju ke depan, lalu ia mendatar (berjalan di tempat yang datar) lalu ia berdiri menghadap ke kiblat, dan berdiri agak lama, lalu ia berdoa dan diangkatnya kedua tangannya, kemudian dilemparnya Jumrah Wusta. Seperti demikian pula, maka diambilnya arah sebelah kiri, lalu ia mendatar pula, dan berdiri menghadap ke kiblat berdiri yang agak lama, lalu berdoa pula dan diangkatnya dua tangannya, kemudian dilemparnya Jumrah Aqabah dari dalam lembah (mahsar) tetapi ia tidak berdiri di dekatnya. Dan ia berkata: Beginilah aku lihat Nabi s.a.w. melakukannya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

5. PERMULAAN WAKTU MELEMPAR.

Dan permulaan masuk waktu melempar itu ialah bila telah tergelincir matahari (telah condong) ke barat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَقَامَ بِمَكَّةَ حَتَّى صَلَّى الظُّهْرَ ثُمَّ رَجَعَ اِلَى مِنًى فَاَقَامَ بِهَا اَيَّامَ التَّشْرِيْقِ الثَّلَاثِ يَرْمِى الْجَمْرَةَ الْاُوْلَى اِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ بِسَبْعِ حَصَيَاتٍ يُكَبِّرُ مَعَ كُلِّ حَصَاةٍ.

رواه ابو داود والبيهقى

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. tinggal di Mekah, hingga beliau sembahyang Zuhur, kemudian kembali ke Mina, lalu beliau tinggal pula di sana selama hari tasyrik yang tiga, beliau melempar Jumrah Pertama (Jumrah Kubra), dengan tujuh buah batu. Apabila matahari telah tergelincir pada tiap-tiap melempar itu beliau membaca takbir."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi).

Kecuali ketika melempar di hari nahar, pada ketika itu melempar ialah waktu matahari naik.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَمَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَلْجَمْرَةَ يَوْمَ النَّحْرِ ضُحًى وَاَمَّا بَعْدُ فَاِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah melempar jumrah di hari nahar di waktu matahari naik. Dan yang sesudah itu, apabila matahari telah tergelincir."

(Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud).

6. TAWAF IFADAH.

Pada hari Nahar, sesudah melempar Jumrah Aqabah, kita boleh memilih antara dua pekerjaan. Pertama kita boleh terus ke Mekah lebih dahulu, untuk mengerjakan tawaf ifadah serta sai, sesudah itu kembali ke Mina, untuk bermalam di sana selama malam hari tasyrik, sebagaimana diperbuat Nabi s.a.w. dalam hadis Aisyah di atas.

Kedua kita boleh bermalam dahulu di Mina, selama malam hari tasyrik, kemudian pada 13 haribulan Zulhijah, sesudah melempar Jumrah-jumrah yang tadi, kita kembali ke Mekah untuk mengerjakan tawaf ifadah serta sai.

Melempar ialah waktu matahari naik.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَفَاضَ يَوْمَ النَّحْرِ ثُمَّ رَجَعَ فَصَلَّى الظُّهْرَ يَوْمَ النَّحْرِ بِمِنًى.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ibni Umar bahawasanya Nabi s.a.w. telah melakukan tawaf ifadah di hari Nahar, kemudian beliau kembali lalu sembahyang Zuhur di Mina pada hari Nahar."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

Allah berfirman:

وَلْيَطَّوَّفُوْا بِالْبَيْتِ الْعَتِيْقِ ❋

سورة الحج اية ٢٩

"Dan hendaklah mereka tawaf di rumah Allah (Kaabah)."

(Surah Al-haj, ayat 29).

Sesudah itu mengerjakan sai antara bukit Safa dan Marwa sebagaimana sai semula untuk mencukupkan rukun haji.

7. MINUM AIR ZAMZAM DAN KEBERKATANNYA.

Sesudah kita selesai mengerjakan tawaf ifadah, maka kita disunatkan meminum air zamzam yang terletak di dalam masjid Al-Haram itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ جَاءَ بَعْدَ الْاِفَاضَةِ اِلَيْهِمْ وَهُمْ يَسْقَوْنَ عَلَى زَمْزَمَ فَنَاوَلُوْهُ دَلْوًا فَشَرِبَ مِنْهُ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. sesudah tawaf ifadah, beliau datang kepada mereka (sahabat-sahabat) dan mereka sedang menyauk air telaga zamzam, lalu mereka saukkan pula untuk Rasulullah s.a.w. setimba, lalu diminumnya air itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Air zamzam itu ada mengandung keberkatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w. dalam sabdanya:

عَنْ أَبِيْ ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهُ ﷺ قَالَ فِي مَاءِ زَمْزَمَ: اِنَّهَا مُبَارَكَةٌ إِنَّهَا طَعَامُ طُعْمٍ وَشِفَاءُ سُقْمٍ.

رواه مسلم

"Dari Abu Zar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda tentang air zam-zam: Sesungguhnya air itu ialah makanan dan ubat demam."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB PEMBAHAGIAN IHRAM

Bila diperhatikan sungguh-sungguh cara menunaikan ibadat haji dan umrah sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, maka dapatlah disimpulkan, bahawa mengerjakan pekerjaan ihram itu ada terbagi atas dua bahagian, bahagian pertama ihram dengan umrah dan bahagian kedua ihram dengan haji.

Ihram dengan umrah ialah, supaya dipakai kain ihram itu mulai dari miqatnya, ketika hendak memasuki kota Mekah bagi orang yang datang dari luar daerah kota Mekah. Kemudian pekerjaan umrah itu diteruskan pula, yang disudahi dengan bercukur sesudah selesai mengerjakan sai antara bukit Safa dan Marwa, sebagaimana tersebut dalam keterangan yang telah lalu.

Ihram dengan haji ialah, bahawa pakaian ihram itu dipakai, mulai hari berangkat ke Arafah saja, iaitu pada 8 haribulan Zul-

hijah, hingga selesai mengerjakan pekerjaan haji, yang disudahi dengan sai antara bukit Safa dan Marwa, sesudah selesai mengerjakan tawaf ifadah, di akhir hari tasyrik yang tiga.

1. WAKTU MEMULAI MENGERJAKAN HAJI DAN UMRAH.

Adapun pekerjaan haji dan umrah itu dimulai dalam bulan yang telah ditentukan oleh agama. Iaitu mulai dari bulan Syawal, Zulkaedah dan Zulhijah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اَشْهُرُ الْحَجِّ شَوَّالٌ وَذُو الْقَعْدَةِ وَعَشْرٌ مِنْ ذِى الْحِجَّةِ.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bulan-bulan haji itu ialah Syawal, Zulkaedah dan sepuluh hari dari Zulhijah."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Keterangan lain, firman Allah di dalam Al-Quran:

اَلْحَجُّ اَشْهُرٌ مَعْلُوْمَاتٌ *

سورة البقرة اية ١٩٧

"Haji itu ialah pada bulan-bulan yang ditentukan."

(Surah Al-Baqarah, ayat 197).

2. CARA MENGERJAKAN FARDU HAJI.

Adapun cara menunaikan fardu haji itu boleh dengan tiga jalan:

1. Ifrad, iaitu dikerjakan pekerjaan haji lebih dahulu kemudian baru dikerjakan pekerjaan umrah. Cara yang begini, dinamakan *haji ifrad.* Biasanya haji ifrad itu hanya dikerjakan oleh orang-orang yang diam di Mekah saja atau sekitarnya, atau orang yang terlambat datang di Mekah.
2. Tamattuk, iaitu dikerjakan pekerjaan umrah lebih dahulu dalam beberapa bulan haji yang tersebut di atas. Kemudian setelah pekerjaan umrah selesai dikerjakan, maka pakaian

ihram itu boleh dibuka, sambil menunggu hari berangkat ke Arafah dan menukarnya dengan pakaian biasa. Sementara itu boleh mengerjakan pekerjaan yang dilarang mengerjakannya di waktu haji, umpamanya memakai harum-haruman, bergunting dan sebagainya. Cara yang begini dinamakan haji *tamattuk*, ertinya haji bersenang-senang. Akan tetapi wajib membayar denda, seperti tersebut dalam keterangan yang akan datang.

3. Qaran, iaitu haji dan umrah dikerjakan sekali gus saja. Ertinya, setelah pakaian ihram dipakai untuk umrah, maka tiba-tiba datang waktu mengerjakan ibadat haji pada 8 haribulan Zulhijah. Cara yang begini dinamakan haji *qaran*. Haji qaran ini biasanya dapat dilakukan oleh orang yang baru datang di Mekah pada 7 haribulan atau 8 haribulan Zulhijah, hingga tak sempat lagi bertamattuk, atau oleh orang-orang yang tinggal di Mekah, kalau mereka hendak menyertakan mengerjakan haji dan umrah itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: مِنَّا مَنْ اَهَلَّ بِالْحَجِّ مُفْرِدًا وَمِنَّا مَنْ قَرَنَ وَمِنَّا مَنْ تَمَتَّعَ.

رواه مسلم

"Dari Aisyah r.a. ia berkata: Sebahagian dari kami mengerjakan haji secara ifrad, dan sebahagian mengerjakan haji secara qaran dan sebahagian dengan cara bertamattuk."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Bagi orang-orang yang mengerjakan haji secara qaran, baginya boleh melakukan tawaf sekali saja, iaitu dikerjakan tawaf pada waktu umrah (tawaf qudum) atau di akhir melakukan haji (tawaf ifadah) di akhir hari tasyrik. Begitu juga cukup baginya mengerjakan sai satu kala sahaja.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهُ ﷺ: مَنْ اَحْرَمَ بِالْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ اَجْزَأَهُ طَوَافٌ وَاحِدٌ وَسَعْيٌ وَاحِدٌ.

رواه الترمذى وابن ماجة

"Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang telah ihram haji dan umrah bersama-sama, cukuplah baginya satu kali tawaf dan satu kali sai saja."

(Diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibnu Majah).

3. KEUTAMAAN HAJI DAN UMRAH.

Adapun keutamaan haji dan umrah itu ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: تَابِعُوْا بَيْنَ الْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ فَإِنَّهُمَا يَنْفِيَانِ الْفَقْرَ وَالذُّنُوْبَ كَمَا يَنْفِى الْكِيْرُ خَبْثَ الْحَدِيْدِ وَالذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَلَيْسَ لِحَجَّةٍ مَبْرُوْرَةٍ ثَوَابٌ اِلاَّ الْجَنَّةُ.

رواه النسائى والترمذى

"Dari Ibnu Mas'ud r.a. berkata: Nabi s.a.w. bersabda: Ikutkanlah olehmu antara haji dan umrah, kerana sesungguhnya keduanya menghilangkan dosa, sebagaimana tukang tempa menghilangkan karat besi, karat emas dan perak, dan tidak ada pahala bagi haji yang baik itu melainkan syurga."

(Diriwayatkan oleh Nasai dan Tirmizi).

4. MENGERJAKAN UMRAH SESUDAH HAJI.

Bagi orang yang hendak mengerjakan umrah sesudah haji, baik untuk dirinya, untuk orang lain atau untuk dihadiahkannya bagi ibu-bapanya, maka tempat memulainya ialah di Tan'im, iaitu satu tempat yang terletak antara Mekah dan Madinah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّهَا لَمَّا خَرَجَتْ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فِى حَجَّةِ الْوَدَاعِ حَاضَتْ فَتَفْعَلُ كَمَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ غَيْرَ الطَّوَافِ ثُمَّ قَالَتْ: فَلَمَّا قَضَيْنَا الْحَجَّ اَرْسَلَنِى النَّبِيُّ ﷺ مَعَ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ

بْنِ أَبِىْ بَكْرٍ اِلَى التَّنْعِيْمِ فَاعْتَمَرْتُ فَقَالَ: هٰذِهِ مَكَانُ عُمْرَتِكِ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. bahawasanya tatkala ia keluar bersama Rasulullah s.a.w. pada haji wadak, ia sedang haid, maka ia mengerjakan seperti apa yang dikerjakan oleh orang haji, kecuali tawaf, kemudian ia berkata: Tatkala kami menunaikan ibadat haji, aku disuruh oleh Rasulullah s.a.w. bersama Abdur Rahman bin Abu Bakar ke Tan'im, maka akupun umrah. Lalu Abdur Rahman berkata: "Inilah tempat umrah kamu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

5. DENDA YANG WAJIB WAKTU IHRAM.

Adapun perbuatan-perbuatan yang mewajibkan denda di waktu ihram, ialah disebabkan beberapa hal:

1. Kerana terkepung oleh musuh, hingga tak dapat menyempurnakan ibadat dan umrah. Ketika itu boleh *tahallul*, ertinya keluar dari ihram, lalu memperbuat apa yang dilarang dalam ihram itu. Maka ketika itu wajib membayar denda, iaitu memberi hadiah dari apa yang semudah-mudahnya dijadikan hadiah. Setinggi-tingginya seekor unta, pertengahnya seekor sapi dan serendah-rendahnya seekor kambing.

   Allah berfirman:

وَاَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلّٰهِ فَاِنْ اُحْصِرْتُمْ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ*

سورة البقرة اية ١٩٦

"Maka sempurnakanlah olehmu haji dan umrah kerana Allah. Maka apabila kamu terkepung oleh musuh (terhalang), maka sembelihlah binatang korban yang mudah didapati."

(Surah Al-Baqarah, ayat 196).

2. Kerana bercukur di waktu ihram, sedang perbuatan itu dilarang mengerjakannya ketika itu. Kecuali bagi sesiapa yang sakit kepala, atau sangat gatal kerana kutu dan sebagainya, maka ketika itu boleh dia bercukur. Dan wajib atasnya membayar dendanya, iaitu memberi makanan orang miskin sebanyak enam orang, masing-masing mereka wajib diberi ½ gantang Arab.

Allah berfirman:

وَلَا تَحْلِقُوْا رُؤُوْسَكُمْ حَتّٰى يَبْلُغَ الْهَدْيُ مَحِلَّهٗ. فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيْضًا اَوْ بِهٖ اَذًى مِنْ رَّأْسِهٖ فَفِدْيَةٌ مِنْ صِيَامٍ اَوْ صَدَقَةٍ اَوْ نُسُكٍ.

سورة البقرة ١٩٦

"Dan janganlah kamu cukur kepalamu, hingga telah sampai hadiah itu ke tempatnya, maka sesiapa di antaramu yang sakit atau ada penyakit di kepalanya, wajiblah ia membayar denda, iaitu berpuasa (tiga hari), atau memberi sedekah (tiga gantang untuk enam orang fakir miskin) atau pengorbanan yang lain memotong binatang."[1]
(Surah Al-Baqarah, ayat 196).

3. Kerana bertamattuk, iaitu melepaskan keinginan duniawi, sesudah mengerjakan umrah, seperti bersetubuh dan sebagainya, hingga datang waktunya mengerjakan pekerjaan haji 8 haribulan Zulhijah). Maka dendanya ialah apa hadiah yang mudah diperoleh seperti tersebut dalam keterangan yang lalu. Kalau barang yang akan dihadiahkan itu tidak ada, maka wajib berpuasa tiga hari di waktu haji itu (antara umrah dan haji), dan tujuh hari bila telah kembali ke kampung.
Allah berfirman:

فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمْرَةِ اِلَى الْحَجِّ فَمَا اسْتَيْسَرَ مِنَ الْهَدْيِ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ اَيَّامٍ فِى الْحَجِّ وَسَبْعَةٍ اِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشَرَةٌ كَامِلَةٌ ذٰلِكَ لِمَنْ لَّمْ يَكُنْ اَهْلُهٗ حَاضِرِى الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ.

سورة البقرة اية ١٩٦

"Maka sesiapa yang telah bertamattuk dengan umrah hingga haji, maka hendaklah diberikannya hadiah yang mudah diperolehnya, maka siapa yang tidak dapat berhadiah, maka puasalah ia tiga hari pada waktu haji dan tujuh hari bila ia telah kembali, jumlah semuanya itu ialah genap sepuluh hari. Ke-

1. Keterangan mengenai puasa tiga hari, atau memberi makan 6 orang fakir miskin berasal daripada Hadis Bukhari Muslim, dari Kaab bin Ujrah:

wajipan itu ialah bagi orang-orang yang keluarganya tidak tinggal di Masjidilharam."

(Surah Al-Baqarah, ayat 196).

4. Kerana membunuh binatang buruan ketika ihram, maka dendanya ialah binatang yang sama dengan binatang itu. Kalau tak ada gantinya, maka harus membayar seharga binatang yang dibunuh itu. Jika tak sanggup pula membayar seharga itu, maka wajiblah ia memberi makanan fakir miskin, sebanyak makanan yang dibeli dengan harga binatang yang dibunuh itu. Bagi tiap-tiap seorang fakir miskin satu cupak makanan (liter). Maka jika ia tak sanggup pula kerana ia miskin maka wajiblah ia berpuasa, sebanyak kadar makanan yang akan diberikannya kepada fakir miskin iaitu sebanding dengan harga binatang yang dibunuh itu.

Keterangan menyatakan:

يَآ اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا لَا تَقْتُلُوْا الصَّيْدَ وَاَنْتُمْ حُرُمٌ وَمَنْ قَتَلَهُ مِنْكُمْ مُتَعَمِّدًا فَجَزَاءٌ مِثْلُ مَا قَتَلَ مِنَ النَّعَمِ يَحْكُمُ بِهِ ذَوَا عَدْلٍ مِنْكُمْ هَدْيًا بَالِغَ الْكَعْبَةِ اَوْ كَفَّارَةٌ طَعَامُ مَسَاكِيْنَ اَوْ عَدْلُ ذٰلِكَ صِيَامًا لِيَذُوْقَ وَبَالَ اَمْرِهِ.

سورة المائدة اية ٩٥

"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu bunuh binatang buruan itu ketika kamu sedang dalam ihram. Sesiapa di antaramu yang membunuhnya dengan sengaja, adalah balasannya seekor binatang yang dibunuh itu, menurut ketetapan dua orang yang adil di antara kamu. Binatang yang disembelih itu sebagai hadiah yang disampaikan kepada penduduk Mekah dan disedekahkan kepada orang-orang miskin. Boleh juga gantinya memberi makanan beberapa orang miskin atau puasa beberapa hari, supaya dirasakannya keberatan perbuatannya itu."

(Surah Al-Maidah, ayat: 95).

5. Kerana ketinggalan salah satu rukun haji yang wajib, umpamanya ihram dari miqatnya atau ketinggalan melempar jumrah yang tiga.

Adapun orang yang luput baginya waktu wukuf di Arafah, ia boleh tahallul setelah selesai mengerjakan umrah, akan tetapi wajib

atasnya qada dan membayar hadiah. Dan kalau rukun yang ditinggalkannya itu sebelum ia boleh tahallul, hendaknya dikerjakannya rukun itu kembali.

BAB RUKUN HAJI DAN UMRAH

Setelah diketahui cara mengerjakan ibadat haji dan umrah, maka baiklah kita nyatakan pula mana yang dinamakan rukun, wajib dan sunat haji itu.

Rukun haji:

1. Ihram disertai dengan niat yang dilafazkan.
2. Wukuf di padang Arafah.
3. Tawaf di Baitullah tujuh kali.
4. Sai antara bukit Safa dan Marwa.

Rukun umrah:

1. Ihram disertai dengan niat yang dilafazkan.
2. Tawaf di Kaabah.
3. Sai antara bukit Safa dan Marwa.
4. Bercukur atau bergunting bagi perempuan.

Wajib haji, selain rukun:

1. Ihram dari miqatnya.
2. Melempar Jumrah yang tiga.
3. Bercukur sesudah melempar itu.

Sunat-sunat haji:

1. Mengerjakan haji secara ifrad.
2. Membaca kalimat talbiah.
3. Tawaf qudum.
4. Bermalam di Muzdalifah dan di Mina.
5. Dua rakaat sembahyang sesudah tawaf.
6. Tawaf Wadak tatkala hendak berangkat dari Mekah.

1. YANG DIHARAMKAN BAGI ORANG YANG SEDANG IHRAM

1. Memakai kain yang berjahit.
2. Menutup kepala bagi kaum laki-laki dan menutup muka bagi kaum perempuan.
3. Menguraikan rambut dan mencukurnya.
4. Mengerat kuku.
5. Berharum-haruman.
6. Membunuh binatang buruan.

7. **Mengakadkan nikah kahwin.**
8. **Bersetubuh.**
9. **Menyentuh perempuan dengan syahwat.**

Keterangan menyatakan:

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لاَ يَنْكِحُ الْمُحْرِمُ وَلاَ يُنْكِحُ وَلاَ يَخْطِبُ.

رواه مسلم

"Dari Usman bin Affan r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Orang-orang yang sedang ihram itu tak boleh kahwin dan tak boleh pula mengahwinkan dan tak boleh pula meminang."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. BINATANG-BINATANG YANG HALAL DIBUNUH WAKTU IHRAM.

Adapun binatang-binatang yang halal dibunuh ketika ihram, ialah binatang-binatang yang berbisa atau binatang-binatang yang merosakkan.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: خَمْسٌ مِنَ الدَّوَابِّ كُلُّهُنَّ فَوَاسِقُ يُقْتَلْنَ فِى الْحِلِّ وَالْحَرَمِ: اَلْعَقْرَبُ وَالْحِدَاءَةُ وَالْغُرَابُ وَالْفَأْرَةُ وَالْكَلْبُ الْعَقُوْرُ.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Aisyah r.a. telah berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: Lima macam binatang yang semuanya itu merosakkan, maka binatang itu boleh dibunuh di waktu halal mahupun di waktu ihram, iaitu; kala, burung helang, gagak, tikus dan anjing yang ganas."

(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

3. LUPUT IBADAT HAJI KERANA LUPUT WUKUF DI ARAFAH.

Oleh kerana wukuf di Arafah itu adalah rukun haji, bila ia tertinggal atau luput kerana terlambat datang dan lain-lain sebagainya maka luput pulalah ibadat haji.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ يَعْمَرَ الدِّيْلِى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ وَهُوَ بِعَرَفَةَ اِلَى قَوْلِهِ فَاَمَرَ النَّبِيُّ ﷺ رَجُلاً فَنَادَى فِى النَّاسِ: اَلْحَجُّ اَلْحَجُّ يَوْمُ عَرَفَةَ.

رواه ابو داود والترمذى

"Dari Abdur Rahman bin Ya'mar Ad-Dili r.a. ia telah berkata: Pernah aku datang kepada Nabi s.a.w. sedang beliau di Arafah, hingga katanya: Maka Nabi s.a.w. menyuruh seorang laki-laki supaya memanggil manusia. Maka ia berseru di kalangan manusia: Haji, haji ialah pada hari wuquf di Arafah.

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

BAB MENZIARAHI KUBURAN NABI KE MADINAH

Disunatkan melihat makam Nabi s.a.w. ke Madinah, baik sebelum mengerjakan haji ataupun sesudahnya. Sebab kita selalu mengharapkan syafaat daripadanya di hari kiamat.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ زَارَنِى اِلَى الْمَدِيْنَةِ مُحْتَسِبًا كَانَ جِوَارِيَ وَكُنْتُ لَهُ شَفِيْعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

رواه البيهقى

"Dari Anas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sesiapa yang menziarahi aku ke Madinah kerana mengharapkan pahala dari Allah, adalah ia dalam pangkuanku, dan adalah aku akan memberinya syafaat di hari kiamat."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

1. KEUTAMAAN MEKAH DAN MADINAH.

Adapun kota Mekah dan Madinah adalah dua kota yang mengandungi beberapa kelebihan dari kota-kota lain di dunia ini, di

antaranya ialah, binatang buruannya tak boleh diburu, pohon-pohonannya tak boleh dipotong, barang-barang yang tercicir tak halal diambil kecuali untuk memberitahukannya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِي حُرْمَةِ مَكَّةَ: فَلاَ يُنْفَرُ صَيْدُهَا وَلاَ يُخْتَلَى شَوْكُهَا وَلاَ تَحِلُّ سَاقِطَتُهَا اِلاَّ لِمُنْشِدٍ وَمَنْ قُتِلَ لَهُ قَتِيْلٌ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظْرَيْنِ اِمَّا اَنْ يُفْدَى وَاِمَّا اَنْ يُقْتَلَ.

رواه مسلم

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w. tentang Mekah Al-Haram: Tak boleh diburu binatang buruannya, tidak boleh dipotong kayu-kayannya dan tidak halal diambil barang yang tercicir kecuali untuk memberitahukannya, maka sesiapa yang terbunuh keluarganya, maka dia boleh memilih antara dua pilihan; pertama ia boleh menerima tebusan, dan yang kedua ia boleh menuntut balasan supaya yang membunuh itu dibunuh pula."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Adapun keutamaan kota Madinah di antaranya, bahawa kota itu telah didoakan Nabi, supaya keberkatannya dua kali keberkatan yang didapat di kota Mekah. Keterangan menyatakan:

عَنْ اَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ بِالْمَدِيْنَةِ ضِعْفَيْ مَا بِمَكَّةَ مِنَ الْبَرَكَةِ.

رواه مسلم

"Dari Anas bin Malik r.a. ia berkata: Telah berdoa Rasulullah s.a.w.: Ya Allah, jadikanlah keberkatan kota Madinah ini dua kali ganda dari keberkatan kota Mekah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. KEUTAMAAN SEMBAHYANG DI MASJID MADINAH.

Adapun keutamaan sembahyang di masjid Madinah adalah sebagaimana yang dinyatakan Nabi s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: صَلاَةٌ فِى مَسْجِدِى هٰذَا اَفْضَلُ مِنْ اَلْفِ صَلاَةٍ فِيْمَا سِوَاهُ اِلاَّ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ.

رواه مسلم

"Diceritakan oleh Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Satu kali sembahyang di masjidku ini lebih utama dari seribu kali sembahyang di masjid lain, kecuali sembayang di Masjidil Haram."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

3. TAWAF WADAK.

Ketika kita hendak meninggalkan kota Mekah hendak pulang ke kampung masing-masing, maka diwajibkan pula tawaf sekali lagi lebih dahulu, iaitu tawaf wadak, ertinya tawaf selamat tinggal.

Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ النَّاسُ يَنْصَرِفُوْنَ فِى كُلِّ وَجْهٍ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ: لاَ يَنْفِرْ اَحَدُكُمْ حَتَّى يَكُوْنَ آخِرُ عَهْدِهِ بِالْبَيْتِ.

رواه مسلم وابو داود

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Adalah manusia berpaling ke tiap-tiap jihat, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: Belum boleh pergi salah seorang di antara kamu hingga ada akhir kewajipannya di rumah Allah."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Keterangan yang lain menyatakan pula:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أُمِرَ النَّاسُ اَنْ يَكُوْنَ آخِرُ عَهْدِهِمْ بِالْبَيْتِ اِلاَّ اَنَّهُ خُفِّفَ عَنِ الْمَرْأَةِ الْحَائِضِ.

رواه مسلم والنسائى

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Diperintah manusia supaya adalah akhir kewajipannya (melakukan pekerjaan wajib) di rumah Allah, kecuali telah diiringkan pekerjaannya itu dari perempuan yang sedang haid."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

BAB RAHSIA DAN HIKMAT IBADAT HAJI DAN UMRAH

Adapun ibadat haji yang dikerjakan oleh umat Islam, mulai dari awal sampai akhirnya, pekerjaan itu banyak sekali mengandung rahsia dan hikmat. Biar yang mengenai kemuliaan mahupun yang mengenai ketinggian Islam. Oleh ahli hikmat, baik bangas Arab ataupun orang Ajam tiadalah dapat menghitung sekalian rahsia dan hikmatnya itu. Mereka hanya dapat menyatakan sebahagian kecil saja. Hikmahnya banyak yang terasa di hati, yang tak dapat dilukiskan dengan pena dan tak dapat dikatakan dengan lidah.

1. RAHSIA MEMAKAI KAIN IHRAM.

Ketika melalui miqat akan memasuki kota Mekah, semua umat Islam yang hendak mengerjakan ibadat haji mahupun tidak, harus memakai kain ihram dan berniat ihram lebih dahulu. Kain ihram iaitu kain yang tidak dijahit dan tidak pula dijalin. Tak ada saudagar yang kaya raya, tak ada kaum bangsawan yang tinggi pangkat dan tidak pula hamba-hamba sahaya yang dianggap hina, melainkan mereka ketika itu sama dan sedarjat. Mereka sama-sama membuka pakaian yang mereka pakai sehari-hari walaupun bagaimana juga bagus dan tinggi harganya. Kemudian mereka sama-sama menukar dengan kain yang tidak berjahit. Kain putih yang bersahaja. Dengan memakai kain putih yang bersahaja itu, yang tinggi hilanglah rasa ketinggiannya dan yang mulia lenyaplah rasa kemuliaan dari dirinya. Kerana ketika itu tak ada satu jalan bagi mereka untuk membanggakan ketinggian dan kemuliaan mereka, kerana masing-masing mereka ketika itu sama-sama berada dalam suasana perhambaan semata-mata. Mereka sama-sama membaca kalimat kebesaran Tuhan dan kalimat "talbiyah" hingga sampai di Kaabah.

2. RAHSIA TAWAF DI KAABAH.

Sesampainya kita di Baitullah, kita memulai mengerjakan tawaf, ertinya mengelilingi Kaabah itu tujuh kali. Berputar berlari-

lari kecil. Dimulai dari Hajar Aswad, dan disudahi di Hajar Aswad itu pula. Lainlah rasanya perasaan ketika itu. Berlari-lari berkeliling seolah-olah ada yang dikejar. Tiga kali lamanya berkeliling dengan cara berlari-lari itu. Kemudian berjalan pula. Seolah-olah mereka telah letih berlari-lari itu. Tetapi tidak. Mereka tidak letih, dan mereka tak pula mengejar apa-apa. Hanya mereka berkeliling itu, ialah untuk tawaf. Hendak menambatkan tali takwa kepada Allah, yang tidak akan mereka putuskan untuk selama-lamanya. Untuk mengangkat janji, bersumpah teguh itu, dengan mencium dan meraba Hajar Aswad. Sebagaimana Nabi telah bersabda: "Hajar Aswad itu ialah sumpah Allah, maka sesiapa yang telah menyentuhnya, maka sungguh ia telah berjanji dengan Allah."

3. RAHSIA MENGERJAKAN SAI.

Sesudah kita tawaf di Kaabah, kita lakukan sai (berlari-lari kecil) antara Safa dan Marwa. Kedua bukit itu berdiri di depan pintu Kaabah. Dengan perasaan yang letih lesu di kala panas terik rasa membakar badan, kita berlari-lari kecil antara kedua bukit itu.

Tujuh kali kita berlari-lari, sambil menyebut kebesaran Allah. Ketika itu ingatlah kita akan kejadian yang telah lalu. Di kala Siti Hajar, isteri Nabi Ibrahim, berlari-lari antara kedua bukit itu, untuk mencarikan air bagi anaknya Nabi Ismail. Dia berlari-lari ulang-alik tujuh kali antara kedua bukit itu dengan pengharapan yang tak putus kepada Allah. Inilah yang dituruti oleh kaum Muslimin yang sedang mengerjakan sai. Terasing benar rasanya daripada sanak saudara di bawah langit cerah dipagari bukit-bukit baru. Mereka berkhidmat kepada Tuhan, dengan hati yang tunduk dan khusyuk, sebagai seorang yang sedang haus kepada keredaan Tuhannya. Mereka berlari-lari antara kedua bukit itu. Seolah-olah mereka meminta dan bermohon bila tidak dapat pada kali yang pertama, kerana mungkin ada kesalahan, pada kali yang kedua, ketiga dan seterusnya mereka meminta pula. Hingga sampai tujuh kali pergi balik, sampai permohonan itu dikabulkan. Demikianlah keadaan mereka meminta keampunan dan keredaan Tuhan ketika itu. Dengan airmata yang jatuh berlinang, membasahi kain di dada, mereka menyesali kesalahan mereka yang sudah-sudah. Mereka bersihkan dengan air taubat supaya bersih, laksana kain putih yang bersih dari daki atau kotoran.

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللهِ ❋

"Sesungguhnya bukit Safa dan bukit Marwa itu, adalah termasuk syiar Allah."

4. RAHSIA WUKUF DI PADANG ARAFAH.

Pada 9 haribulan Zulhijah berkumpullah di padang Arafah sekalian orang haji yang datang dari segenap penjuru dunia itu yang berlain-lain jenis dan warnanya. Berlain-lain tinggal dan bahasa. Sekaliannya sama-sama berpakaian ihram, sama-sama berpakaian tak berjahit. Agaknya tak seorang pun yang dapat membezakan, siapa yang pemimpin ketika itu dan siapa yang jadi pengikut (rakyat). Siapa yang kaya dan siapa yang miskin. Di sana mereka berkumpul memadu rasa keislaman mereka mempererat tali persaudaraan, kenal mengenal yang seorang dengan yang seorang. Hilanglah rasanya permusuhan ketika itu, lenyap rasa persengketaan dan timbullah rasa persatuan dan persahabatan. Suara takbir dan talbiyah, suara zikir dan tasbih yang mengumandang dari celah-celah khemah orang haji, menyebabkan pula jiwa kita turut beralun di bawa dan diseret oleh alun dan gelombang takbir dan talbiyah, yang mendekatkan kita ke hadrat Zat Yang Maha Wujud, di balik dari segala yang sujud ini.

5. RAHSIA MELONTAR JUMRAH DI MINA.

Di Mina ketika jemaah haji itu melempar Jumrah yang tiga, ingatlah kita akan peristiwa Nabi Ibrahim. Dahulukala di sanalah ia dihalang-halangi oleh iblis, dalam melakukan perintah berkorban. Tetapi Nabi Ibrahim tidak terhalang atau tergoda. Pengorbanan terus juga dilakukannya. Dikorbankan anaknya yang disayanginya, Nabi Ismail. Dengan tidak tawar menawar antara yang berkorban dan yang dikorbankan. Sebagai menandakan, bahawa ia lebih cinta kepada perintah Tuhan daripada anak dan keluarganya. Oleh sebab itulah Jumrah yang tiga itu sentiasa dilempar, sebab di sanalah iblis hendak memperdayakannya dahulu.

BAB BERKORBAN

1. ERTI BERKORBAN.

Korban ertinya dekat. Dalam istilah Syarak ertinya: mendekatkan diri kepada Allah dengan jalan menyembelih binatang dengan niat yang tertentu, dan dalam waktu yang tertentu pula.

Pada tiap-tiap tahun umat Islam diperintah oleh Allah melakukan korban, iaitu berhampir diri kepada-Nya dengan melakukan pemotongan binatang-binatang ternak yang paling dicintai dan disayangi. Adapun perintah suci ini, ialah untuk mengikuti per-

buatan yang dicintainya, Nabi Ismail. Dan dialah yang mula-mula melakukan syariat cara penyembelihan binatang-binatang itu.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللهِ عَلَى مَا رَزَقَهُمْ مِنْ بَهِيْمَةِ الْأَنْعَامِ فَإِلٰهُكُمْ إِلٰهٌ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوْا وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِيْنَ *

سورة الحج اية ٣٤

"Dan bagi tiap-tiap umat, Kami jadikan tempat berkorban (supaya ia berkorban), agar mereka mengingat nama Allah atas apa direzekikan-Nya kepada mereka, dari binatang-binatang ternak. Maka Tuhanmu itu ialah Tuhan yang Esa, maka hendaklah kepada-Nya kamu berserah diri, dan berilah khabar gembira (hai Muhammad) orang-orang yang tunduk kepada-Nya."

(Surah Al-Haj ayat 34).

Adapun berkorban itu bukanlah ditentukan untuk sekali saja, melainkan disunatkan tiap-tiap tahun kalau ada kesanggupan untuk berkorban itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَوْنٍ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ عَلَى كُلِّ أَهْلِ بَيْتٍ فِي كُلِّ عَامٍ أُضْحِيَةٌ.

رواه ابو داود بسند حسن

"Dari Abdullah bin Aun ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Hai manusia, sesungguhnya atas tiap-tiap ahli rumah pada tiap tahun disunatkan berkorban."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

2. TARIKH BERKORBAN.

Adapun haribulan mulai berkorban itu, ialah dari 10 haribulan Zulhijah sampai 13 haribulan itu tiap-tiap tahun sampai di akhir hari tasyrik. Binatang-binatang ternak yang akan dikorbankan itu sedikit pun tidak boleh dirosakkan bulu atau kulitnya walaupun dengan cara bagaimana juga.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اِذَا دَخَلَتِ الْعَشْرُ وَاَرَادَ اَحَدُكُمْ اَنْ يُضَحِّيَ فَلَا يَمُسَّ مِنْ شَعْرِهِ وَبَشَرِهِ شَيْئًا.

رواه مسلم

"Dari Ummu Salamah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: Bila telah masuk 10 haribulan Zulhijah dan salah seorang di antara kamu hendak berkorban, maka tidaklah boleh disentuhnya rambut dan kulitnya sedikit pun."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

عَنِ الْبَرَّاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَرْبَعٌ لَا تَجُوْزُ فِى الْأَضَاحِى ـ اَلْعَوْرَاءُ بَيِّنٌ عَوْرُهَا وَالْمَرِيْضَةُ بَيِّنٌ مَرَضُهَا وَالْعَرْجَاءُ بَيِّنٌ ظَلْعُهَا وَالْكَسِيْرُ الَّتِى لَا تُنْقَى.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Barrak bin Azib r.a. berkata: Nabi s.a.w. bersabda: Empat macam binatang yang tak boleh untuk berkorban, iaitu binatang buta yang nyata butanya (rosak matanya sebelah), binatang sakit yang nyata sakitnya, binatang pincang yang nyata kepincangannya dan binatang yang kurus yang tidak ada sumsumnya lagi."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Tirmizi).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ كُلُّ اَيَّامِ التَّشْرِيْقِ ذَبْحٌ.

رواه البيهقى

"Dari Jubair bin Mut'im r.a. ia berkata: Raulullah s.a.w. bersabda: Tiap-tiap hari tasyrik itu waktu berkorban."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

3. TIDAK SAH BERKORBAN DENGAN BINATANG YANG BERCACAT.

Oleh kerana pekerjaan berkorban itu adalah pekerjaan suci, yang bererti untuk menghampirkan diri kepada yang Maha Suci pula, Maha Bersih dan Maha Sempurna, maka tidaklah boleh binatang ternak yang akan dikorbankan itu bercacat dan bercela.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَمَرَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَنْ نَسْتَشْرِفَ الْعَيْنَ وَالْأُذُنَيْنِ وَلاَ نُضَحِّى بِعَوْرَاءَ وَلاَ مُقَابَلَةٍ وَلاَ مُدَابَرَةٍ وَلاَ خَرْقَاءَ وَلاَ شَرْقَاءَ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Ali r.a. ia telah berkata: Kami telah diperintah oleh Rasulullah s.a.w. supaya kami muliakan mata dan dua telinga, dan kami tak boleh berkorban dengan binatang yang buta dan tidak pula yang sumbing pinggir telinganya, dan tidak pula yang rosak pangkal telinganya dan tidak pula yang kopek telinganya sebelah bawah dan tidak pula yang belah telinganya sebelah atas."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Yang lebih dituntut dalam melakukan korban itu, ialah berkorban dengan apa yang lebih disayangi dan dicintai. Allah berfirman:

لَنْ تَنَالُوْا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوْا مِمَّا تُحِبُّوْنَ ❋

سورة ال عمران اية ٩٢

"Sekali-kali kamu takkan mencapai kebaikan, hingga kamu belanjakan (sedekahkan) mana yang paling kamu cintai."

(Surah Ali Imran, ayat 92).

Adapun tempat berkorban itu disunatkan di tanah lapang, setelah selesai mengerjakan sembahyang hari raya Adha (hari raya korban).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَذْبَحُ وَيَنْحَرُ بِالْمُصَلَّى.

رواه البخارى

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. menyembelih dan berkorban di tanah lapang (tempat sembahyang)."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

4. MENYEMBELIH KORBAN SESUDAH SELESAI SEMBAHYANG AIDILADHA.

Penyembelihan korban itu ialah sesudah selesai sembahyang Aidiladha pada 10 haribulan Zulhijah itu. Kalau dapat, yang menyembelih ialah orang yang berkorban itu sendiri.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: شَهِدْتُ مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ اَلْأَضْحَى بِالْمُصَلَّى فَلَمَّا قَضَى خُطْبَتَهُ نَزَلَ مِنْ مِنْبَرِهِ وَأُتِيَ بِكَبْشٍ فَذَبَحَهُ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِيَدِهِ وَقَالَ: بِسْمِ اللهِ وَاللهُ اَكْبَرُ هٰذَا عَنِّى وَعَمَّنْ لَمْ يُضَحِّ عَنْ أُمَّتِى.

رواه ابو داود بسند صالح

"Dari Ibnu Umar r.a. ia telah berkata: Pernah aku hadir bersama dengan Rasulullah s.a.w. mengerjakan sembahyang hari Raya Adha di tanah lapang. Maka tatkala beliau selesai berkhutbah, beliau turun dari mimbar, ada orang membawa seekor kibas kepadanya, lalu disembelih oleh Rasulullah s.a.w. dengan tangannya sendiri kemudian beliau bersabda: Bismillah Allahu Akhbar, ini untukku dan untuk umatku yang tak berkorban."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Seseorang yang menyembelih sebelum selesai sembahyang hari raya Adha, maka penyembelihannya itu hanya untuk dirinya sendiri, ertinya jatuh kepada penyembelih biasa bukan korban.

Adapun ertinya penyembelihan sesudah selesai sembahyang, itulah penyembelihan Korban.

Keterangan menyatakan:

عَنِ الْبَرَّاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ ذَبَحَ قَبْلَ الصَّلَاةِ فَاِنَّمَا ذَبَحَ لِنَفْسِهِ وَمَنْ ذَبَحَ بَعْدَ الصَّلَاةِ فَقَدْ تَمَّ نُسُكُهُ وَاَصَابَ سُنَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ.

رواه البخارى

"Dari Barrak bin Azib r.a. ia telah berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang menyembelih sebelum sembahyang, maka ia menyembelih untuk dirinya sendiri, dan sesiapa yang menyembelih sesudah sembahyang, maka sungguh-sungguh ia telah menyempurnakan korbannya dan telah mengikuti sunah kaum Muslimin."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

Ketika menyembelih binatang itu letakkanlah telapak kaki di atas batang lehernya, sebagaimana dilakukan oleh Nabi s.a.w.

Keterangannya:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: ضَحَى النَّبِيُّ ﷺ بِكَبْشَيْنِ اَمْلَحَيْنِ فَرَاَيْتُهُ وَاضِعًا قَدَمَهُ عَلَى صِفَاحِهِمَا يُسَمِّي وَيُكَبِّرُ فَذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ.

رواه البخارى

"Dari Anas r.a. ia telah berkata: Pernah Nabi s.a.w. berkorban dengan dua ekor kibas (domba) yang bagus-bagus, maka aku lihat beliau meletakkan telapak kakinya di atas batang leher domba-domba itu, lalu dibacanya Bismillah dan dibacanya takbir, kemudian disembelihnya kedua ekor domba itu."

(Diriwayatkan oleh Bukhari).

5. UMUR BINATANG YANG AKAN DIJADIKAN KORBAN.

Sekurang-kurangnya binatang yang akan dikorbankan itu telah berumur dua tahun dan masuk tahun yang ketiga.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: لَا تَذْبَحُوْا اِلَّا مُسِنَّةً اِلَّا اَنْ يَعْسُرَ عَلَيْكُمْ فَتَذْبَحُوْا جَذَعَةً مِنَ الضَّأْنِ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: Janganlah kamu sembelih binatang, melainkan yang telah berumur dua tahun, kecuali apabila binatang itu susah engkau dapat, maka potonglah binatang yang berumur satu tahun (dan masuk yang kedua.)"

(Diriwayatkan oleh Muslim).

6. SEEKOR SAPI ATAU UNTA BOLEH UNTUK TUJUH ORANG BERKORBAN.

Adapun seekor unta atau seekor sapi boleh dijadikan korban untuk tujuh orang. Pun begitu juga kerbau, kalau sapi tak ada.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: حَجَجْنَا مَعَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَنَحَرْنَا الْبَعِيْرَ عَنْ سَبْعَةٍ وَالْبَقَرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ.

رواه مسلم

"Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah kami haji bersama Rasulullah s.a.w. lalu kami korbankan seekor unta untuk tujuh orang dan seekor sapi untuk tujuh orang."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

7. ALAT UNTUK MENYEMBELIH HARUSLAH ALAT YANG TAJAM.

Disyaratkan perkakas untuk menyembelih itu tajam, jangan yang runcing atau yang tumpul. Agar jangan menganiaya binatang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ اَوْسٍ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: فَاِذَا قَتَلْتُمْ فَاَحْسِنُوْا الْقِتْلَةَ وَاِذَا ذَبَحْتُمْ فَاَحْسِنُوْا الذِّبْحَةَ وَلْيُحِدَّ اَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِحَّ ذَبِيْحَتَهُ.

رواه مسلم

*"Dari Syaddad bin Aus r.a. ia berkata: Nabi s.a.w. telah bersabda: **Bila kamu hendak membunuh, maka baikkanlah pembunuhanmu itu, dan bila kamu hendak menyembelih, maka baikkanlah penyembelihanmu itu, dan hendaklah kamu menajamkan pisaumu dan menyenangkan sembelihanmu itu.**"*

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Janin (anak binatang di dalam perut).

Jika terdapat anak (janin) dalam perut bintang yang disembelih, sama ada ianya masih hidup ataupun mati, maka anaknya itu halal juga dimakan dagingnya. Adapun penyembelihannya cukup dengan penyembelihan induknya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْنَا: يَا رَسُوْلَ اللهِ نَنْحَرُ النَّاقَةَ وَنَذْبَحُ الْبَقَرَةَ وَالشَّاةَ فَنَجِدُ فِى بَطْنِهَا الْجَنِيْنَ اَنُلْقِيْهِ اَمْ نَأْكُلُهُ؟ قَالَ: كُلُوْهُ اِنْ شِئْتُمْ فَاِنَّ ذَكَاتَهُ ذَكَاةُ اُمِّهِ.

رواه ابو داود بسند حسن

"Dari Abu Said r.a. ia telah berkata: Pernah kami bertanya: Ya Rasulullah, pernah kami menyembelih unta, sapi dan kambing, maka kami dapati di dalam perutnya ada anak, akan kami buangkah atau boleh kami makan? Rasulullah s.a.w. menjawab: Makanlah, jika kamu mahu memakannya, kerana penyembelihannya terhitung dengan penyembelihan induknya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

8. SEKURANG-KURANG BERKORBAN SEEKOR KAMBING.

Oleh kerana seekor sapi atau seekor unta itu boleh untuk tujuh orang yang hendak berkorban, maka Rasulullah s.a.w. menyatakan pula, bahawa seekor sapi atau seekor unta itu boleh diganti dengan tujuh ekor kambing. Dan itulah sekurang-kurang korban bagi sesiapa yang hendak berkorban.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَتَاهُ رَجُلٌ فَقَالَ: اِنَّ عَلَيَّ بَدَنَةً وَاَنَا مُوْسِرٌ وَلَا اَجِدُهَا فَاشْتَرِيْهَا فَأَمَرَهُ النَّبِيُّ ﷺ اَنْ يَبْتَاعَ سَبْعَ شِيَاهٍ فَيَذْبَحُهُنَّ.

رواه احمد وابن ماجة

"Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya kepada Nabi s.a.w. pernah datang seorang laki-laki, lalu orang itu berkata: Sesungguhnya sudah menjadi kewajipan berkorban seekor unta sedang aku orang kaya, tetapi aku tak dapat unta untuk dibeli. Maka kepadanya diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. supaya membeli tujuh ekor kambing lalu disembelihnya."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah).

Menyimpan Daging Korban.

Daging korban itu boleh disimpan sampai sepertiganya, akan tetapi yang lebih afdal ialah disedekahkan semuanya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَفَّ النَّاسُ مِنْ اَهْلِ الْبَادِيَةِ حَضْرَةَ الْأَضْحَى فِي زَمَانِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِدَّخِرُوْا الثُّلُثَ وَتَصَدَّقُوْا بِمَا بَقِيَ.

رواه ابو داود

"Dari Aisyah r.a. ia telah berkata: Pernah manusia penduduk kampung datang berduyun-duyun untuk menghadiri korban di masa

Rasulullah s.a.w. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Simpanlah sepertiga daging itu dan sedekahkanlah yang lainnya."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Keterangan menyatakan pula:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: يَا اَهْلَ الْمَدِيْنَةِ لَا تَأْكُلُوْا لُحُوْمَ الْأَضَاحِى فَوْقَ ثَلَاثٍ. فَشَكَوْا اِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ أَنَّ لَهُمْ عِيَالاً وَحَشَمًا وَخَدَمًا فَقَالَ كُلُوْا وَاَطْعِمُوْا وَاحْبِسُوْا وَادَّخِرُوْا.

رواه مسلم

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: Hai penduduk Madinah, janganlah kamu makan daging korban itu lebih dari tiga hari. Maka mereka mengadu kepada Rasulullah s.a.w. bahawasanya mereka ada keluarga, orang pemalu dan pembantu. Lalu beliau s.a.w. bersabda: Makanlah olehmu dan simpanlah dagingnya itu."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

Dan wajib disedekahkan semua daging itu, kalau korban itu korban yang dinazarkan.

9. KEUTAMAAN BERKORBAN.

Adapun keutamaan yang terdapat dalam melakukan korban itu sangat banyak sekali, tak dapat dihitung. Di antaranya adalah:

1. Darahnya yang telah menitis jatuh ke bumi itu menjadi keampunan bagi dosa kita yang telah lalu.

   Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ لِفَاطِمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: قُوْمِى اِلَى اُضْحِيَتِكِ فَاشْهَدِيْهَا فَاِنَّهُ بِاَوَّلِ قَطْرَةٍ مِنْ دَمِهَا يَغْفِرُ لَكِ مَا سَلَفَ مِنْ ذَنْبِكِ.

رواه البيهقى

"Dari Abu Said Al-Khudri r.a., bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Fatimah r.a.: Bangunlah, saksikanlah korbanmu itu, sesungguhnya titik pertama dari darahnya yang menitis itu diampuni bagimu dosamu yang telah lalu."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

2. Darahnya itu memberatkan timbangan kebajikan di hari kiamat setelah amal perbuatan dihisab di sisi Allah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: ضُحُوْا طَيِّبُوْا اَنْفُسَكُمْ فَإِنَّهُ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَسْتَقْبِلُ بِذَبِيْحَتِهِ الْقِبْلَةَ اِلَّا كَانَ دَمُهَا وَفَرْثُهَا وَصُوْفُهَا حَسَنَاتٌ فِي مِيْزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

رواه البيهقى

"Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Berkorbanlah dengan hati yang rela, sesungguhnya tiap-tiap Muslim yang menghadapkan sembelihnya ke arah kiblat, maka darahnya, kotorannya, dan bulunya itu adalah kebajikan dan bakti kepada timbangan pada hari kiamat."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Segala wang dan harta yang dipergunakan di hari raya Adha itu tak ada yang lebih utama dari membelanjakannya untuk berkorban.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَا أُنْفِقَتِ الْوَرِقُ فِي شَيْءٍ اَفْضَلُ مِنْ نَحِيْرَةٍ فِي يَوْمِ عِيْدٍ.

رواه البيهقى

"Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata, bersabda Rasulullah s.a.w.: Adapun wang perak yang dibelanjakan pada sesuatu, tak ada yang lebih utama daripada penyembelihan (berkorban) di hari raya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Orang-orang yang sanggup untuk berkorban, tetapi ia tak mahu berkorban, maka Nabi sangat marah kepada orang itu hingga beliau pernah bersabda:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ وَلَمْ يُضَحِّ فَلَا يَقْرُبَنَّ مُصَلَّانَا.

رواه احمد وابن ماجة ـ حديث موقوف

"Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang sudah berkesempatan untuk berkorban, tetapi tidak juga dilakukannya, maka janganlah ia dekati tempat sembahyang kami."

(Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah).

10. TUKANG SEMBELIH KORBAN TIDAK BOLEH MENGAMBIL UPAH DARI BINATANG KORBAN.

Sesiapa yang diserahi mengurus menyembelih itu ia tak boleh mengambil upah dari anggota binatang korban itu, walaupun dengan kulitnya sekalipun.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَمَرَنِيْ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَنْ أَقُوْمَ عَلَى بُدْنِهِ وَأَنْ أُقَسِّمَ لُحُوْمَهَا وَجِلاَلَهَا وَجُلُوْدَهَا وَاَمَرَنِيْ اَنْ لاَ أُعْطِيَ الْجَازِرَ مِنْهَا شَيْئًا وَقَالَ: نَحْنُ نُعْطِيْهِ مِنْ عِنْدِنَا.

رواه البخارى ومسلم

"Dari Ali r.a. ia berkata: Telah meminta kepadaku Rasulullah s.a.w. supaya aku berdiri di atas untanya, dan supaya aku bagi-bagikan daging, perhiasan di punggungnya dan kulitnya, dan diperintahkannya aku supaya jangan aku memberikan sesuatu upah dari daging korban itu kepada tukang-tukang daging (orang-orang yang

mengurus membersihkan dagingnya), kemudian ia berkata: Kami memberikan pula daging-daging korban itu dari korban kami."
(Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim).

BAB AKIKAH

1. ERTI AKIKAH.

Akikah, ertinya rambut bayi atau rambut anak yang dicukur pada hari ketujuh dengan upacara memotong kambing. Adapun akikah itu sunat hukumnya tetapi sangat dituntut sekali oleh Nabi s.a.w. bagi kedua orangtua (ibu-bapa).

Keterangan menyatakan:

عَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: كُلُّ غُلَامٍ رَهِيْنَةٌ بِعَقِيْقَتِهِ تُذْبَحُ عَنْهُ يَوْمَ سَابِعِهِ وَيُحْلَقُ وَيُسَمَّى.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

"Dari Samurah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Tiap-tiap bayi itu tergadai dengan akikahnya, yang harus dipotongkan kambing pada hari yang ketujuh (dari hari lahirnya), dan digunting rambutnya pada hari itu serta diberi nama."
(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Dalam kitab: *"SUBULUSSALAM"* dinyatakan:

Bahawa berlain-lain faham ulama tentang hukum akikah ini. Menurut Daud dan pengikut-pengikutnya, bahawa akikah ini wajib hukumnya, beralasan hadis di atas. Sedang menurut Jumhur ulama, bahawa akikah itu sunat hukumnya. Mereka beralasan, bahawa hadis di atas itu, dijelaskan (dipalingkan) hukumnya oleh hadis di bawah ini, yang berbunyi: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ وُلِدَ لَهُ وَلَدٌ فَأَحَبَّ أَنْ يَنْسِكَ عَنْ وَلَدِهِ فَلْيَفْعَلْ.

"Sesiapa yang telah melahirkan seorang anak, jika ia ingin hendak mengakikahinya, maka bolehlah ia perbuat."
(Diriwayatkan oleh Malik dari Amar bin Syuaib).

Hadis ini menunjukkan bahawa hukum akikah tidak wajib kerana Nabi kita berkata *"kalau ia mahu."* Seterusnya dalam kitab itu dinyatakan: Dikata orang bahawa akikah itu boleh dilakukan dalam tempoh tiga kali tujuh hari, mulai dari anak itu dilahirkan.

Hal ini beralasan kepada hadis Rasulullah s.a.w. di bawah ini:

اَلْعَقِيْقَةُ تُذْبَحُ لِسَبْعٍ وَلِأَرْبَعٍ وَلِاحْدَى وَعِشْرِيْنَ.

"Akikah boleh dilakukan untuk tujuh hari, untuk empat hari dan boleh untuk dua puluh satu hari."

Berkata Imam Ahmad dan Baihaqi: Yang dimaksudkan dengan anak tergadai dalam hadis akikah itu, ialah bahawa anak itu terlarang memberikan syafaat, andaikata ia mati selagi kecil, atau anak itu tergadai (tertahan) jiwanya dari pertumbuhan yang baik, dan tertahan jiwanya menghadapi kebahagiaan dirinya, sampai ia diakikahkan.

2. DUA EKOR KAMBING UNTUK BAYI LAKI-LAKI DAN SEEKOR KAMBING UNTUK BAYI PEREMPUAN.

Untuk anak bayi yang laki-laki disunatkan memotong dua ekor kambing, dan untuk anak bayi yang perempuan, seekor kambing pada hari mengakikahkan itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ حَبِيْبَةَ بِنْتِ مَيْسَرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: عَنِ الْغُلَامِ شَاتَانِ مُكَافِئَتَانِ وَعَنِ الْجَارِيَةِ شَاةٌ.

رواه ابو داود بسند صحيح

"Dari Habibah binti Maisarah r.a. telah berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Untuk anak laki-laki dua ekor kambing yang sama besar, dan untuk bayi yang perempuan seekor kambing."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Adapun kambing yang akan dijadikan akikah itu, ialah kambing yang sudah patut disembelih sebagaimana dinyatakan dalam soal berkorban di atas. Iaitu kambing yang sekurang-kurangnya berumur dua tahun dan masuk ketiga.

Adapun bacaan ketika hendak memotong binatang akikah itu adalah seperti bacaan yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. ketika mengakikahkan cucunya Hasan dan Hussein, iaitu:

بِسْمِ اللهِ اَللّٰهُمَّ لَكَ وَاِلَيْكَ عَقِيْقَةُ فُلَانٍ.

رواه البيهقى

"Dengan nama Allah, ya Tuhan, kerana Engkau dan kepada Engkau akikah si....."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

Jika daging akikah hendak dimasak, disunatkan tulangnya supaya jangan dipecah-pecah, akan tetapi biarkan saja berbingkah-bingkah.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: اَلسُّنَّةُ شَاتَانِ مُكَافِئَتَانِ عَنِ الْغُلَامِ وَعَنِ الْجَارِيَةِ شَاةٌ تُطْبَخُ جِدْوَلاً وَلاَ يُكَسَّرُ عَظْمٌ.

رواه البيهقى

"Dari Aisyah r.a.: Yang sunat dua ekor kambing yang sekupu (sama besar) untuk bayi laki-laki dan untuk bayi perempuan seekor kambing, yang dimasak secara berangkai-rangkai dan jangan dipecah-pecah tulang-tulangnya."

(Diriwayatkan oleh Baihaqi).

3. MEMBERI NAMA ANAK DENGAN NAMA YANG SEBAIK-BAIKNYA.

Kalau hendak memberi nama anak, berilah nama yang sebaik-baiknya menurut aturan agama Islam, jangan hanya baik menurut pendengaran saja, tetapi baik ertinya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اِنَّكُمْ تُدْعَوْنَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِاَسْمَائِكُمْ وَاَسْمَاءِ اٰبَائِكُمْ فَاَحْسِنُوْا اَسْمَائَكُمْ.

رواه ابو داود

"Dari Abu Dardak r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: Sesungguhnya kamu akan dipanggil di hari kiamat, dengan namamu dan nama bapamu, oleh sebab itu hendaknya dipakai nama-nama yang baik."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Adapun nama yang paling disukai oleh Allah adalah:

1. Nama yang paling tinggi mutunya, ialah nama yang dibangsakan kepada nama Tuhan. Umpamanya Abdullah, Abdur Rahman dan lain-lain.

   Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّ اَحَبَّ اَسْمَائِكُمْ إِلَى اللهِ عَبْدُ اللهِ وَعَبْدُ الرَّحْمٰنِ.

رواه مسلم

"Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Sesungguhnya nama yang paling disukai Allah ialah Abdullah dan Abdur Rahman."

(Diriwayatkan oleh Muslim).

2. Nama yang pertengahan baiknya, ialah nama yang dibangsakan kepada Nama-nama Nabi, seperti Muhammad, Idris, Isa dan lain-lainnya.

   Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِيْ وَهْبِ الْجَشَعِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: تَسَمُّوْا بِأَسْمَاءِ الْأَنْبِيَاءِ وَاَحَبُّ الْأَسْمَاءِ اِلَى اللهِ عَبْدُ اللهِ وَعَبْدُ الرَّحْمٰنِ وَاَصْدَقُهَا حَارِثٌ وَهَمَّامٌ وَاَقْبَحُهَا حَرْبٌ وَمُرَّةٌ.

رواه ابو ادود والنسائى بسند صالح

"Dari Abu Wahab Al-Jasya'i r.a., dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Berilah nama anakmu dengan nama nabi-nabi. Dan nama yang paling disukai Allah ialah Abdullah dan Abdur Rahman. Dan nama yang paling benar (boleh dijadikan nama) ialah Haris dan Hammam. Adapun nama yang paling buruk ialah Harab dan Murrah."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud dan Nasai).

Adapun Haris dan Hammam masih dinamakan nama yang baik, kerana nama-nama itu baik ertinya, iaitu Haris, ertinya orang yang bertani, sedang Hammam, ertinya orang yang tinggi cita-citanya.

Adapun Harab dan Murrah, dikatakan nama yang paling keji, kerana ertinya keji pula, iaitu "perang" dan "pahit." Jadi seseorang yang hendak memberi nama kepada seseorang hendaklah sekurang-kurangnya yang bererti baik, dan jangan bererti buruk. Dan seseorang yang hendak membangsakan nama itu kepada nama Tuhan, hendaklah ditambah dengan "Abdu" di depannya, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis di atas.

Sampai di sini selesailah bahagian ibadat dari buku ini. Mudah-mudahan dapat bermanfaat bagi sekalian umat Islam.

Amin, amin ya rabbal'alamin.

Bersambung kepada bahagian Muamalat – Jilid II

DAFTAR KITAB RUJUKAN

1. *Al-Um* oleh Imam Syafii.
2. *Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab.*
3. *At-Tajul Jami' Lil-Usul* oleh Syekh Mansur Nashif.
4. *I'anah At-Talibin* oleh Sayid Al-Bakri.
5. *Al-Bajuri* oleh Syekh Ibrahim Al-Bajuri.
6. *Hasyiyah Qalyubi (Al-Mahalli)* oleh Jalaluddin.
7. *Bughyatul Mustarsyidin* oleh Abdur Rahman Ba-alwi.
8. *Ad-Durarul Mudiyyah* oleh Muhammad bin Ali Asv-Syaukani.
9. *Raudatun Nadiyah* oleh Ali Taib As-Siddiq.
10. *Subulussalam* oleh Muhammad bin Ismail Al-Amiri As-Sun'ani.
11. *Nailul Autar* oleh Muhammad bin Ali bin Muhammad Asy-Syaukani.
12. *Bidayatul Mujtahid* oleh Muhammad bin Ahmad bin Rusydi.
13. *Siratul Mustaqim* oleh Ahmad Zanat.
14. *Naz-hatul Majalis* oleh Syekh Abdur Rahman Al-Asfuri.
15. *Hikmah At-Tsyri'.*
16. *Fat-hul Kabir* oleh Jalaluddin Abdur Rahman bin Abi Bakar As-Suyuti.
17. *Syinwani* oleh Muhammad Syinwani.
18. *Riyadus Salihin* oleh Mahyuddin bin Syaraf An-Nawawi.
19. *Jam'ul Jawami' (Al-Banani)* oleh Imam At-Tajuddin Abdul Wahab.
20. *Nurul Islam* oleh Farid Wajdi.
21. *Rasailul Muniriyah* (kumpulan majalah ilmiah) yang disiarkan oleh Pejabat Percetakan "*Al-Muniriyah*" di Mesir tahun 1343 H.
22. *Sahih Bukhari.*
23. *Sahih Muslim.*
24. *Sunan Abu Daud.*
25. *Sunan Tirmizi.*
26. *Tafsir Al-Khazin* oleh Alauddin Ali bin Muhammad.
27. *Tafsir Ibnu Abbas.*
28. As-Siyasah Asy-Syar'iyah oleh Syekh Abdul Wahab Al-Khallaf.
29. *Al-Majmu' As-Sab'ah Kutub Mufidah.*
30. *Tafsir Syekh Muhammad Abduh.*
31. *Musnad Imam Syafii.*
32. *Tasyri' Janail Islami* oleh Abdul Qadir Audah.